

T.R.M. LEWIS

**CHANGI:**  
**TAHUN-TAHUN**  
**GERHANA**  
1941-1945

TAHUN-TAHUN  
GERHANA

1945  
1945

NONAT-NONAT

AMANDA

1941-1941

**T.P.M. LEWIS**

**CHANGI:**  
**TAHUN-TAHUN**  
**GERHANA**  
**1941-1945**

Penterjemah

**Mohd. Nor Long**

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Kuala Lumpur  
1992

KK 959-5763 5101

Buku ini, asalnya dalam bahasa Inggeris, berjudul *Changi: The Lost Years* diterbitkan oleh Persatuan Sejarah Malaysia dan dicetak oleh United Selangor Press Sdn. Bhd. Kuala Lumpur. Cetakan pertama edisi pertama 1984 diikuti dengan edisi kedua 1989. Terjemahan dalam bahasa Malaysia telah disunting oleh Saleh Daud dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka 1992.

Cetakan Pertama 1992

© Edisi bahasa Inggeris T.P.M. Lewis 1989

© Edisi bahasa Malaysia Dewan Bahasa dan Pustaka 1992

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Mengkatalog-dalam-Penerbitan  
Lewis, T.P.M.

Changi: Tahun-tahun Gerhana  
1941-1945 / T.P.M. Lewis; penterjemah Mohd. Nor Long.  
ISBN 983-62-2747-4

1. World War, 1939-1945--Prisoners and prisons, Japanese. 2. World War, 1939-1945.--Campaigns--Malaya. 3. World War, 1939-1945--Personal narratives, British. 4. Prisoners of war--Great Britain--Biography. 5. Prisoners of war--Singapore--Changi--Biography.  
I. Mohd. Nor Long. II. Judul.  
940.547252095957

Diatur Huruf oleh Dewan Bahasa dan Pustaka  
Muka Taip Teks: Times Roman  
Saiz Taip Teks: 10/12 poin

Dicetak oleh  
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka  
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS  
Ampang/Hulu Kelang  
Selangor Darul Ehsan

\$15.00

m

940.547252095957

LEW

676461

17 NOV 1993  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

PRABATA

## KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	vii
<i>Pengenalannya</i>	ix
<i>Pengenalannya Edisi Bahasa Malaysia</i>	xiii
<b>1. PENGENALAN SEJARAH</b>	
Perhubungan Inggeris-Jepun 1600 - 1941	1
<b>2. MENJELANG PENAHANAN CHANGI</b>	
Perang Tanah Melayu: Disember 1941 - Februari 1942	28
<b>3. KEM TAHANAN CHANGI DAN SIME ROAD</b>	
Sebuah Diari Peristiwa: April 1942 - September 1945	151
<b>4. ORANG PENTING YANG DISEBUT DALAM BUKU INI</b>	424
<i>Lampiran A</i>	429
<i>Lampiran B</i>	433
<i>Lampiran C</i>	437
<i>Lampiran D</i>	445
<i>Lampiran E</i>	451
<i>Glosari</i>	455
<i>Indeks</i>	457



## PRAKATA

*Changi: Tahun-tahun Gerhana* ini merupakan terjemahan edisi kedua buku dalam bahasa Inggeris berjudul *Changi: The Lost Years*, diusahakan oleh Persatuan Sejarah Malaysia kerana adanya sambutan yang baik daripada masyarakat. Untuk menjamin semua peminat memiliki senaskhah buku ini, Persatuan telah berusaha menerbitkan edisi kedua. Ini adalah projek yang besar ertinya terutama kerana buku ini merupakan rekod sejarah yang amat menarik dalam satu tempoh penting bagi sejarah Malaysia, iaitu tahun-tahun peperangan 1941 - 45 apabila negara ini diduduki oleh tentera Jepun yang berjaya merampasnya daripada pihak berkuasa British.

Pengarang buku yang menarik ini T.P.M. Lewis, bekas pendidik yang lama berkhidmat di Tanah Melayu di bawah pentadbiran penjajah Inggeris. Beliau berkhidmat bagi kedua-dua tempoh, sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua. Beliau telah memberi gambaran peristiwa yang pertama semasa perang berdasarkan pengalamannya sendiri yang ditulis dengan teliti di dalam diarinya.

Persatuan Sejarah Malaysia berjaya menerbitkan edisi kedua ini dengan bantuan Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, terutama Ketua Jabatan Profesor Madya Dr. Nik Hassan Shuhaimi, yang kini bertindak sebagai editor Persatuan Sejarah Malaysia. Beliau dengan rakan-rakannya meneruskan usaha murni yang pernah dirintis oleh Profesor Dato' Khoo Kay Kim dan kakitangannya dari Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, pengasas asal projek ini. Profesor Khoo bertanggungjawab menyunting diari Encik Lewis dan menghasilkan edisi pertama dengan jayanya.



Pada asasnya edisi kedua ini sama seperti yang pertama. Hanya edisi kedua ini mengandungi beberapa nota dan nota kaki oleh pengarangnya sendiri. Dalam edisi kedua ini juga dibetulkan segala kesilapan terdahulu seperti ejaan, tambahan pada glosari dan indeks dan dimasukkan bibliografi.

Persatuan Sejarah Malaysia ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Encik Lewis atas usaha gigih yang tidak mengenal penat lelah untuk mengemaskinikan edisi kedua ini. Persatuan juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Profesor Dato' Khoo Kay Kim dan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya; dan Profesor Madya Dr. Nik Hassan Shuhaimi dan Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, atas kepakaran masing-masing menyunting penerbitan edisi pertama dan kedua. Gabungan tenaga pengarang dan editor telah memberi banyak manfaat kepada kita yang amat berminat dalam sejarah Malaysia dan menikmati karangan yang baik serta sebuah dokumen yang lengkap bagi sejarah lampau negara ini.

*Tan Sri Datuk (Dr.) Haji Hamdan Sheikh Tahir*  
*Pengerusi Jawatankuasa Kerja*  
*Persatuan Sejarah Malaysia*  
*24 April 1989*

## PENGENALAN

Beberapa tahun selepas Perang Dunia Kedua, di mana-mana juga bangsa Malaysia akan mengulangi kisah kekejaman yang dilakukan oleh pemerintahan Jepun. Sebenarnya ada beberapa buah buku yang ditulis tentang perkara yang sama. Kebanyakan cerita itu ada kena-mengena dengan penduduk tempatan. Teman-teman dan keluarga mereka yang kena penjara atau tertangkap dalam tempoh pendudukan Jepun telah membantu menyebarkan cerita-cerita berhubung dengan kaedah penyeksaan yang dilakukan oleh askar Jepun. Namun demikian sedikit sekali diketahui tentang pengalaman pahit bangsa Eropah yang ditahan di Penjara Changi.

Tiada siapa pun yang tahu bahawa ada seorang dengan penuh berani telah menyimpan sebuah catatan harian sepanjang penahanannya di Changi. Kini, setelah empat puluh tahun kemudian, diari atau buku harian itu terdedah kepada umum. Pengarangnya memang dikenali oleh generasi muda bangsa Malaysia tetapi kepada mereka yang hidup sepanjang tahun 20-an dan 30-an namanya hampir menjadi sinonim dengan permainan ragbi di Malaysia.

Seperti kebanyakan pegawai dagang yang datang ke negeri ini sebelum Perang Dunia Kedua, T.P.M. Lewis telah terlibat begitu aktif dalam sukan sebelum beliau meninggalkan negaranya. Beliau menjadi kapten pasukan Jesus College, Oxford, dan bermain beberapa kali dalam pasukan Universiti Oxford termasuklah simpanan pertama bagi pasukan itu menentang Universiti Cambridge pada tahun 1925. Beliau adalah ahli pasukan Oxford yang menjelajah Scotland pada tahun 1923 dan 1925, dan juga bermain menentang pasukan Jerman pada tahun 1925. Beliau juga bermain

untuk kelimabelasan London Welsh pada tahun 1923 – 1925 dan sekali lagi pada tahun 1930 – 1931, ketika balik bercuti di negerinya.

T.P.M. Lewis memulakan karya keguruannya di Malaysia pada tahun 1926 di Sekolah Anderson, Ipoh. Sekolah Anderson yang dibuka dengan rasminya pada tahun 1909 adalah sebuah daripada tiga buah sekolah lelaki utama di bandar Ipoh. Beliau mengajar selama empat tahun di sekolah itu dan dalam tempoh itu namanya menjadi harum dalam ragbi dan bermain bagi pasukan Perak pada tahun 1926. Beliau telah mewakili Perak sebanyak sembilan musim. Sebenarnya, kesemua permainan ragbi di Malaysia adalah bagi negeri Perak. Semenjak tahun 1928, beliau selalu mewakili pasukan Utara dalam pertandingan tahunan Utara-Selatan sebagai menandakan tamat musim pertandingan ragbi. Pertandingan itu bermula pada tahun 1928. Beliau bermain sebanyak enam kali bagi pasukan Utara di antara tahun 1928 – 1935, kecuali tahun 1931 kerana bercuti.

Setelah mengajar di Sekolah Anderson, T.P.M. Lewis ditukarkan ke Sekolah King Edward VII Taiping, sebuah sekolah Ingeris yang menempatkan keluarga bangsawan Melayu bersekolah, samalah seperti Sekolah Penang Free dan Sekolah Tinggi Melaka, sehingga tertubuhnya Maktab Melayu Kuala Kangsar pada tahun 1905.

Kedua-dua Sekolah Anderson, Ipoh, dan Sekolah King Edward VII, Taiping, semenjak tahun-tahun awal kewujudannya telah melahirkan ramai ahli sukan yang cemerlang. T.P.M. Lewis telah memainkan peranan penting untuk menjadikan permainan ragbi kegemaran ramai di sekolah. Rakan sejawatnya di Ipoh, Ung Khek Cheow, merupakan orang Asia pertama bermain ragbi untuk negeri Perak. Di Taiping T.P.M. Lewis memulakan sistem pertandingan ragbi antara rumah dan hasilnya beberapa bintang pemain ragbi telah muncul seperti Alladad Khan dan adiknya Yusof Khan serta Ghows adik-beradik, Rashid dan Hanif. Perlu juga disebut bahawa mereka tidak sahaja berjaya dalam ragbi tetapi juga dalam sukan yang lainnya.

Tradisi yang dibina oleh para pendidik seperti T.P.M. Lewis semenjak awal abad ini, bertujuan mengekalkan perimbangan antara pencapaian akademik dengan aktiviti lain dalam usaha melahirkan warganegara yang sihat, bermasyarakat, bertanggungjawab dan berfikiran luas.

Dalam hal yang sama, seorang anggota keluarga T.P.M. Lewis sendiri iaitu adiknya, G.E.D. Lewis, tidaklah pula kurang minatnya dalam permainan ragbi. Walaupun tidak sehebat abangnya, tetapi beliau juga seorang ahli sukan yang cemerlang di setiap sekolah yang beliau menjadi pengetua. Dia akan memastikan keunggulan ragbi tidak pudar di sekolah-sekolah berkenaan. G.E.D. Lewis sebenarnya lebih terkenal dengan buku teks geografi yang dituliskan bersama Profesor (kemudian Sir) L.D. Stamp.

Para pendidik hari ini mungkin akan berasa hairan tentang sifat atau perangai pegawai dagang yang menjadi guru besar. Ini kerana, walau apa pun yang dikatakan terhadap mereka, manamana sekolah di bawah pentadbiran mereka telah melahirkan bukan sahaja ahli sukan yang terkemuka bahkan juga para pegawai yang cemerlang.

Tidak keterlaluan dikatakan bahawa segala keberanian dan ketabahan yang ditunjukkan oleh T.P.M. Lewis ketika di Penjara Changi boleh dikesan daripada permainan ragbi, satu-satunya sukan yang dicintainya. Ragbi tidak semata-mata sebagai satu jenis sukan, ia merupakan lambang keelakian, bahkan selalu dikatakan ragbi permainan bajingan tetapi dimainkan oleh orang budiman. Di kalangan para pemain, sama ada mereka bersama dalam pasukan atau bertentang antara satu sama lain di padang ragbi, ternyata semangat setiakawan selalu kelihatan.

Seseorang itu dikehendaki benar-benar bersemangat kesukanan untuk menikmati permainan ini. Justeru itu, apabila membaca setiap muka diari T.P.M. Lewis, amat nyata sifat kesukanan telah mempengaruhinya dengan begitu mendalam. Memang sukar dikesan unsur permusuhan atau umpatan dalam kata-katanya walaupun beliau tidak dapat menyembunyikan kepedihan dan kesengsaraan yang dialaminya ketika itu yang hampir memusnahkan keseluruhan hidupnya.

Dalam suasana peperangan, T.P.M. Lewis masih dapat berkhidmat dalam perkhidmatan pendidikan sehingga mencapai umur persaraan pada tahun 1955. Perkhidmatannya yang terakhir adalah sebagai guru besar Sekolah Clifford Kuala Kangsar ketika pecah Perang Dunia Kedua. Selepas perang, tugas pentadbirannya adalah di sekitar jabatan pendidikan. Dia bersara sebagai ketua nazir sekolah-sekolah, Singapura.

*Changi: Tahun-tahun Gerhana* adalah sebuah dokumen sejarah yang amat penting. Bukan sahaja buku ini dapat mema-

parkan satu gambaran hidup di sebuah penjara, malah juga dapat membantu menghubungkan segala yang terputus dalam sejarah perang di Malaysia. Dalam beberapa hal pula, terdapat sebuah dokumen "Siapa dan Siapa" lengkap dengan maklumat berguna tentang orang Eropah yang ditahan di Changi dan nama-nama mereka yang terkorban ketika perang. Antara mereka yang terkorban yang dapat dikesan dari diari ini ialah J.H.F. Robson, pengasas *Malay Mail* dan S.M. Middlebrook, pengarang riwayat hidup Yap Ah Loy. Diari ini juga dapat dianggap sebagai tambahan kepada beberapa buah buku yang ditulis tentang pengunduran Inggeris yang tersilap oleh pengarang-pengarang terdahulu sekaligus dapat membetulkannya, terutama mereka yang tiada langsung pengalaman sebenar dalam peperangan itu.

Tidak syak lagi generasi Malaysia hari ini yang semakin jauh sedikit demi sedikit meninggalkan waktu Perang Dunia Kedua, diari ini akan menimbulkan semacam kesedaran umum secara berperingkat-peringkat. Ini terutama kerana inilah satu-satunya rekod penghidupan di Penjara Changi yang boleh didapati. Dengan terbitnya diari ini, T.P.M. Lewis akan mengisi satu ruang sejarah Malaysia, yang mungkin lebih berkekalan daripada sumbangan istimewanya dalam pengembangan ragbi. Cuma, sayang, ragbi tidak dapat bersaing dengan permainan bola sepak yang ternyata lebih kekal sebagai warisan Inggeris dalam negara ini.

Sungguhpun umurnya kini telah meningkat melebihi 80 tahun, tetapi T.P.M. Lewis tetap sebagai penulis yang amat teliti. Beliau membaca kesemua pruf manuskrip dan melengkapinya pula dengan indeks. Boleh dikatakan kesemua catatan ini dilakukannya sendiri. Dengan mudah kita dapat melihat betapa T.P.M. Lewis telah bertanggungjawab atas usaha cemerlang bukan sahaja dalam bidang sukan bahkan juga dalam bidang lain demi kepentingan kemanusiaan. Justeru itu, buku ini tidak semata-mata sejarah perang tetapi juga sebagai bukti adanya seorang orang asing yang membantu untuk mengasas dan menyuburkan pertumbuhan sistem pendidikan Malaysia yang moden.

*Prof. Dato' Khoo Kay Kim*

## PENGENALAN EDISI BAHASA MALAYSIA

Catatan dan surat-surat peribadi tokoh-tokoh tertentu mempunyai kedudukan yang istimewa sebagai sumber sejarah. Kepentingannya dapat dilihat dari segi fungsi serta peranannya untuk memberikan satu perspektif pensejarahan yang wajar kepada sesuatu peristiwa sejarah khususnya dan aliran pensejarahan itu sendiri umumnya.

Penggunaan catatan harian serta surat-surat peribadi sebagai sumber pensejarahan ini bukanlah sesuatu yang baru dalam usaha menganalisis sejarah, contohnya; untuk melihat perkembangan negeri-negeri Melayu tradisi dan permulaan pertapakan pengaruh British di Tanah Melayu dalam abad ke-19, catatan-catatan peribadi J.W.W. Birch dalam buku hariannya dapat membantu sejarawan dan peminat-peminat sejarah yang ingin melihat fenomena politik dan sosial di negeri-negeri Melayu itu. Catatan harian beliau telah dikumpul dan dianalisis oleh Dr. P. L. Burns, seorang ahli sejarah di Universiti Adelaide, Australia dan diterbitkan pada tahun 1976 (*The Journal of J.W.W. Birch: First British Resident to Perak 1874 - 1875*. Kuala Lumpur: Oxford University Press).

Walau bagaimanapun, buku *Changi: Tahun-tahun Gerhana* karangan T.P.M. Lewis yang merupakan terjemahan daripada *Changi: The Lost Years, A Malayan Diary 1941 - 1945*, sebuah monograf sejarah terbitan Persatuan Sejarah Malaysia (1984) mempunyai beberapa keistimewaan yang tersendiri. Kalaulah catatan harian J.W.W. Birch memberikan gambaran tentang langkah pertama dan pertapakan awal British di negara ini, catatan T.P.M. Lewis pula adalah tentang persekitaran dalam sebuah penjara yang menempatkan orang Eropah sebagai tawanan perang Jepun. Dan di sinilah letaknya keistimewaan buku ini kerana "ia merupakan

satu-satunya diari yang memberikan gambaran kesulitan, kekuatan dan keberanian orang-orang tawanan." (*New Straits Times*, 24 Jun 1989).

Dari sudut masa dan suasanaanya pula, jika catatan harian J.W.W. Birch ditulis di bilik kerjanya di Pejabat Residen, catatan harian T.P.M. Lewis pula dilaksanakan semasa beliau berada dalam tahanan di Penjara Changi, Singapura dan seperti kata Prof. Dato' Khoo Kay Kim, inilah satu-satunya rekod yang menggambarkan tentang kehidupan di sebuah tempat tahanan perang iaitu Penjara Changi.

Dari sudut penerbitannya pula, kalaulah J.W.W. Birch menyerahkan buku catatan harian kepada anaknya dan dengan kebenaran warisnya pula isi buku itu dianalisis oleh P.L. Burns dan diterbitkan setelah beberapa tahun selepas kematiannya, tidak begitu halnya dengan T.P.M. Lewis. Dari segi penulisan, T.P.M. Lewis terpaksa menulis buku catatan hariannya dalam keresahan kehidupan di bilik penjara sebagai orang tawanan perang. Buku catatan harian itu pula terpaksa ditanam di satu kawasan khas di penjara berkenaan dan apabila perang tamat, beliau kembali semula ke situ untuk menggali dan mengambilnya. Naskhah asal itu ditaip semula, diberikan lakaran peta serta indeks dan kemudian diserahkan kepada anak muridnya, iaitu Y.Bhg. Tan Sri Datuk Dr. Haji Hamdan Sheikh Tahir (sekarang Tuan Yang Terutama Tun Datuk Sri) yang menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kerja Persatuan Sejarah Malaysia ketika itu untuk diterbitkan. Peristiwa ini merupakan satu penghormatan besar kepada Persatuan Sejarah Malaysia khususnya dan kepada masyarakat Malaysia umumnya kerana "*Changi: Tahun-tahun Gerhana* adalah sebuah dokumen sejarah yang amat penting. Bukan sahaja buku ini dapat memaparkan satu gambaran hidup di sebuah penjara, malah juga dapat membantu menghubungkan segala yang terputus dalam sejarah perang di Malaysia." (Khoo Kay Kim 1984. *Changi: The Lost Years, A Malayan Diary 1941 - 1945*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia).

Dari sudut penyebarannya pula, buku ini mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan pembaca di England, Australia dan Amerika Syarikat. Ia merupakan bahan bacaan yang diminati oleh bekas-bekas tentera British yang kini masih ada di England, khususnya mereka yang terlibat secara langsung dalam Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu.

Melihat sambutan yang demikian, Persatuan Sejarah Malaysia berasa adalah wajar ia diterbitkan dalam edisi bahasa Melayu supaya pembaca tempatan juga berpeluang membacanya. Dalam hubungan itu, saya mengucapkan terima kasih kepada T.Y.T. Tun Datuk Sri Dr. Haji Hamdan Sheikh Tahir kerana beliaulah pencetus idea awal supaya diusahakan penerbitan buku ini dalam bahasa Melayu dengan kerjasama pihak Dewan Bahasa dan Pustaka. Pada hemat saya, walaupun catatan tersebut merupakan sebuah catatan dari sudut pandangan orang Inggeris, ia amat bermanfaat untuk kita bagi menghayati derita sengsara kehidupan tahanan perang di sebuah penjara.

Saya bagi pihak Persatuan Sejarah Malaysia mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dato' Haji Jumaat bin Dato' Haji Mohd. Noor, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah memberikan sepenuh kerjasama untuk menjayakan penerbitan buku ini. Ucapan yang sama juga saya tujukan kepada Tuan Haji Mohd. Nor Long, penterjemah buku ini atas usaha gigih beliau. Begitu juga dengan Tuan Haji Shaari Abdullah, Tuan Haji Abu Bakar Mohamad, Tuan Haji Saleh Daud serta Encik Johan Jaaffar daripada Dewan Bahasa dan Pustaka yang menyelaraskan penerbitan buku ini. Tanpa kerjasama mereka, mustahil buku *Changi: Tahun-tahun Gerhana* ini berada di tangan anda sekarang!

*Datuk Haji Omar bin Mohd. Hashim*  
*Pengerusi Jawatankuasa Kerja*  
*Persatuan Sejarah Malaysia*

*Kuala Lumpur*  
*10 Januari 1992*





# 1


## PENGENALAN SEJARAH Perhubungan Inggeris-Jepun 1600 - 1941

Bangsa Eropah yang pertama melawat Jepun ialah satu pasukan Portugis yang tiba dengan sebuah tongkang Cina pada tahun 1542. Mereka sebelum ini telah pun tiba di negeri China seawal-awalnya pada tahun 1513. Pada tahun 1549 St. Francis Xavier, mubaligh Portugis yang masyhur, telah sampai ke Jepun dan berhasil memujuk penduduk di situ memeluk agama Kristian.

Rekod pertama orang Inggeris yang tiba di Jepun tercatat nama William Adams, berasal dari Gillingham, Kent. Pada bulan April 1600, sebuah kapal Belanda tiba dengan anak-anak kapal yang hampir mati setelah mengalami satu pelayaran yang lama dan bergelora. Adam diambil bekerja dalam kapal ini sebagai tukang buat kapal sekaligus pemandu. Dia telah meringkuk dalam penjara selama enam minggu pertama, tetapi setelah disoal siasat oleh Maharaja Iyekasa, dia telah dibebaskan dan kemudian dia naik begitu cepat menjadi kesayangan Maharaja kerana kemahirannya membuat kapal.

Dengan kemahiran sedemikian, dia telah mengajar rakyat Maharaja seni membina kapal sehingga kapal-kapal buatan Jepun dapat belayar hingga ke India dan Peru. Jasa Adam amat besar dan dalam masa yang singkat dia telah memberi sumbangan besar dalam pertumbuhan ekonomi kebangsaan, dan justeru itu dia tidak dibenarkan kembali ke Eropah menemui keluarganya. Malah dia telah dikurniakan sebuah ladang di Jepun. Pada tahun 1613, Adam mendapat tahu penubuhan Syarikat India Timur (diasaskan pada tahun 1600). Dia telah memujuk Maharaja untuk membenarkan Syarikat membina sebuah loji di Firando.<sup>1</sup> Adam juga memasuki

1 Lihat Peta I.



Peta 1 Jepun dan Timur Jauh 1941

perkhidmatan Syarikat dengan gaji sebanyak £100 setahun.

Malangnya Maharaja Iyekasa mangkat pada tahun 1616. Penggantinya mula menindas rakyatnya yang beragama Kristian kerana pegawai-pegawai Jepun jemu dengan perbalahan kecil di antara mazhab Kristian yang tidak habis-habis – Roman Katolik yang disokong oleh rakyat Portugis dan Sepanyol dengan mazhab Protestan yang disokong oleh Inggeris dan Belanda.

Apabila Adam meninggal dunia pada tahun 1620, dia meninggalkan hartanya sama banyak di antara keluarga Inggerisnya dengan isterinya berbangsa Jepun dan dua orang anak. Harta itu dikumpulkannya selama 20 tahun dia tinggal di sana. Satu hal yang menarik ialah sebatang jalan di Yedo<sup>2</sup> dinamakan Pilot Street sebagai mengenang jasanya dan satu pesta rakyat diadakan tiap-tiap tahun bagi mengingati orang Inggeris pertama yang pernah tinggal bekerja dan mati di Jepun.

Suasana politik yang tidak menyenangkan akibat penindasan terhadap orang Kristian itu, menyebabkan loji Inggeris di Firando ditutup, iaitu selepas tiga tahun kematian Adam. Pada tahun 1638 Maharaja Jepun memerintahkan supaya rakyat asing dihalau keluar, dan yang tinggal hanyalah sebuah loji Belanda yang kecil di sebuah pulau kecil Deshima di Teluk Nagasaki. Semenjak itu, selama 200 tahun yang menakjubkan, Jepun boleh dikatakan terputus langsung dengan kesemua perdagangan Eropah dan dunia luar. Orang Eropah tidak dibenarkan mendarat di Jepun sementara orang Jepun tidak dibenarkan mengembara ke luar negeri dan cuma kapal-kapal kecil pelayaran pantai sahaja dibina di limbungan Jepun. Bangsa Jepun seolah-olah tinggal di sebuah cakera-wala asing. Sementara itu bangsa Jepun menyerah diri selama 200 tahun kepada pemerintahan feodal oleh kaum bangsawan, yang disokong oleh 'samurai' atau wira-wira yang bermaharajalela dengan sewenang-wenang ke atas 95% keseluruhan penduduk.

Shingga tahun 1837 pemencilan ini terbuka apabila sebuah kapal asing yang mengibarkan bendera bintang dan jalur memasuki Teluk Yedo dengan tujuan menghantar pulang beberapa orang kelasi kapal Jepun yang karam. Tetapi kapal ini juga ditembak lalu dihalau keluar.

Pada tahun 1849, sebuah lagi kapal Amerika tiba kerana menuntut pulang 18 orang kelasi kapal Amerika yang karam dan

2 Nama Tokyo purba.

kapal ini juga dihalaui keluar dengan tembakan meriam.

Pada tahun 1853, hal demikian sudah memuncak apabila Komodor Perry tiba dengan empat buah kapal perang berlabuh di perairan larangan sambil mengirim utusan kepada dua pemerintah bersama yang berkuasa di Jepun ketika itu. Setahun kemudian Perry datang lagi dan kali ini dengan sepuluh kapal perang Amerika. Orang Jepun berasa agak hairan kerana bukan sahaja adanya meriam besar terpasang di atas kapal itu tetapi kapal itu sendiri digerakkan oleh kuasa wap. Komodor Perry kemudiannya terus berlabuh dan mendaratkan seramai 500 orang pengawal untuk mengawalnya ketika dia mendarat sambil memaksa Jepun menerima satu persetujuan dagang dan persahabatan.<sup>3</sup> Selepas persetujuan ditandatangani satu keistimewaan berlaku apabila perunding-perunding Jepun dihadiahi cenderamata iaitu sebuah telegraf elektrik, sebuah kereta api kecil dan sepeti wiski.

Kemasukan Amerika ke dunia Jepun segera diikuti oleh kapal-kapal Rusia, Belanda dan Inggeris. Contohnya, pada tahun 1863 seorang rakyat British dibunuh dalam satu pergaduhan di sebatang jalan sebuah pekan. Pekan itu kemudiannya telah dibedil dengan tembakan meriam oleh sebuah angkatan laut British. Di sekitar masa yang sama seorang bangsawan Jepun berasa sesuai untuk menembak kapal-kapal asing di Selat Shimonosiki. Akibatnya dia telah dihukum dengan tembakan meriam ke atas ibu kota dan kumpulan wira "samurai"-nya oleh sebuah angkatan perang gabungan empat negara: British, Perancis, Belanda dan Amerika Syarikat. Pada tahun 1865 sebuah lagi angkatan bersekutu memasuki Teluk Osaka dan memaksa Jepun membuka pelabuhannya seluas mungkin untuk perdagangan dunia.

Dalam kes pembunuhan seorang rakyat British, pertikaian itu telah menghasilkan satu keputusan yang tidak diduga. Seorang Inggeris bernama Charles Richardson enggan turun dari kuda yang ditunggangnya ketika melewati satu perarakan wira "samurai" kepunyaan Panglima Satsuma. Dia telah diserang dan dibunuh kerana keangkuhannya itu. Panglima Satsuma enggan membayar ganti rugi yang dituntut; akibatnya tujuh buah kapal British membedil ibu kotanya di Kagoshima. Di luar jangkaan, orang Jepun tidak pula menunjukkan rasa marah, sebaliknya mereka menun-

3 Persetujuan itu telah bersetuju membenarkan dua pelabuhan Jepun dibuka untuk berdagang dengan kapal-kapal Amerika.

jukkan sentimen yang berbeza, dengan mengagumi kehebatan kuasa dan kecekapan kapal-kapal British itu. Tidak lama selepas itu wira-wira "samurai" yang muda dihantar dari Satsuma ke Britain untuk berlatih sebagai kadet tentera laut dan kapal-kapal tentera laut dibeli dari limbungan kapal British. Demikianlah satu permulaan yang aneh, dengan meniru sedekat mungkin latihan dan kaedah Tentera Laut Diraja telah membawa kepada penubuhan dan perkembangan Tentera Laut Imperial Jepun.

Tiga puluh tahun berikut, terlihat satu perubahan yang meranjatkan berlaku di Jepun. Pada tahun 1865 Jepun merupakan sebuah negara zaman pertengahan bertunjang kepada pemerintahan feodal oleh kaum bangsawan dan mendapat khidmat "samurai", tetapi pada tahun 1895 Jepun telah menjadi sebuah negara teknologi kebaratan yang meletakkannya sama taraf dengan negara-negara maju di Eropah. Britain dan Amerika Syarikat umumnya melihat kebangkitan Jepun dengan penuh simpati dan hormat, tetapi tiga lagi kuasa besar iaitu Rusia, Perancis dan Jerman bersekutu untuk menentang atau sekurang-kurangnya berusaha untuk menyekat kemajuan Jepun.

Demikianlah halnya apabila Jepun mengalahkan China dalam perang China-Jepun tahun 1894 - 95, Jepun telah disekat oleh perikatan ini daripada membolot segala hasil kemenangannya. Jepun dipaksa mengembalikan Semenanjung Liao-Tung dan pelabuhan kubu utama Port Arthur kepada China, kecuali Korea dan Formosa (Taiwan). Tetapi para pengajar tentera laut berbangsa Inggeris sudah tentu berpuas hati cara tentera laut Jepun membinasakan angkatan laut China yang lebih besar tetapi kurang latihan di kuala Sungai Yalu di Korea.

Rasa cemburu melihat Jepun bangkit begitu mendadak barangkali telah mempercepat pendudukan kuasa-kuasa Eropah di beberapa bahagian negeri China. Pada tahun 1898, Jerman menakluki Kiao Chow, sebahagian Semenanjung Shantung. Sementara itu Rusia mengambil alih Semenanjung Liao-Tung (yang memaksa Jepun mengembalikannya kepada China pada tahun 1895), telah memaksa China bersetuju menyambung jalan kereta api Rusia *Trans-Siberian Railway* hingga ke Port Arthur, dan menduduki seluruh Manchuria pada tahun 1900. Britain pula dapat meraih Wei-hai-wei menjadi miliknya pada tahun 1898 sebagai mengimbang pendudukan Rusia di Port Arthur.

Rusia ternyata sebagai penentang yang paling bahaya bagi

Jepun kerana Rusia satu-satunya kuasa besar yang paling dekat dengan negaranya dan boleh menggugat keselamatannya. Pada tahun 1904 perang berlaku di antara kedua-dua negara, apabila Tentera Laut Imperial Jepun menyerang sebelum perang diisytiharkan seperti yang biasa dilakukan sebelum itu. Jepun melakukannya pada permulaan perang China-Jepun tahun 1894-95 dan mereka mengulanginya lagi ketika menyerang Pearl Harbour pada tahun 1941. Pada tahun 1904 sebuah angkatan peminasa Jepun membuat satu serangan mengejut ke atas angkatan laut timur Rusia yang sedang berlabuh di luar Port Arthur dan telah membinasakan dengan teruk tiga buah kapal perang Rusia. Perang hanya diisytiharkan secara rasmi empat hari kemudian.

Angkatan Rusia tidak dipimpin dengan baik dan gerakan perang mereka di sebelah timur amat terbatas kerana bergantung semata-mata pada *Trans-Siberian Railway* yang punya satu landasan. Angkatan laut Baltik Rusia yang mengelilingi benua Afrika dan tiba di Selat Tsushima telah dimusnahkan oleh Laksamana Togo yang memerintah tentera laut buatan dan latihan British keseluruhannya. Pelabuhan Rusia untuk semua musim, Port Arthur, telah dikepung dan ditawan oleh satu angkatan tentera darat Jepun dengan mengorbankan seramai 60 000 orang. Pada tahun 1905 Tsar terpaksa menerima kekalahan ini dan menuntut berdamai, dengan menggugurkan tuntutan ke atas Korea dan Manchuria dan setuju Jepun mengekalkan Port Arthur.

Inilah kali pertama sebuah kuasa Timur dapat mengalahkan sebuah kuasa Eropah, satu kekuatan yang membimbangkan kuasa-kuasa besar kecuali Britain. Britain telah mengadakan perikatan Ingeris-Jepun pada tahun 1902 dan membaharui perjanjian itu untuk tempoh selanjutnya pada tahun 1907 dan 1911. Matlamat utama perikatan ini dari sudut pandangan British ialah untuk melindungi kepentingannya di Timur Jauh daripada rancangan Rusia di kawasan itu. Dengan demikian kekuatan utama tentera British dapat dikekalkan di Eropah untuk menghadapi ancaman Jerman. Justeru itu, apabila Perang Dunia Pertama meletus pada tahun 1914, milik British di Timur Tengah keseluruhannya mendapat perlindungan tentera laut Jepun. Sebenarnya, pasukan marin Jepun memainkan peranan penting dalam membanteras dahagi tentera India di Singapura pada tahun 1915. Unit-unit tentera laut Jepun juga membantu mengesan kapal-kapal penyerang Jerman seperti *Emden* dan mengiringi tentera Anzac ke kawasan perang Timur Tengah.

Dengan sebab-sebab tersendiri, Jepun mengisytiharkan perang ke atas Jerman sekalipun Perikatan tidak turut menyertainya. Beberapa buah pulau milik Jerman di Pasifik, dianggap amat strategik bagi Jepun, telah ditawan, juga Tsingtao, kubu Jerman di daerah Kiao Chew. Semua itu tinggal kekal menjadi milik Jepun dalam Perdamaian Versailles tahun 1919.

Penglibatan kuasa-kuasa besar dalam Perang Dunia telah memberi peluang keemasan kepada Jepun untuk campur tangan sekali lagi dalam hal-ehwal China. Apa yang dinamakan "Tuntutan Dua Puluh Satu" dibuat pada bulan Januari 1915 dengan tujuan membolehkan Jepun menguasai sepenuhnya ke atas kerajaan China. Ketika itu China tidak berupaya membuat sesuatu kecuali mengemukakan bantahan tetapi dasar ini telah mengeruhkan perhubungan antara Jepun dengan negara-negara yang bertutur bahasa Inggeris. Percubaan Jepun untuk menyekat atau menyingkirkan perdagangan negara-negara lain di daerah-daerah yang dikuasainya telah menimbulkan perselisihan yang sengit. Lebih menyakitkan lagi ialah tuntutan Jepun untuk mendapatkan kemudahan imigresen bagi rakyatnya yang ingin memasuki Amerika Syarikat dan Australia, juga keengganan negara-negara berkenaan memberi hak yang sama kepada rakyat Jepun seperti rakyat negara-negara tersebut.

Atas desakan Amerika Syarikat, perikatan Inggeris-Jepun tidak diperbaharui pada tahun 1921 dan sebagai langkah menutup malu Persahabatan Kuasa di antara Britain, Jepun, Perancis dan Amerika Syarikat ditandatangani di Washington sebagai gantinya. Jepun dengan secara rahsia hilang pengaruh apabila Perikatan ditamatkan kerana selama ini ia menganggap Perikatan sebagai simbol penerimaannya sebagai kuasa bertamadun.<sup>4</sup> Mulai sekarang Jepun berasa bebas berbuat apa jua demi kepentingan dirinya tanpa memikirkan kepentingan orang lain dan tanpa dihalang oleh pertimbangan lain. Pakatan itu diikuti pula dengan persetujuan tentera laut yang menghadkan saiz dan bilangan kapal induk kuasa-kuasa maritim yang utama. Kadar berat yang dipersetujui ialah 5:5:3 bagi Britain, Amerika Syarikat dan Jepun, sementara Perancis

4 Seorang jeneral Jepun membuat ulasan dengan tepat dan jelas kepada atase Tentera British di Tokyo, "Anda membuat perikatan dengan kami pada hari Ahad, anda melanggar pada hari Isnin dan memulakan pangkalan pada hari Selasa. Sudah jelas maksudnya bahawa anda tidak mempercayai kami."



dan Itali bersetuju dengan kadar 1.75 tiap-tiap satu. Satu lagi ayat selanjutnya dalam perjanjian yang menyebut bahawa pangkalan tentera laut baru tidak dibenarkan dibina berdekatan dengan Jepun dari Singapura atau Sydney di Australia.

Britain telah pun membuat keputusan bahawa pangkalan tentera lautnya di Hong Kong tidak begitu lengkap untuk keperluannya atau mampu sebagai pangkalan utamanya di Timur Jauh. Sebenarnya Laksamana Jellicoe telah melawat Timur Jauh pada tahun 1919 untuk mencari satu tapak alternatif dan telah mengesyorkan Sydney di Australia dengan Singapura sebagai pangkalan hadapan. Jabatan Pertahanan Imperial telah menolak cadangan itu dan pada tahun 1923 Kabinet memilih Singapura. Pembinaan pangkalan tentera laut di Singapura bermula di atas tapak yang ada sekarang, dan kos pembinaannya disumbangkan oleh kerajaan New Zealand sebanyak £1 juta. Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu menyumbang dua kali ganda daripada jumlah itu. Bagaimanapun, pada tahun 1924 kerja pembinaan dihentikan oleh Kerajaan Buruh pertama atas alasan ekonomi,<sup>5</sup> tahun 1925 dikemukakan semula apabila Kerajaan Konservatif kembali memerintah. Namun kemudiannya kerja pembinaan diperlahankan apabila sekali lagi Kerajaan Buruh terpilih pada tahun 1919. Tetapi kerja berjalan dengan lambat sehinggalah tahun 1933 apabila satu pengumuman rasmi dibuat bahawa pangkalan itu akan siap menjelang 1935.

Sementara itu timbul perselisihan pendapat tentang bagaimana mempertahankan pangkalan itu sebaik mungkin apabila siap nanti. Pakar-pakar tentera laut berpendapat bahawa pangkalan itu dijangka dapat mempertahankan sebarang kepungan selama 70 hari sehingga tiba bantuan angkatan tentera laut Britain utama dari Eropah. Tempoh 70 hari itu merupakan satu jangka waktu paling lama yang diperlukan menurut pakar-pakar untuk membolehkan angkatan laut tiba di Singapura dari Britain. Tetapi anggaran ini dibuat dengan andaian bahawa Britain tidak terlibat dengan perang di Eropah pada waktu itu, satu faktor yang dilupakan oleh pakar-pakar dalam pertimbangan berikutnya. Juga mereka tidak terfikir bahawa Jepun yang mempunyai rekod amat mengagumkan pernah menyerang pangkalan-pangkalan tentera laut di Timur Jauh. Port Arthur yang kebal dari serangan arah darat dan laut

---

5 Satu lagi faktor kelengahan ialah pandangan rasmi bahawa Perang Dunia tidak akan terjadi dalam tempoh 10 tahun akan datang.

telah dapat ditawan oleh Jepun pada tahun 1904 dengan mengorbankan 60 000 orang dan telah memeranjatkan dunia. Pada tahun 1914 Jepun menawan pangkalan laut Jerman di Tsingtao dalam serangan selama sebulan.

Sebaliknya, pakar Tentera Udara Diraja dan terutama Lort Trenchard, Ketua Turus Tentera Udara, berpendapat bahawa pertahanan pangkalan yang dicadangkan semata-mata oleh tentera laut, dengan dibantu beberapa meriam besar, adalah satu cara yang lapuk. Mereka mahu pertahanan pangkalan laut ditambah dengan pesawat pengebom torpedo yang dapat menyerang angkatan laut musuh ketika berada sekitar 150 batu di laut. Berbeza daripada kapal perang, bantuan pesawat pengebom torpedo dapat diterbangkan terus dari India dengan menggunakan rangkaian lapangan terbang seperti Tavoy, Mergui dan Victoria Point<sup>6</sup> dan tiba di Singapura selama empat hari, bukan 70 hari!

Satu yang terpenting tetapi sedikit sekali disebut dan pernah disuarakan oleh pakar-pakar tentera darat ialah kemungkinan serangan musuh melalui jalan darat sepanjang Semenanjung Tanah Melayu dari Siam.<sup>7</sup> Atas sebab-sebab tertentu, pihak berkuasa tentera amat yakin bahawa Semenanjung yang dipenuhi hutan rimba dan tidak mudah ditembusi akan menjadikan serangan melalui darat tidak praktikal. Satu pengecualian terhormat daripada pendapat ini ialah Jeneral Sir William Dobbie, Pegawai Pemerintah Tentara Tanah Melayu pada tahun 1936 – 37. Atas arahnya, satu garis pertahanan hendaklah benar-benar bermula di Johor Selatan untuk mengawal pangkalan dari arah darat sebelah utara tetapi

6 Tetapi apabila meletus Perang Jepun, pasukan Jepun telah memecahkan rangkaian itu dengan menawan Victoria Point pada 15 Disember 1941. Semenjak itu, kapal terbang hanya dapat diterbangkan ke Tanah Melayu melalui Sabang di Sumatera atau dihantar melalui laut. Sementara itu, lapangan terbang baru diarahkan pembinaannya di Seletar di Singapura pada tahun 1926.

7 Hal ini tidak benar. Tahun 1937 Percival adalah staf Jeneral Dobbie di Markas Tentera Tanah Melayu di Singapura. Dia pernah mengemukakan satu rancangan serangan ke atas Singapura dari sudut pandangan Jepun. Rancangan itu diluluskan oleh Jeneral Dobbie dan diserahkan di Pejabat Perang oleh Percival ketika dia pulang ke United Kingdom pada hujung tahun itu. Anehnya rancangan itu tidak berbeza sangat daripada yang ditiru oleh Jepun apabila menyerang Tanah Melayu empat tahun kemudian, sebagai tambahan kepada ulasan Percival, semasa dia sendiri menjadi Pegawai Pemerintah Tentera Tanah Melayu.

rancangan ini terpaksa dibatalkan kerana kekurangan wang.<sup>8</sup>

Sementara itu, pandangan Lord Trenchard dan pakar Tentera Udara Diraja, juga diketepikan dan satu penyelesaian secara tolak ansur dipersetujui iaitu pertahanan meriam 15 inci dipasang tetap sebagai unsur pertahanan yang paling mustahak.<sup>9</sup> Malangnya meriam yang dicadangkan itu tidak pernah dibedil ke arah yang dirancangan kerana tidak terdapat kapal musuh sebagai sasaran dalam lingkungan tembakan meriam.<sup>10</sup> Sementara itu pantai utara Singapura tertinggal dalam keadaan tanpa pertahanan langsung walaupun selepas pecah perang pada tahun 1941. Satu ulasan pahit oleh Churchill dan patut diulangi: "Kemungkinan Singapura tiada pertahanan arah darat tidak lagi termasuk akal yang seolah-olah sebuah kapal perang dilancarkan tanpa bahagian bawah."

Sementara itu rancangan Jepun mengambil alih perdagangan China secara beransur-ansur diteruskan tanpa sebarang penentangan. Pada bulan September 1931 Jepun berpura-pura menawan Mukden lalu memulakan perang. Menjelang Januari 1932 Jepun berjaya menduduki kesemua wilayah China Manchuria lalu menamakan semula Manchuko sebagai negara boneka Jepun. Bantahan yang dibuat kepada Liga Bangsa-bangsa pada tahun 1933 terbukti gagal kerana Britain sedang mengalami kemelesetan dan kekuatan tenteranya jatuh merosot. Justeru itu sukar baginya menentang cita-cita pengembangan wilayah oleh Jepun. Sebalik-

---

8 Sebenarnya, beberapa kotak konkrit dengan perbelanjaan sebanyak £23 000 telah terbina, sebelum pengganti Dobbie, Jeneral Bond membatalkan keseluruhan rancangan itu.

9 Sultan Johor telah membayar sebuah daripada meriam 15 inci dalam Pasukan Tentera Meriam Johor dan diperkenankan untuk membuat bedilan pertama dalam upacara perasmian (tiga laras meriam itu telah dipasang pada tahun 1926, dua lagi menjelang 1939).

10 Tetapi biasanya mereka mempercayai bahawa meriam telah ditempatkan dalam satu kedudukan yang tidak boleh ditembak ke arah darat. Ini dikecam hebat oleh Brigedier Bidwell yang berada di Singapura ketika itu. Menurutnyanya kebanyakan meriam itu boleh ditembak ke kedua arah, laut dan darat, dan ini dapat dilakukan sehinggalah disenyapkan oleh ledakan bom musuh dari udara atau kehabisan peluru. Masalahnya ialah peluru ledakan yang mengandungi serpihan tajam akan hanya mengakibatkan lubang-lubang besar di bumi tetapi sedikit sekali dapat membinasakan kumpulan tentera kecuali kalau kena tepat. Biar apa pun terjadi, menurut Leftenan Kolonel Hipkin, tiga laras meriam 9.2 inci di Belakang Mati telah membedil sebanyak 583 butir peluru ke arah sasaran di antara Tambak Johor dan Lembah Bukit Timah antara 11 Februari dan 14 Februari. Hasilnya tidak pernah direkodkan kerana perhubungan terputus.

nya, Jepun menyertai Pakatan Anti-Koumintang Antarabangsa menentang Rusia pada tahun 1935, sekaligus mendapat rakan berguna yang terdiri daripada Jerman dan Itali. Oleh itu, Jepun berasa yakin bahawa tiada sebuah pun negara demokrasi yang sanggup campur tangan atas dasar pengembangan wilayah di China.

Pada tahun 1935, Jepun memasuki China Utara dan menjelang 1937 mengambil alih bandaraya terpenting di China iaitu Peking, Nanking dan Tientsin (Ini menimbulkan kemarahan di Britain kerana rakyat British dipaksa berbogel dan ditempeleng di jalan-jalan oleh tentera Jepun). Jepun berharap agar pemimpin China, Chiang Kai Shek, akan terpaksa menyerah diri, tetapi hal ini tidak berlaku. Sebaliknya Chiang Kai Shek mengarahkan orang-orangnya supaya berundur secara teratur ke pedalaman China "menjual ruang untuk waktu", lalu menubuhkan kerajaannya di Chungking. Bekalan bahan perang sentiasa datang dari Mandalay di Burma berterusan sampai kepada Chiang Kai Shek untuk selama empat tahun seterusnya melalui Jalan Burma yang baru dibuka. Akhirnya peristiwa pada tahun 1941 menyebabkan Chiang Kai Shek mendapat bantuan yang amat kuat dari Britain dan Amerika Syarikat yang berjuang menentang musuh bersama dan mengusir ancaman bertalu-talu ke China oleh jirannya yang menceroboh.

Tetapi dari sudut pandangan Britain perang yang meletus di Eropah pada tahun 1939, sama sekali telah mengubah keadaan strategi yang mempengaruhi pangkalan laut Singapura dan memusnahkan segala perhitungan para pakar mengenai pertahanan.

Pertama sekali, Britain tidak lagi bebas mengirimi angkatan laut utama untuk memberi bantuan. Sebaliknya Britain sedang terlibat dalam pergelutan menentukan hidup atau matinya demi kewujudannya di Eropah. Tidak lama kemudian Britain akan melancarkan satu kempen perang di Afrika Utara dan mengerah sebahagian besar angkatan laut untuk membolehkan Laut Mediterranean sentiasa terbuka kepada lalulintas. Bahkan Britain juga mesti melindungi pelayaran kapal-kapalnya ke beberapa tempat di dunia, terutama merentasi Atlantik dan ke Rusia. Kesemuanya ini mesti dilakukan atas usaha sendiri dan tanpa mendapat bantuan dari Angkatan Laut Perancis yang sepatutnya memberi bantuan. Keadaan ini telah berubah apabila Jepun membebaskan lagi tanggungjawab Britain dengan bermulanya perang pada bulan Disember 1941.

Kedua, selepas Julai 1940 tentera penyerang Jepun tidak lagi

berpangkalan di negeri Jepun sejauh 3000 batu untuk menyerang Semenanjung Tanah Melayu. Kejatuhan Perancis diikuti segera dengan pendudukan Jepun di bahagian utara Indo-China milik Perancis pada Ogos 1940 dan bahagian selatan pada bulan Julai 1941. Seorang bernama Kolonel Tsuji bergerak ke selatan Indo-China pada bulan September 1941, satu gerakan penting kerana dialah sebenarnya ketua perancang ketenteraan Jepun untuk melanggar Tanah Melayu. Dia kemudiannya menulis sebuah buku yang menggambarkan penaklukan Singapura menurut kaca mata Jepun.

Tindakan mencero boh wilayah terpenting ini telah memungkinkan Jepun mendapat sebuah pangkalan laut kelas satu yang cuma 750 batu dari pangkalan Singapura. Dan, Tentera Udara Imperial Jepun mendapat pangkalan yang jaraknya cuma 300 batu dari Kota Bharu, bandar yang paling dekat di Semenanjung Tanah Melayu, dan hanya 600 batu dari kota raya Singapura.

Sementara itu apakah langkah yang diambil oleh Britain untuk menentang ancaman yang sedang meningkat ini? Pada 15 Februari 1938, Gabenor Sir Shenton Thomas, dengan rasminya membuka limbungan penting bernilai £1 juta di pangkalan laut Limbungan yang besar ini boleh menampung kapal perang terbesar dalam tentera laut atau kapal *Queen Mary* (Sebenarnya telah memasuki limbungan itu beberapa tahun kemudian).<sup>11</sup> Kisah yang menjadi buah mulut ketika itu tentang bagaimana gambar rasmi upacara perasmian dan pangkalan itu sendiri telah diberikan kepada jurufoto bangsa Jepun yang terkenal untuk dicuci (Ketika itu sangat kurang jurufoto bukan bangsa Jepun). Apabila disedari akan hal itu, mereka tergesa-gesa mengambil gambar itu semula, tetapi ketika itu gambar foto upacara perasmian dan pangkalan itu sedang dalam perjalanan menuju Tokyo.<sup>11a</sup>

11 Apabila sebahagian daripada *8th Australian Division* tiba pada bulan Februari 1940.

11a Lama sebelum perang, Jepun telah mengadakan satu rangkaian pengintip yang cekap lagi menyeluruh di Tanah Melayu. Tiap-tiap bandar, besar atau kecil, ada penduduk Jepun yang berpotensi menjadi pengintip tetapi pada zahirnya mereka bekerja sebagai tukang dobi, tukang gunting rambut, tukang urut, tukang gambar dan membuka kedai permainan kanak-kanak atau penjaga hotel kecil. Di sebelah darat orang Jepun bekerja di dua buah lombong besi, satu di Johor dan sebuah lagi di Dungun, pantai Terengganu. Ladang-ladang getah yang diuruskan oleh mereka selalunya di tempat strategik misalnya di Johor menghadap pangkalan laut. Saya ingat lagi ketika sukarelawan F.M.S berkumpul di Ipoh selama dua bulan, kebanyakan sukarelawan diambil gambar lengkap dengan uniform oleh jurufoto Jepun bernama M. Itoh.

Sungguhpun jumlah kos pembinaan pangkalan laut yang mengambil masa hampir 20 tahun dianggarkan kemudiannya menelan sebanyak £60 tetapi ini masih tidak dapat memberi perlindungan secukupnya kecuali sepanjang perairan yang menjadi jalan masuk. Pangkalan ini masih merupakan pangkalan bukan sebuah "kubu" yang dikenali kemudian sebagai propaganda tanpa memberi sebarang pertimbangan yang wajar. Pertahanan sebelah darat masih wujud dan rancangan pertahanan Jeneral Dobbie pada tahun 1937 bagi Johor Selatan tidak pernah dipertimbangkan semula.

Namun, pada musim panas 1939, kerajaan British bersetuju menambah simpanan makanan dan bahan-bahan lain di pangkalan laut dari 70 hari ke 180 hari. Tetapi ini hanya sekadar menyedapkan hati mereka yang bertugas di pangkalan laut itu. Pada musim bunga 1940 pegawai pemerintah tentera Tanah Melayu, Jeneral Bond, menyatakan bahawa dia ingin mengambil alih keseluruhan pertahanan Tanah Melayu bukan semata-mata untuk pangkalan laut dan untuk itu, menurut anggarannya, dia memerlukan dua rejimen kereta kebal dan tiga ketumbuhan tentera. Pertambahan pertahanan itu diperlukan kerana ancaman Jepun terhadap Indo-China Perancis yang menjadi kenyataan pada bulan Ogos 1941. Kesahihan keperluan Jeneral Bond diterima oleh kerajaan British tetapi disebabkan ketidakmampuan menghantar kesemua tentera yang diminta itu, maka dicadangkan Tentera Udara Diraja mengambil alih sementara sebahagian besar pertahanan Tanah Melayu. Malangnya, dengan sebab-sebab yang nyata, kekuatan Tentera Udara Diraja (R.A.F.) di Timur Jauh adalah di bawah daripada tahap yang wajar. Sepatutnya 336 buah pesawat kelas satu sebagai pertimbangan yang paling minimum untuk keperluan pertahanan Tanah Melayu (sebelum itu amat optimis untuk menempatkan 566 pesawat), tetapi kekuatan sebenar cuma 48 buah pesawat dan tiada sebuah pun pesawat pejuang.

Sementara itu sebahagian tentera tambahan tiba di Tanah Melayu pada bulan Februari 1941. Mereka ialah *8th Australian Division* di bawah perintah Mejar Jeneral Gordon Bennett.<sup>12</sup> Pada

12 Jumlah tentera di bawah perintah Jeneral Gordon Bennett pada Disember 1941 ialah 15 200 orang. Semua sukarelawan yang dikerah tidak memohon berkhidmat di seberang laut.

bulan Mac 1941<sup>13</sup> Jeneral Percival G.O.C. menjadi Pegawai Pemerintah Tentera menggantikan Jeneral Bond. Namun dia mendapati usahanya untuk menyusun semula pertahanan secara besar-besaran menjadi lumpuh kerana upah yang ditawarkan oleh Pejabat Perang kepada buruh India dan Cina tidak munasabah. Hanya 11 bulan sebelum Jepun menyerang, pada bulan Januari 1941, kadar upah Pejabat Perang adalah 45 sen sehari padahal kadar upah pada waktu itu adalah 80 – 85 sen sehari bagi buruh Cina dan 50 sen bagi buruh Tamil. Akan tetapi gaji ini telah meningkat menjadi 100 sen sehari termasuk makan dan tempat tinggal percuma apabila menjelang bulan Januari 1942. Justeru itu, akhirnya tawaran yang diberi adalah separuh daripada kadar biasa tanpa sebarang elaun untuk menampung kekurangan itu.<sup>14</sup>

Selama ini Amerika Syarikat, dan dalam beberapa hal Britain juga, tidak lagi sabar dengan kerenah eksploitasi Jepun tanpa batas dan pendudukannya di sebahagian besar negeri China. Britain terlibat dalam Perang Eropah semenjak September 1939 dan sedaya upaya Britain mengelak daripada sebarang pembabitan dalam Perang Timur Jauh. Britain membataskan tindakannya kepada bantahan dan sedikit usaha menenteram keadaan seperti menutup sementara Burma Road, laluan bekalan perang untuk sampai kepada Kerajaan Kebangsaan Chiang Kai Shek di Chungking. Amerika Syarikat punya kedudukan lebih baik untuk mengambil tindakan yang lebih keras. Pada tahun 1938 Amerika Syarikat melarang penjualan pesawat terbang kepada Jepun lagi. Pada bulan Julai 1939 Amerika Syarikat memansuhkan Persetiaan Dagang Jepun-Amerika yang diperbuat pada tahun 1911 dan pada bulan Julai 1940 membekukan kesemua harta Jepun di Amerika Syarikat. Apabila Jepun memasuki bahagian utara Indo-China pada bulan berikutnya, kesemua pihak berkuasa yang berkenaan, dikenali sebagai A.B.C.D., iaitu Amerika, Britain, China dan Dutch East Indies (Belanda), telah bersekutu menafikan 75 peratus import Jepun termasuk bahan perang yang penting seperti minyak, getah,

13 Percival hanya tiba di Tanah Melayu lima minggu kemudian kerana pesawat angkut R.A.F. rosak dan kurang.

14 \*Akibatnya, pada bulan Disember 1941, Percival hanya masih ada dua kumpulan buruh India yang sepatutnya enam kumpulan diambil pada bulan April 1941 seperti yang diberi kuasa kepada Pemerintah Perang Tanah Melayu. Dan amat mustahil untuk mendapatkan kumpulan buruh Cina.

besi buruk,<sup>15</sup> kimia dan alatan jentera. Kesan daripada sekatan ini, Jepun tidak mendapat komoditi yang diperlukan walaupun untuk berperang di China. Jepun tidak dapat menamatkan perang tanpa kehilangan maruah. Oleh itu pemerintah tertinggi Jepun terpaksa mengambil keputusan sama ada menyerah atau bersedia untuk berperang dengan kuasa-kuasa ini. Tentera laut telah dikerah semenjak seawal-awalnya bulan Julai, dan kini tentera darat pula dikerah pada pertengahan bulan Ogos. Bulan September 1940 Jepun memihak kepada Kuasa Pasak atau Axis dengan menandatangani satu pakatan tiga bangsa dengan Jerman dan Itali pada bulan April 1941, juga menandatangani perjanjian berkecuali dengan Rusia untuk melindungi kepentingannya di Manchukuo.<sup>16</sup>

Sungguhpun sekatan Kuasa A.B.C.D. kepada import Jepun dari negara-negara tersebut memberi kesan mendalam kepada ekonomi perang Jepun, tetapi Jepun membuat satu lagi ikhtiar pada bulan Oktober 1941 untuk mengelak daripada berperang dengan Amerika Syarikat, ahli Perikatan A.B.C.D. yang paling kuat. Tarikh yang ditetapkan oleh Jepun untuk satu penyelesaian secara aman ialah minggu pertama bulan Disember kerana selepas tarikh itu, keadaan monsun yang tidak memihak kepadanya akan menghalang pendaratan tenteranya di pantai timur laut Semenanjung Tanah Melayu. Sungguhpun Jepun berpura-pura menawarkan beberapa tolak ansur, tetapi perang sudah tidak dapat dielakkan lagi apabila Presiden Roosevelt mengirim satu tuntutan "sepuluh nota" yang mendesak pengunduran tentera Jepun sepenuhnya dari kedua-dua wilayah Indo-China dan China sebagai harga untuk menarik balik sekatan ekonomi. Rundingan di Washington antara Laksamana Nomura dan Kurusu, dua orang duta Jepun, dengan kerajaan Amerika Syarikat berlanjutan dalam sedikit masa tetapi tanda-tanda bencana perang sudah semakin ketara. Kapal terbang mula berlegar di angkasa Tanah Melayu dan jumlah kapal terbang Jepun yang berpangkalan di Indo-China meningkat daripada 100 buah pada bulan Oktober menjadi 250 buah pada akhir bulan November. Para perisik Amerika Syarikat dan British telah dapat

15 Satu pertiga daripada besi dan waja buruk digunakan oleh industri Jepun datangnya dari seberang laut, kebanyakannya dari Amerika Syarikat.

16 Dengan Manchukuo terselamat daripada serangan Rusia, Jepun kini dapat meneruskan rancangannya untuk merampas bahagian selatan Indo-China dan operasi itu dilakukan pada bulan Julai 1941.



memecah kod rahsia Jepun dan sudah ternampak dengan kebijanya sesuatu akan berlaku nanti.<sup>17</sup>

Sementara itu pemerintah tertinggi Jepun telah membuat satu rancangan mendalam untuk menghadapi perang yang bakal meletus. Kolonel Tsuji dengan telitinya telah memulakan rancangan dengan satu unit penyelidikan bersembunyi dalam satu kelompok pondok yang sukar diketahui oleh siapa pun di Pulau Formosa. Di sinilah dia merancang bagaimana nanti untuk berperang dalam keadaan lembab di hutan belantara Tanah Melayu.<sup>18</sup> Untuk mengujinya, gerakan dan kaedah pendaratan terbaik dari laut telah dilangsungkan di Pulau Hainan. Sebenarnya peruntukan tentera untuk penyelidikan yang tidak melebihi 20 000 yen tidak sedikit pun melemahkan semangat para penyelidik! Pada bulan September 1941 Jeneral Yamashita telah dilantik sebagai Ketua Pemerintah Tentera Darat ke-25. Dia adalah pegawai tentera yang terbaik dan banyak pengalaman berperang di China. Pasukan tentera inilah yang dipilih untuk melanggar Tanah Melayu dan menawan Singapura. Ini bukan sahaja merupakan tentera yang terbaik bahkan penawanan Singapura dianggap sebagai peristiwa paling penting bagi Jepun dalam merancang masa depan Asia Tenggara.

Persiapan pertahanan di pihak British kurang menyeluruh kerana amat sibuk dengan Perang Eropah yang telah berjalan lebih dua tahun. Di atas kertas, kekuatan pasukan darat Jeneral Percival pada bulan Disember 1941 sebesar tiga setengah ketumbukan, menurut anggarannya, tetapi sebahagian besar mereka adalah kaki-tangan pangkalan atau pentadbiran.<sup>19</sup> Selebihnya kurang mendapat latihan sekalipun mereka amat bersemangat ketika menjalankan

- 
- 17 Menurut Churchill, Amerika Syarikat telah menembusi kod rahsia Jepun pada akhir tahun 1940. Kod yang telah terhurai disebut sebagai "Magic", diserahkan kepada kerajaan British dalam tempoh dua atau tiga hari setelah diterima. Lihat *The Second World War* Churchill, jil. III, hlm. 532.
- 18 "Majlis Penyelidikan Tentera Taiwan" Kolonel Tsuji ditubuhkan pada 1 Januari 1941 dan diberi masa enam bulan untuk mengumpul "segala data mengenai perang tropika yang dapat difikirkan". Dia dibantu oleh ahli-ahli perniagaan Jepun yang berjaya sebelum Perang Tanah Melayu yang mampu mempunyai kapal terbang sendiri untuk mengambil gambar Singapura dari udara dan kemudian menyerahkannya kepada Kolonel Tsuji. Lihat *Tsuji: Singapore The Japanese Version* (Sydney 1960).
- 19 Sebenarnya, menjelang Februari 1942, ditaksirkan oleh Percival cuma ada 28 batalion tentera berjalan kaki untuk mempertahankan sepanjang 85 batu pantai Singapura. Malah kesemua batalion ini di bawah kekuatan sebenar kerana ramai yang terkorban di tanah besar dan bilangan mereka cuma 22 000 orang, menurut satu anggaran.

tugas, terutama pasukan India; tiada seorang pun yang mempunyai pengalaman perang.<sup>20</sup> Tambahan pula, Percival mempunyai sedikit sekali meriam berat, hanya beberapa laras meriam penembak kapal terbang, tiada sebuah pun kereta kebal (sungguhpun pernah dipohon semenjak tahun 1937).

Kedua-dua tentera laut dan udara tidak mampu menyekat kemaraan musuh dalam satu tempoh yang panjang. Beberapa buah kapal pembinasa dan penjelajah ringan ditempatkan di Singapura, sehinggalah tiba kapal *Prince of Wales* dan *Repulse* pada bulan Disember 1941. Malah ketibaan kedua-dua kapal induk itu tidak diberi perlindungan udara. Kapal pembawa pesawat terbang *HMS Indomitable* yang mengiringinya telah terkandas di beting di luar Pelabuhan Kingston, Jamaica, dan terpaksa ditinggalkan di situ.

Tentera udara boleh dikatakan dalam keadaan agak baik. Oleh sebab permintaan dari Kempen Timur Tengah dan Rusia, hanya 141 buah pesawat sahaja yang boleh beroperasi. Bilangan ini termasuk 43 Brewster Buffaloes, rendah mutunya dibandingkan dengan pesawat pejuang Jepun pesawat pengebom torpedo, jenis Zero dan 27 Vildebeeste yang telah berumur 20 tahun. Ini menyebabkan sukarnya kapal terbang itu untuk terbang mencapai kelajuan 100 bsj dan mudah ditewaskan oleh pesawat pengebom Nakajima yang punya kelajuan paling deras 270 bsj.<sup>21</sup> Sebenarnya tidak ada sebarang pasukan yang boleh menangkis serangan udara

20 Unit tentera India yang paling sedih kerana pembesaran secara raksasa bagi tentera India dibenarkan lewat tahun 1940. Menurut Brigedier B.W. Key, yang memerintah empat batalion askar India di Tanah Melayu ketika pecah perang, telah kehilangan purata 240 pegawai bagi tiap-tiap satu batalion. Pegawai pangkat lain (N.C.O.) dan pakar telah ditarik balik untuk menubuhkan batalion baru di India. Mereka diganti dengan rekrut baru lagi muda yang hanya berlatih menembak sebanyak 50 pusingan di padang sasaran. Untuk kisah lanjut mengenai penglibatan tentera India dalam kempen Tanah Melayu, sila lihat buku Compton MacKagie berjudul *Eastern Epic*, Vol. I (Chatto and Windus). 1951.

21 Pesawat pengebom torpedo, atau "Keranda Terbang" seperti yang digelar oleh anak kapalnya, terbukti satu kegagalan yang dahsyat lama sebelum pecah Perang Jepun. Dalam empat pelanggaran di udara pada tahun 1936 dan 1938, 15 nyawa terkorban. Pada bulan Ogos 1941, pesawat terbang jenis ini diisytiharkan telah usang kerana *cockpit*nya terbuka, kelajuan maksimum 99 bsj dan ruang operasinya cuma 190 batu nautika. Lebih lagi, pada awal bulan Disember 1941, diputuskan bahawa pesawat ini terlalu mudah terbinasa untuk misi penerbangan siang hari. Tetapi pengharaman ini terpaksa ditarik balik apabila satu angkatan kapal perang dan kapal pengangkut Jepun kelihatan dekat Endau, pantai timur Johor, pada bulan Januari 1942. Angkatan itu

yang berkesan di Tanah Melayu dan untuk menyerang balas armada udara Jepun yang dianggarkan berjumlah 560 buah siap diterbangkan untuk menyerang dari pangkalan di selatan Indo-China.

Kelemahan rancangan British untuk mempertahankan sempadan sebelah utara dengan Siam ialah strategi kita yang ditetapkan oleh pertimbangan politik dan oleh nasihat menteri British di Siam, Sir Josiah Crosby, yang sentiasa menasihati supaya kita tidak campur tangan di Siam yang kelak mengubah dasar negara itu. Sebenarnya telah wujud satu rancangan rahsia, nama kodnya "Matador", yang membolehkan pasukan tentera British akan ditempatkan di Singora, pelabuhan Siam di pantai timur, 50 batu ke utara sempadan, sebaik sahaja serangan Jepun dijangka berlaku. Masalahnya, bagaimana dapat dipastikan masa yang paling tepat untuk campur tangan kerana kita berusaha sedaya upaya untuk mengelak daripada terbabit dalam peperangan dengan Jepun, sekiranya dapat dibuat begitu. Kebimbangan kita khasnya adakah campur tangan kita itu akan disokong oleh Amerika Syarikat. Sungguhpun Amerika Syarikat menjadi anggota Perikatan A.B.C.D., tetapi belum lagi menyertai peperangan. Sebahagian lagi syarat operasi "Matador" ialah membenarkan pasukan tentera British menyeberangi sempadan dari Kroh di Perak Utara dan mara ke utara sejauh 35 batu hingga ke sebatang jalan menuju Patani dan mengambil satu kedudukan bertahan yang kukuh dikenali sebagai "Ledge" atau Tebing. Tempat ini merupakan jalan terbelah dua daripada sebuah bukit curam dan difikirkan memadai ditempatkan satu pasukan kecil untuk menentang pelanggaran musuh yang ramai sekiranya tempat itu dapat diduduki sebelum kesampaian musuh.

Untuk menjayakan rancangan ini, amatlah penting pasukan kita digerakkan 24 jam lebih dahulu sebelum Jepun mendarat, tetapi amaran begini tidak mungkin. Beberapa pesawat peninjau

---

dikawal oleh pesawat pejuang Zero. Dua skuadron, No. 26 dan 100, mengandungi kesemuanya pesawat Vildebeeste, terbang meninggalkan Seletar pada waktu siang, apa yang dianggap sebagai misi bunuh diri. Memang sudah pasti, kedua-dua skuadron mengalami kekalahan teruk, cuma setengah dozen pesawat yang selamat dan kedua-dua pemerintah skuadron terbunuh. Seorang daripadanya ialah Ketua Skuadron R.F.C. Markham, seorang kakitangan Jabatan Pendidikan Tanah Melayu dan bekas Sukarelawan Tentera Udara Malaya.

kita membuat laporan menyatakan beberapa konvoi angkatan laut Jepun bergerak ke arah barat dari Indo-China pada 6 dan 7 Disember, tetapi beberapa jam kemudian, konvoi telah hilang dari pandangan disebabkan cuaca buruk.<sup>22</sup> Laporan berikut pula menyatakan beberapa buah kapal Jepun telah membelok ke arah barat laut dan kemungkinan sedang menuju Semenanjung Tanah Melayu sebelum Pemerintah Timur Jauh, Sir Robert Brooke-Popham,<sup>23</sup> menunggu sahaja pada ketika yang genting ini dan tidak mengarahkan "Matador" untuk mara. Apabila berita muktamad pendaratan Jepun di pelabuhan Siam disahkan, terlambatlah "Matador" untuk berbuat sesuatu dan keseluruhan operasi dibatalkan.

Demikianlah bagaimana Jepun dapat mendarat tanpa tentangan di Singora dan Patani.<sup>24</sup> Beberapa orang askar kita yang ditentukan untuk operasi "Matador" telah dapat menyeberangi sempadan Kedah-Siam sejauh Sadao, 10 batu di dalam kawasan Siam. Di sini pada pukul 9.30 malam 8 Disember, cuma tiga jam selepas ketibaan, mereka bertembung dengan pasukan kereta kebal Jepun yang pertama yang telah bergerak dari Singora dalam rekod waktu terpantas. Kemalangan yang sama menimpa askar kita di Patani kerana tewas dalam perlumbaan untuk menduduki "Ledge".<sup>24a</sup> Apabila cuma tinggal empat batu lagi untuk menuju matlamat, mereka telah dibedil oleh kereta kebal Jepun, satu keadaan yang askar kita, terutama India, tidak pernah temui dahulu. Itulah pertempuran dengan tentera Jepun cuma dua hari

- 
- 22 Sebanyak 28 kapal pengangkut Jepun, diiringi oleh beberapa buah kapal pembinaasa dan penjelajah, telah kelihatan pada malam 7 Disember di Teluk Siam.
- 23 Sir Robert Brooke-Popham dilantik sebagai Ketua Pemerintah Timur Jauh, pada bulan Oktober 1940, dengan tugasnya hanya menyelaras usaha perkhidmatan yang berbagai. Dia telah tua berumur 62 tahun, bersara dari R.A.F. tahun 1937, dibebankan dengan tugas sukar malah bertambah sukar dengan kuasa yang diberi kepadanya terhad untuk bertindak. Dia diganti oleh Sir Henry Pownall pada 23 Disember 1941, tetapi seminggu kemudian, jawatan ini dimansuhkan apabila Jeneral Wavell mengambil alih sebagai Pemerintah Tertinggi.
- 24 Menjelang malam 8 Disember, Jepun telah pun mendarat dengan kekuatan seramai 12 000 orang, 40 kenderaan dan 5 kereta kebal di Siam, kesemuanya di Singora dan Patani.
- 24a Dengan tidak disangka-sangka tentangan hebat di perbatasan oleh seramai 300 orang "Polis Siam" yang sebenarnya kemudian diketahui adalah askar Jepun yang menyamar.

selepas mendarat di Patani pada 8 Disember, sudah melebihi 70 batu di jalan raya.

Pembatalan "Matador" mengakibatkan kesan buruk ke atas askar yang menunggu di sempadan Kedah untuk menyerbu ke Singora. Tiba-tiba askar yang bersiap sedia untuk mara ke hadapan telah diarahkan berundur sejauh 20 batu ke Jitra, garisan pertahanan yang belum lengkap dibina.<sup>25</sup> Apabila tiba di sana, mereka dapati tempat itu dipenuhi air kerana hujan tidak berhenti-henti dan mereka juga belum bersedia tetapi kemaraan tentera Jepun yang dibantu oleh kereta kebal pada 11 Disember telah pun memusnahkan garisan pertahanan itu.<sup>26</sup>

Kejayaan dua pasukan tentera Jepun mendarat di Singora dan Patani, Siam, diulangi lagi pada hari yang sama di Kota Bharu, pelabuhan yang paling utara letaknya di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu. Di sini, barisan ketiga tentera Jepun menemui tentangan yang hebat buat kali pertama dari pasukan Dogra. Mengikut pengakuannya, ramai askar Jepun terkorban dalam masa sehari dibandingkan dengan pertempuran pada hari lain dalam perang Tanah Melayu.<sup>26a</sup> Laut bergelora melambatkan pendaratan Jepun waktu itu dan banyak perahu pendarat mereka pecah dan ramai terkorban. Tetapi secara beransur-ansur, dengan penuh tabah mereka berjaya juga. Ini disebabkan peluang yang diambil oleh mereka apabila mendapati pasukan tentera kita berundur terlalu awal dari padang terbang Kota Bharu. Pemindahan ini disebabkan mendengar khabar angin palsu bahawa tentera darat Jepun sedang menuju ke situ. Sehari kemudian, 10 Disember, dua buah padang terbang ditinggalkan iaitu Gong Kedah dan Machang, cuma beberapa batu ke selatan Kota Bharu.<sup>27</sup>

25 Jitra dipilih bukan kerana kedudukan pertahanannya yang lemah, tetapi untuk melindungi padang terbang Alor Setar, 10 batu di selatan.

26 Kereta kebal yang digunakan oleh Jepun ada dua jenis: (i) *Medium Type 94*, berat 15 tan dan memuat lima orang; (ii) *Light Type 95* berat 10 tan dan memuat tiga orang. Kedua-dua jenis ini mempunyai kelajuan maksimum 28 bsj dan lingkungan gerakan 100 batu. Menurut anggaran Jeneral Percival, Jepun menggunakan dua rejimen kereta kebal, berjumlah 200 - 300 buah, dan 175 buah daripadanya mengambil bahagian dalam Perbarisan Kemenangan di Singapura pada 16 Februari 1942.

26a Kenderaan pengangkut dan pengawal Jepun rosak teruk diserang oleh lima pesawat pengebom Hudson dan Vildebeeste.

27 Satu fakta malang bahawa padang terbang kita di pantai timur Tanah Melayu ditempatkan di kawasan yang tersorok; tidak ada sebarang penyelarasan an-

Jepun telah pun menduduki padang terbang lain di Siam Selatan dan kini membolehkan mereka mempertingkatkan serangan udara. Pada 9 Disember mereka menyerang padang terbang Butterworth di tanah besar bersejajaran dengan Pulau Pinang. Di sini mereka memusnahkan saki baki pesawat pengebom Blenheim yang masih berada di landasan dan, kecuali sebuah kesemuanya binasa. Pesawat pengebom yang dipandu oleh Ketua Skuadron Scarf, dengan beraninya secara berseorangan menyerang dengan bom di Singora. Scarf membuat serangan sekalipun ditentang hebat oleh pesawat pejuang Jepun tetapi dia mendapat cedera parah. Dia berjaya memandu kapal terbangnya balik ke Alor Setar sebelum meninggal dunia empat jam kemudian. Kemudiannya, pada tahun 1946 dia dianugerahi Victoria Cross selepas mati.

Peristiwa yang tidak boleh dilupakan ialah pada malam 7 Disember ketika penduduk awam Singapura sedang tidur dan belum tahu tentang perang, tetapi mereka tidak perlu menunggu lama untuk mengetahui bahawa akhirnya Jepun telah pun mengisytiharkan perang. Pada pukul 3.30 dinihari itu, sebuah pesawat terbang yang tidak dikenali, 140 batu jarak dari pulau Singapura, dilaporkan sedang menuju ke situ dan semua perkhidmatan tentera telah diberitahu. Pasukan Pertahanan Awam (Civil Air Raid Precautions atau A.R.P.) tidak dapat diberi amaran kerana tidak ada orang bertugas di ibu pejabatnya. Akibatnya, lampu-lampu di Singapura terang benderang sepanjang serangan udara dan sebenarnya setelah segala-gala selesai barulah siren dibunyikan pada pukul 4.40 pagi. Penyerang itu adalah 17 pesawat pengebom tentera udara Jepun yang berpangkalan di selatan Indo-China.

Serangan ditumpukan atas padang terbang Tengah dan Seletar, menyebabkan hanya sedikit kerosakan. Akan tetapi sebutir atau dua butir bom yang jatuh di Battery Road, dekat Raffles Square, di tengah-tengah bandar raya, telah mencederakan 200

---

tara Tentera Darat dengan Tentera Udara Diraja sebelum dibina menjelang tahun 1941. R.A.F. mahukan padang terbang itu dibina sedapat mungkin dekat dengan pantai supaya serangan musuh dapat ditentang jauh ke tengah laut. Tentera Darat pula, yang bertanggungjawab untuk mempertahankannya pada waktu perang lebih suka padang terbang itu dibina jauh ke pedalaman dan kedudukannya dapat dipertahankan. Apabila perang tiba, tentera membubarkan pasukannya yang tidak cukup itu untuk melindungi padang terbang sekalipun tanpa kapal terbang. Padang terbang seperti Kota Bharu, Gong Kedah, Machang dan Kuantan jatuh ke tangan musuh dengan mudah, dengan gembira memberi gelaran "Churchill Aerodromes".

orang awam. Tidak sebuah pun pesawat penyerang yang ditembak jatuh. Sementara itu tiga buah pesawat pejuang malam kita tidak dibenarkan terbang kerana bimbang tertembak oleh penembak anti-pesawat terbang yang tiada pengalaman. Banyak kritik dilemparkan terhadap A.R.P., tetapi bukan pada waktu itu, kerana kurang membuat persediaan, namun A.R.P. memberi alasan wajar. Pihak berkuasa tentera memberi arahan siap sedia di tahap paling tinggi pada pukul 3.30 petang 6 Disember tetapi tidak pula mengulanginya pada malam 7 Disember. Justeru itu umumnya memahami bahawa siap sedia paling maksima itu tidak pula menunjukkan sama ada langsung bergelap atau separuh gelap, kecuali arahan khusus dibuat mengenainya. Adalah jelas sama ada pihak berkuasa awam mahupun tentera tidak dapat menjangka serangan dari musuh yang berpangkalan 600 atau 700 jauhnya. Serangan ini hanya dapat dimungkinkan sekiranya pesawat terbang dilengkapi dengan tangki tambahan petrol. Adakah rancangan Jepun memerlukan lampu di Singapura yang boleh menolong mereka mencari sasaran, padahal malam 7 Disember itu adalah malam bulan terang.

Kekalahan demi kekalahan yang dialami di Jitra, "Ledge", Kota Bharu dan Butterworth, bukanlah yang terakhir berlaku pada "minggu pertama malapetaka" seperti yang tersebut dalam Sejarah Rasmi. Pada 10 Disember kami mengalami satu lagi bencana yang dahsyat apabila kapal perang baru *Prince of Wales* dan kapal penjelajah lama *Repulse* telah tenggelam dekat Kuantan di pantai timur.<sup>27a</sup> Seperti yang pernah disebutkan, kedua-dua kapal ini tiba di pangkalan laut pada 2 Disember tanpa kapal pengiring. Sungguhpun tidak mendapat perlindungan udara, dua buah kapal itu belayar dari Singapura pada pukul 5.35 petang 8 Disember, dengan harapan sekiranya ada peluang yang datang dengan tiba-tiba dan dengan bantuan kabus tebal, dapatlah kedua-duanya membinasakan konvoi musuh di Teluk Siam. Malangnya, kedua-dua kapal itu sendiri telah dipintas oleh Angkatan Udara Jepun yang berpangkalan di selatan Indo-China. Kita juga berharap mendapat perlindungan pesawat terbang di sekitar Kota Bharu, tetapi ini merupakan andaian yang salah kerana tiga buah padang terbang di

27a Kapal *Repulse* dibina paling awal tahun 1916 tetapi ada meriam 6.15" dan kederaan maksimum 29 knot. *Prince of Wales* membawa meriam 10.14", dengan kelajuan 29 knot.

kawasan itu tidak lagi beroperasi dan bukan di bawah kawalan kita.

Kedua-dua kapal itu dalam tempoh 12 jam pertama, tidak dapat dikesan tetapi sebuah kapal selam musuh melaporkan pergerakan kapal pada pukul 1.40 petang 9 Disember. Tiga buah pesawat terbang musuh juga ternampak kedua-dua kapal itu berada dalam pelayaran ke utara pantai timur Semenanjung pada pukul 8.15 malam hari yang sama. Unsur mengejut sudah tiada lagi, sementara Laksamana Phillips keberatan membuat arahan berpatah balik ke pangkalan. Pada peringkat ini, kedua-dua kapal itu masih boleh mengelak daripada binasa sekiranya haluan tidak ditukar menuju pantai dekat Kuantan untuk mencari musuh yang kononnya telah mendarat di situ. Sebenarnya, tidak ada sebarang pendaratan dan kemudian diketahui bahawa beberapa ekor kerbau merayau-rayau ke kawasan periuk api dan letupannya telah meyakinkan pasukan askar India di situ bahawa Jepun telah mendarat.

Sementara itu Jepun telah mengirim satu pasukan penyerang yang handal mengandungi 34 buah pesawat pengebom terbang tinggi dan 54 buah pesawat bom torpedo untuk mencari dan seterusnya memusnahkan kedua-dua kapal itu. Kesimpulannya, tidak syak lagi, bahawa *Prince of Wales* dan *Repulse* langsung tidak mendapat perlindungan udara. Akibat serangan udara yang bermula pada pukul 11.00 pagi 10 Disember, *Repulse* tenggelam pada pukul 12.33 tengah hari dan *Prince of Wales* pada 1.20 tengah hari. Jepun cuma kehilangan empat atau lima buah pesawat sahaja. Oleh sebab Jepun tidak mengganggu kerja menyelamat,<sup>28</sup> jumlah korban nyawa boleh dikatakan kecil kerana seramai 2081 orang daripada 2912 orang pegawai dan anak kapal di atas kedua-dua kapal itu dapat diselamatkan. Pada hari berikutnya, sebuah kapal terbang Jepun telah menggugurkan karangan bunga di permukaan air yang menjadi kubur bagi mereka yang mati. Mungkin musuh mencontohi penasihat lama mereka di Taranto setahun dahulu iaitu pesawat pengebom torpedo British telah memusnahkan sebahagian besar Angkatan Laut Itali.

Pemerintahan tentera British tidak lagi pulih daripada keka-

28 Ini dilaksanakan oleh tiga daripada empat buah kapal pembinasai iaitu *Vampire*, *Electra* dan *Express*. Kapal pembinasai keempat, *Tenedos*, kapal Perang Dunia Pertama, diarahkan balik ke pelabuhan sebelum pertempuran bermula kerana bekalan minyak terhad.



lahan pada minggu pertama itu. Tentera Laut Jepun menguasai keseluruhan Lautan Pasifik dengan musnahnya Angkatan Laut Pasifik Amerika di Pearl Harbour pada 8 Disember.<sup>29</sup> Tentera Udara Jepun pula berjaya menguasai ruang angkasa medan perang Tanah Melayu. Cuma 50 buah pesawat terbang British daripada 110 yang tinggal beroperasi di utara Tanah Melayu selepas bertempur 24 jam pertama dan tidak lama kemudian kesemuanya diundur ke Singapura untuk melindungi pangkalan laut dan kemasukan konvoi. Oleh itu Tentera Udara Diraja tidak lagi dapat memberikan perlindungan udara untuk operasi darat oleh tentera kita.

Bagaimanapun berita musnahnya Pearl Harbour telah memberi kesan kepada seseorang untuk menulis sebuah nota yang optimis, itulah Winston Churchill. Dalam bukunya *The Second World War* Jilid III, dia menulis: "Pada saat ini, saya tahu bahawa Amerika Syarikat menghadapi peperangan, telah sampai ke paras leher yang menentukan hidup matinya. Jadi, sebenarnya, kita telah menang!"<sup>30</sup> Gabungan kekuatan Amerika Syarikat, Rusia dan

29 Idea serangan mengejut tanpa perisytiharan perang datang dari Laksamana Yamamoto. Pasukan penyerang Jepun mengandungi enam buah kapal pembawa pesawat terbang, dibantu oleh sejumlah kapal perang dan kapal pembinasa, berkumpul secara rahsia di Kepulauan Kurile lalu menuju Pearl Harbour tanpa dikesan dari utara. Apabila tiba lebih kurang 275 batu dari sasaran, 360 buah pesawat pembawa bom dan torpedo berlepas terbang dan mengebom pangkalan laut pada awal pagi Ahad 7 Disember. Amerika menerima kekalahan teruk. Tujuh daripada lapan buah kapal perang yang sedang berlabuh musnah sama ada tenggelam atau rosak teruk: 2000 kelasi Amerika terbunuh dan hampir 2000 lagi cedera. Kehadiran Angkatan Tentera Laut Pasifik Amerika, mungkin dapat menghalang pelanggaran ke Tanah Melayu, telah binasa. Nasib baik, kapal pembawa pesawat terbang, dengan iringan kapal-kapal pembinasa yang kuat, tidak berada di pangkalan dan kemudiannya memainkan peranan penting untuk mengembalikan maruah Amerika Syarikat di Pasifik.

30 Dalam ucapannya di Mansion House pada 11 November 1941, Churchill telah melahirkan pandangannya, sekiranya Jepun menyerang, Amerika Syarikat akan mengisytiharkan perang ke atas Jepun "dalam beberapa jam sahaja". Niat itu telah terbukti. Disebabkan perbezaan waktu antara London dan Washington, perisytiharan perang British ke atas Jepun sebenarnya diikuti oleh Amerika Syarikat beberapa jam kemudiannya. Hingga 8 Disember 1941, Churchill dihantui oleh dua mimpi yang dahsyat. Pertama, serangan Jepun ke atas Singapura tidak disusuli dengan perisytiharan Perang Amerika Syarikat ke atas Jepun dan kedua, keadaan Amerika Syarikat akan berperang dengan Jepun tetapi bukan dengan Jerman. Nasib baik, segala mimpi dahsyat itu tidak menjadi kenyataan dan ini melegakan fikiran Churchill. Jepun melakukan serangan tanpa provokasi ke atas Amerika Syarikat dan Hitler yang tetap setia kepada Jepun telah juga mengisytiharkan perang ke atas Amerika Syarikat sungguhpun tiada undang-undang yang mengikat atau ikrar janji.

Britain, dengan dua atau tiga kali ganda sumber kekayaan mengatasi Kuasa Axis, menjadikan kemenangan berada dalam tangan. Churchill menulis lagi: "Banyak bencana, kesengsaraan yang sukar diukur menunggu di hadapan, tetapi tidak syak lagi semuanya akan tamat." Pendapat yang sama berlegar dalam fikiran saya apabila mendengar berita yang sama di Padang Terbang Taiping pada awal pagi 8 Disember.

Jepun telah merancang untuk menakluk Singapura dalam tempoh 100 hari, tetapi mereka mengambil masa hanya 70 hari.<sup>30a</sup> Kami tidak tahu sama ada bantuan tambahan tentera dan pesawat terbang yang dalam perjalanan itu tiba pada waktunya, memungkinkan kekalahan bertukar menjadi kemenangan. Anggaran waktu yang dikehendaki untuk mengimbang kedudukan agak berbeza-beza. Jeneral Wavell berpendapat tentangan selama sebulan lagi amat berguna, Jeneral Percival menganggar dua atau tiga minggu; Jeneral Yamashita yang membuat pengakuan kemudiannya bahawa pertempuran kalau berlanjutan seminggu lagi Jepun akan kalah. Dia sahaja yang tahu kesulitan sebenar tenteranya, kerana pada hari penyerahan diri, 15 Februari 1942, orang-orangnya cuma mempunyai seratus pusingan peluru bagi tiap-tiap seorang dan hidup dengan dua mangkuk nasi sehari.<sup>31</sup>

## TARIKH-TARIKH PENTING

- 1542 Orang Portugis pertama sampai di Jepun dengan sebuah tongkang Cina.
- 1549 St Francis Xavier dari Melaka mengembangkan agama Kristian di Jepun.
- 1600 William Adams, orang Inggeris yang pertama, sampai di Jepun.
- 1613 - 6 Loji Syarikat India Timur Inggeris yang pertama di Firando.
- 1620 Kematian William Adams di Jepun.

30a Mengenai ketenteraan dan strategi Kempen Tanah Melayu lebih lengkap ditulis oleh Stanley Falk dalam bukunya *Seventy Days To Singapore* (HALE 1975).

31 Hanya pada saat terakhir peluru meriam diperoleh dari kapal bekalan Jepun di Endau pada 26 Januari memungkinkan bedilan meriam ke Singapura pada 8 Februari. Simpanan dihadkan 250 pusingan untuk meriam kecil dan 125 pusingan untuk meriam besar.

- 1638 Loji Syarikat India Timur Belanda di Deshima menjadi satu-satunya tempat perdagangan dengan dunia luar.
- 1853 - 4 Komodor Perry (Amerika Syarikat) memaksa Jepun membuka negerinya kepada perdagangan dunia.
- 1863 Angkatan Laut British membedil Kagoshima, ibu kota Panglima Satsuma.
- 1894 - 5 Perang China-Jepun. Jepun menakluki Korea dan Formosa.
- 1902 Perikatan Inggeris-Jepun.
- 1904 - 5 Perang Rusia-Jepun. Jepun menduduki Port Arthur.
- 1914 Jepun menawan Kubu Jerman Tsing Tao.
- 1915 Jepun membantu British menghapuskan dahagi tentera di Singapura. Jepun buat "21 Tuntutan" kepada China.
- 1921 Perikatan Inggeris-Jepun tidak dibaharui. Persetiaan tentera laut menentukan saiz Angkatan Laut British, Amerika Syarikat dan Jepun.
- 1923 Kerajaan British memilih Singapura sebagai tapak pangkalan laut yang baharu.
- 1932 Jepun menakluk Manchuria dan menamakannya semula Manchukuo.
- 1935 Jepun melanggar China Utara.
- 1936 Jepun menyertai pakatan Anti-Koumintang Antarabangsa dengan Jerman dan Itali.
- 1938 Limbungan penting di Pangkalan Tentera Laut Singapura dibuka.
- 1940 (Ogos) Jepun menakluki bahagian utara Indo-China.
- 1941 (Mac) Jeneral Percival dilantik sebagai Pemerintah Tentera Tanah Melayu.
- (Julai) Jepun menduduki bahagian selatan Indo-China. Perikatan A.B.C.D. menyekat semua eksport ke Jepun.
- (September) Jeneral Yamashita dilantik mengepalai Tentera ke-25 dan Kolonel Tsuji memindahkan unit perancangannya ke Indo-China.
- (2 Disember) *Prince of Wales* dan *Repulse* tiba di Singapura.
- (7 - 8 Disember) Jepun mendarat di Singora, Patani dan Kota Bharu. Tentera Udara Jepun mengebom Singapura dan Pearl Harbour, Hawaii.
- (10 Disember) *Prince of Wales* dan *Repulse* tenggelam.

1942 (15 Februari) Pasukan British menyerah diri di Singapura.

1945 (6-9 Ogos) Bom atom digugurkan di Hiroshima dan Nagasaki.

(12 September) Upacara penyerahan diri Jepun di Singapura di hadapan Laksamana Lord Mountbatten.

## 2

### MENJELANG PENAHANAN CHANGI

Perang Tanah Melayu  
Disember 1941 – Februari 1942

#### (i) Dari Taiping ke Kampar

Jam pada pagi itu menunjukkan pukul 11.00 hari Isnin, 1 Disember 1941. Keadaan dunia antarabangsa nampak tegang. Kurusu, duta khas Jepun yang sedang menghadiri sidang damai di Washington, nampaknya tidak membuat sebarang kemajuan malah peperangan sudah berada di ambang pintu. Saya masih berada di meja pejabat Sekolah Clifford, Kuala Kangsar, Perak, tetapi tidak menjalankan sebarang tugas yang biasa saya lakukan pada waktu itu. Sungguhpun hari pertama peperiksaan *Cambridge School Certificate*, Sekolah Clifford menjadi pusat untuk dua buah sekolah menengah tempatan, tetapi saya bukan pengawas peperiksaan. Disebabkan keadaan dunia antarabangsa tegang, saya terpaksa mengadakan seorang pengganti.

Saya bernasib baik pada waktu itu kerana bunyi telefon, datangnya dari Puan F.C. Vanrennan, isteri kepada pegawai pemerintah saya, memberitahu bahawa semua sukarelawan akan dikerah pada tengah hari itu dan meminta saya mengambil Bill Harvey, Ladang Gapis, dalam perjalanan saya nanti ke Taiping. Taiping Turf Club adalah pusat kerahan kami. Setelah meninggalkan beratus-ratus kad laporan sekolah tanpa ditandatangani dan beberapa catatan sokongan biasiswa untuk tahun hadapan belum diputuskan, saya terus bertolak untuk menjemput Bill Harvey dan tiba di Taiping Turf Club pada tengah hari itu juga. Di sini saya bertemu semula dengan semua kawan lama yang pernah saya temui di kebanyakan perkhemahan hujung minggu dan latihan kawad setiap hari Selasa selama dua suku tahun lepas. Kebanyakan mereka menganggotai unit Mesingan Vickers, Kompeni A/S. Mereka termasuklah Leftenan "Whisky" Bruce, Leftenan

Frank Vanrennan, Sarjan K.T. Lewis, Koperal "Dusty" Miller, Sarjan Mejar "Starkie" Cameron, Koperal Andrew Robb, prebet Guy McLeod, Prebet Melliush dan ramai lagi.

Kerana perang inasih belum diisytiharkan lagi, saya bernasib baik kerana mendapat kebenaran tidak rasmi sehari dua selepas itu untuk kembali ke sekolah pada suatu tengah hari untuk menyelesaikan kerja pejabat. Dengan cara ini semua pelajar saya menerima kad laporan atau sijil berhenti sebelum sekolah bersurai. Saya juga mendapat tahu bahawa kerajaan telah membatalkan semua cuti. Sebenarnya, saya sudah sepatutnya pergi bercuti dan telah pun mendapat tawaran tambang kapal untuk bertolak ke Australia pada 16 November. Saya menolak tawaran itu kerana saya ingin mengajar kelas peperiksaan untuk selama dua minggu sebelum peperiksaan bermula pada 1 Disember. Kini nampaknya saya telah kehilangan peluang bercuti untuk tempoh yang belum pasti, tetapi saya tidak menyesal akan keputusan untuk tinggal di sekolah.

Beberapa hari di Turf Club kami berasa jemu dengan latihan kawad menggunakan senapang dan benet dan juga mengisi peluru ke dalam tali pinggang mesingan. Namun tiba-tiba pada 5 Disember, keadaan berubah dan sibuk apabila beberapa buah lori askar tiba jam 4.00 pagi untuk mengangkut kami keluar dari padang terbang, terletak satu dua batu di luar bandar. Kami difahamkan bahawa tugas Pasukan Sukarelawan Negeri Melayu Bersekutu (F.M.S. Volunteer Forces) ialah mengawal "talian perhubungan" dan ini termasuk padang terbang.

Padang terbang Taiping kelihatan tidak begitu penting bagi tentera kerana kami tidak pernah lihat pesawat terbang lebih daripada sebuah atau dua buah selama kami tinggal di situ. Namun menurut khabar angin, petrol kapal terbang dan bom ada tersimpan di situ sungguhpun kami tidak pernah diberitahu, tetapi sebahagian daripada sempadan padang terbang itu sekurangnya, diperkukuhkan dengan pagar besi. Dua orang askar mesin-gan ditempatkan dalam bangsal besi usang Jabatan Kerja Raya dan dua orang lagi ditempatkan dekat banglo persendirian milik pengurus lombong bijih timah tempatan, terletak di hujung sebelah sana padang terbang. Lombong itu kepunyaan Tekka Taiping Tin Co. Sepanjang sempadan padang terbang di sebelah lain, Kompeni 'B' berkubu lengkap dengan senapang dan meriam Lewis, di bawah perintah Kapten Percival.

Pada pukul 2.20 pagi 8 Disember kami dikejutkan dari tidur

dan diberitahu askar Jepun telah mendarat di pantai timur Kota Bharu.<sup>31a</sup> Sejak itu dan seterusnya hinggalah ke waktu fajar kami sibuk mengukuhkan kedudukan mesingan. Malam itu bulan mengambang. Jadi senanglah kami menjalankan tugas. Sehingga jam 7.00 pagi kami telah memperdalam lagi kubu kami, tetapi perlindungan itu masih tidak selamat nampaknya daripada tembakan mesingan dan bom udara. Kemudian kami diarahkan memasang bumbung besi berombak-ombak untuk berlindung daripada hujan dan panas dan juga sebagai penyamaran, tetapi kami tidak pernah berasa selamat dengan kedudukan itu.

Pada suatu tengah hari kami jadi gempar apabila diberitahu supaya bersiap sedia untuk menghadapi serangan askar payung terjun Jepun. Selama satu setengah jam kami menunggu dengan berdebar-debar sehingga diberitahu bahawa itu adalah amaran palsu. Sebenarnya Jepun tidak pernah membuat serangan payung terjun di Tanah Melayu kecuali di Sumatera ketika menawan kawasan lombong di Palembang. Dengan jatuhnya Kota Bharu, Jepun amat mudah untuk menyerang Taiping yang jaraknya 120 batu atau sejauh penerbangan burung gagak.

Berita pendaratan Jepun di Kota Bharu datang bersama berita kemusnahan Pearl Harbour.<sup>31b</sup> Kehilangan Angkatan Laut Pasifik Amerika Syarikat sebenarnya memberi tamparan hebat tetapi apabila difikirkan dengan mendalam, kami dapati kini terdapat dua buah negara terkuat di dunia berada di pihak kami padahal beberapa bulan dahulu kami berjuang berseorangan. Apa juga kesengsaraan yang dilakukan oleh Jepun dalam masa yang terdekat, kemenangan muktamad adalah terjamin. Schari dua kemudian kami dikejutkan pula dengan kehilangan serentak *Prince*

31a Lihat Peta 2.

31b Elok diperhatikan bagaimana Jepun menyelaraskan dengan cermat waktu serangan terhadap sasaran Inggeris-Amerika di Timur Jauh. Sekiranya waktu tempatan dikaitkan dengan waktu Greenwich adalah jelas kesemua serangan dibuat pada hari yang sama dan tertulis dalam ruang waktu kurang daripada 7 jam. Jadual di bawah dipetik dari buku *Second World War*, Churchill, Vol. III hlm. 58, menerangkan:

	Waktu tempatan	Waktu Greenwich
Pendaratan pertama di T.M.	12.25 pg 8 Dis.	4.55 ptg 7 Dis.
Serangan Pearl Harbour	8.00 pg 7 Dis.	6.30 ptg 7 Dis.
Serangan udara pertama di Filipina	Subuh 8 Dis.	9.00 mlm 7 Dis.
Serangan udara pertama di HK	8.00 pg 8 Dis.	11.30 mlm 7 Dis.

MENJELANG PENAHANAN CHANGI



Peta 2 Tanah Melayu Utara dan Tengah - 1941



*of Wales* dan *Repulse*, tetapi sukar bagi kami untuk memahami bagaimana ini boleh berlaku. Kekurangan perlindungan udara bagi kedua-dua buah kapal induk ini dan kemusnahan tentera udara kami di Tanah Melayu sebenarnya tidak diketahui sangat oleh kita pada peringkat ini.

Pada 11 Disember satu keputusan dibuat iaitu menumpukan kesemua unit mesingan kami di sekitar pejabat Tekka Taiping Tin Co. serta mengambil alih rumah kediaman kerani besar. Sebuah kubu dalam digali untuk menghubungkan kesemua bangunan dan kedudukan mesingan, juga diberi perlindungan yang lebih baik dengan menggunakan kepingan besi manganese "dipinjam" daripada syarikat bijih timah itu. Penyamaran yang baik begini menjadikan kedudukan kami sukar dikesan dari udara dan kesemua kami terhutang budi kepada Koperal Andrew Robb, seorang juru-ukur bertauliah, yang menggunakan segala kepakarannya sebaik mungkin.

Seperti yang saya katakan bahawa kami hanya melihat sedikit sekali pesawat R.A.F., kalau ada pun, di padang terbang Taiping. Tetapi hampir berlaku satu tragedi apabila sebuah pesawat terbang cuba mendarat. Kapal terbang penumpang jenis Wearne tiba-tiba mendarat tanpa sebarang pengumuman. Akibatnya Koperal "Dusty" Miller telah mengarahkan supaya kapal terbang itu ditembak dengan mesingan. Pesawat itu tidak jadi mendarat, tetapi telah membuat laporan ke Ipoh akan peristiwa itu. Tiga puluh tahun kemudian saya mendapat penjelasan dari Koperal "Dusty" Miller sendiri: pesawat itu sedang membawa Brigedier Moir, pegawai pemerintah kesemua sukarelawan FMS. Dia bertujuan mengambil seorang prebet bernama Raja Musa,<sup>32</sup> putera Sultan Perak, yang pernah menjadi pelajar sekolah saya sehinggalah dia berhenti sekolah beberapa bulan dahulu. Tetapi nasib baik kerana peluru mesingan separuh terpasang dan tidak sebutir peluru pun mengenai pesawat yang boleh membawa akibat yang dahsyat. Peristiwa itu berlaku pada waktu siang hari yang terang dan bukan disebabkan ketakutan tetapi oleh kesilapan yang jujur, kerana adanya arahan menembak mana-mana kapal terbang yang cuba mendarat tanpa sebarang amaran terlebih dahulu. Pada waktu malam sesetengah pengawal kami, kadang-kadang oleh sebab takut, telah melepaskan tembakan ke arah cahaya atau

32 Baginda mangkat pada tahun 1983 ketika menjadi Raja Muda.

khayalan atau apa sahaja yang mereka nampak di hujung kawasan. Memang keadaan ini boleh berlaku dengan khabar-khabar angin mengenai sayap kelima.

Empat lima hari selepas itu keadaan boleh dikatakan tenang dan selesa di tempat baru yang lebih selamat. Selama perang bermula kami berasa di sinilah baru kami dapat menikmati katil, kerusi meja dan makanan kami pun ada orang yang menyediakan. Selain menyelesaikan dan melengkapkan tempat kami sebagai tindakan terakhir, kami sentiasa bersiap sedia setiap pagi dan petang serta memikirkan bagaimana perkembangan peperangan di tempat-tempat lain. Berita tempatan ada kalanya menakutkan. Kami pernah mendengar satu peristiwa di lapangan letak kereta di Taiping. Seorang pemandu berbangsa Melayu yang pergi ke lapangan letak kereta untuk mengambil "tuannya" dengan motokar telah ditembak mati oleh pengawal yang menyangkakan pemandu itu seorang penyusup Jepun. Memang pada waktu itu pasukan Jepun berada 50 batu dari Taiping, tetapi askar yang baru tiba dari Eropah atau Australia selalu salah sangka antara Melayu atau Cina dengan orang Jepun yang memakai pakaian orang tempatan. Hal ini telah mengakibatkan pembunuhan di kalangan mereka yang sentiasa membantu kami. Askar Jepun selalu memakai pakaian biasa daripada pakaian seragam dan ini memang disengajakan dengan tujuan menyamar seperti orang Melayu malah memberi kesan dalam tindakan ini.

Namun demikian, Jeneral Percival, dalam bukunya *The War in Malaya*, memberi dua contoh bagaimana askar kami tidak terpedaya dengan tipu muslihat itu. Kedua-dua peristiwa itu berlaku dekat atau atas sebuah jambatan di Kedah ketika awal peperangan. Brigedier Murry Lyon, Pegawai Pemerintah Divisyen, menceritakan bagaimana dia sedang berdiri di atas jambatan di selatan Kedah sambil memerhati askar-askarnya berundur melalui jambatan itu. Tiba-tiba seorang bermotosikal, diikuti oleh dua orang lain, menuju ke arah jambatan sambil mengikut sebuah lori kami. Penunggang motosikal yang di hadapan sekali mengibarkan tangan dan ketawa apabila melewati kami. Cara bukan Inggeris itu telah menyedarkan Brigedier Murray Lyon lantas berkata: "Oh, Tuhan, itu Jepun." Serentak dengan itu tembakan dilepaskan ke arah dua orang bermotosikal yang di belakang sebelum mereka berlepas diri ke seberang mengikut ketuanya. Dalam satu lagi peristiwa, pada pagi 16 Disember, seorang pengawal Punjab di atas Jambatan Batu

Pekaka yang merentangi Sungai Muda ternampak seorang peladang Inggeris memberi isyarat untuk mendapat kebenaran menyeberang jambatan. Tetapi apabila "peladang" itu menghampiri pengawal, dia lalu melompat dan bergomol dengan pengawal itu. Nasib baik pengawal itu dalam keadaan siap sedia dan beberapa ketika kemudian kata Percival: "seorang Jepun yang berani terguling maut di tebing sungai."

Sementara itu, tentera Jepun mara ke selatan melalui dua batang jalan – Jalan pantai utama melalui Jitra, Sungai Patani dan Taiping menuju Ipoh dan jalan pedalaman melalui Grik dan Kroh yang bertemu dengan jalan besar dua tiga batu di utara Kuala Kangsar dan 22 batu ke selatan Taiping. Kami telah pun berpindah dari Pulau Pinang pada 16 Disember dan hampir sama masa arahan yang tidak disangka-sangka kami terima supaya berundur dari padang terbang Taiping ke padang terbang Ipoh, 54 batu hala ke selatan. Pergerakan ini atas sebab-sebab strategi: kalau pasukan Jepun mara ke selatan dari Grik telah tiba ke jalan pantai utama sebelum pasukan kita berundur melalui jalan yang sama dan sekurang-kurangnya sampai ke Kuala Kangsar, Jepun akan terputus perhubungan.<sup>33</sup> Sementara itu Angkatan Udara Diraja bertindak membinasakan beberapa kelengkapan tertentu di padang terbang itu ketika kami bertolak.

Tidak lama kemudian kami menyertai beratus-ratus kenderaan tentera bergerak di jalan menghala ke selatan dalam tiga laluan lalu lintas. Kenderaan itu termasuk kereta, kereta meriam 25 paun, bren-gan, unit perubatan dan pelbagai jenis lori. Cuaca panas hari itu baik sekali dan syukur kerana pesawat terbang musuh tidak datang mengganggu kami sungguhpun kami dengar

33 Bencana besar menimpa kesemua askar kami yang bergerak di Kedah dan di Seberang Prai akan terputus dan dibinasakan sekiranya sebahagian tentera Jepun mendarat di Patani, kata sesetengah pihak. Dari Grik, Jepun akan mengasak ke selatan dan sampai ke jalan utama dekat Lawin sebelum askar kita berundur. Tetapi rancangan Jepun untuk tiba di Lawin dalam masa dua hari tergendala, sebenarnya 11 hari. Ini kerana mereka ditentang sengit oleh satu batalion Argyles, satu kompeni Punjab dan dua platun Sukarelawan FMS. Batalion Argyles, membunuh 200 askar Jepun dan mereka cuma tewas 10 orang di Titi Karangan. Sekiranya rancangan asal Jepun berjaya, satu malapetaka yang amat besar menimpa kesemua tentera kami di utara Tanah Melayu. Nasib baik, Pemerintah Tentera Tanah Melayu sedar dan kena pada masanya bahawa jalan Grik-Kuala Kangsar, selain sukar dilalui bagi kenderaan dan kereta kebal, tidak pula kurang sukarnya dengan tentera berjalan kaki yang agak lengkap untuk mengambil tindakan pada saat akhir mempertahankan jurang tanpa kawalan ini.

kemudiannya bahawa Taiping telah benar-benar dibom jam 2.00 petang pada hari itu juga. Seorang askar Argyles yang memandu kereta pembawa bren-gan kami temui di simpang Lawin, ke utara sedikit dari Kuala Kangsar, memberitahu kami bahawa Jepun lengkap dengan senjata mesingan ringan (*tommy gun*) serta bekalan peluru sarat dalam dua atau tiga buah kereta mengikutinya dari belakang.

Apabila konvoi tiba di Kuala Kangsar, saya turun dari lori dan menuju rumah saya bersebelahan sekolah yang cuma beberapa ela jaraknya dari jalan besar. Pemandu saya, Nair, dan isterinya menunggu ketibaan saya kerana saya telah memberitahu mereka dengan telefon pada paginya. Saya mengambil keputusan menghantar mereka berdua ke Singapura pada petang itu juga apabila saya turun di Ipoh nanti. Kami tidak pula meninggalkan kucing kesayangan sebanyak lima ekor dan anjing mereka bernama "Billy Boy". Saya telah lama memelihara kesemua kucing itu terutama "Hitam" berumur 9 tahun dan juga "Rimau" dan "Ubi". Di Singapura mereka boleh tinggal di rumah saudara saya G.E.D. Lewis, di rumah nombor 13, Fort Canning Road.

Ketika itu tidak seorang pun terfikir bahawa Jepun akan mara melampaui utara Tanah Melayu dan oleh itu harapan saya ialah supaya orang gaji saya dan kesemua kucing itu akan selamat di Singapura. Saya minum teh di Kelab Idris, di sini Jomaron, Pegawai Daerah, memberitahu saya tentang bagaimana seorang pegawai kanan tentera menyuruh dia menolong mendapatkan tempat untuk menampung 2000 orang di pekan itu. Apabila semuanya diatur dengan memuaskan, didapati bahawa pegawai itu tersilap kerana memikirkan Kuala Kangsar itu Taiping. Pekerja Cina Kelab Idris pula berada dalam kesulitan sama ada mengirim anak perempuannya, seorang murid saya, ke rumah emak saudaranya di Ipoh dengan kereta saya atau tinggal sahaja di Kuala Kangsar. Saya berasa lega apabila dia tidak jadi menghantar anaknya itu. Ramai menasihati saya supaya menghantar orang gaji saya pada petang itu juga dan jangan ditangguhkan lagi. Telah ada tanda-tanda beberapa perkhidmatan akan terputus. Kini sukar untuk mendapat petrol yang cukup untuk sampai ke Ipoh dari Guan Kee, pembekal saya, dan buruh-buruh sekolah saya pun bersungut bahawa mereka sukar membeli beras kerana kedai semuanya tutup. Saya menyerahkan semua kunci sekolah kepada penolong kanan saya, Encik Arumugam, dan memberitahunya, apabila Jepun

masuk ke Kuala Kangsar, dia hendaklah membiarkan peti besi terbuka dan ambil wang \$30.00 dalam peti itu.

Waktu menunjukkan jam 5.00 petang apabila saya meninggalkan Kuala Kangsar, serentak dengan itu askar kami memasuki rumah saya. Kami terpaksa bergerak perlahan kerana kereta terlalu berat dengan muatan tambahan, peti yang penuh kain baju, dan beberapa biji tayar ganti sekiranya tayar bocor di tengah jalan. Apabila kami tiba di Jambatan Iskandar yang cantik, baru dibina merentasi Sungai Perak, askar jurutera sedang membuat persiapan untuk meletupkannya dan mereka sudah pun memotong bahagian bawah struktur binaan daripada puncaknya. Di seberang jambatan sana dengan sedih kelihatan kereta meriam 25 paun terbalik pada malam semalam.

Kami tiba di Ipoh tanpa sebarang kejadian dan Nair menurunkan saya di Ipoh Turf Club. Di sini saya dapati Kompeni A/S saya ditempatkan dalam kandang kuda. Saya beri Nair \$100.00 untuk menampung perbelanjaannya ke Singapura serta mengucapkan selamat jalan kepadanya. Saya tidak menemuinya lagi untuk beberapa minggu. Apabila saya bertemu dengannya semula, dia bercerita perjalanannya tidaklah bebas daripada sebarang kejadian, dia masih selamat sampai di Singapura.

Menurut Nair, di suatu tempat dekat Kampar, 24 batu ke selatan Ipoh, dia diserang oleh sekumpulan penyamun dan telah merampas beg pakaian mengandungi \$80.00 dan membunuh "Billy Boy", yang cuba menolong melindungi harta tuannya. Mujur Nair terselamat daripada serangan seterusnya apabila lori yang penuh dengan askar India tiba dan menghalau penyamun-penyamun itu lalu mengiringinya sepanjang perjalanan.

Berbalik kepada kisah di Ipoh Turf Club, kami sukarelawan hanya dapat tidur dua jam sahaja apabila kami diperintahkan keluar untuk memberi ruang kepada tentera tambahan yang sedang dalam perjalanan ke utara. Dalam keadaan begitu kami tidak mampu membantah apabila kami terpaksa berpindah di tengah malam buta ke Hospital Bersalin Cina. Di sana kebanyakan kami tidak dapat tidur dalam bangunan, sebaliknya kami berselerak di tanah lapang dengan berselimutkan pakaian luar yang tidak tembus air. Saya masih ingat saya berkongsi pakaian itu dengan kawan saya Koperal Robb.

Menjelang sahaja waktu fajar, kami memindahkan kesemua kenderaan kami ke tempat yang terlindung di bawah pokok-pokok

getah. Kenderaan itu termasuklah lori lama J.K.R. jenis Albion yang dipandu oleh "Dusty" Miller dari Taiping dan selalu terbenam dalam lumpur. Tempat perlindungan kami lebih kurang setengah batu jauhnya dari Padang Terbang Ipoh. Bahkan tempat itu landasannya boleh nampak dari tempat perkhemahan kami kalau kami memandang ke bawah "rentas" atau lorong yang potong menerusi pokok-pokok getah yang tumbuh di sekitar padang terbang itu. Tidak seperti di Taiping, padang terbang Ipoh telah dibom beberapa kali malah ketika ini pun pesawat pejuang Jepun berlegar-legar di udara atas kepala kami.

Apabila mendengar seorang sukarelawan Melayu luka di paha terkena serpihan bom, kami pun segera menggali kubu. Namun kerja ini tidak dapat dimanfaatkan kerana pada malam itu juga, jam 2.00 pagi, kami bergerak menuju padang terbang Ipoh. Kami mengambil alih rumah kakitangan R.A.F. yang sudah pun berpindah ke selatan menuju Kuala Lumpur 140 batu jauhnya.<sup>34</sup> Pondok yang pernah mereka diami ternyata ditinggalkan secara tergesa-gesa dan dalam keadaan yang tidak memuaskan. Lantainya penuh bersepah-sepah dengan baju luar R.A.F. yang masih baru, seluar dalam, alat pencukur, buku saku, surat-surat yang tidak sempat dikirim, berus, sikat dan alatan lain yang biasa dipakai. Kami meluat melihat keadaan begini. Kami mengambil yang mana perlu sahaja. Keesokan paginya kami berpindah dari tempat yang terdedah itu ke bangunan konkrit tambahan di hujung sebelah selatan padang terbang. Tidak jauh dari landasan kami temui sebuah bangsal JKR yang terlindung daripada pandangan oleh kelompok pokok getah. Bangsal itu amat sesuai bagi melindungi penembak-penembak mesingan. Namun kami terpaksa membatalkan rancangan ini apabila kami dapati bangsal itu mengandungi 56 buah bom udara, sesetengahnya seberat 500 paun tiap-tiap sebutir. Sementara itu beberapa buah pondok yang berhampiran dengannya tersimpan beberapa tan bahan letupan (gelignite), beribu-ribu butir peluru mesingan untuk pesawat pejuang, juga bekalan kincir untuk dipasang pada bom udara. Dengan kesesakan demikian, tiada ruang untuk kami tidur bahkan kedudukan meriam kami ditempatkan 100 ela dari tempat tersimpan bahan-bahan yang

34 Tidak sampai seminggu kemudian, pada 21 - 22 Disember, lagi 12 daripada 18 buah pesawat terbang jenis Buffalo musnah berikutan serangan udara Jepun di padang terbang Kuala Lumpur.

boleh membunuh untuk mewujudkan suatu lingkaran api di kiri dan kanan bangunan tambahan tadi.

Makanan kami tidak menjadi masalah kerana Koperal Robb, sebagai juruukur yang selalu berkhemah di hulu-hulu dan biasa memasak sendiri, adalah seorang tukang masak yang istimewa dan dia telah mengubah suai tin petrol untuk dijadikan dapur masak yang berguna. Air untuk minum dan mandi boleh diambil dari sebuah telaga dekat pondok Cina yang ditinggalkan. Kesemua orang Cina yang tinggal di pondok-pondok setinggian berhampiran padang terbang telah meninggalkan tempat itu, termasuk pokok betik, rambutan dan nanas bahkan kambing, ayam, itik, anjing dan kucing. Saya beri makan telur ayam kepada seekor kucing yang merayau-rayau di situ.

Kami tidak perlu menunggu lebih lama untuk menerima serangan udara yang datang lebih kurang pada pukul 11.00 pagi. Ketika itu kami menggali beberapa kubu cetek yang memanjang. Mujurlah kami sudah selesai menggalnya. Tiba-tiba Robb mengerit: "Hei, masuk semua! Itu mereka datang!"

Kira-kira 12 atau 14 buah pesawat pengebom Jepun melayang di udara, atas kepala kami, setinggi lebih kurang 20 000 kaki dan menggugurkan kesemua bom serentak, seperti yang lazim dilakukannya. Empat daripada bom itu jatuh dekat kami dalam lingkungan 100 ela. Sebagai pengalaman pertama, bunyi desiran bom gugur amat tidak menyenangkan. Andrew Robb, Andy Steward dan saya sendiri berlindung dalam kubu yang sama sambil membongkok rendah dan kami selamat. Tetapi satu daripada serpihan bom yang tajam mengena sebatang dahan pokok di atas kubu kami lalu patah menimpa kami.

Boleh dikatakan, keselamatan kubu kami tidak dapat dipertikaikan. Contohnya, kubu di sebelah kiri kami, sungguhpun bom digugurkan sebanyak 12 butir dekat kubu itu dalam jarak 50 ela, tetapi Leftenan Hembry dan para sukarelawan Melayu dan Cina yang ada bersamanya tidak tercedera. Sebenarnya cuma tiga orang sahaja dari seluruh Perak yang ditempatkan di padang terbang terbunuh pada waktu itu.

Selepas serangan itu dapatlah kami menaksir kerosakan yang kami alami. Beberapa buah lubang akibat bom terdapat di sekitar bangunan tambahan. Di hujung padang terbang kami nampak bangsal berbumbung merah tempat menyimpan kapal terbang

telah terbakar. Di sebelah kiri kami pula terdapat beberapa buah pondok atap yang mengandungi petrol dan minyak kapal terbang tidak sedikit pun terjejas. Tiga buah pesawat Brewster Buffalo yang mengalami kerosakan beberapa hari dahulu kami lihat berselerak di padang terbang atau berdekatan dengannya. Sebuah di atas landasan, sebuah lagi di pinggir padang dan yang ketiga terkeluar dari padang. Sama ada ketiga-tiganya terbinasa akibat pertempuran atau ketika berada di bumi, kami kurang pasti kerana kami tidak nampak sebuah pun yang bertindak.

Khabar angin telah membuktikan bahawa pesawat itu tidak dapat bersaing dengan pesawat pejuang Zero Jepun dari segi kelajuan, kuasa mendaki atau menelentang. Perlindungan kami daripada bom seterusnya boleh dikatakan nihil dan hanya pada hari akhir kami di situ tibalah sebuah meriam Bofors A.A. yang tunggal. Sesetengah daripada askar yang bersenjata senapang raifal dan meriam Lewis, ada menembak ke arah pesawat terbang musuh, tetapi penembak-penembak mesin Vickers diberi arahan tegas supaya tidak menembak sehinggalah mereka cuba mendarat. Anahnya, kapal terbang yang pernah terkena tembakan meriam Lewis ialah pesawat ringan kepunyaan Belanda yang tidak dikenali. Pesawat itu terpaksa mendarat di Kampar dengan tangki petrolnya berlubang. Salah faham ini boleh berlaku kerana logo tiga segi merah pada badan kapal terbang Belanda, kalau dipandang dari jauh, hampir menyamai bulatan merah kapal terbang Jepun.

Lebih kurang 15 minit selepas pesawat pengebom meninggalkan kami, risalah anti-British bertaburan digugurkan dari udara. Namun kesan kepada yang membacanya tidak seberapa kerana risalah itu merujuk kepada "Peristiwa Changsha", satu peristiwa semasa perang China-Jepun yang kurang menarik minat bagi orang Tanah Melayu. Risalah itu cuba membuktikan bahawa pengakuan Chiang Kai Shek tentang kemenangannya dalam pertempuran itu adalah bohong.

Jepun tidak menghadkan pengeboman atas padang terbang Ipoh sahaja, tetapi kami dapat tahu Stesen Keretapi Ipoh juga kena bom dan kereta api yang membawa peluru telah meletup dan mengakibatkan kerosakan teruk. Sukar bagi kami untuk mengetahui kedudukan sebenar, tetapi dalam bukunya *War in Malaya*, Jeneral Percival menyebut bahawa sebuah kereta api perisai yang dilengkapi dengan senjata telah dibom lalu musnah di situ pada 20 Disember. Kereta api ini ada sejarahnya tersendiri. Selain menjadi



markas bergerak Jeneral Heath,<sup>35</sup> kereta api ini digunakan oleh askar jurutera di Kedah untuk menyempurnakan pemusnahan sebuah jambatan kereta api yang penting. Tujuannya ialah berat kereta api itu dapat membantu menyempurnakan jambatan yang separuh musnah supaya runtuh sama sekali, tetapi ini tidak berlaku. Kereta api tanpa pemandu melalui jambatan dengan selamat malah bergerak ke hadapan agak jauh sehingga pemandunya terpaksa berkejar untuk mematikan enjinnya.<sup>36</sup>

Sebuah tempat lagi di Ipoh yang kurang penting terkena bom telah menjadi bahan ketawa di kalangan sukarelawan. Bangunan itu ialah Hotel Ipoh, tempat jualan madu lebah yang dikendalikan oleh seorang wanita Jepun bergelar "madame" yang baik dan bertubuh gempal. Sebelum kejadian itu dia telah ditangkap dan dihantar ke khemah tahanan awam di India.

Sebaik sahaja selepas serangan ini, unit kami dipindahkan ke sebuah tempat yang kurang bahaya, lebih kurang 400 ela jauhnya dari tempat simpanan bom dan bahan letupan. Tempat itu tinggi sedikit letaknya dan terlindung oleh belukar atau semak, kebun nanas dan rambutan serta kebun sayur Cina. Tetapi pada 23 Disember sekali lagi kami diarahkan berpindah kerana Jepun sedang mengasak ke selatan dan kini telah menguasai seluruh Perak di utara Sungai Perak. Kami tidak diberitahu akan hal ini. Setelah meninggalkan padang terbang pada waktu senja, hujan turun mencurah-curah serta ribut pada awal malam. Kami berteduh di bawah rumah-rumah orang Melayu yang tidak jauh dari perkampungan Melayu. Pegawai kelengkapan kami mengambil kesempatan ketika hujan ribut teduh untuk membahagi-bahagikan peralatan baharu. Saya berasa amat gembira apabila mendapat sepasang kasut but baharu, saiz 12, yang pada masa itu amat kurang dipakai orang. Tengah malam itu konvoi kami berpatah balik ke arah Ipoh dan pada malam itu kami menginap di sebuah rumah besar kepunyaan seorang tauke Cina di Jalan Tambun. Oleh kerana ruang penginapan cukup terhad, saya dan Robb bermalam dalam lori. Demikian juga halnya dengan anggota unit lain seperti

35 Jeneral Heath ialah Komander Divisyen India ke-9 dan ke-11 ditempatkan di Kedah dan Kelantan ketika pecah perang. Namanya telah harum menentang Itali di Habshah pada tahun 1940 sebagai Komander Divisyen India ke-5. Lain halnya dengan Jeneral Percival, kesemua perkhidmatannya hanya dengan Tentera India.

36 Pemandunya ialah Leftenan Burns dari pasukan Punjab 2/16 yang dengan sukarela menjalankan tugas itu.

kereta perisai dan semboyan bermalam dalam kenderaan masing-masing dalam kawasan yang sama. Kami berasa sukar untuk melepai mata pada malam itu kerana diganggu bunyi letupan yang berlarutan memecah kesunyian malam. Bunyi itu datang dari arah padang terbang, di situ askar jurutera sedang meletupkan beberapa kelengkapan.

Pada pagi esok, 24 Disember, kami berlepas dalam satu konvoi pada pukul 9.00 pagi ke Kampar sebelum kami sempat sarapan. Pagi itu amat terang dan cuaca baik tetapi Jalan Tambun telah sepi ditinggalkan penghuninya. Kebanyakan rumah mewah orang Cina kelihatan tertutup rapat tanpa penghuni. Tanda perang hanya kelihatan pada lori terbakar kerana lebih petrol dan terhumban ke dalam parit dekat persimpangan Jalan Gopeng. Tetapi apabila kami sudah bergerak jauh ke selatan, kami lihat asap berkepul dengan banyaknya menjulang tinggi dari stor simpanan getah yang sengaja dibakar dengan tujuan menafikan musuh daripada memperolehnya. Seorang sarjan Melayu yang kuat memerhati telah nampak pesawat pejuang Jepun di angkasa padang terbang Ipoh. Kalau benarlah katanya, maka kami amat bernasib baik kerana terlepas daripada penangan Jepun. Perkara yang kesemua kami tidak lupa ialah wajah cemas orang kampung yang kami temui di sepanjang perjalanan. Sudah pasti sesuatu yang berlegar dalam fikiran mereka amat jelas dan sedih.

Apabila kami sampai di Kampar, konvoi kami berhenti di pekarangan sebuah kilang papan Cina, terletak di hadapan pintu masuk ke Sekolah Anglo-Chinese. Di sinilah kami berlindung. Saya berbual-bual dengan seorang Cina yang boleh bertutur dalam bahasa Inggeris, ketika bersiar-siar beberapa ela dari jalan. Dia adalah seorang guru penolong Sekolah Anglo Chinese, Parit Buntar, di Perak Utara, yang baharu bertukar ke Kampar. Isterinya sangat baik dan tolong menjahit seluar koyak saya dan mempelawa minum secawan kopi. Prebet Melluish dan saya pergi membeli beberapa botol bir untuk "Dusty" Miller yang sibuk mencari satu spring baharu untuk lorinya. Sepanjang hari itu kami mencuci mesingan dan sambil memerhati konvoi yang panjang dipenuhi oleh orang Eropah yang berwajah masam tergesa-gesa menuju ke selatan dalam kereta masing-masing. Saya tidak menyangka ketika itu saya mencuci senjata Vickers untuk kali terakhir kerana pada hari esoknya saya meninggalkan pasukan sukarelawan.

Apabila menjelang fajar Krismas keesokan harinya, kami dapati Leftenan Frank Vanrennan dan Koperal Bill Harvey sudah

meninggalkan kami untuk menjalankan beberapa tugas rahsia lagi berbahaya yang sedang diatur di Kuala Lumpur. Hanya setelah siang harinya baharulah pemergian mereka itu diketahui dengan jelas. Enam orang sukarelawan terpilih untuk bertindak sebagai pemandu di garisan belakang dalam-ekspedisi di kawasan tiga segi yang bersempadankan Taiping, Trong dan Kuala Kangsar. Keenam-enam mereka dipilih, kami diberitahu, kerana pengetahuan mereka mengenai kawasan itu dan kebolehan mereka bertutur dalam bahasa penduduk di situ. Mereka terdiri daripada empat orang peladang iaitu Leftenan Vanrennan, Leftenan Graham, Koperal Harvey dan Prebet Andy Stewart dan seorang juruukur kerajaan, Koperal Andrew Robb dan Sarjan William dari Tekka Taiping Tin Co. Di samping kami diberitahu supaya perkara itu dirahsiakan, beberapa orang kami berasa tersinggung kerana kami tidak dipertimbangkan dan ramai yang menyuarakan rasa kecewa masing-masing. Hujah saya bahawa saya telah tinggal selama 10 tahun dalam daerah itu, lebih lama daripada kebanyakan mereka itu, kalau tidak kesemuanya, yang telah terpilih dan saya seorang yang pernah tamat dalam dua peperiksaan bahasa Melayu. Saya tidaklah pula menceritakan segala kelayakan lain yang dianggap kecil! Bagaimanapun bantahan saya membuahkan hasil kerana pada petang itu saya menerima satu panggilan telefon untuk "Prebet Lewis" mengarahkan saya segera pergi ke sebuah rumah di Jalan Kampar. Di sana saya dihadapkan dengan beberapa soalan yang tepat dengan tugas yang bakal dilakukan daripada dua pegawai kanan yang agak mabuk iaitu Kolonel Staley dan Mejar A.C. Smith. Mereka menghujani saya dengan soalan seperti "Adakah kamu sanggup membunuh manusia?" Apabila saya mengatakan sanggup, lantas saya diberitahu bahawa saya terpilih untuk mengambil alih tempat Sarjan William yang sakit kaki.

Saya mesti bersedia untuk bertolak dengan motokar ke Kuala Lumpur dalam tempoh 20 minit. Matlamat tindakan yang dibisikkan kepada saya ialah untuk menggagalkan perhubungan Jepun secara serang hendap di kedua-dua jalan pantai melalui Trong dan jalan besar hala ke selatan di celah bukit Taiping. Saya hanya sempat mengucapkan selamat tinggal kepada teman-teman saya dan saya masih ingat bagaimana Prebet Guy McLeod dan Prebet Melluish ingin sama menyertai saya. Sementara yang lain melihat kami seolah-olah mereka tidak akan menemui kami lagi. Sangkaan demikian memang terbukti kerana ramai di antara mereka yang gugur. Sebaliknya, dalam tempoh setahun, tiga daripada enam

orang pemandu telah mati dan yang keempatnya mendapat luka lalu dipindahkan ke Australia.


Selepas mewariskan tilam saya kepada "Dusty" Miller, saya meninggalkan Kampar untuk ke Kuala Lumpur pada pukul 9.00 pagi dengan Andrew Robb, Andy Stewart dan Leftenan Graham yang memandu motokar. Kami bergerak dengan lancar sekalipun dalam gelap sehingga lampu motokar kami tiba-tiba padam dekat Rasa. Kami hanya berhenti di tepi jalan dan cuba tidur hingga fajar menyingsing. Kami tiba di Kuala Lumpur kira-kira jam 7.00 pagi setelah melewati satu sekatan jalan yang dikendalikan oleh sukarelawan Selangor di pinggir bandar. Saya kenal beberapa orang sukarelawan itu dan mereka terkejut melihat saya. Namun, oleh sebab sudah bersumpah rahsia, kami tidak dapat menyatakan sebarang rancangan kami.

#### (ii) Serangan Trong (Perak)<sup>37</sup> oleh *Roseforce*

Destinasi pertama kami ialah Sekolah Inggeris Jalan Batu. Saya pernah menjadi guru besar di sekolah ini pada suatu masa dahulu. Bangunannya sudah dicat semula dengan warna kelabu pudar supaya sukar dikenali kerana kini sekolah tersebut menjadi markas tentera. Orang yang kami hendak temui ialah Mejar Angus Rose dari pasukan Argyles dan Sutherland Highlanders. Kami diberitahu dia telah dilantik menjadi penasihat tentera untuk ekspedisi kami. Akhirnya kami dapat mencarinya di Station Hotel, bilik 25. Selepas sarapan dia membentangkan kepada kami rancangannya dengan terperinci. Matlamat utama ialah memutuskan rangkaian perhubungan Jepun pada dua tempat sebelum mereka sampai ke Sungai Perak. Satu siri serang hendap pertama ditetapkan di Bukit Berapit yang menghubungkan Taiping dengan Kuala Kangsar melalui jalan utama membawa ke jambatan Iskandar merentasi Sungai Perak, kira-kira dua batu ke selatan bandar itu. Siri serangan hendap yang lain dirancangkan di suatu tempat dekat Kampung Trong, jalan melalui pantai merentasi Sungai Perak di jambatan terapung (ponton) di Belanja, kemudian berbelok ke timur ke arah Ipoh.

Menurut perhitungan Mejar Angus Rose, sekiranya kedua-dua jalan ini dapat diputuskan dengan berkesan dan tinggal terputus untuk satu jangka waktu yang agak lama, maka diharapkan

37 Sila lihat *Peta 3*.



Peta 3 Sketsa Serangan Trong - Disember 1941

kemaraan tentera Jepun yang terbesar ke selatan menghala Kuala Lumpur dan Singapura akan terbantut atau sekurang-kurangnya menjadi kucar-kacir dan terlewat. Rancangan asal Mejar Angus Rose ialah mendapatkan satu batalion askar British yang cukup terlatih seperti Royal Marines untuk menjalani gerakan ini. Namun dalam keadaan begini, memang sukar mendapatkan tenaga mereka dan dia terpaksa menggantikan mereka dengan dua platon mengandungi 50 askar Australia dengan tiga orang pegawai dan enam orang sukarelawan yang boleh bertindak sebagai jurubahasa. Tiada siapa dapat membayangkan apakah yang akan terjadi sekiranya 600 atau 700 orang askar tiba-tiba menyerang rangkaian perhubungan musuh dan memotong bekalannya. Segala maklumat cenderung mengesahkan bahawa Jepun hampir tidak meninggalkan sebarang pertahanan di Tanah Melayu, tetapi tiada sebarang serangan dibuat sehinggalah terlewat.

Seramai 50 orang askar Australia dipilih khas dari kesemua unit A.I.F. di Tanah Melayu, enam orang daripada setiap batalion. Kesemuanya hendaklah terdiri daripada mereka yang belum berkahwin dan sukarela bahkan Kolonel "Black Jack" Gallegan memberi amaran bahawa mereka adalah pasukan bunuh diri.<sup>38</sup> Askar Australia ditempatkan di beberapa buah pondok terbina di belakang tugu Peringatan Perang tidak jauh dari stesen kereta api Kuala Lumpur. Mereka sedang sibuk mencuci senjata jenis automatik, bren-gan, tomigan dan juga raifal ketika kami datang. Di antara mereka yang saya ingat ialah Kapten "Gaga" David Lloyd, Max Perring, "Sandy" Sanderson, dan "Uncle" Hodge, Sarjan Allen dan Sarjan Donaldson, Prebet Maxwell, Prebet Falanagan dan Prebet Bill Flowers. Nama yang terakhir masih berumur 18 tahun dan dikatakan menyertai A.I.F. semasa berumur 16 tahun! Kerana badannya besar maka ramai menyangka dia sudah cukup dewasa.

Pada tengah hari yang sama, kami diangkut dengan beberapa buah lori ke Port Swettenham,<sup>39</sup> 28 batu jauhnya, yang menjadi markas kami, kapal ringan S.S. *Kudat*, kapal induk bagi tujuan ini dan semua ekspedisi laut yang akan datang. Malam itu kami tidur di bawah meja biliard di Mariners Club selepas masing-masing

38 Pasukan ini kemudiannya dikenali sebagai "Roseforce" mengambil sempena nama Mejar Rose dan disebut dalam buku Jeneral Percival *War in Malaya* hlm. 163.

39 Kini dinamakan Pelabuhan Klang.

menerima catuan makanan dalam tin (roti kering, kurma, kismis, dan sebagainya), sebuah beg gantung di bahu, sepucuk raifal, tiga butir bom "bakelite" ringan, dan 150 pusingan peluru raifal. Tambahan kepada itu kami juga diberi 100 pusingan ubat bedil tomigan dalam kepititan 20 untuk digunakan oleh mereka yang memakai senjata itu. Ada satu alat yang ditawarkan kepada kami tetapi kami menolaknya iaitu pisau "kukri" Gurkha untuk menebas belukar. Kami berjaya meyakinkan pegawai pemerintah bahawa parang biasa yang sering dipakai lebih baik untuk menebang menebas ketika meredas hutan.

Pada pagi "Boxing Day", 26 Disember, kami meninggalkan Port Swettenham dalam dua buah kapal kecil. Pelayaran kami menuju Kuala Trong, destinasi kami, lebih kurang 250 batu jauhnya. Platun 2 menaiki Kapal No. 1041 pada pukul 9.00 pagi; termasuklah di dalamnya Kapten Lloyd, Leftenan Perring, Sarjan Allen dengan Robb, Stewart dan saya sebagai pemandu. Platun 1 berlepas sejam kemudian dengan Kapal No. 1042 diketuai oleh Leftenan Victor Clarke, seorang muda bangsa New Zealand yang terselamat daripada *Repulse* yang karam. Juga di dalamnya ialah Leftenan Sanderson, Koperal Wilding, Mejar Rose sebagai penasihat tentera (tanpa kuasa memerintah atas pasukan Australia) dan tiga orang pemandu iaitu Vanrennan, Graham dan Harvey.

Kapal yang kami naiki agak kurang meyakinkan. Sungguhpun kapal itu bergerak dua batu di tengah laut, tetapi saya fikir, kelengkapannya cuma meriam penangkis Hotchkiss 3 buatan tahun 1896 tanpa ubat bedil. Perlindungan kami daripada serangan udara ialah meriam Lewis yang terpaksa diikat pada tiang kapal dengan seutas tali usang. Atas sebab tertentu, kapal kami juga menunda sebuah perahu kecil di bawah jagaan seorang askar berjanggut merah yang terselamat daripada *Prince of Wales* yang karam. Tujuh buah pesawat pengebom Jepun, diikuti lima buah lagi, melintasi atas kepala kami lebih kurang pukul 10.00 pagi berhadapan dengan rumah api Kuala Selangor. Nasib baik mereka tidak nampak kami. Mereka dalam perjalanan ke Kuala Lumpur, kami difahamkan kemudian, untuk menggugurkan bom dengan banyaknya.

Lebih kurang pukul 4.00 petang kami tiba dekat muara Sungai Bernam. Di sini kami berharap dapat mengambil empat buah motobot kecil yang akan membawa kedua-dua platun memudiki sungai kecil dari Kuala Trong kerana kapal kami tidak dapat lalu.

Cuma dua buah motobot yang datang. Ini menyebabkan

Leftenan Komander Clarke naik berang apabila mendapati dua buah bot lagi terkandas di tebing kerana air surut. Kakitangan tentera lautnya telah membuat satu kesilapan besar yang mengakibatkan keberkesanan tindakan pasukan kami tinggal separuh. Motobot yang terkandas itu hanya dapat timbul semula ketika air pasang nanti dan kami tidak sanggup menunggunya. Sebuah motobot ganti kami dapati lalu ditunda dengan kapal, namun motobot itu sudah buruk dan terlalu kecil untuk memuatkan kesemua anggota platun malah enjinnya juga tidak boleh diharap.

Ketika itu kami temui sebuah kapal kecil milik RNVR (Royal Navy Volunteer Reserve) diketuai oleh seorang peladang bernama Riches yang amat saya kenal. Dia memberitahu kami bahawa pada hari kelmarin dia menembak beberapa orang Jepun di Lumut, lebih kurang 40 batu di pantai utara. Kami mengucapkan selamat tinggal kepadanya dan meneruskan pelayaran kami ke utara menuju Sungai Trong. Di sini dijangka kami bertukar kapal itu dengan motobot. Selepas cuaca baik yang terang-benderang, kami kurang bernasib baik kerana menjelang malam hujan turun dengan lebatnya. Kami semua basah kuyup kerana sukar berteduh di atas ruang kapal yang sempit. Menjelang pukul 4.30 pagi kami mudik sejauh mungkin ke utara hulu sungai yang dapat dilayari kapal. Apabila fajar menyingsing dapatlah kami kenali rupa pokok di sepanjang pantai dan kami pun berpindah ke dalam motobot. Tetapi segala percubaan untuk memastikan motobot ganti itu dalam keadaan baik telah gagal. Setiap saat motobot itu terasa semakin ringan dan satu keputusan segera harus diambil. Kalau tidak, keseluruhan projek akan tergugat, justeru itu separuh daripadanya mesti dikorbankan. Keputusan dibuat untuk menenggelamkan motobot kami dan Platun 2 pulang segera ke Port Swettenham tanpa membuat sebarang pendaratan. Paling akhir kami lihat Platun 1 bergerak laju dalam dua buah motobot separuh ringan dengan bunyi enjin yang menderam. Bagi kami ada kemungkinan bunyi enjin itu akan mengejutkan pesawat terbang Jepun yang telah berada di padang terbang Taiping, lebih kurang 10 ke 15 batu dari situ.

Sementara itu kapal kami mesti meninggalkan Trong dengan seberapa segera untuk mengelak kemungkinan diserang dari udara. Apabila fajar tiba, dapatlah kami kenali Bukit Bendera, 50 batu ke utara, dan Pulau Pinang sudah pun jatuh ke tangan Jepun 10 atau 12 hari dahulu. Mereka berada dalam satu lingkungan jarak untuk mudah menyerang kami sekiranya mereka ternampak kapal kami.



Pada satu ketika kami terfikir bahawa kami akan diserang apabila kami nampak empat buah pesawat pejuang terbang tepat ke arah kami. Kami diarahkan berada dalam perut kapal guna mengelak sebarang sangkaan syak musuh bahkan saya mengambil satu tempat yang selamat di bawah logam alas meriam dan menanggalkan kasut but sekiranya terpaksa berenang. Nasib baik pesawat pejuang itu kepunyaan Belanda dan tidak melepaskan tembakan kerana mereka ternampak bendera di tiang kapal. Sekali lagi kami tersalah faham lambang tiga segi merah Belanda dengan bulatan merah Jepun pada badan kapal terbang. Namun, saya berasa lega kerana tidak jadi berenang sejauh dua batu ke pantai kerana saya tidak pandai sangat berenang.

Satu lagi peristiwa luar biasa yang berlaku kemudian, pada hari yang sama ketika kami berada dekat Bagan Datoh, di kuala Sungai Perak. Jauh di sana kelihatan sebuah kolek Melayu atau perahu dengan layar terkembang penuh menuju ke arah selatan. Kami terperanjat mendapati kolek itu membawa dua orang kelasi Melayu, dua orang lelaki Eropah tua, seorang perempuan Eropah dan seorang gadis berumur 12 tahun. Mereka memberitahu kami bahawa mereka asalnya bertolak dari Pulau Langkawi, sebuah pulau 60 atau 70 batu ke utara Pulau Pinang dan tidak jauh dari pantai Kedah. Mereka berjaya mengelak daripada dikesan oleh Jepun ketika mendekati Pulau Pinang dan telah melihat dua mayat Jepun dalam sebuah sampan apabila mereka singgah di Lumut untuk mendapat air bersih pada hari kelmarin. Agaknya itulah mayat Jepun yang ditembak oleh Riches. Oleh sebab kolek itu dalam keadaan baik untuk meneruskan pelayaran kami pun melambai-lambai selamat jalan. Kami tiba di Port Swettenham pada pukul 6.30 petang tanpa sebarang kejadian. Ketika memasuki pelabuhan kami berselisih dengan dua buah kapal RNVR yang diketuai oleh Gransden dan Maynard, kedua-duanya saya kenal.

Pagi esoknya kami bertolak ke Kuala Lumpur dan kami lihat beberapa kerosakan akibat kena bom iaitu Kelab Selangor, Padang, Bangunan Pejabat Pos dan kelab Buku Kuala Lumpur yang bersambung dengan Kelab Selangor. Kerosakan yang menimpa "Dog" (Kelab Selangor) tidak begitu teruk kecuali di hujung bilik biliard. Ketibaan kami disambut gembira dengan hadiah seperti *champagne*, empat dozen bir dan rokok disampaikan kepada unit kami oleh seorang bernama McFee, tetapi mengapa ketika itu saya tidak boleh ingat. Bagaimanapun, hadiah ini semuanya di-

bawa pulang ke Port Swettenham dan kami menikmati bersama dengan sebahagian lagi anggota unit kami yang balik dengan selamat pada petang itu dari Trong dengan cerita pengembaraan yang berbahaya.

Kami difahamkan bahawa cerita serangan yang penuh dengan warna-warni itu tidak tepat tersiar dalam akhbar tempatan bahkan tersiar dalam Berita Seberang Laut BBC. Tetapi laporan yang tepat lagi terperinci hanya didapati dalam buku yang ditulis sendiri oleh Mejar Angus Rose berjudul *Who Dies Fighting* (Cape). Bab V dengan tajuk "Serangan Temerloh", pertama kali terbit pada tahun 1944. Bahkan usaha ini juga memperlihatkan egonya yang lebih dan sedikit sekali cubaannya untuk merendah-rendahkan kepimpinan askar Australia yang dianggap kurang bermutu. Tidak syak lagi bahawa kecaman mejar Angus Rose ada asasnya tetapi pegawai dan orang-orangnya mencuba bersungguh-sungguh dengan latihan yang terhad malah mereka bukanlah terdiri daripada askar biasa yang berpengalaman selama 12 tahun seperti yang disebut dalam kritik itu. Berdasarkan kenyataan itu seseorang menerimanya dengan penuh yakin bahawa fakta dalam laporan Rose adalah benar dan tepat.

Dua buah motobot yang membawa Platun 1 dapat memudiki Sungai Trong dengan kelajuan 5 knot tanpa sebarang kejadian dan sampai ke muara anak sungai mengarah ke timur lalu ke Jeti Trong pada masa yang dijadualkan. Tetapi untuk mendekati sasaran, Bukit Berapit, dua batu lagi, mereka mengambil keputusan tidak menyusur anak sungai itu. Sebaliknya mereka bergerak ke utara dan menyusur sebatang anak Sungai Trong, dipanggil Sungai Langat. Sebaik sahaja memasuki anak sungai ini, malangnya sebuah dari motobot itu rosak, enjinnya tidak boleh dihidupkan lagi. Ini menyebabkan kelewatan dan mereka terpaksa membatalkan rancangan untuk sampai ke Bukit Berapit pada petang itu juga; sebab utama ialah untuk meredah setengah batu hutan bakau mengambil masa selama tiga jam.

Apabila tiba ke daratan kering, mereka bertemu dengan sebatang lorong yang baik dalam hutan menuju selatan dalam sebatu atau dua batu ke barat dan selari dengan jalan besar dari Kampung Trong ke Bruas dan Feri Belanja. Lorong dalam hutan ini merentasi Sungai Trong lalu ke kampung Temerloh tujuh atau lapan batu lagi ke selatan; di sini ada sebuah ladang getah lengkap dengan kilang, tempat tinggal buruh dan sebuah banglo. Pasukan itu mem-

buat keputusan mengambil alih matlamat asas Platun 2 dan mengatur serang hendap di sebelah barat jalan di selatan Trong. Ini menyelamatkan mereka daripada berjalan kaki sejauh 20 batu lagi. Selepas satu atau dua kesilapan kerana peta lama tahun 1915 yang tidak menunjukkan lorong-lorong dalam hutan, akhirnya sampai juga mereka ke Kampung Temerloh. Mereka mengambil keputusan untuk bermalam di situ sambil membuat persiapan untuk melancarkan serang hendap pada pagi esoknya. Mejar Angus Rose bersendirian pergi membuat "tinjauan" sulit ke kawasan serang hendap sebelum gelap. Dia sampai ke jalan raya dan dari satu kedudukan baik lagi tersorok, dia dapat meninjau perjalanan lalu-lintas.

Mula-mulanya dia ternampak enam atau tujuh buah lori penuh dengan askar Jepun melalui jalan itu. Kemudian, agak ganjil, sepasukan enam orang penyenggara semboyan di bawah seorang pegawai tidak Bertauliah dalam sebuah lori lain bergerak untuk menguji talian telefon yang hanya beberapa ela sahaja jauhnya. Selepas itu sepasukan askar berbasikal seramai 60 orang berpakaian segala macam pakaian seragam dan topi melintas dengan lajunya. Mejar Angus Rose pulang menyertai orang-orangnya dan untuk tidur di rumah kediaman buruh sebelum membuat gerakan pada awal pagi esok. Tetapi mereka tidak dapat nyenyak tidur kerana banyaknya nyamuk. Pukul 3.00 pagi mereka terpaksa bangun dan pukul 4.00 sudah mula bergerak. Menjelang pukul 7.30 pagi mereka sudah tiba di pinggir jalan raya dan platun berpecah dalam tiga kumpulan serta ditempatkan di sepanjang jalan yang lurus di tebing sebelah barat.

Dalam bukunya, *Who Dies Fighting*, Rose mengkritik ketua askar Australia kerana tidak memberi perintah yang tepat tentang menembak dan bagaimana dan di mana platun akan bertemu semula selepas bertindak. Rose juga mempersoalkan sama ada sebarang arahan tentang bagaimana harus dilakukan apabila menemui dokumen dan maklumat lain daripada mayat Jepun? Tidak syak lagi kritiknya amat wajar tetapi dia terlupa bahawa askar yang terlibat bukanlah terdiri daripada tentera biasa. Lagipun, barangkali, mereka tidak pernah mendapat sebarang arahan tentang peranan yang harus dilakukan. Mereka juga bukanlah pasukan yang homogen malah mereka adalah sukarelawan dipilih daripada beberapa unit.

Sementara itu platun mula mengawasi segala pergerakan di

jalan raya. Kenderaan pertama ialah sejumlah motokar yang membawa orang-orang tempatan berpakaian serba putih dengan diiringi oleh askar Jepun, agak ganjil, berpakaian seragam hijau. Para penumpang itu nampaknya, Rose berpendapat, ialah "kumpulan pengkhianat negara", tetapi bukti yang ada pada peringkat ini menunjukkan di sebaliknya iaitu mereka adalah orang kampung biasa yang ketakutan sedang dipaksa menjalankan pelbagai tugas kerahan Jepun. Kemudian disusuli dua buah ambulans besar, nampaknya lebih menyerupai van besar mengangkut perabot. Akhirnya, ketika Rose bersandar pada pokok sambil memerhati gerakan lalulintas, tiba-tiba dia ternampak sebuah motokar penumpang dengan mengibar panji-panji besar berwarna biru yang menunjukkan penumpangnya seorang pegawai tertinggi Jepun. "Brigedier, kita mesti dapatkan dia!" seru Rose. Dalam beberapa saat sahaja dia memetik pistol lalu menembak pemandunya terus mati. Motokar Brigedier terhumban ke dalam parit dan segera diikuti oleh keseluruhan angkatan motokar yang mengikutinya tidak jauh di belakang. Tembakan dengan tomigan dan raifal serta juga lemparan bom tangan mencederakan ramai askar Jepun yang berada di dalam tiga buah kereta pegawai dan lima buah lori yang mengekori dari belakang. Tetapi Mejar Angus Rose menyatakan rasa kecewanya kerana kuasa menembak mereka tidak begitu terkawal dalam gerakan ini dan juga dua tiga serang hendap lainnya tidak diatur dengan baik dalam kawasan yang sama sebelum Jepun punya waktu untuk melancarkan serang balas.

Tetapi pemerintah tentera Australia membuat keputusan yang lain. Bergerak pulang dengan pantas menyusuri Sungai Trong, Bill Harvey, salah seorang pemandu, telah diarahkan mengambil beberapa buah sampan untuk membawa pasukan menghilir, ke tempat dua buah motobot tersorok. Bill Harvey menyamar sebagai orang Melayu kampung, berkain dan berbaju Melayu, tetapi badannya yang besar sukar untuk dikenali sebagai Melayu. Apabila pasukan tiba ke Sungai Trong pada puluh 11.00 pagi, mereka ditunggu oleh Bill Harvey. Di sana mereka diberitahu semua sampan diperolehinya dan dua buah motobot sudah dapat dicari. Kebanyakan anggota rombongan bersedia untuk menghilir kecuali beberapa orang terpaksa lewat sedikit kerana masih tercari-cari dayung bagi empat buah sampan lagi. Elok juga kelewatan ini berlaku kerana tiba-tiba muncul dua orang "Melayu" pada ketika itu yang sebenarnya ialah dua orang askar Argyles yang menyamar.

Sarjan Mejar Love dan Sarjan Skinner yang meredah sepanjang hutan dari Grik di Perak Utara, juga seorang sarjan lagi dari pasukan Leicester yang datang dari Jitra, 120 batu jauhnya ke utara dan tiga orang prebet dari pasukan East Surreys yang letih lesu.

Akhirnya sampan dapat mengangkat mereka semua ke motobot tetapi tidak disorong ke luar ke pantai sehingga pukul 5.30 petang kerana paras air surut. Sekali lagi sebuah daripada motobot kami mengalami kerosakan enjin dan terpaksa ditunda oleh motobot yang sebuah lagi. Di samping menempuh pelbagai halangan dapat juga kami berkumpul di tempat yang dijanjikan, di kuala Sungai Trong, lebih awal daripada jadual. Empat jam menunggu dalam gelap dan hujan yang turun mencurah-curah; basah kuyup kami hingga terasa sampai ke tulang. Kapal belayar pulang ke Port Swettenham mengambil masa lebih lama daripada yang dijangka kerana terpaksa menunda dua buah motobot sepanjang pelayaran dan juga pelayaran mengambil laluan berpusing-pusing bagi mengelak kemungkinan serangan udara.

Saya berasa amat terharu untuk memetik kata-kata Mejar Rose sebagai tanda penghormatan kepada penduduk tempatan dalam peristiwa Serangan Trong: "Dalam tempoh kami berada di belakang garisan Jepun, saya begitu kagum dengan cara penduduk tempatan, sama ada Melayu, India atau Cina, kerana tidak mengambil kesempatan mencari untung, malah memberi segala bantuan kepada kami setakat kemampuan mereka."

Oleh sebab kami semua mendapat cuti selama tiga hari, saya mengambil keputusan untuk ke Singapura menziarahi saudaramara saya dan juga mengetahui keadaan pemandu saya Nair dan keluarganya, Human, Canine dan Feline yang tinggal di rumah No. 13, Fort Canning, terletak betul-betul di bawah Markas Tentera Jeneral Percival. Saya dapat tahu abang saya, John, telah dipindahkan dari Pulau Pinang pada 16 Disember dan jawatannya sebagai Penolong Pengawal Makanan ditamatkan. Adik saya, Gerwyn, setahu saya, masih berkhidmat di Jabatan Cukai Perang.

Sebelum bertolak ke Singapura saya terperangkap dalam serangan hebat di dermaga Port Swettenham yang akhirnya menamatkan segala gerakan darat dan air dalam perancangan akan datang. Saya sedang berjalan bersama Bill Flowers, seorang Australia berumur 18 tahun pembantu kepada Kapten Lloyd, apabila tiba-tiba pesawat pengebom Jepun membuat penerbangan rendah. Kami mencari perlindungan dalam timbunan papan alas

jalan kereta api yang lama. Kami merasakan gegarannya apabila bom jatuh ke bumi. Dua buah sampan besar terbakar ditunda ke tengah laut, tetapi selebihnya diselamatkan atas usaha dua orang pegawai kastam bernama Talbot dan Jeffries, dan seorang Cina tua, satu-satunya bangsa Asia berada bersama kami. Serangan bom telah mengurangkan bilangan kakitangan pejabat kastam kepada tujuh orang dan para pekerja Balai Polis Pelabuhan pula ramai yang tidak datang bekerja. Sedang kami membuat taksiran kerosakan yang berlaku datang lagi tujuh buah pesawat pengebom lalu menggugurkan bom ke atas tiga buah meriam Bofors yang terletak di antara dermaga dengan Mariners' Club. Askar meriam Bofors mendapat perlindungan yang secukup daripada beg pasir yang bertimbun tirus bagai bukit, tetapi saya mencari perlindungan dalam kubu konkrit yang berdekatan bersama seorang pegawai sukarelawan Selangor. Dia melompat naik mesin-gan Vickers di sebelah hujung kubu yang terbuka dan melepaskan tembakan ke arah pesawat pengebom yang berkeliaran di udara, tetapi tidak kelihatan sebarang hasil.

Pesawat terbang begitu rendah sehingga kami dapat melihat dengan jelas bom yang digugurkan dari kapal terbang dan jatuh cuma 20 atau 30 ela jaraknya daripada kami. Sungguhpun tiada seorang yang terbunuh tetapi banyak kerosakan yang berlaku. Lubang-lubang besar bekas kena bom kelihatan dalam kawasan dermaga; pagar besi di sekeliling Mariners' Club melayang jauh dan yang teruk sekali ialah Kapal No. 2 yang rapat dengan *S.S. Kudat*, di pinggir dermaga terkena bom dengan tepat lalu terbakar. Kapal itu tidak dapat digunakan lagi. Ketika itu saya kurang maklum bahawa *S.S. Kudat* menjadi gedung simpanan bagi kapal-kapal kecil tentera laut, tetapi Jepun telah pun dapat mengagak pertaliannya. Tentera Udara Jepun telah melumpuhkan satu lagi rancangan darat dan air pada hari esoknya pula.<sup>40</sup> Lima buah perahu mendarat *Eureka* yang dipesan khas dari Amerika Syarikat

40 Pemerintah Tentera Australia "Roseforce" telah merancang satu lagi ekspedisi darat dan air yang berani di pantai negeri Perak. Sasarannya ialah padang terbang Taiping yang dilaporkan penuh dengan kapal terbang Jepun dan lapangan letak kereta yang berdekatan penuh dengan kenderaan. Mejar Rose tidak menyertai pasukan ini, dengan beberapa alasan yang wajar, menurut pendapatnya askar Australia tidak layak menjalankan tugas pemusnahan seperti yang dikehendaki. Kemusnahan "Perak Flotilla" - *S.S. Kudat* dan *Eureka* - satu kebaikan kepada kami, untuk memberhentikan rancangan itu kerana kepantasan Jepun menguasai seluruh Perak sudah ketara.

dan dijangka tiba ke Port Swettenham pada 2 Januari, tetapi sebelum hari ketibaannya, Jepun sudah mengesan *Eureka* dalam pelayaran ke utara lalu menenggelamkannya atau membinasakan-nya sama sekali.

Kami berlepas ke Kuala Lumpur dengan motokar pada petang itu dan mandi-manda di Station Hotel. Seorang pegawai tertinggi tentera juga menumpang sementara di bilik kami untuk mandi. Hanya kemudian kami dapat tahu bahawa dia ialah Mejar Jeneral Murry Lyon yang tugas pemerintahannya telah diganti oleh orang lain selepas tewas di Jitra. Kami dapati dia seorang yang baik dan begitu teliti mendengar kegiatan kami baharu-baharu ini.

Pada petang yang sama, selepas serangan, kami bertolak ke Singapura pada pukul 8.30 malam. Di dalam kereta api saya berjumpa dengan Frank Vanrennan yang sedang dalam perjalanan untuk menemui isterinya. Saya tidak berjumpa dia lagi selepas itu. Juga saya berjumpa pegawai kastam Talbot dan ketua pegawai *S.S. Kudat*. Kedua-dua mereka mengalami tekanan perasaan dan terperanjat serta mengesahkan bahawa kapal mereka telah kena bom dan tenggelam dalam pelayaran balik ke Singapura.

Kami tiba di Stesen Keretapi Singapura pada pukul 10.30 pagi dan di situ saya bertemu seorang rakan lama sukarelawan, Sarjan Mejar Jamieson, yang memberitahu saya dia sekarang mengawal orang tahanan awam Jepun yang sedang diangkut ke India dengan kapal. Abang saya, John, memberitahu seramai 1000 orang terbunuh dalam serangan udara di Pulau Pinang<sup>41</sup> dan *S.S. Pangkor*, sebuah daripada kapal yang membawa pelarian ke Singapura, telah pecah dalam pelayaran itu. Isteri dan anak perempuannya telah berlepas ke Australia dan dia kini dilantik mengelolakan Unit Kawalan Makanan di Bras Basah Road. Adik saya, Gerwyn, telah meninggalkan Jabatan Cukai Perang dan kini berpangkat sarjan dalam Unit Palang Merah Sukarela yang diketuai oleh Dr. Pavillard, seorang doktor Singapura. Saya juga mendengar cerita daripada pemandu saya dengan lebih terperinci tentang pengalamannya ketika berkereta dari Kampar ke Singapura.

41 Jam 11.00 pagi Khamis, 11 Disember, 27 pesawat Jepun mengebom Pulau Pinang, membunuh 1000 orang dan mencederakan beribu-ribu lagi. Tidak ada sebarang tentangan sama ada oleh pesawat terbang British atau tembakan meriam antikapal terbang bahkan penduduk terperangkap secara mengejut lalu terpukau dalam khayalan seolah-olah menonton pertunjukan udara, dan tidak menghiraukan untuk mencari perlindungan, sehingga bom digugurkan.

Selepas tiga hari, saya pun pulang ke Port Swettenham. Saya mendapati unit kami tidak sekukuh dahulu, kalau tidak silap, kerana kapal *Kudat* dan bot *Eureka* sudah tidak ada lagi. Beberapa sidang rahsia diadakan di Kuala Lumpur dan berita mengarah kami supaya berada dengan pasukan di belakang yang berpangkalan di Tanjung Malim, di Perak Selatan; tetapi kami tidak pernah dirundingi atau diberitahu tentang sesuatu yang dirancang. Hanya selepas perang, apabila saya membaca buku Spencer Chapman<sup>42</sup> *The Jungle is Neutral*, baharulah diketahui apakah sebenarnya yang berlaku. Pasukan kecil yang tinggal di belakang sebenarnya dikelolakan oleh Spencer Chapman dan dalam Bab IV bukunya itu dia menceritakan bagaimana dia menghabiskan masanya pada petang 30 Disember di Station Hotel bersama Frank Vannan dan Bill Harvey. Agak aneh kerana nama Spencer Chapman tidak pernah disebut kepada saya ketika itu, tetapi saya amat kenalnya semenjak bulan Ogos 1938 ketika kami berdua menghadiri "Kursus Masa Cuti dalam Pendidikan" di Oxford dan saya duduk di sebelahnya sepanjang 90 kuliah kursus. Dalam keadaan begini, tiga orang pemandu yang tidak terlibat dalam, atau diberitahu tentang, projek ini, ialah Robb, Stewart dan saya; sudah tentu kami membuat keputusan untuk tinggal bersama unit Australia yang asal. Amat jelas bahawa unit ini tidak dapat menjalankan tugas ekspedisi seterusnya tanpa bantuan beberapa pemandu dan jurubahasa tempatan.

Kami dapati askar Australia telah berpindah dari Mariners' Club yang sudah hancur ke beberapa rumah kosong terletak di sepanjang Jalan Port Swettenham stesen bas Klang. Ini kerana tidak lama lagi mereka akan meletupkan jambatan Sungai Klang. Sementara itu kami juga berpindah ke sebelah timur tebing sungai. Seorang teman daripada pasukan polis, Ian Macdonald, mencadangkan supaya kami berpindah ke Sekolah Tinggi Klang, tetapi bangunan sekolah itu telah didiami oleh pasukan jurutera. Jadi, kami mengambil keputusan untuk mendiami rumah guru besar yang kosong. Guru besar, Encik Pearson, sedang terlantar kerana luka di hospital Kuala Lumpur dan isterinya berada di sisinya, tetapi budak Cina yang menunggu rumah itu masih menduduki rumah itu. Bahkan dia enggan membuka pintu yang bertutup rapat

42 Kemudian, penulis buku *Bamboo Doctor* (Macmillan) menceritakan pengalamannya sebagai buruh jalan kereta api Siam-Burma.



dan semua pintu telah berpaku sebagai langkah mencegah kemasukan orang-orang yang tidak diingini. Kami memberi jaminan bahawa kami akan menjaga rumah dan harta benda di dalamnya dengan baik, tetapi saya hairan sejauh manakah dia akan berjaya menyekat kemasukan perompak ke rumah itu apabila kami pergi nanti. Kami juga beri makan dua ekor kucing Siam kepunyaan Encik Pearson. Padang permainan sekolah, sebenarnya padang bagi semua sekolah Melayu dalam kawasan itu, dipenuhi dengan alatan lompat pagar dan halangan-halangan lainnya; semuanya berselerak dalam keadaan terbiar tetapi dipercayai ini disengajakan sebagai menyekat pendaratan askar payung terjun.

Saya bercakap-cakap dengan seorang Melayu tua kampung di belakang rumah itu dan dia memberitahu bahawa dia telah tinggal di situ lebih 100 tahun. Kini mereka terpaksa melarikan diri ke hulu; hanya dia tetap tinggal di situ. Dia kemudiannya mengaku sebagai seorang keluarga diraja.

Kami tidak dapat tinggal lama di Klang kerana berita serangan dari laut dan kemungkinan Jepun mendarat di sepanjang pantai Kuala Bernam dan Kuala Selangor bahkan Port Swettenham, telah sampai ke telinga kami.

Churchill sendiri pernah bertanya kepada Sir Dudley Pound, Ketua Utama Laut (First Sea Lord), pada 22 Januari untuk menjelaskan bagaimana Jepun dengan mudah mengalahkan pasukan tentera kami di pantai barat Tanah Melayu, sedangkan tiada sebuah pun kapal perang Jepun di perairan ini. Beberapa faktor yang memungkinkan hal ini berlaku. Apabila pemindahan besar-besaran berlaku di Pulau Pinang pada 16 Disember, beberapa buah kapal kecil dan sampan perang di pelabuhan tidak pula dipindahkan sebagaimana sepatutnya dilakukan.<sup>43</sup> Patut juga dipersalahkan

43 Pemindahan orang awam Pulau Pinang pada 16 Disember adalah arahan tentera yang dibuat oleh Jeneral Heath, tanpa berunding terlebih dahulu dengan Gabenor di Singapura. Ini telah menyakitkan hati Gabenor apabila mendengar pemindahan itu dihadkan kepada penduduk Eropah sahaja. Sebenarnya Suka-relawan Asia diberi peluang untuk sama berpindah tetapi mereka memilih untuk tinggal di Pulau Pinang. Pengangkutan yang masih ada ketika itu hanya beberapa buah bot feri, dikendalikan oleh 50 orang kelasi yang terselamat daripada kapal *Prince of Wales* dan *Repulse*, dan memang mustahil untuk mengangkut lebih ramai daripada yang telah diselamatkan. Seyogianya diingat bahawa operasi pemindahan dilaksanakan selama enam hari sahaja selepas pasukan Jepun menyeberangi sempadan Siam untuk masuk ke Kedah. Stesen Radio Pulau Pinang yang terselamat masih meneruskan siaran propaganda paling maksimum yang mengenai peristiwa itu dalam beberapa minggu. Jepun juga merampas 3000 tan bijih timah, logam yang amat mereka perlukan.

ialah ketua-ketua dan anak-anak kapal pengangkutan ini yang telat menghilang diri daripada tugas sebaik sahaja ternampak tanda awal bom digugurkan. Sudah pasti Jepun mengambil kesempatan menggunakan pengangkutan ini untuk melancarkan beberapa siri pendaratan di selatan pantai barat. Musuh mendapat kelengkapan tambahan yang tidak disangka-sangka sebagai tambahan kepada sumber yang sedia ada.

Pada pertengahan bulan Disember, beberapa buah sampan perang yang boleh berdayung sendiri buatan Jepun telah didaratkan di Singora, Siam, dan diangkut melalui jalan raya ke pantai Kedah untuk dilancarkan pada 22 Disember.<sup>44</sup> Kebetulan, sampan-sampan yang sama juga digunakan untuk mendarat di pantai barat laut Pulau Singapura pada 8 Februari. Dalam hal ini sampan itu semuanya diangkut melalui jalan darat dari Pontian Kecil di pantai Johor ke Selat Teberau di Johor Bahru, dekat Tambak Johor yang menghubungkan Semenanjung Tanah Melayu dengan pulau itu.

Adapun sesuatu yang menyebabkan ancaman dari laut ini begitu berbahaya ialah kebanyakan pendaratan Jepun di tempat-tempat tertentu yang memudahkan penyusupan tenteranya dengan pantas ke pedalaman sekaligus memutuskan perhubungan jalan utama antara utara dan selatan. Satu lagi sebab yang harus diberi perhatian ialah kekuatan Tentera Udara Jepun yang dapat memberi perlindungan secukupnya kepada tentera daratnya sambil melumpuhkan "Perak Flotilla" yang tidak memungkinkan lagi untuk mengulangi Serangan Trong. Sebaliknya apabila sebuah kapal terbang British melaporkan bagaimana sebuah bot tunda Jepun dengan empat buah sampan perang terkandas di tebing pasir kuala Sungai Perak pada 1 Januari, tiada sebuah pun kapal atau pesawat terbang British yang ada untuk mengambil kesempatan dalam keadaan yang sedemikian.<sup>45</sup>

Pendaratan Jepun yang pertama berlaku pada 1 Januari di Hutan Melintang, sebuah kampung terletak dekat kuala Sungai Bernam. Satu pasukan kecil dalam sebuah daripada tujuh buah kapal perang kecil mendarat di sana dan mereka diiringi dengan

44 Dianggarkan lebih kurang sebanyak 40 buah sampan digunakan oleh Jepun ketika mendarat di Singora pada 8 Disember dan dilancarkan semula di perairan dekat Alor Setar.

45 Bulan April 1940, Jeneral Bond, Pegawai Pemerintah Tentera ketika itu membuat permohonan yang sia-sia bagi mendapatkan tiga buah bot torpedo untuk menangani keadaan begini sekiranya perang berlaku.

beberapa buah sampan perang. Sungai Bernam boleh dimudiki kapal kecil jauh ke pedalaman hingga ke jalan utama, dan ini merupakan ancaman hebat kepada perhubungan kerana pasukan tentera kami masih bertahan di Kampar di sebelah utara. Sebenarnya pasukan utama Jepun tidak mendarat di sini, tetapi pada hari esoknya, 2 Januari, kapal Jepun kelihatan di pantai Kuala Selangor, lebih kurang 30 batu di utara Port Swettenham. Dalam peristiwa ini, seorang Jepun itu telah dipatahkan dengan beraninya oleh pasukan meriam termasuk Unit Meriam Ringan FMS. Mereka dapat menenggelamkan sebuah kapal kecil Jepun dan merosakkan beberapa buah sampan perang lainnya.

Peristiwa ini tidak sedikit pun menghalang kemaraan Jepun. Pada esoknya 3 Januari, satu batalion askar Jepun mendarat di pantai Kuala Selangor, lapan batu di utara. Mereka bergerak pantas ke selatan mengikuti jalan pantai menuju jambatan Batang Berjuntai, satu-satunya jambatan merentasi Sungai Selangor. Dari situ batalion itu melalui jalan yang baik menuju Rawang, cuma 12 batu jauhnya. Sekali lagi perhubungan utama kami terputus, kerana Rawang terletak di tengah-tengah jalan utama, sedangkan askar kami masih berjuang di sebuah pekan kecil 70 batu di utara.

### (iii) Peristiwa Jambatan Batang Berjuntai

Untuk menghadapi keadaan darurat ini, pada 3 Januari beberapa platoon Sukarelawan FMS bersama dengan satu unit seramai 50 orang askar Australia yang berpangkalan di Klang telah dikerah bergerak ke utara guna mempertahankan Jambatan Batang Berjuntai. Bergerak dengan kenderaan ke utara dalam gelap melalui jalan pantai ke Kuala Selangor, dalam perjalanan itu kami melewati kampung-kampung diterangi lampu yang malap seperti Kapar dan Jeram. Di Jeram saya bertemu semula Leftenan "Mustard" Burns, daripada pasukan East Surreys, pernah menjadi pengajar antigas di perkhemahan sukarelawan tahun sebelum ini. Mengikuti lampu malap basikalnya, kami membelok ke kanan dari jalan besar dan sampai ke Markas Tentera, kira-kira 200 ela dari tepi jalan sebelah kiri. Pada waktu aman rumah itu ialah pejabat pengurus ladang getah tempatan. Di sini kami berehat dan tidur selama empat jam atas lantai konkrit yang sejuk atau atas meja dan bangku bagi mereka yang bernasib baik.

Pada pukul 2.00 pagi kami bergerak semula melalui jalan besar

menuju Kuala Selangor. Perjalanan malam itu amat mengerikan terutama di jalan yang lurus, bimbang serangan hendap Jepun yang boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja. Jalan yang memanjang di sepanjang pantai itu memungkinkan kami bertembung dengan askar Jepun yang mendarat dalam gelap itu.

Kapten Lloyd, yang bertanggungjawab kepada unit Australia kami, telah diberi sebuah motokar lama Standard untuk bergerak mendahului konvoi dengan dua orang pegawai India dan saya sendiri bertindak sebagai jurubahasa. Arahan yang diberi kepada kami ialah membuat perhubungan dengan seorang pegawai tertentu di Kelab Kampung Kuantan. Dalam perjalanan itu kami sering dicabar oleh para pengawal India di sekatan sepanjang jalan. Apabila kami tiba di Batu 23 kami membelok ke kanan ke sebuah kampung bernama Bukit Rotan, terletak di seberang jambatan, yang separuh musnah dan hanya muat untuk dilalui oleh sebuah kereta sahaja pada satu-satu masa. Dua tiga batu dari jalan itu kami tiba di persimpangan dan kami terpaksa mengejutkan seorang buruh India yang sedang tidur di rumah kediamannya dekat situ untuk menunjuk arah jalan ke Kelab Kampung Kuantan. Setengah jam kemudian kami tiba di selekoh tajam lalu membelok ke jalan yang bengkok-bengkok dengan hutan bakau di kiri kanan. Akhirnya kami tiba di kampung Batang Berjuntai, sebuah pekan di persimpangan jalan kereta api dari Kuala Lumpur, lengkap dengan stesen kereta api dan pejabat pos. Kelab Kampung Kuantan ialah sebuah bangunan moden yang kami nampak dalam cahaya bulan terang. Kami hanya berhenti sekejap sambil berbincang dengan beberapa pegawai dengan berpandukan peta di bawah cahaya lilin.

Mereka menyerahkan kami kepada seorang pegawai British di Pejabat Pos Batang Berjuntai yang memerintah askar India di daerah itu. Dalam keadaan separuh gelap dalam kawasan di sekitar pejabat pos, kami lihat bertaburan terbaring 'hantu bungkus putih'. Sebenarnya mereka adalah askar India sedang tidur, menyelubungi muka masing-masing dengan kain alas putih untuk menghindar daripada nyamuk yang amat banyak di tebing sungai. Kapten Lloyd menemui pegawai British berpangkat mejar di atas tangga pejabat pos. Kami kemudiannya bertolak semula dengan lori yang kini dipandu oleh orang Melayu. Kami dibawa ke sebuah jambatan dalam lingkungan setengah batu. Kami turun dari lori dan berjalan senyap-senyap ke sebelah selatan jambatan yang kami nampak cukup kukuh dengan binaan konkrit. Lebih kurang 50

orang askar Punjab berada dalam satu kedudukan bertahan di sepanjang tebing sungai, tetapi kami tidak dapat bercakap dengan mereka kerana mereka tidak boleh berbahasa Inggeris. Sungguhpun begitu, tidak lama kemudian saya dengan tidak sengaja bertanya kepada seorang Punjab (biasa digelar Jat) apakah bunyi pelik berdesing di atas kepalanya. Dengan senyum dia menyebut "booblets" (peluru).

Apabila hari semakin cerah, dapatlah kami menyiasat kawasan lapang di seberang tebing utara sungai. Di sebelah kanan kami sungai itu dipenuhi hutan tebal, di sebelah kiri pula dalam kawasan satu atau dua ekar ditumbuhi belukar sepanjang pinggir sungai. Di belakangnya ada hutan tebal. Bukitnya dipenuhi semak-samun dan pokok-pokok kecil sesuai menjadi perlindungan yang baik untuk Jepun sekiranya mereka sampai di situ. Kami diberitahu bahawa satu pasukan peronda India sudah mara melewati jambatan itu masih belum pulang. Beberapa buah kereta perisai mengikuti pasukan itu, juga belum pulang. Akhirnya kereta perisai balik tanpa sebarang kejadian, tetapi pasukan peronda, mengandungi seorang Eropah dan empat orang askar India, telah kehilangan lori dan mereka terpaksa balik melalui jalan jauh berpusing-pusing. Ramai terharu dengan peristiwa yang mengakibatkan dua orang askar India cedera parah pada malam kelmarin kerana sebuah daripada lori itu terbalik ketika dalam perjalanan ke medan pertempuran.

Mejar British tiba dari pejabat pos dan menghantar lagi dua platun askar India berjalan kaki melalui jambatan. Oleh sebab hutan itu memanjang di kiri kanan jalan, pasukan askar terpaksa berjalan di pinggir jalan dalam barisan askar India. Unit Australia mengikuti mereka dari belakang melalui jalan sempit itu. Kapten Lloyd, Leftenan Sanderson, Bill Flowers dan saya di antara yang bergerak di sebelah kiri jalan; Leftenan Perring, Andy Stewart, Koperal Wilding dan Andrew Robb pula berjalan di sebelah kanan jalan. Kedengaran bunyi tembakan sekali sekala di hadapan kami dan apabila bunyinya semakin kerap, dua barisan ini masuk ke dalam hutan di kiri kanan jalan. Hutan tidak begitu tebal dan dapatlah kami lambat-lambat mara ke hadapan mengikut lorong itu.

Tidak lama kemudian bunyi tembakan kian dekat dan bunyi peluru berterbangan di atas kepala kami semakin kerap. Ada di antara kami, kerana tiada sebarang arahan, berasa ragu-ragu; tidak

tahu apakah yang harus kami lakukan. Beberapa minit kemudian, sedozen dua askar India berlarian tidak tentu arah melalui hutan itu sambil berteriak kepada kami "Jepun ramai! Jepun ramai!" Ada seketika kami berdiri tegak sambil memerhati kalau ada Jepun, tetapi tiada. Sementara itu askar bren-gan sudah bersedia di tepi jalan lalu melepaskan tembakan yang dahsyat. Bagaimanapun tindakan berani sedemikian menjadi sia-sia apabila kami terpaksa menghadapi senjata yang moden lagi canggih! Ini adalah pandangan saya.

Untuk mengelak daripada terdedah kepada musuh dalam perjalanan ke jambatan sekiranya terpaksa berundur, Kapten Lloyd menghantar saya dan Bill Flowres untuk mencari jalan lain untuk berundur dengan menggunakan lorong dalam hutan. Kami tidak menemui sebarang lorong tetapi kami bertemu orang Tamil yang sedang bersembunyi dengan ketakutan. Akhirnya arahan berundur sudah diterima dengan menggunakan jalan yang sama semasa datang. Dalam perjalanan itu saya membawa sebuah peti peluru bren-gan yang terlalu berat untuk dibawa pulang. Kerana menanggung beban ini, saya merupakan orang terakhir menyeberang jambatan. Dalam fikiran saya terbayang Jepun dengan mesin-gan yang mungkin telah menduduki bukit kecil di situ dan bersiap sedia untuk menembak kami. Saya berasa tidak selamat kerana tiada perlindungan. Tetapi mujurlah, Jepun belum berada di situ ataupun mereka tidak nampak kami. Pada awal tadi kami terdengar bunyi tembakan yang dikatakan kononnya oleh askar Jepun. Di mana mereka sebenarnya berada kami tidak pasti.

Setelah menyeberang jambatan dengan selamat, baharulah saya dapat tahu bahawa Andrew Robb mendapat cedera kena tembak pada tangan kirinya. Dia menerangkan, sungguhpun tiada bukti, dia ditembak oleh Jepun yang menyamar dari atas pokok. Koperal Wilding yang bersama Robb mengesahkan bahawa ada dua orang di atas pokok dan dia telah menembak salah seorang daripadanya. Apa pun yang sebenarnya terjadi, peristiwa itu berlaku lebih kurang 20 atau 30 ela dari tempat saya berdiri dalam hutan di sebelah sana jalan. Peluru itu mencederakan lengan Robb dengan teruknya; dua kali dia pengsan ketika kami memapahnya menyeberangi jambatan. Sebuah ambulans telah mengejarkannya ke hospital Johor Bahru, tetapi dia terpaksa menunggu sehingga 5 Februari untuk dihantar ke Australia dengan kapal *S.S. Madura*. Saya tidak berjumpa Robb lagi sehingga Jepun menyerah diri

dalam bulan Ogos 1945. Pemandu yang masih bersama pasukan Australia tinggal dua orang iaitu saya dan Andy Stewart; sementara Vanrennan, Harvey dan Graham tinggal dengan pasukan Spencer Chapman bertugas di Perak Selatan dan Pahang.

Untuk menyekat percubaan Jepun menawan jambatan itu dari sebelah tebing utara, kami mengambil semula kedudukan di sebelah selatan jambatan yang kami duduki pada hari sebelumnya. Ini merupakan tambak tinggi terbina di situ, yang dijangka dapat melindungi kedua-dua belah jambatan. Bunyi desiran peluru masih berterusan, mungkin kami boleh terkena tembakan beberapa peluru mortar Jepun yang ditembak ke arah kami. Selepas seketika, kami diarah memberhentikan tembak-menembak. Hanya meriam 25 paun sahaja yang meneruskan bedilan ke arah jalan di balik sana jambatan hingga ke persimpangan jalan, dua batu jauhnya ke belakang, yang sukar kami lihat dari sini. Apabila para penembak itu selesai menyempurnakan tugas, keadaan menjadi sepi yang mengagumkan, bukan satu kesepian yang sebenar.

Mejar British masih menunjukkan permainan "Sorok Cari" dengan Jepun. Menurut pendapatnya pasukan kami menduduki bukit kecil yang di sebelah kiri. Khabarnya, beberapa percubaan Jepun untuk menyeberangi Sungai Selangor di sebelah hulu telah gagal. Jadi, sekiranya kami dapat menawan dan menduduki bukit kecil itu, maka bolehlah bukit itu digunakan sebagai pangkalan untuk mengepung pergerakan Jepun lalu memerangkap mereka di tebing utara. Pengambilan semula bukit itu dilaksanakan oleh unit askar Australia, diketuai oleh Sarjan Allen. Namun seperti ramai telah menduga, bahawa bukit belum diduduki oleh musuh. Di situ saya mengambil peluang untuk mencari raifal Robb yang tertinggal ketika mendapat cedera.

Sepanjang hari itu kami belum mendapat bekalan makanan, selain secawan teh dan dua keping roti. Ini kerana tukang masak yang menyediakan makanan kami berada 20 batu jauhnya di belakang. Oleh itu saya disuruh mencari apa-apa sahaja makanan yang boleh didapati dalam kampung asalkan makanan itu berzat. Berjalan sebatu saya sampai di rumah kediaman buruh ladang yang terletak di belakang kebun getah. Buruh itu dengan relanya telah membuat teh dan saya memberinya wang supaya dapat dia membeli lagi teh, gula dan susu untuk hari esoknya. Sementara itu saya balik dengan menunggang basikal sambil membawa sebuah tin besar penuh berisi teh. Teh merupakan bahan penting yang

digemari untuk meningkatkan semangat semua askar Australia. Pada sebelah malamnya setiap orang bergilir-gilir mengawal bukit itu. Para pengawal ditempatkan di kiri kanan jambatan dan jalan di seberang disekat dengan beberapa buah lori yang dirampas. Askar India lengkap dengan raifal dan bren-gan mengawal di tebing selatan dengan bantuan sebuah kereta perisai.

Saya sendiri menghabiskan malam memanjang, yang tidak selesa dalam pengalaman saya di Tanah Melayu, di atas sekeping papan di tepi sungai. Saya hanya memakai seluar pendek dan baju khaki, dan tiada kelambu dan tiada tikar. Oleh itu saya tidak sahaja menderita dengan gigitan nyamuk tetapi juga sejuk terasa ke tulang hitam apabila hujan turun pada malam itu. Beberapa rondaan dihantar ke jalan raya pada malam itu (kata rahsia: Rani) tetapi tiada siapa yang bertembung dengan Jepun.

Pada 5 Januari, saya tidaklah berdukacita, apabila diberitahu unit askar Leicester dan East Surreys telah tiba untuk mengambil alih tugas kami. Selama tinggal di Batang Berjantai kami masih tertanya-tanya, ingin tahu, kerana kami tidak pernah bertembung dengan seorang Jepun selama dua hari di situ. Namun kami telah mendapat kecelakaan pertama. Saya pergi mengambil teh segar dari buruh ladang untuk unit kami pada waktu lapang di bawah naungan pokok getah, lebih kurang setengah batu ke belakang, sambil menunggu waktu bertolak meninggalkan tempat itu pada petang nanti. Ketika di sini saya bertemu dua orang bekas sukarelawan FMS Pollock, seorang peladang dan Richardson, juruukur geologi. Mereka kini memasuki unit bebas dan memberi kami beberapa kelengkapan baharu dan makanan. Kami sesungguhnya amat bersyukur.

Di belakang pejabat pos saya bertemu ramai lagi teman-teman sukarelawan iaitu Sarjan Mejar "Starkie" Cameron dan Thurling. Kedua-dua mereka daripada unit lama saya, A/S Company, Battalion Pertama Perak. Apabila hujan mulai turun, "Starkie" Cameron menghadiahkan saya topinya yang tidak tembus air, satu perlakuan yang amat dialu-alukan dalam keadaan begini.

Pada pukul 6.00 petang kami bertolak dari Batang Berjantai menuju Kuala Lumpur melalui Kepong. Konvoi kami mengandungi berbagai-bagai jenis kenderaan, termasuk lori air galian Fraser and Neave, sebuah lori tentera dan sebuah bas penumpang. Apabila tiba di Kuala Lumpur, kami bertemu semula dengan



"Uncle" Hodge di Rifle Range Road (sekarang Jalan Semarak). Kami dapati dia membawa bersamanya semua alat kelengkapan yang kami tinggalkan di Klang dahulu. Kami berasa amat gembira kerana mendapat semula alat kelengkapan itu. Kami makan malam dan sarapan di bangunan bekas Mes Pegawai Sukarelawan. Pada pagi esoknya kami bertemu beberapa orang teman lama, pegawai sukarelawan juga, Mejar Rose yang memilih tidak menyertai Spencer Chapman.

Kami meninggalkan tempat itu selepas sarapan. Kami tidak mahu. Mejar Rose cuba mendapatkan kembali segala alat kelengkapan yang diberinya kepada kami sebelum Serangan Trong dahulu. Destinasi baharu kami kali ini ialah Segamat, Johor Utara, dan pengangkutan kami masih pelbagai jenis, daripada dua buah bas Green Line dan dua buah lori Fraser dan Neave hingga kepada trak serbaguna milik "Uncle" Hodge. Oleh sebab tempatnya tidak jauh, kami tidaklah begitu tergesa-gesa malah kami mengambil kesempatan berhenti di tepi jalan ladang getah untuk membeli rambutan dan kelapa muda. Kami juga mengambil seekor ular besar yang terbunuh di tepi jalan dan meletaknya di atas bumbung bas dengan tujuan untuk mempamerkannya kepada teman-teman kami nanti. Tetapi cadangan itu terpaksa dibatalkan kerana ular itu sudah mula berbau. Apabila tiba di Segamat penginapan yang ada hanya pondok-pondok di hadapan rumah kediaman penolong penasihat. Jadi, pada hari esoknya, kami meneruskan perjalanan ke selatan ke Pangkalan Tentera Australia di Batu 5, Jalan Tampoi, tidak jauh dari Johor Bahru. Di sini kami diberi dua buah khemah. Di sini juga saya dan Andy Stewart diperkenalkan secara rasmi kepada pegawai-pegawai di mes pegawai sebagai "orang awam". Sebabnya ialah Kuasa Tauliah Sukarelawan belum lagi tiba dan tidak mungkin kami diserapkan ke dalam sebarang pangkat dalam A.I.F. Sebenarnya A.I.F. tidak akan bertanggungjawab atas kami kerana kami dibayar gaji sepanjang peperangan oleh kerajaan Tanah Melayu sebagai pegawai sukarelawan yang disangkutkan kepada A.I.F. Seyogianya diingatkan bahawa kami dilantik sebagai leftenan pertama daripada mula lagi. Hujah kami ialah dalam A.I.F. tidak ada leftenan kedua dan askar Australia tidak menerima perintah daripada leftenan kedua.

Kami berada di perkhemahan pangkalan selama lima hari menunggu arahan selanjutnya, sambil itu kami menziarahi Robb yang masih dirawat di hospital Johor Bahru, juga melawat ke

Singapura. Robb yang berada di tingkat empat hospital tentera dalam keadaan riang.

Dengan tidak disedari kedudukan tentera semakin genting, terutama pada 7 Januari. Kami kurang mendapat tahu tentang perkembangan terakhir dalam negara kerana kem kami terpencil letaknya di luar Johor Bahru.

Adapun yang sebenarnya berlaku ialah pasukan utama kami di Kampar<sup>46</sup> telah mengalami kekalahan teruk di Slim River dalam daerah Perak Selatan apabila mereka memindahkan kedudukan yang kuat dari situ. Satu serangan hebat daripada tentera kereta kebal Jepun yang tidak dijangka sama sekali, sementara pertahanan antikereta kebal kita tidak cukup, akibatnya kita kalah kedua-duanya sekali iaitu orang dan kelengkapan perang.<sup>47</sup> Kekalahan besar itu menyebabkan Pemerintahan Tertinggi Tentera membuat keputusan berundur 150 batu ke selatan dan meninggalkan negeri Selangor. Negeri Sembilan dan Melaka boleh dikatakan tiada tentangan langsung. Garisan pertahanan yang terbaharu ditetapkan di barat laut Johor sepanjang Sungai Muar di antara Segamat dan laut. Sungai ini boleh dijadikan sebagai halangan air. Ada dua buah jambatan jalan dan sebuah jambatan kereta api merentangi sungai di barat pekan Segamat; dari situ ke Muar dan laut tiada sebarang jambatan bagi menyeberang sungai. Sungai ini panjangnya melebihi 40 batu dan cuma di Muar boleh didapati feri yang berulang-alik di antara dua tebing sejauh beberapa ratus ela.


#### (iv) Peninjauan Daerah Segamat-Tangkak<sup>48</sup>

Perintah yang mengarahkan kami pergi ke Segamat adalah satu tindakan yang logik kerana pada 13 Januari, satu konvoi kapal laut yang besar dijangka tiba ke Singapura dengan membawa lebih

46 Kekalahan di Kampar amat besar kerana selama ini di situ merupakan satu kedudukan yang terkuat di sebelah pantai barat Tanah Melayu. Pemindahan di Kampar semata-mata urusan tentera dan pendaratan tentera Jepun di Teluk Anson dan Hutan Melintang di pantai Perak, hampir tidak ditentang.

47 Jalan raya utama baharu-baharu ini telah diluruskan dan saya harap jalan raya lama masih ada dan boleh digunakan dengan baik. Kereta kebal Jepun menggunakan sepenuhnya lencongan sejauh 19 batu untuk mengasak segala pertahanan kami sebelum mereka disekat tidak jauh dari Slim River.

48 Sila lihat Peta 4.



Peta 4 Barat Laut Johor 1942

banyak askar<sup>49</sup> dan yang lebih dikehendaki ialah pesawat terbang Hurricanes.<sup>50</sup> Mungkin telah mendapat maklum tentang konvoi itu, apabila 95 buah pesawat terbang Jepun terbang lintas di atas kepala kami kerana mencari angkatan itu. Armada Tentera Udara Jepun tidak terjumpa konvoi itu mungkin kerana hujan, tetapi tidak pula mengebom kem kami yang terdedah tanpa perlindungan. Kami sebenarnya telah pun lari berlindung dalam kubu yang terbuka apabila pesawat terbang menuju ke arah kami. Akhirnya kami bergerak semula pada pukul 2.00 petang bersama Kapten Lloyd, Leftenan Hodge dan Bill Flowers dengan menaiki trak Hodge.

Kami tiba di Labis dalam satu tempoh yang memuaskan pada waktu senja. Kami berhenti lebih kurang satu jam di pejabat ladang getah, kini menjadi markas tentera. Apabila hujan turun dengan lebatnya keadaan jalan dipenuhi selut. Sepanjang perjalanan yang tinggal separuh lagi itu kami sentiasa berselisih dengan lori pengangkutan tentera India. Divisyen ini sedang diundur dari Segamat ke kawasan Ayer Hitam. Drebar India selalunya tidak tenteram ketika memandu dan tidak hairan kita dapat melihat berlakunya kesesakan lalulintas oleh lori-lori divisyen itu. Pertimbangan harus diberi, seperti yang dijelaskan, kepada para drebar ini kerana di India tidak ada jalan! Namun demikian kedua-dua konvoi kami dan India bernasib baik kerana tidak diserang oleh pesawat terbang Jepun. Mungkin kerana mereka sibuk mencari konvoi tentera laut dan hujan lebat yang menghalang.

Kami tiba di Segamat apabila hari sudah malam dan terus menuju ke markas A.I.F., sebuah rumah terletak di persimpangan jalan besar dengan jalan pinggir bandar. Mungkin Jepun telah tahu

49 Askar ini merupakan sebahagian daripada Divisyen ke-18 dan belayar di lautan hampir tiga bulan serta belum cukup pulih untuk dihantar segera ke medan pertempuran. Mereka juga tidak pernah menjalani latihan perang dalam hutan kerana mereka pada mulanya dijangka dihantar ke Timur Tengah.

50 Hurricanes pada peringkat awal ada membuat beberapa kejayaan. Lapan buah pesawat pengebom Jepun tanpa kapal terbang pengawal yang menyerang Singapura seminggu kemudian telah ditembak jatuh, tetapi pada hari berikutnya apabila pesawat pengebom yang dikawal oleh pesawat pejuang Zero, lima buah pesawat Hurricanes ditembak jatuh. Seyogianya diingatkan bahawa juruterbang British masih baru separuh terlatih. Hurricanes lebih mudah digerakkan pada ketinggian 1000 kaki di udara. Inilah kelebihanannya jika dibandingkan dengan Zero.

markas ini kerana pada esok harinya empat butir bom telah memusnahkan rumah di seberang jalan tetapi tidak mengenai langsung markas kami. Rumah yang binasa itu dimiliki oleh De Burgh Thomas, dan ke rumah itulah kami bercadang hendak masuk pada keesokan harinya.

Malam itu saya dan Bill Flowers tidur dalam trak serbaguna tetapi Kapten Lloyd dan Leftenan Hodge disediakan bilik untuk mereka dan barang-barang di markas. Sementara itu anggota lain dari unit kami yang tiba dengan lori telah tidak menemui kami di bangunan markas. Mereka terpaksa tidur pada malam itu dalam pondok-pondok usang di hadapan rumah penolong penasihat yang kami tolak ketika mula-mula datang dahulu. Hanya selepas satu hari mencari, baharulah kesemua anggota unit berkumpul semula di bawah satu bumbung di Sekolah Melayu Segamat. Bagaimanapun, seorang dua kami dapat penginapan di sebuah rumah bersebelahan sekolah yang pernah diduduki oleh kakitangan Sekolah Inggeris Kerajaan Segamat. Nampaknya penghuni rumah ini sedang mengambil satu kursus cara pos bagi ijazah B.A. Inter London dan kasihan kepadanya kerana segala penat lelah atas kegigihannya tidak akan berhasil untuk beberapa tahun mendatang kerana segala kertas kursus bertaburan di seluruh rumah.

Hari berikutnya lagi bom digugurkan di bandar dan salah satu daripadanya telah mengakibatkan retak pada muka jam besar sekolah Inggeris itu. Bom menyebabkan beberapa orang awam yang masih tinggal dalam bandar terpaksa melarikan diri. Dan apabila salah sebuah daripada meriam antikapal terbang ditempatkan cuma 100 ela dari sekolah Melayu, kami juga mengambil keputusan keluar dari situ. Akhirnya kami mendapati sebuah sekolah Cina yang kosong terletak lebih kurang dua batu di selatan bandar dekat Perhentian Keretapi Bukit Siput. Namun sekali lagi kami kurang bernasib baik kerana bangunan itu telah ditempah oleh Pasukan Kelengkapan Tentera Diraja (Royal Army Ordnance Corps) untuk menyimpan peluru dan bahan letupan. Mujur kami terjumpa sebuah kilang bata terletak di seberang jalan kereta api tidak jauh dari jalan raya. Kilang itu terlindung oleh pokok-pokok getah dan agak tersorok sedikit daripada pandangan udara. Kilang itu juga luas dan dianggarkan 100 ela dari jalan besar. Sekarang kami mendapatkan seorang tukang masak India bergelar "Izzy". Semenjak itu tahap makanan kami pun bertambah baik, terutama apabila ditemui sebuah lori kena bom, di tepi jalan besar, penuh

dengan muatan bekal makanan dalam tin yang masih tidak rosak dan boleh dimakan.

Serangan udara di Segamat berterusan semakin kerap dan hebat, dan pada satu ketika kami kira sebanyak enam laras meriam Bofor yang terletak dalam satu kawasan 100 ela persegi, satu kedudukan yang ganjil pada waktu itu. Kami tahu bahawa bekal ketenteraan yang banyak bertimbun tersimpan dalam stor di selatan bandar Segamat.

Kehebatan bom telah menyebabkan orang awam habis berpindah dari bandar. Sebenarnya sepanjang masa saya di situ saya hanya melihat seorang orang awam iaitu Shorland, Penolong Penasihat. Rumahnya telah dirampas oleh tentera dan dia sempat menembak kudanya sementara yang lain-lainnya tidak dapat dilakukannya. Kebanyakan kedai telah dirompak sebelum ketibaan kami dan anggota polis pun sudah cabut lari. Sebenarnya unit kami mendapat tawaran percuma segala topi atau pakaian luar polis yang kami perlukan!

Jepun dianggarkan membawa seramai dua divisyen tentera untuk menyerang kami di sepanjang dua batang jalan, satu di jalan besar Gemas-Segamat, dan satu lagi jalan pantai Melaka-Muar.<sup>51</sup> Sememangnya mereka berpeluang melakukannya, seperti yang biasa mereka lakukan, penyusupan di pantai untuk membawa mereka mara ke pedalaman untuk mengepung dengan tujuan menyekat pengunduran pasukan kami di jalan besar. Oleh itu dua kemungkinan ini harus ditinjau dan unit kami dihantar untuk membuat penjelajahan. Tugas pertama ialah menyiasat kemungkinan penyusupan Jepun bermula dari kawasan Tangkak. Kami bertindak membahagikan unit kami kepada dua platun, 15 orang tiap-tiap satu. Satu platun meronda arah selatan sepanjang jalan Segamat-Tangkak dan platun yang satu lagi meronda sebelah barat arah Asahan. Kedua-dua platun dikehendaki membuat laporan balas dalam masa dua atau tiga hari sekiranya terjumpa pergerakan Jepun. Dua platun dibahagikan seperti berikut: Platun Tangkak mengandungi Kapten Lyod, Leftenan Sanderson, Sarjan Donaldson, Koperal Wilding, Bill Flowers, saya sendiri dan Griffin, seorang pemandu baharu yang pernah berkhidmat sebagai

<sup>51</sup> Mereka adalah Divisyen Pengawal Imperial yang dibawa dengan kereta api dari Bangkok ke Tanah Melayu. Bandar raya Bangkok telah dirampas dan diduduki ketika pecah perang melalui jalan darat dari selatan Indo-China.

juruukur di Muar sebelum perang dan tahu benar daerah itu. Platun yang satu lagi diberi tugas meronda kawasan Asahan, termasuk di dalamnya Leftenan Perring, Andy Stewart dan seorang lagi pemandu baharu bernama Williams, juga seorang juruukur bertaualiah.

Kesemua lori kepunyaan pasukan 2nd Loyals yang dipindahkan ke utara dari tugas di garison tentera di Singapura, membawa kami sampai ke jambatan yang telah binasa di Batu 41. Dari sini kami kena berjalan kaki ke Muar kerana semua jambatan di sepanjang jalan telah dimusnahkan. Tentang pentingnya seorang jurubahasa ditempatkan dalam setiap batalion jelas dilihat sebaik sahaja kami menyertai 2nd Loyals. Kapten Pasque, Ajutan pasukan itu, memanggil saya untuk menjadi jurubahasa di antara dia dengan seorang "pengintip" yang ditangkap. Pengintip itu ialah seorang setingan Cina yang rumahnya dirampas oleh pasukan 2nd Loyals untuk dijadikan markas. Saya berasa amat gembira kerana dapat menolong Cina itu dan mungkin menyelamatkan nyawanya. Sudah tentu dia amat berterima kasih kepada saya yang telah menolongnya.

Kami memulakan rondaan pada pukul 12.00 tengah hari dan kebanyakan kami cukup bersedia untuk meranduk air menyeberangi Sungai Jementah kerana jambatan sudah tiada lagi. Sedikit sekali penduduk tempatan yang kami temui dan mereka yang ternampak kami berpakaian seragam dari jauh akan cabut lari. Sebab mereka jadi cemas, saya hanya dapat tahu kemudian.

Untuk mengelak supaya tidak terlalu ketara sekiranya pasukan rondaan Jepun juga berada di situ, maka kami sentiasa berada di sebelah selatan jalan; biasanya 100 ela jarak dari jalan yang berbatu-batu jauhnya di antara ladang-ladang getah yang luas itu. Juga dengan tujuan saya terpaksa bercakap dalam bahasa Melayu dengan penunggang basikal yang melintas di situ atau orang berjalan kaki, saya berjalan sedapat mungkin berhampiran jalan. Siapa-siapa yang datang dari arah Tangkak tidak dibenarkan berpatah balik takut nanti mereka memberi amaran kepada Jepun tentang kedatangan kami. Dengan cara ini kami dapat mengawal dua atau tiga batu dalam masa satu jam walaupun hujan lebat yang mencurah turun pada tengah hari itu. Mujur ada topi samaran yang memberi perlindungan baik daripada hujan dan kebetulan juga daripada kesejukan malam.

Ketika sampai di sebuah kampung kecil di Batu 36 Jementah,

saya berseorangan masuk ke kampung itu supaya tidak menakutkan penduduk kampung apabila melihat ramai yang berpakaian seragam. Berita yang kami dengar ialah seramai 100 orang Jepun telah melawat Balai Polis Tangkak di Batu 16 pada hari kelmarin dan setelah berada di situ lebih kurang satu jam, mereka balik mengikut arah datang. Apabila penduduk kampung melihat hanya seorang askar yang datang dan boleh bertutur dalam bahasa Melayu, mereka datang semula memberitahu beberapa maklumat penting yang mereka tahu tidak lama selepas itu. Kalau tidak, segala-galanya nampak seperti biasa, cuma sebuah lori tentera Marmon-Herrington<sup>51a</sup> kelihatan terkandas di tepi lorong.

Di batu 34 kami bertemu buat pertama kali Encik Ariacutty yang memberitahu kami bahawa dia sedang dalam perjalanan dengan basikal untuk melihat anak-anaknya di batu 26. Dia mengaku bahawa dia seorang pekerja kereta api FMS di bahagian pengangkutan Kuala Lumpur yang menyebut dengan tepat nama ketua jabatannya yang kebetulan saya kenali. Encik Ariacutty membuktikan bahawa dia boleh memberi pertolongan. Dia berbasikal seterusnya ke seberang sana jambatan yang telah binasa, di situ motokar buruknya Austin 7 ditinggalkannya. Dari sini dia bermotokar ke kampung Sagil di batu 24, yang jaraknya lebih kurang 8 batu dari Tangkak. Dia berjanji untuk mendapatkan maklumat lagi tentang rondaan Jepun di situ dan melapor semula kepada kami pada petang itu.

Sementara itu kami meneruskan perjalanan ke selatan dan menemuramah sekumpulan orang Melayu di luar rumah, tetapi mereka tidak memberi sebarang maklumat yang baharu. Salah seorang daripada mereka ialah orang Melayu yang bekerja dengan jabatan hutan, dan baharu membeli sebuah motosikal. Saya masih ingat menasihatinya supaya menyembunyikan motosikal itu dalam masa perang begini.

Menjelang pukul 5.00 petang kami sampai di sebuah kawasan rumah buruh di tepi jalan di batu 32. Kami terasa lapar kerana semenjak meninggalkan Segamat kami tidak makan apa-apa. Sekali lagi saya berseorangan berjalan dahulu untuk tidak menggemparkan penghuni di situ. Rumah panjang buruh itu milik Ladang

51a Sebanyak 84 buah kereta perisai jenis Ford dipesan dari Afrika Selatan tetapi yang sampai ke Tanah Melayu pada bulan Disember 1941 cuma 16 buah sahaja.



Getah Tangkak terletak di selekoh jalan. Di hadapannya ialah sederet rumah kedai Cina. Saya mendekati rumah buruh dari belakang kebun getah. Apabila saya ternampak seorang wanita India sedang membasuh kain baju, saya berdiri tegak dan melaung ke arahnya dalam bahasa Melayu dan beberapa perkataan Tamil yang saya tahu. Suasana berubah serta-merta dan sekumpulan buruh Tamil mengerumuni saya dan begitu ghairah memberitahu saya segala yang mereka tahu sekalipun mereka mengaku bahawa mereka belum pernah melihat orang Jepun. Pada peringkat ini, saya memanggil Kapten Lloyd yang sedang bersembunyi dengan anggota unit dalam belukar tidak jauh dari situ. Kami diberi tempat duduk dalam rumah tumpangan bayi dan dijamu dengan susu segar, pisang dan minum "ginger beer" sementara beberapa dulang nasi goreng dan kopi disediakan untuk anggota lainnya yang sedang bersembunyi dalam hutan.

Kami berasa cukup segar selepas mendapat makanan. Sukar pula bagi kami untuk memujuk buruh-buruh itu agar menerima bayaran kerana layanan yang mereka beri. Mereka bukanlah senang pada waktu itu dan masa depan mereka juga gelap. Lebih kurang pukul 6.00 petang Ariacutty balik dengan berita selanjutnya bahawa Jepun tidak datang melewati Tangkak. Kapten Lloyd memutuskan untuk menghantar balik berita ke markas oleh dua orangnya dengan menaiki basikal, salah seorang daripadanya ialah Bill Flowers. Kedua-dua mereka diberitahu untuk menyertai semula kami di batu 27 pada petang itu di jalan ladang getah dekat jalan besar menuju banglo pengurus ladang yang telah ditinggalkan. Tidak syak lagi pihak markas akan berasa lega kerana tidak mungkin Jepun menyusup ke Segamat dari Tangkak. Ariacutty malah membantu kami seterusnya dengan mengangkut beberapa orang anggota unit yang lebih berulang-alik di antara batu 32 dengan batu 26.

Sementara yang lainnya berjalan kaki dalam satu barisan dengan jarak lima langkah di antara satu dengan lain. Di samping ada kalanya kami berhenti rehat dan dengan desakan saya, kami berjalan dengan senyap melintasi papan-papan putih menandakan pinggir jalan yang samar dan kerap kelihatan. Saya masih ingat mendaki sebuah bukit yang panjang dengan susah payah yang dipenuhi pokok pain tinggi di kedua-dua belah bukit hingga ke kemuncak dan tiba-tiba dikejutkan oleh kilauan cahaya yang besar di kaki langit. Pada mulanya kami sangkakan cahaya lampu moto-

kar, tetapi sebenarnya ialah satu kebakaran besar di Muar, 20 batu jauhnya dari situ. Senyap sunyi, kecuali desiran angin yang bertiuip dalam hutan pain menyebabkan kami berasa ngeri seketika. Akhirnya kami tiba di batu 26 dan bergerak lagi dalam gelap dan terasa melalui lorong curam menuju ke banglo pengurus yang telah dirompak. Banglo itu pernah didiami oleh Encik Parker, pada satu masa dahulu pernah bermain ragbi dengan saya di Taiping, Perak. Saya dapat tidur agak nyenyak atas katil berbingkai kawat kepunyaan Encik Parker dan juga membuat kawan dengan dua ekor anjingnya. Dua orang pengawal berjaga sepanjang malam di jalan masuk arah ke banglo.

Sungguhpun kami meninggalkan tempat itu untuk pulang ke Segamat sebelum fajar terbit, tetapi Ariacutty sekali lagi membawa makanan untuk kami sebelum bertolak. Kami berterima kasih kepadanya kerana memberi pertolongan yang besar ertinya. Saya berasa amat gembira untuk menambah di sini apabila perang tamat saya berjaya menarik perhatian pihak Jabatan Keretapi di Kuala Lumpur tentang khidmat baik yang ditunjukkan oleh Ariacutty dan saya mendapat tahu dia masih bekerja dalam jabatan yang sama.

Kerana hari masih gelap kami bergerak mendekati jalan. Apabila hari telah cerah kami kembali semula dalam barisan asal dan menjauuhkan diri dari jalan. Beberapa ketika selepas itu kami bertembung dengan beberapa orang penyamun Cina. Dengan menggunakan kayu dan batang besi, mereka hendak mencuri makan daripada seorang Tamil yang boleh bertutur bahasa Inggeris. Kami memujuk pencuri-pencuri itu agar tidak melakukan niat jahat itu, dan kami meninggalkan dua ekor anjing kepunyaan pengurus yang mengikut kami kepada orang Tamil itu. Dia berjanji akan memeliharanya dan mengembalikan kepada tuannya kelak pada suatu masa nanti. Saya kurang yakin apabila dia ada peluang melakukannya.

Lewat petang itu kami bertemu dengan seorang Cina tua di kebun sayur. Dia bermurah hati memasak untuk kami nasi bercampur ubi kayu, satu campuran makanan yang asing bagi askar Australia tetapi terbukti sesuai dengan selera! Pada tengah hari itu kami dapat makan di rumah kongsi Cina yang besar, mengandungi semata-mata kelapa dan santannya. Kami tidak sempat memberi terima kasih kepada tauke itu kerana dia berlepas ke Melaka. Menjelang lewat petang kami balik semula ke batu 32 bersama dengan

teman-teman lama buruh itu. Kali ini kami menerima banyak aduan. Aduan yang utama ialah seramai 100 orang pekedai Cina telah menyerang mereka dan mencuri tiga ekor kambing, sementara yang lain mencuri barang-barang kemas daripada orang Tamil lain. Kami mengambil keputusan tidak menghukum orang Cina itu kerana cara ini kelak mengakibatkan balas dendam oleh mereka apabila kami meninggalkan tempat itu. Tetapi sekali lagi, kecauan itu tidak pula menakutkan orang Tamil untuk menjamu kami makan ayam dan nasi goreng yang enak.

Pasukan kami berlindung di dalam hutan tidak jauh dari jalan dan dengan kedatangan malam menambah lagi perlindungan ke atas mereka itu. Sekali lagi kami mengucapkan selamat tinggal kepada teman-teman kami ini dan bertolak ke sebuah tempat yang telah kami tetapkan sebelum itu untuk tidur di bawah naungan pokok getah. Tempat yang kami pilih rupanya tidak jauh dari sebuah anak bukit dengan permukaan tanah yang bertingkat-tingkat dibina untuk menyekat hakisan tanah, sesuai bagi kami untuk berbaring di permukaannya yang rata. Kesemua kami boleh dikatakan terlalu letih. Kami tidur lelap dengan berselamatkan pakaian samaran.

Pada esoknya kami kembali semula ke jalan raya dan nasib baik kerana dapat menumpang dua buah motokar yang menuju kampung Jementah. Kami berpeluang lagi untuk menyelidik kampung itu dalam perjalanan balik kerana kami terpaksa menunggu di situ hingga kepulangan separuh lagi anggota unit yang meronda di jalan Asahan-Relau. Sementara itu kami cuba memusnahkan lori Marmon-Herrington yang kami jumpa dahulu, tetapi bom "bakelite" Koperal Wilding memberi kesan sedikit sekali. Sebaliknya bunyi bom itu menakutkan penduduk kampung dan terus melarikan diri beramai-ramai meninggalkan rumah masing-masing. Pada pukul 12.00 tengah hari kami sampai di sebuah sekolah Melayu kampung itu dan memutuskan untuk menunggu di situ sehingga kepulangan anggota unit selebihnya.

Di sebelah sekolah Melayu itu ialah pusat pertanian kepunyaan kerajaan Johor yang di dalamnya mengandungi 40 atau 50 ekor ayam jenis Rhode Island Red yang berharga. Setiap seekor di dalam kurungan masing-masing dan juga terdapat 200 kampil padi. Memandangkan waktu darurat, bangunan itu memberi perlindungan kepada 26 orang lelaki dan wanita Melayu. Pada mulanya mereka berasa bimbang melihat kami. Jadi, saya terpaksa men-

jelaskan kepada mereka dalam bahasa Melayu bahawa tiada sebarang ancaman akan menimpa mereka dan kalau ada sebarang aduan boleh dimajukan kepada saya untuk disiasat. Dengan jaminan itu, perhubungan kami amat akrab selama kami tinggal di situ. Guru besar sekolah Melayu, Abdul Aziz, pernah menjadi sukarelawan dan isterinya seorang yang baik hati telah menjamu kami nasi goreng juga dan kuih lempeng yang lazat, setiap satu mengandungi tiga biji telur. Saya tidak dapat membayangkan bagaimana nanti, Pegawai Pertanian Johor, Encik Coleman-Doscas, akan berkata sekiranya dia melihat kami memakan ayam dan telurnya yang berharga itu! Sehingga kini anggota lain yang meronda sudah pulang dari Asahan, juga membawa berita bahawa Jepun tidak ditemui. Bagaimanapun mereka membawa bersama empat orang Gurkha yang tewas dalam pertempuran di sebelah utara dan melarikan diri. Dengan ini bilangan anggota pasukan kami telah bertambah kepada 20. Malam itu kami tidur di sekolah Melayu kerana kami hanya tinggal sehari lagi; kepulauan kami tidak dijangka sehinggalah hari keempat.

Sekarang baharulah kami tahu apabila Abdul Aziz memberitahu kami akan sebab penduduk kampung begitu takut. Menurut ceritanya sehari dua kelmarin seorang petani Melayu dan seorang Cina telah ditembak oleh satu pasukan rondaan askar orang putih ketika mereka berdua berdiri di atas jambatan Jementah yang pecah itu. Kedua mereka semata-mata pergi ke situ untuk melihat kerosakan yang berlaku, tiba-tiba mereka ditembak dari seberang tebing sungai. Orang Melayu telah mati dan dikebumikan di belakang sekolah, sementara Cina itu mendapat cedera parah, tetapi masih hidup. Apabila saya berpeluang bertanya kemudian kepada Kapten Pasque dari pasukan 2nd Loyals tentang peristiwa itu, dia mengaku bahawa salah seorang anggota rondaannya telah disuruh menyelesaikan dua orang "Jepun" yang sedang membaiki jambatan lalu ditembaknya. Adalah sesuatu yang malang, pasukan Loyals yang baharu tiba dari Singapura dan mungkin sedikit sekali tahu tentang keadaan tempatan, tiada pula pemandu sukarela untuk menyekat tragedi itu daripada berlaku!

Pagi esok, selepas mengucapkan selamat tinggal kepada Abdul Aziz dan isterinya, kami pun berlepas. Saya juga menghadihkan dua butir bom "bakelite" kepada Abdul Aziz sebagai perlindungan daripada kumpulan perompak Cina yang kini bermaharajalela di kampung-kampung dan siapa sangka mungkin mereka datang

mencuri ayam dan beras. Saya juga menasihatinya agar mengagih-agih bahan makanan itu kepada orang kampung sekiranya diketahuai Jepun sedang mendatangi kampung mereka dan saya percaya inilah juga nasihat yang dikeluarkan oleh jabatan pertanian. Kehadiran saya di Sekolah Melayu Jementah ada lanjutannya selepas perang. Dari tahun 1948 hingga 1951 saya menjadi Penguasa Pendidikan Negeri Johor dan sekali lagi saya lawati sekolah itu untuk mencari Abdul Aziz, sama ada dia masih ada di situ. Dia tidak kenal saya pada mulanya kerana saya pun tidak memperkenalkan diri saya, padahal dia pernah cuba mendapatkan tandingan saya ke dalam Buku Lawatan Sekolah dalam tahun 1942! Bayangkanlah betapa hairan pada wajahnya apabila saya bertanya apakah yang sudah dibuatnya dengan dua butir bom yang saya beri tempoh hari. Dia terpaksa mengaku bahawa bom itu diserahkan kepada Jepun kerana takut dituduh bersubahat dengan British. Apalagi dia tahu benar tentang kekejaman tentera Jepun pada waktu itu.

Apabila kami tiba semula di batu 41, kami dapati markas pasukan Loyals sudah dikosongkan dan tiada lagi tanda kehadiran mereka di situ. Kami menyeberangi dua atau tiga buah jambatan yang roboh tetapi tiada apa-apa yang luar biasa yang kami lihat atau dengar sehingga tiba-tiba terdengar laungan dalam bahasa Inggeris dari bukit yang berdekatan dan memberi amaran kepada kami supaya bergerak di tengah jalan dan jangan berjalan di tepinya. Sebabnya ialah di tepi-tepi jalan telah ditanam dengan periuk api antikereta kebal. Mujurlah periuk api itu tidak meletup. Mulai sekarang kami berhati-hati setiap langkah ketika melaluinya. Tiga batu ke hadapan kami bertembung dengan sepasukan 2nd Loyals sedang memasang periuk api antikereta kebal. Ke hadapan lagi kami nampak sebuah lori tersorok di bawah pokok getah. Di sini kami disediakan makanan oleh pasukan 2nd Loyals dan kemudian mengangkut kami pulang ke kilang bata yang menjadi pangkalan kami di selatan Segamat.

Kami diberi rehat satu hari dan dalam tempoh itu saya melawat rumah pasung (sekarang balai polis) Segamat dengan Kapten Lloyd dan berbincang dengan Kapten Hawkins, Pegawai Tadbir Malaya, yang kebetulan berada di situ. Kesemua askar Australia yang kami temui dalam suasana riang kerana merayakan kejayaan mereka melancarkan satu serang hendap ke atas Jepun di Gemas pada 14 Januari. Atas sebab tertentu mereka memanggil tempat itu

"Gee-mas". Di samping kejayaan itu, dengan mengingat kekuatan Jepun kian meningkat, keputusan dibuat untuk mengundurkan semua pasukan tentera ke selatan tebing sungai Muar dan bertahan pada satu garisan yang memanjang di antara Segamat dengan bandar Muar. Kebanyakan askar Australia kami nampak berehat di sepanjang jalan dekat kilang bata dan akan bergerak semula ke garisan tersebut pada malam itu. Sementara itu kantin Kor Perkhidmatan Tentera Diraja atau R.A.S.C. (Royal Army Service Corps) di Segamat dibuka kepada semua. Walaupun saya bukan seorang perokok tetapi saya berjaya mendapatkan sebanyak 5000 batang rokok untuk teman-teman. Ketika berada di situ saya bertemu dengan seorang yang mempunyai watak yang menarik, Mejar Black, yang mengelolakan Unit Pengangkutan Australia. Unitnya boleh dianggap istimewa kerana hampir kesemua pemandunya adalah orang lama Perang Dunia Pertama dan rata-ratanya berumur melebihi 40 tahun yang telah melihat kesemua pertempuran dari utara hingga ke selatan Semenanjung.<sup>52</sup> Mereka telah melaksanakan tugas dengan cemerlang. Balik semula ke kilang bata, kami nampak kereta api terakhir bergerak ke selatan menyeberangi jambatan kereta api Segamat sebelum jambatan itu dirobohkan. Kesemua pemandu adalah sukarelawan Australia.

Pertempuran dijangka berlaku hanya kira-kira dua batu di jalan hala ke utara dari kilang bata, dan kini sudah jelas bahawa kami juga akan dipindahkan ke selatan kecuali kalau kami diberi arahan membuat lebih banyak rondaan. Apa yang berlaku ialah separuh daripada anggota unit kami diperintahkan berundur ke selatan dan separuh lagi menjalankan satu lagi peninjauan di kawasan Johor Utara dan diarahkan menyiasat kemungkinan penyusupan Jepun di hulu Sungai Muar atau menyeberang sungai itu.

Semasa kami keluar pada 18 Januari, kami nampak mayat seorang askar Australia terbaring di tepi jalan, berselimum dengan baju samarannya. Apabila ditanya kami dapat tahu bahawa teman yang malang ini digelar "Titch" kerana dia seorang yang paling rendah dan muda dalam unitnya, dan dengan tidak sengaja telah tertembak dirinya di bawah dagu ketika melompat dari lori dalam

<sup>52</sup> Unit ini ialah 2/3 Australian Reserve M/T Co. Mereka mula sekali melihat pertempuran pada 10 Disember 1941, di jalan Patani-Kroh, di Siam. Di sana mereka mengangkut askar ke satu tempat enam batu selatan "Ledger"

gelap pada malam semalam. Nampaknya tiada siapa pun yang ada masa untuk mengebumikannya.

Sementara itu satu lagi muslihat sedang diatur oleh Pemerintah Tertinggi Tentera. Divisyen Pengawal Imperial Jepun berjaya menduduki Muar dan sedang mengasak ke pedalaman menerusi jalan raya ke Yong Peng. Sekiranya mereka sampai ke bandar ini dan pasukan tentera kami belum sempat berundur dari Segamat, pasukan itu akan menghadapi bencana besar sekali lagi kerana terputus daripada indahnya. Tetapi satu platon Australia yang dihantar ke hulu Sungai Muar tidak tahu hal ini. Mereka hanya diberitahu untuk sampai ke hulu sungai dan dapatkan maklumat penyusupan Jepun dan balik ke Labis dalam masa dua hari. Kerana Labis berada kira-kira 20 batu di selatan Segamat, maka perintah ini agak kurang munasabah, atas sebab yang berbagai-bagai, maka ini terbukti mustahil untuk dilaksanakan.

#### (v) Rondaan Sungai Muar berakhir di Batu Pahat<sup>53</sup>

Hari sudah petang apabila platon kami yang mengandungi 15 orang meninggalkan kem. Platon ini terdiri daripada Leftenan Sanderson, Sarjan Donaldson, Koperal Wilding dan juga Griffin, juruukur Tanah Melayu dan saya sendiri sebagai pemandu. Mujur ada Griffin yang mempunyai pengetahuan peribadi tentang daerah Sungai Muar. Kerana Sungai Muar boleh dimudiki ke hulu dengan bot kecil sehingga sejauh Bukit Kepung, sebuah kampung kecil di pinggir sungai kira-kira 15 batu dari jalan raya Segamat-Labis. Ada kemungkinan besar kami bertembung dengan pasukan rondaan Jepun atau pasukan tenteranya yang lebih besar. Sekiranya benar Jepun membuat penjelajahan ke daerah itu, maka amat penting bagi kami melaporkannya kepada pasukan kami yang berada di jalan besar secepat mungkin.

Kerana menjangkakan rondaan kami memakan masa hanya dua hari, maka kami membawa bekalan cukup untuk sehari yang mengandungi daging dalam tin dan sebungkus roti kering seorang. Kami juga membawa tiga butir bom "bakelite" tiap-tiap seorang dan tidak membawa raifal; gantinya ialah dua atau tiga laras tomi-gan. Semasa dalam perjalanan dengan lori di sebatang jalan yang tidak jauh, platon Australia kami dialu-alukan oleh beratus-ratus rakan senegara yang sedang bersedia untuk pulang ke landasan

53 Sila lihat peta laluan yang diambil oleh peronda dalam Peta 4.

kereta api dan jambatan Segamat yang sudah binasa untuk dipertahankan pada petang itu. Selepas berjalan lebih kurang setengah batu, kami berbelok ke kanan melalui jalan tanah merah menuju Ladang Getah Pagoh. Jalan ini tamat lebih kurang tiga atau empat batu ke dalam ladang getah, di tempat tidak jauh dari Sungai Labis, sebatang anak sungai cawangan Sungai Muar. Di sini kami turun dari lori sambil memberi selamat tinggal kepada pemandu lori dan menyusup masuk ke dalam hutan dara. Kami memasuki lembah, terutama ketika menuju ke Sungai Labis, walau bagaimanapun kami tidak dapat meneruskan perjalanan pada petang itu kerana malam cepat tiba. Kami memilih sebuah tempat kering lebih kurang 20 ela dari sungai lalu makan bekalan yang kami bawa. Nasib baik nyamuk tidak banyak mengganggu dan dapatlah kami menyelimut badan kami dengan baju luar dan tidur dengan lelap, berbantalkan beg yang kami pikul di belakang. Tiada pengawal diatur kerana kami berpendapat tiada siapa yang akan menjumpai kami dalam kawasan yang gelap begini dan dalam hutan yang sunyi sepi akan mudah terjaga apabila terdengar sahaja orang berjalan.

Apabila hari cerah pagi esok dan cukup terang untuk membolehkan kami membaca peta, kami nampak ada satu jalan dalam hutan menuju terus ke Bukit Kepung, di selatan. Kami menyeberangi anak Sungai Labis tanpa sarapan dan setelah berjalan ke arah barat selama dua jam kami tiba di jalan hutan yang kami kehendaki itu. Sebata dua sepanjang jalan hutan itu kami tiba di kawasan lapang yang ada tanam-tanaman. Ada sebuah pondok Cina setingan dan sedikit kebun getah berdekatan dengannya. Setingan Cina itu sakit kaki dan dia sukar berjalan. Kerana kedudukannya yang terpencil, dia kurang tahu perkembangan yang berlaku dalam dunia. Dia tidak tahu langsung tentang peperangan, tetapi kalau dia mendengar dengan hati-hati, sudah pasti dia mendengar bunyi tembakan meriam yang jelas kedengaran datang dari arah Segamat. Kemudian kami ikuti jalan itu yang melalui belakang rumah setingan dan akhirnya sampai ke satu kumpulan rumah orang Melayu di sepanjang jalan sempit itu yang bersempadankan lalang. Seorang Cina penoreh getah memberi pedoman kepada kami ke arah jambatan jalan kaki yang merentangi sebuah anak sungai. Anak sungai itu ialah Sungai Twi, satu lagi cawangan Sungai Muar. Ketika merentasi kawasan tanah lapang yang melewati anak sungai itu kami terpaksa bersembunyi kerana beberapa buah kapal terbang Jepun,



tidak terkira berapa banyak, berlegar-legar di atas kepala kami.

Apabila kami tiba di sebuah kampung Cina, bersebelahan sebuah ladang getah yang luas, penghuninya bertempiran lari kerana ternampak orang berpakaian seragam. Tetapi kami memberi jaminan bahawa apa yang kami perlukan ialah membeli buah betik. Kami masih lagi jauh dari Bukit Kepung apabila kami bertemu dua orang Melayu, bapa dan anak, yang dengan sukarela menunjukkan jalan ke sana. Jalan yang kami ikuti masih melalui ladang-ladang getah, dan jalannya agak sukar malah susah menaiki basikal kecuali menyorong basikal itu.

Apabila kami tiba di Bukit Kepung, sekali lagi penduduk di situ hendak melarikan diri apabila melihat kami berpakaian seragam tetapi tidak jadi apabila melihat dua orang anggota polis dari pondok polis kampung yang mengiringi kami. Seperti anggota polis lain dalam daerah yang berdekatan, mereka telah menanggalkan pakaian seragam setelah menerima arahan melalui risalah, tertulis dalam bahasa Jepun, yang digugurkan dari udara! Siapa yang boleh menyalahkan mereka dalam keadaan begini? Namun setiap mereka memberi bantuan kepada kami dan berita yang mereka sampaikan juga baik kalau yang negatif. Tidak ada sebarang bot atau orang Jepun datang ke hulu sungai dan ada seorang jurufoto bangsa Jepun yang tinggal dalam kawasan itu telah hilang diri dengan tiba-tiba tiga bulan dahulu. Tidak syak lagi dia adalah seorang pengintip Jepun, dengan selamat telah menyertai tentera yang melanggar negeri ini. Berita lain ialah bot membawa beras dari Muar sudah 11 hari tidak lagi tiba ke sini dan ini tidak menghairankan kerana Jepun sentiasa mengebom bandar Muar semenjak 11 Januari yang mengakibatkan bandar itu tinggal kosong. Kerana kami tidak makan sepanjang hari, kini dapat makan dengan lahap iaitu nasi, pisang, *ginger beer* dan *stout* yang dibeli dari kedai Cina. Kami diberi ucapan selamat jalan dengan mesra ketika meninggalkan mereka menuju ke sebuah kampung lagi di hilir sungai bernama Lenga, 15 batu jauhnya, melalui jalan hutan.

Oleh sebab tiada berita pasukan Jepun datang melalui Bukit Kepung, kami memutuskan untuk bergerak segera menuju Lenga, kampung terpenting di hilir sungai. Kini kami sedar bahawa tidak mungkin kami pulang ke Labis pada hari esok sebagaimana yang dirancang. Juga, tiada jalan dalam hutan yang dikenal pasti ke Labis bertanda dalam peta kami, sedang kami tiada pemandu yang

boleh menunjukkan jalan melalui hutan sekalipun kalau ada jalan itu. Juga, melihat kepada arah tembakan meriam yang bersambung-sambung, Jepun telah mara ke Labis dan menawannya. Kami juga digalakkan ke Lenga setelah diberitahu askar orang putih dan India sudah menduduki kampung itu dan masih berada di situ. Penduduk tempatan tidak gemar dengan kelakuan askar India yang merompak malah merogol penduduk tempatan. Dari Lenga, ada sebatang jalan sejauh 30 batu ke Muar. Sungguhpun Muar sudah jatuh ke tangan Jepun, kami masih berharap dalam fikiran kami, untuk menyertai pasukan kami yang masih bertapak di jalan Muar-Yong Peng, yang beberapa batu jauhnya ke selatan jalan Muar-Lenga.

Seorang polis Melayu yang memandu kami ke kampung itu telah dengan sukarela menunjuk kepada kami jalan ke Lenga. Dia berjalan dengan cepat sekalipun dia memakai kasut but bola sepak. Sungguhpun lorong nampak bersahaja, tetapi sukar untuk dilalui terutama berbasikal. Setelah satu jam berjalan kami tiba di sebuah pondok atap Cina pemotong kayu dan dua orang di dalamnya sedang bersiap sedia untuk ke Lenga. Polis Melayu menyerahkan kami kepada mereka berdua, dan kami meneruskan perjalanan selepas mengucapkan terima kasih kepada polis itu. Selama dua jam berjalan dalam keadaan terlalu penat melalui satu jalan yang kami kurang pasti, kami tiba di sebuah tanah lapang yang menunjukkan ada orang mendiami di situ. Seorang setinggian Cina dekat situ memasak nasi untuk kami dan kami berehat selama setengah jam; makan di bawah sebatang pokok besar lagi rendang. Oleh sebab dua orang Cina itu berjalan terlalu pantas, kami memulakan perjalanan kami semula dengan meletakkan seorang daripadanya di tengah barisan supaya dia tidak cuba cabut lari. Sukar hendak mengetahui sama ada dia takut kepada kami atau memang dia hendak cepat. Kami sampai di Kampung Lenga lebih kurang pukul 4.00 petang dengan mengikuti jalan tanah merah menyusur sungai.

Kami menuju ke tengah kampung dengan berhati-hati. Segalagalanya nampak tenang, tetapi terasa aneh seolah-olah Jepun sedang bersedia untuk menyerang hendap terhadap kami. Sebenarnya kampung ini sudah tinggal kosong tanpa sebarang kesan sama ada pasukan kami mahupun penduduk tempatan, kecuali kambing, ayam, anjing, dan kucing tinggal berkeliaran. Namun untuk memastikan tiada siapa yang melarikan diri apabila ternampak kami, saya menebang beberapa batang pokok getah dan meletakkannya

di jalan masuk ke Pagoh dan Muar sebagai halangan. Kampung itu mengandungi sebuah balai polis, sebuah sekolah Cina dan beberapa buah kedai; kesemuanya sudah dirompak dan tiada sebuah pun motokar yang ada di situ boleh dipakai. Tetapi selepas beberapa ketika, kehairanan kami terjawab oleh sekumpulan orang Melayu yang berpakaian comot yang datang menemui kami. Ya, memang ada askar India di situ tetapi sudah berpindah dua hari dahulu. Kampung itu dikosongkan kerana pihak berkuasa tentera telah memerintahkan penghuni rumah dalam lingkungan dua batu sekitar Sungai Muar supaya berpindah. Orang Melayu baik hati dan menolong kami mendapatkan kelapa muda dan ada di antaranya yang turun bersama kami mandi di sungai. Selepas itu kami menuju ke selatan melalui Jalan Lenga yang membawa ke sebuah kampung besar, Pagoh. Di sini peta kami menunjukkan ada sebatang jalan kecil memanjang ke selatan dan akhirnya bertemu dengan jalan raya Muar-Yong Peng menuju sebuah kampung kecil di selatan bernama Kangkar. Sebaik sahaja kami sampai di kampung ini, kami berasa amat yakin bahawa kami akan selamat mendapat jalan balik ke Yong Peng.

Sementara itu bunyi bisik tembakan meriam terdengar semakin dekat dari kedua-dua arah, dari daerah Labis di sebelah timur dan dari Muar di sebelah barat. Mungkin kami akan terputus perhubungan oleh dua pasukan tentera Jepun yang kuat, kalau kami tidak cepat bergerak. Apabila kami meninggalkan Lenga pada pukul 5.00 petang, kami dapati jalan raya itu baharu dibaiki dan bertar sepanjang jalan dengan baik. Namun di sepanjang jalan itu terasa sunyi kerana kurang didiami orang. Apa yang kami lihat di sepanjang jalan dua tiga batu itu ialah pondok-pondok Cina yang kosong dan ladang nanas yang ditinggalkan. Sementara kebanyakannya ialah hutan dara di kiri kanan jalan kecuali kelompok-kelompok lapang hutan yang kena tebang dan terbakar bersih. Kami datangi sebuah sawah dan nampak orang Melayu begitu asyik mengerjakan sawah tanpa menyedari kehadiran kami.

Kira-kira di batu 27, jalan selekoh tajam hala ke kanan dan jauh juga sehingga kami tiba ke jalan lurus, kami nampak sebuah rumah kongsi Cina terdiri di tepi selekoh. Ketika sampai di situ, kami dapati sekumpulan orang Cina penebang kayu sedang menikmati makanan petang. Mereka dengan gembira menjemput kami makan bersama; hidangannya daging babi bergaram dan nasi. Sayang sedikit kami kurang biasa memakan banyak garam dengan

daging. Jadi, kami tidaklah menikmatinya sangat. Bagaimanapun, pisang yang kami makan dengan banyak dapat menghilangkan rasa garam. Para penebang kayu itu tidak dapat memberi sebarang maklumat mengenai Jepun kerana jelas mereka belum lagi tiba ke sana, seperti sangkaan kami.

Kami tidak bergerak jauh lebih daripada setengah batu apabila kami tiba di rumah panjang buruh Tamil JKR dan terdiri memanjang di sebelah kanan jalan. Sekali lagi, buruh Tamil itu melayan kami dengan baik, memasak nasi empat periuk, seperiuk pun sudah memadai, dan minum kopi yang lazat rasanya mengandungi rempah dengan gula tanpa susu kerana sukar mendapatkannya. Kumpulan buruh ini cukup istimewa kerana mereka dapat memberi kami makan. Mereka baharu sahaja balik dari dalam hutan kerana askar India tidak sahaja mengosongkan penduduk kampung di sekitar Sungai Muar tetapi juga dua batu di kiri kanan jalan. Dikatakan juga bahawa askar India mengambil semua makanan yang mereka temui.

Selepas merehatkan kaki kami yang sakit (tumit saya meleceh), kami mengambil keputusan bermalam di banglo Encik Green yang berdekatan. Mendiang Encik Green ialah bekas pengurus ladang getah Glenmuar di batu 26. Banglo itu terletak di atas sebuah bukit curam, beberapa ratus ela sebelah kanan jalan. Hanya pagi esok kami dapat melihat cahaya matahari yang memancar ke satu pemandangan berbatu-batu jauhnya dari tingkap belakang banglo itu. Pemandangan itu amat indah pada waktu aman dengan kebun bunga pada batas yang bertingkat-tingkat dan rumah musim panas terhias indah di sudut dekat banglo. Tetapi semuanya tinggal kenangan dan ternyata kemudiannya rumah itu dirompak. Senaskhah *Encyclopedia Britannica* tercampak ke dalam kebun, kaca alas meja berkecai di halaman dan dalam dapur saya memungut sebuah buku pesanan keperluan dapur tercampak di atas lantai yang menunjukkan pesanan terakhir pada 12 Januari, seminggu dahulu, untuk "Sebuku roti kecil". Saya juga mengambil di atas lantai sekeping gambar foto seorang lelaki berkepala botak duduk dalam motokar Morris Cowley dengan keluarganya. Secara kebetulan, beberapa minggu kemudian, saya menghuni bilik di Jel Changi hanya beberapa pintu jarak dari seorang yang bernama Encik Green yang dipanggil dengan gelaran "Patchy". Saya diberitahu "Patchy" (sebutan: Pat Chai dalam bahasa Tamil bermakna "Hijau"). "Patchy" kemudiannya amat seronok mendengar berita yang di-

sampaikan kepadanya tentang rumah dan buruhnya, berita yang sememang baik baginya.

Malam itu kami tidur dengan nyenyaknya kerana letih berjalan jauh siang tadi dan sekali lagi saya mendapat katil spring tanpa tilam. Sebaik sahaja fajar menyingsing, kami bergerak semula setelah mengucapkan selamat tinggal kepada teman-teman pada malam semalam. Masih ada beberapa orang lagi buruh yang belum pulang ke ladang selepas perintah berpindah. Lebih kurang enam atau tujuh batu ke Pagoh, mereka yang dapat basikal mara dahulu ke hadapan setelah diberitahu berjumpa kami di kampung itu nanti. Selebihnya berhenti di sebuah kedai Cina dan tuan punya kedai itu merebus daging babi untuk kami. Seorang pemandu kereta lembu memberitahu bahawa dia dalam perjalanan ke Pagoh juga. Kami lalu melonggokkan alat kelengkapan kami di atas kereta lembu, kecuali senjata, dan mengekorinya dari belakang. Seorang dua kami yang sakit kaki tumpang bertenggek di atas kereta lembu itu. Saya sendiri, setelah menyumbat rumput ke dalam but, saya dapati sedap sedikit berjalan.

Kami melewati sebuah kereta pembawa bren-gan yang terbakar. Kalau tidak, tiada bukti peperangan. Di jalan ini juga kami mengambil seorang askar India yang dipercayai ketinggalan di Lenga; menurut ceritanya dia merayau-rayau lalu tersesat hingga beberapa hari. Dia tidak membawa apa-apa barang. Jadi saya memberinya beg galas ringan untuk dibawanya. Kami dapati askar India itu baik orangnya dan ikut kami sepanjang rondaan.

Apabila kami sampai di Pagoh, 17 batu dari Muar, kami dapati semua rumah atap di sebelah kanan jalan terbakar hangus. Sebabnya tidak pasti tetapi pesawat terbang yang sering berkeliaran di angkasa mungkin menyebabkannya. Sementara itu Koperal Wilding telah mendapat sebuah kereta buruk Austin 10 yang masih boleh berjalan lalu saya dan teman lain yang sakit kaki amat berterima kasih kerana dapat menumpang dan kami mengucapkan selamat tinggal kepada pemandu kereta lembu. Kini kami terpaksa berbelok dari jalan menuju Muar dan mengikuti sebatang lorong sempit ke Kangkar. Lorong itu hanya boleh dilalui oleh Austin tua itu sejauh tiga atau empat batu; selebihnya kami terpaksa berjalan kaki. Tidak berapa jauh berjalan melalui lorong itu kami bertemu seorang Ceti<sup>54</sup> yang dengan murah hati telah men-

54 Peminjam wang bangsa Tamil.

jamu kami makan yang cukup istimewa di rumahnya dalam ladang getah. Selepas makan kami berasa amat segar tetapi Austin tua akhirnya tidak dapat berjalan lagi di hujung lorong; tidak diketahui sama ada tiada petrol atau kurang air dalam tangki penyejuk. Dari sekarang, kami terpaksa berjalan kaki semula.

Barangkali lebih kurang 10 atau 12 batu dari Pagoh ke Kangkar, kami melalui jalan-jalan kecil dalam hutan melewati kawasan tumbuhan liar dan hampir tiada penghuni langsung. Kebanyakan kawasan itu ditumbuhi hutan dara, tetapi beberapa orang penebang kayu sibuk menebang pokok-pokok yang tinggi, lalu meninggalkan beberapa kawasan lapang. Dan di jalan yang sunyi ini kami temui lagi dua orang askar India yang datang ke arah kami. Seorang daripadanya memiliki selaras raifal baharu yang disembunyikan dalam bajunya dan seorang lagi mempunyai benet. Kedua-duanya memberitahu bahawa mereka terlepas lari daripada serangan kereta kebal Jepun di Muar. Kami lalu mengajak mereka mengikut kami meronda. Nampaknya mereka suka menjalankan tugas ini. Akhirnya kami dapat keluar dari kawasan lalang yang tebal dan hutan kecil itu ke kawasan tanam-tanaman, pokok getah yang tidak teratur, lalu memasuki kawasan yang amat luas, berbatu-batu luasnya, hutan yang telah ditebang tebas. Anak pokok getah ditanam di kawasan hutan yang sudah bersih secara bakar tetapi cukup rimbun dengan daun untuk memberi kami perlindungan apabila kapal terbang berlegar di udara.

Ketika sampai di pinggir pekan Kangkar, hari sudah gelap. Mereka yang berbasikal disuruh mara ke hadapan untuk mendapatkan pengangkutan ke Yong Peng. Hari amat panas pada tengah hari itu dan kami cukup lapar dan dahaga, tetapi amaran palsu kehadiran Jepun dalam kampung itu menyebabkan kami terpaksa berhati-hati. Ini menjadikan kami lewat sampai ke situ. Sebenarnya Jepun tidak jauh dari situ dan ini jelas dengan bunyi tembakan raifal, mortar dan lain-lain, tidak berhenti-henti datangnya dari arah jambatan Parit Sulong. Dari situ ke Kangkar dihubungkan dengan sebatang jalan sejauh lima batu yang bertar dan mudah didatangi oleh pasukan ronda Jepun. Mengetahui kedudukan ini kami berpecah ke dalam dua barisan berjalan di sebelah-menyebelah jalan dalam kampung itu.

Kangkar merupakan sebuah kampung yang usang lagi kotor, separuh daripadanya terputus oleh sebuah anak sungai yang mengalir merentas jalan menuju keluar dari kampung itu menghala ke

selatan. Untuk menyeberangi anak sungai ini ada sebuah titi kayu lama berbentuk pelangi untuk orang berjalan kaki. Selepas menjamu selera dengan sepuas-puasnya di sebuah kedai Cina yang ada di situ, saya keluar mencari kereta untuk mengangkut kami ke jambatan Parit Sulong dengan harapan jambatan itu masih lagi dalam tangan pasukan kami. Saya terjumpa sebuah lori yang terletak di luar sebuah kedai di hujung kampung tetapi tauke yang memilikinya keberatan membantu kami dengan alasan, antara lain, lori itu tiada lampu, kurang petrol dan enjinnya sukar untuk dihidupkan. Sebab sebenar kebimbangannya amat nyata. Dia tahu benar bahawa Jepun sudah hampir tiba dan sudah tentu mereka tidak suka dia membantu kami. Akhirnya, setelah puas memujuk malah mengugut, kami dapat mengajaknya membawa kami ke persimpangan jalan dan tidak lebih daripada itu. Anak tauke sejak mula lagi amat bersedia untuk membantu kami dan dia mengingatkan bapanya bahawa dia adalah orang Chiang Kai Shek dan sekaligus anti-Jepun.

Lebih kurang pukul 8.00 malam, baharulah kami dapat bertolak dengan lori itu yang dipandu oleh tauke sendiri. Dan pada peringkat ini kami kehilangan salah seorang askar India sesat yang kami bawa bersama pada hari itu. Kami syak dia mengambil keputusan untuk tinggal bersama kaumnya di kampung itu. Kerana bulan pun sudah terbit, pemandu kami dengan mudah dapat melihat jalan yang dituju sekalipun lampu lorinya agak kurang baik. Barangkali setelah bergerak sejauh dua batu, tiba-tiba terdengar tembakan raifal, bren-gan dan lain-lain datang dari kiri kanan jalan. Tauke itu dengan serta-merta memberhentikan lori di tengah-tengah jalan yang sempit, melompat keluar dari lori dan kami tidak melihatnya lagi. Kami semua juga melompat turun dan mencari perlindungan dalam parit cetek di sebelah kiri jalan, tetapi saya masih sempat kembali semula untuk mengambil dua bungkus roti kering yang tertinggal di dalam lori. Tembakan berterusan sebentar dan kemudian senyap. Ketika itu kami terdengar bunyi tapak kaki di atas jalan, tetapi kami tidak pula menyiasatnya.

Sekarang cukup jelas bahawa kami tidak lagi boleh meneruskan perjalanan kerana Jepun sudah pasti menguasai persimpangan jambatan Parit Sulong. Kami juga tidak tahu keadaan genting yang sebenar bahawa Jepun sudah membuat sekatan jalan pada beberapa hari di situ dan telah menyekat 4000 orang kami berundur dari Muar.

Kami berpatah balik mendekati Kampung Kangkar dan mencari perlindungan dalam sebuah hutan kecil dekat dengan sebuah perkampungan orang Melayu, di selatan kampung Kangkar. Di sinilah kami menghabiskan malam jahanam dan tidak dapat tidur. Apabila bulan terang telah lenyap malam kembali kelam, saya tidak menaruh syak sama ada orang kampung tahu kami berada di situ. Kami mesti mencari satu jalan lain untuk ke Yong Peng tanpa melalui Parit Sulong.

Pada keesokan harinya, kami tidak perlu tergesa-gesa berjalan ke arah timur untuk memungkinkan kami menjumpai jalan raya yang tidak jauh dari Yong Peng. Nasib kurang baik kerana tiada sebarang lorong atau jalan yang jelas, nampaknya tiada jalan langsung. Tanah kawasan itu berlembah, mungkin kerana kedudukannya di kiri kanan Sungai Simpang Kiri yang mengalir ke hilir melalui jambatan Parit Sulong. Di sebelah hulunya aliran sungai mengalir deras ke Seri Medan, lombong besi yang sebelum perang pernah dimiliki oleh Jepun, lalu ke selatan Bukit Inas (tingginya 1134 kaki) yang dari situlah punca air.

Platun kami terpaksa meranduk lurah dan paya separas lutut, adakalanya separas pinggang. Kami diganggu bau busuk selut dan mengharapkan belas kasihan kapal terbang kerana lembah itu terbentang luas tanpa sebarang perlindungan bagaikan sawah padi. Nasib baik setelah mengharunginya dengan susah payah dan penat selama dua jam, kami sampai ke kawasan kering ladang getah tanpa sebarang kecederaan. Kami berasa cukup letih dan badan kami dipenuhi lumpur, basah serta terasa tidak bermaya. Di sini kami dapat pertolongan dari seorang orang Cina yang baik hati menunjukkan kepada kami telaga untuk mengisi air ke dalam botol, tetapi dia tiada makanan untuk dijual. Pada umumnya kami minum air tanpa membubuh sebarang bahan untuk membunuh kuman; dalam ingatan saya belum pernah seorang pun yang menghidap sakit.

Kini kami dengan jelas dapat mendengar bunyi gemerincing tembakan mesin-gan dan mortar datang dari arah Parit Sulong, cuma sebata dua di sebelah kanan kami. Sekali-sekala bom digugurkan dari kapal terbang musuh. Dengan mendapati lorong yang baik, dalam hutan, kami mengikutinya naik turun gaung yang curam di lereng Bukit Inas; jalan kecil yang teduh ini mengingatkan saya Bukit Bendera, Pulau Pinang. Akhirnya kami menuruni kaki bukit dan tiba di sebuah anak sungai dengan airnya mengalir sejuk



dan segar, lalu kami mengisinya ke dalam botol air yang kosong. Di situ kami temui sekumpulan 20 orang pemuda Melayu sedang bertemasya dan berkhemah dalam pondok atap sementara. Mereka memberitahu bahawa mereka adalah pelarian dari Melaka. Seorang daripadanya boleh bertutur dalam bahasa Inggeris dengan baik kerana dia pernah bersekolah di Sekolah Tinggi, Melaka.

Anak sungai di hadapan kami ialah Simpang Kiri, dipanggil begitu kerana sebuah lagi anak sungai beberapa batu ke selatan dipanggil Simpang Kanan. Kedua-dua anak sungai ini bercantum di satu tempat lalu menjadi Sungai Batu Pahat, lebih kurang empat atau lima batu ke hulu dari bandar itu. Pemuda Melayu itu amat mesra dengan kami dan telah membawa kami ke seberang sungai yang jaraknya 20 - 30 ela itu dengan bot sambil memberi amaran kepada kami supaya mengelak dari Parit Sulong yang ramai dengan Jepun. Sebuah ladang getah besar dan teratur dengan baik di hadapan kami, tetapi kami masih mengharap, selesai merentasi ladang ini, kami akan sampai ke jalan Parit Sulong menuju Yong Peng. Di situ kami hampir pasti untuk mendapat pengangkutan ke Yong Peng sekiranya pasukan tentera kami masih berada di Parit Sulung seperti yang dijangka. Sepanjang hari kami masih belum makan. Jadi kami mengambil keputusan menghabiskan bekalan makanan yang masih tinggal iaitu daging asin, roti kering dan air yang di dalam botol. Selepas berjalan lagi sejauh dua atau tiga batu akhirnya kami keluar ke jalan raya 13 batu dari Yong Peng. Jalannya tidak dapat dikatakan lengang dan apabila kami merasai bahawa kami telah jauh berjalan, kami duduk sambil berharap, mudah-mudahan ada kenderaan yang datang.

Dalam panas terik tengah hari kami berbaring-barang menghilang penat di pinggir jalan yang menghadap ke sebuah bukit dipanggil Bukit Payung (856 kaki). Bukit ini terletak lebih kurang 200 atau 300 ela ke selatan dari tempat kami berehat dan diselangseli dengan tanah lapang menghijau, sebahagian daripadanya dilitupi lalang, hutan kecil dan pokok getah yang berselerak dan terlindung sedikit dari jalan. Jalan pada peringkat ini ditambah tinggal sedikit dengan tebing curam di kiri kanannya. Di tebing sebelah selatan, kesemua kami berbaring, antara sebabnya ialah terlindung daripada kapal terbang Jepun yang sekali-sekala terbang di udara, adakalanya terbang begitu rendah yang menyebabkan kami tertanya-tanya kehairanan. Kami tidak perlu tunggu lama untuk mendapat jawapannya.

Kami terdengar suara orang bercakap-cakap dengan penuh semangat melalui jalan ke arah kami. Tetapi mereka terlindung daripada pandangan oleh selekoh tajam dan saya menyangka mereka adalah orang Cina tempatan. Saya bersedia untuk bertanya mereka tentang kedudukan Jepun, tetapi sangkaan saya meleset; sebaliknya itulah sepasukan besar askar Jepun sedang mara ke arah kami lebih kurang 40 ela sahaja. Berlainan dengan askar Jepun lain, setengah daripada mereka sekurang-kurangnya memakai topi besi Jerman berwarna hijau, mungkin juga berpakaian seragam hijau, dan but kulit yang kilat bergilap. Saya dengan segera berteriak: "Awat Jepun!" kepada teman-teman yang sama sekali tidak menyangka.

Pasukan utama Jepun itu didahului dengan enam orang peronda yang ternampak menaiki basikal. Sambil berbasikal mereka sentiasa menundukkan kepala dan sebab itu, saya fikir, mereka tidak nampak kami sehingga dekat betul dengan kami. Mereka dengan tiba-tiba terbabas ke kiri dan melanggar tebing curam di hadapan kami, tetapi sebelum apa-apa seorang daripada kami menembak mereka dengan tomigan. Saya tidak pasti sama ada kena atau tidak tembakan itu kerana mereka hilang ke bawah tebing curam dan tidak kelihatan lagi. Pertempuran yang singkat ini membolehkan kami mengambil masa untuk lari jauh sedikit merentasi tanah lapang sebelum pasukan utama Jepun yang mengandungi beratus-ratus orang tiba untuk membelasah kami. Di samping suara garang dan keras, Jepun bukanlah pandai sangat menembak atau susah menembak ke arah sasaran yang bergerak. Tidak seorang pun daripada kami yang terkena tembakan. Apabila tiba ke kaki bukit kami mencari perlindungan di belakang rimbunan pokok getah dan bersedia untuk membalas tembakan ke arah musuh. Peluang untuk menembak mereka terhalang kerana mereka mencari perlindungan di belakang tebing curam di tepi jalan. Elok juga mereka tidak mengikut kami kerana kami dapati pengunduran kami tersekat oleh pagar kawat berduri terbina tinggi lagi kukuh yang merentangi sekeliling kaki bukit itu. Ketika kami membalas tembakan musuh itu, saya dapati daun getah jatuh berguguran dengan banyaknya seperti kebiasaan dalam waktu ini pada tiap-tiap tahun. Cuma kemudian jelas kepada saya sebab sebenar ialah peluru Jepun datang begitu tinggi mengenai daun getah, bukan kami.

Bukit Payung berbentuk agak bulat di sekelilingnya dan rata di atasnya. Sesungguhnya satu kemujuran kepada kami dengan

hutan di situ yang memberi perlindungan yang amat kami perlukan. Sementara itu Jepun masih boleh memerangkap kami kalau-lah mereka tahu bahawa kami tersekat oleh kawat pagar berduri, tetapi mereka tidak tahu, justeru kami punya masa untuk mengikut sekeliling pagar di kaki bukit sehingga kami terjumpa satu ruang lebih kurang 150 ela jauhnya. Dengan segera kami dengan susah payah menyusup melalui ruang ini dan ada yang terjatuh kerana keletihan dalam hutan tebal di situ. Kami berasa lebih selamat kerana kami terpisah daripada musuh oleh kawat pagar. Kami dapat tahu kemudiannya bahawa musuh kami ialah Ketumbukan Pengawal Imperial, pasukan yang sama membunuh beramai-ramai 150 askar Australia dan India yang cedera di jambatan Parit Sulong pada hari kelmarin.<sup>55</sup> Selepas perang panglima Jepun Leftenan Jeneral Nishimura telah dihukum mati atas sabit kesalahan jenayah ini oleh Tribunal Jenayah Perang pada tahun 1950.<sup>56</sup>

Setelah berehat agak lama, kami mula mendaki bukit dan dalam tempoh kira-kira setengah jam kami sampai di kemuncak bukit. Hutan di situ kami dapati kurang tebal dan mudah direntasi. Kami terpaksa berhati-hati sambil melihat pasukan musuh yang masih bergerak dengan ramainya di sepanjang jalan di bawah sana. Mereka masih merapati tepi jalan seolah-olah menunggu serangan hendap kami. Syukur, kerana mereka tidak lagi menghiraukan kami kerana mereka tidak nampak dari jalan. Dari kedudukan kami yang baik, kami dapat melihat dengan jelas berbagai-bagai jenis pasukan tentera Jepun. Sudah pasti mereka mengandungi beratus-ratus orang, seperti biasa, ada yang berjalan kaki dan ada yang berbasikal. Inilah "senjata sulit" mereka yang sesetengah kami menggelarkannya, ada yang menunggang motosikal, beberapa motokar pegawai dan sedikit lori. Semua kenderaan diberi samaran dengan daun kelapa sebagai perlindungan daripada serangan udara, sekalipun tiada langsung kapal terbang British yang memaksa mereka berbuat begitu. Tetapi ada beberapa buah kereta

55 Selepas pertempuran ini cuma tinggal seramai 400 askar India dan 500 Australia, kebanyakan mereka tercedera, berjaya sampai ke Yong Peng. Pertempuran ini diceritakan dengan lebih terperinci oleh Russell Braddon dalam bukunya *The Naked Island*, Buku 1, Bab 9. Compton MacKenzie dalam bukunya, *Eastern Epic* (Vol. 1) menyebut seramai 110 Australia dan 35 India Orang Tawanan Perang (P.O.W) telah dipancung kepala dengan perintah Nishimura.

56 Lebih kurang 200 orang Jepun telah dihukum bunuh oleh British selepas perang kerana jenayah yang dilakukan oleh mereka terhadap rakyat British.

kebal ringan di celah-celah pasukan itu, sesetengahnya saya tidak pernah lihat dahulu di Tanah Melayu.

Kesan yang saya lihat ialah mereka tidak teratur kerana mereka tidak berjalan dengan langkah yang teratur, tidak juga mereka bergerak dalam barisan, dan setiap mereka nampaknya bercakap-cakap tanpa menghiraukan musuh. Tidak syak lagi pegawai yang memerintah tahu bahawa pasukan kami tidak lagi mampu untuk bertempur sebaik sahaja tewas di Parit Sulong.

Kami berasa amat dahaga ketika itu dan air yang diperoleh pada masa itu ialah dari sebuah alur air, tetapi kini alur air itu sudah kering kerana musim panas. Namun saya mengesan alur itu ke hulunya dan saya dapati masih ada mata air di situ. Dengan menekankan topi besi ke dalamnya, kami semua akhirnya dapat mengisi botol kami dengan topi besi yang penuh dengan air. Kali ini kami membubuh pil pembunuh kuman yang kami bawa bersama. Malam sudah hampir tiba dan kami memutuskan untuk bermalam di situ kerana yakin kepada pagar kawat berduri yang menjadi penghalang pertama kiranya rondaan Jepun cuba mendaki bukit itu dalam gelap. Hari esoknya, kami mesti berikhtiar bagi mendapat satu jalan lain untuk pulang menemui pasukan kami kerana kami tidak boleh lagi melalui jalan Yong Peng.

Pagi esok, kami bangun cepat dan terus bergerak kerana kami seolah-olah terkepong di kiri kanan oleh askar Jepun. Kami akan terputus kalau kami tidak bergerak dengan pantas. Kami mengambil keputusan menuju ke Batu Pahat, sebuah bandar pelabuhan kecil lebih kurang 10 batu ke selatan kami. Dari atas Bukit Payung kami nampak dengan jelas Bukit Banang (1410 kaki), sebuah bukit di selatan Batu Pahat. Pasukan kami, kami agak atau yakin, masih bertapak di bandar itu sekalipun tentera Jepun sudah sampai di tebing utara Sungai Batu Pahat. Kami juga tidak tahu bahawa satu pasukan kecil Jepun sudah mendarat dari laut dan menduduki cerun curam Bukit Banang pada beberapa hari dahulu. Ada sedikit kemusykilan pula. Melihat peta, kami dapati arah tepat menuju Batu Pahat tetapi ini boleh menyebabkan kami terperangkap sekiranya pasukan ronda Jepun mengekori kami dari belakang, kerana Simpang Kiri di sebelah kanan sementara Simpang Kanan berada di sebelah kiri kami. Kedua-dua cawangan sungai ini tidak boleh diseberangi tanpa bot dan tiada sebarang jaminan untuk mendapatkan bot apabila kami sampai di tebing sungai.

Masuk hari kelima kami sekarang memulakan perjalanan

jauh. Beberapa orang kami telah meleceh kaki. Sesetengahnya berasa lega dengan menyapu minyak 'citronella' pada tempat yang meleceh itu. Kami menuruni Bukit Payung pada bahagian selatan lalu masuk ke ladang getah. Kebetulan, ladang itu kepunyaan orang Jepun pada masa sebelum perang. Apabila kami tiba di kampung orang Melayu, pintu rumah mereka tertutup rapat, tetapi ada orang ketakutan di dalamnya. Saya melaung dalam bahasa Melayu kepada penghuni yang tidak kelihatan, memberitahu supaya mereka tidak perlu takut kerana kami hanya memerlukan air minuman untuk memenuhi botol air. Seketika kemudian, sebatang tangan menghulur keluar sebuah bekas air di pintu dan saya berterima kasih kepada penyumbang itu kerana bantuannya walaupun tanpa suara. Sudah jelas, Jepun sudah berada di situ. Kami kemudiannya bertemu orang Melayu yang mendakwa Jepun sudah tiba di situ pada hari kelmarin.

Kami bergerak ke selatan dan keadaan muka bumi mula berubah. Tompokan hutan dan kebun getah kecil masih ada, juga sedikit sawah padi. Sawah ini ada parit besar, guna mengalirkan air yang berlebihan dan sebahagian parit itu panjangnya dua atau tiga batu dan selari hingga akhirnya masuk ke Simpang Kanan; di situ parit itu kering. Oleh sebab parit itu terlalu besar atau terlalu dalam untuk dilompati ke seberang, maka titi kecil diperbuat daripada papan diadakan di setiap 200 atau 300 ela untuk membolehkan petani menyeberanginya dari satu tempat ke satu tempat lainnya. Ketika kami melalui lorong basikal yang sempit menyusuri parit, kami mengalami satu kejutan. Lorong yang kami lalui selama 10 minit itu, kami harap, akhirnya sampai di Simpang Kanan. Di sana kami diberitahu ada satu persimpangan. Kadang-kadang kami memanjangkan barisan dan saya sendiri berada di hadapan sekali kalau-kalau terjumpa orang tempatan. Tiba-tiba datang berita ke telinga kami iaitu ada suara yang dapat didengar, datang dari belakang. Ini bukanlah kali pertama kami diberi amaran tentang kedatangan bahaya oleh askar Jepun yang gemar bercakap-cakap, dan kerana itu kami punya kesempatan untuk bersembunyi dalam kawasan separuh hutan di sebelah kiri kami, sebelum ketibaan Jepun seramai kira-kira 200 orang menaiki basikal dari belakang dengan melalui lorong yang sama.

Anggota unit kami tinggal lagi 14 atau 15 orang, kerana askar India kedua yang sesat juga sudah menghilangkan diri. Kami berasa lega kerana Jepun tidak nampak kami. Jepun memakai pakai-

an yang pelbagai jenis kerana mereka tidak mempunyai satu jenis pakaian seragam. Sesetengah daripada mereka memakai kain orang Melayu, dan ini boleh menyebabkan orang tersalah sangka sebagai penduduk tempatan bagi orang yang kurang biasa dengan negeri ini; ada yang memakai seluar pendek, ada pula yang berseluar panjang, ada yang memakai topi terbalik, ada yang memakai topi kain khaki, sesetengahnya tidak memakai sebarang topi di kepala kecuali sehelai kain atau sapu tangan. Seseorang dapat mengingati semula tentang pemandangan yang sama seperti yang diceritakan oleh Spencer Chapman dalam bukunya *Jungle is Neutral* ketika dia sedang melihat sekumpulan askar Jepun melintas lalu dalam keadaan yang sama.

Masalah sekarang ialah bagaimana untuk mengelak daripada bertembung dengan Jepun sebelum kami menyeberangi Simpang Kanan dengan selamat. Rancangan yang paling baik, saya mengajak Leftenan Sanderson berpatah balik sedikit ke belakang, ke lorong yang kami lalui tadi, menyeberangi satu atau lebih titi dan parit ke sebelah kanan kami dan mendapatkan laluan ke bandar Batu Pahat menerusi beberapa buah kampung Melayu yang bersempadankan tebing kiri Simpang Kiri.

Sarjan Donaldson diberi tugas mengepalai platun menyeberangi lorong tetapi saya lihat dia cemas sedikit kerana terdengar suara di bawah jalan dari tempat kami bersembunyi. Suara itu saya tahu datangnya daripada orang-orang yang sedang berbincang tentang perkara yang mereka lihat. Jadi, dengan rela hati saya melakukan sedikit peninjauan untuk melihat kalau segala-galanya selamat. Saya mendekati lorong itu dengan cermat, dan sebentar kemudian saya dapat mengesahkan bahawa Jepun sudah pergi. Saya mengarahkan anggota pasukan kami yang berada di seberang titi berjalan kaki supaya menyeberangi lorong dan parit dalam masa yang paling singkat. Apabila semua sudah menyeberang, kami bergerak ke arah barat daya menuju persimpangan. Di sini kami dapati dua simpang bertemu yang dipanggil Sapekong. Tembakan meriam Jepun kedengaran membedil Batu Pahat dari arah utara Sungai Batu Pahat, dan kami terpaksa melarikan diri dari tebing sungai. Ini bermaknalah kami dapat menyeberangi Simpang Kanan di sebelah atas Sapekong, supaya kami dapat perlindungan di sebelah kanan Sungai Batu Pahat, sekaligus membolehkan kami mendapat jalan masuk ke Batu Pahat.

Laluan kami kini boleh dikatakan mudah kerana dalam be-

berapa batu kami melalui kebun getah kecil dan parit pun semakin kurang bilangannya. Beberapa buah rumah Melayu terdapat di sana sini sepanjang tebing Sungai Simpang Kiri yang mengalir di sebelah kanan kami yang sukar bagi kami melihatnya kerana terlindung oleh belukar yang tumbuh di situ. Pada mulanya orang Melayu yang nampak kami bergegas balik ke rumah masing-masing, cemas, memeluk anak-anak mereka malah basuhan mereka tinggal kering tersidai. Tetapi selepas beberapa ketika mereka tidak lagi gentar dengan kehadiran kami malah dua orang haji<sup>57</sup> dengan ketayap putih di kepala dengan sukarela sanggup mencari bot untuk kami menyeberang sungai. Kami mengikuti mereka melalui lorong yang penuh dengan daun ke arah selatan sepanjang pagi itu. Kami juga diiringi oleh beberapa orang budak Melayu yang juga sanggup membantu kami, kalau boleh. Nasib kami kurang baik, salah seorang daripada haji itu, sungguhpun amat peramah, tidak dapat mencari bot untuk kami. Sebenarnya dia seorang yang sangat lurus. Tugasnya diambil alih oleh haji yang seorang lagi yang berjanji membawa kami ke sebuah sampan yang dilihatnya dua hari dahulu.

Waktu sudah menunjukkan pukul 2.00 petang apabila kami sampai di kuala dua batang sungai di Sapekong, tetapi kami terpaksa bersembunyi dalam lalang tinggi sehingga haji kami ini dapat mencari sampan. Tetapi haji itu mengambil masa lama dan tidak datang semula menemui kami. Oleh itu saya mengambil keputusan sendiri, keluar dari situ untuk mencarinya. Saya kurang pasti sama ada haji itu akan berpatah balik menemui kami tetapi saya agak sampan yang dicarinya sudah hilang dan berasa malu untuk menunjukkan mukanya kepada kami bagi menceritakan keadaan sebenar.

Sementara itu saya mara ke hadapan, ke pinggir Simpang Kanan, dan nampaknya kami sudah tiba di kuala dua batang sungai dan Simpang Kanan yang harus kami seberangi cuma 40 atau 50 ela lebarnya. Tiada siapa di situ, lalu saya berjalan lagi beberapa ela menuju sebuah rumah kongsi Cina dan dekatnya ada kilang papan. Saya bertemu seorang Cina pemotong papan. Dia sangat mesra tetapi tidak dapat membantu saya untuk mendapat sebuah bot. Sebenarnya, dia menambah, kesemua bot sudah dibi-

57 "Haji" ialah seorang Islam yang telah mengerjakan ibadat haji di Mekah dan mudah dikenali daripada kopiah putih yang mereka pakai.

nasakan atas perintah kerajaan dan pada hari kelmarin tiga orang askar orang putih berenang menyeberangi sungai itu. Cara begini tidak boleh diterima oleh platun kami kerana kami tidak sanggup meninggalkan segala senjata dan alatan kami. Tiba-tiba datang satu fikiran. Saya mengeluarkan wang kertas \$5.00 (nilai pada waktu perang lebih kurang \$12.00) dan menunjukkan kepadanya bahawa saya sanggup menambah kepada Cina itu untuk mendapat maklumat lagi. Muka Cina itu menjadi cerah dan dia dengan segera memberitahu saya bahawa dia tahu ada sebuah bot beberapa ratus ela ke hulu sungai kalau kami mengikutinya.

Kedudukan kami dalam bahaya kerana kami dikelilingi oleh air di kedua pihak dan menjadi sasaran mudah bagi musuh yang datang dari belakang. Bagaimanapun kami tetap mengikutinya dengan rela hati. Semua penduduk tempatan yang kami temui berkali-kali mengingatkan kami bahawa bot yang dicari tidak akan terjumpa, tetapi kami terus mengikuti Cina itu. Sekiranya dia cuba meninggalkan kami yang sedang mencari ini, saya memberitahunya bahawa saya sentiasa berada dekat di belakangnya dengan senapan bermuat peluru. Dalam masa yang singkat sahaja kami tiba di sebuah rumah bot dan seperti yang diduga, di bawah timbunan daun kelapa, kami tidak sahaja mendapati sampan malah sesuatu yang lebih baik, sebuah tongkang dengan nombor siri di tepinya dan boleh membawa seramai 50 penumpang pada sekali angkut. Ini sebuah bot berat untuk dikendali sedang kami tiada dayung atau pengayuh. Mujur saya meninjau-ninjau dekat sebuah pondok kayu yang usang. Dalam masa beberapa minit sahaja kami sudah dapat mengadakan pengayuh yang kami buat daripada papan yang diambil dari pondok itu. Setelah menyorongnya ke air, kami dengan geram mengayuhnya menentang arus ke hulu. Kami selamat menyeberangi kira-kira separuh sungai, tiba-tiba kami ternampak datang dari hadapan dengan satu kederasan yang agak laju dan cuma 100 ela dari kami iaitu sebuah kapal kecil bermotor penuh dengan askar Jepun. Mereka pun melepaskan tembakan ke arah kami. Mujur kami tidak begitu jauh dari tebing sungai lalu kami mendaratkan sampan kami dalam keadaan kelam-kabut dan menolaknya ke dalam lembah yang berpaya. Jepun di atas kapal kecil itu agaknya pasukan yang kami lihat ketika melewati dekat kami pagi tadi.

Kami tidak dapat membayangkan bagaimana kami nyaris-nyaris mendapat bencana. Kami tidak sahaja bernasib baik men-



dapat sebuah sampan yang membawa kami ke seberang, bahkan sekali lagi bernasib baik kerana telah berjaya menyeberangi sungai sebelum kedatangan kapal kecil yang penuh dengan askar Jepun. Kalau terlewat beberapa minit sahaja, sudah pasti kami terperangkap di tepi sungai itu.

Sementara itu kami semua melompat turun lalu menyusup masuk ke dalam paya yang kini mengelilingi kami dan meluru ke hadapan melalui hutan untuk mencari lorong atau jalan yang boleh membawa kami ke bandar Batu Pahat. Lagi sekali kami nyaris mendapat kecelakaan daripada tembakan meriam. Sudah pasti Jepun meningkatkan gerakan menyeberangi Sungai Batu Pahat, dari sebelah tebing utara, yang cuma sebatu dua ke hilir sungai.

Selepas menyambung kemaraan, kami menuju ke selatan lagi kira-kira setengah batu, dan sampai di sebuah kampung Melayu, mungkin Gombak; di sini beberapa puluh orang kampung, dengan penuh cemas, berkumpul dalam beberapa buah rumah beramai-ramai demi keselamatan masing-masing. Ada lagi seorang haji yang dengan sukarela memberitahu, katanya, terdapat beribu-ribu askar orang putih di Batu Pahat dan dia sendiri belum nampak seorang Jepun pun di sana. Apabila kami minta dia tolong tunjuk jalan yang paling dekat menuju jalan besar ke Batu Pahat, dia nampak keberatan, dengan memberi alasan, antara lain, dia telah berjanji dengan anak-anaknya untuk ke seberang sungai. Bagaimanapun apabila kami berjanji memberinya \$3.00 kerana khidmatnya, dia bersetuju. Kami ikut haji itu sejauh lebih kurang dua batu melalui lorong yang berbelok-belok dilindungi lalang tinggi dan kelompok pokok kelapa. Dalam perjalanan itu kami berselisih dengan seorang pelajar dari Maktab Perguruan Sultan Idris yang mengenali saya lalu saya bertanya khabar bekas pengetuanya, Encik R.P.S. Walker. Kemudiannya, maktab itu berpindah ke bangunan sementara di Kuala Kangsar, Perak; dan saya pernah bertugas di situ sebelum pecah perang.

Akhirnya kami sampai di jalan tanah merah yang lebar dan kami mengucapkan selamat tinggal kepada kawan kami yang cemas tetapi mesra itu. Kami bergerak dengan hati-hati pada mulanya untuk mengelak daripada ditembak oleh pasukan kami sendiri yang kami percaya tidak jauh dari kami. Untuk memperkenalkan diri kami dengan jelas, kami jalan berbaris di tengah jalan sambil bernyanyi lagu Inggeris yang dijangka tidak diketahui oleh Jepun. Nyanyian itu agak kotor yang biasanya dinyanyikan

dalam majlis makan malam ragbi. Agak lewat juga untuk mendapat tindak balas tetapi tidak lama kemudian kami mula ternampak muka-muka yang melihat tajam kepada kami dari beberapa tempat persembunyian di tepi jalan. Askar itu ialah dari unit-unit 1st Cambridgeshires dan Norfolks. Sudah pasti mereka amat hairan mendengar yang kami baharu sahaja menyeberangi sungai dan berjalan berbatu-batu sepanjang jalan dari Segamat. Mereka memberitahu kami berita yang melemahkan semangat tentang keadaan setempat. "Bandar ini sudah terkepung," kata mereka. Begitulah ceritanya.

Jalan arah ke timur menuju Ayer Hitam sudah disekat dan satu-satunya jalan untuk berlepas lari ialah melalui pantai menuju arah selatan ke Benut dan Pontian, tetapi jalan ini sentiasa terdedah kepada gangguan Jepun, barangkali yang sedang bersembunyi di cerun curam Bukit Banang iaitu pasukan yang mendarat dari laut pada 16 Januari. Dua sekatan jalan yang diadakan di jalan pantai pada dua malam dahulu telah dibersihkan dengan susah payah dan dalam satu peristiwa lima buah lori makanan telah diletupkan. Dua orang penyusup Jepun ditembak di tempat letak kereta, setelah mereka menembak salah seorang anggota pasukan kami.

Kini kami bergerak mara dalam hujan lebat ke bandar, dan di markas tentera, sebuah rumah Cina tidak jauh dari panggung wayang, kami dijamu dengan bir dan roti kering. Kami berasa amat gembira dengan layanan itu kerana sepanjang perjalanan hari itu sedikit sekali kami dapat makan kerana kami sendiri berada dalam keadaan penuh kecemasan. Keadaan bandar nampak amat buruk dalam suasana hujan. Lubang-lubang letupan bom kami dapati di merata tempat, jalan menjadi lengang kerana kesemua penduduk awam sudah lari. Sebuah lori terbakar terkandas di persimpangan dan sebuah lubang letupan bom di hadapan balai polis di jalan besar telah dijadikan perangkap antikereta kebal. Saya berasa ingin tahu bagaimana Jepun akan membawa kereta kebal menyeberangi sungai tanpa menggunakan feri. Sungguhpun penembak-penembak Jepun yang bersembunyi cukup giat menembak tetapi kami memberanikan diri berjalan sehingga hujung jalan sejauh tempat feri yang masih bergerak dan nampak ada beberapa orang di situ. Tidak syak lagi, pasukan kami berada dalam keadaan yang tersorok, tetapi kami tidak nampak seorang pun orang awam.

Waktu menunjukkan pukul 6.30 petang dan hari hampir gelap.

Jadi, kami pulang semula ke tempat letak kereta di hujung bandar kerana kami dijanjikan tempat duduk dalam konvoi yang akan bertolak pada pukul 10.00 malam melalui jalan pantai ke Johor Bahru, satu perjalanan sejauh 80 batu.

Pasukan rondaan kami berpecah mengikut beberapa kenderaan. Empat daripada kami dapat menumpang trak serbaguna RASC, kepunyaan Pegawai Bekalan India. Saya berkongsi tempat duduk di belakang trak. Secara rahsia dia memberitahu saya bahawa dia telah berkhidmat dengan tentera India selama 19 tahun, tetapi seumur hidupnya belum sekali dia menembak dengan raifal. "Saya bukan pejuang," jelasnya.

Konvoi sebenarnya berlepas pada pukul 9.00 malam dalam hujan ribut yang mencurah-curah. Malam itu amat gelap dan dengan hujan lebat begini tentu tidak menggalakkan Jepun untuk membuat serang hendap. Tidak syak lagi adanya beberapa rondaan Jepun dalam kedudukan yang boleh menggugat konvoi kami dari kiri kanan jalan. Setelah berjalan sejauh dua atau tiga batu, kami tiba di kawasan tanah lapang, tempat beberapa serang hendap Jepun terhadap pengangkutan kami pada masa lalu.

Di sini kami berhenti selama tiga jam dalam gelap, sejuk, sengsara dan basah kuyup dalam hujan yang tidak berhenti-henti. Pada satu ketika kami diperintahkan turun dari kenderaan dan masuk ke dalam parit kerana takut serangan Jepun. Pegawai bekalan India sememangnya bimbang kemungkinan konvoi tidak dapat bergerak semula, demikian juga setiap orang kami melihat kepada keadaan ini. Tetapi, akhirnya kereta pembawa bren-gan sampai untuk mengiringi kami melewati kawasan bahaya.<sup>58</sup> Pada pukul 1.30 pagi baharulah konvoi dapat bergerak semula, tiap-tiap sebuah lori bergerak dalam jarak 100 ela di antara satu dengan lain dan menggunakan lampu merah sebagai penunjuk selamat di setiap tempat yang dilalui. Kami sama sekali tidak berdukacita untuk mengucapkan selamat tinggal kepada bunyi tembakan meriam yang masih kedengaran datangnya dari arah Batu Pahat.

Perjalanan kami seterusnya tidak mengalami sebarang kejadian dan apabila fajar menyingsing, konvoi kami dapat menambahkan kelajuan melalui kampung-kampung kecil seperti

58 Kereta pembawa bren-gan bukanlah boleh menyaingi kereta kebal malah ramai menganggap ini merupakan perangkap maut dalam kawasan hutan. Jepun mendapat akal untuk membinasakannya dengan melontar bom tangan dari atas pokok.

Benut dan Pontian Kecil, hinggalah ke tempat perhentian lori yang terletak 13 batu dari Johor Bahru. Di situ kami dialu-alukan dengan minuman kopi dan seterusnya kami menuju markas tentera yang terletak tiga batu lagi dari situ. Rumah markas adalah bekas banglo pengurus sebuah ladang getah yang besar.

Barangkali kami adalah konvoi yang terakhir atau salah satu daripadanya yang terlepas dengan selamat dari Batu Pahat yang terkepung. Ini kerana apabila garison di situ terpaksa berundur dalam masa sehari dua lagi, 2000 orang anggotanya terpaksa diangkut melalui jalan dari Senggarang. Sementara yang selebihnya terpaksa mengorbankan segala senjata dan kenderaan lalu berundur ke Benut di selatan dan mengambil jalan darat yang berliku-liku.<sup>59</sup>

Dengan medan pertempuran Batu Pahat-Kluang-Mersing di ambang kejatuhan ke tangan musuh, maka amat wajar kiranya tiada siapa yang ada masa untuk mendengar laporan kami. Tetapi ada sesuatu yang memberi kepuasan kepada kami iaitu dalam menjalankan rondaan selama lima hari dari Segamat ke Batu Pahat, kami dapat bertahan dengan bekalan makanan hanya untuk satu hari. Kami sesungguhnya berterima kasih kepada penduduk tempatan yang dengan penuh mesra dan rela hati telah membantu kami. Lebih-lebih lagi kami bersyukur kerana sepanjang perjalanan itu kami sangat bernasib baik, tiada sebarang kecelakaan yang kami alami sekalipun beberapa siri dugaan dan ancaman yang kami tempuh.

Kami pulang ke kem pangkalan di Jalan Tampoi pada pukul 4.00 petang setelah mendapat sedikit makanan untuk sepanjang hari itu. Kami mendapat tahu bahawa pasukan rondaan kami telah diisytiharkan kepada umum sebagai "empat hari lewat, dipercayai telah hilang". Satu kegembiraan dirasakan dalam kem kami ialah ketibaan 4000 orang tentera bantuan A.I.F.<sup>60</sup> Untuk ke Singapura cukup sukar mendapat pengangkutan, tetapi saya berjaya mendapat sebuah teksi untuk membawa saya sejauh Tambak Johor. Dari situ saya boleh menumpang mana-mana kenderaan yang melintas untuk ke Fort Canning Road. Seorang anggota pasukan perta-

59 Seramai 1500 orang berjaya mengelak sekatan jalan dan tiba di Benut dengan selamat.

60 Malangnya, ramai yang langsung tidak terlatih. Sesetengahnya belayar dari Australia selepas dua minggu dikerah dan boleh dikatakan belum tahu menangani atau menembak dengan raifal.

hanan tempatan yang mengawal Tambak Johor mengenali saya lalu membenarkan saya menyeberanginya tanpa surat kebenaran yang saya percaya kini telah menjadi satu kemestian.

Dua hari kemudian saya diberitahu bahawa unit saya telah dimansuhkan atas alasan, yang sudah nyata, unit itu tidak diperlukan lagi apabila kami semua sudah kembali ke pulau itu. Menjelang pukul 8.00 pagi pada 31 Januari, pasukan tentera yang terakhir, Argyles, telah menyeberangi Tambak Johor untuk ke Singapura dan satu jurang seluas 70 kaki telah diletupkan pada jam 8.15 pagi. Tetapi apabila saya melawat Kelab Tanglin pada hari Ahad, hari berikutnya, sedikit sekali ahli kelab yang sedar bahawa peperangan sudah sampai ke peringkat yang teruk dan mereka masih ragu-ragu apabila saya beritahu mereka bahawa Jepun sudah pun bertapak di Batu Pahat.

Selain meleceh pada kaki, saya mesti menjaga diri supaya sentiasa sihat dalam masa dua bulan sebagai anggota tentera. Selama itu juga berat badan turun sebanyak dua ston, sesuatu yang baik bahkan saya ingin kurus sedikit. Tetapi sekarang saya dapati pada tangan saya semacam melecur timbul berair yang sakit. Apabila saya pergi ke hospital untuk rawatan saya diberitahu bahawa saya telah terkena racun pokok rengas. Kiranya tersentuh daun rengas bisanya akan terbit seperti racun dan ini mengakibatkan bintik-bintik jerawat yang mengandungi air pada tempat yang terkena sentuhan sehingga kulit baharu menggantikannya. Sudah jelas saya mendapat jangkitan itu ketika dalam hutan.<sup>61</sup> Sakitnya tidak seberapa tetapi lengan saya terpaksa dibalut setiap hari selama beberapa minggu sehinggalah sembuh betul. Juga, jangkitan ini tidak sangat mengganggu tugas malah saya dapat melakukan apa jua urusan dengan A.I.F.; saya dipinjamkan sebagai pegawai sukarela.

Setelah terputus perhubungan dengan teman-teman sukarelawan, saya begitu ingin sekali untuk kembali ke kem yang saya rasa terletak di Teluk Paku di tenggara pulau itu. Namun kebenaran mesti diperoleh daripada bekas ketua unit saya sebelum sebarang kemungkinan pinjaman baharu. Jadi, saya dan Andy Stewart sahaja pemandu yang kini terlibat ingin kembali ke Teluk Paku.

61 Pokok rengas tidak semestinya tumbuh dalam hutan. Pada tahun 1954 sekali lagi saya mendapat sentuhannya ketika bersiar-siar dalam kawasan takungan air MacRitchie. Sekali lagi lengan saya mengalami bisanya, selama dua bulan baharu sembuh. Ada juga tertanam pokok rengas dalam kawasan Raffles College pada masa itu.

Mejar A.C. Smith dengan senang hati memberi kebenaran. Teluk Paku dalam masa aman adalah sebuah tempat peranginan tetapi laut yang menarik kerana pantainya berpasir putih, tetapi apabila melihat kepada wajah sukarelawan terbayang rasa kekecewaan kepada mereka yang menjadi penghuni kem. Kebanyakan mereka, sememangnya bersedia untuk memberi khidmat yang paling tinggi sebagai pemandu dan jurubahasa, tetapi tidak dipergunakan sebagaimana wajarnya. Mereka menghabiskan masa yang melemahkan semangat dalam kem atau lapangan terbang yang dilupakan seperti Taiping dan di tempat-tempat lain di Semenanjung.<sup>62</sup>

Saya dan Andy terus pergi ke Fort Canning untuk melihat apa yang harus kami buat lagi untuk menyertai A.I.F. Di situ kami bertemu Encik Ansell, sebelum itu beliau ialah ketua jurutera Ladang Getah Batu Enam, terletak di utara Segamat. Encik Ansell memberitahu kami kedatangannya ialah untuk menyasiat tentang kehilangan anaknya, seorang bekas anggota Loyals. Anaknya ialah seorang peladang sebelum dia menyertai Loyals dan dia hilang dalam kawasan Parit Sulong. Oleh sebab saya tahu Loyals dan kawasan tempat anaknya hilang, saya bercadang membawa dia, isteri dan anak perempuannya ke berek Loyals dekat perkuburan Bidadari. Mungkin Loyals sudah mendapat banyak maklumat tentang anaknya. Kapten Pasque, Ajudan pasukan Loyals dan teman lama saya, telah menunjukkan lima orang yang terakhir bersama anaknya. Mereka cuma dapat memberitahu bahawa anaknya mengambil keputusan untuk pergi bersendirian dan mencuba untuk pulang ke ladangnya di Labis. Semenjak itu mereka tidak lagi melihatnya, bahkan dia tidak lagi dilihat oleh siapa pun. Namun demikian, kami bernasib baik apabila Encik Ansell memperkenalkan saya kepada Brigedier (Dr.) Maxwell, anggota A.I.F., yang mempunyai saudara bertugas sebagai peladang di Tanah Melayu. Setelah bertemuramah dengannya di markas tentera di sebuah banglo tauke Cina di batu 9½, Singapore Farm Road, kami

62 Dalam bab "Tinjauan Lampau" dalam bukunya *War in Malaya* (hlm. 303) Jeneral Percival juga menulis hampir sama, katanya, "Unit-unit yang tiba ke Tanah Melayu amat memerlukan anggota yang mempunyai pengetahuan tempatan untuk bertindak sebagai pemandu dan pembantu. Inilah satu tugas untuk sukarelawan." Malangnya, pandangan ini tidak dipedulikan sehingga terlambat dan cuma dimanfaatkan secara kecil-kecilan. Sebaliknya, Tanah Melayu sebagai 'gudang wang' kepada United Kingdom, tujuan utama masyarakat kulit putih bukan sahaja dikerah sebagai sukarelawan bahkan juga untuk meningkatkan eksport getah dan timah. Pada tahun 1941 Tanah Melayu mengeluarkan 38% getah dan 60% timah keluaran dunia.

berdua dijanjikan untuk mendapatkan maklumat tentang anaknya dalam masa dua atau tiga hari.

Esoknya, 30 Januari, ialah tarikh pemindahan beramai-ramai isteri dan anak-anak pegawai dagang dengan menaiki *Empress of Japan* dan *Duchess of Bedford*,<sup>63</sup> dua buah kapal Canadian Pacific. Kapal inilah yang saya naiki merentasi Lautan Pasifik dan Atlantik masing-masing enam tahun terdahulu. Secara kebetulan pada pagi yang sama saya bertemu Puan Jean Spence, isteri kepada seorang peladang dan sukarelawan, di Raffles Square. Saya dapati, sungguhpun dia dijangka berlepas dengan kapal *Empress of Japan*, tetapi dia tidak mempunyai tiket dan tiada jalan untuk mengambalnya dari pejabat P & O yang sudah berpindah beberapa batu jauhnya dari Jalan Bukit Timah di Cluny Road. Mujur saya masih ada motokar Austin 16 untuk membawanya. Apabila tiba di Cluny Road, kami dapati ramai yang beratur untuk mendapatkan tiket dan keadaan pun agak kelam-kabut. Beberapa orang wanita muda, ada di antaranya saya agak kenal, bertengkar dengan suara yang tinggi dan tidak mengambil kisah orang di kelilingnya ke mana mereka mesti pergi, Australia, India atau England? Apabila mereka merayu kepada saya, saya menasihati: "Ikut saja ke mana teman lelaki anda pergi."

Apabila Puan Spence mendapat tiketnya, saya pun menghantarnya pulang ke tempat penginapannya. Ketika saya hendak meninggalkan tempat itu, dia sedang membuat panggilan telefon yang sia-sia untuk mengesan suaminya. Tidak syak lagi suaminya sedang berada dalam kem tahanan dan tidak tahu langsung tentang pemergian isterinya. Akhirnya, Jean selamat sampai di England dan satu kebetulan yang menakjubkan dia duduk di sebelah emak dan emak saudara saya dalam mesyuarat saudara-mara Orang Tawanan Perang (P.O.W) di London. Saya cukup pasti Jean dapat menenteramkan mereka bahawa saya selamat ketika dia berlepas dari Singapura pada 30 Januari.

63 Dua buah kapal besar baharu menurunkan sebahagian besar tentera Ketumbukan ke-18, kebanyakannya dari East Anglia, pada 29 Januari. Kalau tidak pemindahan 2400 pelarian perang, kebanyakan wanita dan kanak-kanak, tidak mungkin kapal berlepas pada 30 - 31 Januari. Selewat-lewatnya 21 Januari, Churchill memikirkan dengan serius untuk melencongkan hantaran Ketumbukan Ke-18 ke Burma untuk melindungi Jalan Burma ke Chungking, tetapi telah ditentang hebat oleh kerajaan Australia yang diketuai oleh Curtin. Keputusan itu bermakna, di samping pelarian terselamat dengan ramainya daripada kena tawan, sebaliknya kebanyakan anggota Ketumbukan Ke-18 menjadi tawanan perang dua minggu kemudian.

Pada sebelah tengah hari itu saya mengambil Ansell, suami isteri, dan anak perempuannya Connie dan terus menuju ke limbungan. Kedua-dua kapal besar itu sedang berlabuh berdekatan di antara satu dengan lain dekat limbungan dalam keadaan selamat, walaupun sebelumnya limbungan itu sudah kena bom dan beberapa buah gudang terbakar dan mengakibatkan jalan masuk ke kapal *Express* yang kami tuju terputus. Beribu-ribu buah motokar, yang terkandas, menghalang laluan dalam kawasan dermaga. Oleh itu terpaksa para penumpang diangkut melalui satu laluan air yang sempit dengan feri yang direka khas untuk mengelak jalan masuk yang kena bom itu. Buruh dermaga atau pembawa bagasi sudah tiada kelihatan lagi. Jadi, dapatlah kami melihat bagaimana satu pawai yang memaksa pegawai-pegawai tinggi sendiri mengangkat barang-barang dalam keadaan kelam-kabut dengan menggunakan kereta sorong kecil atau troli.

Di tengah-tengah kesibukan itu tiba-tiba datang berita palsu tentang serangan udara musuh, kerja jadi terbantut. Sekiranya lima buah kapal terbang yang datang itu kepunyaan Jepun, bukan kami yang punya, bayangkanlah betapa dahsyat kecelakaan akan menimpa orang ramai kerana tempat perlindungan yang amat kecil di situ tidak dapat menampung bilangan manusia yang begitu ramai.<sup>64</sup> Pada waktu ini Jepun sudah pun sampai di Tambak Johor, cuma 17 batu jauhnya di utara. Apabila kami selamat diangkut dengan feri dan naik ke kapal *Empress of Japan*, saya nampak dengan jelas bahawa masih ramai lagi yang boleh menumpang kapal ini sekiranya mereka memilih untuk mengikutinya atau, dalam beberapa hal, dibenarkan pergi. Dewan makan yang luas sudah dikosongkan daripada segala perabot dan beratus-ratus tilam terbentang atas lantai untuk penginapan bagi wanita. Apabila saya menjenguk ke

64 Kapal terbang ini adalah pesawat British yang masih ada di pulau. Kehancuran atas pesawat pejuang dan pembawa bom yang bertempur di Endau pada 26 Januari (sila lihat nota kaki 21) menyebabkan kesemua pesawat diundurkan ke Sumatera pada 27 Januari, kecuali satu skuadron Hurricanes. Atas permintaan Percival, pesawat itu ditempatkan di padang terbang Kallang, satu-satunya pangkalan yang terkeluar daripada jarak tembakan meriam musuh. Tetapi pada 10 Februari, saki-baki skuadron ini juga ditarik keluar.

Dua buah kapal pembawa pesawat terbang bermuat 90 buah Hurricanes tidak dijangka tiba sebelum akhir bulan, dan jelas sudah terlewat.

Naib Laksamana Udara Pulford dalam ucapan terakhirnya kepada Jeneral Percival semasa hendak berlepas meninggalkan Singapura pada petang 13 Februari, amat tepat berkata: "Saya percaya tuan dan saya akan dipertanggungjawabkan dalam hal ini, tetapi Tuhan tahu kita telah mencuba sedaya upaya dengan sedikit alat yang kita ada."



bilik yang seolah-olah seperti bilik kediaman gundik, tiba-tiba seorang wanita yang saya kenal, isteri kepada pegawai tinggi kerajaan, berkata: "Keluar dari sini, Tiny, ini bukan tempat anda!" Setelah mengucapkan selamat jalan terakhir pada pukul 8.00 malam, kami meninggalkan kapal itu. Saya difahamkan kemudiannya kapal itu hanya berlepas pada waktu tengah malam. Sungguhpun kapal itu diserang Jepun kemudian, tetapi *Empress of Japan* tidak mengalami banyak kerosakan dan akhirnya selamat tiba di England. Kebetulan atas geladak kapal itu terpasang semacam mesin-gan antikapal terbang Vickers. Dan, dengan tidak disangka-sangka saya bertemu sekali lagi orang Australia, bernama Chandler, seorang anggota Unit Mesingan Perak. Sebelum itu saya diberitahu dia mengalami gangguan otak. Jadi, saya berasa amat gembira melihatnya sudah sembuh dan bertugas semula. Ketika di Perak dia bertugas sebagai pelombong tetapi di Perth, saya percaya, dia menjadi terkemuka sebagai pemain ragbi profesional.

Dua hari kemudian, pada 1 Februari, sekali lagi saya membawa Encik Ansell melawat Kem Loyals tetapi dukacita kerana masih tiada sebarang berita tentang anaknya. Sementara itu dia mendapat pekerjaan sebagai jurutera diesel, menjadi ketua kapal kecil milik Lembaga Pelabuhan Singapura. Pekerjaan inilah yang menyelamatkannya dari meringkuk lama dalam tahanan dua minggu kemudian.

#### (vi) Di Seberang Tambak Johor<sup>65</sup>

Pada 3 Februari, saya dan Andrew menerima tugas untuk mempertahankan keseluruhan bahagian timur laut Pulau Singapura, dari Sungai Jurong di barat daya hingga ke utara termasuk Tambak Johor. Batalion Andrew, pasukan ke-2/26, diberi tanggungjawab mempertahankan muara Sungai Kranji, tidak jauh dari barat Tambak Johor dan batalion saya, pasukan ke-2/30, mengawal satu kawasan timur dekat dengan kawasan ke-2/26, meliputi satu kawasan satu batu memanjang hingga melampaui Tambak Johor.

Pasukan ke-2/30 di bawah perintah Kolonel Galleghan, dikenali ramai sebagai "Black Jack" di kalangan orang-orangnya dan dianggap seorang askar yang tegas dalam tentera Australia. Sungguhpun dia terkenal sebagai seorang yang amat mementing-

65 Sila lihat Peta 5.



kan disiplin dalam banyak perkara, tetapi arahan pertamanya kepada saya ialah tabik tidak diperlukan dalam masa perang, dan kedua ialah menyembunyikan balutan putih pada lengan saya dengan menurunkan lengan baju kain khaki untuk mengelak perhatian penembak-penembak yang bersembunyi. Dia juga mengarahkan saya supaya tinggal selama 24 jam dalam satu-satu kompeni secara bergilir, bermula daripada Kompeni 'A'.

Kompeni 'A' di bawah perintah Mejar Anderson, dibantu oleh Leftenan Boss sebagai timbalan pemerintah. Markas Kompeni 'A' terletak di sebuah rumah Cina, betul-betul di belakang Balai Polis Woodlands, dekat kelompok pokok getah di hujung sebelah selatan Tambak Johor. Lazimnya, di sinilah tempat yang paling sibuk dengan lalulintas dan kereta api yang turun naik sepanjang landasan yang selari dengan jalan raya merentasi Tambak Johor. Tetapi pada waktu malam saya tiba, keadaan di situ amat lengang dan mengerikan, sementara bulan mengambang penuh melahirkan perasaan seolah-olah berada dalam sebuah dunia lain. Tiada satu makhluk pun yang kelihatan, tidak juga sebarang bunyi kedengaran dari bandar Johor Bahru, sejauh tiga suku batu di seberang selat. Tembakan meriam yang tidak berhenti-henti sepatutnya didengar selama beberapa hari masih belum dimulakan.

Leftenan Boss mengajak saya membuat rondaan memeriksa Kompeni 'A' pada pukul 11.00 malam. Jalan menuju ke situ amat terang kerana simbahan cahaya bulan mengambang. Saya diberitahu bahawa pertahanan di pinggir laut mengandungi enam buah mesingan Vickers dikendalikan oleh seorang anggota unit M.G. West Australian dari Perth, dua laras meriam mengawal di sebelah tepi Tambak Johor, dua lagi mengawal kuala Sungai Mandai Kecil, sebuah anak sungai mengalir di sebelah kiri. Sebagai tambahan dua laras meriam antikereta kebal melindungi Tambak Johor sahaja, serta beberapa buah meriam 25 paun terletak di belakangnya. Gelungan kawat berduri dipasang merentangi sepanjang separuh kiri kanan Tambak Johor, dan jerangkap samar juga dipasang.<sup>66</sup> Pada siang hari dengan menggunakan teropong, seseorang boleh nampak jurang selebar 70 kaki yang diletupkan di Tambak Johor itu, tetapi kebenaran yang nyata ialah jurang itu masih mudah di-

66 Tambak Johor terbina dengan kukuh bagi jalan kereta api dan jalan raya, menjangkau 1100 ela panjang dan 40 ela lebar. Dengan jurang selebar 70 kaki sudah diletupkan, maka tinggal lebih kurang dua pertiga jaraknya dari Singapura.

harungi sewaktu air surut, kerana selat itu cuma 4 kaki dalam airnya. Beberapa buah kubu terbelah memanjang dan lubang-lubang menempatkan senjata sudah digali pada malam hari oleh askar semenjak ketibaan mereka ke situ. Kerja menggali malam hari itu untuk mengelak daripada Jepun tahu kedudukan di situ dan juga bimbangkan serangan tentera udara Jepun jika kerja menggali dilakukan pada waktu siang. Tidak ada sebarang usaha sebelum ini untuk mengadakan pertahanan tetap dan kalau ada pun usaha seumpama itu cuma seutas kawat berduri teregang memanjang di tepi gigi air.<sup>67</sup> Pada waktu siang mereka menunjukkan kepada saya lubang pada Menara Jam Besar di Bangunan Kerajaan di Johor Bahru – bangunan yang sama yang menempatkan pejabat saya selepas perang. Tentera meriam kami sudah menafikan penggunaan menara jam sebagai tempat memerhati oleh musuh. Sehari dua kemudiannya, Jepun menggunakan belon peninjau, sama baik kesannya seperti menara kerana kami tiada mempunyai kapal terbang untuk menembaknya lagi.

Selepas berjalan-jalan di Tambak Johor, kami pulang ke markas terletak di tepi jalan kereta api di persimpangan landasan ke Pangkalan Tentera Laut yang melencong dari landasan utama ke Singapura. Suasana di situ masih lengang. Hanya bunyi tapak kasut di atas jalan konkrit sahaja yang kedengaran. Pangkalan Tentera Laut yang cuma beberapa batu sahaja ke timur, telah ditinggalkan, memberi peluang kepada perompak-perompak, rasmi dan yang lain, untuk menyapu bersih. Dalam banyak hal, sesuai dengan taraf 'A', Kompeni 'A' mempunyai cukup bekalan makanan yang diperolehnya dari sumbernya.<sup>68</sup> Setengah daripada

67 Menurut Brigedier Ivan Simson, ketua jurutera, Pemerintah Tentera Tanah Melayu, Jeneral Percival enggan membenarkan benteng pertahanan dibina sebelah utara Singapura menghadap ke Johor paling lewat pada 27 Disember 1941, dengan alasan benteng itu tidak sahaja akan melemahkan semangat tentera malah orang awam tempatan. Ketika dalam penjara Jepun, kemudian, Percival mendakwa dia telah melakukan kesilapan kepada Simson.

68 Pada 28 Januari 1942, Jabatan Tentera Laut telah memindahkan kesemua kakitangan limbungan yang mahir dari Pangkalan Tentera Laut dan dihantar ke Ceylon pada 31 Januari. Kakitangan yang tinggal hanyalah satu pasukan askar pemusnah untuk membantu tentera darat menyempurnakan dasar "pemusnahan bumi" supaya bangunan dan tanaman tidak jatuh ke tangan musuh. Dasar ini ternyata telah diabaikan oleh tentera laut. Untuk mengeluarkan dan mengagih-agihkan kelengkapan yang bergerak terkandas di pangkalan tidak kurang daripada 120 lori tentera dan tiap-tiap sebuah membuat tidak kurang 21 perjalanan.

tangki minyak di pangkalan juga dimakan api, sama ada akibat bom Jepun atau usaha tidak ketentuan oleh pasukan kita yang cuba menyekat bekalan itu jatuh ke tangan musuh.

Laluan bekalan kami untuk ke garisan belakang berlangsung dengan baik, iaitu melalui Marsiling Road, yang terlindung daripada pemandangan kerana ladang getah yang luas. Tetapi apabila tiba ke jalan raya Bukit Timah, jaring samaran seperti jaring keriket, dipasang untuk melindungi lori-lori yang menggunakan sebahagian daripada jalan raya yang jelas kelihatan dari seberang Johor Bahru. Langkah berjaga lainnya ialah memindahkan kesemua penduduk tempatan yang tinggal dalam lingkungan sebatu ke utara dan barat laut pantai secara wajib. Kalau tidak, penyusup Jepun akan mudah masuk dan terlepas daripada pemerhatian kerana kelak disangka sebagai orang tempatan. Bahkan sebahagian kecil setinggalan Cina masih menduduki tempat itu sekalipun dilarang berbuat demikian dan mereka tidak menghiraukan bedilan bom yang banyak di kawasan itu.

Hari ketibaan kami di Tambak Johor, saya dipanggil oleh Kolonel Galleghan untuk hadir dalam mesyuarat di markas batalion, bekas hospital India, tidak jauh dari Marsiling Road. Di situ saya bertemu Sarjan Mejar Clayton yang menerima tugas untuk mengetuai satu pasukan ronda seramai 12 orang sukarelawan untuk menyeberangi Selat Teberau guna menyiasat apakah tujuan musuh dan bila dan dari mana mereka dijangka menyerang kami. Sesuatu yang tidak pasti dalam hal ini kerana kami tidak punya lagi tentera udara untuk membuat tinjauan, sungguhpun saya lihat sebuah kapal terbang kelab tanpa senjata membuat penerbangan tinjauan ke atas Tambak Johor. Kapal terbang itu, khabarnya dipandu oleh Kapten Dane, ahli Kelab Penerbangan Perak.<sup>69</sup> Penerbangannya itu disambut dengan tembakan meriam oleh Jepun yang bertapak di sepanjang selat sebelah sana tetapi tidak

---

Beberapa hari kemudian, pada petang Jumaat 13 Februari, Laksamana Pertama Spooner belayar dari Jawa dengan 50 buah bot kecil dan 3000 anggota, dan seramai 1800 orang daripadanya ialah askar terpilih. Kebanyakan mereka tidak selamat tiba kerana dipintas oleh kapal perang Jepun di Selat Bangka (lihat hlm. 177). Sementara itu berita pemindahan dari pangkalan telah melemahkan semangat kami, kerana ini dilakukan sebelum pasukan tentera kami berundur menyeberangi Tambak Johor.

<sup>69</sup> Dia mendapat pujian istimewa dari Jeneral Percival kerana keberanian dan tidak kenal penat lelah sebagai seorang juruterbang dalam bukunya *The War in Malaya*.

mengenainya. Sementara itu ramai yang menjangkakan serangan Jepun sudah pasti datang dari arah sudut barat laut pulau, dan ramai juga yang mengagak, termasuk Jeneral Percival, dan percaya pendaratan utama akan dilakukan dari sebelah timur Tambak Johor.<sup>70</sup> Satu petunjuk yang ketara ke arah perkembangan ini ialah apabila pada 7 Februari, Jepun bertapak di Pulau Ubin sebuah pulau yang amat strategik, terletak di pintu masuk ke pangkalan dari sebelah timur. Jeneral Yamashita juga seolah-olah mengajak kami mempercayai bahawa serangan mereka datang dari timur laut dengan meningkatkan gerakan lori-lori berat pada waktu siang ke sebuah kem olok-olok di seberang Pangkalan Tentera Laut, tetapi mengembalikan lori-lori itu ke tempat asal pada waktu malam dan diulangi semula gerakan muslihat ini pada siang esoknya.

Apabila selesai sahaja Sarjan Mejar Clayton mendapatkan 12 orang anggota sukarelawan dan dia bersama anggota pasukannya hendaklah menyeberang Selat Teberau pada waktu malam dan dapatkan sebarang maklumat yang mungkin. Selain arahan itu, mereka juga disuruh mendapatkan maklumat apa yang telah berlaku ke atas Sultan Johor, permaisuri baginda dan Puan Aziz, kedua-dua mereka adalah orang Eropah, dan benarkah Sultan telah dipecat serta puteranya kini menduduki takhta. Dikatakan, kononnya, dua orang wanita Eropah itu kelihatan di sebelah sana Tambak Johor yang telah musnah sebaik sahaja pemusnahan dilaksanakan.

Untuk mendapatkan pasukan sokongan kepada unit peronda,

<sup>70</sup> Menurut Brigedier Ivan Simson, ketua jurutera, Pemerintah Tentera Tanah Melayu, Jeneral Percival telah diberi amaran oleh Jeneral Wavell semasa beliau melawat pada 20 Januari, iaitu hendaklah menjangka bahawa serangan Jepun datangnya dari kawasan sebelah barat Tambak Johor dan justeru itu dia hendaklah mengatur tenteranya mengikut jangkaan itu. Sementara Percival yakin benar kemungkinan serangan Jepun datangnya sebelah timur Tambak Johor, lantas tidak mengendahkan nasihat Wavell, malah memerintah Simson menggerakkan sebahagian besar kelengkapan pertahanan yang selama ini tersimpan di sebuah kawasan di barat laut pulau, dipindahkan ke sebelah timur laut. Namun sesuatu yang di luar kemampuan manusia, gerakan itu selamat terlaksana oleh Askar Jurutera Diraja pada 6 Februari. Tetapi apabila berita serangan Jepun akan tertumpu ke sebelah barat laut, Simson diperintahkan sekali lagi untuk memindahkan kelengkapannya ke tempat asal, sayangnya terlewat dilaksanakan. Akhirnya Percival juga dikesam hebat kerana mencuba mempertahankan keseluruhan garisan pantai sedangkan amat ketara bahawa Jepun akan menyerang mengikut laluan yang dipilih oleh mereka dengan teliti. Sepatutnya pasukan simpanan yang kuat harus disiapsediakan untuk menghadapi segera serangan balas terhadap kemaraan tentera Jepun.

Sarjan Mejar Clayton dan saya diarahkan pergi ke Singapura untuk mencari dan mendapatkan khidmat bekas pegawai polis bangsa Asia atau pegawai kastam yang mempunyai pengetahuan tentang daerah Johor Bahru secara dekat, dan yang sanggup menyertai rondaan akan datang guna membantu mengumpul maklumat.

Dengan tidak membuang masa saya bersedia untuk berpatah balik ke Singapura pada malam itu juga kerana saya teringatkan abang saya John, Jabatan Kastam, mungkin dapat membantu saya mendapatkan sukarelawan Asia. Dengan mengikuti saluran paip air terbesar yang mengalirkan air bersih merentangi Selat Teberau dari Pulau, Johor, dalam masa yang singkat sahaja saya tiba di batu 13 Jalan Mandai. Dari situ saya boleh menumpang mana-mana lori melalui Kampung Nee Soon. John masih bertugas sebagai ketua di Pusat Kawalan Makanan di Bras Basah Road dan Gerwyn dengan Unit Sukarela Palang Merah di Maxwell Road. Di sini saya mendapat seorang pegawai pemungut hasil, yang tahu benar laut Kranji.

Pagi esoknya kami pergi mencarinya mengikut alamatnya yang terakhir di Bukit Panjang, sebuah kampung empat batu ke selatan Tambak Johor, tetapi nasib kami kurang baik kerana Jepun telah mula melancar serangan bom. Bukit Panjang sudah kena serang, sebuah kilang getah dijilat api akibat bom atau bedilan meriam dan sedang mengeluarkan asap hitam tebal dan gudang simpan makanan yang berdekatan rosak teruk akibat api bedilan. Kami juga dapati pegawai pemungut cukai sudah berpindah dari alamat terakhir dan kini tinggal dekat sebuah kilang mancis, satu kawasan yang lebih berbahaya sekalipun kami dapat mencarinya. Dalam pada itu pada 8 Februari Jepun sudah mendarat. Oleh dengan demikian kami tidak dapat meneruskan usaha ini. Pagi esoknya, kami cuba seorang lagi, bekas pengawal hutan, yang tinggal di Kampung Bukit Timah. Kami berjaya menemuinya, tetapi kami faham, dia mengaku amat takut untuk menerima tugas yang berbahaya itu. Serangan bom Jepun masih berterusan, malah kini kian meningkat dan menyebabkan kami terpaksa memberhentikan usaha mendapatkan sukarelawan bagi tujuan ini. Saya tidak dapat berbuat apa-apa selain melapor semula kepada Kolonel Gallenghan di Tambak Johor dan berharap mereka di sana semuanya dalam selamat.

Dalam perjalanan balik ke Singapura, kami bertembung de-

ngan sebuah kereta pembawa bren-gan dan askarnya mempunyai selaras mesingan yang terpasang di atas topang kaki tiga. Askar itu mencari perlindungan daripada serangan udara di bawah pokok. Mereka memberitahu bahawa mereka bertempur pada malam kelmarin di pantai barat dan menunjukkan sebutir peluru Jepun menembusi topang kaki tiga itu. Jepun mendaratkan beribu-ribu tenteranya, mereka menambah, tetapi pasukan mereka melakukan serang balas dan berjaya mengundurkannya 500 ela ke belakang dari medan pertempuran. Berita ini amat menyakitkan dan lebih menyakiti perasaan apabila askar itu semuanya bertolak ke Singapura untuk melapor dan tidak berpatah balik mengikut arah laluan kemaraan musuh.

Setelah gagal mendapatkan anggota baharu untuk pasukan ronda kami, saya mengambil keputusan pulang segera pada tengah hari itu ke Tambak Johor serta melapor kepada Kolonel Gallegan. Tanpa kami sedari, Jepun sebenarnya telah memindahkan kesemua penduduk tempatan di sepanjang 12 batu di sebelah pantai Johor, justeru itu kami meragui sama ada sukarelawan Asia yang mendarat di kawasan itu akan memberi sebarang kesan. Kebanyakan mereka barangkali awal-awal lagi sudah diberkas sebelum sempat mendapatkan maklumat. Pemandu saya, Nair, yang tidak kurang beraninya, dengan gagah membawa saya pulang dengan motokar saya melalui Kampung Nee Soon. Separuh daripada kampung itu telah terbakar. Tetapi apabila kami meneruskan perjalanan ke arah barat sepanjang Mandai Road, bedilan meriam semakin hebat, dan apabila tiba di batu 12, saya menyuruh Nair pulang. Saya hanya berharap menumpang sebarang lori yang lalu di situ untuk membawa saya pulang ke Tambak Johor.

Di pinggir sebuah padang saya bernasib baik kerana bertemu seorang kapten yang mengetuai dua laras meriam Bofor antikapal terbang, yang dalam rangka untuk berundur dari dekat Tambak Johor. Sudah pasti saya menerima pelawaannya untuk menumpang motokar Austin 7 berwarna hijau. Tetapi baharu sahaja kami bergerak lebih kurang sebatu, kehebatan bedilan bertalu-talu memaksa kami berhenti mencari perlindungan dalam kawasan pecah batu tidak jauh dari saluran paip air Johor merentasi jalan raya. Meriam Jepun kesemuanya diarahkan kepada pasukan meriam kami yang ditempatkan di atas salah sebuah puncak bukit. Dua orang askar pembawa tomigan yang saya temui ketika mereka mengisi takungan kereta air di tepi jalan, menasihati saya agar



tidak mencuba berjalan di atas bukit kerana, katanya, amat berbahaya. Oleh itu saya lari menjunam turun memasuki sebuah ladang getah yang luas berdekatan dan meneruskan perjalanan ke arah utara lebih kurang setengah batu atau lebih. Sekali lagi saya bertemu kapten meriam Bofor dan askar-askarnya sedang memuat salah sebuah meriam itu ke dalam lori. Selama ini bedilan meriam ditujukan ke kawasan di sekitar dan rumah atap setinggi Cina dekat situ dijilat api dengan maraknya kerana bumbung atap amat mudah terbakar. Kapten itu mempunyai sebuah lagi meriam Bofor yang harus ditarik keluar dari Woodlands, dan ini memberi peluang kepada saya menumpang lorinya untuk sampai ke destinasi. Tetapi ini ternyata satu mimpi yang dahsyat pernah saya alami.

Sebahagian Mandai Road penuh dengan lubang akibat bedilan meriam. Motokar begitu banyak musnah terkandas di tepi jalan. Pokok tumbang terputus dua dan kepulan habuk berterbangan. Semuanya kami lihat ketika melewati dengan lori yang bergerak 50 batu sejam.

Apabila kami tiba di jalan besar Bukit Timah, kami membelok ke kanan, lagi tiga batu di antara batu 13 dan 15, biasanya tempat itu terlindung pemandangan keseluruhan bandar Johor Bahru. Sebaliknya tempat itu terdedah kerana semua jaring samaran kini sudah terbinasa akibat bedilan meriam yang bertalu-talu. Di batu 15, saya dan dua orang Australia yang saya ambil dalam perjalanan, melompat turun dari lori lantas berjalan kaki merentasi hutan kecil menuju Markas Batalion di Marsiling Road. Kebanyakan kawasan ini dipenuhi dengan pokok getah atau hutan kecil, namun kami masih terjumpa beberapa lubang tembakan meriam di sekitarnya malah pondok-pondok setinggi Cina, masih ada penghuni. Ini kerana mereka enggan meninggalkan babi dan binatang ternakan lainnya sekalipun pertempuran hebat di situ. Sebuah rumah yang terkena bedilan tepat, kami kira, ada lima ekor babi mati. Babi yang hidup semuanya bersembunyi dalam semak. Tetapi lalat yang menghurung babi yang mati itu menambah lagi bau busuk serta pemandangan yang amat sayu.

Setiba sahaja di Markas Batalion, orang pertama saya temui ialah Kapten Taylor, pegawai perubatan Batalion, untuk membalut semula lengan saya kerana ketika di Singapura saya tiada masa untuk pergi ke hospital. Kedua lengan saya "berair" dengan banyaknya dan memerlukan kain pembalut yang bersih.

Peningkatan bedilan meriam Jepun atas Tambak Johor yang

kami alami kini sememangnya ada tujuan. Ketumbukan ke-5 dan ke-18 Jepun telah berjaya menyeberangi Selat Teberau dan mendarat di bahagian barat laut Pulau Singapura pada pagi 9 Februari.<sup>70a</sup> Ini membantu bedilan bertalu-talu daripada 440 laras meriam yang kini diubah ke kawasan Tambak Johor. Hanya yang kami kurang maklum ialah rancangan pendaratan Divisyen Pengawal Imperial di muara Kranji yang tidak jauh dari sebelah barat Tambak Johor pada malam itu juga. Bedilan yang tidak berhenti telah mengorbankan empat orang anggota batalion kami dan mencederakan 20 orang. Sarjan Mejar Clayton yang dijangka mengetuai bot rondaan menyeberangi Selat Teberau telah hilang ketika keluar meronda dengan bot malam tadi dan cuma dua orang sahaja yang selamat. Dua orang itu berjaya berenang balik ke pantai sebelah kami setelah melontar bom tangan ke atas sebuah bot penuh dengan askar Jepun. Ada beberapa pendapat bahawa seorang dua anggota kami yang terbunuh disebabkan bom tangan yang dilontar jatuh dekat dengan mereka. Kolonel "Black Jack", menurut hemat saya, seorang yang cukup sihat telah dikejarkan ke hospital kerana demam malaria dan batalion kini diketuai oleh Mejar Ramsay, timbalan pemerintah batalion. Sementara itu keputusan dibuat untuk mengosongkan markas bangunan lama kayu, yang digelar Hospital India, dan menggali satu siri kubu dan lubang panjang sebagai ganti. Ini merupakan keputusan yang baik untuk mengosongkan bangunan atap kayu itu kerana dengan satu bedilan sahaja bangunan itu akan terbakar seluruhnya.

Ketika saya sedang dirawat oleh Kapten Taylor di pondok pertolongan cemas, isteri kepada Cina setinggalan yang diam dekat markas kami terkena serpihan bedilan di belakangnya, nampak teruk dan memerlukan rawatan hospital. Saya menerangkan kepadanya dalam bahasa Melayu iaitu ambulans kami boleh membawa isterinya ke hospital di Singapura pada malam itu dan saya akan memberitahunya esok ke hospital manakah isterinya harus pergi. Kerana kami tidak menjangka mendapat perintah berundur pada malam itu, maka saya tidak dapat memenuhi janji. Saya kerap memikirkan apakah yang akan terjadi kepada si malang itu sementara suaminya pula mengambil masa beberapa lama untuk bertemu

70a Menurut Kolonel Tsuji, sila lihat nota kaki 18, gelombang pertama kemaraan Jepun seramai 4000 orang diangkut menyeberangi Selat Teberau dengan 300 motobot, mengandungi 100 motobot kecil dan 200 perahu kain kanvas pandu sendiri.

isterinya semula yang saya harap dia berjaya.

Menjelang petang, semua anggota tentera berlindung dalam kubu dengan tanah dan kayu sebagai bumbung. Ini dikira memadai untuk melindungi diri daripada terkena bedilan, kecuali kalau tepat. Saya berasa amat gembira kerana dapat berlindung dalam kubu Kapten Hawes, yang mengetuai pasukan penembak mortar. Tetapi saya terpaksa meninggalkan dua buah beg kelengkapan di Markas Batalion kerana tiada ruang untuk menyimpannya dalam lubang kubu. Lubang yang digali 6 atau 7 kaki dalamnya, dengan lebarnya 6 kaki, ternyata selamat kerana bumbungnya terdiri daripada kayu balak yang kukuh dengan timbunan tanah di atasnya. Kubu ini sudah cukup untuk mengelak daripada serpihan bedilan tajam yang kini berterbangan dengan banyaknya.

Semenjak pukul 7.30 malam pembedilan bom semakin hebat dalam kawasan kami, menyebabkan malam itu penuh dengan pergolakan bagi kami. Namun bagi saya ada sesuatu keseronokan pada malam itu. Kubu kami ada perhubungan telefon tidak sahaja dengan kesemua kompeni A, B, C, D batalion kami, tetapi juga dengan Pusat Tinjauan di Woodlands, juga dengan pasukan meriam 25 paun di belakang kami. Oleh itu, sedikit sebanyak kami dapat tahu apakah yang sedang berlaku di medan pertempuran.

Sudah pasti tumpuan kami kepada Pusat Tinjauan di Woodlands yang pertama sekali memberi maklumat serangan Jepun. Sebagai menjawab kepada pertanyaan kami yang berkali-kali, mereka melaporkan tiada sebarang serangan Jepun yang sertamerta dalam rangka menyeberangi Tambak Johor.<sup>71</sup> Sebaliknya, setelah lewat malam mereka melaporkan gerakan besar-besaran di Pangkalan Sultan di seberang jalan dari Istana Lama, Johor Bahru. Satu pasukan petugas melakukan satu kegiatan di hujung sebelah utara Tambak Johor dan berlaku kesesakan lalulintas di sebelah barat bandar Johor Bahru. Sebentar kemudian, terdapat laporan yang mengatakan perahu musuh dengan banyaknya sedang menuju ke muara Kranji, terletak di sebelah kiri kami, dan Kapten Hawes memerintahkan tembakan mortar atas sejumlah perahu dan meriam 25 paun membedil jalan pantai di sebelah sana Selat Teberau. Mortar Jepun dikatakan mempunyai jarak tembakan yang

71 Dua batalion Australia, 2/18 dan 2/20 ditempatkan di kawasan barat laut padang terbang tengah, mendapat kecelakaan akibat serangan penuh tentera Jepun. Pasukan 2/20 tewas hampir separuh kekuatannya, iaitu 334 terbunuh dan 214 cedera.

lebih jauh daripada kami dan sudah tentu pada malam itu kami dibelasah dengan bedilan bom berterusan sepanjang malam.

Seperti yang diketahui bahawa kami cukup terlindung dalam kubu. Saya tidak fikir ramai di antara kami yang mendapat kecederaan, tetapi kalau kami memberanikan diri keluar, maka itu lain cerita jadinya. Saya masih ingat seorang pembawa maklumat tiba ke kubu kami dan menunjukkan kepada saya buntut raifalnya, dalam kayu keras itu terdapat serpihan tajam mengoyak tembus sedalam satu atau dua inci, dan masih panas. Raifal itu terletak di luar pintu tempat perlindungan kami. Tidak mungkin untuk mencabut serpihan itu dengan tangan. Selain tembakan mortar kami juga dapat membezakan bunyi logam yang lebih hebat daripada meriam besar dan bunyi nyaring kedengaran daripada atas kepala kami. Saya tidak dapat mengagak apakah jenisnya bedilan itu, tetapi sebahagiannya semacam bunyi meriam Bofor kami yang ditawan dan digunakan semula menentang kami. Begitulah keadaan pada sepanjang malam itu hingga pukul 4.00 pagi dengan tidak ada sebarang tanda pendaratan Jepun di bahagian tempat kami bertahan. Kesemua pertempuran berlaku di kawasan Kranji yang sedang dipertahankan oleh batalion kembar kami, 2/26, di sini Andy Stewart ditugaskan sebagai jurubahasa dan pemandu.<sup>72</sup>

Kemudian datang perintah yang mengejutkan bahawa kami diarahkan berpindah dari tempat itu dan berundur ke selatan mengikut saluran paip air hingga kami tiba di Mandai Road atau dekat batu 13. Sebab perintah itu dibuat tinggal rahsia sehinggalah selepas perang. Pada masa itu, ramai berpendapat secara samar-samar kerana tekanan kemaraan Jepun yang kian hebat di sebelah kanan kami dalam kawasan Kranji. Dalam banyak hal ketika ini kami amat kecewa dan Kapten Hawes terpaksa menghapuskan lebih simpanan bom mortar dengan seberapa segera. Oleh sebab tiada jalan untuk merentasi hutan bagi mengangkut bahan-bahan tersebut, dia mengarahkan supaya kesemuanya, sebanyak 480 butir, dimusnahkan dengan menembak ke dalam muara sungai Kranji. Kami bahkan berharap kesemua bedilan ini dapat sekurang-kurangnya menghalang anggota Divisyen Pengawal Imperial, yang bertanggungjawab dalam pembunuhan beramai-ramai

<sup>72</sup> Andy Stewart selamat dari perang dan pulang berkhidmat di Tanah Melayu hingga bersara. Dia meninggal dunia di Scotland kira-kira tahun 1978.

di Parit Sulong dari menyeberangi Selat Teberau di peringkat ini. Pada masa yang sama pasukan A.I.F. telah membakar satu juta gelen petrol penerbangan yang tersimpan di Kranji. Sama ada kesemua ini telah mengalir ke dalam laut atau sungai untuk mengganggu kemaraan Jepun, saya tidak tahu. Jeneral Nishimura dari Divisyen Pengawal Imperial sudah tentu khuatir kerana itu adalah strategi kami. Sesuatu yang nyata ialah api yang marak itu telah menjadikan malam seperti siang, serta memudahkan orang kami mengikut lorong yang selari memanjang dengan saluran paip air. Api daripada minyak terbakar yang bermula di Kranji dan juga di Pangkalan Tentera Laut berterusan menyala beberapa hari lalu mengakibatkan bayang gelap ke atas seluruh Pulau Singapura, menambahkan lagi kemuraman yang kami rasai. Setelah meninggalkan dua buah beg kelengkapan, barang yang masih menjadi hak saya hanya alat pencukur, dua tin daging dan sebotol bir. Bagaimanapun saya merasakan satu keganjilan yang bebas.

Apabila kami tiba di Mandai Road, fajar sudah menyingsing. Kami segera berpecah dan bergerak di kiri kanan jalan sambil sedapat mungkin mencari perlindungan. Kapal terbang mencari kami pada awal-awal lagi, dan tidak hairanlah bedilan meriam ditujukan ke arah kami. Mereka memulakan tembakan demi tembakan semakin hebat dan selama setengah jam kami tidak boleh bergerak. Bedilan gugur di sekitar kami beberapa saat sebelum kami sempat mencari kubu untuk berlindung.

Pada peringkat ini semangat saya jadi semakin merosot apabila Mejar Ramsay memberitahu kami pada tengah hari itu bahawa perkhidmatan saya sebagai jurubahasa tidak diperlukan lagi. Ini jelas kepada saya apabila Jepun mendarat pada 8 dan 9 Februari. Tambahan pula lengan saya memerlukan pembalut bersih dua kali sehari dan rasanya tidak patut saya menambah beban tugas Kapten Taylor, pegawai perubatan, dengan kerja tambahan sedangkan dia sudah pun mempunyai tugas merawat orang-orangnya. Beberapa orang kawan Australia sebenarnya berasa hairan mengapa saya sanggup balik semula ke Tambak Johor pada petang kelmarin. Saya menjelaskan bahawa itu adalah kewajipan untuk melapor semula dan sekiranya saya melarikan diri apakah nanti pendapat mereka tentang saya? Akhirnya, apabila tiada lagi bedilan datang ke arah kami, saya mula berjalan kaki mengikut Mandai Road menuju Nee Soon. Keadaan jalan raya amat sedih kerana penuh dengan lubang bedilan bom dan terhalang oleh

banyaknya pokok tumbang. Namun sebelum saya tiba di Nee Soon, saya dapat menumpang sebuah lori yang dipandu oleh seorang India. Saya tidaklah berasa sedih apabila dia menurunkan saya dengan selamat di tempat tidak jauh dari Fort Canning Road dan tidak jauh dari rumah abang saya.

Mengenai perintah yang tidak dapat dipertanggungjawabkan ke atas pengunduran kami dari Tambak Johor, sedikit penjelasan dibuat, tetapi terlalu ringkas, dalam sebuah buku berjudul *Official History of the War Against Japan*, Jilid 1, ditulis oleh Mejar Jeneral Woodburn Kirby. Menurut pihak yang berkuasa, Brigedier Maxwell, yang memerintah kedua-dua batalion ke-2/26 dan ke-2/30 dari pasukan A.I.F. masing-masing di Kranji dan Woodlands, pada awal pagi 9 Februari berasa bimbang dengan kemaraan Jepun yang datang dari arah kiri yang besar kemungkinan kedudukannya akan terkepung atau terbinasa di muara Sungai Kranji, terutama bagi batalion ke-2/26. Pada pukul 11.00 pagi dia memohon kebenaran dari Jeneral Gordon Bennett, Panglima Tertinggi Tentera Australia, untuk menarik keluar batalion ke-2/26 dari kawasan Kranji guna menghadapi ancaman dari sebelah kiri. Tetapi Jeneral Bennett enggan memberi kebenaran. Walau bagaimanapun, lewat kemudian pada hari yang sama, 9 Februari, Brigedier Maxwell memberi amaran kepada kedua-dua pemerintah batalion, ke-2/26 dan ke-2/30, dalam persidangan bahawa pengunduran itu masih diperlukan tetapi bukanlah menunggu sehingga semua tangki minyak di Kranji terlebih dahulu dibinasakan.

Sementara itu Jeneral Percival menyedari kemungkinan kereta kebal Jepun dengan kekuatan yang berlebihan dapat menembusi pertahanan British akan lalu ke Bukit Timah, telah mengatur rancangan darurat bagi pengunduran tenteranya secara besar-besaran sekiranya berlaku kemungkinan itu. Tentera akan diundurkan ke dalam satu sempadan yang termasuk keseluruhan bandaraya Singapura dan dua buah takungan air yang membekal air. Tetapi darurat tidak berlaku kerana Jepun masih belum lagi membuat laluan. Bagaimanapun, lebih kurang selepas tengah malam, iaitu pagi-pagi 10 Februari, Percival mengeluarkan arahan darurat yang sulit kepada semua panglima kanan. Brigedier Maxwell tidak menerima salinan arahan melalui Jeneral Gordon Bennett sehingga tengah hari, tetapi dia telah pun mengarahkan penarikan dua batalion dari kawasan Kranji dan Woodlands kira-kira pukul 4.15 pagi, beberapa jam sebelumnya. Brigedier Maxwell

tidak pula memberitahu Jeneral Gordon Bennett<sup>73</sup> akan arahnya itu. Sebenarnya sebelum tengah hari itu Percival dengan sendirinya sudah maklum bahawa kawasan Tambak Johor – “Kunci kepada pertahanan sebelah utara” gelaran yang ditulis dalam bukunya, sudah kosong tanpa pertahanan.

Brigedier Maxwell mendakwa bahawa dia telah diberi kebenaran untuk bersara oleh Gordon Bennett, tetapi dinafikan kemudian oleh Jeneral Bennett. Sejarah rasmi membuat kesimpulan sebagai berikut: “Adalah patut diandaikan bahawa Maxwell bertindak demikian kerana salah faham terhadap niat Bennett.” Dia juga nampaknya sudah menjangkakan rancangan darurat Percival tanpa restu dari pegawai tertinggi yang paling hampir dengannya untuk bertindak demikian.

Sementara itu, di seberang Tambak Johor sebuah drama kecil berlaku di antara Jeneral Yamashita,<sup>74</sup> Panglima Tertinggi Jepun, dengan Jeneral Nishimura, Panglima Divisyen Pengawal Imperial. Kedua-dua Jeneral ini tidak sehaluan di antara satu dengan lain. Yamashita mengarahkan Nishimura menyeberangi Selat Teberau dan menduduki Kranji pada malam 9 Februari iaitu malam saya pulang ke kawasan Woodlands. Tetapi Nishimura mengandaikan batalion 2/26, yang bertempur dengan hebat selama ini akan mengosongkan tangki dan membakar limpahan minyak yang mengalir dengan deras ke atas askar-askarnya yang cuba menyeberang.

73 Pada peringat ini, Mejar Jeneral Gordon Bennett, panglima Tentera Australia, sendiri bertanggungjawab kepada beberapa keputusan yang boleh dipertikaikan, dan tiada satu pun yang dirundingkan dengan ketuanya, Jeneral Percival. Pertama, dia mengutus telegram kepada Perdana Menteri, di Australia, memaklumkan niatnya untuk menyerah diri kepada Jepun tanpa berunding terlebih dahulu dengan Percival. Kemudian, kerana kurang peluru dia mengarahkan pasukan meriam menembak hanya untuk mempertahankan sempadan askar Australia, dengan tidak mengambil kira Askar Melayu yang berjuang bersamanya. Akhirnya selepas kekalahan pada 15 Februari, dalam katakata Percival sendiri: “Dia dengan sukarela dan tanpa izin berhenti daripada menjadi panglima pasukan A.I.F.” Bennett tiba di Australia dengan selamat. Sesuatu yang memeranjatkan ialah mengenai pelariannya telah tersalah nasihat. Satu siasatan dijalankan di Australia selepas perang mengesahkan, “tidak wajar dia menyerah kuasa pemerintahannya atau meninggalkan Singapura”. Dia meninggal dunia pada tahun 1962.

74 Yamashita menempatkan markasnya di istana baharu Sultan Johor yang menghadap ke Selat Teberau. Bilik gerakannya terletak di menara tinjauan di tingkat 5, yang memberi pemandangan yang bagus ke pantai utara Singapura. Namun Yamashita tidak perlu tahu bahawa Pemerintah Tentera Tanah Melayu melarang pasukan meriamnya menggunakan istana untuk melindungi Sultan.

Justeru dia minta kebenaran untuk melengahkan tindakan menyering dalam masa sehari dan kemudian menyeberangi jauh ke sebelah barat mengingat dua ketumbuhan tenteranya sudah pun menyeberang pada petang kelmarin, iaitu 8 Februari. Yamashita tidak membenarkan permintaan ini, lalu mengirim seorang pegawai kanannya untuk menyiasat sama ada dakwaan tentang bahaya itu berasas atau tidak. Tindakan ini memburukkan lagi perhubungan di antara keduanya. Ketika ini juga, iaitu jam 4.30 pagi, Brigedier Maxwell menarik keluar batalionnya dari Kranji dan Woodlands. Pegawai yang dihantar oleh Yamashita telah membuat laporan sebenar tentang pertahanan musuh adalah meleset, kalau tidak pun berhenti langsung, dan penawanan Kranji boleh diteruskan tanpa sebarang tanggungan.

#### (vii) Menyerah Kalah

Saya kini mendiami rumah No. 13, Fort Canning Road, buat sementara, saya fikir, untuk memudahkan saya mendapat rawatan bagi lengan saya oleh Dr. Devine di Hospital Besar. Sama-sama menumpang di rumah itu ialah dua orang kakitangan Jabatan Kastam, abang saya John, dan kawan saya Arnold Gridley. Juga seorang lagi teman sekolah saya Evans "Panjang", kini bekerja dengan Jabatan Kawalan Makanan, Lerftenan Davies mengetuai Kor Buruh dan dua orang kapten dari Unit Semboyan yang bertugas tidak jauh dari rumah itu. Oleh sebab kedudukan rumah dalam garisan tembak-menembak antara pasukan meriam Jepun dan markas Tentera di Fort Canning yang terletak di belakang dan di atas kami, maka kami bernasib baik kerana mendapat tempat perlindungan yang cukup baik. Pembantu rumah kami, termasuk pemandu saya Nair dan isterinya, menggunakan tempat perlindungan sebelah belakang dan kami mendapat perlindungan yang di hadapan rumah. Saya tidak ingat menggunakannya kerana saya mendapat tempat yang lebih baik, saya fikir, iaitu sebuah bilik stor di belakang bangunan utama daripada sebarang serangan kecuali kalau tepat terkena tembakan. Bangunan ini juga diperkukuh dengan tembok timbunan guni sekam atau yang sejenis dengannya yang diatur mengelilingi sebelah luar bangunan. Sudah pasti bedilan peluru ke arah kawasan ini dijangka paling banyak kerana Jepun sudah pun meletakkan pasukan meriam jarak jauh dengan banjaran 24 000 ela. Meriam itu semuanya sudah tentu mampu



menembak tepat ke sasaran di Fort Canning dan Wisma Kerajaan,<sup>75</sup> yang tidak jauh. Wisma itu sebenarnya lebih kerap mendapat bedilan.

Tambahan kepada bedilan meriam, kemungkinan serangan bom juga boleh berlaku oleh sekumpulan kapal terbang Jepun, 8 atau 9 buah pesawat, yang kerap kelihatan berlegar-legar di udara. Kapal terbang musuh tidak mendapat sebarang tentangan kerana tentera udara kami sudah pun berpindah ke Palembang, Sumatera. Namun sebagai peraturan, kapal terbang Jepun menghadkan pengebomannya di kawasan dermaga Tanjung Pagar, Lapangan Terbang Kallang dan sasaran-sasaran lain yang sama.<sup>76</sup>

Kami semuanya yang tinggal serumah sibuk dengan tugas masing-masing pada siang hari. Saya mengambil tanggungjawab untuk membeli bekalan makanan harian dan saya dapat membeli roti dan daging di kedai Cold Storage Orchard Road. Kebetulan pula, adik saya Gerwyn baharu berpindah ke pondok pertolongan cemas dan dia tinggal dalam tempat simpan kereta terletak di belakang bangunan Cold Storage.

Tugas pertama saya ialah untuk menghubungi Pegawai Perhubungan Australia di Fort Canning untuk menyerahkan kepadanya sepucuk pistol 'revolver' buatan Perang Dunia Pertama kepunyaan Brigedier Maxwell. Saya tidak ingat sebabnya mengapa dia dipercayai saya untuk menyimpan pistol itu dengan selamat. Kerana tidak dapat menyerahkan langsung kepadanya – dia dikatakan berada di kolam takungan air Pierce – adalah lebih baik saya menyerahkannya kepada seorang yang dijangka dapat menghubunginya secepat mungkin. Saya juga setiap hari berulang ke

75 Kerajaan telah dikedam hebat kerana tidak menyediakan banyak tempat perlindungan terutama di kawasan yang ramai penduduk. Tetapi oleh sebab tanah terlalu rendah dan berpayau, maka banyak tempat perlindungan yang dibina penuh dengan air dan membiakkan nyamuk. Perlindungan atau kubu terbelah memanjang yang disebut di sini adalah terkecuali kerana dibina di atas tanah tinggi yang menuju ke Fort Canning.

76 Anggaran kecelakaan yang menimpa orang awam akibat dari bedilan bom dan meriam di Singapura sukar dipastikan, tetapi Brigedier Simson, ketua jurutera Tanah Melayu, berpendapat kira-kira 2000 orang awam mendapat cedera atau terbunuh atau hilang setiap hari dan purata 150 mayat yang ditanam setiap hari, tidak termasuk yang tertimbus dalam runtunan rumah masing-masing. Gudang-gudang di dermaga bertimbin dengan bahan makanan untuk bekalan semasa kena kepung yang lama, juga musnah. Sejumlah 46 daripada 64 gudang musnah oleh serangan udara, yang lain habis rosak.

hospital pada jam 6.00 petang untuk mengganti pembalut lengan saya.

Berbagai-bagai berita angin didengar dengan rancak. Contohnya, kedua-dua tentera laut dan udara sudah meninggalkan pulau; Kampung Bukit Timah dan Pasir Panjang sudah jatuh ke tangan Jepun, tetapi cubaan Jepun mendarat di Changi dua kali ditentang hebat dan di beberapa tempat Jepun terpaksa berundur dua batu ke belakang kerana tentangan itu. Ada juga kebenaran dalam berita-berita angin ini tetapi tiada satu pun berita angin yang dikaitkan dengan lawatan perpisahan Jeneral Wavell ke tempat kami.<sup>77</sup> Pesanan perpisahannya, dikatakan, memberi perangsang kepada anggota tenteranya untuk bertahan lagi selama 48 jam kerana tentera Amerika telah mendarat di Pulau Pinang, Port Swettenham, Batu Pahat dan Mersing malah sedang bergerak menuju ke Johor Bahru!

Tetapi dalam beberapa hal, penghidupan seharian berjalan seperti biasa. Hotel Adelphi dan Hotel Raffles dikatakan masih meneruskan iklan jamuan dan dansa, tetapi saya tidak dapat mengesahkan dengan pergi melawat sendiri ke sana. Jalan raya penuh dengan askar yang mendakwa telah kehilangan unit masing-masing tetapi nampak sangat berpuas hati tinggal di Union Jack Club, Anzac Club, Bangunan Capitol, Bangunan Fullerton dan Raffles Place. Beberapa buah bank juga dibuka, tetapi hanya untuk selama satu minggu dan mustahil untuk membuat kiriman wang ke tempat masing-masing. Sebaliknya, saya dapat mengeluarkan kesemua wang saya dari akaun semasa, kira-kira \$600.00, sebahagian daripadanya saya bayar gaji dua kali ganda kepada Nair, dan budak suruhan abang saya, Abu, sebulan gaji.

77 Jeneral Sir Archibald Wavell, wira kemenangan perang menentang Itali di Afrika Utara pada tahun 1940 - 41 dan ketika itu Panglima Pemerintah Tentera India, telah terlewat dilantik sebagai Panglima Tertinggi untuk "Allied South-West Pacific Command" pada 2 Januari. Apabila terlantik dia dilaporkan sebagai berkata: "Saya pernah mendengar seorang lelaki mendukung bayi tetapi yang ini adalah bayi kembar." Dari awal lagi, dia mengalami kekusutangan dalam usahanya untuk menyelaraskan Tentera Bersekutu yang terletak dari Jawa hingga Burma, dengan cara perhubungan yang lama dari pangkalannya di Bandung, Tanah Jawa. Dia melawat Tanah Melayu tiga kali tetapi selalunya lewat dibuat. Dalam lawatannya yang akhir ke Singapura pada 11 Februari, dia terjatuh di tangga Lapangan Terbang Kallang lalu mencederakan belakangnya dengan teruk. Jawatannya dimansuhkan pada 25 Februari. Pada tahun 1943 dia dilantik sebagai Wizurai India, satu jawatan dipegangnya sehingga diambil alih oleh Lord Mountbatten pada tahun 1947. Dia meninggal dunia pada tahun 1950.

Dengan kemaraan Jepun kian dekat ke arah kami di Bukit Timah Road, bedilan ke atas kawasan Fort Canning sudah semestinya makin hebat dan tidak lama kemudian rumah kami terkena bedilan. Tiap-tiap pagi, kira-kira pukul 8.00 pagi, dua atau tiga hari sebelum menyerah kalah, ketika saya dan Arnold Gridley sedang bercukur dalam bilik tidur menghadap ke arah meriam Jepun, dua butir peluru meriam mengenai rumah kami. Sebutir merosakkan sebatang tiang di sudut anjung letak kereta yang bertutup, dan sebutir lagi meletup dalam anjung tepat pada pintu hadapan. Beberapa serpihan kecil bertaburan mengenai motokar abang saya yang terletak di anjung dan motokar kepunyaan Evans "Panjang" di sebelahnya terbakar. Pasti serpihan mengenai tepat ke tangki motokar itu, yang bermuat 10 gelen petrol, dalam sekelip mata seluruh kereta dijilat api. Api yang menyala boleh membakar keseluruhan rumah kami, tetapi mujur ada pasukan bomba sukarela tidak jauh dari tempat kami. Dengan kepakaran yang ada, mereka memecah pintu motokar yang terkunci di sisi tempat duduk pemandu, melepaskan brek, menarik kereta keluar dari anjung dan sebentar kemudian kebakaran itu dapat dipadamkan. Kerana bedilan peluru yang terjatuh di hadapan anjung dan meletup di sebelah luar kereta abang saya, maka kereta itu menjadi sebahagian perisai yang melindungi saya dan Gridley yang tinggal di bilik tidur hadapan tingkat atas. Tetapi masih ternampak sebilah serpihan dapat menembusi lantai kayu rumah dan terbenam ke dinding dalam bilik tidur kami, antara dua buah katil. Abang saya juga nyaris nahas, kerana ketika ledakan peluru yang pertama dia sedang berlindung di tingkat bawah belakang sebuah tembok rendah sebelah dalam anjung hadapan. Kami berdua, Gridley dan saya, lepas lari dari bilik tidur kami dengan memanjat keluar melalui tingkap dan terjun ke atas timbunan guni sekam yang tersusun di luar rumah. Apabila mengenang kembali, kami semua berasa gembira, kerana, sesungguhnya, kami dapat melepaskan diri dengan selamat.

Pada pagi yang sama saya seperti biasa turun ke Cold Storage Orchard Road dan menemui adik saya Gerwyn di pondok pertolongan cemas. Ketika saya tiba dia baharu sahaja mendapat laporan empat orang cedera dalam sebuah rumah di Killiney Road tidak jauh dari Orchard Road. Oleh sebab tiada ambulans, saya dengan sukarela menawarkan pengangkutan yang dikehendaki. Saya menyusuri Orchard Road sambil mengelak lubang-lubang be-

dilan di sepanjang jalan. Mereka yang cedera ialah tiga orang buruh bandaraya dan seorang wanita tua India. Saya diarahkan mengangkut mereka ke sebuah hospital yang baharu dibuka di Raffles Institution yang menghadap ke laut. Saya nampak beberapa lubang perlindungan baharu digali dalam kawasan sekolah dan ada di antaranya digunakan untuk menanam mayat. Di seberang sana saya nampak sepasukan askar meriam dengan meriam besar antikapal terbang duduk dalam lubang yang digali hanya beberapa kaki dari laut. Saya tidak nampak bagaimana mereka hendak berundur lagi, saya fikir. Selama satu jam menunggu, saya berbual dengan Dr. Macpherson sehingga empat orang yang cedera bersedia untuk pulang ke Killiney Road. Bedilan masih rancak ketika kami pulang dan kelihatan mayat bergelimpangan di sana sini. Satu daripadanya, saya masih ingat, mayat seorang Cina terbaring di pintu masuk utama Borneo Motors. Jelas menunjukkan dia cuba lari berlindung di belakang sebatang tiang konkrit tetapi dia terlambat melepaskan diri lalu terbunuh.

Saya masih menyambung rawatan lengan saya pada tiap-tiap hari. Pada suatu petang, seperti biasa, pada pukul 6.00 petang saya berlepas ke Hospital Besar apabila tiada lagi bedilan dan orang pun tidak ramai di jalan. Tetapi pada petang itu agak berlainan. Saya dengan tidak sengaja terlanggar seorang Cina tua lelaki di tengah-tengah jalan yang lebar menuju ke hospital. Saya memperlahankan kelajuan hampir menyamai kelajuan orang berjalan kaki dengan tujuan mengelaknya, sepatutnya dia menjauhkan diri daripada motokar tetapi sebaliknya dia membelok ke arah motokar. Dia tidaklah cedera teruk dan saya membawanya ke hospital untuk mengubati luka yang dialaminya. Barangkali bedilan meriam telah mengelirukan deria arahnya. Walau apa pun terjadi, hari itu adalah penuh dengan peristiwa.

Pada hari yang sama saya juga mematuhi satu arahan untuk menyimpan air minum sebanyak mungkin ke dalam apa-apa juga bekas yang sesuai terutama besen mandi dan besen basuh tangan. Sah sekarang bahawa sebahagian besar air paip mengalir keluar menerusi beratus-ratus lubang paip yang bocor. Cuma sebuah stesen pam yang masih berjalan iaitu di Woodleigh. Di sinilah, seorang yang tidak dikenali dan isterinya (nama mereka tidak pernah diketahui) yang menyebabkan pam itu boleh berjalan malah ketika musuh sudah berada 800 ela dari situ. Sebenarnya, Jepun

juga membenarkan mereka meneruskan tugas di situ sekalipun stesen itu sudah ditawan. Kekurangan air adalah di antara faktor yang mempercepat menyerah kalah.<sup>78</sup>

Esoknya hari Jumaat 13 Februari – satu lagi hari Jumaat 13 haribulan dalam bulan berikutnya! Seperti biasa saya masih mengunjungi Cold Storage. Di situ saya terdengar bahawa Gabenor telah mengeluarkan perintah mengharamkan penjualan arak, malah memiliki arak boleh dihukum denda berat. Satu sumber kerajaan mendakwa bahawa 1 ½ juta botol minuman arak dan 60 000 gelen samsu Cina telah dimusnahkan akibat daripada perintah tersebut. Gabenor terfikir mengeluarkan perintah ini kerana sudah diketahui umum bahawa askar-askar Jepun yang mabuk mungkin bertindak bengis selepas kejatuhan Hongkong pada hari Natal 1941. Jadi, Gabenor ingin mengelakkan daripada berulangnya kekejaman yang sama selepas kejatuhan Singapura. Sebenarnya Jeneral Yamashita boleh dipuji kerana tidak membenarkan tentera utamanya langsung memasuki Singapura takut nanti tidak terkawal. Untuk melaksanakan perintah Gabenor, pengurus Cold Storage telah menjemput pelanggannya untuk membantu memusnahkan simpanan arak yang mahal lagi berharga itu. Selama lebih satu jam, saya dan beberapa orang lagi diambil bekerja memecah beberapa ribu botol wiski dan wain dengan menghentaknya ke tembok. Sejurus kemudian pecahan kaca jadi separas lutut dan suasana pun memabukkan. Tidak syak lagi, perintah ini akan lebih memberi kesan sekiranya ramai askar Jepun dibenarkan memasuki bandaraya, tetapi syukur kerana ini tidak berlaku.

Pada hari minggu 15 Februari, sekali lagi saya bermotokar ke bangunan Cold Storage. Kali ini saya ditemani oleh abang saya, John dan Evans "Panjang". Tidak terfikir langsung, malah pada peringkat ini, bahawa inilah hari terakhir kami berjuang di Singapura. Berita angin memaklumkan kepada kami bahawa musuh sudah mendarat akhirnya di Changi dan sedang mara menuju Lapangan Terbang Kallang. Kami tertarik dengan peristiwa di bangunan Cold Storage. Tiga orang askar dengan keras mengatakan mereka ditembak secara curi dari bilik tingkat atas sebuah kedai Cina bertentangan dengan Orchard Road, kira-kira 60 ela

78 Bahkan dalam waktu aman, 2/5 bekalan air Singapura datang dari Pulau Johor, melalui saluran paip yang merentasi Tambak Johor selari dengan jalan kereta api dan jalan raya ke Singapura.

jaraknya. Apabila askar bertiga itu membalas tembakan ke arah musuh yang tidak kelihatan, benar atau khayalan, saya memindahkan motokar saya dari garisan tembak-menembak ke satu sudut untuk keselamatan. Kejadian aneh itu masih tidak terhurai apabila kami tiba di rumah pada pukul 5.00 petang, dan ketika itulah berita yang amat penting itu menunggu kami.

Setiba sahaja di rumah, pegawai semboyan, Kapten Taylor, yang menumpang di rumah kami memberitahu bahawa mereka dengan rasminya diperintahkan untuk memusnahkan segala kelengkapan dan hendaklah menganggap pukul 4.00 petang sebagai waktu menyerah kalah. Kami sudah pasti terkejut besar dengan berita itu dan mengesyaki itu adalah kerja sayap kelima. Namun, dengan motokar kami menuju ibu pejabat kastam di Maxwell Road untuk memaklumkan kepada Encik Phear, Timbalan Pengawal Kastam, secara sulit tentang sesuatu yang kami dengar itu. Kami juga memberitahu pejabat mata gelap yang terletak di seberang jalan. Untuk memastikan kesahihan berita itu, kami berpatah balik ke markas tentera di Fort Canning, dengan membawa bersama Kapten Taylor dan Leftenan Sutherland Brown, Pegawai Sukarela Semboyan, untuk bertanya sama ada berita angin itu betul atau tidak. Seorang brigedier mengatakan dia tidak tahu, tetapi seorang lagi menyangkal berita angin itu dengan mengatakan peperangan masih berlangsung.

Yakin dengan berita baik ini, kami berpatah balik ke Stamford Road dan Cecil Street sambil menyangkal setakat yang boleh, akan berita-berita angin yang begitu kencang tentang menyerah kalah. Di sepanjang jalan penuh dengan askar yang diangkut masuk ke bandar dengan baratus-ratus lori yang terletak di kiri kanan jalan. Di antara sukarelawan yang saya temui ialah Kapten Vanrennan, abang kepada peladang Frank Vanrennan, Batalion Perak kami. Dia dapat sehelai perisytiharan bertulis yang menafikan sama sekali khabar angin menyerah kalah. Ini merupakan satu bukti yang sah lagi muktamad bahawa khabar angin itu adalah kerja sayap kelima. Jadi, apabila seorang pegawai di Cecil Street yang mempertahankan kebenaran berita itu malah memberitahu bahawa Percival sudah cuba menyerah diri dua hari lepas, kami semuanya menjadi marah. Justeru kami menangkap "sayap kelima" kami, membungkusnya ke dalam kereta dengan mengacu revolver kepadanya.

Sekali lagi kemudiannya kami menuju Fort Canning, dan

sekali lagi kami tidak dapat sebarang maklumat yang muktamad tentang kedudukan sebenar. Jadi, kami terpaksa membebaskan 'tawanan' kami. Pegawai yang disalahfahamkan itu, sesungguhnya, dialah paling betul kerana pada waktu itu Jeneral Percival dan Jeneral Yamashita sedang dalam persediaan untuk bertemu di antara satu dengan lain pada pukul 6.00 petang di Kilang Motor Ford. Sebaik sahaja berita menyerah kalah sudah pasti, kami mengambil keputusan bermalam di Ibu Pejabat Kastam di Maxwell Road. Bagaimanapun saya membuat dua kali perjalanan pergi balik dengan motokar untuk mengambil sedikit barang kepunyaan saya di Fort Canning dan juga membawa ke situ pembantu rumah kami, termasuk Abu, pembantu abang saya, isteri dan anaknya serta pemandu saya Nair dan isterinya. Juga dibawa bersama sebotol wiski, sedang yang lainnya sudah dicurahkan ke dalam parit. Denda yang ditetapkan oleh kerajaan bagi mereka menyembunyikan arak ialah \$2000.00. Saya meminum wiski sehingga habis pada petang itu.

Hingga waktu itu tiada seorang pun terfikir segala akibat daripada menyerah kalah, termasuk tempoh kena tahan yang lama di bawah kawalan musuh yang separuh kejam. Tetapi Arnold Gridley sebenarnya sudah membeli atau menyewa sebuah motobot kecil kerana dia bercadang untuk menyeberangi Selat Melaka – 50 batu jauhnya – ke Sumatera pada malam itu. Dia menyediakan untuk saya satu tempat duduk lalu saya mencari lima dram petrol yang kosong, tiap-tiap sebuah muat lima gelen, dan memenuhkannya dengan petrol percuma. Untuk menjayakannya, saya mesti pergi mencari mana-mana stesen minyak yang kena tinggal dan mengisi kesemua dram itu daripada pam petrol yang saya jumpa. Usaha saya ini tidak mengambil masa yang lama. Apabila Gridley pergi hendak mengambil botnya, dia dapati bot itu sudah dicuri orang dan rancangan kami terpaksa dibatalkan. Ramai juga yang cuba melarikan diri dengan cara yang sama tetapi akhirnya mereka menemui maut. Contohnya, Laksamana Madya Spooner dan Naib Laksamana Udara Pulford berbuat demikian dengan sebuah kapal kecil yang sama.

Pada malam itu bukanlah satu sahaja kekecewaan yang saya alami. Pada tengah hari yang sama, saya bertemu Encik Ansell, yang telah diceritakan dahulu tentang kehilangan anaknya di Parit Sulong. Dia memberitahu saya bahawa dia dan beberapa orang lagi akan meninggalkan Singapura pada pukul 9.00 malam dari pintu

pagar no. 9 limbungan dengan menaiki sebuah motobot besar kepunyaan Lembaga Pelabuhan Singapura. Kalau saya setuju, katanya, dia boleh menawarkan saya sebuah tempat. Setelah bersusah payah meraba-raba dalam gelap mencari pintu pagar itu, akhirnya saya tiba, terlewat sedikit daripada pukul 9.00 malam, ditemani oleh abang saya John. Tetapi apabila kami sampai seluruh tempat itu gelap-gelita dan kosong. Tidak syak lagi bot atau kapal kecil itu sudah berlepas dan saya dapat tahu kemudiannya Encik Ansell selamat sampai, saya fikir, ke Australia. Saya tidak pula berasa kesal kerana tidak dapat bersama dalam keadaan yang tidak menentu itu.

Pada malam itu kami tidur di atas lantai konkrit di Rumah Kastam. Pada pagi esoknya pertama kali kami diberitahu bahawa menyerah kalah kini telah rasmi.<sup>79</sup> Saya menghabiskan sebotol wiski dengan bantuan teman-teman dan tidur dengan nyenyaknya pada malam yang buat kali pertama senyap sunyi jika dibandingkan dengan malam-malam sebelumnya yang penuh dengan pengalaman. Beberapa orang teman sukarelawan singgah sebentar pada malam itu dalam perjalanan ke beberapa kem tentera. Mereka yang saya temui termasuk Talbot, Jeffries, Egan, Barr dan Wiseman; ada di antara mereka saya tidak akan berjumpa lagi. Fikiran saya tertanya-tanya dalam kem manakah saya akan berakhir.

Semua pembantu kami memilih untuk kembali ke Fort Caning dan mereka bertolak pukul 9.00 pagi. Saya difahamkan apabila mereka tiba di sana, mereka dapati rumah itu sudah dirompak orang dan sedikit sahaja lagi barang yang tinggal. Tetapi apabila saya dapat mengunjungi rumah itu semula dengan berjalan kaki beberapa jam kemudian, kebetulan pada waktu itu saya dapati seorang buruh Tamil sedang menjunjung peti pakaian Victor Cabin. Buruh itu sempat menyengih apabila dia melewati saya, sekalipun dia tidak tahu bahawa sayalah tuan punya peti itu. Saya tidak dapat membayangkan apakah yang akan dibuatnya dengan pakaian petang berekor di dalam peti itu. Sekurang-kurangnya dia akan nampak kacak apabila memakainya jika dibandingkan dengan Jepun. Mujur saya telah meletakkan kereta Austin 16 saya

<sup>79</sup> Jeneral Yamashita dan Jeneral Percival bertemu di bangunan Syarikat Motor Ford, Batu 8 Jalan Bukit Timah, untuk menandatangani perjanjian menyerah kalah dan syarat-syarat lainnya telah dipersetujui pada pukul 6.00 petang, berhenti tembak-menembak bermula pada pukul 8.30 malam (waktu Singapura) pada hari yang sama, Ahad 15 Februari 1942.



dalam kawasan belakang bangunan kastam. Saya memindahkan lima dram petrol dan 'mematikan' enjinnya. Di situlah petrol itu terletak tanpa diketahui oleh Jepun selama 2½ bulan. Akhirnya, saya difahamkan, petrol itu telah dipindahkan ke luar.

Sebaik sahaja selesai sarapan, saya bergegas keluar untuk membuang revolver saya yang sentiasa saya bawa sepanjang peperangan itu. Saya berjalan kaki tidak berapa jauh lalu merentasi tanah lapang bersempadan dengan jalur air pelabuhan lantas membuangnya ke dalam kolam yang dalam. Di sekitar Bangunan Institut Peluat saya bertemu seorang pegawai yang dengan sukarela memberitahu saya bahawa malam kelmarin polis tentera telah meronda di sekitar limbungan itu sambil membakar semua sampan di situ dalam usaha menyekat cubaan orang melepaskan diri. Saya tidak dapat mengesahkan kebenaran cerita itu. Dalam sebuah kubu perlindungan, ditemui dua mayat Cina yang sudah kembang, saya agak mereka terbunuh beberapa hari dahulu. Bagaimanapun ada ikhtiar menutup mayat itu dengan tanah tetapi tidak begitu berkesan. Keadaan sekeliling senyap sunyi – tiada bunyi bedilan, juga tidak kelihatan kenderaan bergerak dan kurang sekali orang berjalan kaki. Tetapi beratus-ratus kenderaan tentera tersadai di pinggir kedua belah jalan, tidak bergerak dan sepi.

Anggota tentera musuh pertama kali kelihatan dalam motokar persendirian bergerak ke arah Pasir Panjang, terletak sebatu dua ke barat bandaraya. Mereka memakai topi besi berbentuk mangkuk yang pernah saya lihat dahulu. Kepala dan raifal mereka terjengul keluar dari bumbung motokar. Mereka kelihatan comot dan bengis. Balik ke Rumah Kastam saya nampak dua atau tiga orang pengawal Jepun kini menutup hujung Maxwell Road. Mereka menahan semua motokar, tetapi tidak tahu sebab, mereka memberi laluan kepada orang Eropah atau kenderaan yang dipandu oleh tentera. Orang lain terpaksa meninggalkan motokar masing-masing dan berjalan kaki. Saya kembali ke Rumah Kastam dengan perasaan tidak menentu, sukar menerima kenyataan sebenar. Sudah sampai masanya saya harus menyesuaikan fikiran dengan keadaan sekarang yang akan kami semua hadapi untuk beberapa tahun akan datang.

#### (viii) Kehidupan di Rumah Kastam Maxwell Road

Seramai 52 orang mendiami sementara di Rumah Kastam. Kira-kira 40 orang adalah pegawai kastam sebenar bersama isteri

masing-masing dan selebihnya ialah pegawai sementara Pusat Kawalan Makanan. Di antara pegawai kastam itu ialah Encik Allen, Pegawai Tadbir Tanah Melayu, dan isteri; Encik Phear, Timbalan Pengawal Kastam dan isteri, Encik Keet dan isteri; Encik Burgess dan isteri; Encik Elkins dan isteri, dan Tetuan Auten, Curtis, Foster dan Holland. Empat nama yang akhir itu dipanggil untuk menolong Jepun mengelolakan Pejabat Kawalan Makanan sementara dua lagi, Tetuan Wilbraham dan Encik Salter, keduanya adalah jurutera yang mengelolakan loji membungkus candu, disuruh semula oleh Jepun meneruskan kerja penjagaan di loji itu sepanjang pendudukan Jepun di Singapura. Cuma seorang yang tiada kena-mengena sama ada kastam mahupun Jabatan Kawalan Makanan ialah saya. Saya dibenarkan tinggal di situ dengan abang saya melalui jasa baik kawan saya Encik Phear. Tetapi budi baiknya itu, tidak syak lagi, akhirnya saya meringkuk juga di kem tahanan perang tanpa teman-teman sukarela saya atau kawan-kawan Australia. Daripada lubuk hati yang dalam, saya sesungguhnya terhutang budi kepada Phear.

Selain beberapa pegawai yang diarahkan membantu Jepun mengagih-agihkan makanan kepada orang ramai dan candu kepada para penagihnya, yang ketika itu dianggap berperikemanusiaan dan candu masih halal, selebihnya bukan sahaja tidak menjalankan tugas tetapi tidak pernah bercakap atau bertemu dengan Jepun. Namun kami telah diberi surat kebenaran oleh Jepun yang menyebut kami sebagai bekas pegawai kastam dan dibenarkan bergerak ke sana ke mari dengan bebas di sekitar Singapura. Saya masih memiliki surat itu, tetapi ini tidak memberi faedah kerana tidak pernah diminta untuk menunjukkannya dalam masa dua bulan hidup dengan bebas. Dalam hubungan dengan kebebasan ini, kami bernasib baik kerana seramai 25 orang pegawai perbandaran, dipaksa bekerja oleh Jepun selama lapan jam sehari, tujuh hari seminggu, dengan upah \$50.00 sebulan, kira-kira 15 kali ganda kurang daripada yang kami terima ketika sebelum perang. Beberapa orang doktor, pegawai bomba dan 60 orang jurutera tidak dibenarkan menjalankan khidmat yang sesuai dengan kebolehan masing-masing.

Kami sesungguhnya bernasib baik tinggal di Rumah Kastam kerana di situ tersimpan makanan keperluan asas dengan banyaknya seperti kacang dalam tin, sardin cap ayam, beras dan gula. Ini menyebabkan kami tidak perlu lagi membeli makanan di luar se-

kalipun kami ada wang untuk berbuat demikian.

Kerja-kerja harian di rumah diatur secara adil dengan tugas tertentu. Ada di antara kami diberi tugas menyapu atau membersihkan lantai, termasuk parit konkrit di luar rumah. Yang lain mengambus sampah dan barang buangan ke dalam lubang bekas bedilan yang banyak dalam kawasan itu. Ini kerana Jabatan Kebersihan Perbandaran tidak akan balik menjalankan tugas membuang segala benda busuk mungkin dalam tempoh sebulan lagi. Dan ada pula yang menjalankan tugas memasak makanan, membelah kayu api, membasuh periuk besar dan pinggan mangkuk. Di hadapan dan belakang Rumah Kastam dibasuh bersih pada setiap hari dan seorang daripada kami diberi tugas untuk sentiasa berada di pintu hadapan dengan tujuan menunjuk arah kepada Jepun yang ingin tahu apabila datang ke situ. Phear suami isteri diberi tanggungjawab mengelolakan urusan tugas itu pada mulanya, sementara cubaan Puan Allen untuk menjaga kunci stor telah tidak diperse-tujui oleh kami semua!

Menu makanan harian agak menjemukan kerana semata-mata ditentukan oleh bahan makanan yang ada dalam stor. Sejak awal lagi tuan-tuan Jepun kami memaksa supaya kami ikut waktu Tokyo iaitu dua jam lebih awal daripada waktu Tanah Melayu. Justeru sarapan pukul 9.30 pagi (sebenarnya 7.30 pagi), makan tengah hari jam 2.30 petang (iaitu 12.30 tengah hari) dan makan malam jam 7.30 malam (iaitu 5.30 petang). Makan malam terpaksa diawalkan kerana tiada lampu elektrik di dalam bangunan itu. Sarapan biasanya mengandungi bubur, teh, roti dan jem limau. Makan tengah hari ialah sup atau rebusan, buah prun, kastard dan teh. Makan malam selalunya ialah pai kambing, kacang dalam tin dan teh. Oleh sebab terlalu banyak makan nasi yang kurang mutu dan sardin, menyebabkan ramai yang jatuh sakit. Pada satu ketika seramai 14 orang kami jatuh sakit dengan serentak. Selalunya cirit-birit, barangkali disebabkan oleh lalat yang banyak dan sering hinggap atas makanan yang tidak bertutup dengan cermat. Tembok bangunan telah menyekat kami daripada ternampak benda-benda jijik di sebelah luar. Dua mayat dijumpai dalam parit, sebuah kepala Benggali Sikh yang kena pancung terletak di luar Bangunan Boustead tidak jauh dari rumah kami dan beberapa orang Cina tua sedang sakit dibiarkan mati sahaja di jalan-jalan sekitar itu.

Selepas menjalankan tugas harian, kami akan menghabiskan

masa dengan membaca, bermain kad atau, bagi saya, menulis nota untuk menjadi dasar cerita ini. Manakala sebelah petang kami bersiar-siar atau pergi membeli apa-apa yang patut dengan teman-teman, bagi saya pasti bersama Arnold Gridley, Johnny Johnston atau Dick Darby, yang dengan lahap makan sepinggan 'bacon' dan telur. Sebelah malam kami berkumpul dalam gelap sambil berbincang mengenai berita-berita radio terakhir. Pada peringkat ini Jepun belum lagi mengharamkan kami mendengar berita BBC, mungkin kami agak mereka belum ada masa untuk memikirkan tentang itu.

Kesemua kami mempunyai berbagai-bagai pengalaman dalam waktu perang dan kami membandingkannya di antara satu dengan lain. Soalan yang menyayat hati ialah sama ada orang awam patut dipindahkan terlebih awal dan ini merupakan pokok perbincangan yang sering dibahaskan tetapi tidak ada sebarang keputusan yang memuaskan. Kadang-kadang perjumpaan malam begini memberi peluang kami melepas geram sambil bergembira. Dalam sebuah bilik di belakang kawasan Rumah Kastam, kami temui beratus-ratus botol wiski contoh dan minuman alkohol lainnya tersimpan di situ, terlepas daripada arahan pengharaman Gabenor. Apabila contoh minuman ini dicampurkan dengan minuman ringan Tetuan Framroz, kilang minuman ringan yang baharu dibuka semula di hujung jalan, jadilah minuman itu bertambah lazat. Katil dan tilam banyak boleh didapati di dalam rumah itu dan ruang kosong pun banyak. Saya dan Arnold berkongsi sebuah bilik besar dua katil di tingkat atas. Memanglah apabila hujan turun bumbung dan tingkap dimasuki hujan, tetapi seorang kawan kami Coney telah menggantikan mana-mana genting yang hilang dan menjadikan bilik kami tidak ditembusi air.

Salah satu tugas rumah yang penting dilakukan oleh Izal, pasukan pembunuh kuman, ialah tiap-tiap hari semua parit di keliling rumah disembur dengan ubat pembunuh kuman. Tambahan kepada tugas itu, dan dengan tujuan menggalakkan perhubungan baik dengan musuh, dia menyembur juga ke atas lantai dan parit bersebelahan dengan bilik pengawal Jepun, terletak di tingkat bawah kedai Cina. Tetapi ada satu permintaan Jepun terpaksa ditolak iaitu menyembur ubat itu kepada orang tawanan yang terikat di situ. Ini merupakan amalan biasa dilakukan oleh Jepun dengan menggunakan dawai untuk mengikat perompak atau penjenayah, biasanya orang Cina. Kedua-dua tangan tawanan akan

diikat ke belakang dan satu pencerut dawai dipasang pada leher. Apabila pencerut itu ditarik dengan kuat, maka tawanan itu menderita kesakitan. Tawanan yang malang itu disuruh berlutut, terikat dengan cara ini sehingga berjam-jam lamanya. Kami tidak tahu apabila akhirnya tawanan itu dibawa pergi dari situ; andaian yang biasa ialah tawanan itu dibunuh. Sebenarnya, beberapa buah kepala orang Cina yang dituduh merompak dipacak di atas kayu tajam dan dipamerkan di beberapa tempat dalam bandaraya. Begitulah halnya namun saya sendiri tidak melihatnya.

Pada suatu masa dahulu, biasanya kami membeli vitamin A, B, C, dan D dari Dispensari Sincere sama ada langsung dari kedai utama atau dari kedai cawangan Chulia Street. Kami dengar Lady Heath, isteri kepada Jeneral Heath, dapat membeli vitamin itu bernilai \$1000.00 dan dihantar kepada askar tawanan perang di Berek Changi. Abang saya, selaku pegawai kelengkapan berjaya mendapatkan satu peti sirap yang amat sesuai diminum dengan bubur waktu sarapan. Sementara itu harga barang mulai naik. Sebotol 8 auns Marmite kini berharta \$5.00; satu tin rokok 50 batang \$3.50 dan segelen petrol, bagi mereka yang masih memiliki motokar, berharta \$6.50. Bahan-bahan lainnya yang terpenting harus dibeli ketika itu ialah 36 bilah "razor" untuk alat pencukur<sup>80</sup> dan menemui seorang doktor gigi Cina supaya membersihkan dan menggilap gigi saya.

Tidak lama kemudian pelbagai khabar angin tentang peristiwa di tanah besar Tanah Melayu dan Singapura sampai ke telinga kami. Beberapa contoh berikut: orang Serani dan Cina menghadapi zaman pahit di Johor. Kumpulan penyamun bermaharajalela di Rawang, Selangor. Seramai 5000 orang Cina dibunuh beramai-ramai di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Dr. Chelvam kini mengetuai Jabatan Perubatan Perak, Encik Savanaramuttu, seorang pemain kriket yang terkenal menjadi Datuk Bandar Pulau Pinang dan Encik Ragavan sebagai Ketua Hakim. Di Singapura kami dengar perkara yang tidak ketentuan bahawa kebanyakan orang Eropah diperintahkan berbaris di padang kriket pada hari menyerah kalah, lalu disuruh berjalan pada hari yang sama ke Katong yang jarak beberapa batu. Gabenor yang berumur 63 tahun mengetuai perbarisan itu tetapi kebanyakan mereka yang lebih tua dan beberapa orang mati mengejut. Berita lainnya tentang Singa-

80 Kerana tidak tahu berapa lama akan berada dalam tahanan, saya cukup jimat, dan apabila tamat perang saya masih ada 15 bilah.

pura ialah kekejaman Jepun. Beribu-ribu orang Cina hilang tanpa dikesan dan seorang gadis Cina, kerani di pejabat pendidikan, datang ke Rumah Kastam mencari ayahnya yang tidak dapat dikesan.

Selepas sebulan pendudukan Jepun, kami dapat sedikit sebanyak gambaran tentang askar Jepun. Dalam banyak hal, seseorang terpaksa menerima hakikat bahawa pada zahirnya mereka cukup berdisiplin, sekalipun kami di Rumah Kastam jarang bertembung dengan mereka. Mereka biasanya amat kejam terhadap orang Cina dan banyak usaha mereka dibuat untuk menghapuskan orang Cina yang disyaki sebagai komunis atau penyokong kerajaan Chiang Kai Shek di Chungking. Dalam beberapa minggu pertama, amat ketara pengawal Jepun di kebanyakan sekatan jalan akan menahan 10 atau 12 orang berjalan kaki, secara rawakan, untuk memeriksa surat laluan. Kadang-kadang pengawal akan menyuruh mereka menyapu jalan atau membelah kayu sebelum dibenarkan pergi. Tetapi beberapa hari kemudian bilangan pengawal dikurangkan kecuali di tempat-tempat terpenting seperti markas tentera Jepun di Orchard Road dan Stamford Road. Kami tidak sedar bahawa di sinilah Markas Tentera yang menempatkan Kempitai atau Polis Sulit yang amat ditakuti. Lazimnya, Jepun yang berbelanja di kedai akan membayar apa-apa yang mereka beli sunguhpun kadang-kadang mereka hanya membayar mengikut harga yang mereka fikir patut. Gerakan kawad kebanyakan askar Jepun dapat dikatakan sebagai kurang teratur kerana kerap kali mereka akan mengheret kaki atau tersalah langkah. Mereka juga berbuat sesuatu yang ganjil seperti suka kencing di jalan-jalan awam dan pada mula-mula sampai dahulu, mereka gemar merampas jam tangan orang.

Seperti yang disebut terdahulu, Jeneral Yamashita tidak membenarkan pasukan barisan hadapannya memasuki kawasan bandaraya dan hal ini telah dapat menyekat daripada berlaku banyak lagi peristiwa ganas.<sup>81</sup> Namun unit kereta kebal Jepun telah menduduki pejabat mata gelap yang terletak di hadapan Rumah Kastam. Kami

<sup>81</sup> Kerjaya terakhir Jeneral Yamashita adalah antiklimaks. Dia berharap untuk dilantik mengetuai tentera menyerang Australia, sebaliknya pada bulan Julai 1942 dia ditukarkan ke Manchuko sebuah daerah terpencil tanpa operasi. Sebabnya ialah cemburu profesional Jeneral Tojo, juga Maharaja yang kurang senang dengan tindakan politik yang pernah dilakukan oleh Yamashita pada tahun 1936. Bagaimanapun, pada bulan September 1944, dia dipanggil untuk mengetuai pasukan tentera yang menentang kemasukan tentera Jeneral

kerap melihat anggota unit itu melakukan senaman harian sama ada di atas jalan di luar bangunan atau di atas bumbung bangunan yang rata. Mereka memakai pakaian lusuh dan memakai topi untuk menahan panas cahaya matahari. Kumpulan yang sama itu bertemu semula pada pukul 9.30 malam (waktu Tokyo), menghadap arah timur laut sambil berdoa serentak dalam satu nada untuk kesejahteraan Maharaja, tanah air dan ibu bapa masing-masing. Unit ini tinggal di pejabat mata gelap selama sebulan sehinggalah mereka diperintahkan belayar ke Jawa, begitulah kami diberitahu.

Pada suatu pagi, saya berpeluang bercakap dengan pegawai yang menjaga 10 unit kereta kebal. Sebahagian besar perbualan kami berkisar di sekitar permainan ragbi; pegawai berkenaan pernah belajar bermain ragbi ketika menuntut di Universiti Kyushu dan pernah bermain menentang pasukan pelajar Universiti New Zealand. Setelah masing-masing membanding parut akibat bermain ragbi, pegawai itu berbincang mengenai peperangan dan dia sendiri memberi beberapa pendapat. Pesawat pejuang Jepun, katanya lebih laju daripada "Hurricane". Dia mendakwa, kononnya, pernah menembak jatuh sebuah "Hurricane" dengan pistolnya di Gemas! Seorang kawannya terbunuh dalam kereta kebal apabila sebutir peluru meriam terjatuh ke dalamnya. Askar British dan Australia bagus, tetapi askar Kanada jahat. Pada suatu masa, barangkali di Hongkong, dia mendakwa bahawa orang Kanada telah menyalahgunakan peraturan Palang Merah kerana mengibarkan bendera putih tetapi menggunakan pistol untuk menembak. Oleh kerana kedudukan saya pada waktu itu dalam bahaya, saya cukup berhati-hati apabila memberi pandangan tentang hal ketenteraan. Saya setuju dengan kenyataan, yang memeranjatkan, oleh pegawai Jepun itu sendiri bahawa Amerika Syarikat mempunyai sebanyak 42 000 kereta kebal siap sedia menjelang tahun 1942.<sup>82</sup>

---

McArthur ke Filipina. Hampir setahun dia bertahan di Luzon menentang pasukan yang lebih handal, akhirnya dia terpaksa menyerah diri pada 2 September 1945. Dia dibicarakan oleh Mahkamah Amerika di Manila atas jenayah perang dan dituduh bertanggungjawab atas kematian 57 000 orang awam di Tanah Melayu dan Filipina. Dia didapati bersalah dan dihukum gantung pada 23 Februari 1946.

82 Kenyataan yang memeranjatkan itu sebenarnya tepat. Menurut Terraine dalam bukunya *Life and Times of Lord Mountbatten* (Hutchinson), hlm. 91, Program Senjata Perang Amerika Syarikat pada tahun 1942, seperti yang ditentukan pada bulan Januari 1942, termasuk 45 000 kereta kebal.

Ada perkara yang selalu menjadi punca perselisihan di antara kami dengan Jepun yang menyebabkan salah faham ialah adat membongkokkan badan. Rakyat biasa mesti membongkok kepada pengawal yang berjaga di pondok kerana dia mewakili Maharaja. Bagi kebanyakan orang Eropah, hal ini tidak diberi perhatian, dan ini menyebabkan beberapa peristiwa pahit berlaku sepanjang pendudukan Jepun. Pada suatu hari, seorang bangsa Denmark yang tidak membongkok tanda hormat dipukul dan didenda dengan latihan membongkok selama 20 minit; seorang wanita Eropah ditempeleng kerana kesalahan yang sama; dan dua orang jurutera JKR, dalam sebuah motokor yang dipandu oleh seorang India, ditarik keluar daripada motokar, lalu dipukul kerana tidak berhenti sebelum melewati pondok pengawal.

Kebetulan pengangkutan dalam Singapura amat kurang, atas sebab yang sedia maklum. Kami sendiri sudah memusnahkan dengan berkesan kesemua bekalan petrol yang ada sebelum menyerah kalah dan Jepun menjadikan hal ini sebagai alasan untuk memaksa orang-orang Eropah berjalan sepanjang jalan ke Kallang dan akhirnya ke Changi, sejauh 12 batu kesemuanya.

Mana-mana motokar yang selamat selepas menyerah kalah diambil oleh pegawai-pegawai Jepun. Namun mereka mendapati sukar untuk menggunakan motokar itu kerana petrol berharga \$6.50 segelen; terlalu mahal. Semua motokar yang tidak boleh dipakai dikumpulkan di pusat buangan di Tank Road, Padang Esplanade, Stadium atau Moulmein Road dan dari situ diangkut ke pelabuhan dan seterusnya dibawa dengan kapal ke kilang-kilang senjata di negeri Jepun. Sebenarnya ini merupakan pemandangan biasa apabila lori mengheret lima atau enam buah motokar yang dirantai antara satu dengan lain melalui jalan raya ke tempat buangan. Lori perbandaran juga kena bergerak berpasangan. Kedua-dua lori penuh bermuat dengan buruh untuk dibawa ke tempat kerja. Hanya lori yang di hadapan sahaja yang menghidupkan enjin manakala yang di belakang akan ditarik dengan tujuan menjimatkan petrol. Dalam tempoh sebulan, Lembaga Kesihatan Singapura membersihkan jalan-jalan utama, tetapi mengambil masa yang lama untuk membersihkan jalan-jalan lainnya. Oleh kerana kekurangan kakitangan, rumah mayat sering menyimpan mayat sehingga seminggu sebelum ditanam. Lebih menjadi kelam-kabut apabila Jepun mengarahkan supaya Hospital Besar dikosongkan dalam tempoh 24 jam; ini merupakan isyarat



supaya semua kakitangan tambahan boleh meninggalkan tempat itu kerana Jepun hendak menggunakan hospital itu untuk askar-askarnya yang cedera.<sup>83</sup>

Kami masih dapat bersembahyang di gereja, kerana beberapa orang paderi, termasuk Bishop Wilson dan pembantunya Rev. Hayter dari Gereja Anglikan, masih dapat mengetuai upacara sembahyang. Kawasan gereja masih digunakan sebagai bengkel membaiki lori dan dikawal oleh pengawal bangsa Sikh, mungkin bekas polis, yang tidak membenarkan orang menghisap rokok di dalam kawasan itu. Seorang pegawai Jepun, dikenali sebagai seorang penganut Kristian, hadir dalam semua upacara sembahyang untuk memastikan tidak ada sebarang khutbah atau ucapan dibuat. Tetapi kami dibenarkan menyanyi lagu-lagu suci yang baharu atau luar biasa. Kadang-kadang kami menaiki bas troli terbuka ke gereja dengan bergaya. Sementara pegawai-pegawai Jepun menaiki kelas satu, kami cukup puas hati dengan kelas tiga, selesa duduk di bahagian belakang trem.

Sekali-sekala kami menerima kunjungan dari orang-orang Eropah lainnya, seperti kami, yang masih belum kena tahan. Selain Bishop Wilson dan Rev. Hayter kami juga dikunjungi oleh Dawson, bekas Setiausaha Pertahanan, yang tinggal bersama Gabenor di Taman Tamagawa, kebetulan milik Jepun sebelum perang. Dari sinilah Sir Shenton Thomas memulakan perjalanan dengan mengetuai orang Eropah dalam satu perbarisan yang masyhur ke Katong dan terus ke Changi.<sup>84</sup> Pada suatu masa lainnya, anggota firma Cold Storage Singapura datang dan membawa berita yang menarik iaitu mereka masih menyimpan sebanyak 80 tan daging dalam peti sejuk. Juga, beberapa tan mentega yang tersimpan baik selama tiga tahun dan kami memakannya pada waktu akhir peperangan. Rupa-rupanya Jepun tidak gemar mentega. Beberapa orang doktor juga menziarahi kami dan dua daripadanya, Dr. Grey dan Dr. Green, melawat kami sebanyak dua kali dan memberi suntikan. Kami juga terdengar bagaimana seramai 25 orang anggota bomba bertarung memadam dua kebakaran besar, satu di Jalan Besar dan satu lagi di kawasan Sekolah

83 Seramai 1000 orang awam yang boleh berjalan dihantar balik ke rumah atau rumah sakit otak. Tentera yang cedera dipindahkan ke beberapa tempat – gereja, Singapore Club, Cricket Club atau Raffles Institution.

84 Mengenai perkara ini sila lihat juga karya Tan Sri Dato Mubin Sheppard 1979. *Taman Budiman: Memoirs of an Unorthodox Civil Servant*. Kuala Lumpur, hlm. 118 – 120.

Melayu dan Inggeris Geylang. Kebakaran di Geylang memakan korban yang banyak, menurut khabar angin, seramai 2000 orang mendapat kecelakaan termasuk 200 orang Jepun. Apa yang sebenarnya berlaku ialah kebakaran bermula di tempat buangan peluru kami dan merebak hingga kedua-dua buah sekolah hingga musnah sama sekali; sekolah baharu dibina semula selepas perang. Seramai 60 orang jurutera JKR dan yang lainnya meneruskan kerja di kawasan Outram Road untuk beberapa waktu dengan bayaran 50 sen sehari, sama upah dengan kerja buruh, tetapi jurutera elektrik bernasib baik kerana dihantar terlebih awal ke Changi selepas berlaku perbalahan dengan ketua Jepun mereka mengenai bekalan elektrik yang rosak. Seorang pelawat lagi, agak luar biasa, ialah seorang bangsa Irish yang dibebaskan dari Penjara Changi kerana dia mendakwa sebagai "berkecuali" kerana berasal dari "Irish Free State". Dia menceritakan keadaan di Changi tidaklah begitu teruk. Kini dia mencari nafkah sebagai tukang gunting dan saya ingin tahu bagaimana hidupnya selama 3½ tahun yang penuh dugaan itu.

Jarang sekali Jepun mengganggu kami di Rumah Kastam dan kami rasa bersyukur kerana dapat menahan sabar sekalipun kemasukan mereka ke rumah kami dengan tidak sengaja. Saya cuma ingat dua kali Jepun masuk ke rumah kami dan kedua-dua kali boleh mengakibatkan sesuatu yang tidak diinginkan bagi mereka yang terbabit, tetapi mujur hal sedemikian dapat dielakkan. Peristiwa pertama berlaku pada suatu petang apabila seorang pengawal Jepun menerpa masuk melalui pintu hadapan dengan raifal dan benet terhunus dalam keadaan marah. Peristiwa yang berlaku ialah seorang pegawai kastam, sepatutnya amat faham, telah mabuk selepas meminum arak yang tersorok lalu terkencing melalui sebuah tingkap di tingkat lima. Malangnya, kencingnya itu terkena kepala pengawal Jepun yang sedang meronda di sekitar jalan. Si pemabuk itu menyembunyikan diri sementara kami terpaksa menenteramkan pengawal itu.

Dalam kejadian kedua, ketika saya berada di dalam sebuah bilik kecil di tingkat atas, tiba-tiba saya terdengar seorang pegawai Jepun datang ke bilik sebelah dan bercakap kepada penghuni bilik itu dalam bahasa Melayu yang baik, satu kebolehan yang luar biasa bagi seorang Jepun yang tidak pernah tinggal di Tanah Melayu. Kerana ingin tahu lalu saya mengintai menerusi pintu yang terbuka ke arah Jepun yang sedang bercakap itu. Saya sungguh terperanjat

kerana saya kenal akan dia sebagai seorang bekas jurufoto yang pernah menetap di Kuala Kangsar untuk beberapa tahun lamanya. Saya amat kenal akan dia, dan saya percaya dia juga mengenali saya, kerana dia pernah menjadi jurufoto sekolah kira-kira tahun 1940 atau awal 1941. Di adalah seorang jurufoto yang baik. Namun apabila berlaku peristiwa di China yang mengakibatkan orang lelaki dan wanita British di Tientsin dan di tempat-tempat lainnya di negeri China dihina dan dimaki hamun, saya telah menyingkirkannya dan memberi peluang kepada seorang jurufoto Cina menjalankan perniagaan. Saya tidak berasa ragu sedikit pun untuk menamatkan khidmat "Robin and Co" – nama perniagaan jurufoto Jepun itu. Mujur dia tidak nampak saya atau mengenali saya lagi lantas saya mengambil tindakan bersembunyi dalam tandas sehingga dia meninggalkan tempat itu. Tidak syak lagi dia menjadi pengintip tempatan di Kuala Kangsar selama beberapa tahun, tetapi apabila menjelang peperangan dia melarikan diri dengan segera ke sempadan Siam.

Kerana kesemua tentera kami yang masih berada di Pulau Singapura sudah ditempatkan di kem tawanan perang di luar berek Changi, terletak 12 batu jauhnya, peluang kami bertemu sesama sendiri atau dengan anggota pasukan sukarelawan tempatan hanya berlaku sekali-sekala sahaja. Paling awal saya bertemu beberapa orang sukarelawan yang datang ke bandar dalam keadaan penat dari Changi, dan mereka memberi jaminan bahawa adik saya Gerwyn berada dalam keadaan sihat. Tetapi apabila saya menceritakan kepada mereka berita terakhir BBC, yang saya dengar pagi itu melalui radio kami di Rumah Kastam, mereka sukar mempercayainya. Berita buruk itu mengatakan pasukan tentera kami terus berundur dari Burma Selatan. Mungkin dalam kem tentera, mereka disogokkan dengan khabar angin yang bukan-bukan dengan tujuan mengekalkan semangat. Bagaimanapun, apabila saya tidak dapat mengesahkan khabar-khabar angin itu, mereka meninggalkan saya dengan penuh yakin bahawa saya menjadi pengkhianat negara dan bersyubahat dengan musuh. Saya tidak tahu hal ini hingga beberapa tahun kemudian.

Memang amat berbahaya kerana salah faham begini boleh menimbulkan prasangka terhadap seseorang itu bersimpati atau bersyubahat dengan musuh, kerana mereka menghujah, kalau bukan, mengapa kami masih bebas? Dalam fikiran mereka hanya satu sebab. Begitulah jadinya, pada suatu hari berlaku kejadian

yang janggal apabila saya melewati sekumpulan bekas anggota Australia Rose Force yang sedang menjalani kerja-kerja jalan di bawah kawalan pengawal yang bersenjata. Apabila mereka kenali saya, ternyata kehairanan mereka terbayang sambil memandang saya dengan penuh curiga tetapi saya tidak pula berani menunjukkan bahawa saya juga kenal mereka kerana bimbangkan pengawal-pengawal itu. Mujur seorang pengawal Australia, yang menyertai mereka, dibenarkan memasuki ke sebuah kedai ubat berdekatan. Saya mengekorinya dan berkesempatan untuk menjelaskan kepadanya dan minta dia menyampaikan satu berita kepada seorang kawan Australia saya iaitu Kapten David Lloyd. Saya tahu dia masih berada di Singapura dan kemudiannya saya mendapat sepucuk surat daripadanya apabila saya berada di dalam Penjara Changi. Saya masih menyimpan surat itu yang datangnya melalui pos sulit, dikelolakan oleh berbagai-bagai kem.

Kerana penginapan kami di Rumah Kastam dilanjutkan beberapa minggu malah beberapa bulan, kami ternanti-nanti akan waktu yang akan memerintahkan kami berpindah ke Penjara Changi. Hanya beberapa orang sahaja di antara kami, tidak sampai suku, yang membantu Jepun dalam berbagai-bagai tugas dan saya agak atas sebab itulah yang melengahkan kami berpindah. Sementara itu ada beberapa arahan palsu sebelum kami meninggalkan rumah itu. Kali pertama, apabila lebih separuh daripada kami diarahkan berjalan kaki ke Changi pada pagi itu. Nasib baik saya terjumpa sebuah kereta sorong usang yang digunakan mengangkut kampil tepung, lalu saya dan Gridley memuatkan segala barang kepunyaan kami ke atasnya dan mula berjalan melalui jalan raya bersama-sama orang lain. Kami berjalan sebatu dua dan hampir tiba ke jambatan Kallang apabila seorang pegawai Jepun dengan motokar menahan kami tanpa sebab dan mengarahkan kami berpatah balik ke Rumah Kastam. Sepanjang jalan kami disambut dengan teriakan simpati "Aduh! Aduh!" daripada penduduk Cina tempatan. Agaknya Jepun menyangkakan orang Cina itu mengeluarkan kata-kata keji dan ejekan terhadap kami, tetapi mereka tidak pernah mendengar bunyi sedemikian. Pada kali kedua, kami diarahkan bersedia cepat dengan barang masing-masing, tetapi sekali lagi tidak jadi. Pada kali ketiga, kami diberi amaran agar bersedia berpindah pada esok hari, tetapi rancangan itu masih juga tidak berlaku. Kekurangan pengangkutan untuk mengangkut kami mungkin menyebabkan rancangan itu tidak jadi.

Sehingga sekarang kami sememangnya ternanti-nanti untuk menyertai kawan-kawan kami di Changi. Kami dengar bahawa seramai 2500 orang Eropah ditempatkan di dalam penjara yang asalnya untuk menampung seramai 400 orang banduan. Kami diberitahu kemudiannya bahawa kami tinggal di situ cuma dua bulan sebagai menjalani hukuman. Tindakan balas dendam ini kerana kerajaan British pernah menahan sejumlah kecil orang awam Jepun di dalam penjara selama dua bulan ketika menunggu pengangkutan yang membawa mereka ke India. Kami tidak jelas apakah yang akan berlaku kepada kami selepas tempoh itu, tetapi ada cadangan memindahkan kami sama ada ke Pulau St. John yang tidak jauh dari pantai atau malah ke Formosa. Sementara itu kami masih menghuni rumah itu sehinggalah pada suatu hari kami dikejutkan oleh Jepun untuk berpindah.

Pada 13 Mac 1942 saya mula menulis perharian seperti berikut. Saya terus menulisnya setiap hari selama 3½ tahun, pada mulanya di dalam Penjara Changi dan kemudian di dalam kem Sime Road.

## DIARI

1942

Mac

- 13 Kami dilawati oleh Dr. Wilson, Paderi Besar Singapura, dan Cannon Adams, bekas Guru Besar Sekolah St. Andrew, C of E English School. Mereka memberitahu kami bahawa pegawai Jepun yang menjaga orang tawanan itu adalah juga bertanggungjawab tentang agama dan pendidikan. Dia seorang kristian dan hadir dalam semua upacara sembahyang yang diadakan di Gereja St. Andrew, bekas Sekolah Ingeris Kerajaan di Singapura yang akan dibuka semula tidak lama lagi dengan bahasa Jepun sebagai mata pelajaran wajib dan diajar selama 2 jam tiap-tiap hari. Singapura diberi nama baharu Syonan\* dan Pulau Pinang menjadi Tojo-ko. Akhbar harian *Straits Times* kini dikenali dengan nama *Syonan Sinbun*.

---

\*Ertinya "Sinar Selatan".

- 14 Arnold Gridley yang berkongsi bilik tidur dengan saya mendapat sakit perut. Kami difahamkan kira-kira seramai 180 orang tawanan dibawa keluar dari Penjara Changi untuk menjalani kerja awam di luar. Pegawai Jepun yang menjaga penjara dengan terus-terang mengatakan keadaan dalam Penjara Changi tidak begitu baik dan harus diperbaiki. Ada ura-ura bertukar-tukar tawanan dalam masa dua bulan.
- 15 Saya hadir dalam upacara Sembahyang Perhubungan di Gereja dengan diketuai oleh Paderi Besar pada pagi minggu. Kami sibuk memungut sampah dan tin kosong di sekitar pagar Rumah Kastam dan menanamnya di dalam lubang bekas kena bom. Khabar angin mendakwa seramai 150 orang komunis bangsa Cina telah dibunuh beberapa hari dahulu. Semua kaki-tangan Cold Storage akan dihantar ke Changi tidak lama lagi.
- 16 Dr. Dugdale, pernah bertugas di Johor, dipanggil untuk merawat 14 orang kami yang menghidap cirit-birit. Sungguhpun kami membersihkan kawasan kami sebaik mungkin tetapi sampah dan kotoran masih bertimbun di jalan-jalan di luar rumah yang membiakkan lalat dengan banyaknya. Lalat itu yang menghinggapikan makanan kami. Bas trem Singapura memulakan perkhidmatan semula melalui Maxwell Road, Moulmein Road dan Tanjung Pagar Road. Pada hari perasmian, bahagian dan belakang trem dihiasi dengan bendera Jepun. Bulatan merah di atas latar belakang putih telah menjadi pemandangan biasa di mana-mana sahaja. Saya pernah ternampak seekor lembu putih menarik kereta dengan bulatan merah pada dahinya.
- 17 Kami diberi suntikan oleh Dr. Grey dan Dr. Green di Rumah Kastam. Lengan saya sudah sembuh betul dan saya patut berterima kasih kepada Puan Phear kerana membalut lengan saya tiap-tiap hari.
- 18 Buku-buku berikut, dipinjam dari perpustakaan pegawai rendah kastam yang ditempatkan di situ, telah dibaca: *Under-tones of War* Blunden, *Tale of Two Cities* Dickens, *Resurrection* Tolstoy, *Human Stories of Prison Life* Jack of Dartmoor dan *The Power House* John Buchan.

- 19 Dua orang teman tawanan kami menghilangkan diri dengan penuh rahsia. Mereka ialah Wilbraham dan Salter, jurutera Kilang Candu. Dia disyaki bahawa Jepun menggunakan khidmatnya untuk menjalankan semula kilang candu. Penjelasan lain ialah mereka disuruh memasang tiang radio wayarles dengan satu set alat radio wayarles Jepun dekat Rumah Kawalan. Kini boleh dikatakan mereka bertimbang rasa terhadap pencuri Cina yang mereka ikat dengan dawai.
- 20 Tidak begitu sihat – rasa seram sejuk dan sakit di antara tulang bahu. Wilbraham dan Salter kini telah pulang. Mereka tinggal bersama “kawan-kawan”, kata mereka.
- 21 Hari ini saya bersiar-siar dengan seorang pegawai kastam bernama Dick Darby yang telah dikenali beberapa tahun sebelumnya. Kami lawati rumah No. 13 Fort Canning Road yang pernah saya diami, dan di situ saya bertemu pemandu saya, Nair dan isterinya. Mereka masih tinggal di situ, di belakang rumah itu. Saya beri Nair \$50.00 sambil menasihatinya supaya balik ke Kuala Kangsar dengan seberapa segera. Rumah itu sudah kosong kerana dirompak tetapi tembok di sekeliling tiap-tiap bilik, lebih kurang setinggi dua kaki daripada lantai, kami dapati beratus-ratus paku kecil terpaku ke dalam tembok jarak kira-kira dua kaki tiap-tiap satu. Askar tinggal di sini dan mereka menggunakan paku itu untuk menggantung kelambu. Menurut Nair akhlak askar Jepun terlalu rendah, berkelakuan seperti binatang, katanya, dalam bahasa Melayu. Misalnya, apabila mereka mahukan air panas mereka akan mengisi kolam mandi dengan air dan menyalakan api di luar kolam itu dalam bilik mandi! Saya dan Darby singgah di sebuah kedai minum di Orchard Road untuk minum sedikit wiski dan berbual dengan dua orang Denmark. Jepun anggap semua orang Denmark berkecuali.
- 22 Bersembahyang di Gereja St. Andrew dan kali pertama menggunakan trem, naik kelas tiga. Di gereja kami bertemu seorang jurutera perbandaran yang baharu sahaja bebas sementara dari Changi untuk menjalankan tugas di Singapura. Dia memberi gambaran buruk tentang beberapa orang tawanan. Sekurangnya, dia mendakwa, mereka itu cukup malas untuk

membersihkan longkang daripada tersekat atau memunggah barang daripada lori apabila bantuan mereka diperlukan. Ada sesuatu yang aneh berlaku. Satu perwakilan dari Kuasa Axis yang melawat Singapura dikatakan telah mengecam pihak berkuasa Jepun kerana memenjarakan orang awam. Binnie dan Gordon Hall dari Pejabat Kastam dikejarkan ke hospital kerana disyaki menghidap penyakit berak darah. Saya dengan sukarela membuat kerja lebih; membasuh semua periuk besar di dapur. Kebanyakan perabot pejabat di tingkat pertama telah dipindahkan ke Pejabat Perbandaran yang nampaknya telah menjadi pusat tadbiran kerajaan tempatan di bawah pemerintahan Jepun. Saya lihat kebanyakan pejabat yang diduduki Jepun terpampang papan tanda "Djangan Masoek" di pintu. Ini adalah ejaan Belanda dalam bahasa Melayu "Jangan Masuk".

- 23 Sekali lagi saya dan Dick Darby bersiar-siar. Kali ini kami pergi ke rumah Dick yang dahulu di Grange Road. Dia bernasib baik kerana menjumpai semula setengah gambar lama keluarga yang tidak diambil pencuri. Sekali lagi kami menghibur hati dengan meminum sedikit wiski di sebuah restoran dan membeli dua biji betik di pasar Orchard Road.
- 24 Saya makan buah betik dan menghabiskan masa dengan membasuh pakaian termasuk kain cadar. Kami dengar ramai penduduk tempatan mati akibat berak darah.
- 25 Dr. Grey dan Dr. Green datang untuk memberi kami suntikan kedua. Saya dan Darby bersiar-siar lagi dan kali ini saya membeli beberapa buah karya Shakespeare untuk ditelaah di Changi, sebuah bekas minuman diperbuat daripada tin dan sepasang cermin mata hitam.
- 26 Satu lagi amaran palsu berpindah ke Changi. Sekali lagi saya menyemak segala keperluan yang telah saya beli sebagai perediaan untuk tinggal di sana.
- 27 Bersiar-siar dengan Darby dan Coney dan mendapatkan khidmat seorang doktor gigi Cina membersihkan gigi saya; dikenakan bayaran \$5.00. Di The Polar Cafe, restoran kege-



maran kami, saya bertemu Moller, seorang bekas pegawai sukarelawan, dahulunya seorang peladang di Ladang Getah Jenderata, Teluk Anson, Perak.<sup>85</sup> Restoran ini amat digemari oleh pegawai-pegawai Jepun tetapi mereka tidak meminta melihat surat kebenaran kami. Apabila mereka meninggalkan restoran baharulah saya berpeluang berbual dengan Moller yang kini menganggapnya dirinya sebagai "orang awam berkecuali". Dia sedang menunggu untuk dihantar ke Cameron Highlands menyertai rakan senegaranya Denmark di sana. Untuk membantu saya menelaah di Changi, saya beli *History of English Literature* oleh Compton Rickett.

- 28 Bersiar dengan Darby dan membeli berus dan ubat gigi. Kami bertemu dua orang pekerja perbandaran yang dibebaskan sementara dari Changi. Kata mereka kebanyakan tahanan berasa jemu di sana dan sangat bergembira kalau ada bahan-bahan bacaan. Diketahui 20 kes berak darah telah berlaku.
- 29 Bersembahyang di Gereja dengan Arnold Gridley dan Johnny Johnston. Di situ kami bertemu Cik Ulrich, kini pekerja Konsul Swiss, dahulunya di Pulau Pinang. Saya memberinya alamat rumah saya sekiranya dia dapat menghantar berita kepada emak saya. Kami juga bertemu Dennett dan Coombes dari Pulau Pinang. Pemandu saya, Nair, melawat saya dan dengan baik hati telah memberi saya sedikit buah. Hendaknya dia pulang ke Kuala Kangsar.
- 30 Hari jadi Darby. Jadi, kami berdua keluar bersama dan makan sepinggan ham dengan telur di Anzac Cafe di Moulmein Street. Saya diserang penyakit kulit di muka menyebabkan saya tidak boleh bercukur buat sementara. Sekumpulan pengawal baharu mengambil alih tugas di Rumah Kawalan dekat rumah kami. Hal ini menjadikan satu keadaan tidak menentu kerana kami telah membuat perhubungan agak baik dengan kumpulan yang

85 Jenderata terletak beberapa batu sahaja ke hulu dari Bagan Datoh, di tebing selatan Sungai Perak. Dari bulan November 1942 dan seterusnya menjadi pangkalan penting menyimpan bekalan yang datang dari Ceylon (sekarang Sri Lanka) ke kem gerila anti-Jepun di timur Tapah dan Bidor. Di antara yang dihantar melalui kapal selam dan tongkang ialah dua set radio B2.W/T. Lihat buku Spencer Chapman, *The Jungle is Neutral*.

terdahulu. Kebanyakan kami membuat keputusan menyimpan banyak vitamin. Saya beli sebotol syampu buat pertama kali dalam beberapa tahun.

- 31 Saya memesan beberapa biji vitamin B dari Dispensari Sincere dan beli 125 biji vitamin A, B, C, D dan 50 biji Abidol. Ketika berjalan kami bertemu Dr. Macmahon, Rev. Amstutz dari Misi Methodist Amerika dan Lady Heath, isteri kepada Jeneral Heath yang dibenarkan keluar dari Changi melawat ke Singapura. Mereka memberitahu kami bahawa 17 orang pegawai kesihatan baharu dikejarkan ke sana dan menasihati kami untuk melengahkan pindah seberapa lama yang dapat.

*April*

- 1 Ketika bersiar-siar dengan Darby dan Johnny Johnston, kami bertemu dua orang bekas pelajar saya di Sekolah King Edward VII Taiping, Lee Yan Sau dan Ram Dass. Tidak susah bagi saya untuk mengenali mereka kerana mereka adalah di antara pelajar yang terkemuka dalam sekolah ketika saya di sana tujuh atau lapan tahun lampau. Saya sangat bergembira dapat bertemu mereka dan dukacita mendengar daripada mereka salah seorang kakitangan sekolah, Khoo Heng Peng, telah terbunuh dalam masa perang. Kami bertemu seorang lagi pekerja perbandaran di Orchard Road Cafe, tempat selalu kami makan ham dan telur dan minum wiski. Saya juga menambah lagi simpanan vitamin dengan membeli 800 biji vitamin A, B, D dan 250 biji vitamin A, B, C, D. Trem melanjutkan perkhidmatannya sejauh South Bridge Road di timur.
- 2 Saya mula memakan sebiji vitamin B dan sebiji vitamin A, B, C, D setiap hari dan memesan beberapa biji vitamin C. Ketika saya keluar bersiar-siar dengan Arnold Gridley dan Dick Darby, rumah kami didatangi tiga orang polis, termasuk Calderwood. Kami dengar lagi khabar angin tentang bagaimana Misi Axis mengecam Jepun yang memasukkan orang awam ke dalam penjara. Alasan Jepun berbuat begitu, apabila tentera Jepun masuk ke Penjara Changi dalam masa pertempuran, mereka dapati beberapa orang rakyat awam senegaranya meringkuk dalam bilik kurungan penjara, mungkin telah dilupa-

kan oleh pengawal penjara. Jumlah besar orang awam Jepun kira-kira 1800 orang, dan diangkut dengan kapal ke India. Jadi, yang masih tinggal dalam penjara adalah mereka yang ketinggalan kapal.

- 3 Good Friday (Hari Suci Kristian). Saya berjalan seorang diri dan membeli 550 biji vitamin C dan 25 biji A, B, C untuk simpanan. Saya juga pergi ke kedai yang menjual buku terpakai di Bras Basah Road dan saya dapati perniagaan buku Inggeris, seperti dijangka, mula tergugat.
- 4 Bersiar-siar lagi dengan Johnny Johnston, Dick Darby dan Coney. Kami bertemu Puan (Dr.) Smallwood dan Puan Shelton Palmer yang baharu balik dari melawat Changi. Mereka memberitahu kami bahawa Blok Wanita menampung seramai kira-kira 400 orang<sup>86</sup> dan 50 orang kanak-kanak daripada kalangan semua bangsa. Sekali lagi saya bertemu gadis Swiss, Cik Ulrich, dan dia memberitahu saya bahawa tugas tetapnya ialah mengajar muzik di Pulau Pinang.
- 5 (Easter Sunday) Duduk di rumah. Dilaporkan 84 buah kapal terbang Jepun sama ada ditembak jatuh atau terbinasa tetapi tidak tahu di mana?
- 6 Berjalan lagi dengan abang saya John dan Dick Darby dan bertemu beberapa orang jurufoto bangsa Siam yang baharu dibebaskan dari Penjara Outram Road. Kami berasa hairan mengapa mereka tidak dilayan sebagai berkecuali. Saya bertemu lagi pemandu saya Nair di Tank Road dan lagi menasihatinya supaya balik ke Perak. Pasukan bomba tiba-tiba dikejarkan ke tempat kebakaran di kawasan Changi tetapi tiada keterangan lanjut. Kami minum *Tiger Beer* di Orchard Road Cafe dan saya membeli lima buah *Everymans* untuk dibaca di Changi apabila tiba masanya nanti. Seramai 60 orang jurutera JKR masih bekerja dengan upah yang kecil untuk kerja-kerja binaan semula dalam kawasan Outram Road. Mereka mendapat 50 sen sehari.

86 Wanita ini semuanya telah menunjukkan semangat yang terpuji pada 8 Mac selepas berjalan sejauh 7 batu dari Katong dalam satu perbarisan menuju Penjara Changi, sambil menyanyi *There'll always be an England*.

- 7 Berjalan seperti biasa dengan Darby dan makan ham dan telur di Orchard Road Cafe. Di sana saya bertemu Encik Scully, seorang kerani di Pejabat Pendidikan. Dia bersungut tentang sikap seorang kerani lagi yang pro-Jepun di pejabatnya. Pengangguran dan harga makanan melambung naik menyebabkan kehidupan semakin sempit. Nair datang dengan hadiah buah-buahan. Dia kini sudah dapat kerja tetapi saya masih suka dia balik ke Perak, tempat dia lebih dikenali dan keadaan makanan tidak seburuk, begitu cepat, seperti di bandaraya. Saya beli beberapa buah buku Penguin.
- 8 Hujan lebat sepanjang hari dan seluruh tingkat tiga dibanjiri air, termasuk "bilik tidur" saya. Jadi, saya tidak keluar.
- 9 Saya dan Darby keluar bersiar-siar dan nampak Sultan Pahang dan Tengku Mahkota Johor dalam kedai Gian Singh. Kedua mereka nampak sihat dan mewah. Saya beli untuk John 75 biji Vitamin Abidol. Kami nampak sebuah kapal persiaran Jepun di "jalan". Kebetulan kami kehilangan dua buah kapal persiaran "County Class" di sebuah tempat, tetapi tiada cerita lanjut.
- 10 Saya dan John pergi ke Dispensari Sincere pagi ini dan sebelah petang keluar dengan Darby seperti biasa. Saya bertemu seorang bekas pelajar English College, Johor Bahru. Dia beritahu bahawa semua Sultan dipanggil hadir dalam satu persidangan di Johor Bahru oleh Pemerintah Tertinggi Tentera Jepun. Ketika bersiar-siar kami balik melalui River Valley Road. Terdapat kawasan tanah lapang yang luas dijadikan tempat buangan kelengkapan meriam British yang kena tawan. Dukacita melihat beberapa ratus laras meriam 18 dan 25 paun, yang pernah memberi khidmat baik kepada kami, kini terbiar sebagai besi buruk. Kesemua mulut meriam telah diletupkan sebelum menyerah kalah agar tidak lagi berguna kepada musuh.<sup>87</sup>

<sup>87</sup> Jeneral Wavell juga mendapat perintah melalui wayarles supaya membinasakan kesemua meriam ini sebelum upacara menyerah kalah ditandatangani.

- 11 Pergi membeli-belah dengan Darby dan membeli 200 biji Abidol dan sebotol 1 paun Marmite. Saya bertemu Encik Christostom<sup>87a</sup> dari Ipoh yang memberitahu saya bahawa Encik Savanaramuttu, bekas Datuk Bandar Pulau Pinang, kini dalam penjara dan kesemua orang Cina dipaksa oleh Jepun membayar cukai 8% atas harta mereka kepada Tabung Perang Jepun.
- 12 Kemasukan kapal perang Jepun begitu banyak di "jalan" (perairan Singapura). Menurut khabar angin mereka baharu balik dari satu serangan ke atas Colombo dan terutama Pangkalan Tentera Laut di Trincomalee.<sup>88</sup> Saya dan Johnny Johnston keluar bersiar-siar dan mendapati pangkalan Collyer Quay penuh dengan kelasi Jepun. Kami singgah di kedai buku di pangkalan itu sambil membaca-baca majalah yang terjual di situ. Saya sedari kemudiannya ada satu kepala di bawah ketiak saya. Rupa-rupanya seorang kelasi Jepun yang terlalu pendek dengan begitu mesra ingin menunjukkan kebolehannya yang terhad dalam bahasa Inggeris. Mulanya dia tunjuk ke arah saya, katanya: "*You one man?*" Kemudian dia menunjuk kepada Johnny Johnston, berkata, "*You two men?*" Barangkali dia menanamkan ingatan ini dalam beberapa minit sebagai formula. Kesemua kapal perang yang berlabuh, saya kira, sebanyak 40 buah, 6 buah daripadanya kapal pembawa kapal terbang, 10 buah lagi kapal penjelajah perang dan selebihnya kapal peminasa. Angkatan laut yang handal ini mungkin bertujuan untuk menawan sebahagian daripada Ceylon. Kalau benar, ini bermakna usaha itu gagal.
- 13 Hari ini kesemua Angkatan Laut Jepun berlepas. Saya tidak keluar ke mana-mana.
- 14 Saya dan Darby pergi ke Trengganu Street, terkenal sebagai pusat pasar gelap yang menjual barang curi. Berita telah sampai ke telinga kami iaitu *Crown Agents* akan membayar gaji penuh kepada isteri dan tanggungan semua pegawai kerajaan

87a Nama sebenarnya ialah CHRYSOSTOM dan ketika itu menjadi seorang wartawan di Ipoh bagi sebuah akhbar di Pulau Pinang, mungkin *The Straits Echo*, atau *Penang Gazette*.

88 Untuk keterangan lanjut sila lihat Lampiran A.

semasa mereka dalam tawanan. Jadi emak dan emak saudara saya akan terus mendapat elaun yang kami kirim.

- 15 Saya dapat berita bahawa adik saya Gerwyn masih selamat dan sihat di berek tentera Changi. Arnold Gridley cuba membuat tembakaunya sendiri. Darby dan saya keluar bersiar-siar.
  
- 16 Satu jawatan kuasa, mengandungi Binnie, Gordon dan Steeley dilantik untuk menjalankan tugas mengelola Rumah Kastam menggantikan Encik Phear yang telah bersara selepas menjalankan tugas itu dengan baik lagi kemas. Kami juga dengar beberapa orang jurutera loji najis dibawa keluar dari Changi untuk bekerja dengan upah 10 sen sehari dan makan percuma. Saya mengambil alih tugas membelah kayu api di dapur. Saya, John dan Darby sekali lagi mengunjungi Orchard Road Cafe, di sini kami bertemu sekumpulan orang Denmark yang "berkecuali". Mereka dengan murah hati memberi kami menumpang motor mereka balik ke rumah – satu hiburan! Berita dari mereka ialah jambatan Iskandar yang musnah dekat Kuala Kangsar, sudah diganti dengan jambatan kayu, makanan amat berkurangan di Pulau Pinang dan stesen kereta api barang di Ipoh telah musnah agaknya akibat kereta api membawa bahan peluru yang meletup dahulu. Mereka juga memberitahu bahawa Jepun di Singapura telah menetapkan tempat duduk kelas satu dalam semua trem khas untuk mereka; peraturan ini tidak memberi kesan kepada kami kerana kami selalu menaiki kelas tiga. Satu berita baik ialah akhirnya pihak berkuasa Jepun bersetuju mengeluarkan senarai orang tawanan di Penjara Changi untuk dihantar ke negara kami melalui Palang Merah. Konsul Swiss, Encik Schweitzer, dilantik sebagai Wakil Palang Merah kami dan tidak syak lagi bahawa persetujuan itu adalah usahanya sendiri. Selama ini Jepun enggan membekalkan sebarang maklumat tentang nama atau keadaan kehidupan orang tawanan atau Orang Tawanan Perang (P.O.W) di kem-kem tahanan. Tetapi Encik Schweitzer belum lagi melawat Penjara Changi.
  
- 17 Saya bersiar-siar dengan John dan Dawson, tetapi tidak ada berita untuk dilaporkan.

- 18 Tinggal di rumah sepanjang hari. Ada khabar angin yang mengatakan kapal terbang Amerika telah melepaskan bom di Tokio.
- 19 (Ahad) Pergi ke Gereja dengan Arnold Gridley dan bertemu Holmes, dari Jabatan Bekalan Air Pulau Pinang. Bekas Setiausaha Kewangan, Weisberg, datang dan mengesahkan bahawa gaji penuh akan dibayar kepada isteri semua pegawai kerajaan dan juga elaun bagi mereka yang masih bujang dibayar kepada tanggungan masing-masing. Kami dengar di antara mereka yang dapat lepas lari sebelum menyerah kalah ialah Bisseker dan Bagnall, dua orang ahli Majlis Mesyuarat.
- 20 Ada khabar angin mengatakan sebanyak 60 000 tiub candu telah dicuri dari Stesen Membungkus Candu Singapura.
- 21 Kami dengar bahawa Jepun memasang alat gelombang suara di setengah-setengah kedai dengan tujuan mendengar perbualan anti-Jepun. Keluar dengan Arnold Gridley, Darby dan Coney. Kami bertemu Kapten Morris, bekas pegawai Askar Melayu, dan juga seorang pegawai A.I.F. Australia. Melaluinya saya mengirim berita kepada kawan saya, Kapten David Lloyd.
- 22 Kami berpindah ke Penjara Changi.

### 3

## KEM TAHANAN CHANGI DAN SIME ROAD

Sebuah Diari Peristiwa  
April 1942 – September 1945

1942

*April*

- 22 Diperintahkan berpindah ke Penjara Changi pada pukul 11.00 pagi, tetapi baharu bertolak pada pukul 3.00 petang. Dua buah lori digunakan untuk mengangkut 39 orang lelaki dan perempuan,<sup>89</sup> barang-barang, dan bekalan makanan yang banyak untuk disimpan di Stor Kem – 600 tin sardin, 1200 tin kacang pea dan tiga karung gula. Kami diperiksa ketika sampai kalau ada yang menyembunyikan revolver, radio dan kamera. Seorang tahanan, Aplin, hilang radionya. Kerana bilik kurungan belum ada, saya tidur pada malam itu di atas lantai konkrit bawah tangga Blok 'B'. Johnny Johnston juga bersama saya tidur di bawah tangga itu.
- 23 Saya ditempatkan dalam sebuah bilik kurungan no. 39 di tingkat tiga Blok 'B' dan berkongsi dengan dua orang lagi, Garcia dan Hunter, kedua-duanya kakitangan British American Tobacco Co. Saya mengambil tempat bapa kepada Garcia, 67 tahun, yang menghidap penyakit lemah jantung dan barangkali masih sakit lagi selepas berjalan kaki jauh dari Katong ke Changi yang dikenakan kepada tawanan pada 6 Mac lalu. Dia meninggal dunia beberapa hari dahulu di hospital. Jadi, mulai

---

<sup>89</sup> Kira-kira 10 atau 11 orang masih tinggal di Rumah Kastam, menjalankan pelbagai tugas dengan Jepun; tetapi beberapa bulan kemudian mereka juga datang ke kem, walaupun tidak kesemuanya.



saat itu sayalah yang meringkuk selama-lamanya di dalam bilik itu, membantah kerana kurang makanan oat dan gula.

- 24 Ada dua orang banduan tulen, seorang daripadanya bekas pengurus Pawagam Pavilion, Kuala Lumpur, yang hukuman ke atasnya tamat pada 14 Februari, dan seorang lagi Loveday, bekas pegawai tentera, dihukum kerana penyelewengan di dalam stor tentera. Makanan kami dimasak oleh kakitangan dapur *Empress of Asia*<sup>90</sup> dibantu oleh bekas kakitangan penjara. Sarapan terdiri daripada kanji, sirap dan teh. Makan tengah hari pula ialah nasi dengan rebus daging dalam tin dan makanan petang mengandungi puding beras, rebus buah dan teh. Sir Henry Trusted, bekas Ketua Hakim FMS., membahagi-bahagikan sirap. Parit dalam yang mengalirkan air dari bangsal dobi bersekali dengan mandi digunakan sebagai tandas yang mengalirkan air, juga najis. Ini dikenali sebagai "Tembok Keluhan". Bangsal dobi jadi tempat mandi antara pukul 8.00 – 8.30 pagi.

Khabar-khabar angin di luar penjara bertiup kencang, tetapi kebanyakan berita atau khabar angin itu dibawa oleh Long<sup>91</sup> pemandu bas ambulans, yang berulang-alik ke hospital setiap hari. Sudah pasti ramai akan berebut-rebut untuk membeli sesuatu daripada penjaja di luar penjara atau kedai-kedai di Singapura. Gabenor Sir Shenton Thomas, ditempatkan dalam sebuah bilik kurungan yang hangat di atas bilik dapur.

- 25 Saya dapat bercakap dengan Dr. Linehan, Pengarah Pendidikan. Dia telah mengumpulkan satu rekod kesemua pegawai pendidikan dan boleh menceritakan hal kesemuanya kecuali dua orang, Strickland dan J.N. Davies. Saya menimbang berat badan 15 ston (210 paun) dengan memakai seluar, terompah dan tuala. Secara tidak rasmi kami dengar ramai yang berlepas lari dari Singapura ditawan semula di Padang, pantai barat Sumatera. Ramai wanita Eropah yang tidak cuba

90 Kapal ini telah dibom dan tenggelam di Pulau Singapura pada 5 Februari, 1942. Cuma kakitangan dapur ditahan bersama kami. Mereka dikenali sebagai "Budak-budak Asia" sungguhpun mereka adalah orang Eropah, kebanyakannya dari Liverpool.

91 Malangnya J.S. Long telah dihukum bunuh pada 27 November 1944, kerana aktivitiinya begini. Dia adalah bekas pekerja Asiatic Petroleum Company, anak syarikat Shell.

berlepas lari berada di Blok 'A' penjara. Beberapa orang tua, seramai 20 orang, telah meninggal dunia. Ini termasuklah Stevens, 91 tahun, Braddon, 84 tahun, dan Garcia yang tinggal di bilik kurungan no. 39 tempat tinggal saya sekarang. Saya bertemu Coleman-Doscas, Pegawai Pertanian Johor dan memberitahunya bagaimana enaknyanya kami memakan ayam itik bermutu baik di Jementah beberapa minggu dahulu.

- 26 Sejumlah 69 kelas pengajaran diatur dan dihadiri seramai 1000 orang daripada jumlah kesemua penghuni penjara seramai 2000. Sungguhpun ruang terhad, buku dan papan hitam dapat diadakan. Pelajaran yang diajar termasuk bahasa-bahasa Jerman, Perancis, Rusia, China, Sepanyol, Melayu, Jepun, Siam dan karangan bahasa Inggeris, Simpan Kira, Muzik, Penge-tahuan Injil, Lukisan dan Sejarah. Ada juga Persatuan Sastera dan Bahas, pertandingan *bridge* dan konsert, ceramah, nyan-nyan koir dan sebuah sekolah diadakan untuk seramai 6 orang budak lelaki.


Pengawal cuba menjual dua botol brandi dengan harga \$25.00 sebotol, tetapi apabila tiada pembeli mereka minum sendiri. Saya mendapat tahu pemotong kayu di luar dapat lebih bekalan roti dan teh kerana kerja masing-masing.<sup>92</sup>

Dua buah akhbar, *Changi Guardian* dan *Changi Times* diterbitkan oleh dua orang bekas wartawan, Miller dan Wade. Akhbar ini mengandungi berita-berita khemah tahanan, topik tertentu, dan peristiwa yang dialami sendiri oleh orang-orang tahanan. Saya mendapat tahu orang-orang tahanan Changi dikumpulkan di Padang Bandaraya Singapura pada 17 Februari, diperintahkan berjalan kaki ke Katong. Keadaan di situ amat teruk dan kemudian diperintahkan ke Changi pada 6 Mac. Semuanya berjalan kaki walaupun yang tua-tua.

Hari ini saya bertemu M.C.f Sheppard<sup>92a</sup> dan juga Resi-

92 Pemotong kayu diambil bekerja semata-mata untuk mendapat kayu bagi dapur jerang air. Selama ini dapur itu menggunakan minyak pembakar tetapi sebaik sahaja tahanan tiba ke Changi pada 6 Mac, dapur itu telah diubah suai dengan menggunakan kayu api oleh jurutera kami. Jepun enggan membekalkan minyak lagi kerana mereka mendakwa kami yang memusnahkan stok sim-panan minyak sebelum menyerah diri.

92a Sheppard memperkenalkan saya kepada seorang berjanggut tebal bernama DUNPHY. Nama ini saya dapati kemudiannya adalah nama samaran PEET, seorang wartawan *The Straits Times* yang terkenal, selalu menulis rencana anti-Jepun sebelum pecah perang. Jepun tidak pernah tahu siapa dia sebenar. Dia mati di Australia tahun 1986.




- 1 Blok Kawalan 2 Dispensari 3 Blok Gerakan 4 Stp
- 5 Kedai 6 Polis 7 Tukang Kasut 8 Perpustakaan
- (H) Tempat isten-isten menyerah tong sampah kepada suami mereka
- (S) Tempat operator litar di atas lif di Blok B

Nota: Setiap Blok A, B, C dan D ada 3 tingkat atas, setiap tingkat ada 40 bilik kurungan

Rajah 1 Pelan kasar penjara Changi (Tingkat bawah) - 1942 - 45.

PELAN DALAMAN  
BILIK KURUNGAN  
TINGKAP JARING BESI  
(8 kaki atas tembok) 1



ORANG TAHANAN

den Belanda di sebuah kepulauan Belanda yang berjiran. Residen itu telah dipukul teruk kerana dituduh menyembunyikan maklumat. Saya juga bertemu Allen, peladang kebun getah di Kedah yang bertugas dalam kereta perisai. Dia beritahu saya, dua orang sukarelawan, Tyndale-Powell dan Miller, yang mendapat cedera telah ditikam mati dengan benet di Simpang Pulau, jalan Gopeng, Ipoh. Dia sendiri tertawan tanpa sebarang kecederaan telah dipaksa memandu lori Jepun sepanjang perjalanan hingga ke Singapura. Kami tidak dibenarkan merokok di koridor dan wajib berdiri apabila pegawai Jepun datang. Saya bertemu dengan seorang pembuat roti bangsa Welsh bernama Roberts, berasal dari Holyhead, yang terselamat dari kapal *Empress of Asia*. Encik Garcia yang tua mati hari ini. Jadi, sayalah kini mendiami Bilik 39 buat selama-lamanya.

- 27 Ada berita mengatakan pertukaran<sup>93</sup> seramai 5000 orang tawanan Jepun di India dengan 2700 orang tawanan di kem ini. Saya mula bekerja sebagai seorang pencuci di tempat dobi selama dua kali sehari, sekali pada pukul 10.15 pagi<sup>94</sup> dan sekali lagi pada pukul 2.30 petang. Jadual harian ialah bangun jam 8.00 pagi; sarapan jam 9.00 pagi; makan siang jam 1.00 tengah hari; makan petang jam 6.00 petang; padam lampu jam 10.00 malam; dan senyap tidur jam 10.30 malam. Wakil Blok 'B' Encik Edmonds, bekas ketua Syarikat Sime Darby, Singapura.
- 28 Rokok amat kurang dan R.L. German, pegawai MCS, orang pertama yang memungut puntung rokok! Seorang pengawal dikatakan memukul muka seorang wanita Serani di Blok 'A' dengan benetnya. Ada orang yang membeli sebotol wiski berharga \$20.00, \$10.25 untuk satu tin rokok 50 batang dan \$10.00 untuk sebotol jem 14 auns. Kami dapat bahan nasi yang dicampur ke dalam kanji seminggu sekali. Ini kami simpan dalam tin dan jimat memakannya untuk beberapa hari. Ini sebagai pengganti sirap yang tidak diberi lagi. Hari ini ada pertandingan kriket antara blok. Malayan Non-benders XI,<sup>95</sup> termasuk

93 Bualan pertukaran tawanan tidak pernah habis-habis dalam fikiran kami selama dalam tahanan dan hal ini lebih sering diperkatakan daripada bercakap fasal kekurangan makanan.

94 Waktu didasarkan kepada waktu Tokyo, kira-kira 2 jam lebih awal daripada waktu Tanah Melayu. Jadi, kami bangun jam 6.00 pagi.

95 Semasa belum perang Non-benders adalah Kelab Kriket Malaya, yang anggotanya berumur 45 tahun ke atas.

Gabenor turut serta bermain. Beliau mendiami blok dapur. Ada rayuan untuk mendapat sumbangan kepada tabung kem guna membeli sayur-sayuran, telur, ubat dan sebagainya. Berita atau khabar angin yang kami dengar di "Tembok Keluhan" yang digelar "Latrinograms". Residen Belanda dari kepulauan jiran mengatakan bahawa Herr Spitz (?), bekas Gabenor Belanda di Sumatera berada di sini dalam satu bilik tahanan berasingan. Residen yang cuba mendekati bilik kurungan Gabenor itu telah diperintahkan keluar dari situ oleh seorang pengawal. Pasukan polis kem, mengandungi orang-orang tahanan, diketuai oleh seorang bekas pegawai polis bernama Beck. Seorang pegawai Australia juga dikatakan dalam tahanan berasingan di sini kerana enggan memberitahu nama orang yang memukul seorang pengawal di kem A.I.F. Jumlah orang tahanan kini seramai 2688 orang, termasuk 380 orang wanita dan 50 orang kanak-kanak di Blok 'A'. Makanan kena curi dari dapur dan anak kapal *Empress of Asia* dituduh melakukannya. Berpeluang berbual-bual dalam bahasa Welsh dengan teman-teman senegeri: Trevor Hughes, T.J. Thomas dan Osborne Jones. Saya mula letih dengan kerja dobi.

- 29 Hari Keputeraan Maharaja Jepun. Kami mendapat hadiah nanas daripada Pemerintahan Tertinggi Tentera Nippon. Jepun hanya membekalkan beras, tepung, teh, gula dan minyak masak, tetapi sayur, keju, telur, betik, gula-gula dan sebagainya dibeli dengan wang orang tahanan. Usaha untuk menyekat perniagaan pasar gelap oleh pengawal-pengawal dengan mengunci laluan ke dapur pada waktu malam. Ada catuan 10 batang rokok dan mancis dengan harga 50 sen hanya sekali. Noel Rees menceritakan dalam *Changi Guardian* bagaimana dia dan pasukannya terselamat dari Kuala Terengganu ke Kuala Lipis, 120 batu merentasi gunung-ganang Pahang. Saya mempunyai sebuah perpustakaan kecil mengandungi 50 buah buku yang saya bawa dari Rumah Kastam dan dalam penjara juga ada sebuah perpustakaan kecil. Orang-orang tua menghabiskan masa selama satu jam dengan membaca buku sambil berbaris menunggu giliran masuk tandas dan mereka ada keutamaan untuk menggunakan tandas yang di sebelah bawah.

Tiap-tiap blok mengandungi sebuah tingkat bawah (sebuah bilik makan dan dua buah bengkel besar) dan tiga

tingkat di atas, tiap-tiap satu ada wakil masing-masing. Wakil blok ialah Martin, pekerja Harrisons, Barker and Co., Pulau Pinang. Setiap tingkat yang di atas ada 44 bilik kurungan, tiga orang sebilik (132 orang kesemuanya). Sementara di tingkat bawah sekali ada 45 orang dalam bilik makan dan 100 orang dalam tiap-tiap satu bengkel, jumlah kesemuanya dalam tiap-tiap blok ialah 650 orang. Pokok perbincangan yang sering dibahaskan ialah sama ada wajar berlepas lari sebelum kekalahan sebenar, kerana kebenaran untuk itu hanya diberi dalam beberapa kes sahaja. Badan kami mulai susut. Orang yang paling gemuk seperti Vaughan Jones (susut 5 ston 8 paun) dan Latimer (susut 4 ston), dan yang lain susut di antara 1 atau 2 ston.

Khabar angin mengatakan beribu-ribu tentera Amerika telah mendarat di Ceylon. Ramplen Jones menayangkan filem, "My Trip to Australasia".

- 30 Melawat Blok Hukuman (dinamakan semula *Hudson's Bay* oleh kami). Ini merupakan tempat sesuai untuk mengadakan kelas kerana sunyi dan halamannya berumput. Denison-Smith, bekas polis, mengalami sakit otak dan kini dirawat di Hospital Miyako.<sup>96</sup> Ternampak beberapa orang tawanan wanita membongkok kepada pengawal. Mereka yang enggan, ditempeleng di muka atau di belakang. Mereka juga dihukum kerana gagal berdiri apabila pegawai tinggi lalu di situ. Kumpulan memungut kelapa dihantar keluar empat kali seminggu untuk bekerja. Hari ini sebanyak 250 biji kelapa dibawa balik dan dijual dengan harga 5 sen sebiji untuk tabung kem. Pegawai Jepun memberhentikan kegiatan pengawal menjual barangan kepada kami. Jadi, pengawal-pengawal itu kini membeli dari orang luar, penjaja Sikh. Siapa yang cuba membelinya dipukul. Hughie Fraser, bekas Setiausaha Persekutuan, mengatakan bayaran gaji oleh kerajaan dalam masa tawanan masih lagi "sesuatu yang meragukan". Memiliki arak kini diisytiharkan sebagai kesalahan berat oleh Jawatankuasa Kem.

<sup>96</sup> Inilah satu-satunya hospital luar yang kerap kami lawati. Sebelum perang dikenali sebagai Hospital Woodbridge, kini namanya diberi nama Jepun. Denison-Smith sembuh daripada penyakit dan telah bersara daripada perkhidmatan polis. Kemudian, mengambil ijazah di Oxford, dan kini mengajar di Dragon School, Oxford. Dia mati dengan tiba-tiba kerana menghidap penyakit pada tahun 1967.

Mei

- 1 Sesetengah anak kapal *Empress of Asia*<sup>97</sup> yang berbual-bual dengan saya hari ini memberitahu bahawa tukang api enggan membubuh arang batu ke dalam relau ketika kapal berada di Selat Melaka. Akibatnya, *Empress of Asia* terkandas apabila kena bom dan kurang tenaga untuk menggunakan saluran paip bomba untuk memadam kebakaran. Kapten kapal takut mengambil tindakan atas keengganan tukang api itu yang menuntut tambahan gaji dan makanan. Seramai 134 orang kakitangan yang tertinggal di belakang sementara selebihnya dipindahkan sebelum menyerah kalah. Kakitangan dapur baharu-baharu ini bertugas di Hospital Umum.

Ada satu cerita dari Rumah Kastam pada Hari Keputeraan Maharaja iaitu Auten dan Foster menaikkan bendera Jepun, sementara Crutis, Burgess dan Allen menariknya turun. Kemudian bendera dinaikkan semula tetapi diturunkan lagi. Menerima semangkuk jem limau daripada Puan Burgess (Kastam). Dia berada di Blok 'A' bersama tawanan wanita lainnya.

- 2 Ada satu kaedah yang baik mengagih-agihkan makanan ke tiap-tiap tingkat. Setiap penghuni bilik kurungan yang sebanyak 44 buah itu bergilir-gilir untuk mendapat dahulu bahagiannya dan lapan bilik lagi atau lebih masih bergilir-gilir, menjadi penerima "kedua" pada setiap hari. Bekas besar berisi nasi, dan sebagainya diangkut ke setiap tingkat tiap-tiap hari dan setiap penghuni kurungan akan berbaris mengikut giliran di dalam bilik kurungan masing-masing. Bilik kurungan saya di Blok 'B', tingkat 3, ialah no. 39. Sistem pengagihan yang sama dilaksanakan di tempat lain. Gordon Hall mendapat 55 kampil gula, tepung, dan kacang serta buku-buku daripada Rumah Kastam Maxwell Road, tetapi pengawal mengambilnya sebanyak 10 kampil gula sebagai komisen.

Pengawal<sup>98</sup> yang mengambil sebanyak \$45.00 daripada wakil kem kami pada 28 April diberitakan dikenakan denda

97 *Empress of Asia* sebuah kapal lama kepunyaan Canadian Pacific Liner terkena bom tidak jauh dari Singapura pada 5 Februari, 1942. Kapal ini tidak sahaja mengangkut askar tetapi juga kelengkapan berharga. Satu-satunya kapal pengangkut bantuan tentera atau kelengkapan yang tenggelam dalam masa perang. Kapal ini dijilat api dan terbakar beberapa hari sebelum tenggelam.

98 Pengawal Jepun berkenaan mendakwa dia dirompak dan kehilangan arak dan rokok yang bernilai \$700.00 pada 28 April. Mejar Jeneral Macrae, wakil kami

sebanyak \$140.00 oleh Komandan Jepun dan menyerahnya kepada Tabung Kem! Senarai nama orang awam yang kena tahan, dikumpulkan dalam sebuah buku, diserahkan kepada Jepun pada 30 April untuk dikirimkan seterusnya kepada Palang Merah di Geneva. Sementara itu kerajaan Jepun enggan nampaknya memberi maklumat kepada Palang Merah mengenai keadaan hidup sama ada Orang Tawanan Perang mahupun Tawanan Awam dalam kem, bahkan tidak melayan perkhidmatan pos kepada penghuninya. Khabar angin serangan hebat dari udara di kilang kapal terbang Heinkel di Rostock. Masih ada seramai 800 orang dalam penjara yang tidur tanpa tilam. Menurut T.A. O'Sullivan, bekas Nazir Kanan Sekolah-sekolah Perak, bahawa kertas jawapan Sijil Persekolahan 1941 yang dikirim ke Pulau Pinang mungkin hilang. Nampaknya, seramai 15 orang pegawai polis meninggalkan negeri lima hari sebelum menyerah kalah sekalipun Gabenor, pegawai pentadbir Jepun, berjanji bahawa sayuran (dari Johor) dan daging segar akan dibekalkan dan dibayar oleh Jepun pada masa akan datang, tetapi tiada bekalan susu sehinggalah bekalan itu diimport dari Jawa. Masalah utama ialah kerana tiada pengangkutan. Perhubungan antara suami dan isteri di Blok 'A' tidak dibenarkan lagi, mengikut arahan Jepun yang terakhir. Tidak ada jalan masuk dari Blok Lelaki ke Blok Wanita kecuali dari halaman yang di hadapan dan yang dikawal oleh pengawal.

- 3 Sebelum datang ke Changi pada 8 Mac, kaum wanita jalan berbaris dari Padang Kriket hingga dua buah rumah bersebelahan Pawagam Roxy di Katong. Penghuni Blok 'B' dan Blok Hukuman sekarang ditempatkan di dalam empat buah rumah di dalam sebuah kawasan yang dinamakan Karikal (dahulunya harta Allahyarham Kadir Sultan) dan bersebelahan rumah seorang doktor Cina. Penghuni Blok 'C' sekarang mendiami Balai Polis Joo Chiat dan penghuni Blok 'D', termasuk di dalamnya anggota Pasukan Pertahanan Tempatan, tinggal di Convent Katong, sebaris dengan Karikal dan menghadap laut. Kesemua orang awam, kecuali sebahagian wanita dan orang-orang tua telah berjalan sejauh enam batu ke Katong, sungguh-

---

pada waktu itu, telah membayar kepadanya \$45.00 dari Tabung Kem untuk menenangkannya sekaligus mengelak kekacauan.



pun barang-barang mereka yang berat diangkut dengan lori yang tiba tiga hari kemudian. Cara yang sama mereka, diarahkan berjalan kaki dari Katong kerana tiada makanan yang dibekalkan oleh Jepun untuk beberapa hari, sungguhpun kemudiannya beras dan daging dibawa juga ke situ. Perbarisan ke Katong bermula jam 1.00 tengah hari dan tamat pada pukul 6.30 petang di Katong setelah menunggu lama di Sea View Hotel. Perbarisan ke Changi bermula jam 11.00 pagi dan tiba di Changi jam 2.00 petang. Gabenor Sir Shenton Thomas, yang ditahan di Taman Jepun Tamagawa, mengetuai perbarisan, berumur 63 tahun.<sup>99</sup> Kebanyakan orang tawanan membawa barang masing-masing, selebihnya datang dengan lori. Orang lelaki yang dibenarkan menaiki lori hendaklah berumur lebih 63 tahun, tetapi Gabenor didapati sihat untuk berjalan sejauh itu dalam usia sedemikian. Banyak ceramah disampaikan oleh beberapa orang individu. Stallworthy berceramah tentang masalah pengangkutan jalan raya dalam masa perang; dan Miller bercakap tentang kesulitan penerbitan akhbar di Singapura dalam masa terkepung. Lagi cakap-cakap tentang kemungkinan bertukar-tukar orang tawanan Tanah Melayu dan Hong Kong dengan tawanan Jepun di India. R.D. Macleod dari Harrison Barkers, 43 tahun, meninggal dunia kerana menghidap barah pangkal usus.

- 4 Dalam kenyataan kepada Jawatankuasa Kem, Leftenan Okasaki mengaku kemungkinan berlaku penyakit beri-beri dalam kem ini. Ada beberapa kes bengkak kaki dalam kem dan penyakit berak darah yang dikesan sebelum ini dan kem tentera di sekitar Changi. Dilaporkan, sebanyak 1000 kes berak darah dan beri-beri. Saya sendiri memakan vitamin A, B, C dan D setiap hari semenjak 6 April, juga mengambil pil Berin

<sup>99</sup> Menurut M.C.f Sheppard yang menyaksikan sendiri dan menuliskannya di dalam bukunya *Taman Budiman* (Heinemann), bahawa fakta sebenar telah berubah sedikit. Gabenor tidak ditahan di Taman Tamagawa. Beliau dan isterinya mengosongkan Wisma Kerajaan pada 13 Februari setelah rumah itu rosak akibat kena peluru meriam dan mereka berpindah tinggal dalam sebuah bilik di Singapore Club (sebahagian daripada Bangunan Fullerton) untuk beberapa hari, dari 14 hingga 24 Februari. Pada 24 Februari mereka diperintahkan berpindah ke Wisma Selkirk, Katong, pada suatu masa tempat tinggal Jepun. Pada 5 Mac, Gabenor diperintahkan "mengetuai perbarisan" kesemua orang tawanan ketika berusia 63 tahun ke Penjara Changi pada hari berikutnya. Isteri beliau tidak sihat kerana mendapat penyakit berak darah, telah dibawa dengan ambulans.

- B. Kumpulan memungut kelapa telah dimansuhkan kerana ditangkap membeli rokok di luar. Seorang pengawal di Blok Wanita dilaporkan menampeleng sepasang suami isteri kerana didapati bercakap-cakap antara satu sama lain, semasa si suami ke situ kerana tugas.
- 5 Kami dalam kumpulan dapat mengadakan buat pertama kalinya bermandi-manda di laut terletak lebih kurang  $1\frac{1}{2}$  batu dari kem. Seramai 280 orang penghuni Blok 'B' mengambil bahagian dengan berjalan kaki selama 40 minit, dan balik mengikut jalan rentas hanya 20 minit. Tempat mandi itu berdekatan dengan banglo Alsagof. Horace Hunter, teman sebilik, pergi ke Singapura untuk membeli bekalan makanan, tetapi dilarang berbuat demikian. Hadir dalam konsert yang menghibur di Blok 'C'. Persembahan kumpulan J. L. Woods paling menarik. Woods ialah seorang bekas peguam di Ipoh yang amat saya kenali.
  - 6 Bekerja dobi seperti biasa. Baca *Some Experience of New Guinea Magistrate* karya Monckton. Mendapat 17 batang cerut dan 13 batang rokok dan saya memberikannya kepada Shaw, Meade dan Neilson dari Jabatan Pelajaran kerana saya bukan seorang perokok. *Changi Guardian* memuat sebuah kisah serangan Jepun di Kedah pada awal-awal peperangan dengan menyebut usaha menyelamatkan orang Eropah di Langkawi. Barangkali hal yang sama kami temui di Bagan Datoh pada akhir bulan Disember 1941. Bekalan makanan yang dibawa kali ini bermutu baik. Churchill dilaporkan berkata bahawa kemungkinan besar perayaan Krismas tahun hadapan bagi penduduk Tanah Melayu dapat merayakannya di rumah masing-masing. Hadir dalam Kuiz Pengetahuan Am di Halaman 'B'.
  - 7 Mendapat kebenaran membeli ikan dua kali seminggu dari nelayan di Kampung Changi. Ada khabar angin yang mengatakan Orang Tawanan Perang British akan dihantar ke Saigon dari Singapura. Gabenor telah dipindahkan dari bilik kurungannya di Blok Dapur ke sebuah bilik di anjung masuk. Cerita angin menyebutkan beliau dilarang menerima pelawat atau melakukan riadah. Ceramah "Insurans Nyawa dan Aktuari" oleh Robinson dari Great Eastern Life Assurance Co. W.H. Green meninggal dunia.

- 8 Hari jadi John yang ke-33. Lagi cerita pertukaran orang tahanan dikatakan datangnya dari Ketua Pegawai Polis Jepun. Satu naskhah *Changi Guardian* tertampal di papan kenyataan, mengandungi satu rencana oleh Wade tentang "Tugas Perkhidmatan Perubatan Tambahan di Singapura". Mendapatkan arahan bekerja di dapur dengan Sir Harry Trusted. Buat kali pertama saya bekerja di sini. Berpeluang bercakap dengan R.O. Jenkins, agensi pelawat yang boleh bertutur bahasa Welsh. Jawatankuasa Kem membuat bantahan dengan berjalan beramai-ramai menemui Komandan Jepun kerana keengganannya memanjangkan surat bantahan yang mengenai pengurangan ketat ke atas Gabenor.
- 9 Ada laporan menyatakan Mussolini diganti oleh Putera Umberto di Itali. Jepun dikatakan mengalami kekalahan teruk dalam pertempuran laut dekat Kepulauan Solomon. Menonton konsert persembahan Blok 'D'. Mendengar lagu-lagu menela seorang bernama Bisseker yang berlepas lari sebelum menyerah kalah dan juga tulisan sindiran yang mengenainya pada "Tembok Keluhan".
- 10 Nampaknya Jawatankuasa Kem menghantar sepucuk surat bantahan kepada Pemerintah Tertinggi mengenai pengurangan Gabenor di bilik senjata. British dilaporkan menduduki Madagaskar. Ketika menjalankan tugas dobi, kelihatan ramai orang tawanan sedang mandi hujan. Saya ternampak pada badan mereka yang berbogel tanda kekurangan zat makanan. Keadaan mereka jelas semuanya serupa yang sudah pasti mereka kurang senang melihatnya. Sebahagian kulitnya kendur dan lembik yang hodoh. Baca *Erewhon* dan *Erewhon Revisited* Samuel Butler. Sebanyak 800 guni beras dibawa masuk cukup untuk selama 100 hari, 8 guni sehari. Purata penghuni blok kini seperti berikut: 'B' 650, 'C' 680, 'D' 670, Hospital 45, Wanita 350, Kanak-kanak 50, Bayi 6. Ada laporan yang mengatakan semua orang Nasrani akan dibebaskan.
- 11 Dilaporkan, ketika masih di Katong, seorang wanita, ibu kepada Puan R. membunuh diri dengan terjun melalui tingkap tingkat atas. Saya juga mendengar kisah yang terperinci bagaimana Kolonel Kaito mencaci orang awam pada mulanya di Raffles Hotel pada 17 Februari dan kemudian di Katong. Dia menempeleng Evans, pegawai undang-undang yang bertugas

dengan Mahkamah Tinggi Singapura, bahkan dia memberitahu orang-orang tahanan bahawa mereka akan ditembak sekiranya enggan mematuhi arahan. Dia mengatakan kesemua orang tahanan yang memulakan perang dan mereka telah menyebabkan beberapa orang tawanan Jepun mati kebuluran di dalam Penjara Changi; Amerika membunuh Jepun beramai-ramai: 600 orang di tempat lain. Cerita sebenarnya adalah seperti berikut: 27 orang Jepun didapati berada di dalam Penjara Changi ketika tentera Jepun tiba. Mereka menyerah diri kepada British selepas orang Jepun lainnya diangkut ke India. Mereka ditempatkan di situ untuk keselamatan sementara menunggu kapal tiba untuk membawa mereka ke India. Mereka diberi makan yang cukup dan kain selimut sebagai persiapan untuk belayar ke India. Suami isteri dapat bertemu selalu antara satu dengan lain dengan menyusun jadual mengangkut sampah dari Blok Wanita, iaitu bakul sampah akan diangkut oleh isteri dan diserahkan kepada suami masing-masing untuk mengosongkan bakul sampah di tempat buangan dan mengembalikannya. Cara begini sekurang-kurangnya dapatlah mereka berjumpa dan kadang-kadang dapat berbual-bual.

- 12 Kriket dapat dimainkan di halaman riadah pada waktu petang dari jam 3 hingga 5.15 petang, dan yang kerap bermain ialah budak *Empress of Asia*. Berbual-bual dengan Sir Harry Trusted. Dia kenal Puan Wakefield, isteri kepada W.W. Wakefield, yang datang dari Neath. Dia selalu pergi memancing di Newcastle Emlyn, Wales. Sir Harry Trusted mengambil berat dalam pengagihan makanan secara adil di tingkat kami dan membantu memberi sirap, nanas dan pada hari ini, puding buah *plum!* Leftenan Okasaki memberitahu Jawatankuasa Kem bahawa Gabenor sedang "ditahan berasingan" tetapi "bukan satu hukuman" dan dilayan dengan baik. Soalan sama ada beliau boleh menerima pelawat akan dipertimbangkan. Sebab dia dikurung berasingan masih menjadi tanda tanya dan tidak pernah dijelaskan.
- 13 Beli sebotol minyak ikan. Sehingga hari ini genap tiga minggu berada di dalam penjara. Baca *Life of Dickens* karya Forster. Berjumpa Dr. Cecil Wilson, yang sudah berada di hospital selama lima minggu kerana masalah kulit kepala dan kini

- sudah sembuh. *Changi Guardian* memuat sebuah rencana *The Civil Side of Preparations at the time the Jap Attack on Kelantan* oleh Innes Miller.
- 14 Pegawai Pemerintah Tertinggi melawat kami.<sup>100</sup> Tindakan bergelap dijalankan pada malam ini buat pertama kali, tanpa diketahui sebabnya. Saya menghidap ruam kulit yang mudah berjangkit pada leher dan muka, barangkali, kerana panas dan makanan yang kurang bermutu. C.C. Brown memberi ceramah bertajuk "Singapura ke England dalam Masa Empat Bulan".
  - 15 Carl Lawson, bekas seorang pelakon, dilaporkan menjadi juruhebah dari Stesen Radio Jepun di Singapura. Garcia, teman sebilik saya, dibenarkan melawat ibunya, yang kini balu, ditahan di Blok 'A'. Redfearn, 64 tahun, saudara kepada pelatih kuda terkenal, mati kerana diserang penyakit jantung. Juga, Rogers, 67 tahun, seorang pemborong Singapura.
  - 16 Hari ini kami dibenarkan menggunakan saluran paip bomba untuk membersihkan lantai tempat dobi. Sepucuk surat yang bertanya keadaan Gabenor yang dikurung berasingan diserahkan kepada Pemerintah Tertinggi. Menonton konsert di Blok 'B' pada pukul 7.00 malam. Makan malam dipercepatkan pada pukul 6.00 petang. Lagu-lagu *Rule, Britannia* dan *God Save the King* dinyanyikan. Diberitahu bahawa Paxton-Harding terbunuh dalam pertempuran pada 13 Februari. Dia dikenali sebagai pemain ragbi dan kerjanya sebagai peladang. Diberitakan seramai 3000 Orang Tawanan Perang Australia dibawa keluar, berselimut baju tebal, dan Jepun sedang menambun guni-guni pasir merintang beberapa tempat dalam Singapura sebagai persiapan berlindung daripada serangan udara. Tin-

---

100 Lawatan pegawai dari Pemerintah Tertinggi Jepun dilakukan sekali-sekala, terutama ke Changi, sesungguhnya saya belum pernah bertembung dengan mereka itu. Kadang-kadang contoh makanan harian kami yang tidak mencukupi itu dipamerkan di dapur untuk diteliti. Mungkin pelawat-pelawat kurang senang dengan cara begitu, tetapi hasilnya memberi kesan. Pada suatu masa pula apabila pegawai tertinggi tentera laut melawat kami (ketika itu kami dengar Jepun mengalami kalah teruk di laut), ada setengah orang tawanan yang membuta tuli berteriak: "Mana kapal!" dalam bahasa Melayu. Mujur tiada seorang daripada yang mendengar kata-kata itu atau tidak faham bahasa Melayu sekalipun mereka terdengar ungkapan itu. Sekiranya difahami, ini merupakan penghinaan yang mungkin disusuli dengan hukuman yang setimpal.

dakan bergelap yang dimulakan pada 14 Mei itu diteruskan. Verice, sejenis campuran dibuat sendiri oleh seorang amatir dari New York, untuk menyembuh ruam berjangkit yang saya hidapi, dan ada tanda-tanda sembuh.

- 17 Air kurang di bilik dobi hari ini. Satu daripada pam air dari menara tangki air di hadapan pintu pagar sedang diperbaiki. Akibat daripada kerosakan ini, hanya dua kali makan dapat diadakan oleh pihak dapur. Khabar angin, pergerakan tentera dari Singapura ke Jawa. Buat pertama kali *pie* dihidangkan sebagai pengganti makanan yang tidak dapat diadakan. Bekalan 13 batang rokok percuma diedarkan. Mereka yang bekerja di luar diberi hadiah 9 tin makanan dalam tin, di samping makan biasa, apabila diarahkan mengangkut barang-barang ke rumah pegawai-pegawai Jepun. Lumayan! Komandan Jepun membuat lawatan mengejut ke blok kami.
- 18 Oleh sebab mereka yang berusia lebih daripada 50 tahun dikesualikan daripada tugas, hanya separuh sahaja penghuni tingkat kami dapat menjalankan kerja dengan aktif dan telah menimbulkan sedikit tuduh-menuduh. Mereka yang berumur itu termasuklah Kapten Palmer dari Collier Oscar II; De Muth, peguam Singapura; Davis, pengurus kedai buku Kelly dan Walsh; Roeper, jurujual mengembara bagi pil Dr. William dan R.L. German, terkenal kerana mengutip puntung rokok.

Mereka yang bekerja di luar tidak lagi begitu istimewa semenjak dibataskan pengambilan barang. Ada empat pasukan pekerja yang membawa makanan setiap hari dan seramai 44 orang dan enam kumpulan petugas yang pergi ke Singapura secara bergilir dipilih dari setiap blok untuk selama 10 hari. Petugas di sekitar penjara disuruh mengangkut kayu api, sama ada mengangkutnya dengan lori tanpa enjin atau dengan kereta sorong dari kebun getah yang berdekatan. Mereka juga disuruh meratakan tin yang telah dibakar dalam relau kemudian dihimpun untuk dieksport ke Jepun sebagai besi serpihan. Mereka juga mengisar beras untuk membuat roti, mencuci serambi, halaman hadapan dan bilik pengawal malah "Tembok Keluhan". Ada kumpulan petugas tetap yang kerjanya menebang pokok untuk kayu api yang digunakan di dapur, kerja dobi harian, menanam sayur di kebun sayur, bertugas di hospital dan perkhidmatan lain di perpustakaan, be-

kalan air dan elektrik. Ada juga pekerja menjalankan kerja tukang kayu, timah dan kedai baiki kasut.<sup>101</sup> Leftenan Okasaki berjanji membaiki keadaan tempat penginapan kami sekarang dan kerana itu dia telah memindahkan pejabatnya ke anjung hadapan. Pada masa akan datang semua "soalan" hendaklah ditujukan kepadanya sebagai orang No. 1 bukan kepada orang No. 2, Leftenan Okuda. Berbual-bual dalam bahasa Welsh dengan D.R. Swaine, Osborne Jones dan R.O. Jenkins.

- 19 Beberapa orang cuba memasukkan bahan perasa ke dalam kanji. Mereka mengukur kelapa dengan menggunakan alat yang diperbuat daripada tin. Kelapa yang dikukur itu diletakkan di atas sapu tangan kemudian diikat dan memerahnya untuk mengeluarkan santan dan dimasukkan sedikit air sebelum dituang ke dalam kanji. Kami dapat membeli beberapa bahan tertentu dari kedai kem terletak dekat dapur, seperti pisau cukur, sabun, ubat gigi, krim bercukur, bromo (bahan foto), minyak rambut dan minyak ikan. Mana-mana bekalan bahan yang kurang, bahan yang ada hendaklah dibahagi secara undi antara blok. Komandan Jepun enggan menambah bekalan garam harian sebanyak 5 gram walaupun berkali-kali Jawatankuasa Kem membuat permohonan. Dr. Evans, yang tinggal di Pulau Pinang, datang ke mari dan membawa berita mengenai tempatnya. Seorang tokoh tempatan, Balfour Ross, mati di dalam penjara Pulau Pinang akibat beras dan air yang dibekal kepadanya. Dia tinggal di sana untuk menjaga kakaknya yang lumpuh. Pulau Pinang sudah pulih seperti sediakala, semua jambatan sudah dibaiki dan segala parut perang serta tempat kena bom dikambus; cuma kekurangan lalulintas yang amat nyata. Jepun mencadangkan supaya kami mengeringkan air laut untuk menambah bekalan garam. Pemerintah Tertinggi melawat kami lagi dan keadaan bergelap sekali lagi dikenakan. Langkah keselamatan daripada serangan udara sedang diatur di Singapura. Ada laporan bahawa Rusia telah mengambil semula Kharkov dan Jepun telah kehilangan 27 buah kapal dan kira-kira 30 - 40 orangnya

---

101 Tambahan kepada tugas harian, tukang kayu membuat bekas makanan daripada kayu, juga bangku dan kerusi; tukang logam timah membuat bekas minum yang bertangkai atau kukur diperbuat daripada tin lama dan tukang kasut membuat capal daripada getah tayar motokar.

ketika menyerang Ceylon lebih kurang sebulan dahulu.<sup>102</sup>

- 20 Hari ini genap sebulan berada di dalam penjara. Salah seorang daripada orang tahanan yang baharu masuk ke mari bernama Moore, diselamatkan selepas tiga hari dan tiga malam hanyut dengan rakit apabila kapalnya karam di Laut Jawa. Seorang gadis Melayu dalam rakit itu juga terselamat tetapi seorang serdadu Australia maut sebelum dapat diselamatkan. Bisseker dan yang lain berlepas lari dengan kapal pengangkut Belanda. Kapal itu kemudiannya terkandas di sebuah pulau, dan akhirnya selamat tiba di Sumatera. Seorang lagi bernama Solomon dan yang lain belayar dari Padang di pantai barat Sumatera dengan sebuah perahu Melayu. Mereka belayar sejauh 300 batu dalam perjalanan ke Colombo tetapi telah ditangkap dan dibawa balik ke Singapura dengan sebuah kapal minyak Jepun. Beberapa orang penghuni Blok 'B' bermain badminton dan bertinju di halaman kami. Lagi lawatan pegawai Jepun dan Leftenan Okasaki memberi piano; setiap blok mendapat sebuah. Dr. Evans yang baharu tiba mengatakan Pulau Pinang dua kali terkena bom yang paling banyak selepas pemindahan orang Eropah dan ramai cedera apabila bom jatuh ke atas deretan rumah buruh.
- 21 Gabenor dilaporkan sihat dan dibenarkan riadah tetapi tanpa pelawat. Khabar angin serangan udara di Katong, Seletar, Pulau Pinang dan beberapa tempat lainnya barangkali tidak tepat. Laporan lain mengatakan 50 buah "Kubu Terbang" mengebom Tokyo dan Jerman kehilangan 175 000 orang apabila Kharkov ditawan semula.
- 22 Garcia, teman sebilik, menjumpai pijat dalam tikar alas tidur. Dilaporkan serangan udara yang hebat di Mannheim. *Changi Guardian* memuat rencana tentang peranan yang dimainkan oleh Mahkamah Tinggi dalam masa perang. Seorang dua sudah mendapati cara "kedua" di kaki tangga blok. Mendahului barisan giliran ialah Hakim Sir Percy McElwaine<sup>103</sup> dan
- 102 Kebanyakan laporan dan khabar angin yang sampai kepada kami adalah tidak tepat. Berita BBC yang diterima sering berselindung di bawah "khabar angin" atau "laporan" yang terdapat dalam akhbar tempatan, tetapi sukar dikatakan sama ada benar atau tidak. Fakta sebenar serangan Jepun di Ceylon pada bulan April 1942, lihat Lampiran A.
- 103 Sir Percy telah menjadi tidak popular ketika mula-mula orang tahanan tiba ke mari kerana telahannya bahawa dia akan berada di sini selama 5 tahun. Sekiranya tiada bom atom, ramalannya mungkin juga tepat.



Hakim Murray Aynsley.

- 23 Kematian North-Hunt, 48 tahun, seorang pegawai MCS, kerana diserang penyakit jantung. Satu lagi percubaan untuk membeli ikan segar di luar dua kali seminggu. Pijat dijumpai di kesemua bilik kurungan tingkat kami. Pegawai kastam dan pegawai kawalan makanan dengan isteri masing-masing dibawa masuk hari ini, dan yang tinggal lagi di Rumah Kastam ialah Auten, Foster, Holland, Wilbraham dan Salter. Dua nama yang terakhir dipaksa oleh Jepun bekerja dalam Kilang Proses Candu. Seorang bekas pegawai kastam bernama Russel, yang masuk berkhidmat dengan Askar Melayu, terbunuh dalam pertempuran di Pasir Panjang. Yang lain pula menyertai Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut (R.N.V.R.) mungkin hilang dalam pelayaran ke Jawa.
- 24 Rusia dilaporkan sedang mengasak ke arah selatan dari Kharkov. Pengawal-pengawal Jepun dilaporkan menjual lagi rokok di halaman. Pertandingan kriket, FMS melawan *Colony*, masing-masing diketuai oleh Dr. Hopkins dan McNamara (Polis), kedua-duanya amat terkenal dalam permainan kriket ketika aman dahulu.
- 25 Kumpulan pemungut kayu api sekali lagi membeli barang-barang di luar dengan izin pengawal. *Changi Guardian* memuat sebuah rencana ditulis oleh H.R. Cheeseman mengenai tugas budak pengakap dalam masa perang. Ibu kepada Del Tufo pura-pura pitam di halaman. Ini helah untuk membolehkan dia melawat anak lelakinya. Serdadu Orang Tawanan Perang dilaporkan bebas merayau di bandar Singapura tanpa pengawal dan boleh membeli barang di kedai asalkan tidak merompak.
- 26 Hari ini Gabenor dibebaskan setelah menjalani pengurangan bersendirian selama 18 hari dan ditempatkan di *Hudson Bay* (nama diberi sempena nama seorang tawanan). Ada cadangan memelihara ayam di kawasan terbiar dan diberi makan nasi basi. Hari ini kami dapat makan sup sayur dan cukup sedap dengan daging cincang tetapi tiada nasi! Kerana begitu sedap, maka ramai berasa lapar semula tidak lama kemudian. Beck, ketua 200 orang anggota Polis Kem, meletak jawatan atas alasan kesihatan. Kelapa kini dibawa masuk selang sehari dan dijual dengan harga 10 sen sebiji, tambahan yang dialu-alukan

- untuk makanan kami yang kurang bermutu. Ada berita angin yang nampaknya berita palsu bahawa angkatan laut Perancis di Dakar telah menyertai Tentera Bersekutu kerana Jerman membunuh 1000 orang tebusan Perancis secara beramai-ramai. Lagi berita palsu tentang kejatuhan Malta. Kalau boleh, penyebar berita palsu ini hendaklah dikesan dan dihukum.
- 27 Leftenan Okasaki hadir di konsert yang diadakan di halaman untuk kaum wanita dan beliau membenarkan lagu *God Save the King* dinyanyikan setelah dia meninggalkan majlis. FMS menang dalam pertandingan kriket menentang *Colony*. Sydney Dant dari Pitmans, yang baharu sampai, menyebut perkataan demi perkataan yang mengenai ucapan Churchill pada 10 Mei, yang dikutipnya secara trengkas. Bercakap bahasa Welsh dengan T.J. Thomas dan R.O. Jenkins.
- 28 Pentadbiran Kem disusun semula oleh Leftenan Okasaki. Mejar Jeneral Macrae, bekas anggota Palang Merah, dilantik oleh Jepun sebagai Wakil Kem kami dan jawatankuasa yang baharu dilantik mengandungi wakil dari Blok B, C, D dengan E mewakili dapur dan lain-lainnya. Jeneral Macrae mempunyai undi penentu dalam kebanyakan keputusan. *Changi Guardian* memuat sebuah rencana oleh Dawson, Setiausaha Pertahanan, tentang penghidupan di Wisma Kerajaan pada hari terakhir terkepung. Akibat bedilan meriam, Gabenor berpindah ke sebuah bilik di Singapore Club di dalam Bangunan Fullerton. Catuan Jepun iaitu daging, tepung, garam, beras, sayur segar (seperti keledek, labu dan labu air), gula, minyak sapi dan juga 35 000 batang rokok dibawa masuk setiap 10 hari sekali. Kacang juga dibekalkan kadang-kadang sebagai tambahan.

Tiap-tiap hari ada seorang dua doktor yang bertugas untuk kes-kes kecil pada waktu yang ditetapkan. Hospital wanita berpindah ke Blok Wanita (A) dan ini telah menyekat peluang suami isteri berjumpa selalu. Sebaliknya, melegakan masalah penginapan yang kian bertambah dengan kemasukan ramai anggota Perancis Bebas, termasuk Dillon-Corneck, dari Ipoh. Jepun dilaporkan berkata bahawa anggota Perancis Bebas akan dihantar ke Saigon untuk dibicarakan apabila ada kapal. Khabar angin yang mengisahkan seorang peguam tempatan dibunuh oleh komunis kerana sokongannya kepada

Jepun. Dia khabarnya menolong memungut pinjaman secara paksa oleh Jepun daripada masyarakat Cina, menerima penghargaannya Jepun, dan menyokong pembelian simen Jepun dalam masa dia menjadi ahli majlis mesyuarat dalam masa aman.

- 29 Ferguson, bekas jurutera JKR di Muar, Johor, menceritakan bagaimana ketika dia disangkutkan kepada pasukan jurutera Madras dan tentera Australia di selatan Muar dalam masa perang. Dia mendapat cedera di punggung dan dirawat oleh seorang Melayu di Batu Pahat selama dua bulan. Dia menyerahkan diri kepada Jepun dan dijadikan seorang pelayan peribadi kepada seorang jeneral Jepun. Dia menceritakan bagaimana kereta kebal Jepun menyeberangi Sungai Muar dengan menggunakan kepingan besi waja yang diikat merentangi dari tebing ke tebing. Jepun memotong leher askar kami yang cedera dan menembak askar mereka yang cedera. Keluarga seorang tauke Cina, yang menyokong tabung perang kami, dibunuh dan ditanam, sedangkan anak-anaknya masih hidup. Enam orang tawanan bangsa Australia diperintahkan memanjat pokok kelapa dan kemudian ditembak. Seorang juruterbang bangsa Amerika, tertawan di Batu Pahat, diikat dan dicampak ke dalam sungai lalu lemas. Ferguson dengan terpaksa menyertai 4 kali temasya minum-minum kerana merayakan "kemenangan" dan ini menjadi amat bahaya apabila seorang pengawal dengan benet terhunus menyertai minum-minum itu dan mabuk.

Ramai yang jatuh sakit akibat memakan daging yang disimpan terlalu lama. Sydney Dant membaca ucapan Churchill ditulis secara trengkas di tingkat kami. Dia mendengar ucapan ini di Singapura sebelum dia ditahan.

- 30 Foster, seorang peladang dari Selangor dan anggota keluarga yang terkenal dalam permainan kriket di Worcestershire, menggantikan Beck sebagai Ketua Polis Kem. Pemerintah Tertinggi telah diminta untuk mengurangkan masalah kesesakan bilik penginapan dengan membenarkan kami menggunakan ruang jalan yang selari di antara dua tembok yang mengelilingi penjara. Kami berjanji tidak cuba berlepas lari, menggunakan padang di luar tembok. Mereka juga mencadangkan orang-orang tua dibenarkan tinggal di rumah Pengawal Penjara yang juga di luar tembok.

Hari ini, saya berpeluang berbual dengan beberapa orang paderi Belanda yang dibawa dari Kepulauan Karimun dekat pantai Singapura. Mereka pada mulanya dipenjarakan di Bangunan Globe, Singapura. Jepun sangat berang apabila mendapati stesen wayarles di pulau itu telah dimusnahkan oleh Belanda. Pihak berkuasa tentera British di Berek Changi minta pinjam kepada kami sebanyak \$100 000.00 untuk membeli keperluan hospital dan perubatan bagi mana-mana kem tawanan perang. Hadir dalam Konsert Varia di Blok 'D'. Bintang pada malam itu ialah Gurney, sebagai seorang wanita sundal tua, dan "Barrels" Roberts. Persembahan jenaka biasa tentang cubaan berlepas lari seperti Bisseker dan Bagnall yang dikenali dengan gelaran yang dikaitkan dengan tandas yang dinamakan semula "The Pisseker" dan "The Bognall". Dua orang peladang meninggal dunia, A.N. Wyld, 54 tahun, dan A.B. Kinsey, 64 tahun.

- 31 Dilaporkan serangan mengejut ke atas Berlin tetapi tidak seorang yang tahu sama ada berita itu benar atau tidak. Jarret, bekas Residen Selangor, membuat sepasang seluar yang sesuai daripada tiga helai kain pencuci pinggan mangkuk. Hujan lebat menyebabkan air meresap masuk melalui dinding bilik kurungan. Seramai 37 orang tahanan Serani sudah dibebaskan.

### *Jun*

- 1 Tukang logam timah berpindah ke kebun sayur. Di sana mereka membina sebuah bangsal baharu. Berbagai-bagai cara untuk membolehkan perhubungan tidak rasmi dengan Blok Wanita dikekalkan. Ini termasuk sebatang tangga disandarkan pada tembok pada waktu malam, mencampak bola tenis ke seberang sana tembok, menyusupkan nota-nota melalui kisi-kisi parit, bot kertas melalui "Tembok Keluhan", pesanan melalui Polis Kem, kumpulan petugas yang bekerja di Blok 'A' dan dalam masa pertunjukan konsert yang diadakan khas untuk wanita di halaman. Nampaknya, ada tahanan dalam kem ini menerima bungkusan dari penghuni Hospital Miyako.

Para pesakit boleh memesan apa juga barang yang mereka suka dari Singapura dan kawan-kawan mereka di luar dibenarkan membawa buah tangan ke hospital tanpa sekatan. Dr. Hopkin memberitahu saya, ketika dalam perjalanannya ke

- Pulau St. John, seminggu selepas kekalahan, dia nampak Jepun menghamban orang-orang Cina dalam beberapa kelompok ke alam laut dari atas tongkang besar dan kemudian menembak mereka dengan mesingan.<sup>104</sup> Empat orang Cina dalam satu kelompok dengan tangan diikat ke belakang. Langkah bergelap dikendurkan dan lampu kini dipadamkan pada pukul 10.00 malam, tidak lagi 8.30 malam. Dilaporkan serangan hebat ke atas Cologne oleh 1200 buah kapal terbang; 3000 tan bom telah digugurkan menjadikan bandar itu padang jarak padang tekukur. Seorang pengawal dikatakan menjual barang dapur pada jam 1.00 pagi. Dua tan keju dibawa masuk oleh pasukan petugas blok.
- 2 Saya masih meneruskan tugas di tempat dobi. Dianggarkan Jawatankuasa Kem membelanjakan sebanyak \$18 000.00 sebulan untuk mendapat makanan tambahan, terutama makanan dalam tin, purata 22 sen seorang sehari. Seramai 12 orang tua lelaki ditempatkan di Blok Hospital baharu yang kini kosong. Jerman dikatakan menderita kekalahan seramai 20 000 terbunuh dan 40 000 cedera dalam serangan ke atas Cologne. Berbual dengan Osborne-Jones dan R.O. Jenkins dalam bahasa Welsh. Dua orang lagi mati: Gray, peladang dari Kajang, 54 tahun, dan Durand, 37 tahun, pembantu kepada Dawson, Setiausaha Pertahanan.
  - 3 Jepun dikatakan kehilangan sebanyak 87 buah kapal pelbagai jenis dan 130 000 orang tentera dalam satu pertempuran di Laut Coral. Langkah bergelap diadakan semula. Statistik lengkap hingga 29 April seperti berikut: lelaki 2361, wanita 369, kanak-kanak 61, jumlah 2791. Rakyat British 2255 (mengan-dungi Inggeris 1887, Scottish 487, Irish 136, dan Welsh 45). Purata umur bagi lelaki 44 tahun (68% melebihi 40 dan cuma 9% di bawah 30) dan purata umur wanita ialah 42 tahun. Bagaimanapun, hari ini, yang baharu tiba, tolak Serani yang dibebaskan, angka telah berkurangan menjadi 2784 orang. Se-

104 Telah diketahui umum bahawa beribu-ribu orang Cina dibunuh tidak lama selepas kekalahan. Ceritanya ialah bagaimana anti-Jepun di tengah masyarakat didedahkan oleh penyampai maklumat yang berselubung muka guna mengelak dikenali oleh mangsa yang malang. Mereka yang dipilih untuk dihapuskan akan diangkut dengan lori dan tidak akan dilihat lagi. Sedikit yang terlepas lari dengan berpura-pura mati, dan hidup untuk menceritakan kisah ini.

- suatu yang menarik ialah penjara ini pada mulanya dibina untuk menampung seramai 500 orang banduan.
- 4 Hunter, teman sebilik, membeli dua tin susu berharga \$1.25 ketika keluar bertugas memungut kayu dan pengawal menjual lagi barang di dapur waktu bergelap malam tadi. Sebanyak 1000 buah kapal terbang dilaporkan menyerang Essen. Enam orang jurutera awam dipanggil bekerja di luar kem untuk Jepun di Singapura.
  - 5 Buat pertama kali saya bertugas di bahagian makan, membantu menghidang makanan. Sir Percy McElwaine memberitahu saya bahawa dia adalah keluarga jauh C.C. Brown, pernah menjadi Residen British Pahang dan pernah bermain dengan saya dalam pasukan Ragbi Cambridge Rugger Blue tahun 1924. Seterusnya dia memberitahu bahawa bapanya kenal Strand Jones, sepupu bapa saya, pemain ragbi yang masyhur di bahagian pertahanan. Sebanyak 300 buah kapal terbang dikatakan menyerang Bremen. Heydrick yang digelar "Penyembelih Prague" telah terbunuh.
  - 6 Skala Catuan Jepun untuk seorang pada sehari untuk orang tahanan British adalah seperti berikut: beras 500 gram ( $17\frac{1}{2}$  auns), tepung 50 gram ( $1\frac{3}{4}$  auns), susu 15 gram ( $\frac{1}{2}$  auns), gula 20 gram ( $\frac{7}{10}$  auns), teh 5 gram ( $\frac{1}{6}$  auns), garam 5 gram ( $\frac{1}{6}$  auns); juga, apabila ada, daging dalam tin 10 gram ( $\frac{7}{20}$  auns), sayur 100 gram ( $3\frac{1}{2}$  auns), minyak masak ( $\frac{1}{6}$  auns), rokok 40 batang sebulan untuk seorang. Jepun sekali lagi diminta mengatur perjumpaan antara suami isteri. Langkah diambil untuk menyimpan rekod lengkap mengenai si mati di dalam kem dan mengurus harta. Hari ini kami menerima telur buat kali kesembilan dalam masa tiga bulan.
  - 7 Satu tin susu pekat dibuka untuk merayakan hari jadi Hunter yang ke-38. Fred Bailey, salah seorang "Budak Asia", tinggal di sebelah bilik saya dan tukang gunting bagi tingkat kami, telah memenangi hadiah menyapu dapur. Terdengar sebuah cerita bahawa Naib Laksamana Udara Pulford dan enam orang lagi telah mati kebuluran di sebuah pulau tanpa penghuni. Dalam perjalanan ke Jawa, kapal mereka ditenggelami oleh sebuah kapal pembinasakan Jepun dan mereka mencari perlindungan di sebuah pulau. Kemudian kira-kira 18 orang yang

terselamat dibawa ke Singapura.<sup>105</sup> Ada konsert di Halaman 'B' dan beberapa kisah lucu dilahirkan dengan Cronin, seorang kakitangan dapur, menjadi bahan tertawa, dan juga Hackworthy, pemotong kayu terkenal sebagai "ketua pembelit". Pasukan koral J.L. Woods menyanyi lagu-lagu Latin dan Inggeris Tua hingga masuk waktu bergelap. R. Don, 64 tahun, meninggal dunia.

- 8 Seorang bayi Eropah berusia dua bulan mati di Blok Wanita. Ada laporan tentang serangan hebat Jerman di Libya dapat dipatahkan dan 14 buah kapal Jepun karam atau binasa dekat Pulau Midway. Paderi Bennitt menceritakan "Pengalaman di dalam Kubu di Katong Semasa Perang" dalam *Changi Guardian*. Sejumlah 1000 buah buku sumbangan orang Cina Singapura telah dibawa masuk melalui jasa baik Pertubuhan Penyelamat (Salvation Army). Lagi khabar angin tentang pertukaran tawanan.
- 9 Seorang pegawai tentera laut yang baharu dimasukkan ke kem Orang Tawanan Perang di Changi dari hospital Palembang, menyatakan ada satu senarai lengkap orang tawanan di sana. Kadang-kadang kami dapat berita yang dicampakkan oleh sukarelawan dari lori yang lalu dekat situ. Herr Spitz, bekas Gabenor Sumatera, masih dikurung berasingan di anjung hadapan. Sudah tiga bulan dia berada di sini. Jepun mengharamkan tepukan semasa Konsert *Varia Hudson Bay* kerana terlalu bising. Ambil bahagian dalam Kuiz Pengetahuan Am di antara tingkat BIII dengan pasukan Dewan makan B. Mereka mendapat 40 mata dan BIII 39 mata (saya menyumbang sebanyak 17 mata). Laporan pendaratan Jeneral McArthur di Pulau Timor, dan orang tawanan yang melebihi 60 tahun dan disahkan tidak sihat mungkin dibebaskan. Berbual dalam

---

105 Naib Laksamana Udara Pulford dan Laksamana Madya Spooner, keduanya memerintah pasukan udara dan laut kami, telah terkorban dalam peristiwa itu. Pada 15 Februari, kapal mereka dibawa ke darat dan dibuka enjinnya oleh pasukan pendarat Jepun di sebuah pulau kecil tanpa penghuni, 20 batu dari Bangka. Sementara itu seorang pegawai muda New Zealand belayar ke Jawa dengan sebuah perahu anak negeri untuk mendapatkan bantuan pada 27 Februari. Sebuah kapal terbang dihantar untuk menyelamatkan 45 orang yang hanyut, tetapi malangnya gagal menemui setelah mencari selama dua atau tiga bulan, mereka cukup menderita kebuluran. Akhirnya, pada 14 Mei, beberapa orang yang masih hidup selamat tiba ke Sumatera lalu menyerah diri kepada Jepun.

bahasa Welsh dengan Trevor Hughes (MCS), T.J. Thomas, saudara saya J.S.A. Lewis (Kastam).

- 10 Pameran barang buatan dalam kem seperti bangku, kerusi, kukur kelapa dan sebagainya di Hudson Bay. Khabar angin yang terbaharu ialah orang tawanan di bawah 60 tahun juga ditimbang untuk bebas dalam negeri ini sekiranya mereka disahkan tidak sihat. Sekiranya mereka enggan keluar, Leftenan Okuda mencadangkan, seorang pengawal dengan benet terhunus sudah cukup untuk menghalau mereka keluar. Pertandingan tinju diadakan di Blok 'B' oleh orang-orang muda.
- 11 Hari ini ialah Hari Keputeraan King dan untuk merayakannya kami menerima tambahan sosej untuk makan tengah hari dan puding palma untuk makan petang. Ada konsert istimewa di Blok 'D'. Lagi laporan serangan 1000 buah kapal terbang ke atas Emden, Timor tertawan dan 75 000 orang Jerman mendapat cedera akibat serangan udara di Cologne. Konsert Blok 'D' khas mengandungi lagu-lagu pop dan patriotik mencakupi keseluruhan Zaman George VI daripada Perang Boer hingga kini. Kami dengar masih ada yang ditahan di dalam penjara Pulau Pinang – Paderi Scot dari Butterworth, Mejar Harvey dari Pertubuhan Penyelamat, E.V. Thomson, akauntan Evatt & Co. dan Macgill dan Lewis serta dua orang pelatih kuda. Minyak kelapa sawit yang kaya dengan vitamin A diberi tiap-tiap hari kepada semua penghuni.
- 12 Baca *Special Undeclared War* (di antara China dengan Jepun) Frank Oliver. Dilaporkan bahawa limbungan Singapura dibom jam 11.30 malam tadi tetapi kami tidak mendengarnya.
- 13 Sebanyak 36 buah kapal Jepun dilaporkan tenggelam atau binasa dekat Pulau Midway. Kerana kekurangan tepung, pada masa akan datang kami hanya menerima roti seberat 3 auns selang sehari. Leftenan Okasaki "fikir" bahawa senarai nama orang tawanan telah dikirim ke Tokyo. Dia tidak puas hati kerana kotor di serambi dan ada orang main judi dengan kad semasa lawatan pegawai-pegawai tinggi Jepun. Yang berikut telah mati: C. Farquharson, 49 tahun, seorang jurutera ladang; dan John Carbry, 25 tahun, pernah menjadi ahli bomba kapal dan tukang masak.



- 14 Jus limau segar, kaya dengan vitamin C, diberi setiap selang sehari, guna mengelak penyakit kulit.
- 15 Empat bulan sudah berlalu semenjak kekalahan. Leftenan Okasaki mengeluarkan satu lagi arahan/larangan membeli daripada pengawal dalam penjara dan penjaja di luar, juga memberhentikan catuan tembakau dan rokok. Dianggarkan sebanyak 15 buah kapal Jepun kini sudah tenggelam dalam dua pertempuran di Laut Coral dan Pulau Midway. Kegemaran terbaharu di lapangan riadah, teh dijerang di atas dapur buatan sendiri dengan dipasang corong panjang. Tukang kebun menanam banyak pokok betik dengan harapan mengeluarkan hasil dalam masa satu tahun. Blok hospital baharu dibuka, diberi nama Labrador, kerana bersebelahan dengan Hudson Bay. Bilik kurungan dalam kawasan ini dikenali sebagai "igloo".
- 16 Dapat roti seberat 1½ auns mulai esok. Wakil kami memberitahu bahawa hanya tinggal lagi \$9000.00 dalam Tabung Kem daripada jumlah asal pinjaman pertama sebanyak \$125 000.00. Namun kami masih ada makanan dalam tin dalam stor yang bernilai \$72 000.00. Rayuan dibuat untuk mengumpul lagi sebanyak \$50 000.00 untuk membeli barang sebelum kehabisan bekalan di Singapura. Berbual dalam bahasa Welsh dengan Osborne-Jones, Trevor Hughes dan T.J. Thomas.
- 17 Tawanan wanita diperintahkan membuat 5000 lencana untuk pakaian seragam askar Jepun dalam masa 20 hari selepas mereka enggan membuatnya secara sukarela dan beberapa "keistimewaan" telah ditarik balik. Minyak kelapa sawit, kaya dengan vitamin A, dikeluarkan buat pertama kali – satu sudu teh sehari seorang.
- 18 Pertandingan Tote (pertaruhan lumba) tiap-tiap hari dan kadang-kadang pertemuan lumba kuda, diadakan dalam dapur, satu peratus dipungut untuk Tabung Kem. Menyumbang \$50.00 sebagai pinjaman kepada Tabung Kem. Senarai sukarelawan di kem tentera untuk diketahui oleh kawan-kawan dan saudara mara dalam kem ini ada tertampal di papan kenyataan. Saya tidak tahu sama ada saudara saya G.E.D. Lewis, dalam kem tentera, tahu bahawa kedua-dua

saudaranya kini berada dalam kem ini dan tiada lagi di Rumah Kastam Singapura. Berita angin tentang pendaratan tentera British dan Amerika di Perancis ternyata tidak benar. Saya mula menyimpan tambahan makanan dan dimakan pada waktu petang kerana saya berasa amat lapar selepas itu.

- 19 Lagi rayuan dibuat kepada pihak Jepun untuk memindahkan orang tawanan di Penjara Pulau Pinang ke sini. Masih membeli daripada penjaja luar sekalipun dilarang dengan rasmi dan "Budak-budak Asia" yang membuat untung besar dengan menjualnya semula. Saya menghantar berita kepada saudara saya Gerwyn melalui saluran tidak rasmi,<sup>106</sup> dan harap dia akan menerimanya. Kami dibenarkan mengirim poskad kepada saudara-mara dan memaklumkan, tidak lebih daripada 10 baris, bahawa kami selamat, sihat dan gembira dalam kem sungguhpun kami berada dalam penjara.
- 20 Difahamkan bahawa orang tawanan Perancis Bebas akan dihantar ke Saigon minggu hadapan. Sementara itu seluruh kem sibuk memikirkan apakah yang hendak ditulis dalam poskad. John menaip berita untuk saya. Askar-askar dalam kem tentera yang berdekatan dikatakan bersemangat, sekalipun 3000 orang Australia telah berlepas ke "seberang laut", entah ke mana arah halanya.
- 21 Jurutera Perbandaran, masih bekerja luar di Singapura, melaporkan bahawa perasaan muhibah memang ditunjukkan oleh penduduk tempatan seperti meletakkan makanan dalam tin ke dalam motokar. Dalam perbualan dengan Ward, pegawai MCS; dia memberitahu bahawa Gabenor tidak dimaklumkan tentang tenatnya keadaan tentera, bahawa Sir Lewis Heath tidak percaya kepada Ashton, bekas Pegawai Daerah Teluk Anson, apabila dia mengatakan bahawa susah bagi Jepun untuk menyerang mereka dengan melalui "hutan yang tidak boleh ditembusi". Tentera kami, ketika berada di atas kapal, telah diberitahu selagi mereka mempertahankan pintu masuk

<sup>106</sup> Salah seorang yang bertanggungjawab menyampaikan berita ialah M.C.f. Sheppard (MCS). Malangnya dia ditangkap oleh pengawal Sikh dan diberi "layanan air" untuk memaksanya mendedahkan bagaimana dilakukannya. Saya menerima dua berita ketika di Changi, satu dari saudara saya G.E.D. Lewis, dan satu lagi dari teman saya Kapten David Lloyd, Batalion 2/30 A.I.F.

- 21 jalan laut, Jepun tidak boleh mara merentasi daratan kerana hutan "tidak boleh dilalui".
- 22 Baca *The Georgian Literary Scene* Frank Swinnerton. Hunter keluar menjalankan tugas memotong kayu dan saya dapat membeli dua tin susu, \$1.50 setin. Penjaja Cina masih terus menjual makanan kepada kami, tetapi berselindung dengan menyampaikan barang-barang yang telah dijualnya melalui bawah lantai rumahnya. Pengawal-pengawal menentang perniagaan itu kerana mereka akan rugi.
- 23 Dua orang tawanan yang sudah berumur baharu tiba dengan kereta api dari Kelantan, melalui Siam, Dr. Geale 67 tahun dan H.J. Baker 73 tahun. Sejumlah \$9000.00 telah dikumpulkan selama ini untuk Tabung Kem hasil rayuan untuk menambah \$50 000.00. Pihak berkuasa Jepun diminta menyampaikan nama mereka yang mati dalam kem. Saya dan John mengirim nama kami untuk dimasukkan dalam senarai untuk dikirim kepada sukarelawan yang berada dalam kem tentera Orang Tawanan Perang. Bilik kami telah memenangi nombor bertuah sebotol acar. Kejatuhan Tobruk kepada Jerman dilaporkan. Hadir dalam satu konsert tepi pantai. Van Hien, akauntan Singapura, memainkan peranan penting sebagai pemimpin pancaragam. Dia patut dipuji kerana usahanya memperingkatkan semangat kami.
- 24 Seramai 200 orang askar kami dikatakan ditahan di dalam Penjara Pudu di Kuala Lumpur. Kebanyakan mereka menyerah diri di utara tanah besar. Geale dan Baker mengatakan mereka mula-mula dipenjarakan di Bank Mercantile, Kota Bharu, kemudian ke Tumpat menunggu kapal. Kemudian mereka dibawa dengan kereta api ke Padang Besar di sempadan Siam (sekarang Negeri Thai) dan dari situ ke Singapura dengan kereta api. Cuma stesen kereta api Bukit Mertajam dan Kluang yang rosak teruk. Mereka menceritakan 9 daripada 15 orang Eropah yang dikurung dalam sebuah rumah di Lombong Timah Pinyok di Yala, Siam, terbunuh apabila bom tangan dilemparkan ke dalam rumah oleh orang Jepun mabuk. Semua bangsa Asia sangat mesra dengan mereka semasa dalam kereta api. Di sekitar Alor Setar, Kedah, mereka nampak ramai askar kami sedang membaiki jalan. Sedikit sekali kapal

singlah di pelabuhan Kelantan. Garcia dibenarkan melawat ibunya selama 3/4 jam. Hari ini kami makan "nasi kukus" untuk makan petang menggantikan puding nasi. Enam orang Jepun datang menyaksikan pertandingan tinju dan nampaknya mereka seronok melihat orang Eropah berbelasah sama sendiri.

- 25 Langkah bergelap dikuatkuasakan lagi mulai 8.30 malam hingga 8.30 pagi. Hunter keluar menjalankan tugas biasa di luar dan balik dengan dua tin susu yang dibeli daripada penjaja perempuan Cina. Barang itu diberi melalui rumpun pagar dan dia cepat-cepat menyembunyikannya apabila nampak pengawal Jepun datang. Pada suatu hari lainnya, seorang menyembelih dua ekor ayam dan membawanya balik ke kem; tersembunyi dalam kereta sorong, betul-betul di bawah hidung pengawal. Kemudian ayam disiang dan dipanggang. Beberapa orang tawanan dapat membeli barang apabila keluar memotong kayu, atau ketika keluar memungut kelapa, atau ke Singapura untuk membawa bekalan. Seorang pengawal dikatakan membuat keuntungan \$280.00 dalam masa tiga hari. Khabar angin bahawa Rommel telah bersiap untuk menyerang tentera kami di Sollum dengan dua ketumbukan tentera kita baru ditubuhkan.
- 26 Sworder, pegawai ukur, menyampaikan ceramah tentang kerja ukur yang dijalankannya di Kulim, Kedah Selatan. Katanya, tiga orang Melayu terkorban kerana terjatuh ke dalam air terjun. Jepun diminta menyampaikan senarai nama orang tawanan di India Timur Belanda. Ramai yang menunggu dengan cemas untuk mendapat berita isteri dan keluarga yang dikatakan kena tahan di sana. Tiga hari pertandingan kriket diadakan di antara Kelab Selangor, Kuala Lumpur dengan Kelab Kriket Singapura. Konsert Varia di Halaman 'B'. Buat pertama kali teh tanpa susu atau gula dihidangkan ketika minum petang. Kedudukan kita di Libya dilaporkan serius. Konsert kem dikendalikan oleh mereka seperti berikut: "Barrel" Roberts, Gordon Osborne dan Peter Gurney, kesemuanya pelawak; Van Hien dan J.L. Woods pemimpin koir, dan beberapa pemain alat muzik: Farrell (seksofon), Merrifield (akordian), Kauff (dabel bes), Gluhoff (flut), Ross dan Eber (violin) dan Eisenger dan Van Hien (piano). Ada di antara

mereka pemuzik profesional yang bermain pancaragam ketika aman. Kawan saya A.H. Gridley (Kastam) dikejarkan ke Hospital Miyako kerana menghidap berak-berak darah.

- 27 Seramai 11 orang tua, berusia antara 63 – 75 tahun, kini tinggal dalam bilik "Labrador" dan ditunggu oleh dua orang pelayan sukarela. Konsert yang dijadualkan di Halaman 'D' ditangguhkan kerana Leftenan Okasaki minta bantuan "artis" dalam satu majlis tertutup di rumahnya. Shebbeare, pengawas hidupan liar, bersyarah fasal ular. Dia pernah berkhidmat di India dan mengambil bahagian dalam ekspedisi Everest.<sup>107</sup>
- 28 Leftenan Okasaki memaklumkan kepada Jawatankuasa Kem, oleh kerana kes kolera disyaki merebak di atas sebuah kapal di Singapura, maka mandi laut atau beli ikan dilarang buat sementara. Saya menjual sebuah lampu picit terpakai dengan harga \$5.00. Kumpulan muzik Leftenan Okasaki hanya diberi teh sejuk kerana majlis itu turut dihadiri oleh seorang jeneral Jepun, barangkali. Didapati beberapa orang Sikh, seorang pegawai British dan enam orang pegawai lain pangkat (N.C.O) juga turut hadir.
- 29 Paderi Graham White memberi khutbah di Blok 'C'. Semua penganut Protestant mengadakan upacara sembahyang bersama pada hari minggu, setiap paderi mengambil giliran masing-masing mengetuai sembahyang, membaca syarahan, dan menyampaikan khutbah. Penganut Roman Katolik menjalani sembahyang berasingan. Ada juga kuliah agama dan kumpulan muzakarah yang mengkaji Injil dan "Buku Sembahyang Baharu".
- 30 Komandan Jepun memanggil kesemua pelombong bijih timah dan pegawai penjara. Sebabnya tidak diketahui. Jawatankuasa Kem dilarang membeli barang-barang dalam tin dari Gian Singh atau peniaga lainnya. Tiada siapa yang tahu sebabnya,

<sup>107</sup> E.O. Shebbeare, ditempatkan di Gap, sempadan Selangor dengan Pahang, sebelum perang dan hampir menyertai pasukan Spencer Chapman yang tinggal di medan belakang dalam kawasan itu pada tahun 1942. Awal 1945 diputuskan, Kem Sime Road membiakkan siput besar untuk dijadikan makanan dan Shebbeare dilantik menjadi pengelolanya. Apabila kawan-kawannya secara berjenaka mengatakan dia turun pangkat dari pengelola gajah, dia menjawab bahawa dia tidak lagi aktif, justeru tugas baru itu lebih sesuai bagi dirinya.

tetapi ada di antara kami mengagak bahawa kami akan dipindahkan tidak lama lagi dan tempat ini akan menjadi penjara dengan kakitangan Eropah sebagai pengawal penjara. Kami diberitahu bahawa kapal *Asama Maru* akan tiba di Singapura tidak lama lagi untuk menyertai kapal Itali *Conte Verde*, dan kedua-duanya akan belayar menuju Lorenzo Marques di Afrika Timur Portugis. Menurut khabar angin kedua-dua kapal itu akan membawa diplomat dan rakyat Amerika Syarikat, Kanada dan Amerika Selatan dari Timur Jauh, yang akan ditukar dengan seramai 1800 rakyat Jepun yang kini berada di Amerika Syarikat. Kemudian mereka akan diangkut ke Lorenzo Marques dengan kapal *Gripsholm* kepunyaan Sweden. Seramai 41 orang rakyat Amerika dan Kanada di dalam kem juga minta masuk ke dalam rancangan pertukaran itu. Dapur melakukan percubaan membuat kek daripada beras dan kelapa kukur kerana kekurangan roti. Mengambil bahagian dalam pertandingan kuiz di antara Blok 'B' dan Bengkel 'B' yang telah dimenangi oleh pasukan Bengkel B. Dua rang lagi mati, Issac Pitt, 74 tahun, peladang dari Bagan Serai, dan N.G. Begg, 51 tahun, dari Singapura.

### Julai

- 1 Waktu bergelap ditetapkan semula pada jam 10.00 malam. Kawan saya Darby (Kastam) mendapat berita dari saudaranya di kem tentera, tetapi saya masih tidak mendengar berita itu dari saudara saya G.E.D. Lewis. Birnie, 52 tahun, dan bekerja di Bahagian Kawalan Makanan Jabatan Kastam, menceritakan sesuatu yang telah berlaku kepadanya selepas kekalahan. Memang dia dan tiga orang lagi diarahkan oleh pegawai Jepun untuk tinggal di rumah yang berhadapan dengan Karikal. Oleh sebab itu, mereka tidak sedar tentang arahan Jepun untuk berbaris di padang Kriket dan berjalan ke Karikal. Akibatnya apabila penjelasan tidak meyakinkan, maka mereka dikenakan 15 kali sebat dengan sebatang kayu sepanjang 8 kaki oleh Kolonel Kaito. Mereka tidak diselamatkan oleh pegawai yang menyuruh mereka tinggal di situ malah membiarkan mereka untuk menerima hukuman.
- 2 Kek beras-kelapa dihidangkan buat pertama kali. Dillon Corneck dan 11 orang lagi anggota Perancis Bebas dihantar ke

Saigon. Pemerintah Tertinggi Jepun bersetuju membekalkan kepada kami beras "bersih" mulai hari ini. Beras kasar ini mengandungi zat makan yang baik. Jepun menetapkan catuan sayur percuma sebanyak 16 pikul, dua kali seminggu atau dua tan seminggu atau sembilan tan sebulan. Jerman dikatakan berada cuma 95 batu dari Iskandariah. Jawatankuasa Kem menyerahkan satu laporan kepada Leftenan Okasaki yang lengkap tentang layanan ke atas orang awam Jepun mulai 8 Disember dan selanjutnya. Ini merupakan reaksi kepada sepucuk surat yang diterima dari seorang bekas tawanan Jepun yang membantah tentang "layanan buruk" dalam tempoh tersebut. Harga tepung melambung tinggi di Singapura. Maka kuranglah roti di dalam kem. Murray Jack berceramah mengenai Palestin.

- 3 Sakit telinga dan jumpa doktor. Saya jual sebuah lampu picit dan dua mentol dengan harga \$7.00 dan alat pencukur yang terpakai berhaga \$5.00. Baca *Guns or Butter* Bruce-Lockhart. Mendengar ceramah yang menarik tentang Kesusasteraan Amerika oleh Paderi Dr. Amstutz. Sejumlah 150 tin makanan dalam tin kena curi malam tadi melalui besi tingkap kanan di hadapan Balai Polis Kem. Sebelum ini pun ada kecurian kecil tetapi kali ini yang paling besar.
- 4 Hari Kemerdekaan Amerika Syarikat dirayakan oleh orang Amerika. Kami dapat senarai sukarelawan yang ditahan di dalam kem tentera, tetapi sebahagian besarnya kini adalah "bekas Tanah Melayu". Seorang sukarelawan, Hughes, bekas pemain ragbi Negeri Sembilan, hilang sebelah kaki. Saya jual tiga botol syampu Palmolive dengan harga \$6.00. Paderi Dr. Amstutz, ketua kumpulan rakyat Amerika di dalam kem, diberitahu oleh Leftenan Okasaki, katanya, dia mungkin "ditukar" apabila kapal tiba. Hadiah \$200.00 akan dikeluarkan untuk memberkas pencuri stor dapur. Blok 'D' mengadakan konsert di halaman Blok 'B'. Sebastopol dikatakan telah jatuh ke tangan Jerman. Kematian seorang tawanan wanita, Puan S.J. Vincent, 59 tahun. Suaminya adalah penghuni kem kami.
- 5 Bilik sejuk, cukup untuk menyimpan daging segar selama lapan hari, telah diadakan di dapur. Bahan penambat ialah daripada sabut kelapa. Roti baharu yang diperbuat daripada

- tepung dan beras bersih diedar buat pertama kali. Warnanya gelap dan kaya dengan Vitamin B. Catuan daging kini menjadi lagi sedikit bahkan daging cincang cuma diadakan tiga kali dalam masa 10 hari.
- 6 H.R. Cheeseman, Timbalan Pengarah Pendidikan kami, memberi khutbah semalam. Jerman dikatakan bertapak 75 batu ke barat Iskandariah. Sabotaj menjadi-jadi, sama ada di Singapura dan di tanah besar sebelah utara atas jambatan kereta api, misalnya Jambatan Keretapi Enggor dekat Kuala Kangsar. Hunter membeli sembilan tin susu ketika keluar bekerja memotong kayu di luar. Dr. Amstutz memberi ceramah lagi tentang Kesusasteraan Amerika dalam Abad XX. Salah seorang pemotong kayu, Sansom dari BIV, dibawa oleh pasukan ronda Jepun kerana dia merayau-rayau terkeluar dari kawasan biasa. Dia dikenakan hukuman dua hari kurungan terasing.
  - 7 Kami diberi jaminan bahawa semua poskad yang ditulis oleh orang tawanan kepada saudara-mara kini dalam tangan Jepun untuk ditapis. Jepun mengaku bahawa kekurangan bekalan sayur pada masa lalu kerana tersalah hitung tentang keperluan kami, bukan kekurangan! Paderi Colin King dari jabatan saya memberi kuliah pertama mengenai Kesusasteraan Inggeris. Dianggarkan sebanyak 175 – 200 unit Vitamin B dimasukkan ke dalam setiap buku roti beras bersih. Bercakap bahasa Welsh dengan Osborne Jones, T.J. Thomas, R.O. Jenkins, William (Singapore Cold Storage), adik saya John, dan Evans dari Mahkamah Tinggi Singapura.
  - 8 Keluaran pertama *The Scrounger*, majalah jenaka bergambar, dipamerkan pada papan kenyataan. Majalah itu disunting oleh Maxwell (Polis). Sistem baru tugas di tingkat itu disusun semula. Kumpulan kerja makanan seramai 10 orang, bukan 8, dan 8 pasang lelaki tua bertugas membuang sampah. Oleh itu saya cuma mengangkat makanan setiap 10 hari sekali mulai sekarang. Kira-kira 60 buah kapal terbang terbang lintas hari ini. Beberapa minggu akhir ini banyak aktiviti udara dan latihan menambah A.A. Pemandu kereta ambulans, Long, hilang kerja. Tiba-tiba sepucuk surat asmara daripada seorang gadis di Hospital Kandang Kerbau kepada seorang doktor sampai ke tangan Leftenan Okasaki. Surat ini mengatakan



bahawa sebarang bungkusan mungkin boleh dimasukkan ke Penjara Changi melalui pemandu kereta ambulans.

Senarai orang tawanan di Palembang, Sumatera, kini boleh didapati. Dilaporkan *Vyner Brooke* dan *Giang Bee* telah karam, dan *Tapah*, *Matahari* dan *Siang Woo* kena tawan.<sup>108</sup> Moore, seorang jurutera, memberitahu saya bagaimana hanya lima orang daripada 75 berpaut pada tiga buah rakit selama tiga hari tiga malam terselamat daripada *Giang Bee*. Mereka ialah Moore, Gutteridge, seorang gadis Melayu dan dua orang kelasi *Prince of Wales*. Tiga buah bot penyelamat yang membawa wanita dan kanak-kanak telah selamat, sebuah lagi terbalik di dalam laut. Beberapa buah kapal perang Jepun yang lalu dekatnya dalam satu konvoi, jarak cuma 40 ela, tidak berhenti. Akhirnya, sebuah kapal terbang laut dapat mengesan mereka pada hari ketiga dan kapal pembinasas Jepun datang menolong. Kapal itu sendiri karam kerana bedilan dari dua buah kapal pembinasas Jepun, cuma 12 batu dari Pulau Bangka. Moore dan lain-lain yang terselamat pada mulanya dibawa ke Kota Bharu, Kelantan, dan kemudian ke Saigon. Di sana 14 orang daripada mereka meringkuk sebulan dalam penjara. Polis lalulintas Jepun mula mengawal. Oggier, seorang tawanan, mendapat sepucuk surat dari iparnya seorang sukarelawan di dalam kem tentera. Dia bersungut biasa, penginapan yang penuh sesak, tiada lampu elektrik, bekal air terhad, wang kurang untuk membeli makanan dan bekalan makanan yang sedikit, terutama air batu. Leftenan Okasaki nampaknya dalam keadaan yang sulit. Dia menyekat kemasukan bungkusan dari Hospital Miyako dan bertukar-tukar bungkusan antara suami isteri di dalam kem. Berikut inilah mereka yang mati: G.

108 Ini ialah kumpulan kapal kecil yang berlepas dari Singapura ke Jawa dua atau tiga hari selepas kekalahan; cuma daripada 33 buah kapal dapat mengelak daripada pasukan Jepun yang mengawal Selat Bangka yang mesti dilalui kapal untuk sampai ke Jawa. Kapal itu semuanya malang tanpa pertahanan telah mengorbankan banyak nyawa. Misalnya, *Giang Bee* kapal lama Cina seberat 1200 tan bermuat 262 penumpang kebanyakan wanita dan kanak-kanak, juga kakitangan Perkhidmatan Radio dan Penerangan Kerajaan, berlepas pada malam Khamis, 12 Februari. Sebaik sahaja selepas kena bom dekat Pulau Bangka, empat bot penyelamat dilancarkan tetapi cuma dua selamat mendarat dan kapal itu ditenggelamkan oleh kapal pembinasas Jepun, dengan 100 penumpang masih di atas kapal, kebanyakan mereka terkorban. Sedikit sahaja yang terselamat, antaranya, Robert Scott, bekas Pegawai Perkhidmatan Penerangan Singapura dan kemudian menjadi sasaran utama Kempitai.

- Brown, 54 tahun, Sungai Patani akibat barah dan V.E.H. "Dusty" Rhodes, 48 tahun, akibat batuk kering.
- 9 H.R. Cheeseman berbincang dengan saya tentang jawatan yang bakal saya pegang selepas perang. Dikatakan, Jeneral Yamashita menghadiahkan kepada Gabenor, mentega, keju, bir dan minuman *sherry*, tetapi tidak dapat disahkan. R. Walker, guru lukisan, selesai melukis pemandangan dengan Virgin Mary dengan anaknya dan Magi sebagai bahan utama, dengan cat dibuat di tempat basuh dobi. Kereta ambulans dipindahkan ke Unit India, dan boleh dipinjam pada bila-bila masa diperlukan. Pelombong-pelombong bijih timah di dalam kem ini enggan bekerja di lombong Jepun dan mungkin sebab itu "keistimewaan" kami dibataskan. Dilaporkan lapan orang Jawa ditangkap kerana mencuri beras di Singapura telah dihukum bunuh dan kepala mereka dipamerkan kepada ramai. Satu lagi cerita ialah seorang bapa Melayu membunuh dua orang Jepun kerana merogol anak gadisnya berumur 15 tahun di Tanjong Pagar dan kemudian Jepun telah membunuh lapan orang Melayu kerana membalas dendam.
  - 10 Dr. Linehan menunjukkan kepada saya senarai pegawai dari jabatan kami yang ditahan di kem tentera. Ini termasuk saudara saya Gerwyn. Ada di antara mereka seperti Frisby meninggalkan tempat itu sebelum berakhir pemerintahan tentera, tetapi mereka yang menyertai Pasukan Simpanan Tentera Laut tidak termasuk dalam senarai. Ada berita angin bahawa Orang Tawanan Perang Gurkha telah meletupkan ubat bedil yang banyak di Seletar menyebabkan 300 – 600 orang Jepun terbunuh. Kira-kira seramai 42 orang penolong pegawai bomba dan ketua perbandaran mengunjungi kem kami dari Singapura. Jerman di Mesir kena kepung, demikian khabar angin. Greig menayangkan sebuah filem Pertabalan King di Halaman "B".
  - 11 Dilaporkan kapal perang Jerman *Tirpitz* telah tenggelam. Berita kematian beberapa sukarelawan dan pegawai-pegawai Askar Melayu dalam masa perang sampai ke telinga kami. Khabar angin serangan gerila yang diketuai oleh orang Eropah di sekitar Taiping telah mengorbankan 19 orang Jepun dalam serangan di mes pegawai dan 30 orang lagi mati dalam se-

- rangan lainnya. Askar Melayu kehilangan ramai pegawai kerana terbunuh atau cedera: Wort kudung sebelah tangan, Hughes kudung sebelah kaki, Law, Russell, Harrison dan lain-lainnya terbunuh. Kolonel Andre dianugerahi D.S.O. dan Kapten Denaro pingat M.C.
- 12 Dua orang dihadapkan ke Jawatankuasa Disiplin kerana kesalahan: seorang menghina Polis Kem dan seorang lagi membuat tuduhan palsu ke atas penghuni lain kerana mencuri di dapur. Kedua-dua pesalah telah dihukum dengan menafikan beberapa "kemudahan" dan tambahan kerja. Lori yang mengangkut bekalan dikatakan terbalik dan seorang Jepun mati di Singapura. Paderi Dr. Amstutz berkhutbah minggu ini di Halaman "B".
- 13 Hari ini, saya dapat mengesan orang-orang pelarian yang saya temui di laut selatan Pulau Pinang dalam perjalanan dari Pulau Langkawi. Dia ialah Legge, peneroka bijih timah, yang belayar menyeberangi dari Alor Setar ke pulau itu. Orang lain di dalam bot ialah Miller suami isteri, peladang, dan anak gadis mereka berumur 14 tahun bangsa Serani. Kami bertembung dengan mereka ketika mereka belayar dengan kolek, dikendalikan oleh dua orang Melayu. Pada mulanya mereka berharap dapat menggunakan tongkang Cina tetapi anak tongkang Cina enggan menerimanya. Dilaporkan ramai Gurkha menghidap penyakit berak darah dan malaria di dalam kem kerana kurang ubat; tetapi Jepun enggan menolong mereka kerana Gurkha enggan membuat kerja yang diarahkan. Vanrennan dan "Canary" Campbell<sup>109</sup> dan 200 orang lagi dikatakan berada di dalam Penjara Pudu, Kuala Lumpur. Birch (Polis) dilaporkan kena seksa teruk dan dibunuh di hadapan balai bomba, Jalan Brewster, Ipoh. Mejar Wylde, Ajutan dalam sukarela kami, dikatakan mati menghidap beri-beri. Ketua pegawai polis Belanda di Pulau Kerimun dilaporkan kena pukul oleh Jepun di markas Kempitai Jepun di Bangunan Globe, Singapura, dan kemudian dijatuhkan hukum mati kerana "sabotaj" stesen wayarles di pulau itu. Dia dimasukkan ke dalam kurungan menunggu hukuman mati, dipukul lagi dan tidak diberi makan

109 Seorang peladang Kedah, gelaran diberi kerana suaranya sedap apabila menyanyi dan selalu menyumbang suaranya dalam mana-mana pesta.

sehinggalah dibawa ke Changi. Saya mendengar ceramah oleh Dyer, Profesor Sejarah, Raffles College, tentang Perang Tujuh Tahun dan Earl Chatham. A. H. Gridley dan Puan Edge, isteri seorang sukarelawan, pulang dari Hospital Miyako.

- 14 British dilaporkan mara sejauh lima batu di Libya dan menawan seramai 2000 orang sebagai tawanan. Berita mengenai mereka yang masih tinggal di Rumah Kastam dibawa oleh Salter yang terlantar di hospital selama 19 hari. Holland menjalankan tugas pencegahan, Auten dan Foster bekerja di kilang pembungkusan. Di kedua-dua tempat di Singapura, empat kepala orang Melayu terpacak pada kayu tajam, dua kepala diletakkan di luar pejabat pos dan dua lagi di hadapan Bangunan Cathay. Dua orang doktor bertugas di Hospital Miyako, Dr. Roy Smith dan Dr. Lowther, dan dibantu oleh Brigedier Lord dari Pertubuhan Penyelamat. Membaca *The Work, Wealth and Happiness of Mankind* H.G. Wells. Adang-adangan dipasang di hadapan halaman untuk menyekat suami isteri daripada melihat satu sama lain melalui pagar dawai yang ditambah. Pekebun sayur kini mencari wang dan beg untuk membeli makanan lagi. Pegawai Jepun No. 2 Leftenan Tokuda (digelar Tahi-Kuda) dikatakan sedang naik angin. Mendengar ceramah oleh Spotswood tentang penghidupan Orang Tawanan Perang di Jerman dalam tahun 1918. Setengah keadaan di dalam kem itu lebih dahsyat daripada keadaan di sini tetapi kerap menerima bungkusan melalui Palang Merah supaya bekalan makanan Jerman yang tidak bermutu boleh dibuang. Juga arahan di kem Jerman tidak terlalu keras kalau enggan melakukan tugas, tidak dihukum dengan keras seperti di sini.
- 15 Sudah lima bulan selepas kekalahan. Hanya \$16 000.00 dapat dipungut untuk pinjaman Tabung Kem yang memerlukan \$50 000.00 dan \$6000.00 daripadanya telah dibelanjakan untuk membeli susu dan ubat. Bekalan wang nampaknya sudah mula berkurangan di dalam kem. Semua jurutera di dalam kem bermesyuarat dengan Macrae, wakil lelaki, tentang permintaan Jepun yang mahukan sukarela untuk bekerja di Jepun! Nampaknya, Jepun kekurangan mekanik dan jurutera. Kematian H.R.W. Lobb, 64 tahun, bekas Setiausaha Kelab Renang Singapura.

- 16 Seorang pengawal menempeleng muka seorang tawanan kerana didapati wang \$2.00 dalam poketnya ketika hendak pergi bekerja di luar. Jerman dikatakan menambah kekuatan tentera di Mesir dari Tunisia, dan Rusia kelihatan dalam keadaan tenat di Sungai Don. Hadir lagi mendengar ceramah Profesor Dyer tentang Perang Tujuh Tahun. Jawatankuasa Kem membuat bantahan kepada Jepun tentang 11 "kemudahan" yang ditarik balik tidak lama dahulu. Misalnya, melarang kemasukan bungkusan dari Hospital Miyako dan berulang-alik ke Blok Wanita, juga membeli bahan makanan yang penting seperti telur, roti dan sebagainya dari sumber luar. H.L. Weir, 63 tahun, tuan punya pawagam di Segamat dan tinggal di Muar, mati kerana berak darah. Hanya beberapa hari dahulu, dia cukup berminat untuk mendengar cerita saya tentang peristiwa yang berlaku dalam daerah yang didiaminya semasa perang. Jepun kini tidak puas hati dengan sikap penghuni lelaki di tingkat atas Blok 'C' kerana membuat pelbagai isyarat terhadap penghuni Blok Wanita. Kebetulan juga tingkat atas sekali mendapat pemandangan pantai yang cantik di sekitar Changi, dan kapal-kapal yang belayar jauh di tengah laut (mungkin kapal pertukaran tawanan). Mendengar ceramah oleh Edwards tentang "Kehutanan, Penggunaan dan Pemasaran".
- 17 Penggunaan "Tembok Keluhan" sebagai tandas terbuka dihentikan. Lagi jamban kekal akan dibina berdekatan tembok itu. Lagi cakap-cakap fasal pertukaran tawanan.
- 18 Dilaporkan Rusia menyekat kemaraan Jerman di Sungai Don dan Rumania melanggar Hungary. Konsert Bandwagon diadakan di Blok 'B'. Leftenan Okasaki memberitahu Jawatankuasa Kem bahawa bekalan gandum kini amat kurang "sehinggalah kita dapat menawan Australia", dan "kita semua mesti belajar makan nasi". Dia menambah bahawa makanan yang diberi oleh Jepun lebih baik daripada yang kami beri kepada orang tawanan Jepun, ini kenyataan yang ditentang keras serta dinafikan oleh Jawatankuasa Kem. Dua orang rakyat British dibawa balik ke mari dari Palembang dan dimasukkan ke tempat kurungan yang terasing bersama-sama dengan Herr Spitz, orang Belanda. Seorang daripadanya ialah

R.H. Scott<sup>110</sup> bekas ketua Jabatan Penerangan Tanah Melayu, dan Morgan<sup>111</sup> seorang anggota polis yang bergiat dalam propaganda anti-Jepun dan kerja keselamatan. Jawatankuasa Kem menasihatkan kesemua orang tawanan agar memberhentikan sebarang perhubungan mesra dengan Jepun. Konsert muzik 'Bandwagon', acara-acara termasuk lagu-lagu dari 20 buah negara seperti Jerman, Itali, Hungary dan bahkan Jepun, ini contoh toleransi British yang ketara sekalipun dalam keadaan yang tidak menyenangkan. Orkestra juga mengandungi artis dari 12 negara.

- 19 Berita angin mengatakan Gabenor, Ketua Hakim FMS dan SS (Sir Harry Trusted dan Sir Percy McElwaine), Peguam Negara (G.C. Howell), Mejar Jeneral Macrae dari Palang Merah dan pemangku Gabenor Sumatera akan dihantar ke Tokyo dalam masa dua hari lagi. Lagi cerita dahsyat sampai ke telinga kami iaitu yang mengenai 15 orang askar Argyles dan Leftenan Macpherson yang menyerah diri kepada Jepun dekat Kampung Mandai di Pulau Singapura. Pegawai itu telah dibawa pergi, tetapi yang tinggal, dengan tangan terikat ke belakang, kemudian ditikam dengan benet hingga mati oleh seorang Pegawai Tidak Bertauliah (NCO). Sesiapa yang masih bergerak apabila jatuh ke bumi, ditembak lagi; tetapi seorang koperal dan serdadu biasa telah terselamat dengan berpura-pura mati. Koperal berjaya menghuraikan dawai yang terikat pada tangannya dan rakan serdadunya, tetapi dia mati pada hari esoknya. Serdadu itu mendapati enam liang luka pada badannya, tetapi diberi rawatan oleh seorang Cina yang akhirnya memasukkan ke Hospital Miyako apabila dia telah sembuh. Nama askar itu ialah Anderson. Seorang Melayu yang bekerja untuk Jepun melaporkan bahawa Hubback, Pegawai Hidupan Liar Pahang, yang sudah tua, telah lari bersembunyi dalam negeri itu, dan akhirnya telah dibunuh oleh "Cina".<sup>112</sup>

110 R.H. Scott, seorang pegawai di Pejabat Luar merupakan sasaran utama dalam siasatan Kempitai (Polis Rahsia) yang bermula dengan peristiwa "Double Tenth" pada 10 Oktober 1943.

111 Saya masih ingat ketika perang sedang rancak, saya bertemu dengannya di pejabatnya, di Bangunan Cathay, sebaik sahaja pasukan tentera kita berpindah dari Johor Utara, dengan tujuan untuk memberi gambaran pertama segala yang saya alami dan menjawab semua soalnya.

112 Di sini saya mengalami sedikit kekeliruan, M. Hubback dengan Vin. Baker, bekas Pengurus Besar, Lombong Bijih Sungai Lembing, dekat Kuantan. Dia

- 20 Sebelum Sir Harry Trusted bertolak ke Jepun. Saya beri dia beberapa helai sapu tangan, stoking, tuala dan senaskhah buku *Poetical Works* Milton yang lama. Saya mendengar kuliah yang menarik oleh Profesor Dyer tentang Revolusi Perancis. Lagi nama pencuri sayur di dapur tertampal pada papan kenyataan oleh Jawatankuasa Disiplin. Enam orang serdadu Australia dilaporkan ditembak dalam kawasan YMCA (Markas Kempitai Jepun di Singapura) kerana cuba melarikan diri.
- 21 Dikatakan orang Cina membunuh anasir-anasir musuh tertentu di Singapura pada waktu malam dan Orang Tawanan Perang British dikerah bekerja membina jalan raya baharu. Beberapa konsert selamat jalan diadakan sebagai menghormati enam orang tawanan terkanan yang akan berangkat ke Jepun. Empat orang tawanan didenda kerana mengambil wang ketika bekerja dan juga cuba menyeludup susu dan keju. Leftenan Okasaki mengugut (1) untuk menutup kedai dan mengembalikan kesemua barangan kepada Gian Singh; dan (2) mengambil semua wang yang masih ada dalam tangan kami. Khabar angin mengatakan seramai 4000 orang lelaki berumur di bawah 35 tahun dan 900 pegawai berpangkat mejar ke atas akan dihantar ke Jepun dan sukarelawan jurutera dan askar jurutera juga akan berangkat sama. Bahkan, orang awam dalam kem ini yang di bawah 35 tahun akan turut serta. George Walker, 73 tahun, ahli kimia dari North Bridge Road Singapura, mati.
- 22 Dalam ucapan selamat tinggalnya ketika hadir di konsert malam tadi, Gabenor mengatakan bahawa kami berada di sini kerana kami tidak tergamak meninggalkan rakan bangsa Asia yang berada dalam keadaan yang memerlukan kami semua, bahkan siapa juga yang telah menerima jawatan seberang laut adalah juga menerima tanggungjawab yang dibebankan ke atas mereka untuk kebajikan rakyat yang mereka perintah. Orang-orang tua berpeluang untuk pergi tetapi kerajaan tiada kuasa untuk memaksa mereka pergi kalau mereka memilih untuk tinggal. Demi keadilan maka dikatakan bahawa jururawat tidak dibenarkan pergi sehinggalah telah terlewat dan dalam

---

dan saudara perempuannya, Nona lari ke hutan apabila Jepun sudah dekat. BaRer mati akibat malaria, berak darah dan beri-beri selepas dua tahun, tetapi saudara perempuannya masih hidup. Lihat *Pai Naa: The Story of Nona BaRer* oleh Thatcher & Cross, (Constable), 1959.

hal yang sama berlaku kepada orang-orang tua. Misalnya, sedikit sekali orang-orang tua yang dibenarkan menaiki *Duchess of Bedford* dan *Empress of Asia* pada 30 Januari kecuali kalau mereka boleh menunjukkan surat doktor yang mengatakan tidak sihat. Burt, bekas juruanalisa kerajaan di Pulau Pinang, memberi ceramah tentang cara mengesan jenayah dengan memeriksa peluru dan bom; Tony Churchill (MCS) menceritakan pengalamannya di kem Orang Tawanan Perang Jerman tahun 1918.

- 23 Baca *As We Were* karya Benson, sebuah riwayat hidup zaman Victoria. Australia dikatakan menawan seramai 4000 orang tawanan di Mesir. Weisberg, bekas Bendahari Koloni, dan Meredith, Jabatan Kenderaan Motor, dibawa masuk ke kem. Gabenor tidak sihat kerana berak darah. Seorang tawanan diumumkan sebagai pencuri tuala, tetapi berlainan dengan pesalah-pesalah terdahulu dia merupakan orang lama dengan rekod "jenayah" masa lampau. Young berceramah tentang Sweden. Berita angin mengatakan ramai askar kami dipindahkan dari Singapura. Dalam satu peristiwa sebuah kapal yang memuat seramai 2000 orang Australia ditembak dengan torpedo dan 1000 nyawa terkorban. Jabatan Propaganda Jepun menyatakan kapal selam Amerika yang bertanggungjawab, dengan tujuan mengapikan perasaan anti-Amerika di Australia. Perhimpunan Welsh termasuk anggota biasa, Osborne Jones, T.J. Thomas, Evans, Noel Rees, saudara saya John, dan saya.
- 24 Profesor Dyer memberi ceramah yang baik tentang pemikir-pemikir yang mempengaruhi Revolusi Perancis, iaitu *The Encyclopaedists* (Diderot, Rousseau), ahli sains politik (Turgot) dan ahli falsafah (Voltaire). Ramai orang tawanan yang masih membahaskan ucapan selamat tinggal Gabenor, terutama bahagian yang disebutnya "semua" ada peluang untuk pergi. Pada umumnya ramai bersetuju bahawa "semua" dimaksudkan wanita dan kanak-kanak, dan "semua" orang-orang tua, tetapi tidak termasuk mereka yang masih kuat. Jepun enggan membenarkan Gabenor dipindahkan ke Hospital Miyako sehingga dia diperiksa oleh doktor Jepun. Sebanyak 300 buah kapal terbang kita dikatakan mengebom Duisberg di Jerman. Menziarahi M.R. Holgate dari jabatan kami yang terlantar di hospital kem.



- 25 Saya diberitahu oleh Jackson (Polis) bahawa Birch keluar dari Teluk Anson (sekarang Teluk Intan), Perak, untuk menyiasat laporan iaitu perahu perang Jepun terkandas di tebing berselut dekat Bagan Datoh. Dia tidak pernah pulang semenjak Burns (juga Polis) terpaksa tergesa-gesa meninggalkan Teluk Anson pada malam itu juga, dan meninggalkan motokar Birch di belakang. Tidak mungkin bot yang dimaksudkan itu ialah bot yang digunakan dalam serangan Trong kerana ini berlaku 4 atau 5 hari lebih awal. Jackson juga memberitahu saya pasukan Bedfordshire dan Herts tersalah tembak ke atas unit Askar Melayu di Pulau Singapura dan Unit Mortar India dengan tidak sengaja membunuh seorang kolonel dan Ketua Pemerintah ke-2 pasukan Bedfordshire dan Herts dekat Hospital Alexandra Singapura. Sedikit penjelasan tentang ucapan Gabenor diumumkan. Ucapan itu bukanlah dasar kerajaan untuk memberi izin kepada lelaki yang masih kuat keluar, kerana mereka dikehendaki mempertahankan negeri ini. Tidak juga orang-orang tua, wanita dan kanak-kanak dipaksa pergi kecuali mereka yang ingin pergi, dan pilihan antara tinggal atau keluar, merupakan keputusan mereka sendiri. Doktor Jepun mengambil contoh najis Gabenor dan empat orang lagi di hospital kerana disyaki menghidap berak darah. Kami menonton konsert, baik daripada yang dijangka, oleh "Beachcombers" (nama lain untuk budak-budak *Empress of Asia*).
- 26 Ulang tahun hari jadi saya – kini 38. Untuk merayakannya, satu tin cendawan dibuka. Sepasukan Jepun seramai 30 orang melawat kem dan tiga orang bekas pembuat roti daripada kaki-tangan dapur diumumkan dan dihukum kerana mencuri makanan bermasak.
- 27 Baca *Tales* oleh Edgar Allan Poe, juga *Life of Lord Grey of Fallodon* Trevelyan. Pasar gelap menjadi-jadi, salah seorang yang aktif ialah Gus Davis yang baru sahaja membeli barang-barang gelap bernilai \$600.00 daripada pengawal-pengawal Jepun dan menjualnya semula cara terbuka di dalam kem. Pengawal-pengawal itu akan membawa bekalan dan menyerahkannya ikut belakang dapur<sup>112</sup> apabila hari sudah malam. Sementara itu, mencari kerja di luar masih berterusan! Kerana

112 Tanda M pada Rajah 1.

Mejar Jeneral Macrae sudah pergi, pemilihan baharu untuk menggantikan Wakil Lelaki harus diadakan. Calon yang berjaya ialah Dr. Johns, pakar bedah dari Australia dengan undi sebanyak 1515 calon yang terdekat menang ialah Adrian Clarke, bekas Peguam Negara FMS dengan undi 693. Pembuat roti di dapur mogok kerana tiga orang rakan mereka sabit kesalahan mencuri oleh Jawatankuasa Disiplin. Cheeseman, bekas Timbalan Pengarah Pendidikan, dan M.R. Holgate, juga dari jabatan yang sama, dimasukkan ke hospital kem kerana demam. Khabar angin mengatakan Turki turut campur dalam peperangan menentang Jerman.

- 28 Beras bersih kini dimasukkan ke dalam kanji yang diberi pada waktu pagi supaya kelihatan pekat dan gelap sedikit. Masih tidak dapat menjamin kami daripada menghidap beri-beri. Kekurangan air amat terasa kerana pam rosak dan akibatnya air dicatu daripada yang biasa 43 gelen seorang sehari kini dikurangkan kepada 30 gelen.
- 29 Ada yang berasa dengan kemasukan tambahan beras bersih mengubah rasa kanji menjadi kurang sedap. Jerman dilaporkan melanggar Turki bahagian Eropah.
- 30 Dikatakan sebanyak 1000 kapal terbang menyerang Hamburg dan tentera British menduduki semula Mesra Matruh di Mesir. Ada pameran seni lukis dan kerja tangan yang menarik, tetapi cacat sedikit kerana kurang ruang untuk menonton pameran itu dengan sempurna. Sukarelawan pembuat roti mengganti mereka yang mogok di dapur. Holgate dimasukkan ke Hospital Miyako dan Lady Heath, dikatakan sedang sakit tenat di Hospital Kandang Kerbau, melahirkan seorang bayi. Dia memerlukan dua kali pemindahan darah.
- 31 Saya membeli sebuah kitab Injil daripada seorang mubaligh bernama Tipson, seorang sarjana Cina, dengan harga \$1.50 dan terus baca 42 bab pertama Genesis (Titik Permulaan). Perbandingan kuiz antara Blok 'B' dan Hudson Bay dan dimenangi oleh Blok 'B'.

### *Ogos*

- 1 Kami membersihkan dan mencuci bilik kurungan kami dengan

menggunakan abu kayu. Crofts, bekas pemimpin Pasukan Pancaragam Polis FMS, telah mengambil alih memimpin Orkestra Kem. Seorang menteri Vichy (sebuah negeri kecil Perancis Tengah) berlepas lari ke Britain. Berita sampai kepada kami bahawa Carey Foster terbunuh dalam pertempuran tetapi Mejar Fox masih hidup di Sumatera. Beberapa orang wanita dan gadis yang berangkat dengan kapal pada akhir kekalahan dikatakan "hilang". Mereka termasuk Peggy Green, Betsy Spicer dan Diana Stafford.

- 2 Tiga orang ditangkap dan dihukum oleh Jawatankuasa Disiplin kerana mencuri kayu tiang katil! Dan dua orang lagi kerana terdapat wang dalam poket mereka ketika keluar bekerja. Darby (Kastam) dapat tahu dari saudaranya bahawa dua kumpulan Orang Tawanan Perang sedang berkira-kira akan bertolak ke Jepun, tetapi keadaan makanan mereka semakin baik.
- 3 Dilaporkan C.U. Stafford berada di Penjara Pudu tetapi, malangnya, Crosbie-Hill, seorang peladang, yang menyertai Askar Melayu terbunuh dalam pertempuran. Juga ada cerita lagi iaitu lima daripada 30 orang yang dipenjarakan dalam sebuah rumah di utara tanah besar terselamat daripada serangan mesingan Jepun. Seorang yang terselamat itu ialah Elphinstone (Polis) dan seorang wanita kini berada di Convent Kuala Lumpur. Lagi berita tentang pertukaran, dan kali ini pada 16 Ogos! Lady Heath bersalin seorang bayi tidak cukup bulan di Hospital Kandang Kerbau. Kami juga mendengar peristiwa berlaku di Hospital Alexandra beberapa ketika sebelum kekalahan.<sup>113</sup> Askar India telah menembak ke arah Jepun dari dalam kawasan hospital. Lalu, tentera Jepun masuk ke dalam bangunan hospital dan menikam kesemuanya dengan

113 Pembunuhan beramai-ramai berlaku pada 13 Februari. Sekalipun kakitangan hospital mempamerkan lencana Palang Merah dan mengibarkan kain putih sebagai tanda menyerah diri, tentera Jepun menerpa masuk ke dalam hospital dengan benet terhunus terus membunuh siapa juga yang ditemui. Pesakit-pesakit lainnya, kira-kira 200 orang dan sukar bergerak, dikerah beramai-ramai ke rumah pekerja di belakang hospital. Di situ mereka dibunuh pada esok harinya dan hanya tiga orang terselamat apabila bedilan meriam memecah pintu bilik kurungan. Segala bukti menunjukkan bahawa Jeneral Yamashita yang melawat hospital pada esok hari, tidak tahu atau tidak beri izin untuk melakukan pembunuhan beramai-ramai.

benet, termasuk doktor, jururawat dan bahkan pesakit yang berada di atas tempat bedah. Seorang doktor yang terbunuh ialah Dr. Donaldson dari Melaka. Seorang pegawai Jepun dikatakan menuntut maaf kemudiannya dan menembak enam orang askarnya. Saya kini telah habis membaca *Genesis*, *Exodus* (Pelarian), *Leviticus* (Undang-undang kaum Levi), *Numbers* (Angka), *Deuteronomy* (Hukum) dan *Joshua*.

- 4 Terima surat daripada G.E.D. Lewis, saudara saya yang berada di kem tentera Changi; dan dia pula menerima nota dari Frank Vanrennan (sukarelawan) dari Penjara Pudu, Kuala Lumpur. Jerman dikatakan berada cuma 25 batu dari Stalingrad dan kedudukan Rusia menjadi sukar. Jawatankuasa Kem sekali lagi membuat bantahan keras dalam sepucuk surat yang dikirim kepada Pemerintah Tertinggi Jepun kerana ketiadaan lawatan wakil Palang Merah Antarabangsa iaitu Konsul Swiss. Belum pernah kelihatan dia melawat, barangkali dia kelihatan seolah-olah pro-British. Beras bersih nampaknya semakin popular dalam kanji untuk sarapan. Paderi Greer memberi ceramah tentang pengarang Pentateuch.
- 5 Kelas bahasa Welsh ditubuhkan dengan Osborne Jones sebagai pengajar. Perkelahan mandi-manda di pantai Alsagoff dihadiri oleh seramai 500 orang dari Blok 'B'. Seramai 34 orang anak kapal New Zealand *Hauraki* datang ke mari. Kapal itu, memuat makanan, minuman dan bekalan ubat. Dalam pelayaran dari Fremantle ke Colombo dan Bombay, kapal itu dipintas oleh dua buah kapal dagang Jepun yang lengkap dengan senjata, kira-kira 1200 batu di tenggara Colombo. Kapal dengan 63 orang anak kapal bertugas di enjin dibawa ke Yokohama. Saya mengirim sepucuk surat dan 300 biji Vitamin B kepada Gerwyn<sup>114</sup> yang barangkali berada di dalam kem tahanan dekat padang lumba kuda Bukit Timah.
- 6 Dua daripada 34 orang yang dibawa dari kapal *Hauraki* ialah orang Malaya. Seorang bernama Fosdyke, jurutera APE, dipindahkan dari depot Shell Pulau Bukum pada 6 Februari dan seorang lagi Kenneison, seorang jurutera dari Tanjung Rambutan, yang pernah membina padang terbang di Tanah

114 Saya dapat tahu kemudian bahawa vitamin tidak pernah sampai ke tangannya.

Melayu, Jawa dan Australia. Dia dalam perjalanan untuk menyertai isterinya yang telah dahulu dipindahkan ke Bombay. Sekali lagi Jawatankuasa Kem membantah kerana, dengan kemasukan orang baharu, kem menjadi lagi sesak. Anak kapal *Hauraki* memikirkan kami semua akan ditukar dalam bulan September! Tafsiran terakhir mengenai ucapan Gabenor, seperti yang difahamkan oleh pihak perundangan, adalah seorang di bawah umur 55 tahun yang kurang sihat dan tidak punya pilihan lain melainkan tinggal di Tanah Melayu seperti yang dikehendaki sama ada dia aktif atau tidak mempertahankan negeri ini, iaitu keputusan yang diambil oleh Biro Tenaga Manusia. Van Hein mengadakan Konsert Pinggir Laut Kedua dengan permainan piano yang cukup hebat oleh Edyvean dan Soul. Lagi berita tentang pertukaran tawanan ekoran daripada sebuah rencana yang tersiar dalam *Syonan Times* yang tidak saya baca.

- 7 Berita kematian Ingram (Pasukan Meriam Ringan BAT dan FMS) yang terbunuh pada hari-hari akhir di Newton Circus dekat Clemenceau Avenue. Tiga orang pegawai rejimen itu, Haggett, Horsburgh dan Russell, terkena tepat tembakan peluru mortar yang jatuh ke dalam kubu terbuka di Reformatory Road dekat Pasir Panjang. Russell mendapat cedera sementara dua lagi terbunuh di situ juga. Andre dan seorang pegawai lainnya pergi untuk mendapatkan bantuan tetapi apabila berpatah balik mereka dapati kubu perlindungan sudah tidak dijumpai, dan Jepun sudah berada 100 ela sahaja dari situ. Leftenan Tetley, Rejimen Meriam Ringan FMS, terbunuh dalam peristiwa yang sama. Ada perbincangan sama ada Tanah Melayu patut mempunyai sistem kerajaan yang bersekutu, dengan tidak lagi berbeza antara Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Tidak Bersekutu. Baca tulisan Read Salmond tentang tenggelamnya kapal *Kuala Tien-Kuang* dan *Kung Wo* di Gugusan Kepulauan Riau.<sup>115</sup>

115 Tiga buah kapal kecil ini bertolak dari Singapura pada pukul 7.00 malam hari Jumaat, 13 Februari, padat dengan wanita dan kanak-kanak, jururawat dan jurutera JKR, tetapi, kapal-kapal lain seperti yang diberitakan dahulu sama ada karam atau tertawan. Pada masa yang sama angkatan laut dan udara Jepun sedang melancarkan serangan besar-besaran termasuk payung terjun, di lombong minyak Palembang, yang sudah pasti menyekat satu-satunya jalan keluar untuk lari melalui Selat Bangka ke Betawi. Ketiga-tiga kapal itu ber-

- 8 Temasya Pesta diadakan di Halaman Besar Riadah termasuk pertandingan memotong kayu. Salah seorang anggota *Hauraki* yang baharu tiba terkenal sebagai seorang ahli gusti Greek bernama Con Ballasis, yang pernah bergusti di Amerika dan Australis. Dia pendek orangnya tetapi berbadan besar. Jepun cuba mendapatkan khidmat sukarela tiga orang jurutera lombong untuk menyelia pembinaan tangki minyak bawah tanah tetapi mereka tidak berjaya. Sebaliknya, beberapa orang jurutera tentera dan 10 000 Orang Tawanan Perang, termasuk anggota pasukan Loyals berlepas ke Bangkok (Siam) dan Burma; di sana kem baharu untuk Orang Tawanan Perang ada disediakan.
- 9 Berita kematian Barnes, peladang dari Ladang Sua Betong, Port Dickson, di Belakang Mati<sup>116</sup> ketika berkhidmat dengan pasukan meriam, dengan dua orang peladang lagi Thompson (Ladang Sepang) dan Rowe (dari Melaka). Seorang sukarelawan Burstall (kakitangan Caldbeck Macgregor) yang isterinya berada di dalam kem kami, mendapat kemalangan dan terbunuh kerana terjatuh ketika sedang membaiki tangki air di kem tentera. Seorang wanita di Blok 'A' ditangkap kerana memiliki dua nota yang diterima daripada suaminya dalam pasukan sukarelawan. Kami dihiburkan dengan konsert oleh Eisenger, bermain piano, bersama empat orang lagi bermain flut dan violin.
- 10 Dilaporkan semua jurutera tentera Orang Tawanan Perang dan semua pegawai dan termasuk yang berpangkat kolonel dan letenan kolonel dijangka berlepas ke Jepun esok. Senarai orang tawanan di Padang boleh didapati sekarang. Senarai ini

---

labuh dekat Pulau Pompong, di sana kapal-kapal itu dibom dan tenggelam. Sebuah kapal kecil Belanda *Tanjung Pinang*, yang cuba menyelamatkan 250 orang yang selamat terkandas di Pompong telah dipintas oleh angkatan laut Jepun yang mengandungi sebuah pengangkut kapal terbang, dua buah penjelajah dan tiga buah pembinasa di bawah pimpinan Laksamana Ozawa, pada waktu malam lantas tenggelam. Korban nyawa dalam peristiwa itu amat dahsyat. Kebetulan, tentera laut Belanda di Sumatera cuba sedaya upaya memberi amaran kepada rakannya di Singapura tentang kehadiran angkatan Ozawa, tetapi tidak berjaya membuat sebarang perhubungan. Tiada seorang pun di Singapura yang boleh menghuraikan berita sulit Belanda, sedangkan orang yang boleh mentafsirkan berita sulit itu telah pun dipindahkan bersama satu-satunya salinan kod rahsia.

- 116 Sebuah pulau berdekatan Keppel Harbour dan sekasang dinamakan Sentosa.

mengandungi nama Samuel, peguam Pulau Pinang, tetapi tanpa isteri. Pelawat-pelawat Jepun dikatakan dari kapal-kapal pertukaran *Asama Maru* dan *Conte Verde* melawat kem kami hari ini. Baca *Confessions of a Young Man* George Moore.

- 11 Baca *Memory Hold the Door* John Buchan. Pesta yang diadakan baharu-baharu ini meraih keuntungan \$1000.00 untuk Tabung Kem. Gus Davis, peniaga Pasar Gelap, dikatakan menderma \$2000.00 kepada tabung ini. Amerika dilaporkan mendarat di Pulau Solomon. Sebanyak 8000 paun daging, tambahan tepung, gula dan sayur diangkut ke dalam kem dengan lori bekalan – hampir-hampir 3 kali ganda daging yang dibekalkan daripada biasa. Ini disebabkan rasa tidak senang pelawat-pelawat Jepun yang datang baharu-baharu ini. Khabarnya mereka tidak puas hati dengan keadaan bersesak-sesak dan tidak selesa dan terutama ketiadaan katil. Dikatakan, orang tawanan Jepun di Amerika tinggal di hotel, boleh mendengar radio dan menikmati kemudahan berenang serta kemudahan tenis! Saya membaca Injil sehingga King II. Khabaran angin pertukaran masih rancak. Kami diberitahu, di India, pemimpin-pemimpin Kongres disumbat ke dalam penjara dan undang-undang tentera diisytiharkan.
- 12 Lagi khabaran angin tentang pendaratan Amerika di Pulau Solomon dan menawan 13 000 tentera Jepun dekat Port Moresby. Dalley (Polis),<sup>117</sup> Sim (Kastam) dan Christie (Pelajaran) dikatakan berada di Padang, Sumatera. Dua daripada mereka adalah sukarelawan tentera laut. Lagi Orang Tawanan Perang tiba dengan sebuah kapal besar di Pangkalan Tentera Laut.
- 13 Seramai 800 orang tawanan kini dikatakan sudah kehabisan wang, tetapi mereka diberi pinjaman sehingga \$5.00 sebulan dari Tabung Kem. Dua orang lagi dihadapkan kepada Jawa-

117 J.D. Dalley, Polis Cawangan Khas FMS, menjadi masyhur sementara kerana bertindak sebagai ketua dan pengelola gerila Cina yang dikenali sebagai "Dalforce". Anggotanya kebanyakan ahli Parti Komunis Malaya yang kemudiannya diharamkan. Paling lewat hari Krismas bulan Disember 1941, agak terlambat, Dalley diberi kebenaran oleh kerajaan untuk melatih dan melengkapkan anggota komunis dengan senjata untuk menentang Jepun. Kekuatannya dianggarkan 4000 orang apabila Singapura terkepung. Selanjutnya, baca Attiwell, *The Singapore Story* (Muller 1959), yang menggambarkan keadaan di Singapura sebelum kekalahan. Juga, sila lihat *Malayan Postscript* Ian Morrison (Faber & Faber May 1942).

tankuasa Disiplin kerana mengeluarkan kata-kata kesat kepada Polis Kem dan juga kerana mencuri selipar. Brigedier Lord masih lagi di Hospital Miyako, dan dia sudah pasti dimasukkan ke dalam rancangan pertukaran apabila kapal diperolehi. Kami makan bertambah dengan daging dalam makan tengah hari, mungkin disebabkan lawatan Duta Nomura dan Kurusu yang melihat catuan makanan kami yang sebenar.

- 14 Baca *Thinking to Some Purpose* karya Stebbing. Tukang rambut Chapman dihukum oleh Jawatankuasa Disiplin kerana membantah arahan Wakil Tingkat. Kami dihiburkan dengan konsert yang baik, di antara acara yang terbaik ialah sketsa jenaka membawa kisah Peter Gurney yang masih menjadi penghuni Changi pada tahun 1985!
- 15 Lagi khabar angin tentang 12 000 orang tentera Jepun kena tawan di Port Moresby dan kapal-kapal Jepun ditenggelamkan oleh *Flying Fortresses* (Kubu Terbang), termasuk kapal seberat 15 000 tan dan dua buah kapal pengangkut. Baca buku *T.E. Lawrence by his Friends*. Sebuah lori mengangkut tepung jagung dari Afrika Selatan tiba dengan kapal *Asama Maru*, hadiah Palang Merah, hari ini. Leftenan Okasaki diminta memberitahu Jawatankuasa Kem sebaik sahaja berita rasmi pertukaran diterima. Berita angin terbaharu ialah seramai 1500 orang termasuk perempuan, kanak-kanak dan lelaki yang berusia lebih daripada 45 tahun, akan pergi dahulu. *Tatuta Maru* dengan kumpulan pertama orang tawanan yang akan ditukar, dikatakan, sudah tiga hari berlabuh di Selat Changi. Masing-masing tidak percaya, malah menggelar *Tatuta Maru* sebagai "Tak Tentu Maru".
- 16 Setelah lewat empat minggu, Gabenor, Pemangku Gabenor Sumatera, Mejar Jeneral Macrae dan C.G. Howell berlepas ke Jepun pada pukul 11.00 pagi hari ini.<sup>118</sup> Mereka menaiki kapal

118 Kapal yang sama membawa pegawai kanan tentera yang berpangkat kolonel ke atas, termasuk Jeneral Percival. Kapal terpaksa lewat dua hari untuk membaiki keadaan kapal itu di pelabuhan Singapura sebelum berlepas. 14 hari kemudian, orang tawanan ini diturunkan di Taiwan, di sini mereka tinggal selama dua tahun dalam dua kem tawanan. Bulan Oktober 1944, apabila bimbang serangan Amerika, mereka dengan segera dipindahkan ke kem Seian, 200 batu ke utara Mukden, dan dari situ mereka dibebaskan pada 24 Ogos 1945, oleh sepasukan tentera Rusia, sebahagian daripada pasukan itu memasuk Manchukuo sebelum itu.



- seberat 4000 tan, juga turut berangkat seramai 1300 tawanan perang (termasuk 300 anggota Loyals, 300 Royal Engineers dan tentera meriam serta 100 Australia). Seramai 300 orang pegawai ditempatkan dalam ruang khas dan 1000 lagi ditempatkan di bawah kapal. Mendengar khutbah Archdeacon Graham White dan habis membaca *Ezra*, *Nehemiah* dan *Es-ther*.
- 17 Berita angin tentang Pulau Wake dan Kowloon ditawan semula dan kejatuhan Hong Kong sudah dalam tangan. Nampaknya, Amerika makin mengukuhkan kedudukannya di Kepulauan Solomon.
  - 18 Beberapa orang tawanan datang dari Penjara Pudu, Kuala Lumpur dan penjara-penjara di Singora, Alor Setar dan Taiping termasuk pelombong-pelombong dari Yala, Siam. Mereka memberitahu bahawa pada 13 Ogos Bill Harvey, Frank Vanrennan, R. Graham dan seorang lagi peladang bernama MacDonald telah berlepas lari dari Penjara Pudu dengan memecahkan mangga kunci pintu luar. Young dan beberapa orang lagi dikurung berasingan dalam penjara Singora dan seramai 1000 Orang Tawanan Perang termasuk Archer dan Stafford masih ditahan di Pudu. Frank Vanrennan, Harvey dan Graham lari bersama-sama dua orang pegawai lagi, seorang bernama Kapten Nugent. MacDonald, peladang bangsa Australia di Kedah, melepaskan diri dengan seorang juruterbang Belanda. Vanrennan menuju India dan MacDonald ke Jawa. Mereka menceritakan peristiwa di Taiping bahawa Jepun mendakwa membunuh 130 orang komunis. Di Titi, Negeri Sembilan, terdapat satu pasukan komunis Cina yang lengkap dengan raifal.<sup>119</sup> Di Taiping, seramai 50 orang Cina ditangkap kerana mengibarkan bendera negeri China di pasar. Dikatakan bendera itu sengaja dikibarkan oleh kumpulan lain yang bermusuhan supaya menyusahkan Cina di situ. Keadaan penjara Taiping amat buruk. Seramai 14 orang mati kerana berak darah, hanya seorang doktor ditempatkan di situ, tetapi

119 Titi, pusat perlombongan Cina di daerah Jelebu, Negeri Sembilan, pernah menjadi mangsa kekejaman Jepun dengan pembunuhan beramai-ramai, ribuan orang ramainya, penyokong gerila termasuk lelaki, perempuan dan kanak-kanak dalam bulan Mac 1942 sebagai tindakan balas Jepun atas serang hendap gerila berkenaan.

tanpa ubat dan keadaan kesihatan juga buruk dan penuh dengan lalat. Sepasang suami isteri Eropah, Peters dan Puan Stratton datang dari Singora, Siam, ke Sungai Siput, Perak, untuk mendapat pertolongan seorang pembantu hospital bangsa Tamil. Tawanan yang baharu masuk ialah empat orang kelasi Norwegian yang kapal mereka karam di Teluk Siam pada 7 Disember 1941, sehari sebelum pecah perang.

- 19 Peters yang disebut di atas tadi beratnya 17 ston ketika mula-mula berlepas dari Singora dan kini ketika menyerah diri, beratnya cuma 10 ston selepas lima bulan di dalam hutan. Puan Stratton beratnya hanya lima ston. Tiga orang tawanan datang dari penjara Melaka: Paderi Eales, Brother McNamara, paderi Katolik, dan Matthews, pegawai Pertubuhan Penyelamat. Mereka tidak puas hati dengan layanan pengawal penjara tempatan. Semua yang datang ke sini berfikir mereka akan ditukar. Lagi seorang yang baharu masuk ialah Pease, pelukis, tinggal di dalam sebuah banglo di Port Dickson, berminggu-minggu selepas ketibaan Jepun. Dia sendiri melihat bagaimana Jepun memuatkan barang-barang yang dirompak ke atas kereta pembawa bren-gan.
- 20 Seorang tawanan yang mencuci kain baju di dalam tangki air bersih telah dihukum oleh Jawatankuasa Disiplin. Leftenan Okasaki memberitahu Jawatankuasa Kem bahawa dia tidak tahu-menahu tentang rancangan pertukaran. Akibatnya, timbullah rasa kecewa di kalangan orang tawanan yang berharap sangat selama ini. Seramai 26 orang tawanan lelaki yang mati di dalam penjara dalam masa enam bulan pertama. Ada khabar angin mengatakan sebahagian daripada pengawal Jepun akan diganti dengan pengawal India atau Melayu. Ada laporan serangan secara besar-besaran oleh pasukan komando di Dieppe dan satu konvoi terbesar kapal tentera Bersekutu tiba di Iskandariah.
- 21 Ucapan selamat tinggal Gabenor termasuklah permintaannya bahawa "kita buat sedaya upaya yang boleh untuk rakyat Tanah Melayu dan cuba membantunya. Mereka perlukan bantuan." Jawatankuasa Kem sekali lagi memberi amaran kepada orang tawanan agar tidak melakukan tugas sukarela yang terkeluar daripada batasan yang ditentukan dan yang tidak perlu,

- seperti mencuci rumah Jepun! Langkah yang lebih tegas untuk memberhentikan amalan ini tidak dapat diambil kerana bimbang tindakan balas Jepun terhadap wanita dan kanak-kanak, juga orang-orang tua. Lori Palang Merah membawa masuk bekalan gula-gula, perisa sup dan jem. Leach, seorang sukarelawan Selangor, menerima anugerah D.C.M. Kami juga dengar Wraight, Pegawai Kelengkapan Askar Melayu, dilaporkan selamat.
- 22 Saya masih meneruskan kerja dobi semenjak tiba ke sini. Berita pendaratan Amerika di Burma. Di antara yang berada di Penjara Pudu ialah "Canary" Campbell, sedang sakit, dan Hardy Osborne dan Chappel dari Chendering, Perak. Hardy terkenal kerana tindakannya yang menyebabkan tiga gerabak kereta api terbalik dan 130 orang tercedera.<sup>120</sup> Dikatakan orang Cina memusnahkan jambatan kereta api Enggor selepas kekalahan. Polis Sikh tiba untuk mengambil alih daripada beberapa orang pengawal Jepun. Leftenan Tokuda memberi ceramah bagaimana memberi hormat tunduk kepada pengawal dan membalas hormat itu. Seorang jurubahasa dipukul oleh kopersal Jepun kerana berdiri tegak apabila pekerja mencari kayu balik melewatinya! Tiada siapa tahu kepada siapakah hormat itu ditujukan kecuali di antara mereka terdapat pegawainya sendiri. Habis membaca Injil bab *St. Mathew* dan kini membaca *Sentimental Journey* karya Sterne.
- 23 Kami terdengar bunyi tembakan meriam antikapal terbang di Singapura. Seramai 70 000 orang Amerika dikatakan tiba di Iskandariah dalam konvoi. Pengawal baharu bangsa Sikh nampak ganjil menjalankan tugasnya.
- 24 Berita angin yang kencang tentang penghantaran pulang. Seorang jurubahasa Jepun memberitahu Dr. John, wakil kami, dan Parker, bahawa dalam suatu siaran Radio Tokyo mengatakan semua orang awam di Tanah Melayu akan dihantar pulang. "Tinggi" Rees mengadu ketika dia tidak mengikuti kumpulan mencari galah buluh, anggota kumpulan dipukul

120 Spencer Chapman dalam bukunya *The Jungle is Neutral* mengisahkan bagaimana Bill Harvey, melakukan tugas supaya kereta api terkeluar daripada landasan, di Tanjung Malim antara 1 dan 14 Februari 1942. Chapman dan Sarjan Sartin dari Royal Engineers turut terlibat; tetapi dia tidak menyebut Hardy, yang mungkin beroperasi di sebelah utara Perak.

pada kepala oleh seorang pengawal Jepun yang naik angin. Inilah satu-satunya pengawal di antara yang kurang ajar kerana dia tidak boleh bertutur sama ada bahasa Inggeris atau Melayu; dan sebab dia naik angin tidak jelas. Antara 700 – 900 Jepun dilaporkan terbunuh dalam serangan semula di Solomon. Brazil mengisytiharkan perang ke atas Kuasa Axis dan orang beragama Islam dan Hindu berkelahi di India. Wakil blok kami, Edmonds (Sime Darby & Co), yakin bahawa ada unsur kebenaran dalam khabar angin tentang pertukaran.

- 25 Tiga orang penghuni bilik 39 (bilik saya) berbahas sama ada patut makan atau tidak bekalan makan dalam tin yang tidak cukup ketimbang rancangan pertukaran. Saya habis membaca Injil bab *St. Mark*. Dilaporkan penawanan beberapa buah pulau dalam Kepulauan Solomon iaitu Florido, Isabel dan Guadalcanar. Jawatankuasa Kem memberitahu Leftenan Okasaki bahawa pengawal bangsa Sikh yang diambil bekerja di sini bukanlah rakyat Jepun, sekurang-kurangnya sehingga perjanjian damai ditandatangani. Jumlah orang tawanan di Penjara Changi kini tepat 2800 orang.
- 26 Saya mendengar cerita aneh mengenai Kapten North, pasukan tentera India, yang masih di dalam Penjara Pudu, Kuala Lumpur. Sememangnya, dia telah ditangkap dan diperintahkan tembak. Peluru tembakan melewati bahu kanannya dan tidak mengenai jantungnya. Pegawai Jepun memerintahkan serdadunya membidik ke arah kiri Kapten North tetapi serdadu itu menembak ke arah kiri dari kedudukannya. Kapten North terperanjat lalu jatuh pengan. Sebentar kemudian dia sedar daripada pangsannya dan terus lari bersama seorang lagi pegawai yang dihukum tembak yang sudah pulih. Luka yang dialami sembuh sendiri dan kena tangkap semula lalu disumbat ke dalam Penjara Pudu. Kapten North pernah belajar bahasa Jepun di negeri Jepun dan faham segala yang dikatakan oleh pegawai Jepun kepada serdadunya. Hari ini seorang pengawal Sikh kena tempeleng tiga kali oleh seorang Pegawai Tidak Bertauliah Jepun.
- 27 Dilaporkan pertempuran laut yang hebat dekat Solomon, sejumlah 14 buah kapal Jepun tenggelam atau terbinasa. Hakim Aitken, yang menghabiskan masanya selama 23 tahun

di Nigeria, memberi ceramah tentang negeri tu. *Syonan Times* melaporkan bahawa Maktab Melayu, Kuala Kangsar, akan dibuka semula tidak lama lagi. Saya baharu habis membaca *Sentimental Journey* karya Sterne dan mula membaca *Tristram Shandy*.

- 28 Dr. Ando melaporkan bahawa kesemua orang awam Tanah Melayu akan ditukar sebelum akhir bulan hadapan. Seramai 19 orang jurutera termasuk Tiny Richards yang gemuk berat, dibawa ke Singapura dengan harapan akan dihantar pulang. Berita angin seperti ini diterima oleh mereka yang yakin akan dihantar pulang. Sepucuk lagi surat bantahan tentang makanan tidak bermutu dan keadaan penginapan yang tidak sempurna di dalam kem. Surat ditujukan kepada Pemerintah Tertinggi Jepun. Surat itu mengesah hebat layanan yang kami terima dibandingkan dengan apa yang diterima oleh orang tawanan di kem tawanan awam lainnya seperti yang digambarkan dalam akhbar tempatan. Surat itu juga menunjukkan bahawa makanan yang diberi adalah jauh kurangnya daripada yang pernah diberi kepada banduan-banduan Eropah dan Asia di dalam penjara ini semasa aman, bahkan kepada orang tawanan Jepun yang berada sementara di sini beberapa waktu dahulu. Orang tawanan yang baharu dibawa dari Yala, Siam, menceritakan 18 daripada 26 orang yang dikurung di dalam rumah terbunuh oleh bom tangan yang dilempar kepadanya pada pukul 8 malam oleh seorang Jepun mabuk. Seorang gadis berumur 18 tahun, kehilangan kedua orang tuanya, tercedera dan dihantar ke hospital oleh Siam dan telah sembuh. Ada laporan yang menunjukkan Rusia membuat kejayaan besar di Briansk. Empat orang jurutera mengaku menjalankan kerja membaiki di Empang Chenderoh dan janakuasa Malim Nawar untuk Jepun, tetapi sebenarnya untuk faedah penduduk tempatan juga. Lombong Batu Arang "terbakar" teruk dan perlu diperbaiki, sungguhpun seramai 3000 tentera Jepun berada di situ. Sebanyak 22 kapal korek bijih berjalan semula di Perak. Sedikit sekali motokar di jalan raya ke utara tanah besar tetapi bas banyak bergerak dengan menggunakan kuasa gas relau. Ratu Elizabeth dilaporkan melahirkan seorang putera.
- 29 Jepun dikatakan sedang memindahkan kren dan mesin pengangkut dari pangkalan Tentera Laut ke negeri Jepun dan

Kilang Cold Storage Bukit Timah dipindahkan ke Johor Bahru untuk memulakan industri mengetin ikan. Tembok laut sedang dibina di Tanjung Rhu, Singapura, dan rumah kediaman Eropah di tapak Batu Gajah Tin Dredging telah diruntuhkan. Kesemua jurutera yang bekerja di sebelah utara dilaporkan dapat layanan baik daripada masyarakat Cina.

- 30 Serangan ke atas Libya dikatakan bermula, mujur oleh pihak kita. Adrian Clarke, bekas peguam Negara FMS, dipilih mewakili Blok 'D' (382 undi). Calon lainnya ialah Hudson (82 undi), Weekley (230 undi) dan Greig (41 undi). Harapan dihantar pulang kian pudar dengan khabar angin bahawa kami akan dipindahkan ke berek tentera Alexandra, Singapura atau ke berek baharu polis di Johor Bahru. Juga terdengar laporan dalam siaran BBC yang Eden menyatakan dalam siaran BBC, bahawa Jepun enggan bertukar orang awam di Hong Kong dan Tanah Melayu. Hanya sedikit pengecualian yang ter-nampak ialah kepada tawanan Jepun, dahulunya di Tanah Melayu, kini di India.
- 31 Thomas dan Joseph (Jabatan Pendidikan) Harrison, bekas pensyarah Raffles College dan Miller, bekas wartawan Singapura, telah dijemput oleh Jepun keluar untuk menulis rencana dan risalah untuk kepentingan Jepun. Juga beberapa orang gadis Serani diminta membantu mereka dengan kerja menaip. Kesemua mereka enggan. Orang tawanan Belanda mementaskan konsert untuk merayakan Hari Keputeraan ke-62 Ratu Wilhelmina. Ada bacaan Motley, gambaran sejarah tentang pengepungan Leyden pada abad XVI. Dua orang tawanan Belanda di sini ialah Parlievidt, pengawal Tanjung Pinang, Riau dan Veling, pegawai daerah dan majistret Kepulauan Karimun. Veling yang bertanggungjawab memusnahkan stesen wayarles di Pulau Karimun. Untuk itu dia dibicarakan oleh seorang hakim Jepun, dijatuhkan hukuman bunuh, dikurung berasingan selama lima minggu dan kemudian dibawa keluar untuk menjalani hukuman mati olok-olok pada pukul 5.00 pagi itu. Kemudian dia dihantar ke Changi. Seorang bekas *warder*, W.E. Jenkins, 50 tahun, baharu meninggal dunia akibat berak darah dan pendarahan dalam badan. Tepat tujuh bulan dahulu dia membawa isterinya untuk menaiki kapal apabila kedua mereka mendapat cedera akibat serpihan bom

yang datang dari belakang tempat mereka berlindung. Isterinya berjaya menumpang kapal itu, tetapi, kita hairan mengapa dia yang juga tercedera tidak boleh.

*September*

- 1 Pasukan koir\* Kem Changi diminta keluar membuat siaran radio tetapi tidak mungkin mereka akan pergi. Kem telah diambil alih hari ini oleh Pentadbiran Tentera Jepun dan Tuan Asahi kini yang mengelolakannya sebagai Penjaga Musuh Orang Awam Tanah Melayu dan Sumatera. Dia terkenal kerana mendapat didikan selama tujuh tahun di Harrow dan Cambridge. Leftenan Okasaki, kami dengar, telah pergi memegang jawatan Ajutan Garison Changi. Tokuda juga ditukar. Lagi pengawal Sikh mengambil alih tugas daripada Jepun dan seorang sarjan Sikh menempeleng muka seorang petugas mencari kayu hari ini. Akibatnya, semua kegiatan kumpulan petugas luar berhenti kerana mogok! Ambulans dikembalikan ke kem disertai dengan enam buah lori dan Long balik menjalani tugas lama sebagai pemandu ambulans. Tuan Asahi berjanji akan mengatasi masalah wabak berak darah dan akan mengadakan segala kemudahan perubatan yang patut. Saya mengisi borang rasmi untuk Dr. Linehan, bekas Pengarah Pendidikan, dan memberi segala butir tentang gaji, kenaikan gaji, cuti dan sebagainya. J.L. Woods dan kumpulan penyanyinya *Glee Singers* mementaskan lagu-lagu rakyat.
- 2 Kelmarin salah seorang petugas mencari kayu, Fitzpatrick, bekas saudagar daging Singapura, enggan membilang apabila disuruh oleh seorang sarjan Sikh. Apabila dia ditempeleng, kesemua anggota kumpulan enggan keluar. Kemudian, seorang pengawal Sikh membawa beberapa pinggan mangkuk yang kotor ke dapur untuk dibasuh. Apabila kakitangan dapur enggan menjalankan tugas membasuh, salah seorang Polis Kem mengerjakannya untuk mengelak daripada kekacauan. Apabila Dr. Johns, wakil lelaki, pergi membantah, dia juga kena tempeleng dan dikurung dalam tandas hingga 8.30 malam itu. Hanya apabila Tuan Asahi tiba maka baharulah Dr. Johns dibebaskan. Fitzpatrick kena sebat empat kali dengan tali pinggang kerana enggan menandatangani pengakuan bahawa dia pernah memanggil sarjan Sikh itu anak haram. Lagi per-

istiwa berlaku melibatkan Cherry (Jabatan Percetakan). Dia dibelasah di perut kerana dituduh menyekat jalan beberapa orang pengawal Sikh daripada melalui tempat pasukan Cherry sedang menjalankan kerja. Kumpulan itu melancarkan mogok! Puan James, 56 tahun, ibu kepada beberapa orang kanak-kanak Serani di sini, meninggal dunia. Nama tiga orang penghuni ditampalkan kerana mengambil wang ketika keluar bertugas dan menerima tiga biji telur dari dapur tanpa kebenaran pihak yang berkuasa. Hitler dijangka membuat ucapan muram untuk Tabung Bantuan Musim Sejuk, dengan tiada membuat janji untuk menang tetapi menegaskan peri mustahaknya pengorbanan rakyat yang berterusan.

- 3 Ulang tahun ketiga pecah perang. Lima orang dijangka keluar mendapatkan maklumat tentang orang awam yang ditahan untuk Biro Penerangan Tokyo. Apakah tujuannya saya tidak tahu, tetapi yang saya tahu ialah tiada lagi wakil Palang Merah yang dibenarkan masuk dan memeriksa kem. Dikatakan Jepun tidak pernah mengesahkan Perjanjian Palang Merah Geneva.<sup>121</sup> Harapan dihantar pulang timbul semula dengan kenyataan yang menyenangkan oleh Sir Robert Craigie di Lourenco Marques di Afrika Timur Portugis dan dipetik oleh *Syonan Times* bahawa persetujuan telah dicapai untuk menghantar pulang kira-kira 4000 rakyat awam British yang masih berada di Asia Timur. Diadakan upacara permohonan doa menandakan perang meletus dalam tahun 1939.
- 4 Berita angin yang terbaharu ialah seramai 887 orang awam Jepun (termasuk 400 orang Jepun yang pernah tinggal di Tanah Melayu) berlepas dari Lourenco Marques menuju Singapura dengan kapal *Tatuta Maru*. Kami baharu mengadakan operasi bunuh pijat<sup>122</sup> di dalam bilik kami dan berhasil

121 Ada dua konvensyen yang mengawal Persetiaan Tawanan Perang iaitu Konvensyen Hague 1907 dan yang lebih terperinci ialah Konvensyen Geneva 1929. Namun Jepun tidak pernah mengesahkan Konvensyen Geneva dan sering tidak mengendahkan peruntukan Konvensyen itu.

122 Pijat merupakan makhluk perosak utama di Changi yang kami warisi daripada penghuni terdahulu. Kain alas tidur, selimut dan pakaian dan sebagainya mesti dibawa keluar selalu dan dijemur pada panas matahari untuk memusnahkannya. Kalau tidak, kita akan jadi lebih tidak senang. Tidak semua orang tawanan yang mengambil berat dalam hal ini. Ada seorang hakim dan majistret, berada dalam Blok 'B' satu-satunya blok yang paling hebat diserang pijat, enggan melakukan sebarang usaha menghapuskan pijat malah mengatakan



membunuh sebanyak 50 ekor. Empat ekor semut dibawa masuk dengan tujuan semut itu akan memakan telur pijat. Ada pertunjukan silap mata dan perbahasan atas tajuk 'Per-sundalan Terkawal oleh Kerajaan'.

- 5 Dilaporkan kedua-dua kapal *Empress of Japan* dan *Duchess of Bedford* telah dibom selama lima jam setelah berlepas meninggalkan Singapura pada 30 Januari. Asahi maklumkan kepada wakil kami, Dr. Johns, bahawa pengawal-pengawal Sikh kini adalah agen Jepun (walaupun masih menjadi rakyat British) dan justeru mereka mesti dihormati dengan membongkokkan badan. Kalau tidak, Dr. Johns dipertanggung-jawabkan atas apa jua kesalahan yang dilakukan oleh orang tawanan dan akan dihukum seperti yang sepatutnya. Komandan Kem yang baharu bertugas di bawah Asahi, namanya Toyoda, dipercayai seorang pegawai waran dalam pasukan polis.
- 6 Toyoda mengeluarkan peraturan yang jelas mengenai peraturan membongkok badan kepada pegawai dan pengawal di Pintu Pagar Utama, di hadapan Bilik Pengawal dan di pintu masuk ke Blok Wanita. Perkataan penting yang mesti diingat iaitu: (i) *Kiotski* (berdiri tegak), (ii) *Kiri* (bongkok), (iii) *Yasume* (senang diri). Berita penghantaran pulang terbaharu ialah kapal *Kamakura Maru*, kapal kedua yang terbabit dengan rancangan pertukaran, akan berlepas dari Lourenco Marques dengan penumpang seramai 870 rakyat Jepun tidak lama lagi, sementara *Tatuta Maru* akan tiba tidak lama lagi ke Singapura dengan membawa kumpulan pertama 887 orang rakyat Jepun (400 orang berasal dari Tanah Melayu). Lagi Pameran Seni Lukis dan Kerja tangan diadakan. Ada beberapa karya seni lukis yang sangat baik dan kerja tangan yang diperbuat daripada tempurung kelapa; dan juga kerja jahitan dari Blok Wanita.
- 7 Toyoda ternyata lebih dahsyat daripada Tokuda. Malam tadi dia bercakap panjang memarahi kumpulan pancaragam kem selama 20 minit kerana gagal memberi hormat yang cukup

---

mereka dibawa ke mari bukan dengan tujuan berperang dengan pijat. Jika dipicit, baunya tidak busuk sangat, tetapi gigitannya tidak gatal sangat atau menyebabkan bengkak.

kepadanya dan mengugut memberhentikan sebarang kegiatan muzik. Kumpulan pancaragam sibuk membuat latihan biasa di dalam sebuah bilik sebelah kedai dan tidak sedar kehadiran Toyoda. Pegawai ini juga gemar memaksa kumpulan yang menjalankan tugas luar melakukan gerakan senaman berulang kali 3 atau 4 minit dengan tujuan memerangkap. Sekiranya ada orang Cina yang gagal membongkok kepada pengawal Sikh, mereka dipukul serta diikat untuk sehari dua tanpa diberi air atau makanan.

- 8 Berita angin tentang kejatuhan Canton dan Hongkong ke tangan pasukan Cina. Wakil baharu untuk tingkat kami ialah Jennings, bekas pengurus Hotel E & O Pulau Pinang. Dia menggantikan Martin yang meletak jawatan kerana menghidap sengal-sengal tulang. Tamat membaca *Typhoon* karya Conrad; dan kini membaca *Typee* karya Herman Melville. Saya juga tamat membaca Injil bab *St. Luke*. Sebanyak 1400 buku baharu diterima daripada Perpustakaan Raffles,<sup>123</sup> tambahan yang dialu-alukan. Perbelanjaan kem, kebanyakan wang penghuni sendiri, kini berjumlah sebanyak \$298 000.00 melebihi \$100.00 seorang dan bersamaan 77 sen seorang sehari. Asahi bertanya sama ada kami mahukan radio atau projektor filem. Jawapannya ialah tayangan filem Amerika, asalkan tiada mengandungi program propaganda. Difahamkan juga, radio yang akan dibekalkan itu, sekiranya dipersetujui, ialah gelombang sederhana, yang pada waktu ini dibenarkan ke udara di Singapura semenjak 7 Ogos.
- 9 Tipson, seorang mubaligh dan pengarang kamus bahasa Cina-Inggeris, memberi ceramah yang menarik tentang pelbagai terjemahan kitab Injil. Dia menyebut May Jones, seorang gadis Welsh yang amat ghairah dengan kitab Injil dalam bahasa Welsh di Bala pada tahun 1804, telah membawa kepada penubuhan Persatuan Injil British dan Asing. Dikatakan hanya seramai 600 daripada 2000 askar Gurkha yang berjuang di pihak

---

123 Buku-buku ini terbukti berfaedah. Sekumpulan pustakawan akan memberi pinjaman setiap hari, tetapi yang lebih mustahak, ialah membaikinya. Kesemua buku mesti dicap dengan penapisan Jepun yang menunjukkan kelulusannya. Kami cukup senang mendapat buku, yang kurang cuma tiada ruang untuk bersendirian di dalam kem yang padat begini. Bagi saya, tempat yang paling tenang ialah atas tutupan tangki septik di Halaman Utama.

kita masih hidup selepas kalah. Sejumlah 12 orang suami dibolehkan menemui isteri masing-masing setiap hari. Sejumlah 6 buah bekas sampah hendaklah dibuang sampahnya dan kembalikan setiap hari ke Blok Wanita, justeru itu satu jadual giliran yang membolehkan para suami menerima bekas yang penuh dengan sampah daripada isteri mereka sendiri dan jadual yang satu lagi ialah para suami membawa balik bekas kosong dan menyerahkannya kepada isteri yang berkenaan!<sup>124</sup> Tetapi sebarang perbualan hendaklah ringkas kerana kehadiran pengawal. Kelas pelajaran yang diadakan dalam masa 6 bulan pertama kami dalam penjara berjumlah 95 buah dan dihadiri oleh 1854 orang tawanan yang mempelajari 22 mata pelajaran, seperti yang dilaporkan.

- 10 Dilaporkan negeri Jepun telah dibom oleh 1000 buah kapal terbang dan 35 orang terkorban. Akibatnya, pegawai-pegawai tentera darat dan laut Jepun menghunus pedang masing-masing di Southern Hotel, Singapura. Tentera darat mempersalahkan tentera laut yang menyebabkan mereka tewas, kata berita angin. Orang Cina dikatakan amat bergembira mendengar berita Canton ditawan dan Hong Kong kena bom. Edmonds dipilih semula menjadi wakil Blok 'B'. Ada cerita lagi bagaimana para pegawai Jepun kelihatan meninggalkan bilik persidangan peringkat tertinggi dengan linangan air mata tetapi di mana atau kenapa, tidak siapa pun yang tahu! Kami dapat tahu bahawa kapal *S.S. Lee Siang* (?) yang berlepas dari Singapura pada hari Rabu sebelum kekalahan telah karam, bersama-sama *Gorgon* dan *Empire Star*. Dilaporkan Jepun menembak dua orang British dan dua orang Australia lain-lain pangkat kerana cuba melarikan diri. Ada cerita lagi ialah Jepun cuba memaksa seramai 17 000 Orang Tawanan Perang di sebuah kem tentera Changi yang berjiran dengan kem kami untuk menandatangani kad perjanjian tidak cuba melarikan diri. Tentera itu dinafikan makanan atau tempat perlindungan di bawah matahari tropika selama tiga hari sehinggalah Jepun mengugut untuk membawa keluar mereka yang sakit dan cedera dari tempat mereka berbaring. Tentera itu dinasihatkan

124 Tanda 'H' pada peta lakar Changi menandakan tempat pertemuan harian. Cik Foss, bekas guru besar sebuah sekolah perempuan di Kuala Lumpur.

- menandatangani "dalam paksaan".<sup>125</sup> Empat orang serdadu yang disebutkan di atas ditembak oleh pengawal Sikh dan disempurnakan oleh Jepun.
- 11 Baca *New Arabian Nights* R.L. Stevenson. Pancaragam "Beachcomber" (iaitu Budak-budak Asia) mengadakan konsert di Halaman Utama. Garcia tidak dibenarkan menziarahi ibunya di Blok Wanita. Ini kali pertama berlaku dan tiada sebab diberikan.
  - 12 Ada rancangan untuk memberi kelapa, kurma, pisang dan gula-gula dengan percuma kepada mereka yang teruk iaitu yang kehabisan wang, tetapi timbul percanggahan pendapat sama ada telur itik termasuk dalam senarai diberi percuma (telur itik sebiji 12 sen) atau tidak. Bagaimanapun, tidak pula dirancang pinjaman \$5.00 sebulan kepada yang "teruk" untuk satu tempoh yang belum ditentukan. Seorang jurucakap Jepun memberitahu bahawa masih ramai rakyat Amerika dan British berada di Shanghai, anggaran Craighe kira-kira 4000 orang atau lebih, tetapi kebanyakan mereka keturunan India.
  - 13 Ada berita baik bahawa Rusia sedang bertahan di Stalingrad dan Rommel kehilangan Ketumbukan Tentera Ketiga semasa berundur di Libya. Mendengar khutbah Archdeacon Graham White pada minggu ini dan kemudian menonton konsert mingguan dengan lagu-lagu pop oleh pancaragam.
  - 14 De Muth, seorang peguam tua Singapura, susut badannya 7 ston dalam masa tujuh bulan; berat asal 18 ston kini menjadi 11 ston. Baca *Hucklebery Finn* Mark Twain. Bilik 40, sebelah bilik kami, menjalankan kempen bunuh pijat. Dinding ditembak dengan air, lubang-lubang pada dinding ditutup dengan sabun dan kemudian disapu putih menjadi seperti baharu. Setiap pijat yang muncul senang dikesan kerana badannya hitam apabila merayap-rayap pada dinding yang putih.
  - 15 Tujuh bulan selepas kekalahan. Baca semula *Life of Sir Marshall Hall* Majoribanks. Lima orang dipilih untuk menjalankan tugas mencari maklumat mengenai orang awam yang ditahan di Singapura, keluar hari ini. Mereka termasuk dua

---

125 Peristiwa berlaku dalam Berek Selarang, Changi.

orang penyunting *Changi Guardian*, sementara tugas mereka dalam akhbar diambil alih oleh Dr. Devine dan Peter Gurney dari jabatan saya.

- 16 Lagi berlaku wabak berak darah di Blok 'B'. *Tatuta Maru* kini tiba dari Lourenco Marques. Harapan pertukaran orang tawanan masih tinggi memandangkan ramai rakyat British masih berada di China atau di Jepun. Keyakinan ini diperkuat lagi dengan berita daripada seorang anggota Salvation Army yang baharu balik dari negeri tersebut menjelang permulaan perang.
- 17 Berita angin mengenai bermulanya serangan British ke Burma. Sebanyak 2000 buah kapal terbang digunakan dan menggugurkan sejumlah 3600 tan bom di Bremen. Untuk membunuh pijat kami menampalkan lubang-lubang dinding bilik kami dengan sabun. Baca *Mirror of the Sea* karya Conrad.
- 18 Saya dengar bahawa E.H.S. Bretherton (Pelajaran) dan seorang pegawai daripada Askar Melayu, berlepas lari ke Sumatera pada 15 Februari dan paling akhir mereka dilihat menaiki sebuah kapal yang bertolak ke Colombo.<sup>126</sup> Beberapa berita angin terbaharu: Jerman menggunakan gas dalam serangannya ke atas Stalingrad; anak-anak kapal di dalam dua buah kapal perang Jerman menderhaka di Laut Baltic dan Amerika menawan sebuah kapal pembawa pesawat terbang Jepun dengan 73 buah pesawat masih berada di atasnya!
- 19 Ada laporan mengatakan G.A.T. Allen (Kastam) terbunuh apabila unit meriamnya terkena bedilan tepat di Changi. Beberapa orang pegawai kastam, yang menyertai Pasukan Simpanan Sukarelawan Laut, nampaknya ramai yang terbunuh, kecuali Tufnell dan Cantrell, dikatakan selamat sampai ke Colombo. Seorang lagi pegawai kastam, bernama Langdon, belayar dalam sebuah bot sejauh 150 batu, tiba ke Sumatera dan bebas selama 19 hari sebelum kena tangkap. Saya dapat

<sup>126</sup> Bretherton dan rakannya dikatakan berjaya melepaskan diri tanpa disedari oleh pengawal ketika dalam perbarisan berjalan kaki ke sebuah kem penjara, sebaik sahaja selepas kekalahan. Mereka berjaya sampai ke pantai, dan dapat sebuah bot untuk berlepas lari, dan akhirnya sampai ke Ceylon. Pada suatu ketika dalam masa pelarian, Bretherton menderita kelumpuhan sementara pada sebahagian badannya.

sebuku kek daripada Puan Edge, isteri kepada seorang kakitangan jabatan saya, kini dalam kem tentera. R.C. Weston seorang peladang di Seremban, 59 tahun, mati akibat ketumbuhan dalam otak.

- 20 Seramai 40 orang jurutera tiba, tinggal lagi seramai 26 orang masih belum sampai. Dua orang pegawai kastam, Pickthall dan Arnold, dikatakan meringkuk di dalam penjara Palembang. Beberapa orang askar Australia yang ditangkap kerana mencuri rokok "Pirate" di Singapura, dikatakan telah disebat 50 kali tiap-tiap seorang dengan cemeti pukul anjing, kemudian mereka disumbatkan ke dalam van Cold Storage (stor pendingin) beberapa jam sehingga mereka hampir lemas. Dua orang gadis serani, yang mengatakan British akan kembali, telah dibogelkan dan diikat di Raffles Place dan dibiarkan selama sehari. Dilaporkan, orang Cina telah mencuri tiga juta pusingan ubat bedil dari sebuah gudang. Stalingrad masih dipertahankan daripada serangan Jerman.
- 21 Buat pertama kali panggilan nama kami diadakan kerana seorang tawanan Eropah ditemui di luar tembok penjara pada pukul 3.00 pagi. Pesalah itu ialah seorang bekas pegawai penjara yang gemuk dikenal sebagai "Barrel" Roberts, yang juga dianggap sebagai pelawak terbaik di dalam kem kami. Roberts dapat memanjat kedua-dua tembok dengan bantuan tangga tali<sup>127</sup> yang direkanya dan dengan tujuan mencari makanan atau perempuan. Ceritanya, dia terlalu mabuk dan badannya berat untuk memanjat tali pulang ke penjara, maka terpaksa dia mengetuk pintu penjara untuk masuk semula. Seorang Tamil yang dituduh memberi rokok kepada seorang tawanan, dilaporkan diikat di pintu pagar hadapan selama dua hari. Dilaporkan seorang jurutera yang bekerja di luar, bernama McFee, dihukum penjara dua tahun kerja berat kerana memukul seorang bangsa Austria yang ditempatkan di pejabat Kempitai Jepun (Gestapo).
- 22 Seorang Serani, bernama Dumbleton, dipukul hari ini kerana terbabit dengan peristiwa "Barrel" Roberts. Sementara "Barrell" Roberts, dipukul pada hari kelmarin setelah dia men-

127 Menara pengawal yang bertanda 'G' pada peta lakar Changi, di situlah dia memanjat.

ceritakan bagaimana dia terlepas keluar. Baca *Mr. Standfast* Buchan.

- 23 Saya mengirim kepada adik saya lagi sebuah bungkusan kecil. Seorang pengawal Sikh hari ini bersungut, katanya, dia sendiri menderita kerana peristiwa "Barrel" Roberts. Dia menambah, seboleh-bolehnya, dia ingin lari dari sini. Empat orang terbabit dengan "pelarian" Roberts - Dumbleton, dua orang Kanada, Paul James dan McDonald, dan Roberts sendiri. Saya difahamkan bahawa tiga orang wanita Melayu di luar sana telah disoal siasat. Tanah lapang seluas  $2\frac{1}{4}$  ekar di luar pintu pagar hadapan ditanam jagung.
- 24 Rusia berjaya melakukan serangan balas di Stalingrad dengan bantuan tentera di bawah pimpinan Jeneral Budenni yang didatangkan dari Siberia. Kepulauan Solomon juga dikatakan telah bebas daripada angkara Jepun. Empat orang pesalah yang ditahan di pintu pagar hadapan telah dibebaskan daripada Bilik Pengawal. Laporan yang berbeza-beza tentang sejauh manakah teruknya hukuman yang dikenakan kepada mereka berempat, tetapi Dumbleton dikatakan paling teruk kerana memanggil tukang sebatnya dengan panggilan nama. Bagaimanapun, kesemua mereka mendapat lebam di belakang dan dihantar ke hospital.
- 25 Baca *Joseph Andrews* Fielding. Disyaki bahawa seorang kaki-tangan jabatan ukur tertawan dan dibunuh apabila Jepun mendarat di Bekok dekat Batu Pahat. Cakap-cakap fasal penghantaran pulang menjadi rancak semula apabila Jepun meyoal seorang wanita Serani di Blok 'A'.
- 26 Sebanyak 2000 tan kelengkapan tikar bantal tiba dengan kapal *Tatuta Maru* tetapi untuk Orang Tawanan Perang, bukan untuk kem kami. Kapal pertukaran kedua *Kamakura Maru* juga tiba di Singapura. Laporan mengatakan Rusia beroleh kejayaan besar di Stalingrad dan wilayah utara medan perang.
- 27 Dilaporkan kedua-dua bandar Akyab dan Mandalay di Burma ditawan. Gabenor dan rombongannya dikatakan telah sampai di Formosa pada 31 Ogos. Paderi Colin King dari jabatan kami memberi khutbah mingguan.
- 28 Baca *Roderick Random* Smollett. Jepun memberitahu bahawa

mereka tidak lagi mengeluarkan rokok dan tepung selepas 8 Oktober. Dengar cerita kelengkapan tikar bantal yang tidak tiba ke kem kami dan kini keadaan bekalan makanan pula, kian memuramkan suasana. Jawatankuasa Kem kini mengeluarkan "kaki lari" daripada pasukan petugas biasa untuk kembali ke kem tentera. Nama mereka akan dikeluarkan sebelum 30 September.

- 29 Saya menjalankan tugas mencuci buat kali terakhir kerana tidak tahan lagi bekerja di sini. Pasukan yang mengambil bekalan di Keranji (dekat Tambak Johor) hari ini, mendapat tawaran wang sebanyak \$5.50 daripada sebuah kedai makan Cina. Penduduk Cina memandang masa depan dengan penuh optimistik.
- 30 Perkelahan di pantai diadakan lagi hari ini. Pertemuan antara tawanan lelaki dan wanita, bukan suami isteri, dibenarkan sekarang. Pengawal Sikh memukul seorang tawanan kerana enggan mencuci bilik pengawal. Khabar angin yang terbaharu ialah orang perempuan, kanak-kanak dan lelaki "terpilih" akan belayar ke Lourenco Marques dalam masa 10 hari! Dilarporkan Jepun kini membina landasan konkrit di Lapangan Terbang Kallang, 100 ela lebar dan dua batu panjang. *Syonan Times* tidak menyiarkan berita-berita perang dalam beberapa hari kebelakangan ini; hari-hari kemenangan bagi Jepun dan sekutu Axisnya telah berakhir.

### *Oktober*

- 1 Dua buah lori penuh dengan muatan barang makanan tiba di kem, tidak kepada tentera India. Barangan itu termasuk gula, tepung, dal, minyak sapi dan rokok. Jepun enggan memberi apa-apa kepada Gurkha kerana mereka enggan bekerjasama dan bekerja untuk mereka sahaja.
- 2 Hari ini, genap 16 tahun perkhidmatan saya di Tanah Melayu. Baca *Tom Jones* Henry Fielding. Sebuah "Parlimen" olok-olok ditubuhkan dengan tiga parti dalamnya iaitu Komanwel, Perlembagaan dan Bebas, tiap-tiap satu mempunyai program tersendiri.
- 3 Semua tawanan akan mendapat tambahan gula. Ini sebahagian



daripada 5000 paun bekalan yang disebut dua hari dahulu. Enam buah lori membawa makanan kami tiba hari ini. Stalingrad masih bertahan daripada segala serangan Jerman. Orkestra kem mengadakan konsert biasa.

- 4 Dilaporkan poskad yang dikirim pada 20 Jun kini sudah tiba di rumah. *Syonan Times* melaporkan masih ada seramai 4000 orang rakyat British dan 1500 Amerika di Shanghai – suatu tamparan kepada harapan untuk pulang. Sebaliknya, ada khabar angin mengatakan orang tawanan di Hongkong akan dihantar pulang kerana kekurangan makanan di daerah itu. Brigedier Lord, Salvation Army, berkhotbah minggu ini.
- 5 Lagi barang makanan tiba tetapi butirnya tidak diketahui. Dilaporkan seorang India di Singapura ditangkap kerana mendengar siaran radio dari Calcutta atau New Delhi; gendang-gendang telinganya dicucuk. Lagi cerita pembunuhan beramai-ramai atas 60 orang Serani di Johor kerana seorang Serani, Carvello, membantah sebab anak gadisnya dirogol atau mendapat layanan buruk. Jepun mengharamkan “parlimen” olok-olok di Changi. Orang tawanan membahaskan secara umum sama ada makanan yang dibawa baharu-baharu ini patut diberi terus kepada orang tawanan (seperti gula baharu-baharu ini) atau tidak, begitu baik untuk diedarkan bersama-sama bekalan kami dari dapur. Ada khabar angin mengatakan Jepun hampir-hampir tersingkir keluar dari New Guinea.
- 6 *Syonan Times* melaporkan seramai 20 000 keluarga berada di ambang kebuluran di Singapura, bukan disebabkan kekurangan makanan. “Makanan banyak” tetapi mereka tidak mendapat bahagian secara adil. Surat khabar kem, *Changi Guardian*, memikirkan bekalan makanan yang dihantar baharu-baharu ini jangan diberi lagi sekarang, kerana kemungkinan keperluan akan menjadi genting dalam masa empat bulan sekiranya Jepun mengurangkan bekalan makanan nanti. Seramai 34 orang Serani dan Asia membuat rayuan agar mereka dibebaskan dari kem kami.
- 7 Jepun dilaporkan berpindah dari Kepulauan Aleutian dan Jerman dari Tobruk. Tiga orang jurutera tiba hari ini dan Jawatankuasa Kem kini meminta agar mereka yang masih tinggal di luar dimasukkan segera ke mari. Jepun sibuk memanjang-

kan landasan di kedua-dua lapangan terbang, Tengah dan Kallang. Wakil lelaki kami memberi ceramah tentang pengagihan bahan makanan. Telah diputuskan bahawa tiap-tiap seorang akan menerima hanya tiga tin susu untuk sementara dan menyimpan stok susu selama enam bulan. Ditegaskan juga bahawa bahan makanan yang baharu tiba itu bukanlah khusus untuk "tawanan awam". Pada masa yang sama kami mendengar bahawa seramai 2500 Orang Tawanan Perang masih berada di hospital yang bersebelahan penjara kami.

- 8 Ada sebuah rencana dalam *Syonan Times* yang mengendalikan "sungutan" rakyat yang hidup dalam "Order Baru" di Jepun. Suami isteri kini dibenarkan menulis surat antara satu sama lain, sepucuk surat dalam seminggu. Bahan makanan pertama iaitu susu tin diedarkan hari ini. Tambahan kepada stok susu tin selama enam bulan, disimpan oleh Jawatankuasa Kem. Satu tan 'Marmite' juga disimpan sebagai persediaan sekiranya beras bersih tiada lagi. Kami tidak lagi membeli makanan yang bernilai \$40 000.00 sebulan seperti dalam bulan Julai; kini cuma \$4000.00, sekalipun ada wang boleh membeli lebih. Simpanan enam bulan untuk bekalan ubat dan bahan keperluan wanita, kanak-kanak dan mereka yang cacat anggota, juga disediakan. Semua keputusan Jawatankuasa Kem diterima ramai dengan baik, sekarang ada jaminan untuk menyelia kakitangan dapur dengan lebih tegas dan ada akauntan untuk menyemak segala keluaran bekalan makanan. Disangsikan orang tawanan di Palembang dan Padang, Sumatera mendapat layanan baik, kerana mereka hanya ada sedikit wang untuk menokok tambah bekalan makanan. Bagi kami, ini telah menelan belanja sebanyak 35 000 atau kira-kira \$300 000.00 hingga hari ini.
- 9 Ada berita angin yang mengatakan Sepanyol, Portugal dan Argentina telah memutuskan perhubungan diplomatik dengan Kuasa Axis. Saya mendapat nota daripada Gaga.<sup>128</sup> *Syonan Times* melaporkan *Lisbon Maru*, beratnya 7000 tan, membawa 1800 Orang Tawanan Perang British dan Australia telah kena torpedo kapal selam Amerika dalam pelayaran ke Jepun pada 1 Oktober. Beratus-ratus yang terselamat.<sup>129</sup> Kami dapat be-

128 Gaga ialah gelaran Kapten David Lloyd, Batalion 2/30 A.I.F.

129 27 September 1942, *Lisbon Maru* berlepas dari Hong Kong membawa Orang Tawanan Perang British, yang mengandungi anggota unit Tentera Laut Diraja.

kalan vitamin A, gula-gula "caramel" dan ½ paun koko tiap-tiap seorang.

- 10 Harapan dihantar pulang bertambah meleset dengan kenyataan Tuan Asahi yang dilaporkan tiada kapal lagi untuk penghantaran pulang yang tiba di Singapura. Mereka yang sangat berharap, kiranya ada kapal, Lady Heath yang terlantar sakit, masih tenat, bolehlah dia pergi. Dia diberi pemindahan darah, nampaknya. Jepun sedang menyediakan satu senarai pegawai eksekutif yang penting seperti pengurus besar ladang getah, bank dan sebagainya. Ahli majlis mesyuarat, dan pengerusi lembaga kesihatan awam. Jepun mengendalikannya peperiksaan bahasa Jepun (Nippon-Go) di Dewan Sekolah Clifford, Kuala Kangsar, pada 2 Oktober. Seramai 75 calon lelaki dan dua perempuan mengambil peperiksaan itu. Hanya beberapa bulan dahulu sayalah guru besar sekolah ini! Naiffe, bekas Pegawai Daerah Victoria Point di Burma, tiba dari Banpong dekat Bangkok. Ada seramai 1000 Orang Tawanan Perang British di Banpong dan perjalanan kereta api dari Bangkok ke Singapura mengambil masa selama 2½ hari.
- 11 Jepun dikatakan telah berpindah dari Buria di New Guinea. Selfe, seorang teman lama sekolah, dan dua orang lagi menerima berita radio secara rasmi daripada keluarga masing-masing melalui Radio New Delhi dan lima orang tawanan menerima surat melalui Palang Merah. Brigedier Lord memberi khutbah. Baca *St. Ives* R.L. Stevenson.

---

Royal Scots dan Middlesex Regiment, juga 800 askar Jepun. Pada 1 Oktober ketika berada dekat kepulauan Sing Pang, ke selatan Shanghai, kapal itu ditembak dengan torpedo oleh *U.S.S. Grouper*, sebanyak enam biji torpedo dan cuma dua buah yang kena kapal. Kapal tidak karam selama 24 jam, tetapi setelah menyelamatkan 800 orang itu, Jepun langsung tidak berusaha untuk menyelamatkan tawanan perang yang terperangkap dalam tiga ruang bawah kapal yang ditutup dengan kain terpulun yang berat menutupi lubang dek kapal. Kemudiannya, beratus-ratus tawanan perang berjaya memecah lubang itu dan berenang ke pulau-pulau berdekatan. Mereka kemudiannya diberkas semula oleh pasukan marin Jepun dan dibawa ke Shanghai. Cuma 973 orang sahaja terselamat daripada bencana ini dan selanjutnya 244 orang mati dalam tahun berikutnya. Jepun cuba menjadikan propaganda anti-Amerika daripada peristiwa ini, tetapi gagal kerana tiga orang yang ditolong oleh penduduk pulau berlepas lari ke Chungking, dari sana cerita sebenar tragedi sampai ke pengetahuan Pejabat Luar pada Januari 1943.

Untuk bacaan selanjutnya, lihat Bab 12 Oliver Lindsay 1981. *At the Going Down of the Sun (1941 - 1945)*. Hamish Hamilton.

- 12 Kelmarin saya buat perjalanan pertama dengan sebuah lori untuk mengangkut sayur dari Singapura dan dapat bercakap-cakap dengan Eng Chen, seorang kerani Cina di firma akauntan Evatt and Co. Dia memberitahu tentang kekurangan makanan. Singapura nampak lebih bersih daripada mula-mula saya tiba dahulu dan banyak rumah dicat putih semula terutama yang di Stamford Road. Seorang pekedai Cina memberi kami sebiji nanas dan dua butir pisang tiap-tiap seorang. Saya dikenali, saya fikir, oleh beberapa orang sukarelawan, di suatu tempat di jalan kira-kira dua batu dari sini. Kira-kira 15 orang askar biasa meninggalkan kami, berpindah ke kem tentera hari ini; mujur Jepun nampaknya tidak berminat dengan sukarelawan.<sup>130</sup> Salah seorang askar yang pergi ialah Koperal Chatwin (atau Chatkin), selalu membawa gaya Ansell,<sup>131</sup> bekas peladang, yang menyertai pasukan Loyals dan hilang di daerah Johor Tengah. Saya juga bertemu Storch, di Singapura, seorang ahli batu permata dan kini pengurus Hotel Adelphi; juga bertemu Wade dan Miller dan Puan De Moubray, kesemua mereka bertugas dengan Palang Merah Antarabangsa. Mereka melaporkan motokar saya tiada lagi di dalam garaj di belakang Rumah Kastam, tempat saya tinggalkan kereta itu dahulu. Mereka juga memberitahu bahawa Jepun sedang membina sebuah landasan terbang yang besar di Kallang merentasi Grove Road dan dikawal oleh askar Korea. Buat kali pertama saya keluar menjalankan tugas mencari kayu api. Kami buat dua perjalanan, dengan menarik sebuah lori tanpa enjin,<sup>132</sup> dan
- 130 Sebenarnya sedikit sekali sukarelawan di dalam kem kami, barangkali tidak lebih tiga atau empat orang. Seorang yang saya kenal benar ialah M.C.ff. Sheppard dan Allen (Kedah).
- 131 Ini sebuah cerita aneh. Sekian lama Koperal Chatwin, askar biasa dari pasukan Loyals, menggayakan dirinya sebagai anak atau anak saudara Ansell yang saya jumpa pada bulan Januari 1942. Chatwin tahu bahawa anak Ansell telah disahkan "hilang" oleh Loyals, justeru itu tidak syak lagi dia akan selamat dengan meniru gaya seorang awam dalam kem kami. Apabila saya ternampak nama samarannya dalam senarai tawanan Changi, saya terus menghubunginya. Dia kelihatan amat berbeza dengan Ansell sebenar yang amat saya kenal. Tetapi pada hari hendak berlepas ke kem tentera, dia mengaku namanya bukan Ansell dan soalan-soalan saya telah menimbulkan kebimbangannya. Saya memberi jaminan bahawa bukanlah niat saya untuk menyerahkannya kepada Jepun tetapi semata-mata untuk mengumpulkan maklumat baharu mengenai kehilangan anak Ansell di Parit Sulong.
- 132 Jepun sering menyalahkan kerajaan kita kerana kurang pengangkutan, kerana kami membinasakan stok simpanan petrol sebelum kalah. Setiap lori kayu

memuatkannya dengan beberapa ketulan balak untuk dibakar di tempat jerang air di dapur. Hadir dalam siri pertama ceramah sejarah Tanah Melayu yang disampaikan oleh Neilson.

- 13 Berita sampai kepada kami mengenai Frank Vanrennan, Bill Harvey dan Graham dan mungkin seorang lagi Kapten Nugent, telah ditangkap dan ditembak di pantai Tanah Melayu. Beberapa barang tertentu kepunyaan mereka ditunjukkan oleh Jepun sebagai bukti; hanya itu sahaja yang merupakan bukti setakat ini. Dua orang lagi, yang juga berlepas lari pada waktu yang sama dari Penjara Pudu dan dapat diberkas semula, telah dijatuhkan hukuman bunuh tetapi akhirnya diampunkan dan kini balik ke Penjara Pudu, Kuala Lumpur.
- 14 Seorang tawanan bernama Harrison dari Robinson and Co. telah dikurung kerana bercakap besar kepada seorang pengawal Sikh bahawa Jepun kena belasah di Pasifik dan tidak lama akan dibelasah di sini pula. Neilson memberi ceramahnya yang kedua.
- 15 Saya pergi dengan sebuah lori kecil, kali ini ke Joo Chiat, untuk menghantar dua rangka katil dan sebuah peti sejuk ke sebuah rumah kini didiami oleh jurubahasa Jepun, yang pada satu masa dihuni oleh Laycock, peguam Singapura dan penanam orkid. Baca *The Rover* karya Joseph Conrad. Kami dengar 90 bungkusan Palang Merah dalam perjalanan – yang pertama bakal diterima.
- 16 Bob Chrystal,<sup>133</sup> peladang Sungai Siput, Perak, dilaporkan berada di dalam penjara Taiping, begitu juga Dr. Lawrie. Ini diberitahu oleh Dr. Moreira di Hospital Miyako. Wakil blok kami menerangkan kepada kami makna borang "jaminan" Jepun yang dijangka kami akan menandatangani esok. Kami mesti berjanji patuh kepada semua peraturan kem dan tidak cuba berlepas lari.

---

ditarik oleh, barangkali, 10 baris dengan empat orang sebaris (setiap baris di belakang yang lain), dan berpegang pada kayu yang diikat pada lori dengan rantai penambat.

- 133 Ini tidak betul. Bob Chrystal menghabiskan waktu dalam hutan sepanjang masa perang dan masih hidup sekalipun kesihatannya, termasuk barah usus, yang mengganggu apabila pecah perang. Selepas perang dia sekejap sahaja berada di Tanah Melayu; bersara ke Perth, dan meninggal dunia ketika berusia 80 tahun.

- 17 Kesemua tawanan berbaris pada pukul 9.30 pagi di Girdle Road, iaitu ruang antara bahagian luar dan dalam tembok. Pada pukul 12.00 tengah hari semua orang tawanan yang huruf pertamanya 'A' dan 'L' telah menandatangani borang perjanjian. Selebihnya menandatangani pada pukul 1.00 tengah hari. Cuma empat orang sahaja dikatakan enggan menandatangani dengan segera, tetapi mereka juga menandatangani kemudian. Baca *Don Quixote Cervantes*.
- 18 Saya kini sudah seminggu menghidap cirit. Jepun nampaknya kehilangan beberapa buah kapal dekat Kepulauan Solomon.
- 19 Adrian Clarke memberi ceramah tentang "Perlembagaan dan Pentadbiran Tanah Melayu". Gridley pergi bekerja di seberang Tambak Johor dan pulang dengan membawa berita gembira. Semua orang Asia yang ditemuinya menyambut dengan baik. Jepun telah mendirikan kuil di tempat pegawai Jepun mati dan sebuah daripadanya cuma lima ela dari sebuah pam petrol.<sup>134</sup> Sebuah tempat bertentangan dengan Yacht Club, tempat Jepun mula menyeberangi Selat Johor ke Singapura dalam bot perang, diberi tanda lengkap dengan pelan terperinci menunjukkan 15 buah tempat mereka mendarat dalam garisan sejauh 1 ½ batu. Se jauh 70 kaki jurang di Tambak Johor dibuat jambatan kayu untuk menyeberang dan masih ada lubang menembusi Menara Pejabat Kerajaan di Johor Bahru, meriam kami pernah membedilnya kerana Jepun menggunakannya sebagai menara mengintip.
- 20 Hari jadi Garcia. Kami makan ikan salmon dalam tin dan kek daripada emak Garcia untuk merayakannya. Lagi berita angin hantaran pulang. Empat buah kapal pertukaran, termasuk *City of Paris* dan *Narkunda* telah berlepas dari England. Nampaknya, suatu perjanjian baharu sedang dirundingkan di Switzerland untuk pertukaran orang awam, mungkin ada mungkin tidak kena-mengena dengan kami. Seorang pegawai Jepun dilaporkan berkata: "Barangkali, saya fikir." Sekum-
- 
- 134 Jepun juga membina Tugu Kenangan Perang atau kuil untuk mengenang mereka yang mati di atas sebuah bukit di barat Jalan Bukit Timah dan tidak jauh dari Tambak Johor. Difahaman tugu itu telah dibinasakan oleh tentera kami sebaik sahaja Pentadbiran British mengambil alih pada bulan September 1945. Sekarang hanya tinggal tapak kosong, 100 ela persegi, dengan tangga konkrit beratus anak tangga untuk sampai ke situ.

- pulan 12 orang Jepun melawat penjara kami dan kami dapat makan ikan kering untuk makan tengah hari buat kali pertama – tidak berselera.
- 21 Adrian Clarke memberi ceramah kedua tentang "Pentadbiran dan Pengagihan Kuasa Tanah Melayu". Jepun khabarnya mendaratkan tentera dan meriam di Pulau Guadalcanar. Amerika telah menduduki Liberia dan serangan hebat ke atas Creusot Works di Perancis. Jepun meminta senarai orang tawanan dalam kem ini mengikut kumpulan profesion.
  - 22 Kini genap enam bulan berada di kem ini. Persembahan konsert varia dengan "Pig and Whistle" sebagai latar belakang pentas. Keluar menjalankan tugas mencari kayu dan pertama kali menggunakan kereta sorong jenis gerabak sampah. Jawatankuasa Kem menderma sebanyak \$100 000.00 kepada Tabung Bencana Asia. Trevor Hughes MCS memberi ceramah tentang Portugal, sebuah negara yang dia amat tertarik. Rusuhan makanan dilaporkan berlaku di Singapura dan berita angin mengatakan seramai sembilan orang Jepun terbunuh.
  - 23 Semua bungkusan peribadi tertentu tiba di kem, tetapi cuma bahan kain yang disampaikan kepada alamat berkenaan, sementara makanan atau rokok tembakau dirampas. Pakaian seperti "sweater", jahitannya ditetas untuk mencari kalau-kalau ada berita tersembunyi. Bungkusan itu dikatakan datang dari Afrika Selatan. Seorang tawanan, bernama Liewellyn, hanya dapat pembalut bungkusan dan satu bungkusan datang daripada seorang bekas peladang Estet Dunlop bernama Ames, yang dapat melepaskan diri dengan sebuah bot pada hari Khamis sebelum menyerah kalah. Setengah bekalan perubatan yang diterima, dihantar ke hospital.
  - 24 Kami dengar Dawson, orang No. 1 Guthrie dan De Piro orang No. 1 MacAlister, terbunuh apabila kapal *Kuala* karam. Seorang bekas pegawai penjara bernama Bolton, sangat tenat kerana beri-beri, telah dikejarkan ke Hospital Miyako dalam keadaan kurang siuman. Kumpulan koir dan orkestra mempersembahkan konsert lagu-lagu Rusia yang baik, termasuk *Volga Boatman*.
  - 25 Berita diterima tentang kematian Miller, Chartered Bank,

kerana penyakit usus di Colombo; juga kematian McKerrow, orang No. 1 Patersons Simons. Beberapa orang yang terlepas dengan sampan dari Clifford Pier pada malam minggu kini berada di London, tetapi salah seorang daripadanya yang memutuskan tidak pergi bersama kerana botol airnya tiris masih ada bersama kami! Dilaporkan sebahagian besar tawanan perang di Changi sedang diangkut ke Bangkok di Siam. Surat-surat tiba daripada Seabridge, bekas penyunting *Straits Times* yang juga terlepas lari ke England.

- 26 Laporan serangan udara ke atas Tokyo dan Osaka, juga ke atas Genoa dan Trieste, tersebar. Seorang sukarelawan bernama Yates, 28 tahun, dilaporkan meninggal dunia kerana menghidap berak darah di Kem Orang Tawanan Perang dan juga dua orang serdadu yang baharu menyerah diri sakit tenat kerana malaria dan berak darah. Jepun dikatakan mengangkut 3 atau 4 ribu Orang Tawanan Perang setiap hari dan kelmarin konvoi lori yang mengangkut mereka melewati penjara kami, berterusan semenjak pukul 5.00 pagi. Saya sendiri nampak lima buah lori hari ini semasa saya sedang bekerja mencari kayu. Broadhurst, seorang pegawai polis, dilaporkan selamat di Australia, demikian juga halnya beberapa orang inspektor polis yang terlepas lari lebih awal. Baca buku *Guy Mannering* Scott. T.J. Thomas dari pejabat kami memberi ceramah "Geografi Tanah Melayu". Lagi khabar angin tentang Turki mengisytiharkan perang ke atas Axis. Kini kami sekali lagi mempunyai sebuah angkatan perang laut di Teluk Benggala untuk membantu penaklukan semula Burma.
- 27 Khabar angin lagi tentang Orang Tawanan Perang dengan ramainya diangkut ke Siam. Seramai 650 orang diangkut dalam setiap tren dan berjalan kaki selama tiga hari sesudah itu. Semua sukarelawan akan bertolak ke Siam esok, sebahagian askar Australia dihantar melalui laut ke Formosa atau Jepun. Askar India yang enggan menandatangani borang perjanjian tidak cuba melepaskan diri dihantar ke Pulau St. John, dekat Singapura, tetapi seramai 2000 orang yang sakit dan cedera masih tinggal di Singapura. Difahamkan bahawa beberapa orang sukarelawan dapat lari pada hari akhir (15 Februari), termasuk Ambler (pejabat kami) yang berkhidmat dengan Askar Melayu. Anggota lain-lain pangkat Askar



Melayu mengalami kecederaan seramai 200 orang, ketika ber-tempur. 'Blok 'B' berkelelah mandi manda. Lagi berita tentang rundingan pertukaran yang memasukkan kesemua rakyat British dan Amerika di Timur Dekat dan kemungkinan juga Orang Tawanan Perang yang cedera.

- 28 Menurut surat-surat yang diterima dari Afrika Selatan, kami dipercayai tinggal dalam rumah dengan selesa! Goodale, orang No. 1 dalam Roneo Limited, menghantar arahan untuk menjual segala harta kepunyaannya dan juga segala stok saham dalam firmanya, dengan tidak melupakan motokarnya, pada pendapatnya, bernilai \$1500.00 sudah cukup wajar! *Changi Guardian* memuat ulasan yang menyindir tentang Bagnall dan Bissekter yang dilaporkan masing-masing selamat tiba di Afrika Selatan dan England. Angkatan Laut Jepun dekat Solomon dilaporkan telah dibinasakan dan sebuah berita baik lagi dari Libya, menyatakan garisan pertahanan pertama Rommel telah ditembusi. Makanan dan pelbagai kemudahan lainnya untuk orang tawanan Sumatera diangkut ke kem kami dan ini menunjukkan tawanan Sumatera akan dibawa ke sini sebelum ditukar. Kapten Palmer, pemerintah Collier Oscar II, mengalami gangguan otak sehingga tidak lagi dapat mengenali isterinya di Hospital Miyako, tempat isterinya sedang terlantar sakit. Sebuah bom dikatakan meletup telah membunuh dua atau tiga orang pegawai Jepun di luar bangunan Cyrano di Singapura dan seramai 4000 orang Cina ditangkap sebagai akibatnya.
- 29 Dua orang sukarelawan, Riches, seorang peladang di Selangor dan Tulloch (Juruukur), kami nampak berada dalam lori pada hari kelmarin. Jepun mendakwa mendapat kemenangan besar di Solomon. Wabak berak darah bermaharajalela di dalam kem. Seorang tawanan susut badannya daripada 20 ston kepada 9 ston dan kemudian pulih berat badannya menjadi 11 ston dan baharu masuk semula ke Hospital Miyako.
- 30 Khabar angin tentang pemindahan ialah wanita, kanak-kanak dan orang tua sahaja yang akan berlepas pada 15 November dan setiap orang diberi peluang untuk menulis kepada saudara mara pada 3 November. Salah seorang daripada pemandu lori kami, bernama Colato, 48 tahun, mati akibat penyakit jantung.

- 31 Kami sibuk menulis poskad dan hanya dibenarkan menulis tentang penjara kami sebagai Kem Tawanan Changi. Kami dengan pegawai-pegawai polis, Marrable, Fenner, Macdonald dan Godwin pada masa kini berkhidmat dengan pasukan polis Nigeria. Mereka mendakwa bahawa setiap orang bebas untuk meninggalkan Singapura mulai hari Rabu lepas, empat hari sebelum kalah! Wagstaff (Pos dan Telegraf) dan dengan kumpulannya dapat lari pada petang minggu, juga selamat, dan Wheeler (Kastam) yang berlepas pada hari Sabtu, selamat sampai di Australia. Wakil Blok 'B' kami, Edmonds, berundur diri, dan Penseler, seorang jurutera lombong, dipilih menggantikannya dengan undi sebanyak 397, diikuti dengan Souter dan Bill Adam masing-masing mendapat 132 undi. Sebuah cerita aneh: seorang tawanan membeli gula-gula di dalam kem dan mendapati kertas bungkusannya itu ialah diploma kejuruteraan kepunyaannya sendiri. Didakwa bahawa Angkatan Laut Amerika kini menguasai sepenuhnya Lautan Pasifik bermula dari Laut Coral sehingga ke utara di Formosa. Kami menonton sebuah konsert yang amat baik, termasuk sebuah drama di tulis oleh Jenkins (Kastam) tentang dongeng ketua blok di Blok 'E'. Mula baca *Moby Dick Melville* tetapi didapati kurang menarik untuk meneruskan – satu-satunya buku yang pernah saya temui begitu!

### November

- 1 Khabar angin menyebut angkatan laut Laksamana Cunningham menyertai Angkatan Laut Amerika dekat Solomon dan Pulau Pinang dikatakan kena bom. Paderi Besar Graham White memberi khutbah. Paderi Wilson akan tiba dari Singapura untuk menjalankan pengesahan perkhidmatan; dan dia masih diberi kebebasan tertentu di luar penjara.
- 2 Saya keluar mencari kayu dan mendengar bahawa Jimmy Egan, peladang dari Perak, telah berlepas ke Siam bersama sukarelawan lainnya. Baca *Rain upon Gadshill* karya Priestley. Weisberg memberi ceramah bertajuk "Belanjawan Tanah Melayu". Bishop Wilson telah mengesahkan khidmat 28 orang calon. Dr. John, wakil pihak lelaki, menghantar sepucuk surat bantahan kepada Jepun berhubung dengan masalah bungkus-

an yang diterima baharu-baharu ini melalui Palang Merah. Beberapa orang serdadu yang melewati penjara kami di dalam sebuah lori telah ditempeleng dan mereka didera berjalan kaki kerana menunjukkan isyarat 'V' kepada kami.

- 3 Wanita, kanak-kanak dan orang tua berumur 60 ke atas dibenarkan bersiar-siar di luar penjara. Ini kerana menghormati hari keputeraan "Mikado yang agung", seorang Meizo. Puan Palmer, isteri Kapten Palmer, meninggal dunia di Hospital Miyako. Isterinya lumpuh sementara dia sendiri hilang akal. Seorang tawanan di Blok 'C' juga hilang akal; dia seorang Serani bernama Skinner. Jadi, sudah dua kes begini di Blok 'C' dalam masa seminggu. Semenjak 1 November, semua air minuman di dalam kem ini mestilah dimasak, kerana pihak Jepun kehabisan klorin untuk dimasukkan ke dalam bekalan air buat sementara. Kami dengar kini Jepun sedang melatih askar India yang pro-Jepun dalam pertempuran di jalan.
- 4 Jepun dengan tegasnya menguatkuasakan perintah bergelap pada malam ini dan esok. "Kubu Bergerak" dikatakan menggebom saki baki Angkatan Laut Jepun menyebabkan 53 orang Jepun maut dan 27 orang cedera. Seorang pengawal bangsa Sikh dilaporkan kena ikat selama empat hari kerana cuba lari daripada bekerja.
- 5 Baca *An Outcast of the Island* karya Conrad. Perintah bergelap sekali lagi dan dalam masa itu kami terdengar bunyi ketukan pada paip dan deringan loceng tetapi tidak tahu mengapa. Serangan di Libya dikatakan kemenangan kepada pihak kami dengan tertawannya 15 000 orang Jerman. Waldock (Jabatan Hutan) dan Shipton, peladang, nampaknya kena tembak di Kuantan, kerana tersalah sangka oleh Jepun sebagai pengintip. Jepun dikatakan kehilangan sejumlah besar angkatan lautnya – sebanyak 96 buah kapal dekat Solomon dan kedua-dua stesen Pulau Pinang dan Sungai Patani kena bom. Enam buah kapal tenggelam di Pelabuhan Pulau Pinang. Mejar Spencer Chapman, diiringi oleh Vanrennan<sup>134a</sup> telah masuk ke hutan dalam bulan Disember 1941 dekat Tanjung Malim, sempadan Perak – Selangor, yang jalan-jalan dalam hutan ditunjuk oleh Cuthbert

134a Untuk cerita selanjutnya tentang pergerakan Vanrennan, sila lihat S.O.E. dalam *Far East* oleh Cruickshank (OUP) 1983, hlm. 65 – 66.

(Jabatan Hutan), demikian kami diberitahu.

- 6 Empat buah kapal mengangkut tawanan pulang, termasuk *City of Lancaster* dan *Worcestershire*, dikatakan telah meninggalkan England. Kemenangan besar dilaporkan di Libya, dengan tertawannya 10 000 orang Jerman juga termasuk 250 kereta kebal dan 270 buah meriam. Kami dengar Proctor, peladang kebun getah di Muar, terbunuh di Parit Jawa, kerana terkena bedilan mortar apabila dia keluar dari kumpulan yang berundur dari situ bersama Ferguson (JKR). Stalingrad masih terus bertahan daripada serangan Jerman.
- 7 Baca *The Old Century* karya Sassoon. Pembukaan "Parlimen" olok-olok kami – ada tiga parti dalamnya Perlembagaan, Pembangkang, dan Bebas. Dua kor tentera Jerman dilaporkan terkepung di Libya.
- 8 Brigedier Lord (Salvation Army) berkhotbah hari ini. Cirit-birit yang saya hidapi sejak beberapa hari dahulu sudah sembuh. Ada khabar angin mengatakan kami boleh menghantar berita tidak melebihi 50 perkataan melalui Radio Jepun.
- 9 Keluar mencari kayu. M.C.ff Sheppard (MCS) kena tangkap di tempat baja kompos kerana cuba mengirim mesej ke kem tentera yang dimasukkannya ke dalam kotak rokok. Sementara itu dia dikurung di dalam lokap di Halaman Hadapan. Lagi berita gembira tentang kemenangan kita di Libya: pasukan kita berhasil menawan seramai 40 – 50 000 orang musuh, 1000 buah meriam dan 500 buah kereta kebal. Kami juga dengar pasukan Amerika sudah mendarat Casablanca, Oran dan Algiers di sepanjang pantai Afrika Utara. Kami dengar cuma tinggal lagi 15 orang sukarelawan di Kem Tentera Changi. Baca *The Shadow Line* Conrad.
- 10 Perasaan berdebar-debar apabila mendengar berita Perancis menyerah diri di Moroko, sementara enam divisyen tentera Jerman dan Itali juga menyerah diri di Libya. Sheppard masih di dalam lokap dan saya mendapat tahu beberapa helai kertas kepunyaannya telah dijumpai.
- 11 Kami merayakan Hari Kenangan dengan berdoa di hadapan sebuah tugu yang di bina di atas pentas kem oleh McDermot dan bertafakur selama dua minit tepat pada pukul 11.00 pagi.

Lagi khabar angin kedua-dua Sardinia dan Bizerta telah ditawan. Kami menjalani latihan A.R.P (Latihan Serangan Udara) selama dua hari, tetapi tanpa sebarang sebab. Baca *Almayer Folly Conrad*.

- 12 Bertemu dua orang sukarelawan, Wainwright dan Reynolds (Perak Hydro) ketika bertugas di luar penjara. Mereka memberitahu kami bahawa adik saya, G.E.D. Lewis, sama ada berada di Singapura atau "di utara negeri". Ada dua kes sakit ke-ronggong di Blok Wanita. Mather ditahan oleh Jepun kerana mengirim sepucuk surat ke Kem Orang Tawanan Perang melalui Sheppard, yang masih dikurung. Hitler kini telah menduduki seluruh negeri Perancis. Dianggarkan seramai 100 000 orang tawanan di Libya.
- 13 Kedua-dua Sheppard dan Mather, kelihatan berjalan-jalan dalam pengawasan pengawal pada pukul 4.00 petang hari ini. Difahamkan kedua-duanya telah dibawa ke Singapura untuk disoal, dan dipukul kemudian dihantar pulang ke kem. Seluruh kem berbahas tentang kemungkinan yang akan terjadi apabila seluruh Afrika Utara perintah Perancis ditawan, terutama Darlan yang dikatakan telah menyertai Pihak Sekutu. Malah akhbar-akhbar Singapura mendakwa sepenuhnya bahawa tentera Axis di Libya telah berundur.
- 14 Baca *Henry Esmond Thackeray*. Ada berita yang melaporkan tentera kita telah menawan Tobruk, Derna dan Bardia dan juga Dakar di pantai Afrika Barat, dan Jeneral Petain lari ke Gibraltar!
- 15 Berita angin lagi, Itali telah kalah dan Tripoli jatuh ke tangan kita. Pakatan Axis dikatakan mengalami 80 000 orang cedera dan 80 000 lagi dijadikan orang tawanan.
- 16 Hari ini Dr. Devine dan Peter Gurney, pengarang bersama *Changi Guardian*, dimasukkan ke dalam lokap selama sejam dan akhbar mereka dirampas oleh Jepun. Ini akibat sebuah komik lucu orang Inggeris disalahfahamkan oleh Jepun. Keputusan dibuat untuk memberhentikan edisi mingguan *Guardian* yang dikenali sebagai *Changi Times* dan "talqin" olok-olok akhbar itu tersiar dalam *Changi Guardian*, dikatakan datangnya daripada akhbar lain seperti *Dregemasters' Weekly*.

- The Feathered World*, *Convent Times*, *The Railway Gazette* dan *Financier*. Sebenarnya, kesemua itu merupakan akhbar khayalan. Misalnya, Jepun ingin tahu bagaimana *Railway Gazette* boleh mengatakan bahawa *Changi Times*, adalah "sebuah penerbitan kecil tersiar dalam lapan baris yang baik dan mempunyai tujuan yang baik". Hujah Jepun bahawa bagaimana pengarang *Railway Gazette* di England tahu berkenaan sebuah akhbar yang wujud dalam kem? R.O. Jenkins, seorang ejen pelawat yang terkenal, memberi ceramah kedua atas tajuk "Industri Getah – ancaman Buna (getah tiruan)". Sebuku kek dihantar oleh Puan Del Tufo kepada anaknya di kem kami dibungkus dalam sekeping kertas yang menurut Jepun mengandungi kod rahsia. Kemudian terpaksa dijelaskan kepada mereka bahawa kata-kata itu bukanlah kod rahsia, cuma nota yang ditulis oleh Puan Del Tufo sendiri dalam bahasa Itali, kerana dia orang Itali.
- 17 Sheppard yang kembali dari Singapura ditempatkan semula di serambi hadapan, dan Davis (MCS) ditemuramah oleh Jepun selama 20 minit. *Changi Guardian* kembali diterbitkan, tetapi sekarang mengandungi 'cap' yang menunjukkan kelulusan oleh Jepun. Baca *Path of the King* Buchan.
  - 18 Davis dan Clements, bekas pembantu kepada Gabenor, diarahkan pergi ke Singapura untuk menjalankan tugas, tetapi apa tugasnya, tidak siapa pun tahu. Lagi berita angin tentang kekalahan Jepun dekat Solomon.
  - 19 Saki-baki pasukan bomba tiba di Singapura hari ini. Dila-porkan Rommel hanya dapat menyelamatkan 15 daripada 500 buah kereta kebal keluar dari Mesir dan kedua-dua Derna dan Benghazi ditawan oleh tentera kita. 'French Foreign Legion' yang mengandungi seramai 30 000 anggota juga mengisytiharkan berjuang di Pihak Sekutu. Dekat Solomon, Jepun didakwa kehilangan 22 buah kapal dan 30 000 tentera.
  - 20 Baca *The Failure of a Mission* Neville Henderson, duta ke Berlin. Akhbar *Syonan Times* mengaku bahawa Darlan telah belot kepada Axis dan sedang bertempur di barat Derna, Libya.
  - 21 Hunter yang keluar bekerja di Singapura dapat makan tengah

hari dan minum teh di luar! Penduduk Cina sangat yakin dan mereka sentiasa memberi pertolongan. Akhbar tempatan mela-porkan bahawa Benghazi telah ditinggalkan oleh Jerman be-ramai-ramai. Kami menonton konsert orkestra yang menggu-nakan latar belakang pentas yang baharu, Menara Eiffel sebagai latar belakang dengan lampu hiasan tanda "V" yang berkelip-kelip. Satu kejayaan besar!

- 22 Baca *Lord Jim* Conrad. Pengawal Sikh mula merayau-rayau dalam kawasan kem dan memeriksa bilik-bilik kurungan dua atau tiga kali dalam sehari. Apakah yang mereka cari adalah menjadi rahsia. Salah seorang daripada mereka berhenti di hadapan bilik Pegawai Kelengkapan di *Hudson Bay* dan men-renung tajam pada sebuah iklan untuk "Janggut Sikh" (gelaran untuk tembakau Jawa yang kami terima). Jepun melarang penggunaan kata-kata *Radio* dalam "Lakonan Radio", salah satu acara dalam program konsert baharu-baharu ini. Mereka akan melarang pula penggunaan "Radio Malt". Malam tadi pengawal-pengawal Sikh kelihatan mencari set radio yang ter-semunyi dalam lubang basuhan kain.<sup>135</sup> Sekurang-kurangnya, seorang daripada mereka memungut alat pengikat yang digunakan oleh penghidap penyakit burut dan dilekapkan ke telinga kerana memikirkan benda itu sepasang alat men-dengar suara.
- 23 Akhbar *Syonan Times* mengaku Jerman berpindah dari Benghazi dan melaporkan kenyataan Roosevelt bahawa "per-tempuran ketiga di Solomon merupakan kemenangan besar Amerika". Lagi khabar angin mengenai pemulangan tawanan yang menunjukkan bahawa rundingan kini telah selesai kecuali keputusan tentang kategori orang tawanan dan wilayah ber-kenaan yang akan dilayan dahulu. Saya menonton pertunjukan *An Experiment Play* (Cerita mata-mata gelap dengan kisah pembunuhan) oleh John Sefton. Coats menggambarkan masa depan yang dalam ceramahnya "Industri Perlombongan di Tanah Melayu".

135 Lubang ini terletak di Halaman Utama Riadah. Burung raja udang membuat sarang dalam atau dekat lubang yang menggembirakan kami setiap hari me-lihat warna sayapnya yang berbeza dengan tembok berwarna kelabu. Cuma bahagian atas pokok kelihatan di sebalik tembok.

- 24 Kami berkelah mandi-manda lagi dan ternampak sebuah banglo baharu yang pada suatu masa dahulu dimiliki oleh Mejar Henley, pengurus North British Mercantile Assurance Co. Jurubahasa Jepun yang menyertai kami ialah bekas orang tawanan di New Delhi. Dia dengan rela memberitahu kami bahawa makanan di dalam kem di sini tidaklah begitu buruk kecuali kurang mendapat ikan, dan mereka tidaklah dilayan dengan buruk. Tarikh terakhir bertukar-tukar tawanan ialah 12 Disember! Saya dapat maklumat melalui akhbar tempatan, bahawa peraduan Nippon-Go di Taiping dahulu, pemenang pertama Chin Goon, kedua Ooi Cheng San dan ketiga Atma Singh. Saya kenal Chin Goon.
- 25 Adrian Clarke, bekas Peguam Negara FMS memberi ceramah bertajuk "The Lighter Side of the Law". Lagi perjumpaan antara orang-orang Welsh termasuk Hughes, Morgan (Batu Arang), T.J. Thomas, Osborne-Jones dan saya sendiri.
- 26 Keluar mencari kayu tetapi tidak bertemu dengan siapa pun. Saya diberitahu bahawa Kapten Dane (dari Perak) telah dihantar ke Formosa. Dr. Reid (dari Sungkai) ditangkap oleh Jepun dalam kawasan Pahang Consolidated; dia tidak dikehendaki ketika Jepun mula-mula melanggar Tanah Melayu dahulu. C.N. Lembruggen (atau Charles Nell) menarik diri daripada memegang jawatan Pengarang *Syonan Times* setelah 10 bulan berkhidmat dan kembali kepada kerja asalnya sebagai jurutera.
- 27 Saya berbual dengan seorang penumpang A.P.C. (Asiatic Petroleum Co.) yang tertawan atas kapal *Hauraki*. Dia memberitahu saya tentang Australia. Tentera Amerika di sana mendapat gaji lumayan dan pakaian pun lebih baik daripada askar Australia, dan dapat memikat wanita-wanita di sana. Seorang pemandu yang dia temui, membantah tentang pengeboman kita di Tokyo takut kalau-kalau Sydney pula kena bom! Ramai askar Belanda (termasuk orang Jawa) lari ke Australia dan bilangan tentera kita yang tertawan di Singapura kini dianggarkan 61 000 orang.
- 28 Baca *Castle Gay* Buchan. Hari St. Andrew dirayakan dengan persembahan konsert yang termasuk dalamnya tarian Highland, suasana dan jenaka orang Scot dan tarian pedang, kese-



- muanya diiringi dengan loghat orang Scot yang sukar difahami.
- 29 Seorang pelombong dari Kelantan, W. Sasse, 67 tahun, meninggal dunia di Hospital Miyako setelah beberapa lama jatuh sakit. Sebuah konsert suci diadakan oleh Kumpulan Koir Kem, lagu *Elijah Oratorio* dinyanyikan dengan latar belakang gereja.
  - 30 Lagi khabar angin yang hebat tentang penghantaran pulang. Hari berkat bagaimana awal sekalipun masih pada 12 Disember. Kami diberitahu seramai 650 orang Australia, 150 British dan 1000 Belanda bertolak ke Formosa. Belgrave memberi ceramah bertajuk "Masa Depan Pertanian di Tanah Melayu", terutama tanaman kontan seperti nanas, padi dan tembakau tempatan.

#### *Disember*

- 1 Perancis dikatakan dengan pantas sedang menyembunyikan angkatan lautnya di Toulon. Baca *The Thirty Nine Steps* Buchan. Berkat doa Paderi Besar Singapura, Sheppard dan Mather balik ke kurungan masing-masing di menara di Halaman Hadapan. Dua buah kapal terbang peninjau Pihak Bersekutu dilaporkan terbang di angkasa Singapura pada hari Rabu dan Sabtu lepas.
- 2 Baca *Greenmantle* Buchan. Kini dikatakan sebuah kapal Palang Merah akan tiba pada 7 Disember. Empat buah kapal dikatakan telah berlepas dari Yokohama, dua daripadanya menuju Singapura untuk tujuan hantaran pulang.
- 3 Mendengar ucapan wakil Blok 'B'. Padang bola sepak di Halaman Utama Riadah diperluaskan dan mereka yang muda-muda telah menubuhkan dua pasukan, Rovers dan Wanderers. Kami diberitahu bahawa sebuah biro ditubuhkan di Tokyo untuk mengendalikan harta dan pertukaran rakyat Jepun yang ditahan di mana-mana negara musuh.
- 4 Baca *Ivanhoe* Scott. Pengawal-pengawal Sikh meneruskan usaha mencari sesuatu di sekitar kem dan sebuah memo mengenai Perang Tanah Melayu, dikatakan ditulis oleh Jeneral Percival, tersiar dalam *Syonan Times*.

- 5 Hujan sepanjang hari ini dan lapan orang jurutera tiba di kem kami.
- 6 Hujan masih berterusan sepanjang hari dan menjadikan kami kecewa. Jepun mengatur lagi latihan ARP (Latihan Serangan Udara) mulai 8.30 malam. Maklumat di London bahawa kami berada di dalam Penjara Changi. Seramai 14 000 Orang Tawanan Perang masih berada di Singapura, 90% askar India dikatakan masih setia, sementara 6000 – 8000 orang anggota Tentera Kemerdekaan India dikatakan telah meninggalkan pasukan di Burma, tempat mereka dihantar untuk berperang.
- 7 Hari ulang tahun pertama Pecah Perang Timur Jauh. Schari lagi hari hujan dan lagi latihan ARP. Barangkali Jepun menduga serangan udara? Baca *Some Reminiscences* Conrad. Kami mendapat tahu bahawa 200 orang sukarelawan di Kem Bandar Singapura di bawah penyeliaan L.V. Taylor, Sheppard dan Mather dibebaskan daripada tahanan. Mather tidak dipukul tetapi Sheppard selama 3 hari diberi "rawatan air" sehingga terpaksa dia menyebut nama Mather. Mereka berdua dimasukkan ke dalam kurungan di rumah YMCA Singapura (Markas Kempitai) dengan empat orang pesalah Tamil dan seorang pesalah Cina. Mereka dibawa keluar dari kurungan sekali dalam masa 12 hari.<sup>136</sup>

136 Tiga tahun kemudian Jepun menyerah kalah, Sheppard memainkan peranan penting, hampir dia seorang bersendirian, membawa seramai 70 anggota Kempitai dibicarakan dalam Mahkamah Singapura. Ramai anggota Kempitai lari ke Kepulauan Riau, di selatan Singapura, dalam perjalanan ke Jawa dengan harapan bahawa bekas kepulauan takluk Belanda jatuh ke tangan bangsa Indonesia di luar takluk pengadilan Pentadbiran Tentera British. Beberapa ekspedisi diatur untuk menggempur orang pelarian ini sebelum mereka terlepas ke selatan. Pada 24 September, seramai 14 anggota Kempitai ditangkap di Pulau Kundur. Satu 'bonus' yang tidak diduga ialah kejupaan barang-barang perak kepunyaan Pasukan Argyle dan Royal Scots Regiment. Tidak syak lagi anggota Kempitai itu merancang untuk melebur perak itu dan kemudian dijual untuk mendapatkan wang tunai.

Di Singkep, lagi 31 anggota Kempitai ditawan pada 2 Oktober termasuk Miyazaki, yang pernah menyiksa Bishop Wilson Singapura. Miyazaki kemudiannya dijatuhkan hukuman penjara selama 15 tahun atas sabit kesalahan jenayah perang.

Di Bentan, lagi seramai 24 orang Kempitai ditangkap pada 8 Oktober, 1945.

Untuk bacaan selanjutnya, lihat Bab 6 tulisan Sheppard *Taman Budiman*, Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.

- 8 Dua orang jurutera tiba, Fletcher dan Clark. Amerika mendakwa kehilangan lapan buah kapal perang dan tiga kapal penjelajah di Pearl Harbour setahun dahulu. Baca *Northanger Abbey* Jane Austen.
- 9 Masih hujan lagi. Holland (Kastam) datang dari Singapura pada pukul 4.00 petang hari ini. Harga barang di Singapura seperti berikut: Wiski \$95.00 sebotol, gincu bibir \$35.00, dan Aspro \$1.00 sebutir. Sebuah konvoi mengandungi 40 buah kapal pengangkut telah berlepas dari India ke Chittagong membawa tentera kami, menurut berita *Syonan Times*.
- 10 Cuma suatu muatan kayu diangkut hari ini, biasanya dua, kerana hujan lebat. Khabar angin mengatakan 200 orang tawanan wanita di Palembang, Sumatera, akan dibawa ke kem ini. Baca *Midwinter* Buchan.
- 11 Khabar angin yang baharu mengatakan kami akan dipindahkan ke Hospital Pusat Otak, Tanjung Rambutan, Perak, pada 19 Disember. Akhirnya kami mendapat cahaya panas yang sangat-sangat diperlukan untuk menjemur kain baju.
- 12 Sejumlah 868 pucuk surat dari saudara-mara yang berada di United Kingdom dan Afrika Selatan tiba hari ini, ada di antaranya untuk penghuni kem kami. Kami mendapat senarai 200 orang tawanan wanita dan kanak-kanak di Palembang, kira-kira tiga atau empat di antara mereka itu telah mati. Baca *John McNab* Buchan.
- 13 Surat-surat yang baru tiba sepatutnya telah tiba ke sini beberapa minggu dahulu tetapi tersalah kirim ke negeri Jepun. Enam orang kelasi bangsa Norway baharu tiba dan banyakkah cerita negeri yang diceritakan oleh mereka itu. Pada mulanya kapal mereka karam dekat Pulau Jawa dan ketika dalam air mereka ditembak dengan mesin-gan. Selama 88 hari mereka berada di dalam bot penyelamat yang terdedah dan cuba menuju ke Australia dan India mengikut ke mana arus lautan menghanyutkannya. Tiga orang Eropah dan kesemua Cina di dalam kapal itu mati, tetapi mereka yang selamat akhirnya mendarat di Kepulauan Andaman, sebuah penempatan banduan India. Jepun, yang sudah menduduki pulau ini, memberi layanan baik kepada mereka dan juga banduan. Kemudian mereka dihantar ke selatan, Singapura, kerana Pihak Ber-

sekutu terus-menerus mengebom Andaman. Ketika berada di dalam bot penyelamat, mereka hidup dengan memakan daging dan darah burung laut yang mereka tangkap. Salah seorang tahanan, Edlin namanya, disyaki menghidap penyakit otak, kini dihantar ke Hospital Miyako.

- 14 Saya keluar seperti biasa menjalankan tugas cari kayu, tetapi hari ini terganggu oleh seorang Jeneral Jepun yang melakukan pemeriksaan barisan anggota baharu askar Jepun yang berbaris di hadapan pintu pagar. Mereka yang berminat terutama orang muda dan cergas menyertai pertandingan liga bola sepak dimainkan di padang yang luas, dan pasukan yang menggelar diri "Arsenal" dan "Everton" bermain di situ. Baca *The Courts of the Morning* karya Buchan. Watson berceramah tentang "Perhutanan di Tanah Melayu." Para kelasi Norway yang baharu tiba memberitahu bahawa penduduk Andaman sangat patriotik dan percaya penuh bahawa Singapura dan India Timur Belanda telah ditawan semula. Ada sebuah garison dengan kekuatan 800 orang askar Jepun di Port Blair yang sering kena bom. Kapten dan pegawai utama kapal terbunuh apabila kapal itu tenggelam.
- 15 Menurut surat-surat yang diterima dari Afrika Selatan, poskad yang kami kirim masih belum sampai ke tangan saudara-mara kami di negeri itu. Rommel berundur ke Misurata, 120 batu ke timur Tripoli, menurut *Syonan Times*. Ini bermaknalah, mereka sudah berundur sejauh 260 batu dari El Agueila.
- 16 Saya berborak-borak dengan Dickinson<sup>137</sup> bekas Ketua Pegawai Polis Singapura, tentang sikap orang awam dan anggota tentera dalam masa perang. J. Beaumont, 66 tahun, mati.
- 17 Saya berborak-borak lagi dengan Dickinson. Sebuah persembahan konsert yang kurang menarik pada malam tadi. Sebuah rumah anak-anak patung, lengkap dengan perabot,

137 Pada petang hari menyerah kalah 15 Februari, dia menjadi mangsa bom yang menggerunkan di Balai Polis New Bridge Road. Seorang yang tidak dikenali, mencampakkan sebutir bom *Mills* ke arahnya yang sedang berdiri di anjung tingkat atas balak. Sekeping serpihan bom menembusi rahang giginya dan tiga bulan barulah dia sihat betul untuk keluar hospital lalu dimasukkan ke Penjara Changi.

- dibuat oleh Henderson dan Cherington, untuk dipamerkan di Hospital Ortopedik Singapura. Tiga daripada "Budak-budak Asia" dilaporkan mencuri galah, sabun, pakaian dan sebagainya. Berita angin yang tersebar luas, seorang tawanan berteriak keseronokan: "Catuan makanan kita akan bertambah!" Khabar angin lagi bahawa "Rusia sudah berada di Greece". Asahi menganggap Kem Changi yang terbaik di antara 20 kem tahanan yang dilawatinya. kelebihanannya ialah bangunan batu yang kukuh dan kekal serta bekalan air yang baik; dan setakat ini mungkin betul.
- 18 Saya menemui tukang gigi dan diberitahu gigi saya masih baik. Puan Clement, isteri pegawai kastam yang ditahan di sini, memberitahu kami, dalam suratnya dari U.K. bahawa isterinya menerima £50 sebulan dan lagi £35 dimasukkan untuk suaminya, yang jumlahnya tidak jauh beza daripada gaji asalnya sebanyak \$775.00 sebulan. Baca *The House of the Four Winds* karya Buchan.
  - 19 Beberapa letupan kuat kedengaran pagi ini, tetapi tidak tahu sebabnya. Beberapa orang kakitangan Jabatan Pos dan Telegraf tiba hari ini, termasuk T.P. Coe, Graham, Macintosh, Evans, Neyland dan Gilliam. Beberapa kecaman dilemparkan kerana mereka bekerja sangat lama dengan Jepun. Seorang bernama Barret, berasal dari Ireland Selatan, mendakwa dia berkecuali, masih di luar kem dan kini mendapat kebenaran mengambil isterinya yang ditahan di dalam kem untuk tinggal bersamanya di Singapura. Tindakan ini mendapat sokongan beberapa orang anggota P&T.
  - 20 Ada Pameran Senilukis dan Kerjatangan di Halaman 'B' dan 'D'. Baca *My Early Life* karya Churchill. Dilaporkan sebanyak 10 kepala manusia dipamerkan di Market Street, Kuala Lumpur. Dekat Batu Caves seorang pegawai Jepun terbunuh dan sebagai hukuman 26 orang yang tinggal di sekitar tempat itu dihukum bunuh dalam serangan pagi itu dan mayat mereka ditanam di tepi jalan raya. Ada berita mengatakan Vanrennan dan rakan-rakannya masih berada di Penjara Pudu, tetapi kurang pasti kerana kesemua Orang Tawanan Perang dikatakan telah berlepas menuju utara September lalu. Lagi khabar angin pertukaran, dua orang Jepun untuk seorang awam kami. Tindakan ini akan dimulakan pada bulan Januari atau Februa-

- ri. Mujur ada seorang Serani, bekas kerani yang bekerja dengan Kenneth Archer, memainkan peranan penting di Kuala Lumpur yang sentiasa menghubungi orang tawanan di dalam Penjara Pudu.
- 21 Mendengar lagi ceramah yang mengenai "Perhutanan di Tanah Melayu" oleh Watson. Ada ketegangan kaum di Kuala Lumpur, dan senarai nama musuh yang harus dibunuh telah ditentukan, demikian menurut sebuah laporan.
  - 22 A.W. Brisk, 62 tahun, meninggal dunia. Edlin, yang dipindahkan ke Hospital Miyako seminggu dahulu, disahkan menghidap penyakit otak. Kakitangan Jabatan Pos dan Telekomunikasi yang bekerja di Kuala Lumpur diberi \$200.00 sebagai hadiah oleh keluarga Serani sebelum mereka bertolak. Jawatankuasa Kem telah diberitahu, cuma tiga hari sebelum Krismas, tiada bekalan daging! Nampaknya, bekas pendandan rambut bangsa Jepun di Kelab Selangor, kini memegang jawatan pengawal makanan bagi negeri Selangor; rupa-rupanya dia seorang pegawai Jepun yang menyamar!
  - 23 Kumpulan Koir Changi menyanyi lagu-lagu suci Krismas sepanjang hari di kem hari ini. Saya menerima sebuah hadiah Krismas daripada Puan Warren, isteri Pegawai Pengawal Makanan, yang juga berada di dalam kem ini. Berita dari Kuala Lumpur mendedahkan bahawa sedikit sekali urusan harian berjalan di sana dan kebanyakan mereka menghabiskan masa dengan minum-minum teh yang disediakan oleh gadis-gadis pejabat berbangsa Cina. Cuma Jabatan Keretapi sahaja yang masih meneruskan perkhidmatan. Penyakit kelamin menjadi-jadi di kalangan askar Jepun. Sekolah kerajaan dibuka hari ini selama tiga jam sehari, satu jam belajar bahasa Jepun (Nippon Go), satu jam berkebun atau kraftangan, dan satu jam lagi ilmu hisab dan sebagainya. Sekolah Victoria Institution (Menengah) kini digunakan sebagai berek tentera.
  - 24 Menonton persembahan yang amat menarik *Christmas Carol* karya Dickens dengan Reid berlakon sebagai Scrooge. Terima hadiah biskut daripada Encik Phear suami isteri dan jemputan daripada Puan Margaret Edge untuk melawatnya di Blok 'A' esok. Saya difahamkan sejumlah 1200 orang lelaki akan juga

- melawat ke situ. Bekalan daging babi tiba hari ini mengganti bekaln daging lembu.
- 25 Hari Natal. Untuk sarapan kami diberi kanji (tetapi dengan susu dan gula!), kopi (dengan susu dan gula) dan buah prun Steward. Untuk makan tengah hari: daging asin, sup krim, sayur campur, puding Krismas dan sos kastard. Untuk makan malam: sardin, puding beras (dengan susu dan gula), roti, lemak daging dan teh (dengan susu dan gula). Saya pergi ke Blok 'A' untuk menziarahi Margaret Edge dan menghabiskan masa di sana dari pukul 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Saya juga menemui Helen Wills, Puan Brown, Puan Phear, Puan Allen, Cik Nobbs, Puan "Stiffy" White, Puan Elkins, Cik Macdonald dan Cik Walker (dari Batu Gajah). Mereka yang saya temui nampak sihat, bertimbang rasa, dan bersemangat tinggi. Beberapa orang sukarelawan dari Kem Orang Tawanan Perang juga menziarahi emak, adik, kakak dan isteri masing-masing. Margaret memberitahu, suaminya, Edge, bekerja buat jalan di Tavoy, Burma, tetapi ada yang sudah pulang semula ke Tanah Melayu kerana wabak taun didakwa sedang merebak di Siam. Dalam keadaan begini pun kami amat bergembira kerana dapat merayakan Hari Krismas dan betul-betul seronok dengan sup, daging babi dan puding yang lazat. Pada sebelah petang kami dihiburkan dengan persembahan koir dan orkestra yang cukup menghibur. Kumpulan koir menyanyi lagu-lagu Krismas dan Korus Alleluia. Saya minum teh bersama Phear.
- 26 Baca *Witchwood* karya Buchan. Kami dengar laporan pembunuhan Darlan, seorang menteri Vichy, di Algiers. Kami mengucap selamat antara satu sama lain: "Krismas yang sejuk dan Tahun Baru tanpa Jepun". Kami menonton pementasan bahagian kedua *Scrooge* karya Dickens.
- 27 Seramai 17 orang jurutera lagi tiba ke kem kami. Beberapa orang Orang Tawanan Perang British nampak berbaris pulang ke Changi, termasuk Forbes Wallace (Polis).
- 28 Keluar mencari kayu api hari ini. Saya nampak lagi ramai askar berbaris pulang ke Berek Changi. Khabar angin mengatakan bekaln beras di Singapura akan dikurangkan lagi pada bulan hadapan.

- 29 Baca *Prester John* Buchan. Ada perbincangan tentang tambahan tanah seluas 30 ekar, di luar tembok penjara, untuk bercucuk tanam untuk menambah bekalan sayur. Ini barangkali disebabkan kebimbangan beras kurang pada masa akan datang.
- 30 Baca *I Write as I Please* Duranty. Lagi khabar angin tentang ketibaan 350 orang tawanan, tetapi ramai berasa hairan dari manakah mereka itu datang, mungkin Palembang. Perdana Menteri Jepun, Tojo, mendakwa bahawa perang baharu sahaja bermula dan berlarutan beberapa lama sebelum kemenangan muktamad. Barang curian, makanan dalam tin, pisang dan sebatang kunci kem ditemui apabila dua orang "Budak Asia" diperiksa di bilik makan 'B' dan mereka dihukum selama dua atau tiga hari dengan hanya memakan sebuku roti dan air, demikian dilaporkan. Anggota polis kem, kawan saya Trevor Hughes, kena pukul tetapi A.H. Gridley (Kastam) dapat melawan salah seorang daripadanya. Bagaimanapun, ahli gusti bangsa Greek, tidak membuat apa-apa untuk menakutkan si jahanam yang lain.
- 31 Saya keluar lagi mencari kayu. Ada dua pergaduhan di kalangan wanita di Blok 'A' dan anggota polis kem dipanggil untuk meleraikannya. Seorang daripada mereka dikurung selama 24 jam dan seorang lagi enam jam. Mereka yang bersalah ialah Puan Dietz dan Mass (atau Puan) Hancock. Kami diberi satu tin seorang kari ayam untuk merayakan Hari Tahun Baru dan ada seorang memberi saya sedikit brandi pada malam tahun baru. Ada di antara mereka kedengaran menyanyi hingga lewat 12.30 tengah malam!

1943

*Januari*

- 1 Jawatankuasa Kem sedang menimbang untuk mengadakan hukuman sebat akibat daripada angkara jahat yang terbaharu oleh dua orang "Budak Asia". Mereka masih dikurung di dalam lokap di halaman hadapan sementara menunggu perbicaraan. Sementara itu, Trevor Hughes, dilaporkan sakit tenat



akibat daripada pukulan yang dialaminya pada 30 Disember, sedangkan dia juga menghidap kencing manis. Sejumlah 27½ peti brandi nanas, dihadiahkan oleh Jepun, akan dikukus supaya alkohol dalamnya dapat digunakan untuk tujuan perubatan. Ada cerita aneh yang mengenai enam orang pemandu lori yang bertugas mengambil dan mengangkut mayat dan telah dikurung semenjak bulan Mac 1942 di dalam bilik kurungan yang terasing di Penjara Outram Road. Dua daripadanya telah mati dan ditanam di perkuburan orang daif di Tanah Perkuburan Bidadari, Singapura. Mereka ialah Davies dan Logan. Yang ketiganya sedang sakit teruk kerana menghidap beri-beri dan tiga orang selebihnya tiada sebarang berita.

- 2 Sebuah pantomim yang dijadualkan berlangsung pada malam ini terpaksa dibatalkan kerana hujan lebat. Berita angin mengenai pendaratan Pihak Bersekutu di Jawa dan juga di Sabang di utara Sumatera.
- 3 Kami mendapat tahu tentang Aitken-Berry, seorang ahli seni bina Singapura, mati kerana menghidap berak darah di Kem Palembang. Mendengar khutbah yang menarik disampaikan oleh Paderi Colin King daripada jabatan kami. Kami juga mendengar bahawa Sarjan Chalmers, sukarelawan Perak, telah mati. Pada mulanya dia tercedera di kaki apabila lori yang dinaikinya meletup oleh periuk api darat. Rawatan yang diberi kepadanya ketika dalam hospital tidak memuaskan dan cedera di kakinya terbiar tanpa rawatan selama lima hari. Bob White dari Kuala Lumpur masih di hospital akibat cedera di belakangnya dalam kemalangan di Batu Tiga, Kuala Selangor. Baca *The Virginians* Thackeray.
- 4 Bertugas mencari kayu di sepanjang Tampenes Road hari ini. Ini merupakan laluan baharu bagi kami. Hari terlalu panas dan seorang tawanan, Foster, pengsan dalam perjalanan pulang. Menurut Corder-Jones, seorang Osborne dan Chappel Miner dari Ipoh, Mejar Cockman, sukarelawan Perak, dibunuh oleh Jepun ketika bendera putih dikibarkan dekat Changi. Seorang lagi bernama Veitch juga dibunuh oleh Jepun ketika sedang mengatur meja bedah di Hospital Tentera Alexandra. Ikan segar dibawa ke dapur hari ini sebagai mengganti bekalan

- daging yang tidak dapat diadakan lagi. Kami menonton sebuah pantomim yang amat menarik berjudul *Dick Whittington*, komedi terbaik yang pernah diadakan dalam kem. "Barrel" Roberts sebagai tukang seru di pekan dan Goodrick sebagai pari-pari. Dua orang "Budak Asia" kini dihukum, seorang kena kurung berasingan selama dua minggu, dan seorang lagi selama 21 hari. Khabar angin tentang Lapangan Terbang Akyab di Burma dan Lapangan Terbang Kupang di Pulau Timor ditawan.
- 5 Tarikh penghantaran pulang bagi tawanan di Tanah Melayu dan Hong Kong kini pada 7 Mac!
  - 6 Lagi sebuah pantomim yang cemerlang cerita *Dick Whittington* yang dijayakan oleh "Barrel" Roberts dan Goodrick. Khabar angin mengatakan Rusia telah menawan semula Riga.
  - 7 Dua orang sukarelawan, McCall (Kastam) dan Chappel (Osborne dan Chappel) kelihatan menunggu di sekatan yang di luar penjara untuk mendapat surat kebenaran. Mereka terpaksa menunggu dari pukul 10.00 pagi hingga 3.00 petang. McFee, jurutera yang disebut dahulu kerana memukul seorang Gestapo bangsa Hungary, dikerjakan oleh lapan orang Jepun dan dipukul setiap dua jam sekali selama 48 jam dalam masa tawanan di penjara.
  - 8 Catuan beras di Singapura dalam masa kami dahulu ialah 34 kati untuk sebulan, kini tinggal 17 kati, tambah dengan satu kati kacang soya. Menurut *Syonan Times*, pertempuran di utara Afrika kini tertumpu di sebuah tempat 230 batu dari Tripoli. Seramai 12 orang lagi bangsa Norway dibawa masuk ke mari, tetapi enam orang Norway yang terdahulu memikirkan mereka akan dituduh sebagai "pengkhianat negara". Mulanya kapal minyak mereka diserang oleh Jerman dekat Durban. Kapal itu karam, mereka lalu dibawa ke Yokohama. Di sana mereka ditempatkan di atas kapal Jerman, penuh dengan muatan makanan, dan cuba berpatah balik ke Jerman. Kapal inilah terkena torpedo kapal selam Amerika dekat Selat Sunda dan kapal itu dibawa ke Pangkalan Tentera Laut Singapura untuk dibaiki kira-kira dua bulan dahulu.
  - 9 Tawanan wanita mementaskan sebuah konsert untuk kami di

Halaman Hadapan. Dianggarkan seramai 1500 di antara kami yang hadir. Inilah hiburan yang sangat baik, dan nyanyian solo yang didendangkan oleh Cik Xenia Billieciewz sungguh mempesona. Kumpulan bertugas yang pergi ke Singapura dilarang masuk ke mana-mana kedai pada masa akan datang. Ini nampaknya ada kena mengena dengan kempen Minggu Anti-Kulit Putih yang sedang diatur oleh Jepun.

- 10 Berita angin tentang seorang Jeneral Jerman, Keitel, mengikut jejak langkah Hess yang lari ke England.
- 11 Baca *Twist Land and Sea* Conrad. Bertugas mencari kayu hari ini membuat kami berjalan sehingga lima batu sepanjang Tampenes Road. Ada cerita ngeri tentang kekejaman Jepun yang dikenakan kepada mereka yang bersalah di Singapura. Mereka yang menyebarkan khabar angin mulutnya dihajit. Mereka yang mendengar siaran berita BBC gendang-gendang telinganya dicucuk. Mereka yang mencuri jari telunjuknya dipotong.
- 12 Baca *Ah King* Somerset Maugham. Puan Mulvaney, wakil Palang Merah Kanada di Kem Wanita, dikedam kerana menjawab dengan penuh perasaan kepada ucapan selamat yang diterima daripada Pesuruhjaya Tinggi Kanada. Jawapannya tidak menunjukkan keadaan sebenar di dalam kem dan mewujudkan satu gambaran palsu, menurut tukang kritik.
- 13 Jawatankuasa Perubatan Kem memberi amaran bahawa kami hendaklah mempunyai cukup simpanan makanan, beras bersih, kacang tanah dan sebagainya kalau-kalau kami kehabisan bekalan makanan.
- 14 Salah seorang tawanan yang bertugas mencari kayu ternampak lima buah lori penuh dengan Orang Tawanan Perang Belanda dan Jawa melintasi jalan. Mereka membuka sebuah bilik tambahan di bawah Bilik Makan 'B' sebagai persiapan untuk menampung ramai lagi orang tawanan, menurut pendapat kami.
- 15 Saya dimaklumkan bahawa Sarjan Mejar Rand (dari Bruas), seorang sukarelawan Perak terbunuh dalam pertempuran, tetapi McCall, peladang, terselamat. Jepun dikatakan bersetuju untuk mengeluarkan seramai 100 orang tawanan yang tua-tua

lelaki dan wanita dan ditempatkan ke dalam rumah kediaman pengawal-pengawal Sikh untuk memberi ruang kepada kemasyarakatan tawanan baharu yang dijangka datang dengan ramainya tidak lama lagi.

- 16 Baca *Gone with the Wind* Margaret Mitchell. Seramai 40 orang jurutera lagi dan beberapa orang lain dikerah menjalankan "perkhidmatan penting" di bawah penyeliaan Jepun telah tiba di kem. Kami juga diberitahu tidak lama lagi akan tiba seramai 250 orang wanita dan kanak-kanak dan "sebilangan besar lelaki". Mereka akan ditempatkan di bawah Bilik Makan 'B', di stor beras, dan dalam pejabat Kem Wanita.
- 17 Mendengar khutbah yang disampaikan oleh Rev. Colin King. Dilaporkan ketua kerani bangsa Cina di Singapore Improvement Trust mati di hospital akibat kekejaman Jepun. Rahang giginya pecah kena pukul oleh Kempitai dan mengalami kecederaan dalam badan sebelum dia dibebaskan hanya untuk menghadapi maut. Pemandu lori mayat yang terselamat, pernah disebutkan dahulu dalam Penjara Outram, kini dikatakan berada di Hospital Miyako.
- 18 Miller, Wade, Salmon dan Puan De Moubray dan Dr (Cik) Cicely Williams yang bekerja dengan Palang Merah di pejabat Asahi, Singapura, kini telah pulang ke kem. Menurut Miller, segala harapan untuk pertukaran orang tawanan kini telah berkubur. Saya mendengar ceramah yang disampaikan oleh Dr. MacGregor tentang "Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Tanah Melayu".
- 19 Berita angin terakhir mengenai Kharkov dan Rostoff ditawan oleh Rusia dan Tripoli oleh Pihak Bersekutu.
- 20 Saya sungguh berdukacita atas kematian W.A. MacMichael, 47 tahun, seorang kawan peladang dari Kuala Kangsar, yang saya kenali selama beberapa tahun. Dia mati di hospital kem kerana menderitanya kencing manis dalam koma.<sup>138</sup> Tiga orang Eropah lagi baharu tiba dari Penjara Alor Star, Kedah. Mereka

<sup>138</sup> Dikatakan Jepun mempunyai banyak ubat insulin di Singapura tetapi dengan tegas enggan memberi kepada kami. MacMichael ialah seorang daripada empat orang yang pertama-tama mati dalam kem kami kerana Jepun enggan membekalkan insulin.

sering diugut untuk dibunuh, tidak diberi sabun sepanjang tahun ketika di dalam penjara, diberi makan yang bukan-bukan oleh seorang pengawal penjara tempatan yang tidak berhati perut. Dr MacGregor memberi ceramahnya yang kedua.

- 21 Saya keluar menjalankan tugas mencari kayu seperti biasa. MacMichael dikebumikan pada jam 10.00 pagi dan Howard, Tweedy, Mustard dan Fletcher turut serta dalam upacara itu. Kami kini mendengar berita, Harvey, seorang pekerja kilang Bata Alexandra, mati akibat berak darah selepas kekalahan. Orang Alor Star memberitahu kami, orang Cina yang disyaki diseksa dalam penjara dengan meletakkan api di bawah kaki mereka yang tergantung-gantung sedangkan tangan mereka bergayut di atas.
- 22 Difahamkan, bahawa insulin untuk MacMichael tidak memberi kesan dan apabila disuntik, tempat kena suntik itu ber-nanah. Tawanan dibenarkan menghantar 50 patah perkataan melalui radio kepada keluarga masing-masing di Australia. Orang Alor Star mengatakan, kos makanan yang dibekalkan kepada mereka di dalam penjara hanya bernilai 8 sen sehari dan mereka menganggarkan beratus-ratus orang Cina dibunuh ketika mereka masih ditahan di sana.
- 23 Di antara orang Eropah yang datang dari Alor Star ialah (i) Cummins, seorang peladang yang berjaya melepaskan diri dari Pembunuhan Beramai-ramai Yala<sup>139</sup> dan berjalan kaki ke Kulim, Kedah, dengan kesan luka tikaman benet di kakinya di Yala. Dia menyerah diri di Kulim. (ii) Settle, seorang pelombong bangsa Australia, datang dari sebuah tempat 200 batu di utara sempadan Kedah dengan Siam, dan (iii) seorang Serani Belanda yang lari ke utara Siam dari Singapura selepas menyerah kalah dan telah berjalan selama lapan bulan.
- 24 Iraq dan Chile mengisytiharkan perang ke atas Pakatan Axis. Saya diberitahu oleh Dr. Ansley-Young, Leftenan Sutherland-Brown, bekas pengurus Ladang Vallambrosa, Kuala Lumpur

139 Cerita terperinci Pembunuhan Beramai di Lombong Timah Pinyok, Yala pada 13 Disember 1941, sila baca *The Sarong and the Kris* H.L.H. Harrison (Harrap). Dengan pertolongan orang Thai, seorang gadis 18 tahun, anak kepada pekerja lombong terselamat. Ini mengambil masa selama empat bulan untuk sembuh dari kecederaan.

- dan ditempatkan dalam Pasukan Royal Signal (Semboyan), telah mati empat bulan yang lalu menghidap berak darah. Gomm, seorang peladang lagi, masih hidup dan tinggal bersama Gurkha. Penduduk kem sekarang berjumlah 3011 orang. Baca *Let the People Sing*, Priestly.
- 25 Keluar bekerja mencari kayu hari ini. Sebuah konsert "Burn Night" dipersembahkan oleh Changi Caledonians Society. Lebih 100 orang tawanan keluar dari penjara untuk tinggal dalam rumah-rumah pengawal penjara, tetapi pagar kawat berduri dipasang sebelah luar dengan tujuan memberi laluan kepada mereka untuk mendatangi penjara utama. Baca *Vanity Fair* Thackeray.
- 26 Lagi perkelahan mandi di pantai. Ada khabar mengatakan beberapa buah kapal Portugis dikirim untuk mengangkut kami pulang. Nama orang Serani Belanda yang dibawa dari penjara Alor Star ialah Van Dommalen. Dia lari dari sebuah kapal Jepun di Pelabuhan Pulau Pinang, dengan berenang ke pantai tanah besar di Butterworth lalu menuju sempadan Siam sebulan kemudian. Seorang rakan bersamanya mati di dalam Penjara Alor Star kerana menghidap penyakit demam tekak. Kapal yang dinaikinya adalah salah sebuah daripada lima buah kapal yang membawa Orang Tawanan Perang Belanda ke Burma, tetapi kapal ini kena torpedo di Teluk Benggala.
- 27 H.R. Cheeseman memberi ceramah tentang "Pendidikan di Tanah Melayu". Kuasa Axis mengaku mengalami kekalahan di Tripoli dan berundur ke Tunisia.
- 28 Seperti biasa keluar mencari kayu. Buat kali pertama hari ini kami tidak lagi diberi mentega atau marjerin. Khabar angin kedatangan seramai 900 orang tawanan lagi dijangka tiba ke kem.
- 29 Telah diputuskan mentega atau marjerin akan diberi berselang hari bersama-sama roti. Sekali lagi kami diberitahu, kami boleh menghantar berita sebanyak 50 patah perkataan melalui radio tetapi kiriman melalui Jepun masih belum terjamin! Seramai lapan orang tawanan lagi tiba kelmarin; di dalamnya termasuk seorang jurutera bangsa Belanda dari Tanjung Pinang, Dr. Chitty dan Dr. Landor. Usaha sedang dibuat untuk men-

dapatkan garam yang amat diperlukan daripada air laut. Baharu-baharu ini, sekali dua, lori beras kami yang bertolak ke Singapura balik kosong. Jelas menunjukkan kekurangan beras. Seorang tawanan bernama Newberry, bekas Ketua Bomba Singapura, telah mati. Tiada lagi pisang percuma diberi selepas 31 Januari.

- 30 Kami dengar Churchill dan Roosevelt mengadakan persidangan di Casablanca. Lagi bekas kakitangan Perbandaran tiba dari Singapura. Saudara saya John mendapat sakit kaki.
- 31 Jepun gagal memberikan beras catuan yang biasa. Kami terpaksa berkira-kira dengan beras simpanan yang tinggal sedikit itu. Jawatankuasa Kem agak susah hati. Seramai sembilan orang tawanan dibawa dari Penjara Pulau Pinang setelah setahun di sana. Keadaan mereka amat menyedihkan akibat makanan yang buruk.

### *Februari*

- 1 Keluar cari kayu api. H.R. Cheeseman memberi ceramah kedua tentang "Pendidikan Vernakular dan Teknikal di Tanah Melayu". Tawanan di Penjara Pulau Pinang dikurung di dalam bilik berasingan untuk bulan yang pertama. Makanan cuma nasi dan sayur rebus dua kali sehari dan tiada teh selama setahun. Tiada tilam untuk tidur dan Balfour Ross, seorang peguam Pulau Pinang, mati akibat tersalah makan. Dia tinggal di Pulau Pinang bersama dua orang kakaknya dan salah seorang daripadanya kena rogol oleh Jepun, menurut berita. Ada askar British meneruskan hidupnya di atas Bukit Bendera; di sana mereka mendapat makan dari orang Cina. Pada mulanya ada di antara orang tempatan menjadi pro-Jepun tetapi kini kesemuanya telah bertukar menjadi pro-British.
- 2 Hari jadi emak saya hari ini, saya rasa, yang ke-65. Berita angin terakhir bahawa kami dikehendaki pergi ke Formosa pada 15 Februari. John masuk hospital untuk rawatan kakinya. Orang tawanan Pulau Pinang ada beberapa cerita ngeri untuk diberitahu. Lewis, seorang pelatih kuda di Pulau Pinang, yang berat badannya 8 ston kini susut tinggal 6 ston dan selama 7 bulan dia jadi gila kerana disumbat ke dalam bilik kurungan tertutup.

Sehingga dimasukkan ke hospital, baharulah dia sembuh. Staines, yang mempunyai isteri bangsa Jepun, dibebaskan. Begitu juga Templeton yang selalu mengelolakan pesta ria. Seorang lagi tawanan mendengar sendiri antara 40 - 50 orang Cina ditembak, bahkan dia benar-benar melihat seorang Cina gila lagi miskin ditembak mati sebagai latihan menembak dengan revolver. Mayatnya ditendang ke sana ke mari oleh askar-askar Jepun sambil bergelak ketawa. Apabila orang tawanan membantah tentang makanan yang tidak bermutu, mereka dipanggil berjumpa Pemerintah Tertinggi Jepun dan dipukul. Seorang daripada mereka dilambung ke udara lalu jatuh menyebabkan kakinya patah. Seorang gadis Serani dirogol sebanyak tiga kali pada suatu malam oleh serdadu-serdadu Jepun.

- 3 Penghuni kem kini berjumlah 3041 orang. Kami mendengar seorang doktor Serani Pulau Pinang, Dr Emile Smith, ditembak oleh Jepun. Berita angin yang terakhir ialah tawanan yang berumur lebih 45 tahun akan dihantar pulang, sementara yang di bawah 45 akan dihantar ke Formosa.
- 4 Keluar mencari kayu api. Baca *Indiscreet Memories* (Singapura) E.A. Brown dan juga *Pilgrim Progress* Bunyan. Kaki John dibedah pada tengah hari ini, tetapi dia nampak sihat apabila saya melawatnya pada pukul 7.00 malam. Jepun mendakwa kemenangan besar dalam pertempuran udara dan laut dekat Kepulauan Rennell.
- 5 Keluar melakukan tugas berkebun. *Syonan Times* mengatakan rundingan yang konkrit mengenai pemulangan orang awam Jepun dan kapal-kapal yang mengangkut sedang berlangsung dengan Kerajaan British. Dianggarkan seramai 120 000 orang Jepun ditahan di Amerika dan Kanada, dan seramai 118 000 orang tentera British dalam tangan Jepun.
- 6 Ada seorang "Osterhous" di kalangan kami, mengaku sebagai seorang penganut Nazi Belanda, tetapi agaknya dia orang gila. Wakil blok kami membaca sepucuk surat yang sepatutnya ditujukan kepada Jepun, dalamnya mengandungi ikrar "taat setia dengan penuh ikhlas". Jawatankuasa Kem telah memintas surat itu sebelum tiba ke tangan Jepun dan membukanya. Sementara itu si-"Osterhous" dapat perlindungan di sebuah



- bilik di Halaman Hadapan. Sudah pasti dia adalah seorang yang harus kami perhatikan dengan hati-hati.
- 7 Kami dapat menonton sebuah lagi konsert varia dipanggil *Quiet Please!* ditulis bersama oleh Jenkins dan Hopkins. "Osterhous" dikatakan masih "dalam perlindungan" di bilik Halaman Hadapan. Sejumlah nama diberi untuk ruang penginapan baharu, ruang di bawah Bilik Makan 'B' digelar *Piccadilly* dan sebuah lagi *Golden Green* ruang yang di luar.
  - 8 Dua orang "Budak Asia" ditangkap oleh pengawal Sikh dan diserahkan kepada Jepun. Mereka dituduh memanjat sebatang tangga di Halaman 'B' dengan tujuan untuk naik ke atas tembok dan masuk ke Blok Wanita. Selepas ditahan beberapa ketika di dalam bilik di Halaman Hadapan, mereka dibebaskan kerana tuduhan memanjat tangga tiada bukti. Saya keluar menjalankan tugas biasa dan terpancang banyak bendera Jepun dikibarkan sebagai merayakan kemenangan mereka menawan Singapura pada hari ini setahun dahulu. *Syonan Times* mengaku kekalahan ketumbukan Tentera Keenam Jerman di Stalingrad dan merupakan satu kekalahan besar kepada Kuasa Axis. Baca *Prophet at Home* Douglas Reed.
  - 9 Saya menggunakan cangkul selama dua jam untuk melambuk tanah tambahan bagi kebun kami hari ini. Tanah itu digunakan untuk bertanam sayur dan kentang sebagai tambahan kepada bekalan beras yang dijangka kurang tidak lama lagi. Hujan lebat menghalang tugas berkebun sayur seterusnya.
  - 10 Count Ciano, Setiausaha Luar Itali, dipecat daripada jawatan oleh kerajaan Itali. Dilaporkan Peall dari Ocean Assurance Co., Kuala Lumpur, terbunuh dalam pertempuran. Bapanya pernah bertugas dalam jabatan kami. Saya sepatutnya pergi ke Singapura menyertai pasukan bertugas tetapi terpaksa dibatalkan kerana hujan lebat.
  - 11 Hujan masih turun dengan lebatnya. "Osterhous" masih ditahan dalam kurungan di Halaman Hadapan.
  - 12 Para isteri dibenarkan menemui suami masing-masing buat pertama kali dalam setahun (tidak termasuk Hari Krismas). Kelonggaran ini mungkin untuk memberi peluang menyambut kemenangan Jepun setahun dahulu. Pengawal-pengawal Jepun

dan Sikh, dengan benet terhunus, membuat rondaan di dalam kem pada pukul 8.45 malam tadi dan merampas 30 buah cerek elektrik, pinggan pemanas dan sebagainya. Sebab rampasan ini kami tidak tahu. Baca *The South Wind* Norman Douglas.

- 13 Lagi sebuah pinggan pemanas dirampas di *Piccadilly* hari ini. Kaki adik saya John beransur-ansur sembuh, tetapi dia memerlukan lagi tiga minggu berada di hospital sehingga semua kudis itu hilang. Jepun menyusun acara perayaan seminggu untuk seluruh Tanah Melayu kerana menyambut kemenangan pada 15 Februari 1942.
- 14 Lagi cakap-cakap fasal pemulangan orang tawanan hasil daripada "apa yang jurubahasa beritahu" kepada seorang antara kami! Kumpulan Koir Kem membuat persembahan konsert Lagu-lagu Suci pada minggu ini.
- 15 Hari ini genap setahun kejatuhan Singapura dan Jepun mengadakan sukan di padang bola sepak. Saya tidak hadir menyaksikannya. Bagaimanapun, pengawal-pengawal Sikh merayakan hari itu dengan membuat operasi mencari sesuatu di dalam kem. Mereka, 23 orang semuanya, telah mengambil sepasang teropong, dua biji mentol, beberapa utas tali pinggang, setengah botol brandi, sepasang gari dan tanda "Rumah Kemenangan!" Saya keluar seperti biasa mencari kayu dan Dr. Linehan, bekas Pengarah Pendidikan, memberi ceramah "Orang Asli Tanah Melayu".
- 16 Saya pergi bekerja di kebun sayur dengan mencangkul dan membuang lalang. Baca *The Three Hostages* Buchan.
- 17 Saya menyapu kapur putih pada dinding bilik kurungan di sebelah saya. Pijat senang kelihatan kalau keluar lagi! Dr. Linehan memberi ceramah kedua berjudul "Orang Asli: Jakun, Sakai dan Semang".
- 18 Keluar mencari kayu api seperti biasa. Puan Mulvaney, wakil Palang Merah, sepatutnya membuat kenyataan tentang pemulangan tawanan yang pasti berlaku. Baca *Jesting Pilate* Aldous Huxley. Pengawal Jepun dan Sikh keluar lagi membuat rondaan di beberapa tempat di dalam kem. Ramai berasa hairan apakah benda yang mereka cari.

- 19 Dua orang tawanan yang ada kaitan dengan hal keselamatan sebelum ini, iaitu Morgan dan Scott, dibebaskan daripada Menara. Mereka ditahan selama setahun dalam kurungan yang terasing itu. Dua orang teman sebilik dengan saya menyapu putih dinding di sebelah mereka berdua. Tangan John, yang juga telah dijangkiti, beransur sembuh.
- 20 *Syonan Times* menyiarkan ucapan Anthony Eden berhubung dengan rundingan pertukaran tawanan, terutama wanita dan kanak-kanak. Kenyataan yang kabur begini sekali lagi membangkitkan harapan. Akhbar juga melaporkan Kharkov dikepung oleh Rusia.
- 21 Akhirnya kami dibenarkan bersiar-siar di luar kawasan penjara antara jam 6.00 petang hingga 8.00 malam pada hari-hari tertentu tetapi ruang bersiar-siar itu masih dalam kawasan yang berpagar dengan kawat berduri yang baharu dibina mengelilingi kawasan bercucuk tanam. Baca *Women in Love* D.H. Lawrence.
- 22 Keluar bertugas seperti biasa dan nampak Northcote-Green dan Sarjan Mejar Lee (Sukarelawan Perak). Pengawal kami memarahi seorang serdadu yang memberi isyarat 'V' kepada kami. Baca *Into Battles* Churchill.
- 23 Keluar berkebun sayur dan buat pertama kali dalam masa setahun kami dibenarkan bersiar-siar di luar tembok penjara antara 6.00 petang hingga 8.00 malam. Gobbels membuat ucapan menekankan tentang saiz bala tentera Rusia yang besar yang kini menawan semula Kharkov. Van Hien memimpin konsert di kawasan dobi; Waddle memainkan ciptaan Beethoven dan Hay Shubert. Coney (Kastam) menyanyi. Suatu senarai 45 orang tawanan wanita yang ditahan di Padang, Sumatera, dipamerkan tetapi di dalamnya tidak mengandungi nama Puan Samuel (Pulau Pinang), ibu mentua abang saya.
- 24 Kini kebanyakan makanan dimasak dengan air laut dengan tujuan mendapatkan kandungan garam di dalamnya. Berita tentang hari terakhir kapal *Giang Bee* meninggalkan Singapura dan karam sampai ke pengetahuan kami. Salah sebuah daripada bot penyelamatnya pecah ketika sedang dilancarkan ke laut dan cuma dua daripada empat buah bot yang selamat

sampai ke pantai Sumatera setelah tiga hari berdayung. Seramai 47 orang penuh padat di dalam salah sebuah bot itu dan 30 orang lagi di dalam bot yang sebuah lagi. Kira-kira seramai 180 daripada jumlah 262 orang di dalam kapal itu tidak dapat dikesan. Berita ini dibawa oleh seorang gadis kacukan Serani-Cina yang berada di atas kapal itu dan telah diselamatkan lalu dibawa ke Singapura di dalam sebuah bot pegawai kastam Melayu, dan dihantar ke Changi.

- 25 Ketika keluar bertugas hari ini, saya nampak kira-kira 200 Orang Tawanan Perang berbaris lalu sambil membawa penyodok. Bull, bekas majistret Singapura, bersembunyi di bilik dobi. Dia berkelakuan ganjil dan enggan menjalankan sebarang tugas!
- 26 Bertugas di kebun sayur hari ini. Saya diberitahu, adik saya, Gerwyn E.D. Lewis, kini menjadi seorang jurubahasa Melayu untuk Jepun di markas di Outram Road. Pihak tentera memberitahu kami, mereka mahu kebun yang kami usahakan di sepanjang Jalan Tanah Merah itu mesti dikerjakan dengan intensif selama lima bulan. Ini akan menjadi kerugian kepada kem kerana kebun kami terbatas kepada kawasan tanah yang kurang subur yang kelilingnya di pagar dengan kawat berduri. Sejumlah 13 000 benih telah ditanam di atas tanah yang kini akan diambil alih.
- 27 Rex Charton menerbitkan sebuah drama *Chu Chin Changistan* yang penuh fantasi. Pakaian dan pemandangan lebih baik daripada lakonan terdahulu. Dua buah tangki air dobi digunakan untuk menyimpan air laut.
- 28 Harga telur naik kepada 20 sen sebiji mulai 1 Mac. Tabung Kem semakin berkurangan. Dilaporkan Begg, Kendall, Tyacke dan 150 orang lagi disumbat ke dalam Penjara Palembang yang berumur 60 tahun, dan empat orang sebilik. Makanan telah sedia kurang, apabila Scott dan Morgan meninggalkan tempat itu pada bulan April 1942, dan mereka juga tiada peluang membeli makanan tambahan. Penduduk Belanda di sekitar bandar itu ditempatkan di dalam sebuah rumah di luar penjara. Paderi Colin King memberi khutbah pada minggu ini.

## Mac

- 1 Semua penghuni berbangsa Welsh mengadakan perjumpaan pada Hari St. David. Ketika menjalankan tugas mencari kayu di luar penjara, saya ternampak adik saya Gerwyn di atas lori yang melewati Tampenes Road dan dia kelihatan sihat. Saya kurang pasti sama ada dia ternampak saya atau tidak. Harapan pemulangan tawanan timbul semula, kali ini disebabkan kami kehilangan kebun yang di luar itu!
- 2 *Syonan Times* menyiarkan kisah pemulangan lagi dan menyebut bilangan orang Jepun yang ditahan di beberapa buah negara sekutu. Contohnya, 2100 orang di India, 3400 di Australia, 345 di England, 15 di Afrika, 600 di New Zealand, berjumlah kesemuanya 6460 orang. Daripada jumlah itu seramai 1700 orang telah dihantar pulang. Di Hawaii seramai 122 000 orang, 150 000 di Amerika Syarikat dan 23 000 di Kanada.
- 3 Baca *Flight from a Lady* A.G. Macdonall dan juga *Since the Beginning* Hugh Clifford. Kisah *Giang Bee* bersambung. Scott dan Langdon (Kastam) terselamat daripada kapal itu dengan menaiki sebuah bot yang diperbuat daripada kain layar dan mereka berdayung sejauh 150 batu untuk tiba ke pantai Sumatera. Mereka dapat menyelamatkan dua orang lagi dalam pelayaran; seorang pekerja Boots Cash Chemists, beratnya 18 ston dan seorang kelasi muda, baharu keluar hospital, dan tidak tahu langsung berkayuh. Bot penyelamat mereka tenggelam dimasuki air kerana kena bom; dan mereka tiada dapat menecedok air begitu cepat. Tukang angkut mayat yang masih hidup kini berada di Hospital Penjara Outram Road. Menurut kata Jepun salah seorang daripadanya menghilangkan diri. Mereka tidak semena-mena mengalami masalah kerana mulut yang celopar bercerita di dalam bar mengenai mayat-mayat yang mereka angkut itu terputus-putus atau penuh dengan bekas tikaman.
- 4 Berita terakhir mengenai penghantaran pulang tawanan kini dikaitkan dengan kad yang baharu-baharu ini kami isi butiran-nya dan telah dihantar ke Tokyo dan London untuk diproses. Asahi memberitahu Dr Johns (berasal dari New Zealand) bahawa seramai 45 orang Jepun terbunuh dan 60 lagi cedera

akibat rusuhan yang berlaku di dalam kem tawanan Jepun di New Zealand.<sup>140</sup> Tambahnya, namun demikian tidaklah dia berniat untuk bertindak balas terhadap kami! *Syonan Times* melaporkan hari ini bahawa 'Diet' (Parlimen) Jepun telah meluluskan undi simpati tentang rakyat Jepun yang dipenjarakan secara haram, kehilangan harta benda, dipaksa menjalankan kerja berat di tanah usang, dan selalu diseksa tanpa mendapat hak untuk merayu! Baca *The Blanket of the Dark* Buchan.

- 5 Father Moran, seorang Paderi Roman Katolik, dihukum berkurung selama tiga hari di bilik yang terasing kerana didapati mabuk! Sebenarnya dia keluar menjalankan tugas harian di luar penjara dan singgah di Convent lalu menyertai rahib wanita di situ yang memberinya wain, tetapi perutnya kosong. Ada cerita mengenai beberapa orang kelasi Jerman yang dimasukkan ke dalam Kem Orang Tawanan Perang kerana membela beberapa Orang Tawanan Perang British yang menentang layanan buruk Jepun. Ada berita angin yang samar-samar mengenai Vanrennan dan Harvey telah dibawa ke Singapura.
- 6 Saya keluar dengan lori ke Diethelm and Co. untuk mengambil beberapa tin sup dan kari ayam serta mengambil beberapa maklumat. Seorang kerani bangsa Cina memberitahu saya bahawa seorang saudaranya dan empat orang lagi di pejabatnya diambil oleh Jepun lalu dibunuh dan jumlah yang kena bunuh sejak menyerah kalah telah meningkat sehingga 10 000 orang.<sup>141</sup> Dua buah lori penuh bermuat dengan orang Cina dibawa ke Ponggol di sebelah timur laut Pulau Singapura dan dibunuh semuanya kecuali seorang yang bersembunyi di bawah hamparan kain dan berjaya berlepas lari. Kerani itu cuma mendapat sebanyak 10 kati beras pada bulan lepas. Ubat bagi mengubati penyakit beri-beri tidak boleh didapati, bahkan beras bersih juga sukar. Sejumlah 99% motokar di sini adalah

140 Asahi tersalah faham dengan menyangkakan New Zealand itu Australia. Sebenarnya, beberapa ratus tawanan Jepun di Cowra dalam New South Wales beramai-ramai lari secara berani mati dari kem; dan sudah tentu tidak dapat dielakkan beberapa orang di antara mereka terbunuh atau cedera oleh pengawal-pengawal kem.

141 Untuk lebih terperinci tentang pembunuhan beramai-ramai orang awam Cina di Singapura antara 16 Februari dan 2 Mac 1942, baca Lord Russell *The Knights of Bushido* Bab 13, (PAN) 1958.

milik Jepun. Ketika saya pergi ke sebuah kedai Cina untuk membeli kasut dan lain-lainnya, saya bertemu seorang bernama Tan Ah Tah, seorang kawan C.O. Lim, peguam Pulau Pinang, yang saya kenali. Katanya, C.O. Lim telah pulang ke Pulau Pinang tetapi isterinya, dapat berlepas ke India. Selepas itu saya pergi ke Pejabat Perbandaran untuk minum kopi. Dua orang Eropah yang bekerja di situ, dituduh menyebarkan propaganda anti-Jepun. Kononnya hal mereka dilaporkan oleh orang India kepada Datuk Bandar Singapura yang berbangsa Jepun. Kami juga diberitahu bahawa seorang lagi anggota pasukan mengangkut mayat; mati; menjadikan tiga daripada enam orang telah mati. Selebihnya masih tinggal di hospital dan salah seorang daripadanya bernama Smith, seorang pencinta damai. Mungkin dia seorang pelombong dari Perak dan paling lantang menentang perkhidmatan tentera pada tahun 1940. Kemudian kami beredar ke Albert Street untuk makan tengah hari dengan begitu enak. Juga kami berbual-bual dengan seorang pengawal Jepun yang pernah menjadi Orang Tawanan Perang di New Delhi sebelum dia ditukar dengan tawanan Eropah. Katanya, keadaan dalam kemnya di Port Swettenham adalah teruk dan bapanya sendiri mati akibat berak darah ketika di atas kapal pertukaran. Pengawal-pengawal yang berkuasa atas tawanan Jepun ialah orang Hyderabad, dan di dalam Kem New Delhi mereka diberi makan daging kerbau dan ada di antara mereka tinggal dalam khemah. Kami juga singgah di pasar dan bercakap dengan seorang wanita Serani dan sekali lagi di Katong, dua orang gadis Serani memberi isyarat 'V' kepada kami. Pada amnya, keadaan Singapura sudah kembali seperti sediakala kecuali jalan-jalannya dipenuhi dengan beca roda tiga jenis baharu. Ramai gadis di jalan, bersiar secara berpasangan, terdiri daripada bangsa Cina, Serani dan Jepun. Kedai Robinson dan Kelab Kriket Singapura telah dibaiki dan dicat baharu selepas kena bom. Ada motokar bukan kepunyaan Jepun, dan dilengkapi dengan alat gas untuk menggerakkannya. Sebuah periuk api dihanyutkan ke pantai dekat Bedok; di Geylang kami nampak bekas kerosakan akibat ledakan peluru dalam bulan Mac 1942. Sekolah Inggeris di situ dan dua buah rumah kepunyaan orang Eropah (sebuah daripadanya pernah kami duduki sekejap) musnah sama sekali, demikian kawasan di

sekitarnya, seluas 150 - 200 ela persegi. Sejumlah 12 buah tongkang sedang dalam pembinaan di tepi pantai sepanjang Beach Road. Hampir kesemua rumah di Singapura mengibarkan bendera Jepun hari ini kerana menyambut Hari Keputeraan Maharaja Tenno Heika. Kami diberitahu hari istimewa untuk perayaan ini berlaku sebanyak empat kali dalam sebulan. Rumah yang pernah saya diami, No 13 Fort Canning Road, Raffles Hotel dan Tank Road masih seperti dahulu. Namun sebuah bangsal kapal terbang sedang dibina di Lapangan Terbang Kallang. Mereka yang tinggal di Rumah Kastam di Maxwell Road (saya juga pernah tinggal di sini) semuanya sudah berpindah tetapi tiada berita mengenai Foster, Auten dan Wilbraham yang pernah tinggal di situ. Kasut kulit dan mentol lampu elektrik tersangat mahal di Singapura. Beberapa "kerat" manusia yang bersikap berdiri di atas pagar kini semakin kurang sikap pro-Jepun setelah melihat kepala rakan mereka merompak yang terpenggal dan dipamerkan kepada umum. Seorang pegawai Jepun dilaporkan menempeleng muka seorang Cina kerana jamnya tidak menunjukkan waktu Tokyo, (iaitu dua jam lebih awal) dan itulah waktu yang kami pakai dalam kem. Laporan kesihatan bagi tahun pertama pengurangan kami menunjukkan sebanyak 49 kematian atau 17.2% setiap 1000 orang tawanan. Kes pertama beri-beri berlaku pada bulan Mei 1942, dan kesemuanya 16 kes seumpama itu. Bagaimanapun, tidak ada lagi kes terbaharu semenjak ketibaan beras bersih, sungguhpun ada 3 atau 4 kes.

- 7 Lagi cakap-cakap fasal pertukaran, kali ini dalam masa tiga minggu lagi. Seorang pegawai Jepun kononnya mengatakan bahawa dia melihat borang yang ditandatangani untuk digunakan dalam pertukaran nanti! Lagi beberapa orang tawanan didatangkan dari Ipoh, Perak. Mereka termasuk Charlie Cummings, pelombong Australia, Trevors sekeluarga dengan isterinya orang Jepun dan Simpson, bekas pengawal penjara dari Taiping. Mereka memberitahu beras kini berharga \$3.50 se-gantang, dan getah ditoreh semula dan disimpan di dalam stor. Sir Galloway, tidak ditahan kerana beristerikan wanita Jepun, meninggal dunia. Jonklas, rakan sepermainan kriket, ditikam dengan benet sehingga mati di Sitiawan, Perak. Penoreh getah dibayar 50 sen sehari tetapi terpaksa juga menjalankan tugas



berkebul selama dua jam sehari. Ada tawanan baharu yang asalnya dari Cameron Highland dan pernah dibawa ke Dewan Elim, Ipoh, cuma sebulan sahaja. Orang Cina melayani mereka dengan baik di sana dan sebenarnya semua kaum kini mahu kami kembali, malah beberapa orang yang bersikap pro-Jepun juga merasakan begitu.

- 8 Baca *The Crater of Mars* (Perang 1914 – 18) Tuohy. Sejumlah 60 000 pucuk surat dikatakan tiba, kebanyakan dari Australia terutama untuk Orang Tawanan Perang. Keluar seperti biasa menjalankan tugas mencari kayu tetapi hanya mampu menda-pat satu muatan sahaja hari ini. Ini disebabkan kami terpaksa melalui jalan jauh – sebuah jalan tanah yang merentasi ladang getah. Tampenes Road digunakan oleh Orang Tawanan Perang mencari kayu dengan menggunakan lori tanpa enjin (juga tanpa badan).
- 9 Dikatakan seramai 70 orang sukarelawan akan tiba ke kem kami esok untuk melawat sanak saudara. *Syonan Times* me-laporkan serangan udara oleh British atas Kota Berlin.
- 10 Saudara saya Gerwyn tidak datang bersama hari ini, mungkin dia tidak lagi tinggal di Changi, tetapi Darby (Kastam) mener-ima lawatan saudaranya. Menurut ceritanya, seramai 5000 Orang Tawanan Perang dijangka berlepas ke Siam minggu hadapan. Seramai 60 orang sukarelawan Cina dalam Pasukan Meriam Ringan FMS ditembak oleh Jepun selepas kekalahan.<sup>142</sup> Bagaimanapun, anggota gerila Cina bertindak menyerang beberapa buah balai polis yang terpencil antara pekan Sungai Siput dengan Kampar di Perak. Tujuan mereka ialah untuk merampas raifal dan peluru. Gabenor Jepun di Perak kena lon-taran bom dalam Jubilee Park, Ipoh, Perak. Juga cerita bagai-mana Birch (Polis) ditembak oleh anggota polisinya di Telok Anson, Perak, tetapi tidak dapat disahkan berita itu.
- 11 Keluar mencari kayu seperti biasa. Baca *The Moon Endureth* dan *The Watcher by the Threshold*; kedua-duanya karya Buchan. Jawatankuasa Kem mengirim senarai bantahan yang panjang kepada Asahi. Bantahan itu ialah (i) Wakil Palang

<sup>142</sup> Pegawai pemerintahnya gagal memusnahkan buku pendaftaran yang jatuh ke tangan Jepun selepas kekalahan. Unit berkenaan, sebenarnya, berada dalam Pasukan Sukarelawan Singapura.

Merah tidak melawat ke kem lagi; (ii) Kekurangan ruang penginapan untuk seramai 3041 orang tawanan; (iii) Makanan kurang bermutu – terutama kurang zat protein dan lemak (iaitu telur, daging, mentega dan buah); (iv) Kekurangan wang untuk menokok tambah makanan asas – pinjaman berjumlah \$250 000 00 dipohon; (v) Kekurangan bekalan ubat-ubat, dadah dan sebagainya; (vi) Kekurangan tempat tidur, kain dan kasut – masih ada seramai 465 orang tidur tanpa tilam atau katil; (vii) Layanan buruk atas tawanan tertentu, lelaki dan wanita (tiga orang wanita dipukul oleh pengawal Jepun atas kesalahan membongkok hormat, dua orang daripada Jepun itu adalah kakitangan pejabat). Salah seorang daripada wanita itu dikurung di Joo Chiat selama lapan hari dan dalam tempoh itu dia dipukul sebanyak tiga kali dan tidak diberi katil. Lapan orang tawanan lagi dipukul dengan kayu dan tali, dua orang lagi disumbat ke dalam penjara selama 18 hari dan salah seorang daripadanya diseksa. Gabenor dikurung berseorangan selama tiga minggu, Scott dan Morgan selama setahun dan Herr Spitz untuk beberapa bulan. (viii) Kami tidak dibenarkan berhubung dengan saudara-mara kami di luar; (ix) Gangguan Jepun atas bekalan yang tiba dari Afrika Selatan; dan (x) Perhubungan suami isteri tidak dibenarkan, sekalipun mereka berada di dalam kem yang sama.

- 12 Saya diberitahu bahawa adik saya, G.E.D. Lewis, akan menziarahi John dan saya esok. Lagi khabar angin tentang pertukaran, kali ini berdasarkan berita dalam akhbar berbahasa Sikh yang dibacakan oleh pengawal-pengawal Sikh.
- 13 Ternampak Gerwyn. Malangnya dia tidak menerima dua kotak, Setiap satu mengandungi 300 dan 200 biji, vitamin yang saya kirim dahulu. Oleh itu saya beri lagi 200 biji Acidol C dan 150 Vitamin B. Mula-mula dia bekerja di Bukit Timah, kemudian di Outram Road, sebagai jurubahasa Melayu dan kemudian di Berek Changi sebagai sarjan dalam Unit Palang Merah. Dia berharap, moga-moga dengan tugasnya dalam Unit Palang Merah, maka dia terlepas daripada dihantar ke Siam; seramai 5000 orang yang akan berlepas tidak lama lagi. Dan gajinya dijangka dinaikkan daripada \$3.00 menjadi \$20.00 sebulan. Dalam menjalankan tugas dia menemui mereka yang berikut: Kolonel Newey (Sukarelawan), Dr. Turner, Leftenan

- Sanderson dan Kapten Lloyd (A.I.F), "Starkie" Cameron, A.C. Boyd dan Brook (Sukarelawan). Boyd amat percaya berita angin tentang nasib yang menimpa Harvey dan Vanrennan dan mereka benar-benar kena tembak. Gerwyn menegaskan bahawa hampir kesemua anggota tentera India masih setia kepada kami dan hanya mereka yang menyertai Tentera Kemerdekaan India yang terpaksa bersikap menentang kami kerana dipaksa oleh Jepun.<sup>142a</sup> Dia juga beritahu bahawa tentera itu sebenarnya melakukan pelbagai perkara yang menyusahkan Jepun dalam kem. Misalnya, mereka menjual balik kepada Jepun barang-barang yang mereka curi, malah lori dalam hal tertentu!
- 14 Paderi Dr. Amstutz, Ketua Gereja Methodist Amerika, memberi khutbah. Baca *With Malice Towards Some Halsey*. Kami tidak dapat beras bersih untuk kanji hari ini. Hanya tinggal bekalan makanan untuk 20 hari sahaja, tetapi kami telah pun mendapat separuh daripada catuan biasa.
  - 15 Buat kerja mencari kayu di luar. Baca *Gone to Earth* Mary Webb. Kami dengar berita bahawa mereka sedang mengagih surat-surat yang diterima dari seberang laut untuk kami dan Orang Tawanan Perang.
  - 16 Profesor Dyer memberi ceramah lagi: "Revolusi Perancis dalam tempoh Robespierre". Seorang Laksamana Jepun melawat kem dan dia dijangka mengucap "selamat belayar" kepada Dr Johns. Dr. Johns mengirim surat lagi kepada Asahi menegaskan tentang keadaan yang kian teruk tentang kekurangan ubat-ubat, makanan, pakaian, kasut dan sebagainya serta mencadangkan supaya Kerajaan British membetulkan kekurangan ini melalui Palang Merah. Kharkov dikatakan telah ditawan semula oleh Jerman.
  - 17 Hari ini ialah Hari St. Patrick, dan ada upacara membaca sebuah lakonan Irish, berjudul *The White Headed Boy*. Juru-bahasa Jepun sekali lagi menegaskan bahawa kami akan keluar meninggalkan Changi dalam tempoh enam bulan.
  - 18 Baca *Malaysia* Emerson. Tidak mencari kayu hari ini.

142a Kira-kira 25 000 daripada seramai 65 000 orang tawanan India menyertai Tentera Kebangsaan India.

- 19 Jawatankuasa Kem meminta Jepun mendapatkan maklumat berhubung dengan 862 orang rakyat British yang diketahui berada di Tanah Melayu sebelum kekalahan, tetapi telah hilang entah ke mana. Menonton sebuah lakonan Irish ciptaan Lennox Robinson.
- 20 Ada sebuah berita lanjut dalam akhbar India tentang kapal pertukaran tawanan dijangka berlepas dari Goa pada bulan Mei dan Julai. Takungan air kencing di Halaman 'B' diberi nama "The Pisseker" (Air kencing digunakan untuk menyiram kebun sebagai baja).<sup>143</sup> Hadir dalam konsert varia.
- 21 Ada permintaan untuk mendapatkan lebih ramai sukarelawan menyertai tugas berkebun di tapak yang di luar tembok. Pekerja-pekerja tetap di luar akan bekerja selama 16 jam seminggu. Pekerja sukarela akan bekerja selama 12 jam (dia juga menjalankan tugas biasa), sementara buruh biasa akan mengerjakan apa yang mereka boleh.
- 22 Keluar mencari kayu. Elaun percuma akan dikurangkan daripada \$5.00 menjadi \$3.00 sebulan mulai bulan hadapan dan akan diberhentikan sama sekali selepas itu.
- 23 Saya keluar menjalankan tugas berkebun – sebenarnya ke sebuah kawasan luar berhadapan dengan "Tembok Keluhan". Jepun kini mengharamkan nyanyian lagu *God Save the King*. Bagi menghadapi serangan udara, kami tidak akan menggali lubang, malah akan keluar berpecah-pecah di luar bangunan atau mencari jalan supaya diketahui bahawa di sini ialah kem tawanan! Cuma apabila serangan bom yang hebat baharulah kami meninggalkan bangunan dan berpecah di luar.
- 24 A.H. Gridley (Kastam) dijadikan Timbalan Wakil Blok 'B'.
- 25 Keluar mencari kayu api. Sebuah ucapan Churchill tersiar dalam *Syonan Times* tetapi butir lanjutnya saya tidak tahu. Trevor, peladang Sungai Siput yang baharu tiba ke sini, melaporkan di Perak berlaku kekurangan makanan dan beberapa

---

143 Air kencing menjadi faktor penting bagi ekonomi kebun kami, selain sekali-sekala lori mengangkut lumpur baja dari luar, air kencing merupakan "fertiliser" kami. Air kencing dimasukkan ke dalam sebuah tangki dengan cermat dan kemudian dicampur air. Di setiap tempat buang air kecil terpanjang kata-kata yang mengingatkan kami "Bayaran untuk Perkebunan".

keresahan seperti yang ditunjukkan dengan kepala penentang yang terpancung dipacak pada batang-batang kayu di Sungai Siput dan Chemor, Perak. Buruh ladang, pada mulanya anti-British kerana dihasut, kini menghendaki kami kembali, bahkan sebenarnya semua kaum bersikap begitu. Suatu senarai nama orang tawanan di Palembang boleh didapati sekarang. Yang berikut telah meninggal dunia: Wynne (Polis) mati akibat berak darah, juga Atkin Berry, Robbins (Malayan Collieries), Chasen (Muzium), F.L. Jones (*Malay Mail*), Fisher dan Brown (Marin Johor). Mereka yang masih hidup ialah Kendall, Dr. West, Dr. McKern, Sir John Campbell, Begg, Tyacke (Perak Hydro), Prior (Kuala Kangsar), Penrice, Sim (Kastam), Page (RRI), S.A. Mountain (Muar), Strong (Ladang Allagar, Taiping), dan Matheson (Polis) yang meninggalkan perkhidmatan dengan kebenaran.

- 26 Bekerja di kebun sayur. Jadual tugas telah dipinda dari pukul 10.00 pagi – 12.30 tengah hari dan 6.45 – 7.45 petang. Nampaknya Hakim Aitkens berlatih piano dalam bilik dobi setiap pagi antara jam 8.30 – 9.00 pagi, tetapi sayangnya dia hanya berlatih lagu yang sama. Terdapat 1½ beg surat (kira-kira 4000 pucuk surat) tiba di kem. Menonton *Outward Bond* karya Sutton Vane. Menurut ucapan mutakhir Churchill bahawa perang akan berlanjutan sehingga tahun 1945.
- 27 Nampaknya pasukan kami sedang menyerang Garisan Mareth Rommel di Tunisia. Surat-surat yang dikirim dari Australia, India dan England telah pun disampaikan kepada beberapa orang tawanan.
- 28 Schweitzer, Konsul Swiss di Singapura, akhirnya diiktiraf oleh Jepun sebagai wakil Palang Merah Antarabangsa. Kami berharap agar badan ini dapat membantu kami dalam masalah kewangan, makanan dan keperluan lainnya. Lori dibenarkan semula turun ke Singapura untuk mengangkut barang-barang belian. Kami juga berharap agar wakil Palang Merah Antarabangsa akan dibenarkan melawat kem kami. Banyak lagi surat yang diedarkan di kalangan kami, tetapi malangnya, tiada se-pucuk pun surat untuk saya. Khabar angin tentang kapal pertukaran berlepas dari Goa pada bulan Mei dan Jun telah dihidupkan semula dan sebagai tambahan, kami masih dapat me-

ngirim surat melalui kapal-kapal itu yang balik ke India. Baca *Malaya Swettenham*.

- 29 Kami semua mendapat suntikan. Bishop Wilson Singapura, Sennett, Rev. Hayter (Penolong Bishop), Rev. Adams dan tiga orang rahib wanita datang ke kem kami hari ini. Bishop memakai pakaian paderi lengkap dengan topi hitam serta berbaju putih. Ketika bekerja mencari kayu tadi saya ternampak Ken Archer (Sukarelawan) dan dia kelihatan segar dan sihat. Rakan sebilik, Hunter, menerima surat dari isterinya bertarikh 26 Jun, 1942. John keluar dari hospital selepas rawatan selama tujuh minggu. Gridley menerima berita sedih kematian anak lelakinya yang lahir belum cukup bulan, hanya hidup selama lapan jam. Long, pemandu ambulans, memberitahu Binnie (Kastam) bahawa isterinya mati lemas atas kapal ketika dalam pelayaran dari Australia ke Afrika. Seorang kakitangan A.B.A.T. bernama Darvel juga hilang dari kapal yang sama. Bishop ditempatkan di sebelah bilik saya di Tingkat 3 Blok 'B'.
- 30 Moore, seorang pengajar sekolah tukang, Laurence Henderson dan Carl Lawson, seorang penerbit teater, dilaporkan bekerja bagi pihak Jepun. Gian Singh, firma kain, dikatakan didenda sebanyak \$81 000.00 kerana menjual kain melebihi harga yang ditetapkan. J.N. Davies (Pendidikan) dikatakan berada di Perth bersama isterinya.
- 31 Berita terakhir bahawa Jepun telah bersetuju bertukar-tukar tawanan, seorang Jepun bagi seorang tawanan British, dan tarikh pengesahan persetujuan ialah pada 27 April! Kami diberitahu bahawa beberapa orang kakitangan kerajaan, doktor, pegawai kehutanan dan sebagainya yang berjaya berlepas lari kini ditempatkan dalam jawatan yang sama di jajahan takluk yang lain.

#### *April*

- 1 Livingstone, seorang pegawai polis, 44 tahun, mati di sini. Dia ialah saudara Helen Wills. Saya fikir, dia menghidap barah paru-paru. Jepun menyelongkar bilik-bilik kurungan mereka yang baharu tiba dan mengambil barang-barang kepunyaan Bishop Adams dan Sennett. Kerana saya kehabisan wang,

maka terpaksa bergantung pada "Senarai Percuma", yang mana baik.

- 2 Bertugas di kebun. Saya mengunjungi satu "pesta ria" yang dikelolakan oleh kaum wanita untuk membantu ladang ternakan ayam. Pelbagai makanan dan karipap ada dijual. Saya bertemu Puan Margaret Edge, Puan Phear, Puan White dan lain-lainnya. Jepun mengusir kami keluar dari bilik kurungan hari ini. Nampaknya, ini berpunca daripada salah faham antara Jepun yang mengawal kami dengan Pasukan Polis Tentera Jepun.
- 3 Seorang Jeneral Jepun dilaporkan menemuramah Lady Thomas, isteri Gabenor kami. Dengan cara biadab dia memberitahu wanita itu bahawa dia akan berada di sini selamalamanya. Pandangan itu disangkal sama sekali oleh Lady Thomas!<sup>144</sup> Kami diberitahu lagi seramai 100 orang lagi, terdiri daripada Yahudi atau Serani, akan dibawa ke kem kami dan kami hairan mengapa. Nama berikut sudah pasti terkorban semenjak kejatuhan Singapura: Puan Binnie (Kastam), Nunn (JKR) suami isteri, Puan Selfe, Puan Kitching, Puan Colin

144 Saya terhutang budi kepada Dr. Cicely Williams, yang turut hadir dalam temuramah sebagai wakil kem bagi wanita, kerana telah merakam perkataan demi perkataan temuramah itu dan segera ditulisnya sebaik sahaja selesai temuramah.

Di bawah ini adalah sebahagian contoh soalan yang dikemukakan oleh Jeneral Arimura dan jawapan yang diberi oleh Lady Thomas.

Jeneral: Awak Puan Thomas?

Lady Thomas: Ya.

J: Saya datang ke sini khas untuk melihat awak.

L.T.: Awak sungguh baik hati.

J: Awak beritahu mereka supaya mengibarkan bendera putih di Wisma Kerajaan agar Singapura menyerah kalah.

L.T.: Tidak, sama sekali tidak. Saya tidak ingin menyerah kalah.

J: Tetapi awak yang memberitahu mereka supaya mengibarkan bendera putih di Wisma Kerajaan.

L.T.: Sama sekali tidak, bukan begitu. Awak tersalah maklum.

J: Jadi, siapa yang menyerah kalah? Suami awak?

L.T.: Tentera yang memerintah masa itu. Kami mesti patuh kepada arahnya.

J: Semasa pemerintahan British, Singapura adalah sebuah kota raya yang kotor.

L.T.: Tidak, ia adalah bersih.

J: Tidak, ia cukup kotor.

Dr. Cicely Williams: Sebenarnya, kota ini kurang sekali dilanda penyakit berjangkit daripada bandaraya lain di timur.

J: Oh, jadi awak tidak suka tinggal di sini, kerana di sini cukup teruk.

King, Puan Staunton, Puan Collett dan Puan Robinson. Syarikat Guthrie dikatakan menyingkir kesemua kakitangannya yang meninggalkan Singapura sebelum kekalahan dan ini mungkin termasuk Peter Taylor. Bank juga, semuanya, mengambil tindakan yang sama terhadap kakitangannya sekiranya mereka meninggalkan Singapura sebelum masa yang sepatutnya.

- 4 Kami diminta oleh wakil Palang Merah Antarabangsa di Singapura untuk mengemukakan senarai keperluan kami yang memerlukan tindakan segera. Baca *Night in Bombay* Louis Bromfield. Archdeacon Graham White berkhotbah minggu ini.
- 5 Saya menjalankan tugas berkebun kerana tugas mencari kayu dibatalkan. Profesor Dyer berceramah tentang "Kempen Perang Napoleon di Itali" dan beberapa reformasi yang diperkenalkan olehnya selepas itu. Seperti yang dilaporkan oleh Radio San Francisco dan Tokyo bahawa semua orang awam akan dihantar pulang pada bulan September akan datang.
- 6 Bertugas di kebun. Beberapa pucuk surat atau kad tertentu yang dikirim ke Singapura untuk ditapis dikembalikan kepada penulisnya tanpa ditapis. Kami mendapat Komandan Jepun yang baharu Tuan Tominara,<sup>145</sup> menggantikan komandan lama

L.T.: Ya, memang teruk.

J: Saya rasa awak akan tinggal di sini selama 10 tahun. Makanan pun tidak baik.

L.T.: Ya, segala-galanya tidak menyenangkan.

J: Awak pernah kena bom?

L.T.: Oh ya, kami pernah kena bom.

J: Wisma Kerajaan cukup selamat. Cuma orang-orang Cina dan si miskin yang kena bom.

L.T.: Tidak, semua itu bohong. Wisma Kerajaan di bom dan dibedil, serta terbinasa teruk. Ramai orang kami terbunuh.

J: Awak cabut lari.

L.T.: Tidak, saya tak cabut lari. Awak tengok saya masih di sini.

J: Mengapa awak tinggal di sini?

L.T.: Saya ingin tinggal bersama suami dan kawan-kawan saya.

J: Kawan-kawan awak cuma bangsa Eropah?

L.T.: Tak betul! Saya ada kawan-kawan bangsa Cina, India dan Melayu.

(Sebagai menghormati keinginan Lady Thomas untuk tinggal bersama suaminya, elok ditambah di sini kerana ini ada kaitan iaitu Jeneral Wavell mengirimi sebuah pesawat terbang khas dari Jawa untuk memindahkan Lady Thomas pada 12 Februari tetapi dia menolak).

145 Tominara, dipercayai seorang sarjan dalam tentera Jepun, merupakan duri dalam daging sepanjang penghidupan kami dalam tawanan. Apabila perang



yang disingkir kerana kami fikir terlibat dalam peristiwa di Pesta Ria Wanita. Tuan Tominara telah pun melarang pasukan pacaragam kem bermain di Blok Wanita pada petang ini – suatu keistimewaan yang diberi sebulan sekali oleh pegawai sebelumnya. Dr. Linehan memberi ceramah kedua tentang “Orang Melayu”.

- 7 Kami membasuh lantai bilik kurungan. Lebih seratus orang Yahudi dan Serani, kebanyakannya dari kawasan Change Alley di Singapura, dibawa ke kem hari ini. Mereka dikerah keluar dari bilik masing-masing pada pukul 5.00 pagi ini! Dr. Linchan memberi ceramah ketiga tentang “Orang Melayu”. Dia menamatkan ceramahnya dengan merayu kepada para pendengarnya agar tidak membuat kesimpulan yang prasangka terhadap tindak tanduk semua kaum dalam masa perang sehingga terdapat fakta yang sebenar dan mereka pula berpeluang membela diri masing-masing.
- 8 Keluar mencari kayu. Kebanyakan orang Yahudi ditempatkan didalam stor beras. Baca *The Further Side of No Man's Land* Purcell. Dilaporkan Pejabat Tanah Jajahan memberi jaminan tentang gaji pegawai-pegawai awam Tanah Melayu yang kini berada didalam kem. Berita angin pihak kita menawan Sfax di Tunisia.
- 9 Kami diberitahu bahawa Bretherton, Pearce, Frisby, Hill dan Bayliss, kesemua dari jabatan kami, dalam keadaan selamat di Perth (Pearce bersara di sana); sementara W.S. Morgan selamat di England. Saya mula belajar semula bahasa Melayu dengan bantuan buku *Malay Grammar* Winstedt.
- 10 Dilaporkan Langworthy (Polis) telah hilang dan Nicholson (Sukarelawan Perak) yang berkhidmat dengan Tentera Udara Diraja telah terbunuh. Kami diberitahu bahawa kakitangan kerajaan yang terlepas lari diberi tiga pilihan: (i) cuti tanpa gaji; (ii) bersara; atau (iii) berkhidmat di tanah jajahan lain dengan gaji yang kurang.

---

tamat, dia dihukum bunuh atas kesalahan jenayah perang tetapi diampunkan kemudian atas desakan, saya percaya, oleh sebahagian kalangan agama dan dihukum penjara seumur hidup. Bagaimanapun, lebih kurang setahun kemudian, dia dibenarkan pulang ke Jepun dan akhirnya dibebaskan.

- 11 Paderi Besar Singapura berkhotbah di dalam kem buat kali pertama. Dilaporkan Dr. Irvine (Taiping) terbunuh di Hospital Alexandra, dan Wicks (Austral Malay Tin) Taiping masih hilang. Khabar angin mengatakan Puan Colin King terbunuh ketika menaiki kapal. Seorang tawanan berusia 68 tahun, bernama Edmett, mati di dalam kem, sementara isterinya juga sakit tenat.
- 12 Bertugas mencari kayu. Senarai surat yang diterima ditampal untuk mereka yang sudah hilang. Senarai itu termasuklah Tulloch (Ukur), McK. Cooper (Kastam), Simpson-Gray (MCS) – ramai mengatakan dia terbunuh – Clark-Walker (Ukur), Cicely Smith (Teluk Anson), F.Cobb (Pelajaran) dan Christie (Pelajaran) tetapi dia ditahan di dalam Kem Orang Tawanan Perang. Sepucuk surat dari Hicks (Pelajaran) memaklumkan bahawa dia telah dilantik menyandang jawatan baharu di Lagos, Nigeria dan Hill (Pelajaran) mendapat tugas baharu di Kenya. Saudara saya John menerima surat dari isterinya, Gwynedd di Australia, dia mendengar bahawa emak kami dalam keadaan sihat dan sentiasa menerima elaun. Tetapi dia tidak menyebut tentang kedua ibu bapa Gwynedd, Samuel suami isteri, yang berlepas lewat dengan kapal.<sup>146</sup> Dyer memberi kuliah mengenai kisah Napoleon.
- 13 Berkebum hari ini. Dilaporkan sebanyak 20 buah beg surat tiba di Kem Orang Tawanan Perang.
- 14 Buat pertama kali, kami mendapat bekalan roti jagung. Trevor Hughes memberi ceramah mengenai bangsa Serani. Finch, tawanan, 51 tahun, di B4, satu tingkat di atas bilik saya, mati

146 Hanya selepas perang baru mendapat tahu keadaan sebenar. Samuel, suami isteri, belayar dari Singapura dengan kapal *Kuala* pada hari Jumaat 13 Februari 1942. Mereka berdua terselamat dari bom dan kapal karam serta berjaya tiba ke darat di sebuah pulau terdekat, Pompong. Selepas dua atau tiga hari di sini, mereka berdua dan 250 orang wanita dan kanak-kanak diambil oleh sebuah kapal kecil Belanda *Tanjung Pinang*. Malangnya, kapal ini juga ditenggelamkan oleh sebuah kapal perang Jepun pada malam itu tidak berapa lama berlepas dari pulau itu. Ramai orang yang mati di atas kapal. Samuel meninggalkan pulau sehari dua kemudian dengan sebuah kapal kecil dan akhirnya tiba di Padang, pantai barat Sumatera. Dia mati menghidap 'pelbagra' pada bulan Disember 1943 di dalam kem tawanan di sana tanpa mengetahui tragedi malang yang menimpa isterinya dan rakan-rakan penumpang kapal *Tanjung Pinang*.

secara tiba-tiba pukul 8.10 pagi ini. Kawan saya Johnnie Johnston (Kastam) dapat bercakap dengannya selama lima minit sebelum dia meninggal. Nelson, seorang broker saham Singapura, dimasukkan ke Hospital Miyako kerana gila agama.

- 15 Mencari kayu api. Kasut but bekalan tentera, dan kasut saya telah haus dan sukar mendapat gantinya. Saiz 12 memang susah mendapatnya sama ada di sini atau di Singapura.
- 16 Bertugas di kebun. Dua buah bandar di Tunisia, Susa dan Khaironan, ditawan oleh pasukan kita, mengikut laporan. Saya diberitahu bahawa sekolah lama saya, Sekolah Clifford, Kuala Kangsar, kini menjadi berek tentera; tetapi Kolej Melayu, di sebelahnya, dibuka semula oleh Jepun untuk mengajar Nippon-Go, Latihan Jasmani dan Berkebun.
- 17 Saya diberitahu, Miffie, kakak Gwynedd, mendapat maklumat tentang emaknya, Puan Samuel, dalam keadaan selamat di Tanah Melayu atau Jawa, tetapi tiada pengesahan tentang berita itu. Asahi dikatakan memberitahu Lady Heath bahawa "dia tak lama lagi akan pergi". Lagi surat untuk kami sedang diagih-agih di dalam Kem Orang Tawanan Perang.
- 18 Tipson, pakar budaya Cina dan seorang mubaligh, memberi khutbah pada hari Minggu Palma. Seorang tawanan wanita dipanggil balik oleh pengawal Jepun kerana tidak membongkok hormat ketika melewati pengawal itu di pintu pagar utama.
- 19 Ketika keluar mencari kayu saya basah kuyup kehujanan. Dr. Johns dikurung di dalam sebuah bilik di Halaman Hadapan kerana enggan mempercayai bahawa orang tawanan Jepun di New Delhi mendapat layanan buruk. Ini adalah kerja koman-dan baharu, Tominara.
- 20 Bertugas di kebun. Dr. Johns, wakil tawanan lelaki masih dikurung dan dia hanya diberi makan kanji dengan garam. Baca *Theater* karya Somerset Maugham.
- 21 Jepun tidak membenarkan Paderi Besar mengetuai Sembahyang Hari Easter di Blok Wanita. Hujan sepanjang hari.
- 22 Bertugas mencari kayu...dilaporkan Asahi akan meninggalkan kami selama-lamanya untuk pergi ke Sumatera, menyusun

semula kem tawanan di sana. Genap setahun saya di dalam penjara. Sebanyak tiga kali saya terdengar beberapa buah lori melewati kem kami pada awal pagi. Barangkali Orang Tawanan Perang sedang dipindahkan. Baca *Studies in Brown Humanity* Hugh Clifford.

- 23 *Good Friday*. Ada sembahyang pagi jam 11.00 dan pada sebelah petang Kumpulan Koir Kem menyanyi lagu Stainer *Crucifixion*. Dr. Johns dibebaskan dari kurungan pagi ini. Tawanan bernama H.W. Gregory, 64 tahun, mati.
- 24 Tugas harian dibatalkan hari ini kerana lawatan seorang Jeneral Jepun. Orang Yahudi yang baharu masuk ke mari menderma sebanyak \$44 000.00 kepada Tabung Kem, inilah hadiah yang dialu-alukan kerana Jepun menolak segala permintaan kami terdahulu. Elaun "Senarai Percuma" kini dinaikkan daripada \$3.00 menjadi \$4.00 sebulan. Morgan dengan rasminya dilantik sebagai jurubahasa Jepun bagi Jawatankuasa Kem. Diharapkan perlantikan ini dapat mengurangkan salah faham di antara komandan Jepun, Tominara, dengan Jawatankuasa Kem, yang sehingga kini sering berlaku. Dilaporkan Jepun telah menembak dua orang juruterbang Amerika yang menyerang Tokyo pada tahun lepas dan kini ditawan.
- 25 *Easter Sunday*. Ada kerosakan pada jentera pam air di dalam kem ketika makan tengah hari dan bekalan air terputus selama enam jam. Sembahyang Gereja Easter dibantu oleh kumpulan koir dan orkestra kem buat pertama kali. Kapten A.E. Macdonnell, 75 tahun, mati akibat barah.
- 26 Bertugas mencari kayu. Dr. Jelani memberi ceramah yang menarik atas judul "Orang Arab di Tanah Melayu". Menelaah *Malay Manual* karya Maxwell.
- 27 Jepun menuntut supaya Dr. Johns meletak jawatan sebagai wakil tawanan lelaki. Desakan ini kerana Dr. Johns, dalam beberapa hal atau boleh jadi, dia berasal dari New Zealand dan baharu-baharu ini ada kekacauan di dalam Kem Orang Tawanan Perang Jepun di New Zealand. Seramai 24 orang Serani yang ditahan di Palembang dibenarkan pulang kepada keluarga mereka di Singapura. Kami dapat tambahan daging

"stew" dalam tin kerana tahanan Yahudi tidak mahu memakannya, dan bagi mereka sudah cukup dengan sayur biasa. Bagaimanapun, Jawatankuasa Kem memberi amaran, bahawa sekalipun ada derma sumbangan orang Yahudi baharu-baharu ini, tetapi kedudukan kewangan masih teruk kerana Konsul Swiss belum lagi diiktiraf dengan rasmi sebagai wakil Palang Merah kami. Ada beberapa bukti lagi tentang Orang Tawanan Perang kami dibawa keluar dari Berek Changi, mungkin dihantar ke utara.

- 28 Seorang tawanan, Elbury, melaporkan Vanrennan, Harvey dan beberapa orang lagi yang terlepas lari dapat ditangkap di Bentong ketika dalam perjalanan ke ladang getah Harvey di Pahang dahulu, Batu Balai di Batu 39. Kapten Nugent kena tembak dalam kejar-mengejar dan ditembak lagi sebelum dimasukkan ke Hospital Bentong. Elbury nampak Harvey, Graham dan Vanrennan dibawa dengan lori ke Kuala Lipis, dan dari sana mereka dipindahkan ke Penjara Pudu, Kuala Lumpur. Menurut cerita seorang pegawai Jepun, mereka telah ditembak di sana. Dia mengatakan bahawa mereka berke-lakuan biadab dan kasar.<sup>147</sup> Tominara, Komandan Jepun,

147 Cerita lengkap tentang tragedi ini dapat dibaca dalam tulisan Russell Braddon *The Naked Island*, Bab 5, Buku 2. Braddon adalah penghuni Penjara Pudu ketika mereka melarikan diri, tertangkap semula dan dihukum bunuh. Kerana kesemua mereka yang menyertai pelarian ini dari Penjara Pudu akhirnya dihukum bunuh, maka sedikit sekali maklumat yang dapat diketengahkan. Russell Braddon merupakan orang pertama yang menceritakan hal ini berdasarkan apa yang dilihat dan didengar di dalam penjara, tetapi maklumat yang didapatinya juga terhad. Menurutnya, seramai lapan orang yang lepas lari, Vanrennan, Harvey, Graham, seorang Australia bernama Bell, seorang juruterbang Belanda bernama Jan dan tiga orang lagi. Matlamat mereka ialah menuju Kuala Selangor seterusnya belayar dalam bot terbuka ke India. Dengan berpakaian kain dan baju Melayu, seolah-olah sebagai orang tempatan, dalam gelap mereka menyelip keluar pada satu malam melalui sebuah pintu rusuk dengan menggunakan kunci simpanan. Malangnya, rancangan mereka tidak tercapai seperti yang diharapkan, bahkan sebelum mereka tiba di pinggir bandar Kuala Lumpur, mereka telah dilihat oleh orang kampung. Bukanlah kerana sayangkan Jepun, tetapi untuk hidup mati mereka. Jepun akan membunuh mana-mana penduduk kampung yang membenarkan orang tawanan yang melarikan diri melalui kampung mereka tanpa dihalang. Menjelang fajar, mereka dikepung satu pasukan peronda Jepun yang agak besar dan mereka terpaksa menyerah diri. Menjelang tengah hari, mereka dibawa semula ke Penjara Pudu dengan tangan dan kaki terbelenggu dan disumbat ke dalam kurungan. Selama dua hari mereka dikurung tanpa makanan dan air. Pada hari ketiga, masih terbelenggu, mereka diangkat dengan lori ke tanah perkuburan Kuala Lumpur, dikerah menggali kubur sendiri lalu ditembak, me-

sedang mencari fasal hari ini. Dalam lawatan pemeriksaan, ramai yang kena hentam atau kena tendang kerana tidak berdiri ketika dia mendekati. Mereka tidak pernah melihatnya. Arnold (dari jabatan yang sama dengan saya) kena tumbuk tiga kali di hidungnya, patah tulang hidung, dan seorang guru bangsa Yahudi dari Raffles Institution kena tendang pada buah pinggang, begitu teruk akibatnya hingga terpaksa diusung ke hospital. Ada seorang tua lagi kena hentam. Apabila Tominara melawat ke Halaman Riadah Utama dia nampak tanda 'V' atas pentas yang telah lama berada di situ. Dia dengan segera memberi perintah supaya keseluruhan pentas dirobohkan sebelum malam. Juruelektrik yang bertanggungjawab dengan lampu pentas dikurung dan salah seorang pengawal Sikh juga dikurung kerana ingkar memukul mereka. Selanjutnya, Tominara melarang tawanan bersiar-siar di luar kawasan kem selama dua minggu, juruelektrik tidak diberi makan sehingga hari esok dan semua perhubungan dengan Blok Wanita terputus sehingga suatu pengumuman akan datang. Saya juga pergi mencari kayu pada hari penuh peristiwa itu.

- 29 Hari Keputeraan Maharaja. Tiada tugas pada hari perayaan. Kesemua juruelektrik dibebaskan hari ini. Badan masing-masing lebam-lebam selepas dibelasah oleh pengawal-pengawal Sikh. Sementara itu, Worley dan Penseler, masing-masing mewakili Blok 'B' dan 'D', dibelasah, diikat lalu dikurung. Worley dihukum kerana tidak membenarkan Dalton, pakar wayarles, membaiki set wayarles pegawai Jepun di luar kem; dan Penseler kerana tidak tahu (atau enggan beritahu) siapa yang membuat hiasan lampu yang membentuk huruf 'V'. Sementara itu, semua tanda 'V' di dalam kem, peta, arah tunjuk ke "Rumah Kemenangan" (Victory House) dan sebagainya dengan segera dibuang demi keselamatan.<sup>148</sup>
- 30 Masih tiada tugas biasa hari ini. Kerja-kerja meratakan padang bola sepak boleh dikatakan selesai. Baca *The Rivals* Sheridan.

---

nurut cerita pemandu lori bangsa India.

148 Satu rangkaian bilik kurungan dekat hospital kem dikenali sebagai "Victory" dan segera diberi nama baru "Highgate". Lihat Rajah 1.

## Mei

- 1 Bertugas di kebun. Penseler dan Worley dibenarkan keluar dari kurungan untuk soal siasat seterusnya. Mereka diberi makan yang paling asas iaitu kanji tetapi tiada air atau teh. Hari ini seramai lebih 100 orang tawanan yang menginap di luar tembok dalam kawasan "Golders Green" diperintahkan masuk ke dalam tidak lewat dari pukul 6.00 petang ini. Mereka terpaksa meninggalkan kebun dan itik yang dipelihara. Tomi-nara mengaku bahawa "dia benci British". Dia pernah cedera di Shanghai pada suatu waktu tetapi mujur bukan oleh British. Khabar angin mengatakan dia telah menamatkan kesemua kelas bahasa Melayu, tetapi ternyata tidak benar. Clunies-Ross, 55 tahun, mati akibat sakit dalam perut.
- 2 Pemilihan wakil baharu tawanan lelaki diadakan untuk meng-gantikan Dr. Johns. Undi yang diperolehi seperti berikut: Ad-rian Clarke (1100 undi), Collinge (900) dan Stone (300). Tomi-nara kelihatan curiga terhadap kehadiran seorang bernama Churchill di dalam kem, yang menjalankan gerakan seperti kongsi gelap dan menentang beliau. Orang yang disyaknya kini ialah Worley. Bishop memberi khutbah hari ini.
- 3 Bertugas di kebun. Adrian Clarke dipilih sebagai wakil tawanan lelaki yang baharu. Sementara itu Penseler dan Worley dipindahkan ke bilik kurungan yang lebih besar; sebe-narnya bilik kurungan yang sama pernah didiami oleh Morgan dan Scott setahun dahulu. Bekas penghuni "Golders Green" diberi tempoh sehingga esok oleh Tominara untuk mengem-balikan pintu, dan lain-lain yang hilang dari bilik mereka atau dia menggugat akan mengganggu mereka! Salah seorang jurubahasa Jepun memukul bekas kerani polis dengan teruk-nya pada hari kelmarin, kerana cuba bercakap-cakap dengan salah seorang pegawai polis kami ketika menjalankan tugas di luar. Beratus-ratus orang melihat peristiwa kejam yang me-nimpa si malang yang dibelasah dengan sebatang besi kayu golf sehingga pengan.
- 4 Bertugas di kebun. Cakap-cakap fasal hantaran pulang orang tawanan yang cedera teruk. Nampaknya mereka yang lain telah dipindahkan dari Singapura.

- 5 Baca *In Search of Ireland* Morton. Ketika bertugas di luar, kesemua tawanan lelaki yang berada atas lori ditempeleng kerana tidak turun dari atas lori dan tidak memberi tunduk hormat kepada pengawal. Pada tengah hari itu seorang pengawal kelihatan memberitahu bahawa peristiwa itu merupakan kesilapan. Untuk masa akan datang memadai seorang sahaja yang memberi tunduk hormat! Worley dan Penseler masih dikurung, tetapi Tominara (atau "Tomahawk" atau "Tominaker" seperti yang biasa digelar oleh mereka) semakin berlembut. Bakal calon wakil Blok 'B', Gridley, Harper Ball dan Bill Adams, sibuk menjalankan kempen pilihanraya dengan membuat pelbagai ucapan. Kami diberi tambahan 'stew' setiap hari daripada catuan makanan wanita tetapi kenapa atau bagaimana boleh terjadi, saya tidak tahu. Kapten Philip, 66 tahun, mati hari ini.
- 6 Ketika bertugas di luar saya bertemu beberapa orang sukarelawan yang memberi jaminan bahawa Gerwyn dalam keadaan sihat. Ratcliffe, bekas majistret, ditangkap kerana meneropong kapal dari tingkat atas Blok 'C', dari situ pemandangan cukup jelas untuk memerhati kesemua kapal yang lalu-lalang. Dia ditampar dan dikurung.
- 7 Bertugas di kebun. Ratcliffe dibebaskan dan teropongnya dikembalikan. Seorang tawanan yang berbadan bongkok bernama Jordon, 55 tahun, mati di sini. Kami mengadakan perbincangan mengenai sekolah awam.
- 8 Hari jadi John. Dikatakan sebanyak 4000 pucuk surat tiba di kem hari ini. Dilaporkan bahawa Bizerta dan Tunis jatuh ke tangan kami akhirnya. Baca *Rivals* karya Sheridan.
- 9 Lagi khabar angin tentang hantaran pulang seramai 700 orang Orang Tawanan Perang yang cedera dalam tempoh tiga minggu lagi. Kesemua orang tawanan yang telah menjalahi kurungan selama 18 bulan baharulah diberi pertimbangan. Dengan demikian kami tidak termasuk dalam kumpulan itu buat masa ini! Seorang "Budak Asia" dihukum kurung berasingan selama tiga minggu kerana mencuri gula Melaka.
- 10 Kapten Palmer, 62 tahun, mati di Hospital Miyako. Dia menghidap sakit otak semenjak kematian isterinya beberapa bulan



dahulu. Kami dibenarkan semula bersiar-siar waktu petang buat pertama kali semenjak larangan. Bertugas mencari kayu. Saya mendapat sepucuk surat daripada Mary Flower bertarikh 25 Jun, 1942. Saya berasa hampa kerana belum menerima sepucuk surat pun dari emak saya.

- 11 Bertugas di kebun. Paley, salah seorang "Budak Asia", dihukum selama tiga minggu lagi sebagai tambahan kerana mencuri sebutir mentol lampu di "Labrador". Seorang Yahudi bernama Ezechiel, 55 tahun, mati di sini. Dia dikatakan mempunyai seramai lapan orang anak yang tinggal di Singapura. Preedy memberitahu saya bahawa dia ternampak Tidderman dari jabatan kami sedang mencari kayu.
- 12 Seramai tujuh orang wanita dan dua orang kanak-kanak dibawa dari Palembang, termasuk keluarga Stanley, bangsa Serani, salah seorang penghuni di Blok 'B'.
- 13 Bertugas mencari kayu. Saya ternampak Cook (Pertanian) dan juga Leftenan Wort (Askar Melayu). Malang nasibnya kerana kehilangan sebelah tangan, tetapi dia kelihatan cergas. Wakil kami yang baharu membuat ucapan amaran supaya memberi hormat yang wajar kepada pengawal-pengawal Jepun dan berkelakuan baik ketika menjalankan tugas di Singapura. Worley dan Penseler masih dalam kurungan tertakluk kepada siasatan lanjut.
- 14 Bertugas di kebun. Perry memberitahu, katanya, dia ternampak John Ford (Sukarelawan) ketika mencari kayu api. Dilaporkan nama kesemua orang tawanan awam disiarkan dalam akhbar London pada 11 November 1942 (tetapi kemungkinan nama-nama itu semuanya Orang Tawanan Perang sahaja). Jepun kini membenarkan kami mendengar Berita Jam 10.00 malam dari Radio Singapura melalui set wayarles yang dikawal oleh Jepun. Pulau Attu dalam Kepulauan Aleutians telah tertawan, tetapi oleh siapa kurang jelas.
- 15 Genap 15 bulan semenjak kekalahan. Adrian Clarke memberi amaran supaya tidak membuat ulasan yang tidak baik di khalayak ramai terhadap Berita Radio Tokyo, bagaimanapun buruknya berita itu.<sup>149</sup>

149 Amaran itu tidak perlu, tetapi ada orang tawanan dengan membata tuli mem-

- 16 Di dalam bilik kurungan kami, secara tidak rasmi, kami merayakan kekalahan Tunis dengan membuka dua buah tin kari ayam. Archdeacon (Paderi Besar) memberi khutbah hari ini.
- 17 Tugas mencari kayu dibatalkan kerana hujan lebat. Baca *World Geography* Dudley Stamp. Kami mengalu-alukan kedatangan lori Palang Merah pertama yang bermuat dengan barang-barang dari Syarikat Diethelm; yang saya percaya ini firma kepunyaan Schweitzer. Mereka yang keluar menjalankan tugas mencari kayu ternampak Kolonel Bretherton (Askar Melayu) dan juga Chappel (Osborne dan Chappel).
- 18 Bertugas di kebun. Akhirnya, Penseler dan Worley dibebaskan dari kurungan.
- 19 Kami dapat sabun dan ubat gigi percuma, dibayar dari Tabung Palang Merah.
- 20 Tugas mencari kayu dibatalkan kerana hari hujan. Kami menerima keluaran pertama roti seberat 12 auns, besar tetapi kurang sedap. A.B. Jordan, Pegawai Pelindung Orang Cina, memberi ceramah kedua tentang "The Chinese in Malaya".
- 21 Menelaah buku *Malay-English Dictionary* Winstedt. Jepun mengarahkan pasukan petugas cari kayu menggali keluar setiap perdu pokok yang telah ditebang dan digunakan untuk menghidupkan api dapur. Nampaknya di bahagian barat Jerman mengalami hujan bom.
- 22 Ucapan Churchill di Australia dilaporkan dalam akhbar tempatan, tetapi beberapa keratan ucapan dipotong oleh Jepun supaya kami tidak dapat membacanya.
- 23 Rev. Adams, bekas Guru Besar Sekolah St. Andrew, Sekolah Inggeris Anglikan, di Singapura, memberi khutbah.
- 24 Saya keluar mengambil beras di Singapura. Kami mengambil berguni-guni tin lama dan memuatkannya ke dalam dua daripada enam buah lori dengan 35 kampil beras tiap-tiap sebuah di Sekolah St. Andrew, yang kini tidak lagi menjadi sekolah tetapi gudang beras. Penduduk di situ amat gembira

---

bincangnya serta membandingkan secara terbuka tentang kandungan berita antara Tokyo dan BBC.

- melihat kami. Seorang penarik beca<sup>150</sup> dengan cara sembunyi-sembunyi mencampakkan beberapa batang rokok ke atas lori dan seorang lagi memberi kami sebungkus rokok di sebuah restoran di Albert Street. Kami lihat kawat berduri baharu terpasang di sepanjang East Coast Road, terutama kawasan yang hampir dengan pantai. Kesemua pos tentera kini dipagar dengan kayu dan kawat berduri untuk mengelak daripada orang melihat ke dalamnya. Kawasan Geylang, termasuk Lapangan Terbang Kallang dan Grove Road, menjadi kawasan larangan bagi orang ramai. Saya beli 100 kotak kertas rokok untuk dijual semula di dalam kem.
- 25 Bertugas di kebun. Menghabiskan masa dengan membubuh baja kompos pada batas. Teman sebilik saya, Graham (Pos dan Telekom) yang sering berkongsi kelambu dengan saya, dengan murah hati membuat sepasang capal untuk saya; diperbuat daripada getah tayar dan talinya daripada beg kain baju.
  - 26 Kami diberi poskad untuk menghantar berita kepada sanak keluarga. Permainan bola sepak diadakan semula di padang yang baharu diratakan. Akhbar mengumumkan kematian seorang Jeneral Jepun, Yamamoto, yang dianggap sebagai Nelson bagi orang Jepun.<sup>151</sup>
  - 27 Bertugas mencari kayu, dan berjumpa dengan Kapten Denaro (Askar Melayu). Dia memberitahu saya, katanya, Gerwyn dalam keadaan sihat dan masih di Changi.
  - 28 Beberapa orang pegawai tinggi Jepun melawat penjara dan kami semua diarahkan membongkok hormat kepada seorang pembesar yang berselempang keemasan di badannya. Kami kini menyerahkan poskad ketiga kepada Jepun untuk dikirim seterusnya kepada sanak saudara kami. Seorang tawanan bernama Phillips (dari Brown, Phillips dan Stewart) jatuh rebah di

150 Saya berasa amat terharu dengan perasaan muhibah dan simpati mereka dari kalangan paling miskin dan sederhana ini.

151 Laksamana Yamamoto menemui ajal dalam kapal terbang di daerah Rabaul, Pasifik Selatan, sebagai hasil secara langsung kejayaan Amerika menembusi Kod Rahsia Jepun. Maklumat itu memungkinkan mereka memintas kapal terbang Yamamoto ketika dalam penerbangan dan menembak jatuh ke dalam laut. Yamamoto mendapat pendidikan sebahagian daripadanya di Universiti Harvard dan menentang usaha perang terhadap Amerika dan England, kerana tidak yakin dengan kemenangan muktamad ke atas kedua negara ini.

Halaman Utama hari ini dan dikejarkan ke hospital dan masih dalam keadaan tidak sedar diri, mungkin tangannya juga patah. Seorang lagi hampir lemas di "Tembok Keluhan". Dia cuba menyelamatkan sebiji bola yang terjatuh ke dalam parit dalam, tiba-tiba mengalami kesukaran kerana air yang deras datangnya dari tempat dobi. Dia terlentang tanpa dapat membuat apa-apa untuk keluar dari situ sehinggalah dia diselamatkan oleh dua orang "setinggalan" yang kebetulan berada di situ dengan tugas harian mereka.

- 29 Kaki John sakit semula, dan dia berjumpa doktor.
- 30 Dua orang gadis Jepun, mungkin "gadis hiburan", melawat kem hari ini, tetapi mereka ditahan dekat tempat dobi mungkin hendak mengelak daripada melihat badan-badan berbogel yang sedang mandi di situ. Lagi cakap-cakap hataran pulang yang tidak jelas. Bishop berkhutbah hari ini.
- 31 Bertugas mencari kayu. Dr. Williamson, seorang doktor pakar mata di Singapura, baharu tiba hari ini, setelah berada di luar selama 15 bulan. Seorang Yahudi, bernama Isaac, baharu kena seksa selama dua jam dengan buluh oleh Jepun. "Jenayah" yang konon dilakukannya ialah mengenai permintaan bahawa kain kanvas yang dimilikinya telah diserahkan kepada Palang Merah untuk kegunaan kem. Mungkin ada lebih daripada itu. Meredith, wakil bloknya, juga kena sepak tiga atau empat kali mengenai perkara yang sama.

### *Jun*

- 1 Salah seorang jurubahasa Jepun mabuk bersama-sama dengan pemandu lori kami di Halaman Utama dan kemudian berteriak-teriak memanggil tiga orang wanita dari Blok Wanita. Dr. Cicely Williams dan dua orang wanita lagi telah muncul tetapi dibenarkan kembali ke tempat mereka semula tanpa dicabuli. Osterhaus, seorang Nazi Belanda, dibebaskan oleh Tominara dan dia mengugut siapa sahaja yang menentanginya akan mati! Radio Jepun mengaku kejatuhan Attu ke tangan Amerika tetapi akhbar hari Sabtu mendakwa bahawa Amerika dihalaui ke laut oleh Jepun.
- 2 Tominara mengurung lima orang ahli pancaragam di bilik atas menara, dan di tingkat atas, kerana bermain alat-alat muzik di

Girdle Road yang terlalu hampir dengan Blok Wanita. Dia mengesyaki mereka bukanlah berminat sangat bermain pancaragam, sebaliknya untuk memikat wanita. Lima orang *Brother* Kristian, empat dari Kuala Lumpur dan seorang dari Ipoh, tiba hari ini. Mereka melaporkan 50 orang Cina baharu-baharu ini berlepas lari dari Penjara Pudu, Kuala Lumpur, dan seorang Gabenor Jepun serta Pengarah Pendidikan Selangor terbunuh dalam kemalangan jalan raya, kemungkinan oleh angkara gerila Cina.

- 3 Ahli pancaragam, termasuk Beverley (Polis), masih dalam kurungan di tingkat atas menara, serta terdedah kepada matahari tropika tanpa sebarang perlindungan. Mereka cuma diberi seorang sehelai selimut untuk tidur pada malam tadi. Saya keluar mencari kayu, tetapi kasut but saya kini hampir tertanggal. Tominara menurunkan serta membinasakan gambar foto Stalin dan Jeneral Percival yang tergantung di bilik dobi. Ahli pancaragam dibebaskan hari ini pada pukul 5.00 petang setelah Beverley dikejarkan ke hospital akibat panahan matahari. Tindakan Tominara yang terakhir ialah merampas beratus-ratus alat pemanas elektrik yang dimiliki dan digunakan oleh penghuni kem.
- 4 Bertugas di kebun. Tugas saya ialah menyiram; sebanyak sembilan kandungan air dicampur dengan satu bahagian kencing manusia digunakan! Lagi pegawai-pegawai tertinggi Jepun membuat lawatan ke kem dan kami semuanya diberi amaran supaya mengemaskan segala-galanya sebelum mereka tiba; termasuk kain baju jemuran di ampaian dan yang tersidai pada dinding bilik kurungan. Tukang kebun semuanya dibenarkan tinggal di luar kem sehingga pukul 12.55 tengah hari. Baca *Outposts of War* Young.
- 5 Bertugas di kebun. Suatu pagi yang amat panas yang menyebabkan saya menyiram tanaman lebih kerap. Berita angin paling akhir tentang pemulangan tawanan ialah kami akan keluar dari kem ini pada pukul 4.00 pagi esok!
- 6 Radio Jepun melaporkan satu Revolusi Pro-Amerika meletus di Argentina dan kini mereka menyertai Pakatan Bersekutu. Baca *In Search of Scotland* Morton. Rev. C. Gibson (Gereja Presbyterian) memberi khutbah.

- 7 Strickland (dari jabatan kami) dilaporkan mengajar di sebuah sekolah di Sydney. Dia dikatakan berlepas dengan kapal *S.S. Bulan* pada 10 Februari (hari Selasa).
- 8 Bertugas di kebun. H.A.M. Parry, seorang peladang dari Kajang, Selangor, 56 tahun, mati di sini. Lagi cakap-cakap tentang penghantaran pulang di seberang laut atau sekurang-kurangnya di Pulau St John's, dekat pantai Singapura. Buchanan (Syarikat Henry Waugh) memberitahu saya, Puan Herbert, selamat sampai di Hobart, Australia, dan kini mempunyai dua orang anak perempuan. Mulai 15 Jun, semua tawanan akan mendapat \$5.00 tiap-tiap seorang sebulan dan "Senarai Percuma" dan kedai diberhentikan. Menurut *Syonan Times* anjing-anjing liar bermaharajelela di kawasan luar bandar England!
- 9 W. Blythe, Pegawai Pelindung Orang Cina, menamatkan ceramahnyanya berjudul "Buruh Cina di Tanah Melayu".
- 10 Bertugas mencari kayu. Lagi orang tawanan datang dari Singapura dan mereka semuanya pegawai kesihatan: Blakemore, Gater, Canton, Benjafield dan Lander. Permainan hoki diadakan buat kali pertama di padang baharu; Palang Merah kini menghantar lebih banyak buah-buahan, terutama betik.
- 11 Bertugas di kebun. Saya meneruskan tugas menyiram. Vernon Jones dan seorang Serani, dikatakan menantu lelakinya, ditahan di Bilik Pengawal di pintu masuk semenjak dua hari lampau, tetapi sebabnya tidak tahu.
- 12 Saya diminta mengajar Sejarah untuk Sijil Persekolahan (Empayar British) kepada seorang budak lelaki Serani, Simmonds, tetapi masalahnya ialah untuk mendapatkan buku teks. Berita melalui Radio Jepun adalah ulangan apa yang dimaklumkan semalam.
- 13 Saya hadir dalam siri pertama kursus yang dikelolakan oleh seorang Bishop tentang "Kegunaan Moden Kitab Injil". Khutbah Mingguan juga disampaikan oleh Bishop. Hari ini, seorang pengawal Jepun mengejar seorang pengawal Sikh hingga masuk ke penjara, dibelasah dengan penumbuk dan tali

pinggang, mengikat kedua tangannya, dibelasah lagi dan barulah dibawa keluar. Nampaknya, Tominara tidak mempunyai kuasa untuk masuk campur sekalipun peristiwa itu berlaku dalam kawasan bidang kuasanya. Diagakkan bahawa pengawal Sikh itu mencabar Jepun itu di jalan yang di luar kawasan penjara.

- 14 Dengan tiba-tiba Jepun memberhentikan segala tugas ke Singapura. Seorang bangsa Rumania, bernama Urmossi, 46 tahun, mati di sini; demikian juga Cik Aitken, 75 tahun; mati di Blok Wanita. Vernon Jones dan menantu lelakinya dibawa ke Singapura.
- 15 Bertugas di kebun. Baca *History of Europe* H.A.L. Fisher. Radio Jepun memetik berita, didakwa laporan oleh Radio New Delhi, menyebutkan kami sebagai orang tawanan mendapat layanan yang sama serta adil di Singapura.
- 16 Khabar angin yang terbaharu ialah orang lelaki yang di bawah 41 tahun akan dipindahkan ke Melaka, yang tua ke Berek Changi, dan wanita dan kanak-kanak akan dihantar pulang.
- 17 Bertugas mencari kayu. Saya ternampak Dr. Wolfe, bekas pegawai kesihatan. Dia menganggarkan seramai 6000 orang Orang Tawanan Perang masih berada di Changi dan 3000 daripadanya mengalami kecederaan.
- 18 Bertugas di kebun. Hari ini terlalu panas, terutama di dalam bilik kurungan.
- 19 Saya mulai mengajar Simmonds setelah mendapat sebuah buku teks "junior" *British Empire* Newton. Dr. Cicely Williams dikurung dalam menara setelah satu malam ditahan di Bilik Pengawal Sikh. Sebabnya ialah pemetik api rokok dijumpai dalam Blok Wanita dan sengaja jurubahasa Jepun itu ingin melihat supaya Dr. Williams mendapat susah, atas sebab-sebab yang dirahsiakan. Saya mengikuti ceramah kedua Bishop tentang Kitab Injil.
- 20 Bishop berkhotbah minggu ini. Berita angin yang akhir pula, sesetengah daripada kami akan ke Formosa, yang lainnya ke Port Swettenham, Selangor, dan ada yang dihantar pulang! Dr. Williams dan Vernon Jones dibebaskan.

- 21 Dapat ruam panas dan saya sapu dengan limau nipis untuk mengubatnya.
- 22 Dimaklumkan oleh Buchanan (Syarikat Henry Waugh) bahawa Gerwyn "menuju utara". Tominara melarang penggunaan sebaran lampu antara pukul 9.00 pagi dan 8.00 malam dan mengarahkan kami mengembalikan kesemua karung beras sebelum jam 10.00 pagi esok. Beberapa orang Yahudi dipukul hari ini kerana menggunakan karung itu sebagai alas tidur. Beberapa buah katil wanita yang ada karung ini sebagai alas tidur ditarik keluar padahal inilah satu-satunya alas tidur yang dimiliki ramai. Yang lain-lain juga dipukul hari ini kerana didakwa menggunakan bahan kayu, kononnya kepunyaan Jepun, untuk dijadikan katil.
- 23 Tominara menyelongkar Blok 'D' kerana mencari buku-buku yang diharamkan serta merampas sebuah buku berharga *Pagan Races in Malaya* kepunyaan Dr. Braine. Perintah juga dikeluarkan untuk menyerahkan topi keledar, pisau belati, "siletto", teropong dan sebagainya sebelum pukul 10.00 pagi esok. Setiap bilik tidak boleh ada lebih daripada sebuah lampu dan kesemua penutup kaca lampu dikembalikan ke tempat asalnya. Bose, pemimpin Nasionalis India, cuba merendah-rendahkan kejayaan kami di Afrika Utara, dengan menunjukkannya sebagai "kemenangan di bumi tandus bersedempadankan Mediterranean". Dickinson, bekas OCPD Singapura, memberi ceramah kedua yang menarik berjudul "Pasukan Polis di Tanah Melayu".
- 24 Bertugas mencari kayu. Saya bertemu Dr. Wolfe dan menyampaikan pesanan daripada Clancy untuk Dr. Puleston-Jones. Tominara menggeledah Blok Wanita dan menjumpai lagi topi keledar. Kerana kesemua wisel telah dirampas, wisel terpaksa dipinjam bagi pengadil untuk pertandingan hoki malam tadi. Nampaknya, pada malam ini Chandra Bose, akan bercakap melalui radio dari India untuk Tanah Melayu.
- 25 Dilaporkan semua Orang Tawanan Perang yang cergas akan meninggalkan Singapura pada hari Ahad hadapan untuk "ke utara tanah besar". Ruam panas saya semakin sembuh.
- 26 Mengikuti ceramah kedua oleh Bishop mengenai kitab Injil



- berjudul "The Idea of God". Kami mementaskan konsert di Lapangan Besar, di atas pentas baru, buat pertama kali.
- 27 Tipson melakukan khutbah. Seorang bangsa Eropah bernama Stables, beristerikan wanita Jepun, baru tiba hari ini.
  - 28 Mencari kayu. Ternampak seramai 30 atau 50 orang Orang Tawanan Perang yang bertugas sebagai penebang pokok pulang pada pukul 3.30 petang. Mereka memberitahu kami kira-kira 200 orang Orang Tawanan Perang sama ada terbunuh atau cedera di sempadan Siam baharu-baharu ini, diagakkan akibat serangan udara oleh pasukan kami. Mereka sedang menjalankan kerja pembinaan jalan raya atau landasan kereta api yang menghubungkan Siam dengan Burma. Robert Burns jatuh pengsan ketika mencari kayu hari ini.
  - 29 Sam Hall (Kastam) dipanggil menghadap dan diberi amaran keras kerana membawa sebilah senjata yang berbahaya ke kebun; sebenarnya sebatang buluh tajam! Adrian Clarke, wakil tawanan lelaki, dikurung selama 10 hari kerana gagal menyerahkan beberapa batang kunci; tetapi kunci apakah yang dimaksudkan itu kami tidak tahu.
  - 30 Adrian Clarke dijadualkan memberi ceramah atas tajuk "Undang-undang dan Keadilan" hari ini! Sementara itu Jepun sedang mengegedah tempat tinggal orang Yahudi dan merampas lagi "senjata berbahaya", iaitu pancang dan pemukul kriket. Mereka juga mengegedah Blok 'C' dan mengambil lampu picit, kertas-kertas persendirian, buku latihan dan mancis api. Seorang tawanan diseksa dengan buluh selama setengah jam kerana memiliki hiasan dada yang melambangkan 'V' di atasnya. Seorang lagi ditempeleng kerana tidak faham bahasa Jepun.

#### *Julai*

- 1 Mencari kayu. Kami menggunakan lori buat pertama kali untuk mengangkut kayu, tetapi kami tidak nampak Orang Tawanan Perang lagi. Pengegedahan yang dijangka berlaku di Blok 'B' tidak jadi. Mereka mengambil sebuah perharian kepunyaan Gerrard, tetapi dikembalikan kemudian. W.H. Burns, 71 tahun, mati di sini.
- 2 Radio Jepun mengaku tentera Amerika telah mendarat lagi di

beberapa buah pulau di gugusan Kepulauan Solomon. Saya kini telah membaca 600 halaman buku *History of Europe* Fisher.

- 3 Wanita di Blok 'A' menganjurkan "Sarkas" di Halaman Hadapan. Beberapa orang Jepun, termasuk Tominara dan Suzuki, ikut menonton dan mereka kelihatan terhibur.
- 4 Rev. Eric Scott berkhotbah minggu ini. Kulit yang melepuh dibakar matahari di belakang badan saya kini semakin baik.
- 5 Mencari kayu. Saya nampak lagi Orang Tawanan Perang yang memotong kayu. Seorang kapten laut bangsa Belanda, beristerikan wanita Jepun, tiba di kem hari ini. Perdana Menteri Jepun, Tojo, melawat Singapura hari ini. Osterhaus kini diberi sebuah pondok bersendirian di kawasan "Labrador". Dia diasingkan daripada kami sekalian.
- 6 J.H. Winters, seorang tukang jahit yang masyhur di Singapura, 67 tahun, mati di sini. Radio Jepun melaporkan kematian Jeneral Sikorsky, pemimpin Poland. Tojo masih di Singapura.
- 7 Perintah terbaharu Jepun ialah dilarang bersorak atau bertepuk tangan selepas pukul 8.00 malam, dan kesemua perkakas tukang kayu hendaklah dikembalikan. Kami dilarang melihat melalui tingkap blok! Adrian Clarke dibebaskan setelah lapan hari dikurung berseorangan. Selama enam hari dia hanya diberi nasi dan air, sementara makanan kem diberi dua hari terakhir.
- 8 Mencari kayu. Dalam tempoh itu kami memungut tiga batang tunggul kayu untuk dibakar. Kami tidak nampak lagi Orang Tawanan Perang. Kami tidak boleh lagi melihat kerenah pegawai-pegawai Jepun melalui tingkap berjerjak.<sup>152</sup> Kedua-dua pasang seluar panjang saya kini berlubang dan saya hanya tinggal sepasang seluar pendek yang tidak perlu ditampung.
- 9 Saya menonton *The Wind and the Rain*, sebanyak tiga kali. Kami diberitahu ketika lawatan Tojo ke Singapura, semua penduduk diarahkan menutup tingkap rumah masing-masing

<sup>152</sup> Jepun terlalu perasan-kendiri tentang bentuk tubuh mereka, misalnya seorang Jepun terpaksa berdiri di atas sebuah peti untuk menempeleng seorang tawanan yang tinggi (bekas seorang polis).

dan tinggal di tingkat bawah dan hanya kanak-kanak sahaja yang dibenarkan berbaris di sepanjang laluan. Semua jalan dironda oleh beberapa buah lori yang bermuat dengan askar yang lengkap dengan senjata mesingan.

- 10 Bishop memberi kuliahnya yang ketiga atas tajuk "Kegunaan Moden Kitab Injil". Menurut Radio Jepun, Jerman melancarkan serangan baharu yang hebat ke atas Rusia dengan menggunakan 3000 buah kereta kebal dan 500 000 orang tentera, tetapi cuma berjaya menawan dua buah kampung hingga waktu ini.
- 11 Rev. Eales berkhotbah Ahad ini. Dikatakan pertempuran sengit sedang berlangsung di New Georgia di Pasifik.
- 12 Bertugas di kebun. Dua pasang seluar saya dihantar ke Blok Wanita untuk "dijahit". Nelson, yang mengalami kegilaan beragama, telah pulang dari Hospital Miyako.
- 13 Harga barang di Singapura kini adalah seperti berikut: sebuah motokar terpakai \$7000.00; satu set tayar terpakai \$1900.00; sebuah bateri terpakai \$75.00; dan sepikul paku \$750.00.
- 14 Akhbar Jepun mendedahkan tentera Pihak Bersekutu telah mendarat di Sicily. Bertugas di kebun. Berita terakhir bahawa tawanan wanita, kanak-kanak dan lelaki berusia lebih 60 tahun akan bertolak minggu hadapan!
- 15 Gordon Holl (MCS) memberi ceramah bertajuk "Bekerja Sebagai Pegawai Daerah di Tanah Melayu". Kami nampak ada Orang Tawanan Perang yang cergas masih berada di Berek Changi, kerana kami ternampak kira-kira 70 orang berkawad kelmarin.
- 16 Akhbar Jepun lagi mengaku tentang pendaratan tentera Pihak Bersekutu di Sicily. Dua orang wanita Serani, Puan Lancaster dan Cik Hancock, ditahan di atas Menara di pintu pagar hadapan kerana bergaduh.
- 17 Bishop berkuliah lagi tentang kitab Injil. Pertempuran sengit berlangsung di Munda Georgia Utara.
- 18 A. Gow, 74 tahun, mati di sini. Archdeacon Graham-White berkhotbah Ahad ini.

- 19 Ketika mencari kayu kami ternampak seramai kira-kira 50 orang Orang Tawanan Perang. Menonton sebuah drama "The Importance of Being Earnes" karya Oscar Wilde.
- 20 Bertugas di kebun. Akhbar Jepun sekali lagi menyebut tentang hantaran pulang dan mengatakan tarikh pertukaran itu akan dikeluarkan "tidak berapa lama lagi".
- 21 Bertugas di kebun. Akhbar Jepun mengesahkan Agrigento di Sicily tertawan dan Rom kena bom. Fred Bailey (tawanan di bilik sebelah) dan Roberts berada di hospital.
- 22 Mencari kayu. Nelson dipindahkan ke sebuah pondok yang dibina di "Tempat Perlindungan" 'B'.<sup>153</sup>
- 23 Saya habis membaca *History of Europe* H.A.L. Fisher dan sekarang mulai membaca *Outline of History* H.G. Wells.
- 24 Bishop memberi kuliah biasa. Latihan Pencegahan Serangan Udara (ARP) dimulakan pada 28 Julai, menurut kata Jepun.
- 25 Rev. Hayter, pembantu Bishop, berkhotbah minggu ini. Lagi cerita fasal hantaran pulang dalam tempoh tiga minggu.
- 26 Hari jadi saya! Kerja mencari kayu. Kali pertama kami dipanggil berbaris untuk panggilan nama bagi seluruh penghuni kem di Halaman Utama.
- 27 Bertugas di kebun. Radio Jepun memberitahu Mussolini telah meletak jawatan atas alasan kesihatan. Seperti biasa konsert dalaman diadakan di bilik dobi.
- 28 Bertugas di kebun. Latihan ARP mulai hari ini dan malam ini ada "Brown Out" (Semacam arahan bergelap). Radio Jepun memberi jaminan bahawa latihan ini tidak kena-mengena dengan krisis di Itali, malah peperangan di Itali tetap diteruskan! Allen memberi ceramah berjudul "Jabatan Pos dan Telegraf di Tanah Melayu".

---

153 Tempat Perlindungan ialah kumpulan bilik kurungan yang biasa didiami oleh golongan agama. Kurungan lain Changi diberi nama "Cripplegate" (Pintu Lumpuh) untuk orang tua dan kanak-kanak, "Hudson Bay" nama sempena seorang penghuni yang menjadi ketua A.R.P Singapura sebelum perang dan "Aldgate" didiami oleh orang Yahudi. Lihat Rajah 1.

- 29 Bertugas mencari kayu. Latihan ARP tiba-tiba dibatalkan dan dilaporkan Jepun memberitahu Jawatankuasa Kem penghantaran pulang tawanan tetap dilaksanakan.
- 30 Berita terakhir, Tominara akan meninggalkan kami kerana ke Singapura untuk mengarah latihan ARP di sana dan seramai 900 orang tawanan akan meninggalkan kem tidak lama lagi.
- 31 Kuliah Bishop. Beberapa orang Jepun datang ke kem memeriksa dan menyukat penjara, tetapi tidak seorang pun tahu sebabnya. Pertempuran di Sicily, dan "Tumit" Itali nampaknya terbakar.

*Ogos*

- 1 Nelson kelihatan pulih sedikit di "Tempat Perlindungan".
- 2 Bertugas mencari kayu. Dua orang jurutera janakuasa elektrik yang masih tinggal di Singapura tiba hari ini. Sudah pasti, Jepun memberitahu mereka untuk dihantar pulang!
- 3 Bertugas di kebun. Dilarang menyiram sebelum pukul 3.00 petang kerana kekurangan air. Tawanan wanita terpaksa menamatkan ladang itik kerana itik itu membising pada waktu malam.
- 4 Bertugas di kebun. Radio Jepun mengesahkan serangan udara oleh Pihak Bersekutu ke atas telaga minyak Rumania di Ploesti.
- 5 Bertugas di kebun. Dilaporkan Puan Mulvaney menunjukkan kepada pegawai tinggi Jepun kerja jahitannya yang ada tanda 'V', sudah pasti secara tidak sengaja.
- 6 Berita angin yang terakhir bahawa tawanan lelaki berumur di bawah 41 dipindahkan ke Sekolah St. Patrick di Siglap, tepi pantai Singapura, dan yang lain tetap tinggal di Changi.
- 7 Kuliah Bishop. "Budak Asia" mengadakan konsert di Lapangan Riadah Utama.
- 8 Sembahyang "Gabungan Semua Gereja" di Halaman 'B' pada Ahad ini, dan Rev. (Dr.) Amstutz, dari Misi Methodist Amerika, menyampaikan khutbah.

- 9 Jerman mengaku pengunduran tenteranya dari Orel, Rusia, dan Catania, Sicily.
- 10 Bertugas di kebun. Eisenger, pemain piano kami, ditumbuk oleh "Budak Asia" hari ini. Sebab perkelahian tidak pasti. Jepun mengeluarkan arahan melarang buku-buku tentang bahasa Melayu, adat resam, dan sebagainya dibawa keluar dari negeri ini. Ini nampaknya merupakan arahan yang tidak perlu, menurut pandangan kami.
- 11 Bertugas di kebun.
- 12 Bertugas mencari kayu. Saya berjumpa 40 Orang Tawanan Perang termasuk Hunter (dari pejabat saya), Cook (Pertanian) dan sekali lagi Leftenan Wort juga. Mereka memberitahu kami bahawa Morice, jurutera (Pos dan Telegraf) telah mati dan diberitahu juga Dowse (dari pejabat yang sama) berada di dalam kem kami. Morice, pada lazimnya seorang berbadan agak besar, tetapi beratnya hanya 8 ston pada kali terakhir kami mendengar kisahnya.
- 13 Kerana kekurangan air, maka kami tidak dapat mandi pagi ini, dan sehinggalah pukul 5.00 petang.
- 14 Kuliah biasa Bishop tentang Kitab Injil. Menonton lakonan *French Without Tears* dipentaskan di tempat dobi.
- 15 Archdeacon berkhotbah Ahad ini. Seorang telah mengumumkan berita palsu iaitu kematian Phillips.
- 16 Tiada tugas hari ini mungkin disebabkan takut mendapat kolera. Tidak ada bekalan buah atau gula Melaka sehinggalah kes kolera yang disyaki berlaku di Kampung Changi disiasat. Jepun mengambil 12 peti, yang dalamnya mengandungi 48 tin sardin tiap-tiap peti, dan juga sebuah tin biskut Palang Merah dari dapur. Sama ada peristiwa ini ada kaitan dengan kes kolera, kami tidak tahu, tetapi kami masih belum disuntik.
- 17 Bertugas di kebun. Saya menggali lubang baja kompos. Puan Edmett 57 tahun, mati akibat penyakit seriawan setelah 1½ tahun menghidapnya. Oleh kerana kekurangan tangkai kapak, maka dirasakan perlu penggunaan kayu dikurangkan di dapur Dover. Dilaporkan Palang Merah mengalami kekurangan wang tabung – malang bagi kami sekiranya laporan ini benar.

Baca *The Heart of London* H.B. Morton dan *The Gentleman in the Parlour* Somerset Maugham. Khabarnya Puan Edmett hanya seberat 3½ ston ketika dia meninggal dunia.

- 18 Bertugas di kebun. Adrian Clarke membuat ucapan tentang kedudukan bekalan makanan, air dan tenaga kayu api. Di-laporkan Palang Merah di Berne telah mengeluarkan arahan bahawa tiada lagi kredit untuk kem ini pada akhir bulan ini. Juga dikatakan ejen Palang Merah menghantar sepucuk surat kepada Suzuki, bertarikh 20 Julai, memaklumkan iaitu rundingan penghantaran pulang telah mencapai kemajuan: wanita, kanak-kanak dan yang cacat akan berlepas "pada suatu tarikh yang terdekat". Kami hairan sama ada dua kenyataan Palang Merah itu berkaitan.
- 19 Bertugas mencari kayu, dan basah lagi. Seorang pengawal Jepun yang mabuk, dikenali oleh kami sebagai "Puss in Boots" (Anak Kucing dalam But), membelasah 12 orang di dalam kem malam tadi dan empat orang wanita juga dipukul. Empat orang daripada mereka dihantar ke hospital untuk mendapat rawatan.<sup>154</sup>
- 20 Saya pergi ke Singapura untuk mengambil beras di Sekolah St. Andrew, tempat simpanan beras, dan kemudian singgah di restoran Albert Street untuk makan. "Mah Mee", makanan Cina, berharga 60 sen sementara telur 35 sen sebiji. Kami nampak polis mengambil tayar lori daripada beberapa buah lori, mengangkutnya dengan beca ke balai polis dan juga nampak ramai orang berbaris di kedai-kedai untuk membeli arang batu untuk kegunaan memasak. Kesemua polis dan pemandu bas troli sekarang memakai topi Jepun. Jalan antara Sekolah St. Patrick dan Singapura telah dilebarkan tetapi sedikit sekali kegiatan yang ada di situ kecuali pergerakan tentera Jepun. Sahabat lama saya, Dr. E.S. Lawrie, 44 tahun, mati bunuh diri dalam hospital kem hari ini. Dikatakan dia mendapat sakit dalam perut beberapa lama, tidak boleh tidur dan dibimbangkan dia menghidap barah. Difahamkan dia memotong lehernya dengan pisau kupas buah pada pukul 7.00 pagi ini. Semenjak beberapa lama menyembunyikan diri, dia tidak mahu menerima

154 Berulangkali kelakuannya begitu apabila dia mabuk. Nama sebenarnya ialah Karzuey.

- lawatan siapa pun. H.R. Cheeseman memberi ceramah bertajuk "Buku-buku tentang Tanah Melayu".
- 21 Adrian Clarke mengetuai perwakilan menemui pihak berkuasa Jepun membantah tentang kelakuan "Puss in Boots".
  - 22 Bishop memberi kuliah, biasanya, mengenai Kitab Injil dan membuat dakwaan terhadap pandangan moden dan sikap yang berbeza di kalangan pemikir-pemikir fahaman kolot terhadap kitab itu.
  - 23 Jepun mengeluarkan arahan melarang membeli atau menjual segala barang yang diperbuat daripada kain, kapas dan sebagainya, bahan-bahan tempat tidur, ubat dan sebagainya sehingga pengiraan stok dibuat. Hukuman bagi kesalahan ini ialah denda sehingga \$100 000.00 atau 10 tahun penjara! Perintah ini sukar dikenakan ke atas kami di dalam kem ini. Keluar mencari kayu dan kena hujan lagi. Dr. Lawrie yang malang mendapat suntikan pada tulang belakang apabila dia berkhatan beberapa bulan dahulu. Ini menyebabkan dia kurang tidur dan sentiasa runsing; dan pisau yang dipakainya itu ialah pisau yang biasa digunakan untuk mengukir kayu. Borrie, salah seorang ketua mencari kayu, ditempatkan dalam Menara selama tujuh hari akibat bergaduh dengan seorang pengawal Sikh kerana berehat atas timbunan kayu di atas sebuah bukit. *Syonan Times* mengatakan Jepun telah berpindah dari Kisha di Aleutians.
  - 24 Bertugas di kebun. Borrie dengan tidak disangka-sangka dibebaskan dari Menara hari ini. Masa akan datang, kami mesti memberi tunduk hormat kepada pengawal-pengawal Jepun dan Sikh semasa keluar dan masuk kem. Ada laporan mengatakan seramai 1500 rakyat Amerika akan ditukar di Goa pada pertengahan bulan Oktober.
  - 25 Bertugas di kebun. Seramai 200 orang rakyat Kanada akan dimasukkan bersama dengan rakyat Amerika apabila kapal *Gripsholm* singgah di Goa pada bulan Oktober nanti.
  - 26 Saya berbual dengan Nelson malam tadi. Nampaknya dia betul-betul pulih daripada gangguan otak sekarang. Radio Jepun mengaku arahan terbaharu berhubung dengan pengiraan stok telah menyebabkan ramai yang bimbang, tetapi arahan



ini telah diperluaskan ke seluruh Tanah Melayu termasuk motokar!

- 28 Ada pertunjukan tinju di Halaman Utama, tetapi dari mana mereka mendapat kekuatan tidak siapa yang tahu. Bishop berkuliah tentang makna kesengsaraan dalam Kitab Injil. Radio Jepun mengesahkan rundingan mengenai pertukaran rakyat British masih diteruskan, tetapi orang Amerika di Tanah Melayu tidak termasuk dalam pertukaran yang dirancang di Goa Oktober ini, atas sebab-sebab tertentu.
- 29 Radio Jepun melaporkan catuan beras di Tanah Melayu kini dipotong kepada 12 kati sebulan, tetapi mereka mengaku orang India "yang kebuluran" mendapat 18 paun sebulan untuk seorang.
- 30 Bertugas mencari kayu. Kami mendapat suntikan kedua anti kolera. Profesor Dyer memberi ceramah sejarah bertajuk "Affairs After 1870". Radio Jepun melaporkan kemangkatan King Boris, Bulgaria.
- 31 Bertugas di kebun. Dilaporkan sebanyak 10 000 pucuk surat tiba untuk orang awam dan Orang Tawanan Perang. Tarikh surat-surat itu antara Ogos-November 1942. Ogilvie (Great Eastern Life Assurance) menghidap barah kerongkong. Untuk rawatan dia memerlukan radium dan hanya dalam masa tiga bulan, paling cepat, untuk mendapatkannya. Kalau dia masih berpeluang untuk hidup, kasihan!

### September

- 1 Bertugas di kebun. Ada ceramah berjudul "Tumbuh-tumbuhan di Tanah Melayu". Baca *Irish Journey* O' Faolain dan *Word from Nowhere* Beale.
- 2 Bertugas mencari kayu. John mendapat surat kedua daripada Gwynedd, tetapi saya masih belum menerima daripada sesiapa pun.
- 3 Saya berjumpa doktor gigi kerana sakit gigi. Tampalan kedua semenjak saya datang ke mari. Upacara Sembahyang Peringatan sebagai menandakan ulang tahun ke-4 pecah perang dan Bishop membuat ucapan.

- 4 Bishop memberi kuliah biasa. Jepun mendengar Berita BBC di Halaman Hadapan malam tadi.
- 5 Hujan sepanjang hari dan tiada khutbah hari Ahad ini. Rev. Adams akan menentang Harper Ball, seorang peladang, dalam pemilihan wakil Blok 'B' kami.
- 6 Mencari kayu. Kematian Yang Berhormat R. Williamson, 57 tahun, seorang peguam Singapura, akibat darah beku dalam otak. Dia tidak sedar diri selama dua hari.
- 7 Bertugas di kebun. Saya menyerahkan pesanan radio untuk disampaikan kepada emak saudara saya, Let,<sup>155</sup> di Australia. Saya menonton *Arms and the Man* (GBS) dipentaskan di dalam bilik dobi.
- 8 Hujan sepanjang hari; oleh itu tiada tugas. G.N. Magill, 59 tahun, mati akibat serangan penyakit jantung.
- 9 Bertugas mencari kayu. Bertemu Leftenan Wort lagi. Baca *Un-addressed Letter Swettenham*.
- 10 Hujan sepanjang hari. Jepun mengatakan mereka bersedia untuk menyerah kuasa pemerintahan kepada India dan Australia! Saya diberitahu nama-nama Orang Tawanan Perang dan Sukarelawan (tetapi bukan orang tawanan) tiba di England.
- 11 Radio dan akhbar Jepun mengesahkan Kerajaan Itali di bawah pimpinan Badoglio telah menyerah kalah. Puan Macintyre, 63 tahun, mati di Blok 'A'. John telah menerima surat daripada ibunya.
- 12 Dilaporkan seorang pegawai Jepun yang terlibat dengan rancangan pertukaran akan melawat kem ini esok dan Palang Merah menderma sebanyak \$1 000.000.00 (melalui Kerajaan British) untuk perbelanjaan kami. Kami dengar anggota Perancis Bebas di Saigon, yang didatangkan dari sini, menceritakan keadaan penghidupan kami di sini kepada Banker yang akhirnya telah dimasukkan dalam rancangan pertukaran.

155 Pesanan berita itu akhirnya tiba ke tangan emak saudara saya di Perth melalui perkhidmatan siaran *Australian Broadcasting Company*. Berita ini mengandungi juga jaminan bahawa kawan-kawan saya, Kapten Lloyd dan Bill Flowers (A.I.F) masih hidup serta sihat walafiat, seperti yang saya tahu.

- Justeru kerajaan British pasti maklum keadaan kami sekarang.
- 13 Bertugas mencari kayu. Akhbar Jepun melaporkan kesulitan kerajaan Badoglio di Itali.
  - 14 Bertugas di kebun. Ada berita rasmi radio telah mengesahkan segala poskad yang dikirim pada bulan November dahulu telah selamat sampai.
  - 15 Bertugas di kebun. Radio Jepun melaporkan Pihak Bersekutu telah meninggalkan Salerno.
  - 16 Bertugas mencari kayu. Saya berjumpa dengan Leftenan Wort, Ford dan Hughes (yang kudung sebelah kaki). Kecederaan ini menyebabkan mereka tidak dihantar ke utara. C.T. Davies, 44 tahun, mati.
  - 17 Sekali lagi mengalami kekurangan beras, yang saya harap hanya sementara. Cuma bekalan beras untuk 8 hari diterima dalam tempoh 18 hari terakhir ini.
  - 18 Hari ini akhbar Jepun pula mengesahkan tentera British masih menduduki Salerno. R.E. Cox, 41 tahun, mati di sini. Laporan pertukaran mengatakan bahawa kapal *S.S. Gripsholm* tidak akan membawa makanan untuk kami dan orang Amerika dari Tanah Melayu tidak akan termasuk dalam rancangan pertukaran.
  - 19 Archdeacon (Paderi) memberi khutbah minggu ini. H.J. Ridge-well, 55 tahun, mati di sini. Kedudukan beras nampaknya kembali kepada keadaan sediakala.
  - 20 Bertugas mencari kayu. Profesor Dyer meneruskan ceramah-nya dan kini menyentuh Waktu Perang Boer.
  - 21 Bertugas di kebun. Ada sebuah iklan dalam *Syonan Times* yang menawarkan hadiah sebanyak \$500.00 kepada sesiapa yang boleh menjumpai semula sebuah basikal yang kena curi. Catuan pakaian atau kain khaki dalam peraturan Jepun yang mutakhir ialah tiga ela seorang untuk setahun!
  - 22 Tiada tugas. Nasib saya kurang baik kerana darah beku dalam urat nadi tangan kiri dan telah dipastikan itu adalah tanda-tanda penyakit "thrombosis". Saya terpaksa merehatkan

tangan saya dengan meletakkannya ke atas kain selepang selama sebulan. Saya juga mendapat ruam yang merebak daripada keseluruhan lengan tangan hingga ke ibu jari.

- 23 Doktor mengesahkan saya mesti merehatkan tangan selama satu bulan dan tidak boleh aktif bekerja.
- 24 Oswald Gilmour, seorang jurutera Perbandaran Singapura, yang berjaya melepas lari sebelum kekalahan dahulu, dikatakan menulis sebuah buku yang menuduh rakyat Singapura kerana kurang usaha untuk melarikan diri tepat pada waktunya dan ini merupakan kesilapan sendiri sekiranya mereka tertangkap!<sup>156</sup> Baca *Disraeli* Andre Mourois dan *Genesis of the War* Asquith. Seorang Cina dibawa masuk ke kem dari tempat mencari kayu oleh pengawal Sikh untuk dibelasah.
- 25 Ramai bangsa Amerika dan Kanada berfikir atau berharap mereka akan berlepas dengan kapal *Teio Maru* yang akan tiba di Singapura dalam masa 10 hari lagi.
- 26 Mejar Harvey (*Salvation Army*) memberi khutbah minggu ini. Bishop jatuh sakit. Jepun memanggil kesemua rakyat Amerika dan Kanada untuk berunding.
- 27 Baca *Plain Tales from the Hills* Kipling. Akhbar Jepun mendakwa mereka telah mengebom kota raya Onslow terletak di pantai barat Australia. Sebenarnya, Onslow sebuah tempat kecil mengandungi beberapa buah rumah pondok sahaja!
- 28 Baca *Diary* Pepys. Akhbar Jepun mengesahkan Rusia telah menyeberangi Sungai Dneiper dan Jerman keluar meninggalkan Poltava dan Smolensk.
- 29 J. Kelly, 54 tahun, mati akibat batu karang. Sebagai pustakawan kem, dia telah menjalankan tugasnya dengan cemerlang.

156 Dalam bukunya *Singapore to Freedom* (Burrows Co.) tidak menyebut hal ini. Apa yang disebutkannya, secara paling mudah, ialah hal yang bodoh untuk tinggal di Singapura sekiranya seseorang itu boleh meneruskan kemahirannya dalam peperangan di medan pertempuran lain, mungkin di Jawa (suatu andaian apabila dapat melepaskan diri). Kesnya dianggap penting kerana itu dia mendapat pas kebenaran dari Presiden Perbandaran untuk meninggalkan negeri ini.

- 30 Akhbar Jepun mengesahkan pengunduran Jerman dari Naples merupakan suatu "pengunduran strategik" dan mereka juga berpindah dari Foggi, sebuah pangkalan udara terpenting, di Itali.

*Oktober*

- 1 Ada khabar angin mengatakan bertimbun-timbun surat menunggu kami di Kem Orang Tawanan Perang. Menonton lakonan *The Amazing Dr. Clitter House* dipentaskan dalam bilik dobi; iaitu sebuah cerita ngeri yang melibatkan seorang doktor yang tidak jujur.
- 2 Berita angin terakhir tentang penghantaran pulang kesemua tawanan di Tanah Melayu telah pun selesai tetapi tiada seorang yang akan menaiki kapal *Teio Maru*.
- 3 *Teio Maru* tiba di sini tengah hari kelmarin dan sedang berlabuh kira-kira tujuh batu ke tengah laut. Ini jelas kelihatan dari tingkat 4 di Blok 'C'. Orang Amerika masih tertunggu-tunggu dengan penuh harapan, tetapi tiada maklumat tentang tujuan kedatangan kapal itu. Nelson, yang baharu keluar dari Hospital Miyako dua minggu dahulu, kembali sakit malah amat teruk.
- 4 Saya rasa tangan saya sudah beransur sembuh, bersyukur kerana dapat rehat. Baca dua buah karya Kipling *Puck of Pook's Hill* dan *The Light that Failed*. Salah seorang daripada anggota Misi Methodist Amerika, Rev. Summers, menyampaikan yang dikatakan khutbah terakhir pada malam tadi. Saya harap dia tidak akan kecewa.
- 5 Baca *Jungle Book* Kipling. Pihak kem diberitahu tiada seorang Amerika pun akan dihantar pulang dengan kapal *Teio Maru* tetapi poskad yang baharu kami tulis dinaikkan ke atas kapal. Juga, kami diberitahu ada surat-surat untuk kami di atas kapal itu tetapi tidak akan diangkut ke darat sehingga kapal itu kembali dari Goa nanti! Sesetengah pegawai Jepun kini memberitahu kami "supaya tunggu dengan sabar dan penuh harapan" akan ketibaan kapal pertukaran British! Bekalan beras untuk seluruh kem kini ditetapkan sebanyak 9 karung sehari.

- 6 Seorang bernama Hatta memberitahu kami bahawa Kapal Pertukaran kini telah pun berlepas belayar dan nampaknya orang Amerika telah "dilupakan". Katanya lagi, poskad kami kini akan belayar ke Tokyo dengan kapal *Teio Maru* dalam perjalanan pulang. Sepucuk surat permohonan diserahkan kepada Putera Shikada, wakil Palang Merah.
- 7 Baca *History of Poland* dan *Adventures of Baron Munchausen*; kedua-duanya karya Rose.
- 8 Baca *Second Jungle Book* Kipling. Sebanyak 9700 pucuk surat dilaporkan tiba di kem hari ini. Sejumlah 90% daripadanya dari England dan bertarikh antara Julai 1942 dan Januari 1943.
- 9 Menonton sebuah pertunjukan muzik dipanggil "Monterey". Akhbar Jepun mengatakan Pertempuran Rom telah bermula. Bishop memberi kuliah terakhir tentang Kitab Injil. Archdeacon akan berceramah minggu hadapan, saya agak.
- 10 "Hari Dwi Sepuluh"<sup>157</sup> dan Hari Penyelidikan Agung. Kami berbaris pada pukul 8.00 pagi untuk tujuan mengambil kedatangan di Lapangan Riadah Utama dan diharap akan balik ke bilik kami pada pukul 9.30 pagi. Bagaimanapun, Polis Kempitai tiba dan mengeledah ke seluruh bangunan. Dalam tempoh itu mereka telah menyoal-siasat sebahagian besar penghuni kem. Pada pukul 9.00 malam, setelah 13 jam berada di bawah sinaran matahari tropika tanpa air, makan atau perlindungan, baharulah kami dibenarkan balik ke bilik masing-masing. Makanan kami yang paling akhir ialah pada pukul 6.00 petang semalam dan kami didera tanpa makan selama 27 jam. Kami dapat makan semula pada pukul 9.00 malam tadi, ramai yang tidak berupaya makan lagi dan mereka yang seperti

157 Sila rujuk Lampiran B dan C untuk fakta yang lengkap. Lampiran B menceritakan dengan lengkap Serangan Komando ke atas Limbungan Singapura pada 27 September, yang dalam banyak hal, telah mencetuskan peristiwa "Double Tenth" (Hari Dwi Sepuluh), akibat peristiwa itu boleh didapati dalam Lampiran C. Sememangnya, penghuni Penjara Changi tidak tahu-menahu tentang Serangan Komando pada 27 September dan tiada disebut dalam mana-mana buku perharian termasuk buku karangan Sleeman dan Silkin *The Double Tenth Trial* diterbitkan oleh Hodge (Edinburgh). Seperti yang dinyatakan dahulu, saya sungguh bernasib baik kerana anggota Kempitai yang mengeledah tidak nampak sebuah tin biskut yang saya masukkan buku perharian dalamnya. Sekiranya tin itu dibuka, sudah pasti saya akan dihadapkan untuk disoal siasat yang akibatnya sudah tentu paling teruk seksanya.

saya tidak terlibat, makan kanji dan bertambah. Tiada benda yang diambil dari bilik kami kecuali lampu picit Garcia, tetapi yang lain-lain dalam tingkat yang sama kehilangan wangnya Cundy \$200.00 dan Spragg \$190.00.

- 11 Kempitai masih berada di dalam kem hari ini dan pengawal Sikh membuat rondaan di Girdle Road, laluan di antara dua buah tembok, sepanjang hari. Kira-kira seramai 19 orang telah dibawa pergi oleh Kempitai untuk disoal lanjut di Singapura. Mereka termasuklah Dr. Johns (bekas wakil kami), Dr. Stanley, Dr. Gilmour, Stevenson (yang tidur atas lif yang tidak dipakai di tingkat bawah Blok 'B') dan Hebditch dan Waddle (seorang juruelektrik kem). Baca *Limits and Renewals* Kiplink. Sekali lagi tiada tugas di luar.
- 12 Tominara memaklumkan kepada Jawatankuasa Kem bahawa semua wang yang diambil akan dikembalikan "apabila kami pergi!" Seorang Jepun sepatutnya memberitahu Barnard (Polis) bahawa kami akan berangkat ke England tidak lama lagi! Seorang kakitangan dapur, Hopkins, memberitahu Jepun, layanan dan makanan adalah jauh daripada memuaskan. Staley, seorang jurutera, dibawa masuk ke kem semalam, tetapi selama ini dia ditahan di Halaman Hadapan.
- 13 Tugas di luar masih tidak dibenarkan dan cuma bekalan roti yang dibenarkan masuk. Richard Sidney (seorang ahli Rotary) dibawa oleh Jepun, mungkin untuk soal siasat tentang buku perhariannya yang dirampas pada 10 Oktober. Seorang lagi dibawa sama ialah Macintosh (P&T), tenaga pengajar kelas radio, dan beberapa orang lagi. Orang Jepun tempatan yang membenarkan kelas ini dibuka. Baca *Just So Stories* Kipling. Anggota penyiasat melakukan gerakan yang aneh. Seorang Jepun menelan enam biji pil julap disangkanya gula-gula, seorang lagi meminum serbuk gigi yang tersimpan di dalam tin susu *Klim* yang disangkanya serbuk susu dan seorang lagi menyangka kandungan cecair di dalam sebuah botol ubat sakit perut tetapi sebenarnya air brandi! Sementara itu, semua ce-ramah, kelas, kumpulan perbincangan, tugas luar dilarang semenjak 10 Oktober. "Patchy" Green, penghuni bilik sebelah, kehilangan butang emas (*cuff-links*). Dia mengesyaki anggota awam Kempitai yang mengeledah biliknya, dan mungkin

- benar kerana Darby (Kastam) juga kehilangan kotak rokok bersalut emas. Johannes, 62 tahun, di tingkat yang sama, mati.
- 14 Masih tiada tugas di luar. Penggeledahan terbaharu dijalankan di "Piccadilly". Stevenson, yang tidur dalam lif di kaki tangga Blok 'B', dibawa balik ke kem hari ini untuk menunjuk tempat tersembunyi sebuah set wayarles di Halaman 'B'.<sup>158</sup> Set itu dimasukkan ke dalam sebuah bekas kayu dan pada waktu siang disorok dalam sebuah lubang tanah yang tertutup dengan rumput yang boleh diubah-ubah di Halaman 'B'. Jepun juga kelihatan mencari-cari sesuatu di Halaman Utama dan tersalah sangka seorang tawanan, Michael Jennings, sebagai seorang perempuan apabila mereka menggeledah "Aldgate"! Baca *Sober Truth* Sitwell dan Barton.
- 15 Masih belum ada tugas di luar. Jepun datang lagi menyiasat tempat wayarles tersembunyi di Halaman 'B' dan keseluruhan kawasan itu dilarang masuk. Di antara mereka yang dibawa oleh Jepun ialah tiga orang pemandu lori (seorang daripadanya dibebaskan kemudian), Curtis (jurubahasa Jepun) dan Perry dari Bengkel 'C'. Makanan malam dihidangkan pada pukul 4.00 petang, dan bukan lagi pukul 6.00 petang pada hari esok dengan tujuan menjimat bekalan kayu api yang semakin kurang.
- 16 Masih belum ada tugas di luar. Kami difahamkan Puan Stanley di Blok 'A', isteri kepada salah seorang tawanan di blok kami, dibawa ke Singapura. Baca *Kim* Kipling. Jepun berhibur sendirian dengan memberi latihan lasak ke atas pengawal-pengawal Sikh sepanjang hari semalam. Kawan saya, Phear (Kastam),

158. Tempat yang tepat ditanda 'R' atas pelan kasar Changi pada Rajah 1. Di situlah Stevenson mendengar dan tidur ditanda 'S'. Kami tidak tahu jumlah sebenar set yang beroperasi di Changi ketika itu, tetapi sekurang-kurangnya dua set. (i) Set yang dipasang oleh Stevenson dan dibuat dalam bentuk bangku kayu dan dia mendengarnya sambil berbaring atas katil di atas bumbung lif Blok 'B' (Lif ini sudah rosak dan tidak berjalan lagi). (ii) Set dipasang, lengkap dengan alat pendengar, dan dioperasi oleh John Long, pemandu ambulans. Alatannya dibekali oleh Choy Koon Heng, suami Puan Elizabeth Choy, yang menjalankan perniagaan kantin di Hospital Miyako. Kedua-dua set ini tidak dijumpai pada 10 Oktober, tetapi kedua-duanya dijumpai beberapa hari kemudian dan diambil oleh Jepun. Kempitai juga tidak menemui alat set ketiga yang dipasang secara beransur-ansur tetapi tidak lengkap. (Untuk lebih terperinci mengenai set ini, lihat keterangan mengenai Encik Cornelius, di bahagian akhir Lampiran C.)



bangun pagi-pagi lagi mengangkut sebuah tong sampah dari Blok 'A' dengan harapan untuk menemui isterinya. Tetapi sebaliknya, dia diarahkan ke Bilik Pengawal dan diperintahkan menyapu bilik itu. Tidaklah berpeluang dia menemui isterinya.

- 17 Tominara mendapatkan nama 29 orang tawanan yang dibawa pergi oleh Kempitai selama ini; dan nampaknya dia tidak sedar bahawa Curtis, jurubahasa, adalah di antara yang dibawa pergi. Gestapo datang semula dan membawa pergi Long, pemandu ambulans, Dalton, pakar wayarles, dan Earl, setiausaha Blok 'D'. Mereka juga menggali sebuah karung guni di Hudson Bay, yang juga mengandungi set wayarles. Ada di antara kami yang optimis bahawa pengeledahan ini adalah sebagai pembuka tirai kepada penghantaran pulang. Seorang Jepun yang baharu pulang dari New Delhi memberitahu bahawa pengeledahan yang berjalan sekarang di sini tidaklah seberapa dibandingkan dengan pengeledahan yang dijalankan di New Delhi sebelum mereka dihantar pulang ke Tanah Melayu. Seorang Serani bernama Jones dari Alor Star dibawa masuk semalam. Cherry, ahli cetak, dan Bishop Singapura (yang tinggal di dalam bilik di sebelah bilik saya) dibawa pergi ke Singapura pada pukul 2.30 petang ini. Pada pukul 3.00 - 4.00 petang, bilik Bishop sekali lagi digeledah dan juga almari yang terletak di luar bilik kurungan. Saya tinggal di dalam bilik ketika pengeledahan diteruskan dengan tujuan mengawal makanan kami; tetapi tiada bahan penting yang diambil kecuali kertas-kertas yang tidak penting yang diharapkan oleh Garcia untuk dijadikan kertas tandas! Salah seorang Jepun telah menendang saya, barangkali kerana saya menghalang laluan.
- 18 Kempitai datang lagi dan membawa pergi Travis (Henry Wough & Co) jam 11.00 malam tadi dan memukul seorang lain bernama Reed kerana memiliki filem Kodak. Pagi ini mereka membawa pergi Adrian Clarke, wakil kami, Blakstedt, Setiausaha Jawatankuasa Kem, dan Burns, Pengerusi Jawatankuasa Kewangan Kem. Tambahan kepada itu, semua alat berkebun, alat baiki kasut, alat tukang kayu dan malah pisau pemotong di dapur dirampas juga! Kira-kira 34 bahan alatan itu diambil dan dimusnahkan. Baca *The Tragedy of Europe* Marriott.

- 19 Dalam masa 24 jam hari ini tiada seorang di antara kami yang dibawa pergi dan semuanya berharap sehingga kini Jepun telah pun mendapat orang-orang yang dicarinya. Pengawal Sikh sendiri membawa sebuah lori penuh dengan kayu api hari ini. Seorang terjatuh dari lori dan tangannya patah. Seorang Sikh lagi jatuh rebah ketika menjalankan latihan jasmani yang teruk kerana Jepun mendera mereka pada waktu akhir-akhir ini. Beberapa buah lori tiba dengan membawa bekalan sayur dan ikan kering untuk Jepun walaupun catuan beras kami telah dikurangkan iaitu  $\frac{1}{2}$  catuan beras untuk sarapan,  $\frac{1}{2}$  untuk makan tengah hari dan tiada langsung waktu minum teh. Baca *The Three Fishers* Buchan.
- 20 Keadaan menjadi lega sedikit apabila lapan orang yang dibawa ke Singapura telah kembali. Mereka tidak dibenarkan bercakap tentang apa-apa yang berlaku terhadap mereka, tetapi ada tanda-tanda di badan seorang atau dua orang yang menunjukkan sesuatu telah menimpa mereka. Worley dipanggil oleh Tominara hari ini, kemudian dia ditempeleng dan seterusnya diberitahu bahawa dia adalah wakil tawanan lelaki yang baharu! Smith "Kecil", penghuni tingkat ini, berbaris untuk mendapat makanannya - dia terkenal kerana mewah dengan wang.
- 21 Ada khabar angin mengatakan Suzuki, ketua di Kem Orang Tawanan Perang, akan diganti oleh Kolonel Okubo, ketua Propaganda Singapura. Dua orang tawanan tua kena ketuk kepala kerana tidak segera bangun apabila seorang Jepun mendekati dapur; seorang daripadanya ialah Laville. Seorang berpangkat kolonel, namanya kami tidak tahu, mengambil alih pentadbiran kem semalam dan pejabat Suzuki dan Tominara dipindahkan ke tingkat atas di Halaman Hadapan. Dia dikatakan bercakap dalam bahasa yang kasar kepada Tominara tentang kem. Baca *Huntingtower* Buchan.
- 22 Kempitai membawa pergi Dr. Williams dari Blok 'B' 4 dan Puan de Moubray. Selepas dua jam Puan Moubray dibenarkan pulang, Puan Bloom pula dibawa pergi. Mungkin tujuan asal Jepun untuk mengambil pergi Cik (Dr.) Cicely Williams, bukan Dr. Williams. Baca *The Day's Work* Kipling. Kami masih mendapat catuan makan yang kurang.

- 23 Seperti yang dijangka, Kempitai menghantar pulang Dr. Williams malam tadi dan mengambil pergi Dr. (Cik) Williams pula. Makanan kian kurang hari ini dan sesetengahnya terpaksa memakan lebihan roti yang terdapat di dalam tong sampah. Saya mula mengajar Simmonds lagi; untuk beberapa minggu saya terpaksa berhenti mengajar kerana dia mendapat sakit mata. Radio Jepun mengesahkan lagi buat kali kedua bahawa Rusia telah mara menyeberangi Sungai Dneiper. Kempitai mengambil seorang lagi bernama Hartfield, yang menjaga kebun pisang kem. Wakil kami yang baharu, Worley, ditemu-ramah yang panjang oleh Komandan Jepun, yang memberitahunya bahawa kami semua akan dihukum kerana beberapa kesalahan yang tidak pasti.
- 24 Aktiviti udara yang hebat di angkasa atas kepala kami hari ini. Sebanyak 10 buah jet pejuang membuat terbang junam di udara. Macintyre, seorang tukang tilik, dibawa pergi untuk disoal pada tengah hari ini lalu dibawa ke Singapura. Baca *Departmental Ditties* Kipling dan *Battle of the River Plate* Strabolti.
- 25 Beras hanya cukup untuk buat kanji sarapan hari ini, tiada lagi untuk makan tengah hari atau minum teh. Sebagai ganti, kami terpaksa berjimat dengan 1½ buku roti untuk makan tengah hari, tetapi tiada untuk minum teh. Mujur, lori dibenarkan pergi ke Singapura dan lewat petang membawa ke kem 97 kampil beras. Juga, 10 orang tukang kebun dibenarkan pergi ke kebun untuk memetik sayur buat pertama kali semenjak 9 Oktober. Lebih 800 paun sayur dipetik. Radio Jepun menyatakan Kerajaan Sementara India pimpinan Chandra Bose mengisytiharkan perang ke atas Britain dan Amerika Syarikat. Baca *The Seven Seas* Kipling.
- 26 Kami dapat makan kanji dengan secukupnya! Komandan baharu Jepun ialah Kolonel Nomita dan dia memberi jaminan kepada Worley bahawa dia akan berbuat sebaik mungkin supaya kami dapat bekalan makanan dengan tetap, sungguhpun dia mengaku bahawa makanan kini berkurangan. Baca *Salute to Adventurers* Buchan.
- 27 Tiga orang pemandu lori dan juga Chettle, Jackson, Coulson, Jurutera Air Perbandaran, dan Dr. Jelani dibawa pergi oleh

Kempitai. Pada masa akan datang lampu elektrik hanya dipasang antara pukul 8.30 malam dan 10.00 malam (sudah pasti waktu Tokyo). Jepun mengarahkan pembersihan secara besar-besaran dan segala bahan yang tidak dikehendaki, beratus-ratus botol dan tin kosong, dimasukkan ke tempat bakar sampah. Sejumlah 800 paun keledak digali tengah hari semalam. Baca *Sir Quixote of the Moors* Buchan.

- 28 Latihan bergelap diadakan malam ini dan esok. Sejumlah 6½ tan makanan tiba dari Singapura, kebanyakannya teh, gula dan garam. Catuan gula kini 12 auns seorang untuk sebulan, tetapi sebanyak 600 paun telah dikhaskan untuk hospital, kaum wanita dan kanak-kanak. Baca *Micah Clarke* Conan Doyle.
- 29 Lagi latihan bergelap malam ini. Lagi barisan panggilan nama untuk seluruh kem akan diadakan esok. Oleh itu sarapan akan diadakan pada pukul 8.00 pagi.
- 30 Panggilan nama dijalankan sehingga pukul 11.45 pagi. Dila-porkan seramai 40 orang lagi akan dibawa masuk ke kem. Baca *Life of Sir Walter Scott* Lockhart.
- 31 Dilaporkan sebahagian daripada anggota Kempitai yang ber-uniform telah meninggalkan kem akhirnya. Sebanyak 30 pucuk surat dikatakan tiba baharu-baharu ini, kebanyakannya dari Afrika Selatan. Sepucuk surat yang diterima dari Mesir memberitahu tentang bagaimana tiada berita mengenai kami sehingga lewat bulan April 1943 – iaitu baru enam bulan dahulu. Lewis, seorang pelatih kuda Pulau Pinang, memberitahu saya, dia kenal baik Flower dari Chilmark dan Shortland (MCS) dari Fovant. Khutbah mingguan dalam upacara sembahyang gereja dilarang oleh pihak berkuasa Jepun.

### November

- 1 Berita angin mengatakan lima buah set wayarles dijumpai di dalam Kem Orang Tawanan Perang di Changi dan sebagai hukuman penghuninya didera dengan hanya makan nasi dan air selama dua hari. Baca *Life of Scott* Buchan berhubung dengan *Lockhart's Life*.

- 2 Cuma suatu kumpulan kecil tukang kebun dibenarkan keluar ke kebun, tetapi air tidak boleh digunakan sama ada di dalam atau di luar kebun. Kami juga tidak dibenarkan mendengar Radio Jepun untuk beberapa hari. Jadi, kami terputus langsung daripada dunia luar. Kami juga tidak dibenarkan menemui komandan untuk meminta sesuatu, selagi Kempitai masih ada di dalam kem.
- 3 Masih tiada berita tentang rakan-rakan kami yang dibawa ke Singapura tiga minggu dahulu. Sekali lagi kanji kurang hari ini.
- 4 Bryning, seorang jurutera elektrik, orang pertama dalam minggu ini dibawa Jepun ke Singapura hari ini. Kami masih ternanti-nanti akan surat-surat kiriman keluarga masing-masing. Seorang wanita Rusia dibawa masuk semalam. Maka terbetiklah khabar angin mengatakan Rusia mengisytiharkan perang ke atas Jepun!
- 5 Nampaknya, lagi acara panggilan nama diadakan esok dan setiap hari Sabtu berikutnya. Roti pula tidak dibekalkan hari ini, sedangkan kami telah pun mengalami kekurangan catuan kanji. Maka ramailah kami yang kelaparan. Tiada sebab diberi tentang kekurangan ini.
- 6 Sehari lagi seluruh kem dalam kelaparan, kerana roti tidak dibekalkan lagi buat hari kedua. Sesuatu yang kami makan pada pukul 9.00 pagi ini ialah satu pain nasi dan air (iaitu kanji) dan satu pain teh (tanpa gula atau susu); pukul 1.00 tengah hari: setengah pain nasi kering dan satu sudu bayam (tanaman sendiri); pukul 4.00 petang: satu pain teh. Tiada lagi sebarang makanan! Jepun mengadakan lagi panggilan nama pagi ini dan tamat jam 11.00 pagi. Thomson, di bilik sebelah saya, dibawa pergi oleh Kempitai jam 9.00 pagi ini tetapi balik jam 10.00 pagi. Penagih tembakau kini menghisap campuran daun teh dan daun bayam.
- 7 Sekali lagi kami kelaparan kerana tiada mendapat roti hari ini. Saya cuma makan sebahagian sahaja daripada kanji untuk sarapan dan simpan sebahagian lagi untuk petang apabila berasa lapar. Saya cuma boleh mengajar murid saya kira-kira satu jam daripada kebiasaan dua jam hari ini. Baca *The Dancing Floor* Buchan. Seorang Jepun mabuk memasang radio dan

- pukul 10.15 pagi, dia mendapat BBC dari London. Tetapi apa yang kami dengar ialah pengumuman juruhebah tentang program lagu.
- 8 Sebanyak 160 kampil beras dibawa masuk hari ini dan catuan makan kami mulai sekarang ialah 8 kampil sehari, kami diberitahu. Roti masih tidak dibekalkan, tetapi jurubahasa Jepun mengatakan dia akan cuba mendapat maklumat selanjutnya esok. Kami difahamkan ada perkelahian di Halaman hadapan melibatkan Tominara, pengawal "Puss in Boots", seorang Sikh, dan beberapa orang Kempitai. Mereka bertumbuk.
  - 9 Suatu keseronokan di kalangan perokok di dalam kem kerana kiriman tembakau "Janggut Benggali Sikh" dan cerut telah sampai, juga termasuk barangan lain sebagai menandakan tamatnya "kepungan" Changi terbesar yang bermula sebulan dahulu. Saya cukup lapar selama lima hari kerana tiada roti.
  - 10 Kami dapat makan baik tengah hari ini. Ini termasuk sup itik dari itik yang dipelihara oleh wanita di Blok 'A'. Ini kerana mereka tidak dapat lagi bahan makanan untuk itik. Saya tambah sup dua kali dengan nasi kering! Kali pertama saya beli catuan cerut untuk ditukar dengan kanji sebagai tambahan kedua! Kami masih tidak mendapat roti. Akhbar tempatan melaporkan pertempuran berlaku di sekitar Florence dan Odessa, tetapi kami tidak pernah membaca akhbar tempatan sudah sebulan. Baca riwayat hidup Kapten Brown, seorang pemandu kapal di Pulau Pinang, yang bersara dalam 1927.
  - 11 Ada khabar angin mengatakan tugas mencari kayu akan diberhentikan kerana Jepun akan membekalkan arang ke dapur! Tetapi sebenarnya tidak mungkin. Tominara enggan melayan permintaan Jawatankuasa Kem untuk menghantar kain bersih kepada mereka yang ditahan di Singapura pada bulan terakhir. Ada kes mencuri ubi di dapur dan tidak hairanlah ramai di antara kami yang susut badan antara 5 - 10 paun dalam minggu lepas sahaja. Seorang jeneral yang melawat kem telah mengarahkan supaya pintu besi pagar hadapan diturunkan tetapi tujuannya tidak jelas! Baca *Toilers of the Sea* Victor Hugo.
  - 12 Sebanyak 1300 paun daging tiba tetapi roti masih belum dibekalkan! Saya dapat tambahan kanji dengan membuat pertu-

- karan dengan dua orang "Budak Asia". Jepun nampaknya sedang menyukat padang bola sepak kami hari ini. Maklumat yang kami dapat ialah sebuah pondok akan dibina untuk menempatkan orang tawanan dari Padang dan Palembang sebagai persiapan sekiranya Sumatera dilanggar oleh tentera Pihak Bersekutu. Pintu besi pagar kini diturunkan cuma se-  
paruh.
- 13 Sekali lagi acara panggilan nama tetapi tiada sebarang peristiwa. Kami dapat "stew" daging bagi makan tengah hari. Lapangan Riadah Utama dan padang bola sepak kini menjadi kawasan larangan! Sudah jelas pondok untuk tawanan dari Sumatera sebagai jawapan. Masih tiada roti. Baca *Talisman Scott*.
  - 14 Seorang pengawal Sikh dilaporkan memberitahu seorang Yahudi dalam bahasa Melayu: "Jerman sudah jatuh". Sudah lima minggu semenjak peristiwa "Double Tenth" dan beberapa rakan kami yang ditahan di Singapura masih belum bersalin pakaian semenjak mereka dibawa pergi.
  - 15 Seorang "Hidung Besar" melawat kem hari ini. Kami bersiap sedia pada pukul 3.30 petang untuk mengemas bilik masing-masing tetapi bayangnya kami tidak nampak di tingkat kami.
  - 16 Kesemua penghuni Bengkel Blok 'C', seramai 80 orang, dikurung di Menara kerana buat bising sebaik sahaja pegawai-pegawai tinggi Jepun meninggalkan blok itu semalam. Lelaki yang berumur lebih 50 tahun dikecualikan dan kesemua yang dikurung dibebaskan pada pukul 1.00 tengah hari, kecuali empat orang tawanan muda. Semasa di Menara, mereka dipaksa berlutut sehinggalah ada di antara yang ketawa mengaku ketika lawatan pegawai-pegawai Jepun. Seorang tawanan bernama Buchanan terlepas daripada ujian ini. Sementara itu Kempitai menjalankan lagi pengeledahan rapi di Hudson Bay dengan menggunakan satu alat pengesan tetapi tidak menemui apa-apa.
  - 17 Jepun mengeluarkan arahan supaya memulangkan apa yang dipanggil "Harta Kem". Semua kerusi, mangkuk sup, dan sebagainya dan semua jenis alat di kedai tukang kayu telah dirampas. Sekali lagi soalan dikemukakan: Adakah ini ran-

cangan penghantaran pulang? Saya menimbang badan, saya dapati kurang  $\frac{1}{2}$  paun 15 ston – sesuatu yang mengejutkan memandang kepada susutnya badan para penghuni kem secara umum. Seorang Eropah bernama Staley, yang bekerja di Terengganu, tiba hari ini.

- 18 Berbagai-bagai lagi aturan baharu diperkenalkan oleh Jepun untuk tujuan memperkemas lagi kelengkapan di dalam bilik kurungan. Saya berpeluang mendengar berita Jepun selama lima minit malam tadi. Kami, boleh dikatakan, tidak mendapat sebarang berita semenjak 10 Oktober. Parker (pengurus kilang beras kerajaan di Bagan Serai, Perak, sebelum perang) dan Brettell, yang tinggal di dalam stor beras yang tidak terpakai semenjak mereka datang ke sini, telah dipukul kerana tidak memberitahu bahawa masih ada 90 kampil beras kapur di dalam stor. Sebenarnya, beras itu bukan milik kem, malah sudah ada di situ lama sebelum kami tiba, tetapi mereka tetap juga dihukum. Kini kami mendapat perintah untuk memakan beras lama atas kadar empat kampil beras lama bagi setiap empat kampil beras di dalam stok kami sehingga habis. Seorang Jepun yang lahir di Amerika tetapi berpendidikan Jepun menyertai kakitangan kem. Dia dikatakan balik ke mari hasil daripada pertukaran orang tawanan melalui kapal baharu-baharu ini. "Kamu tidak boleh mencurahkan minuman ke muka jeneral", dan, suatu kenyataan ditujukan kepada beras kapur "mereka yang di atas menyangka kamu semua menyorokkannya", dua kenyataan yang dikatakan dibuat oleh pegawai baharu ini.
- 19 Sebanyak 2000 paun daging tiba hari ini. Baca *When a Man's Single Barrie*.
- 20 Lagi acara panggilan nama dan kali ini kami tidak dibenarkan bawa buku atau menghisap rokok semasa acara sedang berjalan. Dr. Gilmour, yang dibawa ke Singapura enam minggu dahulu, pulang hari ini dengan menyimpan janggut panjang. Baca *Esther Waters* George Moore. Penutup lampu untuk gelap dipasang di dalam kem.
- 21 Berita angin menyatakan Jepun sedang berbincang tentang kemungkinan pendaratan musuh di Sumatera.



- 22 Halaman Riadah Utama akan ditutup esok, sebabnya tidak diketahui. Penghuni dikatakan enggan memasang penutup lampu ARP di bilik masing-masing. Baca *The Master of Ballantrae* Stevenson.
- 23 Jepun mengarahkan supaya semua jenis tali, besar atau kecil, mesti diserahkan kepada pengawal. Dengan menjadikan Halaman Riadah Utama kawasan larangan, Halaman 'B' menjadi amat sesak. Jepun peranakan Amerika memberitahu Groves bahawa dua buah kapal pertukaran tawanan akan tiba pada 6 Disember.
- 24 Saya bernasib baik kerana mendapat tambahan "stew" daging hari ini. Baca *The Black Arrow* Stevenson.
- 25 Alat membancuh simen konkrit tiba dan ditempatkan di Halaman Utama. Ini mengukuhkan khabar angin terbaharu tentang penghantaran pulang. Lagi laporan mengatakan Jepun dijangka menerima kumpulan terbaharu rakyatnya dari India pada bulan Disember. Dua orang yang pernah menyelia pembuatan *Tiger Beer* dibawa masuk hari ini.
- 26 Empat orang tawanan dari Bengkel 'C' masih dalam kurungan, tetapi seorang daripadanya telah dipindahkan ke hospital. Akibatnya Jepun mendesak supaya ada pengganti. Trevor Hughes (MCS), Pease (pelukis) dan Owen (bekas pensyarah Raffles College) kesemuanya penghidap kencing manis dan ditempatkan di hospital dengan makanan khas termasuk ubat insulin yang dikurangkan. Begitupun halnya, bekalan ubat ini tidak cukup selepas bulan Jun. Seorang pesakit lagi yang memerlukan rawatan segera ialah Ogilvie yang menghidap barah kerongkong.
- 27 Sekali lagi acara panggilan nama diadakan di Halaman 'B', dan sekali lagi kami tidak dibenarkan membaca atau menghisap rokok. Penghuni Blok 'D'4 telah diberitahu bahawa mereka mesti meninggalkan bilik masing-masing pada hari Selasa hadapan; tiada sebab diberi. Malam tadi, Juruelektrik Kem diarahkan untuk memadamkan semua lampu di dalam kem serta menurunkan "portcullis" ekor daripada arahan telefon dari Singapura. Tiada siapa tahu sebab dan pintu pagar besi masih tetap di bawah sepanjang hari. Sebuah lori Singa-

- pura terbalik pada hari semalam dan semua jagung, telur dan madu terhumban ke atas jalan.
- 28 Baca *Persuasion* Jane Austen dan *The Little Minister* Barrie. Lagi latihan bergelap sepenuhnya diadakan malam ini.
  - 29 Lagi berita angin mengatakan Blok Wanita dijangka menerima lagi orang tawanan seramai 250 dan pihak dapur diarahkan menyediakan makanan tambahan untuk seramai 250 orang lagi pada hari esok; juga diberitahu supaya 80 orang lelaki diarahkan bersiap sedia untuk mengangkut bagasi dari limbungan. Kelihatan Jepun mendirikan dua baris rumah atap di padang bola sepak, tetapi apakah sebabnya? Adakah suatu pendaratan sebenar telah berlaku di Sumatera? Kami megalami keadaan bergelap lagi malam ini.
  - 30 Tingkap 4 Blok 'D' disapu putih, tetapi untuk siapa? Kempitai merampas daripada Upton beberapa dokumen yang disimpannya untuk Bishop. Baca *The Little White Bird* Barrie.

#### Disember

- 1 Sekali lagi Kempitai menggeledah bilik Dr. Johns dan membawa pergi Worley, Middlebrook (MCS) dan Bennet (Syarikat Borneo) untuk disoal. Kami masih dalam kebingungan dengan apa yang berlaku di Blok 'D' 4. Ada yang berpendapat bahawa blok itu disediakan untuk orang Asia pro-British di Tanah Melayu, atau untuk orang tawanan dari Sumatera, atau untuk menempatkan beberapa orang yang masih berada di Singapura. Baca *Captain Courageous* Kipling dan *In Days that are Dead* Clifford. Saya berterima kasih kepada Fred Bailey, jiran sebelah bilik, kerana kami mendapat tambahan kanji. Worley dan Middlebrook kini dituduh membakar sebahagian surat-surat Dr Johns. Apa yang mereka bakar sebenarnya ialah risalah tentang Palang Merah yang tidak memberi sebarang ancaman.
- 2 Dr. Gibson-Hill kehilangan tilamnya, kerana dia tidak sengaja meninggalkannya di Blok 'D' 4. Kempitai kini membawa pergi Hodgkin, seorang ahli kajiserangga Institut Penyelidikan Getah. Kemudian dia dibenarkan pulang, tetapi Gibson-Hill dipanggil dan dibelasah oleh "Puss in Boots". Tidak diketahui sebabnya.

3. Baca *The Early Stuarts (1603-1660)* Davies dan *The Ordeal of Richard Feverel* Meredith. Davies pada suatu masa merupakan tutor saya di Oxford. Harper-Ball, peladang dari Johor, dipilih untuk menggantikan Worley sebagai wakil lelaki dan bermakna sekarang akan diadakan suatu lagi pemilihan untuk mengganti Harper-Ball sebagai wakil Blok 'B'. Komandan Jepun memberitahu wakil baharu kami bahawa "kesalahan" mereka yang ditahan di Singapura dianggap sebagai "menderhaka" dan sekiranya kesalahan itu diulangi lagi, maka akibat yang dahsyat akan menimpa mereka.
4. Panggilan nama di Halaman 'B' diadakan hari ini oleh A.H. Gridley, Timbalan Wakil 'B'. Ada usaha untuk membuang sama sekali alat automatik di tingkat ini yang biasanya digunakan oleh mereka yang mengangkat tempayan beras. Akibatnya pegawai kelengkapan dan empat orang pengangkut tempayan beras meletak jawatan! Sekali lagi kami diberitahu bahawa Kempitai telah keluar dari kem.
5. Jepun memerintahkan kami makan sarapan pada pukul 8.30 pagi esok kerana Halaman Hadapan akan ditutup pada pukul 9.00 pagi. Tiada seorang pun dibenarkan mengintai melalui tingkap atau jerjak besi atau berdiri di laluan dengan tujuan untuk melihat siapa yang datang. Kesemua ini semacam suatu hukuman! Tetapi, siapa yang akan datang? Setiap orang tertanya-tanya.
6. Kira-kira seramai 48 lelaki dan 44 wanita tiba hari ini dari Singapura. Mereka termasuk para jauhari dari Storch Bros, Attias dan Dan Hopkin (Raffles Hotel) dan Dr. Green. Kebanyakan mereka diberi  $\frac{1}{2}$  jam notis untuk meninggalkan rumah masing-masing dan ada di antaranya tidak sempat membawa pinggan makan. Berita dalam bahasa Melayu di Radio Singapura hari Sabtu lepas menegaskan bahawa niat Jepun untuk berjuang habis-habisan sehingga menang walaupun Jerman terpaksa menyerah kalah.
7. Seramai 14 orang tawanan lagi, kebanyakannya orang Serani, tiba hari ini. Tiba-tiba Jepun mengeluarkan arahan bergelap sepenuhnya pada pukul 9.30 malam tadi, dan termasuk seluruh Singapura. Sekali lagi Nelson meracau dan dia dipindahkan ke bahagian yang panggil "The Sanctuary" (Perlindungan) yang

biasanya dipenuhi oleh ahli agama. Ada tiga orang calon untuk memegang jawatan Wakil Blok 'B' iaitu A.H. Gridley, Gutsill dan Smith.

- 8 Hari ini ialah hari ulang tahun kedua Pecah Perang Timur Jauh dan Jepun mengisytiharkan cuti umum. Berita angin mengatakannya sebuah kampung di Batu 16, Jalan Pontian, Johor,<sup>158a</sup> telah dibinasakan oleh Jepun kerana penduduknya dikatakan membantu pasukan gerila Cina. Dua orang Serani, Roy Smith dan Dr. Oehlers, dilaporkan hilang. Ada cerita tentang 50 orang juruterbang Tentera Udara Jerman membuat penerbangan junam di angkasa Singapura baharu-baharu ini, juga sebuah cerita tentang seorang telah menyerahkan sebuah gambaran grafik bagaimana Kiel dibinasakan oleh pesawat pengebom kami yang diperolehnya daripada seorang anak kapal selam Jerman di limbungan Singapura. Dilaporkan pihak berkuasa Jepun telah mengambil alih kesemua kedai daging, termasuk jualan dan penetapan harga.
- 9 Jepun meminta kami memberi cadangan Program Waktu Lapang untuk Hari Krismas. Sarapan pagi ini ialah kanji yang mengandungi campuran kacang soya dan beras biasa, kacang soya yang lebih banyak. Isteri Osterhaus dikatakan tiba hari ini.
- 10 Baca *The Later Stuarts (1660 - 1714)* G.N. Clark. Kanji kami kini dikenali sebagai "Beanji" kerana terlalu banyak kacang. Mujur ada pertukaran antara tembakau untuk makanan. Fred Bailey memberi saya nasi dan sup tambahan dan ini sangat dialu-alukan.
- 11 Panggilan nama diadakan lagi oleh A.H. Gridley sebagai Timbalan Wakil tetapi keputusan pemilihan secara blok menunjukkan keputusan berikut: Gutsill 265 undi, Smith 312 undi dan Gridley 127 undi. Semalam lagi kami bergelap. Khabar angin terakhir mengatakan Hitler meletak jawatan dan Rommel mengambil alih.
- 12 Johnny Johnston memberitahu, dia berjumpa Miller, bekas Inspektor Galian, apabila keluar menjalankan tugas. Lagi be-

<sup>158a</sup> Untuk kegiatan anti-Jepun oleh Rejimen ke-4 MPAJA di Johor Selatan sila lihat karangan John Cross *Red Jungle* (Hale 1957).

rita angin tentang kekalahan Jerman dan tidak mungkin tentang sebuah berita bagaimana seorang bekas juruterbang British berlepas lari dari Lapangan Terbang Sembawang dengan sebuah kapal terbang British.

- 13 Berterima kasih kepada Fred, kerana membolehkan saya mendapat nasi tambah untuk John. Jennings kini menggantikan Gridley sebagai Timbalan Wakil 'B'. Catuan beras terakhir yang ditetapkan bagi penduduk Singapura adalah seperti berikut: Lelaki 12 kati, Wanita 9 kati dan Kanak-kanak 6 kati untuk seminggu.
- 14 Seorang lagi yang ditahan di Menara, bernama Smith dari Bengkel 'C', diserang sakit pinggang. Tominara sekali lagi mendesak supaya seorang sukarelawan, bernama Deighton, mengambil tempatnya sambil mengatakan bahawa penghuni akan tinggal begitu sehingga orang yang ketawa semasa lawatan jeneral membuat pengakuan! Tominara enggan mengiktiraf Puan Mulvaney sebagai wakil Palang Merah apabila beliau membuat permohonan untuk mengadakan perjumpaan keluarga di kem Orang Tawanan Perang. Bagaimanapun kami diberitahu bahawa kerja menapis surat-surat yang ditujukan kepada kami baharu sahaja dilaksanakan. Ada sebuah cerita mustahil bahawa Rommel terbang ke Croydon untuk berunding!
- 15 MacDermott menerima jawapan melalui Berita Radio bahawa dia dibenarkan untuk menghantar berita ke Australia Barat. Pada Hari Krismas, Jepun hanya membenarkan masa setengah jam untuk sembahyang bagi kedua-dua mazhab Protestan dan Roman Katolik dan konsert sebelah petangnya pula hendaklah diadakan dalam suasana keagamaan atau upacara yang tertib, tetapi lawak jenaka tidak dibenarkan. Saudara-mara dan suami isteri dibenarkan berjumpa antara satu dengan lain dalam masa satu jam sahaja di Blok 'A'. Lagi berita angin tentang Rommel dan kejatuhan Jerman yang sudah pasti.
- 16 Kami tidak dibenarkan bersiar-siar di Girdle Road pada Hari Krismas. Saya tidak menghantar bungkusan ke Kem Orang Tawanan Perang seperti yang dibenarkan, kerana tiada jaminan bahawa Gerwyn masih berada di sana dan sekiranya tidak, bungkusan itu akan dipulangkan. Kami diberitahu

apabila rokok yang membawa lambang 'V' tiba ke Singapura melalui kapal pertukaran, maka rokok itu akan dijual di seluruh bandaraya Singapura. Jepun kini menggunakan pembesar suara di Singapura untuk bertindak balas propaganda Pihak Bersekutu tentang Jerman. Baca *Evelyn's Diary (1665 - 1705)*.

- 17 Dua hari dahulu, Kempitai mengambil sebuah draf buku tentang malaria, hasil usaha 10 tahun, oleh Dr. Field, Institut Penyelidikan Perubatan. Hari ini mereka memulangkannya dan mengambil pula beberapa surat kepunyaan Middlebrook (MCS), juga menyiasat harta kepunyaan Dr. McNab. Sebanyak 30 buah bungkusan tiba kelmarin dari Amerika Syarikat, sesetengah mengatakan bungkusan itu dialamatkan ke Penjara Changi.<sup>159</sup> Saya mengirim sedikit hadiah kepada Gerwyn sebagai hadiah Krismas, sekiranya dia masih berada di Singapura; ini mengandungi sepasang sarung kaki dan sehelai sapu tangan. Lagi berita angin yang tidak mungkin ialah Hitler dan tiga orang penyokongnya mati di dalam penjara.
- 18 Lagi acara panggilan nama diadakan pada jam 10.00 pagi. Perintah Tominara yang terbaharu ialah larangan merokok di serambi atau laluan ramai dan bagi pemain-main *bridge* di halaman hendaklah mengadakan sendiri bekas abu rokok. Baca *Life of Dickens* Chesterton.
- 19 Hujan sepanjang hari. Tominara memberi amaran kepada penghuni Blok 'C' supaya tidak duduk bersilang kaki ketika panggilan nama diadakan. Ada berita angin mengatakan sebanyak 200 tan bekalan makanan dan lain-lain lagi telah tiba.
- 20 Hujan lagi. Budak lelaki di bawah 15 tahun kini diberi catuan tambahan di bilik dobi. Ini untuk menghalang bapa mereka atau orang dewasa lainnya yang lapar dapat makan tambahan. *Syonan Times* memetik berita mengatakan Anthony Eden, sebagai berkata, betapa pentingnya untuk menghapuskan Jer-

---

159 Kami dilarang menggambarkan kem kami sebagai penjara, tetapi sesetengah penghuni, menceritakan makanan dalam poskad sebagai "baiknya samalah seperti yang terdapat pada serpihan kayu dimakan ulat", suatu gambaran yang mungkin tidak terfikir oleh pihak penapis Jepun.

- man terlebih dahulu sebelum Pihak Bersekutu mengajar Jepun pula.
- 21 Lagi orang tawanan tiba. Mereka terdiri daripada 10 lelaki dan 29 wanita dan kanak-kanak. Kebanyakan mereka ialah orang Serani, kecuali isteri Tengku Ismail<sup>160</sup> yang berbangsa Eropah. Dr. Egan menerima sebuah hadiah daripada saudaranya yang berada dalam Kem Orang Tawanan Perang. Dilaporkan beribu-ribu orang buruh Tamil dihantar ke utara Siam.
  - 22 Ada tentera British yang pulang dari Siam menceritakan sekurang-kurangnya 10 000 mati akibat kolera dan malaria semasa membuat jalan kereta api Siam-Burma. Cuma 6000 daripada seramai 16 000 orang Orang Tawanan Perang dilaporkan dapat pulang ke Tanah Melayu dari Siam; dan gantinya ialah buruh Tamil untuk mereka yang mati.<sup>161</sup> Beberapa orang juruterbang Pihak Bersekutu yang terlepas lari kini dikatakan berada di Chungking. Dilaporkan juga kapal periuk api Itali yang terlepas lari dari Singapura sebelum Itali menyerah kalah tiba di Colombo dengan selamat. Beberapa orang askar Jepun kebetulan menaiki kapal itu untuk melihat "bagaimana ia melakukan tugas", sebelum kapal itu belayar meninggalkan Singapura.
  - 23 Akhirnya, saya menerima sepucuk surat daripada emak saya, bertarikh 26 November, 1942, dan diposkan pada 2 Disember 1942. Sebenarnya surat itu sampai ke Changi pada kira-kira 1 Oktober. Keluarga kami dimaklumkan tentang nama kami hanya pada bulan Jun 1943 dan mereka diberitahu bahawa kami berada di dalam Kem Tawanan Changi (sungguhpun ada surat dari Amerika Syarikat dialamatkan ke "Penjara Changi"). Nampaknya ramai juga anggota Simpanan Sukarelawan Laut yang terlepas lari dan dihantar oleh Pejabat Tanah Jajahan untuk mengisi jawatan yang sama di tanah jajahan lainnya seperti Aden. Hughes, yang beristerikan wanita Jepun dan tinggal di Benut, Johor, menceritakan apabila dia pulang ke rumahnya selepas kekalahan dia mendapati empat mayat

160 Seorang peguam berasal dari Negeri Sembilan, dan Presiden Kesatuan Melayu Selangor sebelum perang.

161 Secara beransur-ansur barulah kami faham bencana dahsyat menimpa mereka yang bekerja membina jalan kereta api. Lihat Lampiran D untuk keterangan lanjut.

Cina di dalamnya. Beratus-ratus orang mati ditikam dengan benet oleh Jepun dan mayat mereka tersadai di atas jeti atau dihumban ke laut. Isteri Jepunnya telah menyelamatkan banyak nyawa. Warner, seorang pembantu firma Mercantile di Kuala Lumpur, terbunuh dalam rumahnya akibat letupan sebutir bom.

- 24 Panggilan nama diadakan hari ini sebagai menggantikan Hari Krismas, dan ini berakhir beberapa minit sahaja. Lebih 500 bungkusan dan 20 kotak bekalan ubat kiriman Palang Merah Amerika tiba hari ini. Setiap tawanan Amerika akan mendapat sebuah bungkusan dan selebihnya akan dimasukkan ke stor kem. Kami semua dihadaiahkan tiap-tiap seorang sekotak rokok Kuda Hitam 20 batang oleh Jepun, tetapi 'saudagar-saudagar kem, orang Yahudi, membelinya \$3.00 atau \$4.00 sekotak untuk dijual semula. Empat orang pegawai pendidikan kami yang terlepas lari, Hicks, Hill, Davies dan Laidlaw, telah dihantar bertugas di Afrika. Jepun membenarkan pementasan konsert pertama dan nyanyian ramai untuk berbulan-bulan dan kumpulan koir dibolehkan menyanyi kepada tawanan wanita. Baca *Mansfield Park* Jane Austen.
- 25 Hari Krismas: sembahyang gereja selama setengah jam di Halaman 'B' mulai 10.30 hingga 11.00 pagi. Menu hari ini seperti berikut: Sarapan: kanji kacang (*beanjee*) dan teh (tanpa susu atau gula). Makan tengah hari: kari ayam ( $\frac{1}{2}$  inci seorang!), nasi, kacang, sup sayur dan bayam. Teh: puding nasi, teh (tanpa susu atau gula), kek jagung, kremolen, madu dan sardin. Ada tambahan sup yang banyak diletakkan dekat pintu dapur untuk makan tengah hari. Saya telah mengambil untuk Trevor Hughes, penghidap kencing manis, sebuku sabun kecil, sapu tangan dan cerut. Dia kini terlantar di hospital sudah tujuh minggu dengan makanan terkawal untuk menjimatkan insulin yang diperlukan. Saya diberitahu Bretherton dari jabatan kami telah selamat tiba ke negeri asalnya tetapi lumpuh sebelah badan kerana serangan sakit jantung. Empat orang yang malang dari Bengkel 'C' dibebaskan pada pukul 1.00 tengah hari hari ini. Setiap kami berasa cukup kenyang daripada biasa, bersyukur kerana mendapat makanan tambahan hari ini.



- 26 Tentera Amerika dikatakan telah menduduki New Britain di Pasifik. Saya mendapat gatal-gatal belakang sudah tiga minggu, mungkin disebabkan kekurangan zat. Lagi laporan tentang kemungkinan penghantaran pulang dan kini kerajaan British, kami tahu, sudah mendapat nama kami semuanya. Nampaknya, ada orang menyalahkan kerajaan awam Tanah Melayu kerana kalah pada tahun 1942, yang sudah jelas tidak patut.<sup>162</sup>
- 27 Seramai 30 orang tawanan lagi tiba hari ini dan ramai bangsa Czech. Bagaimanapun, mereka termasuk Dr. Ryrie dan Hewitt dari Hospital Kusta Sungai Buluh. Menurut Dr. Ryrie,<sup>163</sup> hanya 1700 daripada 3000 orang penghidap kusta yang masih tinggal di Sungai Buluh, selebihnya telah mati akibat berak darah dan malaria. Dr. Ryrie sendiri mendapat malaria dan keadaannya tidak sihat. Gerila Cina nampaknya sangat aktif di sekitar Klang. Blacklin (Institut Getah) juga tiba. Baca *Lady Susan and the Watsons* Jane Austen.

- 162 Memang benar, bahawa Stanley Jones, Setiausaha Tanah Jajahan di Singapura, disingkir oleh Pejabat Tanah Jajahan pada pertengahan Januari 1942 atas desakan Duff Cooper, wakil Kabinet British di Timur Jauh. Jones meninggalkan negeri ini sebaik sahaja selepas menyerah tugas kepada Hugh Fraser, Setiausaha Persekutuan di Kuala Lumpur. Kalau tidak kerana peralantikan yang tidak disangka-sangka itu Hugh Fraser sudah pasti terselamat daripada nasib yang menimpanya selama 2½ tahun dalam tangan Kempitai. Lihat nota kaki 181.
- 163 Dr. Ryrie ada beberapa cerita ngeri untuk diberitahu kepada saya seorang tetapi tidak dapat dimasukkan ke dalam perharian ini. Dia sebenarnya mempunyai hubungan rapat lagi kerap dengan gerila yang beroperasi di luar kawasan hospital dan dia sering diminta bantuan perubatan oleh kumpulan itu. Seorang pegawai Jepun kadang-kadang membuat lawatan ke banglonya, tetapi kebanyakan Jepun amat takut pada kusta. Ada suatu peristiwa, ketika Dr. Ryrie sedang merawat seorang gerila yang cedera, tiba-tiba dia ter-nampak pegawai Jepun itu sedang menuju ke arah banglonya. Cina amat terdesak dan tiada jalan untuk melarikan diri. Tetapi, berjalan keluar meninggalkan bilik itu ke rumah pekerja di belakang banglo. Tidak lama kemudian dia muncul semula dengan pakaian sebagai seorang 'pelayan rumah' dengan pakaian seragam putih sambil bertanyakan Jepun itu sama ada dia mahu minuman. Dalam pada itu Jepun berasa syak terhadap Dr. Ryrie yang mungkin memiliki sebuah set wayarles yang diharamkan. Dr. Ryrie, dalam keadaan cemas, memikirkan akibat buruk, berjaya memberi Jepun itu suntikan maut yang menyebabkan Jepun itu terbunuh. Mayatnya kemudian ditanam dalam kawasan banglo. Cerita ini diceritakan secara rahsia oleh Dr. Ryrie sendiri dan tidak hairan bahawa dia masih mengegelabah apabila tiba ke kem kami. Mujur tiada sebarang akibat buruk menimpanya; tetapi Jepun berasa takjub tentang apa yang berlaku ke atas pegawai berkenaan.

- 28 Dilaporkan tiga pendaratan Pihak Bersekutu di Sulawesi. Kami dibenarkan mengirim berita radio sehingga 50 patah perkataan ke Australia.
- 29 Bungkusan dari Amerika yang tersimpan di dalam stor akan dibahagi-bahagikan mengikut kadar tujuh orang bagi setiap bungkusan. Hasilnya, saya mendapat bahagian saya: 1 tin daging, 1 tin kopi, 1 tin rokok Chesterfield, 14 ketul kecil gula, 7 butir buah prun, 1 keping kecil coklat dan keju. Saya tukar kopi dengan satu tin mentega. Baca *Mr. Prohack* Arnold Bennett dan G.B. Shaw G.K. Chesterton.
- 30 Kami diberi tugas membersihkan Halaman 'B' sebagai persiapan untuk menyambut lawatan seorang pegawai tertinggi Jepun, tetapi pegawai itu tidak pun datang. "Pedagang-pedagang" Yahudi menawar untuk membeli tin 4 auns kopi Palang Merah dengan harga \$5.00 satu tin, demikian juga jem atau mentega dengan harga yang sama. Baca *The Three Brontes* May Sinclair.
- 31 Kami hadir dalam acara panggilan nama lagi. Peraturan baharu yang keras melarang mandi (menerusi pancuran sahaja) antara pukul 3.30 hingga pukul 6.00 petang. Mandi pagi tidak boleh. Sekatan ini mungkin disebabkan pam air yang pecah, bukan kerana kekurangan air. Bowden, pekerja Pos dan Telegraf, baharu tiba dari Hospital Miyako setelah dirawat kerana mengalami gangguan otak selama 18 bulan. Ada berita angin tentang pendaratan Pihak Bersekutu di Sulawesi dan Rusia menawan Odessa. Tawanan wanita menyanyi lagu Tahun Baru di dalam bilik masing-masing hingga pukul 12.00 tengah malam. Tiada sebarang reaksi daripada pihak Jepun kerana nampaknya kesemua mereka telah pergi ke Singapura.

## 1944

### Januari

- 1 Sanak saudara dan suami masing-masing boleh menziarahi keluarga dan isteri mereka di Blok 'A' selama setengah jam. Kami buka satu tin daging dan satu tin tomato untuk merayakan Tahun Baru di dalam bilik kurungan kami.
- 2 Saya bertemu Bowden, baru pulang dari Hospital Miyako,

di dalam bilik dobi. Kami dengar berita rusuhan dan tunjuk perasaan anti-Jepun di kalangan orang Siam. Baca *Queen Elizabeth I* Neale.

- 3 Wakil kami menuntut supaya Jepun mengembalikan kepada kami "Keistimewaan" tertentu. Contohnya, bekalan akhbar dan lawatan biasa antara suami isteri. Gatal-gatal badan yang saya hidapi beransur sembuh, dan saya amat berterima kasih kepada rawatan doktor.
- 4 Seramai 38 orang tawanan lagi tiba dari Pulau Pinang. Mereka terdiri daripada orang Eropah, Dye dan Patterson (*Malaya Tribune*), dan Stubbs (Jabatan Pos dan Telekom). Beberapa berita melalui radio telah sampai, salah satu daripadanya bertarikh 3 Mac, 1943. Ada berita angin tentang serangan hebat oleh British ke atas Burma yang melibatkan sejuta orang dan Prome tertawan. Saya berbual panjang lagi menarik dengan Dr. Ryrice. Carswell, bekas seorang peladang dari Kelantan, 51 tahun, mati akibat penyakit barah.
- 5 Kami kekurangan kayu untuk membuat keranda jenis biasa. Pada masa akan datang mayat akan diletakkan di atas sekeping papan kosong apabila dikebumikan. Bahagian-bahagian lain keranda masih boleh dipakai lagi kerana orang tawanan masih berterusan mati.<sup>164</sup> Lagi laporan tentang serangan hebat ke atas Burma.
- 6 Tominara dijangka bertanya kepada Morgan tentang definisi "Generasi Serani yang Pertama". Bagi mereka yang optimis menganggap perkara ini merupakan pertanda baik untuk segera dihantar pulang! Baca *Borzoi* Igor Schwezoff.
- 7 Sekali lagi saya menziarahi Trevor Hughes di Hospital. Dia adalah salah seorang di antara tiga pesakit yang amat memerlukan lebih insulin dan ada dua lagi kes barah yang memer-

164 Kehadiran upacara jenazah semakin digemari ramai di kalangan raja pasar gelap kerana apabila mayat dikebumikan di tanah perkuburan Singapura, bahagian atas keranda akan ditanggalkan daripada papan lapik sebelah bawah dan diletakkan semula ke atas lori. Kesempatan ini dipergunakan dengan memasukkan ke dalamnya barang-barang gelap yang dibeli daripada kedai-kedai di Singapura sama ada dengan pengetahuan pengawal atau tidak. Pakatan seludupan yang menguntungkan ini biasanya diketahui oleh Jepun kecil yang dikenali sebagai "Joki Maut".

lukan radium. Kitching terpaksa diberi makan dengan menggunakan saluran tiub yang dimasukkan ke dalam dadanya. Nampaknya tiada sebuah sekolah pun dibuka di Pulau Pinang, yang merupakan sebuah pusat pendidikan terbesar dan satu-satunya pusat pendidikan yang terpenting dalam waktu aman, dan Sekolah Penang Free dijadikan markas tentera bagi pasukan yang digelar Tentera Kemerdekaan India.

- 8 Tiada acara panggilan nama hari ini; buat pertama kali berlaku semenjak 10 Oktober, 1943. Ada khabar angin mengatakan Singora di selatan Siam kena bom.
- 9 Dua orang kerani yang bertugas di Pejabat Perwakilan Lelaki telah diarahkan untuk membuat senarai kesemua orang tawanan di dalam kem dengan nombor 'kad pemindahan' dikembalikan bersama. Lagi khabar angin tentang "kejatuhan" Rangoon. Jepun menyediakan sebuah pangkalan kapal selam berdekatan dengan Padang-Pulau Pinang.
- 10 Hujan sepanjang hari ini. Baca *The History of English Literature* B. Ifor Evan.
- 11 John saudara saya mendapat bisul pada kakinya. Akhbar Jepun mengaku nampaknya sebahagian pasukan tenteranya berundur di Burma. Saya memenangi sebungkus rokok "Old Gold" dalam cabutan loteri.
- 12 Dr. Pallister dilaporkan masih berharap agar dua kes kencing manis termasuk dalam rancangan pemulangan. Baca *The New-comers* Thackeray.
- 13 Lagi khabar angin mengatakan sebahagian daripada surat-surat kami akan dikirim ke India tidak lama lagi; juga khabar angin menyebut Moulmein tertawan.
- 14 Masih rancak khabar angin tentang serangan ke atas Mergui dan Victoria Point di selatan Burma, tetapi sejauh manakah kebenaran berita itu?
- 15 Salah seorang tawanan, 76 tahun, yang baru tiba dari Pulau Pinang, mati; saya tidak tahu namanya.
- 16 Kempitai datang semula untuk menyoal lagi orang tawanan. Selain menyoal seorang tawanan dari kalangan kakitangan

- dapur, mereka juga menemui Dr. McNab dan Embury serta membawa Dr. Bowyer dan Gorsuch (MCS) dibawa ke Singapura. Jepun juga mengambil semua buku mengenai perubahan tropika yang masih menjadi milik beberapa orang doktor kami.
- 17 Pasukan "Tentera" mengambil alih tugas di Pintu Pagar Hadapan. Apakah ertinya ini?
  - 18 "Tentera" dilaporkan membuat senarai semua barang di dapur dan kesemua penghuni diberi tahu agar berdiri apabila pemeriksaan dilakukan lagi. Kami menyapu bilik kurungan kami dengan warna putih buat kali kedua. Baca *Life of Montrose Buchan*.
  - 19 Jepun kini memindahkan kesemua mikroskop, kecuali sebuah, dari hospital supaya pemeriksaan kesihatan tidak mungkin dijalankan. Seorang pegawai Jepun yang baharu datang mengambil kedatangan hari ini. Tominara mengarahkan supaya dibuat berbagai-bagai peti mengisi barang untuknya dan sebahagian papan yang digunakan terdapat tulisan "Barang-barang Kiriman dari Britain". Kami menganggap hal ini sebagai pertanda rancangan pemulangan orang tawanan tetapi bagi golongan yang pesimis menganggap sebagai perkara dongeng dan menggelar kapal pemulangan itu sebagai "Tak Guna Maru" dan "Tak Tentu Maru". Baca *Anthony and Cleopatra Shakespeare*.
  - 20 Kami dapat jurubahasa baharu; dia sendiri pernah ditahan di Hawaii sehingga akhir-akhir ini. Menurutnya, kebanyakan perselisihan berlaku dahulu di dalam kem ini adalah disebabkan ketidakmampuan jurubahasa Jepun bertutur atau memahami bahasa Inggeris dengan betul. Ada perbalahan sengit di antara Jawatankuasa Eksekutif Kem dengan Tukang Kebun mengenai sama ada mereka patut mendapat sebuku atau separuh roti atas hasil usaha yang dibuat.<sup>165</sup> Kolonel Lord dari Salvation Army, mengeluarkan kenyataan menafikan bahawa
- 165 Sungutan para tukang kebun adalah patut kerana mereka yang membekalkan hampir separuh bekalan bayam dan kangkung juga keledak ke dalam kem. Paling banyak pada suatu ketika, mereka menghasilkan setiap hari lebih satu tan sayur-sayuran (bersamaan 10 auns untuk seorang) dan hampir setengah tan ubi keledak. Tetapi mereka tidak dapat menikmati sama "hidangan" mewah seperti kopi, gula melaka, minyak sawit, dan sebagainya khas bagi kebanyakan

dia pernah didenda kerana "kesalahan" atau tugas yang berlebihan itu dilakukan oleh pembantu untuknya. Saya menziarahi Trevor Hughes dan seorang lagi pesakit kencing manis. Owen (Raffles College) berada di hospital dan saya juga bertemu Pritchard Davis di sana. Hari ini kami menjalankan tugas tambahan, mencuci dan menggosok bersih lantai tingkat atas hospital.

- 21 Jurubahasa Jepun yang baharu, datang dari Hawaii, memberi tahu kami tentang menu harian ketika dia menjadi orang tawanan di Hawaii. Menu itu seperti berikut: (i) Dua biji telur, kopi, roti dan mentega; (ii) Lauk ikan atau daging; (iii) Sebotol bir pada pukul 5.00 petang; dan (iv) Lauk ikan atau daging. Mereka juga diberi daging salai tiga kali seminggu!
- 22 Blok "A" kini dipenuhi seramai 500 orang wanita dan 168 orang kanak-kanak. Nampaknya pengawal Jepun mengambil alih tugas pengawal Sikh secara beransur-ansur dan kesemua pengawal Sikh, katanya, akan keluar dari sini pada akhir bulan ini. Puan Bidewell meninggal dunia di Hospital Miyako. Khabar angin yang mutakhir ialah serangan tiga penjuru oleh Pihak Bersekutu ke atas Siam.
- 23 Saya sedang membaca Akta, Bab 1 hingga 10 dengan bantuan Dr. Peake, pengulas kitab Injil. Jepun melarang hisap rokok di dalam kem antara pukul 10.00 malam hingga 8.00 pagi. Mereka juga memberitahu bahawa kami dijangka mendapat kurang bekalan teh. Kami menyambung tugas memutihkan bilik kurungan kami.
- 24 Bilangan tukang kebun yang dibenarkan keluar dari tembok penjara kini dihadkan kepada 50 orang pada sesuatu masa. Sudah pasti hal ini tidak kena-mengena dengan khabar angin yang terbaru mengenai serangan lima penjuru ke atas Siam.
- 25 Saya menggosok lantai bilik kurungan kami dengan abu kayu dan air. Jurubahasa Jepun yang baharu membuat beberapa pertanyaan kepada Polis Negeri Selat tentang keadaan makanan kami, tetapi saya tidak tahu sebabnya. Ada sedikit surat tiba dari Afrika Selatan. Menurut ceritanya, nama-nama

---

bekas tukang kebun yang bertugas di luar kem, di tapak Duncarn Road dan kemudian di "Terowong".

orang tawanan di dalam kem ini tiba ke sana sama ada pada bulan Mei atau Jun 1943. Poskad kedua yang kami kirim diterima dalam pada bulan September 1943, tetapi tiada berita tentang poskad pertama yang kami kirim.<sup>166</sup> Baca *Sick Heart River* Buchan.

- 26 Pejabat Perwakilan kami yang terletak di Halaman Hadapan kini diambil alih oleh doktor Jepun. Khabar angin yang terakhir menceritakan pertempuran di utara Akyub dalam negeri Burma.
- 27 Tukang kebun semuanya menjadi berang kerana tambahan roti yang mereka terima sebagai usaha di kebun sayur kini dikurangkan separuh daripada sebuku roti sehari. Angus, bekas pengurus Chartered Bank Ipoh, mati akibat barah; demikian juga Kapten Ramsey, nakhoda kapal yang bersara. Baca *Richelieu* Belloc.
- 28 Seorang pegawai Jepun yang baharu bernama Bamba (?) nampaknya memberi perhatian lebih terhadap kebajikan kami daripada yang lain. Lagi garam, gula dan teh dibawa ke mari. Ada pengawal memberitahu mereka yang bertugas mengorek keluar perdu-perdu pokok supaya jangan bekerja kuat! Mereka juga memberitahu kami agar memakai topi apabila keluar pada waktu matahari memancar terik! Timbangrasa mereka agak luar biasa!
- 29 Dr. Calderwood dibawa keluar oleh Kempitai. Dr. Field memberitahu, katanya, saya mendapat jangkitan penyakit kurap di tangan. Jadi, saya diberi minyak belerang yang baharu untuk mengubatnya. Baca *Epistle to the Romans* Paul; terlalu sukar difahami sekalipun dengan bantuan ulasan Peake.
- 30 Perintah separuh bergelap untuk selama-lamanya mulai 1 Februari. Saya menziarahi Trevor Hughes di hospital.
- 31 Makanan pada hari ini sangat banyak daripada biasa kerana giliran kami pula menikmatinya daripada makanan yang dikembalikan dari Blok Wanita; tetapi "beanjee" terasa masam. Baca *The Three Musketeers* Dumas.

166 Selepas perang, kami dengar bahawa kapal terbang yang membawa surat itu terhempas dan kesemua kad musnah.

## Februari

- 1 Ada dua perkara yang mengejutkan kami hari ini – ikan segar untuk minum teh dan makanan Jepun dipanggil *tsukemone* untuk makan tengah hari, tetapi dalam nasi terasa pasir. Baca *Corinthians 1*.
- 2 Kami dapat sup daging untuk makan tengah hari; pertama kali buat beberapa minggu. Hari ini ialah hari kelahiran ibu saya. Dia sudah pasti berusia 66 tahun.
- 3 Saya mengambil keputusan tidak mahu mempercayai berita-berita angin lagi! Ini kerana tidak ada bukti untuk menerima atau menolaknya. Saya keluar mencari kayu lagi dan kami membawa tiga buah kereta sorong penuh bermuat perdu pokok dari suatu kawasan bersetentang dengan hadapan penjara. Kami lihat beberapa orang askar kami membersihkan gelanggang tenis.
- 4 Kami dapat bekalan enam auns gula tiap-tiap seorang – cukup untuk selama 10 hari. Khabar angin terbaharu tentang Ye tertawan, 100 batu ke selatan Moulmein, dan Rumania membuat perdamaian berasingan dengan Pihak Bersekutu. Bulgaria tewas dan Churchill mengatakan bahawa hanya lapan daripada setiap 20 buah kapal yang keluar belayar dari Jepun selamat kembali.
- 5 Antara 12 – 14 orang warganegara Belanda tiba ke mari pada pukul 11.00 malam tadi dan mereka diberi tempat tidur di Halaman Hadapan.
- 6 Orang Belanda ini keluar meninggal kem pagi ini. Ada yang mengatakan mereka adalah jurutera kereta api dari Jawa. Kami dibenarkan mengirim berita sebanyak 25 patah perkataan melalui radio ke England. Jerman dikatakan telah berpindah dari Greece dan Crete. Baca *Ways of Escape* Philip Gibbs.
- 7 Ada berita yang amat menggembirakan: mulai esok tambahan tiga guni beras akan diangkut ke kem setiap hari. Seorang pengawal Sikh menempeleng muka seorang tawanan hari ini dan Jepun mengancam akan melakukan "hukuman ringkas" pada masa akan datang bagi sebarang kesalahan. Phuket di selatan Siam kini menjadi berita.



- 8 Mulai hari esok makanan malam ialah "beanjee". Saya menziarahi pesakit kencing manis, Trevor Hughes dan Owen di hospital malam tadi. Hartley, seorang pemburu binatang buas dari Tapah, Perak, meninggal dunia di sini. Baca *History of the United States* Cecil Chesterton. Yang terakhir masuk dalam berita ialah Haadyai, di sebelah sempadan Siam.
- 9 Oleh sebab acara panggilan nama pada pukul 9.00 pagi, kami terpaksa sarapan dalam gelap pada pukul 8.00 pagi (waktu Tokyo). Ini bertukar menjadi satu lagi pengegedahan yang dikendalikan oleh Tominara di "Piccadilly" kerana di sana ditemui sebuah lubang bersembunyi. Kelly dan Dr. Byron ditahan dan diminta memberi "penjelasan" tentang lubang bersembunyi. Oleh sebab jawapan tidak memuaskan, mereka dihukum berdiri sepanjang hari di dalam bilik pengawal tanpa makanan. Di Blok 'C', Jepun menulis dengan kapur di atas batu konkrit rata, berbunyi: "Jepun akan mengalahkan musuh-musuhnya, Britain dan Amerika".
- 10 Hari ini, Dr. Byron dan Kelly masih berdiri menghadap tembok bilik pengawal. Keluar mencari kayu. Kami mengangkut batang-batang pokok dari seberang jalan. Dr. Byron dan Kelly kini dijatuhkan hukum berlapar selama 48 jam, tetapi kesalahan mereka, sekiranya ada, masih tidak pasti.
- 11 Kami berpendapat bahawa kami dapat makan agak cukup, bersyukur kerana dapat "beanjee" untuk makan malam. Sementara itu Dr. Byron dan Kelly dihukum beberapa hari lagi tanpa makanan; selama ini sudah masuk hari ketiga. Kata Tominara, mereka tahu semua soalan dan jawapan yang dikehendaki. Dr. Byron dilaporkan berkata bahawa dia sanggup berlapar hingga 10 hari. Kami diberitahu Jepun sedang ber-maharajalela di Singapura. Tempat terbaharu yang menjadi berita ialah Kantang, di selatan Phuket, Siam, tetapi sesuatu yang berlaku di sana kini sudah diketahui di sini.
- 12 Saya mendapat semula penyakit darah beku pada lengan dan terpaksa berehat. Saya sedang membaca *Naval Side of British History* karya Calendar dengan murid saya. Lagi berita angin yang samar-samar tentang Pulau Pinang dan Kota Bharu di Kelantan.

- 13 Mejar Tanaka, pegawai Jepun yang baru, enggan masuk campur dalam kes Dr. Byron dan Kelly yang telah masuk empat hari tanpa makanan. Lagi kisah tentang seorang Jepun bernama Neomoto (?) dan seorang kelasi bangsa Norway bernama Hagen, yang sering mengirim nota kepada Cik Biliewicz, melalui jaring dinding di "Piccadilly". Kelasi itu ditahan sepanjang malam di Bilik Kawalan. Di sana dia dibawa bersemuka dengan teman wanitanya, dengan Puan Chowns bertindak sebagai tukang iring!
- 14 Hagen dan teman wanitanya, Cik Biliewicz, telah dibebaskan pada tengah hari ini tetapi Dr. Byron dan Kelly masih kelaparan. Apabila Dr. Byron memberitahu Neomoto bahawa dia berasa amat sakit, dia hanya menjeling jahat dan keadaan Dr. Byron tinggal begitu sahaja. Masih tidak jelas apakah harus dilakukannya dan apakah yang dapat dilakukan untuk menguasai kebuntuan ini.
- 15 Dr. Byron dan Kelly diberi sedikit susu dan ikan pada pagi ini selepas enam hari kelaparan (sungguhpun ada kemungkinan selama dua hari terakhir mereka boleh diberi makan sehari sekali). Tetapi mereka masih berada di dalam Bilik Kawalan. Seorang pengawal Sikh nampak seorang pengawal Sikh lainnya memberi cerut kepada Al Rivers dan kilang beras sebagai hadiah kerana menolong mengisar beras untuknya. Pengawal itu mengadakan peristiwa itu kepada Kobiashi yang kemudiannya mengarahkan kedua-dua mereka, pengawal Sikh dan Al-Rivers, tinggal di dalam Bilik Kawalan. Pada pukul 11.00 malam, Kobiashi, kini sedang mabuk, muncul semula dengan sebatang kayu lalu membelasah Sikh itu selama 15 minit. Kemudian, dia memanggil kesemua pekerja kilang, dahulu dan sekarang, lalu memaksa mereka juga tinggal di dalam Bilik Kawalan. Baca semula *British Malaya* Swettenham.
- 16 Jepun mengumumkan kadar baharu catuan harian: Pekerja berat 500 gram; ringan 400 gram; wanita 300 gram; kanak-kanak 200 gram. Tugas di luar kem tidak dibenarkan hari ini. Pekerja kilang beras masih ditahan di dalam Bilik Kawalan lantaran itu tiada beras diangkut untuk bekalan hari esok. Sementara itu, para pekerja beras didera berlutut sepanjang pagi ini dengan kaki dan tangan masing-masing terikat sekali.

Empat orang Sikh juga diikat di Jalan Girdle. Seorang doktor Jepun memeriksa Trevor Hughes dua minggu dahulu tetapi tidak pula diberi tambahan insulin; sehingga sekarang insulin amat diperlukan oleh sekurang-kurangnya tiga orang pesakit kencing manis. Saya tahu ada bekalan insulin di Singapura.

- 17 Kami dapat sarapan seperti biasa, tetapi tiada nasi untuk makan tengah hari (cuma sedikit sup sebagai ganti) kerana peristiwa beras. ramai berpendapat bahawa Kobiashi merancang "pakatan" untuk melindungi perbuatan curangnya dalam perniagaan beras. Sememangnya diketahui umum bahawa orang kami yang mengisar tepung untuk orang-orang Sikh. Untuk minuman teh kami diberi nasi kering, sos kari dan teh. Akhirnya Dr. Byron dan Kelly dibebaskan selepas ditahan lapan hari. Doktor mengesahkan mereka tidak mengalami sebarang kecederaan yang berkekalan, bagaimanapun mereka dimasukkan ke hospital sebagai langkah berjaga-jaga.
- 18 Orang Yahudi diperintahkah keluar dari stor beras yang usang dan berpindah ke pondok yang baharu didirikan di Halaman Utama untuk membolehkan beras disimpan semula dalam stor beras usang itu. Orang Yahudi akan basah di dalam pondok-pondok itu apabila hujan lebat. Para pekerja beras tidak diberi makan semenjak pukul 6.00 petang pada 15 Februari dan kini berlepek di atas lantai bilik senjata. Baca semula *Malaysia* Emerson.
- 19 Hughie Fraser, bekas Setiausaha Persekutuan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, dibawa oleh Kempitai ke Singapura. Halaman Utama dibuka semula. Salah seorang pengisar beras, James, dibebaskan dan suatu kumpulan pengisar yang baru memulakan tugas di stor beras, bekas tempat tinggal Yahudi. Sekali lagi kami mengalami kekurangan bekalan makanan kerana penangkapan beberapa orang pengisar yang lama.
- 20 Lengan saya sakit semula. Saluran darah pada lengan kiri rasa terbakar daripada siku membawa ke ibu jari.
- 21 Pengisar beras dibebaskan pada pukul 12.00 tengah hari setelah 5½ hari kelaparan, dan selama dua hari dalam tempoh itu mereka juga tidak diberi air untuk minum. Mereka dipukul oleh seramai lima orang Jepun - Neomoto, Tominara,

- Kobiashi (selalu mabuk), "Puss in Boots" dan Ketua Pengawal Jepun yang mabuk. Kesalahan yang mereka lakukan hanya kerana seorang pengisar beras bernama Parker memberi beras yang tumpah ke lantai kepada orang Sikh. Tetapi mereka tetap dihukum ikat dan tidak diberi makan atau minum. Fred Bailay (jiran sebelah bilik) mendapati badannya lebam bekas pukulan dan akibat berlutut lama di atas lantai, tetapi yang menghairankan dia nampak sihat-sihat sahaja. Dia adalah yang termuda antara pengisar beras yang terlibat.
- 22 Lengan saya masih berasa terbakar dan sakit. Jepun mengambil seguni beras lagi dari stor kami dengan sebuah ambulans. Ini menjadikan sebanyak empat guni beras yang telah diambil dari stor dalam bulan ini.
- 23 Kami masih mempunyai bekalan makanan yang cukup dan ini termasuk kacang soya dan kentang segar.
- 24 Hujan sepanjang hari ini, tetapi kami terpaksa menjalani latihan serangan udara antara pukul 12.00 – 12.30 tengah hari. Kepulauan Carolines dan Ladrone's menjadi berita hari ini tetapi apakah sebenar berlaku kami tidak tahu. Baca *Elizabeth and Essex* Lytton Strachey.
- 25 Seorang pegawai tinggi Jepun bernama Tanaka memberitahu kami bahawa sepatutnya kami menjadi serba mencukupi dengan bekalan sayur-sayuran secepat mungkin. Barangkali dia akan melengkapi kami dengan alatan yang secukupnya, termasuk baja dan tenaga manusia.
- 26 Saya berasa kurang senang dengan kudis bernanah pada kaki saya. Terguris sedikit sahaja kudis itu bernanah dengan segera. Jepun menjadi terlalu cerewet tentang menghisap rokok. Bekas abu rokok mesti digunakan pada bila-bila masa dan apabila menghisap hendaklah duduk serta dilarang menghisap di koridor atau laluan.
- 27 Pam air rosak lagi lantaran itu kami mengalami ketiadaan air sepanjang hari. Kami tidak dapat membasuh, menyediakan "beanjee" seperti biasa atau menggunakan tandas. Setiap orang terpaksa menggunakan lubang-lubang yang digali di Halaman Utama.

- 28 Kami kembali mendapat bekalan makanan yang kurang. Kami dapat sedikit sahaja nasi untuk makan tengah hari dan tiada "beanjee" sebelah malam. Ini kerana tersalah kira jumlah bahan yang diperlukan itu. Baca *Augustus* John Buchan.
- 29 Kudis yang bernanah beransur sembuh dan lengan saya pun kurang sakitnya. Kami mengalami hari yang perit kerana ketiadaan roti. Seorang tawanan bernama Edwards mati. Baca *Cry Havoc* Beverley Nichols.

### Mac

- 1 Sehari lagi berlapar dengan hanya roti untuk makan malam dan tiada "beanjee". Sebanyak 8½ guni beras dan 5 karung kacang soya catuan kami untuk selama dua hari! Kudis di kaki dan betis sakit semula. Beberapa orang Sikh dipukul oleh Jepun hari ini, ada yang kena pada kemaluannya. Seorang tua bernama Hackett dipukul sebanyak tiga kali pada mukanya oleh seorang pengawal Jepun kerana menghisap paip sambil bersiar-siar. Baca *About Others and Myself* Anson<sup>167</sup> (suatu masa pernah menjadi Naib Gabenor Pulau Pinang).
- 2 Hujan sepanjang hari dan sehari lagi kami berlapar tanpa "beanjee" pada masa makan malam. Kudis kaki saya dibalut lima lapis dan lengan saya dianduh dengan kain!
- 3 Balutan saya kini sebanyak enam lapis. Keadaan makanan masih serius tetapi saya dapati kacang soya dibekalkan hari ini; bukan beras. Baca sebuah buku Amerika *Ambassador Dodd's Diary (1933 - 1938)* ditulis ketika di negeri Jerman.
- 4 Saya dimasukkan ke Hospital Kem pada pukul 2.00 petang hari ini. Sesuatu yang pada mulanya merupakan gatal-gatal, telah menjadi kudis yang melarat pada betis, lengan dan belakang, akibat menggaru.
- 5 Saya berasa lebih selesa tinggal di hospital dengan kemudahan untuk mandi-manda, dan kedua-dua penyakit kurap dan kudis telah pulih. Seluruh badan saya berpalut dengan losen, berlerang berwarna kuning hari ini untuk membunuh kuman

167 Nama Teluk Anson adalah sempena namanya pada tahun 1882. Pada awal tahun 1982 bandar itu dinamakan semula Teluk Intan.

- kurap. Makanan di sini juga lebih baik daripada yang di luar.
- 6 Antara mereka yang telah sedia berada di hospital ialah seorang tua bernama Manasseh yang terlantar di sini semenjak tahun sudah kerana menghidap penyakit makan air (meleacet) dan kudis. Ogilvie, yang menghidap barah kerongkong, telah dibedah dan kehilangan banyak darah kerana saluran darahnya pecah. Dengan radium, kemungkinan besar dia akan sembuh tetapi ubat itu tidak mungkin boleh didapati. Baca *History of Malaya* Morgan.
  - 7 "Puss in Boots" dalam keadaan mabuk telah menyerang Andrew Mustard selepas pukul 10.00 malam tadi dan luka besar dikepalanya. Andrew sedang berbaring di atas katil dalam keadaan separuh lena dan dia tidak sedar si Jepun itu mendekatinya. Baca *Notes on Malay History* Linchan.
  - 8 Kami dapat makan baik hari ini, termasuk nanas, betik, *tsukamone*, bayam, nasi dan sup!
  - 9 Lagi dapat makan baik lantaran itu kudis telah sembuh. Banyak kegiatan penerbangan Jepun hari ini. Baca *The Thirties (1930 - 40)* Muggeridge.
  - 10 Dr. Evans dipilih sebagai Wakil Lelaki dan naibnya Harper Ball. Undinya seperti berikut: Dr. Evans 900, Nelson Jones 800, Wheatley 400.
  - 11 Kata mereka, para petugas yang mencari kayu didera berjalan semacam angsa apabila mereka melewati para pengawal hari ini tetapi sukar bagi saya untuk mempercayainya. Kudis saya kini betul-betul telah sembuh selepas seminggu terlantar di hospital. Baca *The Island of Sheep* Buchan.
  - 12 Panggilan nama. Ada khabar angin mengatakan semua akhbar dan alat wayarles diharamkan di luar.
  - 13 Seorang tawanan bernama Paramour dipukul di mulutnya oleh pengawal kerana didapati merokok di halaman.
  - 14 Berita angin mengisahkan kemenangan besar bagi tentera laut Pihak Bersekutu dekat Jawa dan juga pendaratan di Sumatera. Baca *Shorter History of England* Hilaire Belloc.
  - 15 Lagi lawatan seorang Jeneral Jepun ke kem kami. Lengan saya

sekali lagi sakit kerana darah beku. Baca *Since Then* Philip Gibb.

- 16 Ada berita kegiatan berlaku di Selat Sunda tetapi apakah yang sebenarnya tidak diketahui. Baca *Raja Brooke and the Baroness Burdett-Coutts* Owen Rutter.
- 17 Kami diberitahu bahawa sijil mati Stevenson, yang menjalankan alat wayarles di Blok 'B', telah diterima oleh kem. Sijil itu mengatakan dia mati akibat penyakit beri-beri dan berak darah di Hospital Miyako pada 26 Januari. Tetapi ketika meninggalkan kem pada bulan Oktober keadaannya sihat dan ber-tenaga serta usianya baharu 35 tahun! Ulasan seterusnya adalah dilebih-lebihkan. Juga dilaporkan seorang lagi dibawa pergi selepas hari "Double Tenth". Dia ialah Buchanan dan mati di Hospital Miyako akibat berak darah dan lemah jan- tung pada 6 Februari. Kami berasa takjub apakah nasib kelak menimpa seramai lebih kurang 30 orang lagi yang masih di- tahan oleh Kempitai.
- 18 Makanan kembali berkurangan hari ini. Baca *A Time to Keep* Halliday Sutherland.
- 19 Akhbar Jepun mengaku medan perang mereka diperluaskan dari Victoria Point di Burma ke Indo-China - jarak 1000 kilo- meter. Nampaknya Kobiashi berwajah riang. Hari ini dia mengeluarkan sebanyak \$40.00 bagi pasukan mencari kayu dan membenarkan mereka membeli tembikai dari orang Cina di luar kem. Negros di Filipina dilaporkan telah tertawan.
- 20 Wakil kami telah diminta untuk menandatangani suatu kenyaa- taan dalam bahasa Jepun yang bermaksud bahawa segala tugas yang dilakukan itu adalah sukarela. Kesemua orang tawanan telah diberi kad pengenalan Jepun. Tukang kebun semuanya diberi tambahan dua ekar tanah untuk tanaman. Makanan sekali lagi kurang. Kedua-dua lengan saya dan kudis telah sembuh. Ada khabar angin yang belum sah tentang pendaratan tentera Pihak Bersekutu di Bencoolen dan Palembang, di Suma- tera. Baca *Bath Sitwell* dan *Juan in China* Linklater.
- 21 Saya keluar hospital hari ini. Berat badan saya kini 14 ston 3 paun, susut sebanyak 4 paun dalam seminggu.

- 22 Kaki saya kelihatan kurus dan pada bahagian bahu juga kian kurus. Si Malang Kitching, yang menderita barah kerongkong, sedang nazak dan tidak boleh menelan. Baca *Siamese White* Maurice Coolis.
- 23 Jepun sekarang menetapkan waktu baharu untuk kerja "sukarela" iaitu dari 9.30 pagi hingga 12.00 tengah hari, dan 2.00 ke 5.00 petang. Tambahan kepada dua ekar yang baharu diberi, Jepun merancang untuk memberi kepada kami seluas 56 ekar lagi untuk tanaman sayur. Suasana tertekan di dalam kem apabila seorang tawanan yang membaiki wayarles terdengar bahawa Jepun masih bertempur di Rabaul. Baca *Shaman, Saiva, Sufi* Winstedt.
- 24 Kami menghitung sebanyak 74 buah kapal terbang Jepun di udara pada suatu ketika kelmarin. Sarapan kini pada pukul 8.45, tidak pukul 9.00 pagi. Jepun mempamerkan empat naskhah buletin yang dipanggil *Suara Nippon*. Buletin itu bertarikh 7, 11, 21 dan 28 Februari dan sebuah dwi-mingguan dua halaman diterbitkan di Jawa. Di dalamnya menceritakan penderitaan Pihak Bersekutu mendarat di New Britain dan Kepulauan Marshall dan huru-hara di Burma pada 4 Februari. Makanan menjadi terlalu kurang. Baca *Disenchantment* C.E. Montague.
- 25 Tujuh orang lelaki (Dr. Johns, Dr. Fisher, Jackson, Hardman, Waddle, Macintosh dan Stevens) dan dua orang wanita (Cik Dr. Cicely Williams dan Puan Bloom)<sup>168</sup> dihantar balik ke kem oleh Kempitai. Kesemua mereka dapat berjalan tanpa bantuan kecuali Waddle. Dikatakan penyiasatan telah selesai dijalankan dan suatu kenyataan akan dikeluarkan tidak lama lagi. Seorang tawanan yang masih belum pulang ialah Dr. Stanley dan berita angin mengatakan dia telah mati.
- 26 Tawanan Kempitai cuma diberi nasi dengan air panas selama enam bulan mereka ditahan dan kadang-kadang diberi sayur sahaja. Lima orang di antara mereka dikurung di dalam sebuah bilik seluas 6 × 6 di Balai Polis Pusat. Dua orang wanita ditem-

<sup>168</sup> Buku Puan Freddy Bloom *Dear Philip, a Diary of Captivity, Changie 1942 - 1945* mengisahkan pengalaman dan reaksinya ketika dalam tawanan di bahagian wanita Penjara Changi dan juga lima bulan dalam tawanan di Markas Kempitai.



- patkan di dalam sebuah bilik kurungan bersama-sama beberapa orang lelaki termasuk seorang Sikh dan seorang kerani bangsa Serani. Baca *History of Perak Winstedt*.
- 27 Perintah bergelap pada pagi-pagi buta menjejaskan kerja masak nasi pada awal pagi, lantaran itu sarapan yang biasanya dijadualkan pada pukul 8.45 pagi hanya boleh di makan pada pukul 10.00 pagi. Ada berita dua orang tawanan yang dibawa pergi oleh Kempitai: Bryning dan Adrian Clarke dilaporkan telah mati di Hospital Miyako. Di sana seramai 17 orang lagi sedang mendapat rawatan pemulihan. Puan Orr, 72 tahun, mati di dalam kem.
  - 28 Kami dapat nasi dan jagung untuk makan malam tadi. "Patchy" Green, peladang dari Johor, menerima sepucuk surat daripada saudara perempuannya di Scotland bertarikh Julai 1943 dan dialamatkan ke Kem Changi. Tiga orang lagi mendapat bungkusan dari Afrika Selatan. Gridley menerima sepucuk surat daripada bapanya yang menunjukkan bahawa bapanya tidak pernah mendengar sebarang berita mengenainya semasa bapanya menulis surat itu pada bulan Julai 1943.
  - 29 Sebutir bisul tumbuh di sebelah muka saya. Saya membuat nota dari buku *History of Perak Winstedt*.
  - 30 Jepun mengeluarkan kajiselidik tentang keadaan di dalam kem kami. Soalan-soalan itu termasuk "apa pendapat anda tentang penahanan?" "Apa tuntutan yang anda buat kepada Pihak Berkuasa Tentera?" "Bagaimana keadaan makanan di dalam kem?" "Jawab semua soalan ini dengan terus-terang, seolah-olah anda menulis kepada bapa anda!" Dan "Tiada sebarang hukuman dikenakan ke atas anda sekiranya jawapan anda tidak memuaskan!"
  - 31 Semua kelas yang dijalankan di "Sanctuary" diberhentikan. Ini disebabkan bunyi bising yang mengganggu penghuni-penghuni di situ. Jawapan yang diberi kepada soalan Jepun itu dikatakan sangat berterus-terang dalam kritikan terhadap mereka. Lengan saya beransur sembuh.

#### April

- 1 Penseler, Ross, Rendle dan Sheppard ditemuduga oleh

- Kempitai; dan selepas itu Penseler, Ker (Pasukan Pencegah Serangan Udara (A.R.P.) Singapura) dan Rendle dibawa ke Singapura. Robertson, seorang pelayan hospital dan bekas pekerja Lombong Tronoh, mati akibat ketumbuhan dalam otak; juga Macnamara, pesakit yang terlantar di Hospital Miyako, mati. Dilaporkan juga bahawa Kneebone dari Tai-ping mati di dalam Kem Orang Tawanan Perang.
2. Berita angin yang berulang kali kedengaran tentang kekalahan Jerman pada 16 Mac. Kini Kempitai mengambil pula Puan Nixon, Birse dari Blok 'B' dan Dunlop Blok 'C' ke Singapura. enam orang dalam masa dua hari. Nampaknya, Rowswell, dari Blok 'D', yang menyebarkan berita itu tidak dibawa bersama kerana dia berada di hospital.
  3. Mallard, Bret, Boswell dan Burnham, yang menyebarkan berita BBC ke beberapa tingkat, telah dipanggil menghadap Kempitai dan disuruh menandatangani kenyataan mengaku bahawa adanya pertubuhan yang bertanggungjawab menyebarkan berita. Jepun amat sedar tentang perkembangan ini. Ada laporan yang menggembirakan bahawa insulin akan tiba ke kem akhirnya.
  4. Hari ini masuk hari ke-77 berada di dalam penjara! Juga hari keempat dalam bulan keempat tahun 1944.
  5. Jepun mendakwa mereka menawan Chittagong di India. Kami dapat makan jagung kukus untuk makan tengah hari sebagai ganti nasi dan "munji" untuk minum teh. Jagung banyak dan penuh dengan kutu, demikian juga "munji".
  6. Dalaton, pakar radio, baharu pulang dari Singapura. Rambutnya putih dan sukar mendengar, melihat atau berjalan dengan sempurna. Menurut katanya Worley menghidap penyakit kulit dan Blakstedt terlantar di hospital kerana kakinya menanah.
  7. Hari Good Friday. Sanak keluarga dibenarkan menziarahi kem wanita selama sejam dan Pasukan Koir Kem menyanyi lagu suci "Crucifixion" (Salib). Lady Heath menerima sepucuk surat daripada suaminya yang kini berada di Formosa memaklumkan bahawa dia amat yakin dan percaya tidak lama lagi mereka akan dihantar pulang dan isterinya akan pergi ke Afrika Selatan. Salah seorang tawanan menerima sepucuk

- poskad daripada seorang sukarelawan yang kini berada di Jepun Utara.
- 8 Dilaporkan C.G. Howell, salah seorang pengawal kanan yang dibawa ke Formosa dari kem ini, telah mati. Worley dan empat orang pemandu lori (Chettle, Hagger, Milne dan Hiltman) telah pulang dari Singapura. Mereka kelihatan pucat seperti mayat dan sukar berdiri atau berjalan. Dikatakan bahawa Dalton mengalami suatu upacara hukum mati olok-olok yang ngeri dan tidak dapat buang air dengan sempurna selama 28 hari dalam tawanan di Singapura.
  - 9 Ketika saya mengajar Simmonds, murid saya, pagi ini, datang seorang pengawal Jepun lalu merampas Atlas Phillip yang saya pakai. Ramai orang tawanan Singapura menderita kerana mengalami siri pertanyaan yang lama – mereka termasuk Long, Curtis, Cherry dan Yoxall (sembilan jam). Saya menuntut maaf kepada Gordon Hall (MCS) kerana kehilangan atlasnya yang saya pinjam untuk mengajar Simmonds.
  - 10 Rakan bilik saya, Horace Hunter, dipanggil keluar menggali lubang untuk beberapa orang Jepun yang melawat kerana menanam pokok jarak minyak. Vaughan-Jones yang berat badannya 23 ston, kini cuma 11 ston – suatu rekod kem tentang sudut badan. Puan Bateman, di Hospital Miyako, dikatakan berat badanya cuma 48 paun sahaja. Pegawai Jepun yang bernama Tanaka telah mengaku kepada wakil kami bahawa makanan kini amat berkurangan di Singapura dan bekalan makanan cukup untuk sehari pada suatu masa yang didatangkan dari utara, lantaran itu kami terpaksa meneruskan catuan makanan yang sedikit. Kami agak bahawa kapal selam Pihak Bersekutu telah menenggelamkan kapal-kapal yang mengangkut bekalan beras dari Siam.
  - 11 Jepun mendakwa telah memasuki Manipur, sebuah jajahan di Assam. Seorang Arab telah dimasukkan ke kem kami sebagai tawanan. Baca *Good Morning and Good Night* Ranee Margaret.
  - 12 Puan Laurence, isteri seorang peladang Pahang berbangsa Rusia, juga tiba semalam. Orang Arab itu rupanya berbangsa Mesir, dan guru agama kepada Sultan Pahang. Kami dengar tentang kapal-kapal selam Amerika sangat aktif di perairan

- tidak jauh dari sini. Khabar angin hantaran pulang kembali rancak.
- 13 Bisul pada kaki saya sudah sembuh. Seorang Jepun bernama Bamba dijangka memberitahu Harper Ball bahawa kira-kira enam minggu lagi "sebahagian" daripada kem kami akan berpindah ke Bukit Timah, sebelum hantaran pulang!
- 14 Kasihan Kitching (Juruukur) telah mati! Pada beberapa ketika dia menderita sakit barah kerongkong dan mendapat makanan melalui sebuah lubang saluran pada dadanya kerana dia tidak dapat menelan. Ramai yang membuat berbagai-bagai jangkauan "bahagian" manakah kem ini yang akan dihantar pulang.
- 15 Sebanyak 22 catuan daging tin dan *Marmite* dihantar dari kem ini ke Hospital Miyako untuk memberi tambahan makanan berzat kepada orang tawanan yang baharu pulang dari tahanan Kempitai di Singapura.
- 16 Berat badan saya kini ialah 200 paun dan dikira cukup baik. Ada ceramah tentang "sebuah kesatuan politik" antara Britain dan Amerika Syarikat. Wakil kami, Dr. Evans, diberitahu oleh Tanaka, bahawa tiada makanan di Singapura untuk mangsa Kempitai. Ogilvie, seorang lagi pesakit barah kerongkong, mati. Tiga minggu dahulu saya menziarahinya di hospital. Dia tidak kelihatan begitu teruk sungguhpun dia kerap meludah kahaknya ke dalam tin. Berita tiba ke telinga kami semalam, melalui sepucuk surat, bahawa Puan Kitching, isteri kepada pesakit barah yang meninggal dunia dua hari dahulu, telah terbunuh di atas kapal *Kuala* pada tahun 1942 ketika dia cedera dan sedang diusung dalam sebuah usungan pesakit di Singapura.<sup>169</sup> Kami juga mendengar, bahawa Elohick (William Jack & Co) mati di Afrika Selatan. Kini ada bukti bahawa poskad kiriman pertama kami selamat sampai ke rumah masing-masing dalam bulan Ogos 1943 dan poskad kedua pula tiba ke Afrika Selatan (selewat-lewatnya) pada September 1943.
- 169 Lagi cerita sedih yang terperinci mengenai jururawat, wanita dan kanak-kanak terkorban dalam 40 buah kapal atau kapal-kapal kecil yang belayar dari Singapura pada dua atau tiga hari akhir sebelum kalah, dapat dibaca dalam buku Sir John Smith berjudul *The Will to Live* (Cassell) iaitu kisah seorang jururawat Dame Margot Turner, yang meninggalkan Singapura pada petang Jumaat 13 Februari dan selamat daripada kecelakaan dua buah kapal karam, *Kuala* dan *Tanjung Pinang*.

- 17 Lagi sebiji bisul muncul! Baca *Fanny by Gaslight* Michael Sadler.
- 18 Saya menerima surat kedua daripada emak saya, bertarikh 10 Ogos 1942. Keadaan makanan muram semula kerana hanya jagung atau sagu sahaja yang cukup untuk makan malam selama dua hari lagi. Jawatankuasa Kem membuat rayuan meminta sama ada mendapat tambahan makanan atau dihantar pulang.
- 19 Acara panggilan nama pada jam 10.00 pagi akan diadakan pada hari Jumaat (lagi 2 hari) untuk membolehkan seorang Jeneral Jepun memeriksa kami. Kami dikehendaki memakai tanda pengenalan dan kami penuh hairan apakah yang akan diberitahu oleh jeneral itu. Lady Shenton Thomas menerima sepucuk surat daripada Gabenor, menyebut bahawa dia "amat bergembira kerana dia (isterinya) akan kembali ke England dalam musim panas ini".
- 20 Kad pengenalan kini telah dikeluarkan. Saya punya No. 1249, tertulis pada sekeping tin dan dilekatkan pada seluar pendek sepanjang masa. John mendapat dua pucuk surat dialamatkan oleh isterinya; Gwynedd, kepada kedua ibu bapanya, Tuan dan Puan Samuel. Paling akhir berita tentang isterinya ialah di Padang, Sumatera, tahun 1942.
- 21 Lawatan jeneral ditangguhkan kerana hujan. Kami masih kurang makan lagi. Kami hanya dapat nasi sepenuh cawan untuk makan tengah hari dan tiada makan malam. Esok, makanan kami akan dikurangkan lagi sebanyak 17% dan semua tambahan nasi untuk mereka yang bertugas diberhentikan. Kematian Dr. Stanley dengan rasminya kini disahkan, sekalipun ramai yang memikirkan bahawa dia mati dalam tangan Kempitai lama dahulu, pada bulan November atau Disember.<sup>170</sup> Lagi berita angin tentang pendaratan tentera Pihak Bersekutu di Eropah.

170 Sebenarnya dia meninggal dunia pada 2 Disember, bukan di Hospital Miyako tetapi di Hospital Kandang Kerbau, setelah menerima pukulan dengan kejam oleh beberapa orang penyoal. Kempitai berusaha keras untuk menyembunyikan kematian itu. Mereka tidak memberitahu pembuat keranda nama si mati dan hanya mengarahkan supaya keranda itu ditutup dengan menggunakan paku sebagai pengganti skru yang lazim dilakukan. Kerana sebab-sebab ter-

- 22 Seorang tawanan di B4 menerima sepucuk poskad daripada anak lelakinya yang bertugas dalam Pasukan Sukarelawan Negeri-negeri Selat di Hakodate dalam negeri Jepun. Sukarelawan ini datang ke kem kami pada 8 Mac 1943 dan dia bertugas dalam Unit Palang Merah sama seperti saudara saya G.E.D. Lewis. Jeneral tiba hari ini dan membuat ucapan kepada kesemua penghuni blok. Dia menuntut maaf kerana kekurangan makanan yang disebabkan oleh peperangan, dan kesannya tidak sahaja berlaku di Tanah Melayu tetapi juga di Jepun. Kata Neomoto bahawa ada berita "amat baik" akan datang dalam dua atau tiga bulan lagi! Hal ini telah menimbulkan keseronokan yang amat sangat di seluruh kem. Hunter membuka tin jem yang dibelinya dua tahun dahulu untuk merayakannya! Lagi berita angin tentang pendaratan Pihak Bersekutu di Eropah yang tidak dapat dielakkan! Puan Gray mati di Blok Wanita.
- 23 Lagi cerita-cerita hantaran pulang yang pasti berlaku dan kasut dibekalkan kepada orang tawanan. Bamba dikatakan sedang mengatur "jadual", yang kurang pasti! Jawatankuasa Kem mendapat nama enam orang tawanan Singapura yang akan pulang dari Hospital Miyako tidak lama lagi. Baca *King Lear* Shakespeare.
- 24 Sebahagian kami berpendapat bahawa Jawatankuasa Kem menyembunyikan maklumat tentang penghantaran pulang kerana takut kami kelak tidak dapat dikawal oleh kegem-biraan! Apa pun yang terjadi, khabar angin yang kencang mengatakan bahawa jeneral tetap berjanji bahawa kapal-kapal yang akan mengangkut pulang akan tiba ke mari dalam tempoh sebulan. Ini adalah perbincangannya dengan Jawatankuasa Kem! Sementara itu makanan semakin kurang - di bawah paras 11 auns (305 gram) seorang sehari.
- 25 Bisul ketiga saya beransur baik. Kesemua tugas pada sebelah tengah hari dan permainan diberhentikan kerana makanan kurang. Kesemua pam dan paip air yang digunakan di kebun sayur di luar penjara dibawa masuk dan Neomoto memanggil semua ketua pasukan petugas dan menyuruh mereka ber-

---

tentu, Kempitai telah salah faham mengenai maklumat yang kononnya Dr. Stanley tahu dalam keseluruhan penyiasatan mereka.

sumpah tentang sesuatu! Makan hari ini lagi kurang kepada 10 auns (atau 289 gram) untuk seorang. Kami diberitahu bahawa sebanyak 30 000 pucuk surat menunggu kami di pejabat hadapan sana.

- 26 Pendapat umum di dalam kem bahawa sesuatu yang pasti sedang berlaku kini. Hari ini Mejar Tanaka mengeluarkan jagung yang cukup untuk makan malam ini. Tawanan wanita dibenarkan berjalan-jalan sehingga empat batu, tetapi ke mana dan mengapa kami kurang pasti. Baca *Macbeth* dan *Cymbeline* Shakespeare.
- 27 Luetchford, Pengurus Besar B.A.T. Co., menghiris leher dan pergelangan tangannya malam tadi di Halaman Utama dan berjalan tanpa arah dalam gelap dengan darah memancut keluar sehingga dia mati. Sebabnya mungkin dia bimbang dengan penyakit bawahir yang tidak dapat dielakkan daripada dibedah. Dia juga sedang mempelajari bahasa Cina dengan bersungguh-sungguh. Kini nampaknya telah jelas, dalam beberapa hari lagi, kami akan berpindah ke Kem Orang Tawanan Perang dekat Sime Road dan Adam Road, tidak jauh dari Jalan Bukit Timah. Di sana ada kira-kira 180 pondok atap yang pada suatu masa dahulu merupakan Kem Tentera Udara Diraja. Penghuni di situ akan berpindah ke mari apabila kami meninggalkan tempat ini.
- 28 Raymond Wilson, bekas karyawan United Engineers, mati di sini akibat penyakit jantung dan Woodhouse pula mati kerana pendarahan barah (isterinya juga mati di sini tidak lama dahulu). Sebahagian kami amat optimis bahawa perpindahan ke sebuah kem lagi adalah persiapan ke arah penghantaran pulang.
- 29 Masih tiada berita tentang perpindahan kami, sungguhpun Orang Tawanan Perang dikatakan telah mengambil alih "Golders Green" di luar kem. Bisul keempat kini membuat saya berasa dukacita. Baca *John Galsworthy* Ould dan *In a Corner of Asia* Clifford. Dilaporkan Lord Louis Moutbatten telah memindahkan markasnya dari India ke Kandy di Ceylon.<sup>171</sup>

171 Pemerintahan Pihak Bersekutu yang baru di Asia Tenggara, biasanya dikenali sebagai *Southeast Asia Command* (SEAC), ditubuhkan pada bulan Ogos

- 30 Kami diberitahu bahawa penghuni Blok 'D', Bill, BIV dan "Piccadilly", berjumlah seramai 1350 orang kesemuanya, akan berpindah ke kem baru pada hari esok antara pukul 9 pagi dan 12 tengah hari. Makan akan pasti kurang dengan pergerakan ini.

### Mei

- 1 Seramai 450 orang kami, meninggalkan Changi dengan lori pada pukul 9.00 pagi ini, dan selebihnya dijangka mengikut kemudian pada pukul 10.00 dan 11.00 pagi ini juga. Mujur kami masih berada di sini hingga pukul 12.15 tengah hari, oleh itu kami dibenarkan makan tengah hari di sini. Kemudian, Jepun berubah fikiran dan membenarkan hanya penghuni Blok 'D', Bengkel 'B' dan Bilik Makan sahaja meninggalkan Changi. Kami dijangka berangkat pada pagi esok. Berat badan saya kini adalah 195 paun. Baca *Othello* Shakespeare.
- 2 Kami tiba di Kem Sime Road pada jam 11.00 pagi dan bergerak masuk ke pondok atap yang kopak-kapik lagi bocor di beberapa tempat.<sup>172</sup> Kira-kira 50 ela jaraknya dari pondok

---

1943 hasil dari Persidangan Quebec dan Lord Louis Mountbatten dilantik menjadi Pemerintah Tertinggi dengan markasnya di New Delhi. Lord Mountbatten dengan segera mengambil keputusan untuk mengelak daripada berulang percubaan yang gagal untuk mara ke arah selatan melalui Burma dengan jalan darat. Strategi utamanya ialah amfibia (pergerakan darat dan laut) - suatu pasukan gempur yang bergabung berjumlah seramai 50 000 orang akan menggempur Jepun merentasi Teluk Benggala. Ketika membuat persiapan untuk gerakan ini, dia memindahkan markasnya ke Kandy di Ceylon (sekarang Sri Lanka). Rancangan Mountbatten telah pun dipersetujui oleh Persidangan Kaherah pada bulan November 1943, tetapi apabila Persidangan Tehran, bersidang sebulan kemudian, menetapkan bulan Jun 1944 untuk melanggar Eropah, maka rancangan amfibia Mountbatten terpaksa dibatalkan. Kesemua kapal dan rakit mendarat tidak cukup untuk pendaratan amfibia, malah kesemua rakit jenis itu yang sudah berada di perairan Hindi terpaksa dihantar balik ke Eropah untuk pendaratan Normandy.

172 Kem Sime Road terletak hampir-hampir di tengah pulau berdekatan dengan Kelab Golf Singapura. Jaraknya lima batu ke barat laut bandaraya dan sebatu ke timur Jalan Bukit Timah. Sebelumnya kem seluas 70 ekar ini didiami oleh Tentera Udara Diraja (R.A.F), dahulunya kawasan ini ialah ladang getah. Pondok-pondok yang berbumbung atap, berlantai konkrit dan dinding papan setinggi 6 kaki, boleh bermuat dengan sesak seramai 100 orang tawanan; tetapi pondok ini memerlukan pembaikan kerana keadaannya yang teruk. Pondok-pondok itu dibina di atas beberapa dataran kerana buminya yang tinggi rendah sekalipun bukan berbukit-bukit, tetapi jalan kecil dan tangga konkrit dibina



kami, saya temui sebuah kubur kecil mengandungi jasad T.L. White dari jabatan kami yang meninggal dunia pada 20 Januari 1944. Salah seorang telah memasukkan sebutir bola golf ke dalam botol dan meletakkannya di atas kubur yang tertulis namanya – mendiang memang seorang pemain golf yang handal. Isterinya berada di bahagian wanita dalam kem ini dan tidak syak lagi bahawa dia tidak tahu-menahu tentang kematian itu. Ada 9 atau 10 orang yang ditanam di sampingnya dan mati dalam masa yang sama, barangkali akibat penyakit berjangkit.

- 3 Kami tinggal bersesak-sesak seperti sardin, tetapi udaranya baik serta segar dan dapat memandang ke arah kelab dan padang golf. Mujur, nyamuk tidak begitu banyak di sini kerana tidak ramai di antara kami yang ada kelambu. Tetapi kalau hujan, kami akan tidak senang kerana bumbung atap yang bocor. Sehingga kini, makanan boleh dikatakan baik memandangkan kepada perubahan ini.<sup>173</sup> Baca *The Winter's Tale* Shakespeare.
- 4 Hujan turun sedikit malam tadi menyebabkan bumbung bocor di beberapa tempat dan beberapa titik air jatuh ke atas saya daripada lubang kecil di atas. Hal ini tidaklah menghalang kami untuk mendapat air bagi memasak nasi. Pengawal kami semuanya orang Sikh di sebelah dalam, sementara di sebelah luar pagar berduri ialah Askar Kemerdekaan India. Saya membubuh plaster pada bisul keempat.
- 5 Suatu senarai panjang mengandungi nama mereka yang mati di

---

menghubungkan pondok-pondok itu. Keseluruhan kem dipagar dengan kawat berduri bergulung, bukan tembok batu, kecuali di sepanjang jalan raya awam pagar papan dibina di tepi jalan.

- 173 Tukang masak kami semuanya menghadapi masalah dalam perpindahan dari Changi kerana tiada dapur yang tersedia lengkap dengan segala peralatan. Daripada hanya sebuah dapur, kami bina enam buah dapur mengikut kawasan serta strategik kedudukannya dalam pondok-pondok atap yang berselerak di seluruh kem. Setiap dapur dilengkapi dengan kualiti yang diletakkan dalam dapur bata atau tanah liat. Anahnya, makanan kini dapat dimasak dengan lebih baik dan menunya pun beraneka jenis daripada yang di Changi, walaupun bahan-bahan yang dimasak sama seperti dahulu. Ada tukang masak yang dipanggil sebagai "pakar" tidak diperlukan, setiap dapur memperkenalkan masakan masing-masing serta melahirkan semangat persaingan dan hasilnya sungguh memuaskan dalam kualiti makanan.

- Siam kerana kolera, berak darah, kelaparan dan sebagainya tertulis pada dinding di dalam kem baharu kami. Sekurang-kurangnya 250 nama sukarelawan tercatat dalam senarai itu yang sebahagian besarnya ialah sukarelawan Johor. Kata mereka seramai 9000 orang Orang Tawanan Perang telah mengambil alih tempat kami di Penjara Changi.<sup>174</sup>
- 6 Hujan turun lebat malam tadi dan ramai yang tidak boleh tidur. Bilangan sukarelawan yang mati di Siam dianggarkan seramai 292 orang dan ini termasuk 50% Pasukan Sukarelawan Johor. Wanita dan kanak-kanak di Blok 'A' Changi dipindahkan ke sini hari ini. Kami diberitahu bahawa Orang Tawanan Perang di Siam cuma di beri makan nasi dan air panas. Beribu-ribu buruh Tamil dari ladang getah juga mati di sana.<sup>175</sup>
- 7 Hujan masih turun malam tadi. Puan White telah dimaklumkan kematian suaminya melalui Dr. Linehan, pengarah pendidikan kami, yang mendapat maklumat itu daripada saya. Berita angin tentang tiga buah kapal dalam perjalanan untuk mengangkut kami pulang menjadi rancak. Kobiashi dan pengawal-pengawal yang memberitahu tawanan wanita! Anggaran kematian yang terakhir di Siam meningkat 17 000 daripada 45 000 askar dan 5000 daripada 10 000 askar. Saya menghidap tiga butir bisul di buntut.
- 8 Kami mendiami Pondok 131 dan puas hati dengan tempat baharu ini. Kami mendapat bekalan air dekat sini. Saya amat dukacita mendengar dua orang kawan, Jimmy Egan, peladang Sungai Siput, dan Dicky Evans (APC) mati di Siam. Lagi khabar angin tentang pendaratan di Sumatera.

174 Menurut Russel Braddon, angka sebenar ialah 7000 orang. Kebanyakan mereka terdiri daripada anggota pasukan 'F' dan 'H' yang hidup dan dihantar ke Siam untuk membuat jalan kereta api pada bulan April dan Mei 1943. Tetapi setiba di Changi, setiap mereka yang sihat dikerah segera membina Padang Terbang Changi sepanjang 4000 meter apabila siap.

175 Beberapa buah buku yang menceritakan dengan terperinci tentang layanan dahsyat atas Orang Tawanan Perang kami di Siam dan buruh-buruh yang dibawa masuk ke ladang-ladang getah Tanah Melayu dikerah bekerja di jalan kereta api Siam-Burma. Tiga buah buku dapat dinyatakan di sini: *The Naked Island* (Pan) Russel Braddon; *Death Railway* (Pan) Kinvig; dan *The Burma - Siam Railway - The Secret Diary of Dr. Robert Hardie (1942-1945)*, (Imperial War Museum). Untuk keterangan lanjut, lihat Lampiran D.

- 9 Saya ke hospital dengan empat butir bisul, tiga di buntut dan satu lagi di kaki. Saya lihat senarai rasmi mereka yang mati di Siam. Bersyukur kerana nama saudara saya tiada dalam senarai, sungguhpun saya tidak pasti apakah kerjanya di sana. Seorang bernama Nathan mati di dalam kem kami.
- 10 Saya dengar bahawa E.S. Tiddeman, dari jabatan kami, selamat tetapi tiada berita tentang H.L. Hodge. Bisul kian sembuh tetapi berat badan saya susut, kini 13 ston 19 paun.
- 11 Dua orang tawanan, Smith (JKR) dan Horley (BAT) telah dibawa dari kem kami pada bulan Oktober lalu apabila sebuah radio ditemui. Kami dengar bahawa Smith kehilangan sebelah mata. Hujan lebat malam tadi tetapi saya berasa lega kerana bumbung tidak bocor. Baca sebuah karya klasik Melayu *Pelbagai Cetera Melayu*.
- 12 Keadaan makanan menjadi buruk semula. Hari ini kami hanya makan sayur dan air, nasi dan air. Saya pinjam sebuah kamus Melayu untuk pengajian Melayu saya. Baca *Debits and Credits* Kipling. Ruang tempat tidur kami di dalam pondok dibaiki menjadi 3 kaki 2 inci untuk seorang.
- 13 Saya dapat bertukar catuan tembakau dengan dua catuan gula. Bisul semakin sembuh.
- 14 Seorang Jeneral Jepun dikatakan berjanji dengan seorang pesakit hospital bahawa hantaran pulang dalam tempoh dua bulan. Pelbagai khabar angin yang kencang – Rusia mengambil alih Warsaw; kami mengambil alih atau mendarah di Tavoy dan Borneo, Jepun berpindah dari Flores, Timor dan Sulawesi.
- 15 Seorang Jeneral Jepun memberi kami lima peti teh dan berjanji akan memberi lima ekor lembu! Tawanan wanita mengatakan lagi bahawa mereka akan dihantar pulang tidak lama lagi.
- 16 Dr. Winchester, Dr. Diamond dan Dr. Lowther telah disoal siasat oleh Kempitai. Bisul kelapan pula muncul di buntut!
- 17 Acara panggilan nama diadakan di padang golf di luar kem hari ini. Kami dapat roti gulung buat pertama kali di dalam kem ini.
- 18 Emerson, peladang getah dari Sumatera, mati hari ini akibat

berak darah. Orang Yahudi memborong pasaran tembakau dengan bertindak selaku broker untuk Jepun. Sebatang cerut kini berharga \$1.50; sekotak rokok \$15.00; satu tin sardin \$40.00. Hari ini pengawal Sikh mengejar seorang tawanan bernama Bowen dari Blok 'C' apabila dia mendekati pagar kawat. Pondok kami, yang dekat dengan pagar, dituduh membuat isyarat menghina, melaung "Anak haram jadah" malah menunjukkan kemaluan kami! kepada orang Sikh ketika dia mengejar. (Kesemua kami disuruh berhimpun di hadapan Jepun esoknya walaupun ramai antara kami yang langsung tidak menyaksikan peristiwa itu). Dua orang tawanan mati, Beddington (JKR Pulau Pinang) kerana batuk kering dan Manasseh, terkenal sebagai jutawan, yang ketika matinya hanya seberat 46 paun. Kedua-dua mereka sudah lama sakit.

- 19 Kami berbaris pada pukul 10.00 pagi di luar pejabat Jepun, kami berdiri tegak selama 1¼ jam dalam hujan kerana tiada siapa yang mengaku melakukan perkara yang tidak mereka buat. Akhirnya, setelah mengugut kami untuk dipukul serta dibiarkan di situ sepanjang hari, mereka membebaskan kami. Sebelum berbuat begitu, mereka memukul Bowen (Singapore Cold Storage) dengan galah buluh; pengawal Sikh kelihatan memukul Bowen lebih kuat daripada Jepun. Beberapa orang jurutera kereta api bangsa Belanda kembali ke kem kami hari ini. Selama ini mereka berada di Penjara Pudu, Kuala Lumpur. Di sana dua daripada mereka mati kena beri-beri. Sebenarnya, seorang mati di Stesen Keretapi Kuala Lumpur malam tadi. Orang Belanda menceritakan bahawa seramai 900 orang komunis dan India yang tidak bekerjasama dengan Jepun ditempatkan di Penjara Pudu dan hukum gantung dijalankan tiap-tiap hari.
- 20 Terdapat 40 kes malaria di dalam kem dan saya bernasib baik kerana Graham (P&T), jiran sebelah bilik saya, dengan ikhlas membenarkan saya tidur dalam kelambunya, sementara separuh badan lagi di bawah katil yang berlipat. John menerima dua pucuk surat daripada isterinya Gwyneldd. Sebanyak 1400 pucuk surat semuanya diterima dari Singapura, setelah ditapis. Baca *Malaysia Mosaic*.
- 21 Harapan kami bertambah cerah dengan khabar angin yang

- belum disahkan tentang pertempuran di Tavoy, Siam. Enam orang dibawa ke Bilik Pengawal kerana melambai-lambai kepada orang perempuan yang lalu di seberang pagar.
- 22 Jeneral Jepun telah dimaklumkan oleh Jawatankuasa Kem bahawa terdapat sejumlah 600 kes penyakit beri-beri di dalam kem ini kecuali makanan diperbaiki serta kacang soya diadakan. Ada khabar angin tentang pendaratan Pihak Bersekutu di Eropah dan berita angin di Tavoy dan Burma nampaknya benar. Baca 93 Victor Hugo.
- 23 Sejumlah 3800 pucuk surat diedarkan hari ini; tiada untuk saya. Tiga orang tawanan lagi mati: Davies, Pengawal Penjara Taiping akibat kurang darah dan berak darah; Kerr (yang tidak siuman semenjak tahun 1938) dan Southern kerana batuk kering. Kes malaria meningkat 80 sekarang. Sepucuk surat yang diterima menceritakan K.P. Blackwell (MCS) telah dihukum di U.K. kerana "berdagang dengan musuh". Hal ini sukar difahami.
- 24 Jepun bertanyakan nama orang tawanan yang suka tinggal di luar. Saya menerima surat ketiga dari rumah, bertarikh 12 Jun, 1943. Surat itu mengesahkan emak saya telah menerima berita melalui radio dan maklumat rasmi tentang saya dan John masih hidup. Berita angin kali ini mendakwa kami akan berpindah ke "Kem Hantaran Pulang Woodlands" dekat Tambak Johor; juga tentang pendaratan tentera kami di Norway.
- 25 Kami dapat berita yang amat menggembirakan iaitu seramai 1 000 000 orang tentera telah mendarah di wilayah Bordeaux, Perancis, dan juga dekat Cherbourg. Sementara itu askar payung terjun kami kelihatan di angkasa Warsaw dan Brenner Pas.<sup>176</sup> Jepun dikatakan menjangka seramai 1000 orang tawanan yang ingin keluar dari kem ini. Hari ini, sekali lagi kami dapat tepung kacang soya untuk sarapan, mungkin kerana bantahan tentang makanan kami. Baca *The World Crisis*, Jil. 1 Winston Churchill.
- 26 Bishop Wilson dan Yoxall telah dihantar pulang ke kem oleh Kempitai, dan Puan Nixon juga pulang ke Blok Wanita.

176 Berita pendaratan di Perancis yang awal diterima adalah ketajaman fikiran seorang yang menjangka peristiwa itu.

Kedua-dua lelaki itu kelihatan sihat tetapi tidak bagi Puan Nixon. Kami diganggu oleh tikus yang memakan apa sahaja makanan yang terdedah. Lagi berita pertempuran di Segenting Kra, Siam dan orang Cina kini membuat wang Jepun palsu yang kurang baik cetakannya. Mejar Tanaka kini mengatakan bahawa kami akan diberi makanan tentera Jepun. Jenning, wakil pondok kami, telah diganti oleh Human. Dua orang bangsa Czech dari Cameron Highland dan seorang Serani dari Labis, Johor, tiba di kem. Baca *The National Character* Arthur Bryant.

- 27 Lagi cakap-cakap tentang pendaratan di Segenting Kra, dan sebuah Angkatan Laut British sedang beraksi di Teluk Siam. Kobiashi mengambil 40 ekor angsa kami, tetapi sebaliknya Jeneral Jepun berjanji memberi kami tambahan makanan. Sejumlah 4000 pucuk surat dikatakan telah sampai.
- 28 O'Dell dan Menzies disyaki menghidap tifus tropika atau "Demam Sungai Jepun".<sup>177</sup> Dilaporkan seramai 50 000 Jepun berkhemah di Padang Lumba Kuda Singapura. Orang Yahudi kini menjual gula melaka dengan harga \$12.00 sepaun. Kami

177 Penyakit tifus atau demam Sungai Jepun tidak pernah berlaku sehingga kami pindah ke Kem Sime Road. Di sini kami terdedah secara langsung dengan lalang yang tinggi tumbuhnya memenuhi seluruh kawasan kem ketika kami mula-mula tiba. Menurut doktor, kuman penyakit ini merebak melalui tikus yang membawa kutu terdapat pada telinga tikus dan kutu itu jatuh dalam lalang. Kira-kira 20 orang tawanan yang menghidap penyakit ini dan ramai juga yang terselamat dan sembuh pada peringkat awal demam.

Kini, pasukan petugas membersihkan lalang yang menjadi faktor penting untuk mengawal kesihatan kem dan tidak berapa lama kemudian kami dibekalkan dengan seluar panjang khaki serta baju berlejang panjang untuk dipakai pada waktu menjalankan tugas. Sebelum dan selepas kerja kami kena berendam dalam sebuah tong berisi izal sebagai tambahan pencegahan. Di samping pencegahan ini, dua daripada kami dihinggapi kuman ini dan seorang telah mati.

Suatu contoh yang baik bagaimana kerja keras dilakukan demi kepentingan seluruh kem telah dibuktikan oleh ketua pasukan yang berbakti tinggi iaitu Jack Draper. Beliau telah menunjukkan semangat berdikari sepanjang masa tawanan dan tinggal dalam khemah persendirianya!

Malah Jepun menghargai kerja baik kami dan pada suatu masa secara tidak sengaja pagar kayu di Kem Wanita terbakar dan dijangka menyembunyikan peristiwa itu daripada pengawal; tetapi selepas mendengar syarahan panjang mengenai bahaya api kami dibenarkan bersurai.

Suatu ironi, pada ketika itu BBC menyiarkan berita kecelakaan besar kerana kebakaran di Tokyo akibat bom yang digugur oleh pesawat pengebom Amerika.

baru mengadakan pilihanraya untuk Blok kami (Blok 'B' kini dikenali sebagai kawasan "kita").<sup>178</sup> Lennard mendapat 440 undi, Harper Ball 181, Thurstan 67. Baca *Parables of the Gospel* (SCMP) Martin.

- 29 Oswald (MCS) menerima sepucuk surat yang mengatakan bahawa kakitangan Kerajaan akan menerima pampasan, menurut Churchill. Kini ada sebanyak enam kes tifus tropika. Jepun mengambil keputusan untuk membayar cuma sebahagian daripada elaun bulan atas dasar kerja yang kami buat. Ini bermakna sebanyak \$13 000.00 dan tidak \$19 000.00 yang biasa dibayar pada setiap bulan.
- 30 Kempitai baru sahaja membawa pergi Hockenull (Polis) dan kini sedang mencari gagang telefon yang hilang.
- 31 Seorang doktor mistik Jepun meramalkan bahawa kami akan pulang ke negeri masing-masing pada 16 Jun. Kami dengar Jepun sedang merancang Projek Propaganda Foto yang terbesar yang mengandungi pemandangan berikut: Lima orang paderi sedang mengetuai upacara sembahyang yang dihadiri oleh 50 orang; Wakil Tawanan Lelaki menerima surat-surat daripada Tominara; para suami bernesra dengan isteri dan anak masing-masing; orang tawanan makan nasi bertambah dua kali; tiga orang doktor dengan para pesakit di hospital; 12 orang ahli muzik sedang bermain alat-alat muzik, dan 50 orang tukang kebun berkemeja sedang mencangkul! Baca *Abraham Lincoln Drinkwater*.

### Jun

- 1 Dua orang wanita mati di sini: Puan Redfern, 46 tahun, akibat batuk kering; menjadikan orang keempat dalam keluarganya yang mati semenjak Februari 1942; dan Puan Jackson. Seorang Pengawal Penjara Taiping bernama Hill juga mati kerana barah selepas menjalani pembedahan. Selepas berjanji dengan kami 1700 kilo berat sehari, Kobiashi kini memotong angka itu sebanyak 100 kilo sehari dan juga menyembunyikan seba-

178 Kami dikekalkan mengikut blok yang sama seperti di Changi, Blok 'B' jadi Kawasan "Kita" (atau Utara); 'C' jadi "Minami" (atau Selatan) dan 'D' jadi Kawasan "Chuo" (atau Tengah).

- gian daripada tepung jagung dan sagu untuk kami. Lagi kes tifus tropika dalam kawasan kami (Kawasan "Kita").
- 2 Sebahagian daripada kami ingin tahu sama ada rebung yang kami makan itu telah disediakan dan dibersihkan dengan sempurna untuk mengelak barah dalam perut. Kesibukan lalu-lintas di jalan raya dan jalan kereta api dan kawasan di sekitar perusahaan Hume Pipe Works. Baca *Spectator* Addison.
  - 3 Dilaporkan Tominara dan Kobiashi membelasah Bamba kerana memberitahu tawanan wanita bahawa mereka bertolak pada 16 Jun! Ada berita Angkatan Laut Amerika memasuki Teluk Manila serta membinasakan kapal-kapal di sana. Masih terdengar kesibukan lalu-lintas kereta api, barangkali tentera sedang digerakkan ke utara. Beberapa buah kapal terbang Jepun juga sibuk terbang malam tadi masa bulan penuh. Lagi sebanyak 4000 pucuk surat tiba ke mari.
  - 4 Mejar Tanaka sendiri yang mengawasi kerja menimbang bekalan beras kelmarin. Mungkin sebagai langkah untuk menyekat Kobiashi daripada memberi kami kurang bekalan serta menjamin kami mendapat dengan secukupnya. Bisul besar pada buntut saya telah dibedah oleh Dr. J.A.P. Cameron. Terima surat bertarikh 30 Mei 1943 daripada "Vi" di Salisbury. Saya menziarahi bishop di hospital. Badannya penuh dengan tanda-tanda yang boleh menunjukkan layanan buruk yang diterimanya.<sup>179</sup> Menurut Jepun, dia memainkan peranan "Lawrence of Malaya", sudah pasti suatu rekaan semata-mata.
  - 5 Menurut sepucuk surat yang diterima, Ashley-Cooper (Kastam) dilaporkan terbunuh. Jepun kini mendesak supaya kami mengadakan seramai 1100 tukang kebun untuk bertugas di kebun dan mereka mesti menyempurnakan kerja harian tidak kurang daripada tiga jam sehari untuk mendapat makan dan upah. Oleh sebab makanan kurang bermutu, ramai yang susut badan sebanyak 10 paun semenjak mereka meninggalkan Changi sebulan dahulu.

179 Bishop membawa sejumlah besar wang yang menyebabkan Kempitai yakin bahawa ini untuk kegiatan sulit di dalam dan di luar kem. Apabila Bishop enggan mengaku seperti yang disangka pada suatu ketika, dia dipukul dengan tali sebanyak 200 kali oleh tujuh orang Kempitai bergilir-gilir sehingga dia pengsan.



- 6 Kematian Puan Doudal dalam Kem Wanita. Penghuni kawasan kami bersetuju supaya kesemua minyak kelapa sawit disimpan di dapur dan pagar kawat berduri telah pun dipasang mengelilingi dapur untuk melindungi barang-barang yang tersimpan di situ! Puan Grubel, wanita Rusia, diberitahu oleh Jepun bahawa orang British akan meninggalkan tempat ini tidak lama lagi. Sejumlah 9000 pucuk surat tiba ke mari.
- 7 Kami dengar bahawa Little (dari pejabat kami) kini berada di India, dan Bayliss serta Bretherton di Nigeria. Horace Hunter genap berusia 40 tahun hari ini. Makan sardin dan susu kepunyaannya yang terakhir. Bisul saya semakin sembuh. Bekalan makanan Jepun yang dikeluarkan kepada Kawasan "Kita" untuk 800 penghuni selama dua hari ialah: nasi kering 772 dan 552 paun, sayur daun 840 paun, tepung jagung 100 paun dan 99 paun, daging babi 96 paun, garam 31 auns! Rusia dikatakan telah menawan Konigsberg di Prusia Timur dan British sedang mara ke Bangkok.
- 8 Jeneral memberi amaran kepada kami semua "jangan bermain dengan radio". Baca *Catriona* Stevenson.
- 9 Berat badan saya kini ialah 12 ston 11 paun, susut sebanyak 37 paun daripada dahulu. Saya juga nampak ada bengkak-bengkak pada pergelangan kaki, mungkin beri-beri. Rusia kini dikatakan sedang mara menuju Vienna.
- 10 Oscar Wilson, 72 tahun, seorang pakar tulisan tangan, mati di sini. Rusia dilaporkan kini berada 130 batu dari Berlin, dan 80 batu dari Vienna. Sebuah lori bermuat penuh dengan perangkap tikus tiba ke sini untuk mengatasi masalah tikus. Saya buka tin *Marmite* untuk menghalang beri-beri yang baru hendak jadi.
- 11 Sekali lagi Jepun menegaskan bahawa semua tugas mestilah selesai dalam masa tiga jam sehari, kalau memerlukan apa yang dikatakan "makanan tambahan". Tetapi sebenarnya, apa yang kami dapati ialah kami kekurangan protein dalam nasi dan sayur yang kami makan untuk membolehkan kami bekerja selama itu sekalipun kami dibayar 50 sen sehari (terlalu sedikit untuk membeli sesuatu sekarang). Lantaran itu, setiap kami dengan cepat menjadi kurus. Kini dilaporkan Jepun bercadang

menambah kawasan bercucuk tanam seluruh 286 ekar (!), kawasan itu mungkin termasuk rumah Kelab Golf yang akan digunakan sebagai hospital, atau alternatif lainnya ialah kawasan dekat Dunearn Road. Orang Yahudi, yang menjalankan pasar gelap, mengambil kesempatan daripada kekurangan tembakau. Sebanyak 360 perangkap tikus telah tiba untuk menangkap tikus yang membiakkan kutu tifus, yang dibawanya dalam telinga dan gugur dalam lalang.<sup>180</sup>

- 12 Jeneral memberitahu wakil kami bahawa seramai 1500 orang lelaki dikehendaki pergi ke padang golf, bersetentang dengan kem kami, dengan tujuan membuka kawasan cucuk tanam. Katanya, makanan akan kurang dengan teruknya, dan bahkan askar Jepun juga mengalami keadaan genting yang sama. Dia mengaku keadaan ini. Pada pukul 3.00 petang, perintah ini dibatalkan dan kini cuma seramai 100 orang diperlukan untuk membuang akar dan tunggul pokok. Baca *The Life and Teaching of Jesus Christ Raven*.
- 13 Pertempuran sengit dilaporkan berlaku di Victoria Point, Burma. Hari ini seramai 200 orang keluar untuk mengerjakan kawasan kebun sayur yang baharu dekat Sekolah Tinggi Cina, di sana mereka terperanjat melihat kanak-kanak lelaki dan perempuan Cina juga turut bekerja. Kami berasa hairan sama ada kawasan kebun ini untuk kegunaan kami atau tidak, sekalipun jeneral pernah berkata "Sendiri bikin, sendiri makan" atau lapar! Baca *Facing Life with Christ Reid*.
- 14 Kekurangan tembakau semakin genting, lantaran itu penagih-penagih rokok sanggup keluar menggali tapak baharu di Dunearn Road kerana berpeluang mendapat tembakau tambahan di sana. Cerut kini berharga \$1.80 untuk 10 batang. Bisul nombor 12 kini muncul! Dilaporkan rangkaian kereta api di selatan Haadyai di Siam telah dipotong orang. Baca *The Conquest of Happiness Bertrand Russell*.
- 15 Suatu perintah dikeluarkan bahawa para pekerja berat yang menjalankan kerja tiga jam sehari akan mendapat catuan tambahan (iaitu 550 gram) mulai 18 Jun. Saya akan memu-

180 Pada peringkat ini, sebahagian besar kawasan kem masih dipenuhi lalang tinggi dan mengambil masa untuk membersihkannya. Inilah yang menyebabkan penyakit tifus tropika cepat merebak.

- lakan tugas memotong lalang dengan sabit yang dipegang dengan tangan kanan. (Oleh sebab tanda-tanda permulaan darah beku saya tidak boleh menggunakan tangan kiri seperti yang lazim saya lakukan). Beberapa ekor tikus pelbagai saiz kini terkena perangkap dan dihantar ke Singapura untuk pemeriksaan.
- 16 Lagi berita tentang pertempuran dekat persimpangan jalan kereta api Haadyai. Terjadi pertelingkahan hebat di dapur kerana penyingkiran kakitangan dapur, Richard dan Pether. Gee, seorang penyelia, mengugut untuk meletak jawatan sekiranya dia tidak diberi kuasa memegang kunci. Baca *Antic Hay* dan *Miscellaneous Malay Papers* Aldous Huxley.
  - 17 Saya mula bekerja menebas lalang dengan Jack Draper dan menghabiskan masa sepanjang pagi untuk mencabut akar lalang dengan tangan kanan. Jepun meminta para doktor memeriksa mereka yang bekerja menebas lalang kalau-kalau ada kesan kutu yang gugur dari telinga tikus dan menyebabkan tifus.
  - 18 Hari ini hari pertama bagi mereka yang bekerja berat mendapat tambahan catuan beras kerana bekerja selama tiga jam sehari. Saya mengirim satu lagi berita sebanyak 25 perkataan menerusi radio. Perry, bekas pengawal penjara, 70 tahun, mati di sini.
  - 19 Para pekerja berat menikmati makanan tambahan tetapi "yang tidak bekerja" bersungut. Sememangnya, ada yang terlalu tua dan uzur untuk menjalankan tugas. Jepun memerintahkan latihan A.R.P. dijalankan seluruh kem dan siren akan dibunyikan pada pukul 7.00 malam dan 8.00 malam. Hal ini memberi harapan baharu kepada kami. Saya menghabiskan waktu pagi dengan merumput di kebun pondok.
  - 20 Jepun merancang untuk memotong puncak bukit dekat kandang babi dan menggunakan tanah itu di tempat lain. Baca *The Brothers* Charles Morgan.
  - 21 Kami pergi menebas lalang di Kem Wanita. Mereka kelihatan sihat. Ada berita samar-samar tentang apa yang berlaku di Stettin, Jerman dan di Davao, Filipina.

- 22 Ada orang tawanan ditugaskan menggali lubang perlindungan serangan udara untuk Jepun! Kami menghabiskan masa tengah hari dalam hujan dengan menebas lalang di Kem Wanita. Lagi berita kurang sah tentang pertempuran di Perlis – perbatasan Siam. Dan tiga orang kami dalam bilik kurungan No. 39 menikmati satu tin kari ayam sebagai menyambut berita gembira yang belum sah. Baca *Introducing Shakespeare* Harrison.
- 23 Kami sekali lagi menebas di Kem Wanita dan di sana saya bertemu Margaret Edge. Ada berita tentang H.R. Carey dari pejabat kami sama ada kena tangkap atau terbunuh di Sumatera. Saya dapati bisul 13 muncul di belakang. Baca *History of Sarawak under its Two White Rajahs* Gould dan Bampfylde. Lagi berita pertempuran di Phuket, Siam.
- 24 Beberapa orang tawanan mendapat beri-beri dan pecah-pecah bibir (pellagra) pada peringkat awal tetapi ada berita baik bahawa bekalan beras bersih untuk 10 hari baharu tiba. Lagi berita pendaratan di Haadyai dan utara Sumatera. Ramai lagi tawanan dikerah membersihkan puncak bukit dan di luar Kem di Duncarn Road. Goodman Ambier (pejabat kami) mati di Australia.
- 25 Kami masih menebas lalang di Kem Wanita. Dalam perjalanan, saya bertemu Fred Bailey yang memberi kepada saya sedikit beras dan minyak sawit merah untuk ditukar dengan cerut. Purata umur penghuni kem kini adalah dianggarkan 48 tahun (berbeza dengan saya 40 tahun).
- 26 Lagi menebas lalang di Kem Wanita. Notis perlindungan serangan udara kini ditampal di luar pondok kami.
- 27 Menebas lalang lagi. Seramai 2100 daripada 2400 orang tawanan lelaki kini digolongkan sebagai "pekerja berat" dengan tujuan mendapat tambahan nasi. Jawatankuasa Kem diberitahu oleh Jepun bahawa mereka menjangka serangan udara ke atas Singapura berlaku tidak lama lagi. Berita yang paling gembira tentang pendaratan Amerika di Kepulauan Bonin dan Marianna dengan menggunakan 10 buah kapal perang, 20 kapal pembawa pesawat terbang dan 50 kapal pembinasa.

- 28 Kami menyapu di jalan dalam Kem Wanita pagi ini dan Puan Warren dengan baik hati memberi saya sedikit beras. Persiapan secara besar-besaran diadakan untuk menerima lawatan Lef-tenan Jeneral Dohiwara. Empat orang tawanan yang kurus dari setiap pondok dihantar untuk mewakili kami apabila dia tiba. Jepun bersetuju untuk membayar upah \$32 000.00 sebulan bagi pekerja-pekerja lelaki tetapi upah itu dikurangkan untuk dibayar kepada wanita juga. Beras bersih cukup untuk 10 hari baru tiba.
- 29 Dua orang tawanan mati hari ini: Clark dan Hewitt, bekas Penguasa Penempatan Kusta Sungai Buluh, 54 tahun. Jeneral Dohiwara melawat kami pada pukul 9.30 pagi. Dia berumur antara 65 – 70 tahun, dan tidak memperdulikan orang tawanan yang terpilih khas. Tugas harian diberhentikan sama sekali sempena lawatannya. Sememangnya, dia seorang tokoh terkenal dalam sejarah Jepun.
- 30 Bisul yang timbul semuanya semakin sembuh. Ada berita yang tidak sah tersebar rancak – Ymuiden di Holland, Emden dan Breslau di Jerman dan Yap di Pasifik, tetapi berita lebih lanjut tidak diketahui. Baca *Ancestry of the Bible Price*.

#### Julai

- 1 Baca *The Fortress* Hugh Walpole. Laporan bom di Butterworth dan Alor Star, di utara Tanah Melayu.
- 2 Hockenull (Polis) pulang dari Singapura selepas lima minggu dalam tangan Kempitai. Kami disuruh menggali lubang terbuka kerana kemungkinan serangan udara yang tidak sahaja atas Singapura, bahkan kami juga.
- 3 Lagi khabar angin bahawa Alor Setar, Kulim dan Pulau Pinang telah kena bom. Dua orang tawanan lagi mati: C. Malet dan Peters, 53 tahun, seorang pelombong di Yala. Peters inilah yang melepaskan diri daripada pembunuhan beramai-ramai di Yala, Siam dan dia juga merupakan mangsa pertama serangan penyakit tifus di dalam kem ini.
- 4 Ada orang nampak beberapa mayat Cina bergelimpangan di atas kubur. Bekalan beras untuk tiga bulan baru diangkut ke mari.

- 5 Ada laporan tentang pendaratan Pihak Bersekutu di Yan dan di Tumpah Tuan, di utara Sungai Petani, Kedah. Saya memuktakan untuk menyertai semula Jack Draper untuk menjadi penebas lalang yang tetap. Jerman dilaporkan mencipta sejenis roket dinamit yang baru.
- 6 Ada sebuah gambar dalam akhbar Jepun tempatan menunjukkan upacara jenazah "seorang juruterbang British" yang ditembak jatuh di Butterworth.
- 7 Seorang pegawai Sikh dilaporkan berkata bahawa pertempuran sengit berlaku di utara Tanah Melayu. Kesemua kumpulan penebas lalang dimestikan basuh dengan *izal* sebelum dan selepas bekerja. Kami bertinggung bogel dalam tab atau takungan yang penuh dengan *izal*. Cara begini dapat membunuh kutu yang membawa kuman tifus.
- 8 Jepun dikatakan menanam periuk api di pangkalan laut dan khabar angin liar tentang tentera Pihak Bersekutu telah menawan Alor Star setelah bertempur selama 40 jam. Jepun menjalani latihan malam di padang golf dekat kem kami. Enam orang pengawal Sikh dikatakan cabut lari. Kacang tanah kini digunakan untuk mengganti beras bersih yang dibubuh dalam kanji.
- 9 Lagi pertempuran sengit dilaporkan di utara Tanah Melayu atau Kedah. Bersyukur kerana dapat makanan tambahan yang diberi oleh rakan-rakan lain, justeru itu hari ini dapat makan baik. Baca *World Crisis Vol. III* Churchill.
- 10 Dengan tidak sengaja saya terjumpa kubur Prebet Fiddeman, Rejimen Cambridgeshire, dalam kawasan lalang di sebelah hospital sana.
- 11 Berat badan saya kini 12 ston  $13\frac{1}{4}$  paun, bertambah  $2\frac{1}{4}$  paun daripada sebulan dahulu. Baca sebuah buku Penguin: *Science in War*.
- 12 Kami masih menggali lubang perlindungan serangan udara di sekeliling pondok. Lagi khabar angin tidak menentu tentang pertempuran dekat Butterworth dan kehadiran Angkatan Laut British di Pulau Pinang! Ini diikuti dengan perpindahan beramai-ramai dari pulau itu sendiri. Seorang pengawal Sikh

dilaporkan berkata "banyak bagus sekarang" tentang berita itu. Tujuh orang mangsa Kempitai dibenarkan pulang dari Singapura atau Hospital Miyako. Mereka ialah Burns, Blakstedt, Goodall, Travis, Hebditch, Day dan Dr. Jelani. Baca *The Last Days of Paris Worth*.

- 13 Ada amaran serangan udara kira-kira pukul 9.50 malam dan sekali lagi pada pukul 11.50 malam tadi, dan pengawal-pengawal Jepun dikatakan mencabar semua motokar yang melalui jalan di luar kem. Seluruh kem tidak pasti sama ada ini merupakan perkara yang benar atau sebagai latihan. Kami dilarang oleh Jepun berbincang hal peperangan tetapi yang pasti ialah sebanyak 1500 guni beras dibawa masuk ke mari dan 400 orang kami akan dihantar ke Dunearn Road untuk mencabut perdu pokok, tapaknya dijadikan kawasan untuk bercucuk tanam.
- 14 Lagi berita yang memeranjatkan ialah Jepun mahu kami bekerja selama 5 jam sehari, iaitu dari pukul 9.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 2.30 petang hingga 5.00 petang dengan 1½ jam rehat untuk minum teh. Kalau tidak, catuan makan kami akan dipotong. Akhbar tempatan dikatakan membuat laporan tentang dua buah kapal terbang yang tidak dikenali berada di ruang angkasa Singapura pada malam tadi.
- 15 Saya jumpa kubur H.H. Sturt dalam lalang; tetapi Sturt dikatakan berada di Palembang, dan teori lainnya mengatakan seorang tentera memakai pakaian Sturt dan ditembak kerana berpakaian orang awam. Blakstedth (Kastam) yang baru pulang dari tahanan Kempitai dikatakan beratnya cuma 5 ston 8 paun! Lagi sebanyak 8500 pucuk surat bertarih Disember 1943 tiba. Baca *Tales from Chaucer*.
- 16 Jepun dikatakan kehilangan 75% angkatan lautnya dalam usaha untuk merampas semula Kepulauan Bonin.
- 17 Hari ini merupakan hari pertama tambahan masa bekerja. Mayat Coulson, bekas Jurutera Air Perbandaran, dibawa balik ke kem oleh Polis Tentera. Semua doktor diarahkan memeriksa punca kematian sebelum dikebumikan selepas upacara sembahyang di dalam kem. Apa yang mengerikan kami semua bahawa mendiang seorang yang tingginya enam kaki tetapi

mayatnya kembali dalam keranda cuma sepanjang 4 kaki 6 inci.

- 18 Wilmott, 44 tahun, dan bekas anggota pasukan Jack Draper, mati akibat tifus dan malaria. Dilaporkan Devonshire (Polis) mati lemas di atas kapal dalam pelayaran dari India ke Afrika Selatan. Berat badan saya kini 12 ston 13 paun, susut  $\frac{3}{4}$  paun daripada timbangan dahulu.
- 19 Akhbar Jepun melaporkan musuh berada cuma 500 batu dari Singapura tetapi tidak menyebut di mana! Kesemua lalang akan dibakar, agaknya untuk mengurangkan penyakit tifus.
- 20 Leftenan Suzuki dan Tominara dikatakan telah pergi ke Kuala Lumpur kerana "bercuti". Akibat daripada larangan Dr. Williams supaya tidak menyentuh lalang sama sekali, 'Patchy' Green dan Hunter, yang baru menyertai tugas menebas lalang, meletak jawatan. Amaran ini bercanggah dengan nasihat Dr. Faris, Pegawai Kesihatan Kem, yang menegaskan tentang keberkesanan ubat *izal*. Seorang lagi yang bekerja menebas lalang, Tony Mason, bagaimanapun telah dijangkiti tifus. Jeneral mengeluarkan pandangan peribadinya kepada kami - dia tidak pernah pulang ke rumah selama tujuh tahun - tidak menerima surat dari rumah selama tiga bulan (barangkali kerana gangguan kapal selam kami). Gerhana penuh matahari kelihatan di Burma dan penghidupan secara umum di luar penjara semakin sengit!
- 21 Lagi kematian akibat demam tifus, iaitu Perrin, peladang dari Kulim, 53 tahun, yang bertugas di kebun; demikian juga Peters. Kumpulan Draper kini cuma bekerja pada waktu pagi, dan mereka dilengkapi dengan baju dan seluar panjang yang diadakan oleh pihak kem untuk berlindung daripada wabak penyakit.<sup>181</sup> Jeneral meminta para tawanan berkongsi pakaian di kalangan mereka yang tiada pakaian.
- 22 Kami baru diberi seluar panjang untuk dipakai ketika menebas lalang. Kami juga tidak bekerja sebelah tengah hari. Jerman dikatakan sedang berada di ambang kejatuhan.

<sup>181</sup> Kebanyakan orang tawanan memakai cawat atau sehelai kain tiga segi yang sudah pasti tidak terlindung daripada kutu tifus.



- 23 Seorang budak lelaki berusia 12 tahun, bernama Hodges, mati kerana lemah jantung; dan Moore, 65 tahun, seorang penghuni Pondok Orang Tua, juga mati akibat tifus. Khabar angin tentang cubaan membunuh Hitler baru-baru ini dan perletakan jawatan Perdana Menteri Tojo.
- 24 Kasihan Hugie Fraser dan Alan Ker dihantar pulang ke kem oleh Kempitai dalam keadaan separuh nyawa. Fraser mempunyai harapan tipis untuk pulih, kerana menghidap barah di kepala dan punggung sebesar 4 – 6 inci persegi, dan dia juga menghidap beri-beri, berak darah dan kelaparan. Seekor tikus dijumpai di dalam kotak kepunyaan orang tua, Moore, yang meninggal baru-baru ini akibat tifus.
- 25 Hugie Fraser dikatakan beransur sembuh, tetapi masih tidak sedarkan diri. Kami diberitahu, krisis di Jepun mengakibatkan terbentuknya sebuah kementerian baru.
- 26 Hari jadi saya yang ke-40. Kasihan Hugie mati pada jam 7.45 malam tadi.<sup>182</sup> Dia hanya sedar sebentar sebelum meninggal dunia. Saya hadir dalam sembahyang jenazah pada pukul 9.00 pagi, bersama-sama penghuni lainnya seramai 1500 orang. Satu perkara tidak diingini berlaku apabila seorang pengawal Sikh mengganggu upacara sembahyang ketika lima minit lagi akan selesai (atas perintah seorang Jepun); mereka masuk ke dalam gereja dan mengarahkan kesemua wanita yang hadir supaya keluar. "Kawasan kami" mencadangkan nota bantahan kepada jeneral kerana layanan buruk dilakukan ke atas orang tawanan. Baca *The Fortress* Walpole dan *Dr. Jekyll and Mr. Hyde* Stevenson.
- 27 Saya ternampak lima ekor tikus ketika menebas lalang di Kawasan 'C' hariini. Baca *On Education* Bertrand Russell.
- 28 Berita terbaru ialah kami akan berpindah ke sebuah kem

182 Hugie Fraser adalah seorang yang berjaya dalam Perkhidmatan Awam Tanah Melayu. Ketika pecah perang, dia menyandang jawatan kanan sebagai Setiausaha Persekutuan, FMS di Kuala Lumpur, sehingga dipindahkan ke Singapura untuk mengganti Stanley Jones sebagai Setiausaha Tanah Jajahan, Negeri-negeri Selat, pada pertengahan Januari 1942. Dia mengiringi Brigedier Newbiggin sebagai tugasnya pada pagi kekalahan pada 15 Februari, untuk melakukan perhubungan pertama dengan musuh bagi membolehkan pertemuan berlangsung lewat pada hari yang sama.

baru di Tanjung Rambutan, Perak. Ini selaras dengan peraturan Konvensyen Geneva.

- 29 Jeneral membuat lawatan ke kem dan "tertarik" dengan keadaan dan parut pada Blakstedt, yang pernah menjadi mangsa Kempitai.
- 30 Surat-surat bertarikh bulan Mac 1944 tiba di kem tetapi Tomimara enggan menapis. Lantaran itu kami tidak boleh menerimanya. Baca *World Crisis*, Jilid 11 (1915); juga *The Runagates Club* Buchan.
- 31 Undang-undang Tentera diisytiharkan di Berlin apabila pergaduhan antara puak Nazi dan tentera tercetus. Kami dibenarkan mengirim poskad keempat mengandungi 25 patah perkataan pada 10 Ogos.

#### Ogos

- 1 Ada pengawal baru di pintu masuk ke Kawasan Wanita: seorang budak Melayu berumur kira-kira 16 tahun. Ada berlaku kekacauan di Dunearn Road kerana sayuran telah dicuri orang dari kebun sayur Cina.
- 2 Dilaporkan Kepulauan Sprately telah tertawan. Puan Attias, ibu kepada Attias, Raffles Hotel, meninggal dunia di Kem Wanita.
- 3 Lyons, bekas tuan punya London Hotel, Pulau Pinang, mati di sini. Mereka mengatakan Trier di Rhineland dalam negeri Jerman, telah tertawan.
- 4 Berbagai-bagai khabar angin terbaru tersebar luas, sama ada benar atau tidak, kurang pasti. Jemaah menteri Jepun yang baru berbincang tentang keamanan sedunia; Hitler mati; Jerman jatuh; tentera British menawan Dusseldorf.
- 5 Kegemparan palsu berlaku malam tadi kerana ketibaan 20 orang Kempitai ke kem kami. Baca *Georgian Adventure* Jerrold.
- 6 Kaum wanita disuruh menyediakan lima buah kubur untuk "tujuan Perlindungan Serangan Udara (A.R.P.)". Baca *Jeremy at Crale* Waldpole dan juga *Adventures in Siam in the 17th Century* Hutchinson.

- 7 Laporan menyebut Jerman mengirim duta ke Sweden dan Portugal untuk memohon damai.
  - 8 Beberapa kes penyakit otak dan batuk kering dihantar pulang ke kem dari Hospital Miyako. Seorang yang menghidap penyakit otak bernama Edlin. Lagi laporan tentang Jerman berusaha untuk berdamai.
  - 9 Laporan menyebut Laksamana Cunningham telah menawan Pelabuhan Belawan-Deli di Sumatera. Baca *Scenes from Clerical Life* George Eliot dan *Blind Man's House* Hugh Walpole.
  - 10 Lagi khabar angin tentang tamatnya pertempuran di Eropah Barat pada 1 Ogos dan Eropah Timur pada 6 Ogos.
  - 11 Moncur (dari pejabat kami) mati di sini akibat barah paru-paru. Saya merupakan salah seorang daripada 150 orang ikut bersembahyang jenazah. Seorang pengawal Jepun yang sedang bertugas dikatakan telah berkata: "Tokio tak mau lawan lagi".
  - 12 Kematian "Lord Haw-Haw"<sup>183</sup> dilaporkan. Kami sekali lagi mendapat semboyan amaran A.R.P pada malam tadi dan mulai curiga tentang khabar angin perdamaian. Baca *The Martyrdom of Man* Reade.
  - 13 Kami jadi gempar sekali lagi dengan lawatan Kempitai hari ini, tetapi rupanya seorang pengawal Jepun mabuk yang bermaharajalela menempeleng orang lain.
  - 14 Jepun memperkenalkan kadar upah baru: juruteknik mendapat 40 – 45 sen, pekerja berat 35 sen, pekerja ringan 25 sen sehari.
  - 15 Kini kami telah genap menjalani tawanan selama 2½ tahun. Seorang tua bernama Anderson dari Borneo mati di sini. Saya menerima sepucuk lagi poskad bertarikh 14 November 1943 dari Salisbury. Khabar angin menyebut Angkatan Laut
- 
- 183 Adalah tidak benar. Nama sebenar Lord Haw-Haw ialah William Joyce, orang Irish lahir di New York dan anak kepada seorang warganegara Amerika. Dia tidak pernah mendapat kerakyatan British, tetapi tidak bermakna dia boleh terlepas daripada tangkapan dan dihukum bunuh sebagai seorang pembelot apabila dia didakwa selepas perang. Kerajaan British membuktikan bahawa Joyce memiliki pasport British dan menjadi juruhebah bagi pihak Jerman dalam tempoh dia memegang pasport British.

Amerika kini berada di Selat Tsushima tetapi tidak mungkin begitu. Selepas bisul yang ke-17 sehingga kini, nampaknya lenyap sama sekali semuanya.

- 16 Jepun kini mengarahkan sebatang jalan baru dibina ke kem menerusi kebun selatan dan ladang ternak babi. Malam ini hujan.
- 17 Makanan kami kembali kurang dan kami cukup lapar selama tiga hari. Catuan kami mengikut kiraan pain: Sarapan 1 ¼ pain, Makan tengah hari 1, ¼, ½ pain, teh 1, ¼, ¼ pain sahaja. Baca *Testament of Friendship* Vera Brittain.
- 18 Laporan menyatakan Palembang di Sumatera kena bom dan serangan ke atas Singapura sudah pasti. Kami diberitahu supaya berhati-hati tentang pengintip!
- 19 Saya menerima sepucuk surat daripada ibu saya bertarikh 12 Ogos 1943, demikian juga John menerima surat bertarikh yang sama. Puan Savage-Bailey, ibu kepada Dulcie (Gray), dilaporkan terbunuh atau mati.
- 20 Lengan kiri saya terasa sakit kerana menebasalang yang mengakibatkan darah beku, sekalipun saya hanya menggunakan tangan kanan memegang sabit.
- 21 Seorang Serani, Fyfee, penghidap kencing manis telah dipotong kakinya. Saya berbual dengan Dr. Jones, seorang pesakit otak yang baru datang dari Hospital Miyako. Dia datang dari Kulim dan masih ingat menaiki kereta api ke Kuala Lumpur empat tahun dahulu. Isteri dan dua orang anaknya selamat berada di India, tetapi fikirannya nampak tertekan serta sanggup melakukan pembunuhan semenjak mereka berpisah. Dia berasal dari Cardiff.
- 22 Semua bank Jepun di Singapura dikatakan telah ditutup. Lubang berlindung A.R.P. telah digali untuk lori dalam kem.
- 23 Jepun mengaku Palembang kena bom dan mengatakan kapal terbang itu datang dari Colombo. Baca *Victory* Conrad.
- 24 Siren sekali lagi berbunyi pada pukul 10.45 pagi dan amaran ini mungkin sah. Jepun berlatih menembak mesingan di padang golf sepanjang malam tadi dan perintah dikeluarkan supaya

menggali telaga di seluruh kem. Sementara itu latihan A.R.P. di Singapura berlangsung di seluruh bandaraya, dan kubu, guni pasir serta batas ban ternyata sebagai bukti, begitulah kami dimaklumkan.

- 25 Baca *Anthony* Lord Lytton (iaitu Lord Knebworth, anaknya). Ada laporan mengatakan pendaratan di Bencoolen, Sumatera dan lagi kerap operasi sebelah malam di Singapura.
- 26 Jeneral masih enggan membaiki keadaan orang tawanan di Singapura dan ini termasuklah Puan Nixon. Makanan bernilai \$54 000.00 (dan termasuk terompah kayu!) tiba dari Palang Merah Vatican tetapi disebabkan harga barang melambung naik, maka kuantiti barang-barang itu tidaklah banyak. Khabar angin menyebut Jepun telah meninggalkan Medan di Sumatera. Seorang jurutera samudera bernama Dangerfield, 62 tahun, mati di sini.
- 27 Kegiatan haram berhubung dengan raja pasar gelap yang menyertai jenazah untuk mengebumikan mayat di Singapura, terdedah. Apa yang disebut "orang berkabung" mendapat barang-barang bernilai sebanyak \$2000.00 pada setiap perjalanan jenazah, "barang curian" disembunyikan dalam keranda kosong yang sama digunakan kini bagi setiap pengebumian. Difahamkan ada semacam giliran bagi mereka yang sanggup membawa keranda itu keluar. Si kerdil Jepun akan mengiringi mereka dan dia dikenali sebagai "Penunggang Maut".
- 28 Orang Serani, penghidap kencing manis yang kakinya dipotong, 40 tahun, mati. Selain menghidap kencing manis, sebatang paku karat tertikam di kakinya. Baca *Rogue Herries* Waldpole dan *Jesus of Nazereth* Barton (sebuah buku Amerika).
- 29 Acara panggilan nama akan berlangsung esok dalam pondok kami. Mujur tiada tugas kerana kedudukan makanan makin teruk.
- 30 Jerman dikatakan bertempur di jalan-jalan raya dalam kota Paris. Acara panggilan nama berjalan baik tanpa sebarang peristiwa.
- 31 "Patchy" Green bekerja di Dunearn Road dan dengan murah

hati membawa pulang  $\frac{1}{2}$  paun gula melaka dan 50 batang cerut untuk saya, dan Phear dengan ikhlas memberi saya sehelai selimut. Gula melaka itu kami makan pada petang itu juga!

### September

- 1 Dilaporkan Paris jatuh ke tangan Pihak Bersekutu. Dua pucuk poskad yang tiba dari England meramalkan mereka yang berumur 40 ke atas akan dipulangkan dalam bulan ini! Kami dapat dua ketul kuih tepung tiap-tiap seorang hari ini.
- 2 Seorang wanita tua, Puan Baker, 62 tahun, mati dalam Kem Wanita. Empat ekor babi dibunuh dari ladang ternakan babi untuk hidangan kami. Siren A.R.P. terdengar lagi. Kami dapat 1 auns madu tiap seorang. Dua orang penghuni pondok kami bernama Paley (seorang "Budak Asia") dan Crook menganjurkan minuman teh secara haram ketika bertugas di Dunearn Road. Rumania dan Bulgaria dikatakan bangun memberontak menentang Pakatan Axis. Baca *Selected Stories* Saki. Dua das tembakan dilepaskan ke arah Jeneral De Gaulle, pemimpin Perancis Bebas, oleh seorang yang tidak dikenali.
- 3 Ulang tahun kelima pecah perang hari ini. Kami mendapat makan jem 1 paun 8 auns. Kami diberi suntikan pertama tifus, jadi saya berehat daripada menjalankan tugas esok. Saya mendapat lagi bisul ke-19 di buntut.
- 4 Salah seorang pekerja mengangkut beras bertemu dengan seramai 1500 orang Orang Tawanan Perang di limbungan. Mereka adalah di antara yang masih selamat selepas bekerja di sempadan Siam dan ramai menghidap berak darah. Mereka berserta dengan 500 orang Jepun yang cedera dikatakan akan berlepas ke negeri Jepun dalam dua buah kapal. Orang Tawanan Perang itu terdiri daripada anggota Argyles dan Gordon. Empat orang tawanan kami ditangkap kerana mencuri gula Melaka daripada rumah setinggan miskin.
- 5 Pasukan bertugas di Dunearn Road dihadkan kepada 100 orang pada sebelah pagi dan 100 orang tengah hari, sementara Paley dan Crook dilarang menyertai pasukan itu. Gow, salah seorang daripada enam pemandu lori mayat, dan pada mula-

nya dihukum dua tahun dalam kurungan, tiba di kem kami. Sementara lima orang lagi, tiga orang telah mati dan seorang hilang. Baca *The Bright Pavilions* Walpole.

- 6 Harris, bekas pegawai penjara, dipukul oleh "Puss in Boots" hari ini kerana mengganggunya "menghukum" beberapa gadis Serani (termasuk Puan Beggs). "Puss ini Boots" mendera mereka dengan berdiri lutut dan salah seorang daripada mereka adalah anak gadis Harris.
- 7 Hari ini hujan lebat dan menjadikan segala-galanya becak. Seorang pegawai British yang ditemui di bandar ketika menjalankan tugas memberitahu, katanya, sedikit sekali peristiwa yang berlaku sama ada di Burma atau Siam (sekalipun khabar angin amat rancak kami dengar), tetapi Mountbatten mengawasi Jalan Burma. Beberapa kawat Palang Merah, bertarih Ogos 1944, telah diterima dan setengah daripadanya menunjukkan bahawa kami mungkin akan berada di rumah masing-masing pada Hari Krismas ini. Kami kini diberi "beras kargo", apabila mendapat bekalan. Lagi khabar angin menyebut Jeneral Percival telah dibawa balik ke Singapura dan Formosa.
- 8 Seorang kapten kapal yang tua, bernama Milne, 75 tahun, mati dengan tiba-tiba pada waktu minum teh. Holmes, bekas jurutera air dari Pulau Pinang, telah ditimpa sebatang pokok besar di Dunearn Road mengakibatkan pahanya terkoyak. Dia berusia 55. Kata mereka, Jerman telah tersingkir keluar dari Perancis.
- 9 Ada orang kini memakan biji getah untuk menambah protein. Seorang doktor berkata, seseorang yang memakannya sebanyak lapan biji sehari tidak mendapat sebarang kesan penyakit. Sebatang gigi saya dicabut. Baca *Judith Paris* Walpole.
- 10 Ada berita menggembirakan, kiranya benar, ialah Jerman kini telah terhalau keluar dari Perancis dan Belgium. Kami mendapat suntikan kedua.
- 11 Kedua-dua Puan Shelton-Palmer dan Puan Graham-White (isteri kepada Archdeacon) sakit tenat di dalam Kem Wanita. Pihak Bersekutu kini telah tiba ke perbatasan Jerman, kami dimaklumkan.

- 12 Ada dua kes tifus yang disyaki selama enam minggu, seorang daripadanya Hannay dari Ipoh. Tominara meminta Morris, seorang pemandu lori, menunjukkan keadaan pertempuran di Eropah atas sebuah peta. Morris dengan bijaknya telah menafikan maklumat kedudukan sebenar mengenainya. Aherne, dari kapal *S.S. Hauraki*, 41 tahun, mati akibat berak darah. dia adalah seorang ahli lawak pentas kem, tetapi daripada segala laporan tidak menunjukkan adanya sebarang usaha untuk menyelamatkan nyawanya.
- 13 Pertanyaan Tominara kepada Morris adalah hasil perbincangan yang berlangsung pada malam sebelumnya antara Kobiashi (yang mabuk) dengan Morris tentang kedudukan peperangan. Dilaporkan Pihak Bersekutu kini telah tiba ke Coblenz di Rhine. Baca *Harmer John Walpole*. Lagi perbincangan tentang pemulangan orang tawanan pada akhir tahun ini.
- 14 Jepun membatalkan rancangan untuk meratakan tanah di puncak bukit berhampiran ladang ternak babi dan kini bercakap untuk mengadakan batas ban setinggi  $1\frac{1}{4}$  meter. Khabar angin mengatakan Rusia kini telah tiba di Frankfurt-on-Order. Puan Shelton-Palmer, lama menghidap batuk kering, mati di dalam Kem Wanita.
- 15 Jepun kini mendesak semua kerja berat dijalankan pada pukul 9.00 pagi – 12 tengah hari dan 2.00 – 5.00 petang, iaitu 6 jam. Mujur bagi kami, kerja menebas lalang akan berterusan hanya pada waktu pagi mulai jam 9.00 pagi hingga 12.30 tengah hari. Ada skandal kecil berlaku di hospital dengan hilangnya 60 paun gula. Ada perselisihan pendapat antara Dr. Glyn Evans dan Jawatankuasa Kem tentang Laporan Hospital Worley.
- 16 Lagi berita tentang kejatuhan Jerman yang sudah pasti dan kepulangan kami pada akhir tahun ini. Kami dengar ada seorang di dalam kem kami memakan siput mentah serta memotong semut kerengga untuk dijadikan makanan! Saya buat perhubungan dengan Fred dan bertukar-tukar cerut dengan makanan. Baca *The Great Victorians* Massingham. Lagi khabar angin liar iaitu Berlin diisytiharkan Bandaraya Terbuka; kerajaan Jerman berpindah ke Weimar dan Angkatan Laut British berada di Baltik.



- 17 Seorang wakil baru kami dipilih, namanya Collinge, yang menewaskan Dr. Glyn Evans dengan 90 undi. Dimaklumkan, kesemua kampung di Johor kini di kelilingi pagar tinggi. Baca *Philosophy and Living*, Jil. 1 Stapledon.
- 18 Seorang Jepun disebut sebagai berkata: "Jerman sudah habis."
- 19 Jepun dikatakan cuba menyamarkan sebahagian daripada Singapura. Baca *Mr. Perrin and Mr. Trial* Walpole.
- 20 Dilaporkan Pihak Bersekutu kini melanggar Ruhur dan kawasan utara Rhineland. Lagi siren berbunyi pada pukul 12.30 tengah hari kelmarin. Lagi perbincangan tentang kepulangan kami dalam tiga buah kapal Jepun.
- 21 Perry (Boustead 7 Co) dihantar pulang dalam keadaan tidak sedar diri atas sebuah usungan tanpa selimut. Saya baharu dapat tahu bahawa Perry telah mati. Saya mengenalnya sebagai seorang pemain ragbi dan bersedih sekali dengan kematiannya. Dia berusia 40 tahun dan berada dalam tangan Kempitai selama 11 bulan, lalu mati akibat penyakit biasa iaitu berak darah, beri-beri dan sebagainya. Saya hadir dalam upacara sembahyang jenazah dan terperanjat kerana Tominara juga turut hadir. Menurut khabar angin, Goering masih berada di Berlin dan tidak berpindah ke Weimar untuk membolehkan dia melayani Pihak Bersekutu. Kami berempat iaitu "Patchy" Green, Horace Hunter, Garcia dan saya sendiri mengambil keputusan untuk mengerjakan kebun sendiri dekat pondok kami.
- 22 Laporan terakhir menyebut bahawa pertempuran kini di Aachen, Eropah Barat dan di Warsaw, Eropah Timur. Baca *Twelve against the Gods* Bolitho.
- 23 Hujan amat lebat, dan menghalang saya daripada bertemu Fred untuk bertukar-tukar cerut. Tugas pada hari minggu bermula jam 9.30 pagi, bukan 9.00 pagi.
- 24 Kami mengadakan pemilihan wakil pondok dan Human meraih 69 undi sementara Lewis (Sime Darby & Co) 39 undi. Baca *South Riding* Winifred Holtby.
- 25 Kematian Alen Ker, yang baru pulang dari tahanan Kempitai dengan Hugie Fraser, dua bulan dahulu. Dia men-

dapat jangkitan batuk kering dan mati dengan tiba-tiba ketika sedang makan tengah hari. Jerman dikatakan berundur ke garisan Sungai Weser di Medan Perang Timur.

- 26 Lagi khabar angin kekalahan Jerman dan ramai di sini bersedia untuk mempercayainya.
- 27 Kematian Tovey, 21 tahun, pernah menjadi pelayan hospital. Dia mati akibat berak darah dan mungkin berjangkit daripada seorang pesakit yang mati baharu-baharu ini. Sanderson, orang kedua dalam Syarikat Emas Raub, dibawa pergi oleh Kempitai. Sebahagian Angkatan Laut British di Mediterranean sedang bergerak menuju ke Timur Jauh.
- 28 Kebimbangan wabak berak darah di kalangan orang tawanan akibat beberapa kematian baru-baru ini. Sanderson dikembalikan oleh Kempitai. Mula mencurigai kebenaran khabar angin tentang kedudukan di Eropah.
- 29 Seorang pengawal Sikh memberitahu beberapa orang tukang kebun bahawa perang di Eropah telah tamat! Kami diberi suntikan lagi.
- 30 Semua penghuni kem akan ditimbang pada setiap bulan, menurut arahan Jepun. Hockenhull (Polis) dikurung di dalam lokap Bilik Pengawal kerana berasmara dengan seorang wanita berambut perang di dalam Kem Wanita. Berat saya kini ialah 12 ston 11 paun, kurang 2 paun. Tinggi saya ialah 6' 1 ¼, susut ¼". Sejumlah 14 perutusan melalui radio diterima di dalam kem dan antaranya sudah lewat seminggu.

### Oktober

- 1 Baca *Mussolini's Roman Empire* Garratt, *The World in which Jesus Lived* Mathew dan *Middle East* Morton. Seorang Serani bernama Glendinning, 74 tahun, mati di sini.
- 2 Kumpulan petugas lalang Jack Draper dibenarkan semula menebas lalang di dalam Kem Wanita. T.P Coe, bekas Ketua Pos dan Telegraf, mendapat serangan sawan dengan tiba-tiba. Lagi khabar angin mendakwa pendaratan di Jawa dan juga di Formosa, Amoy dan Swatow.

- 3 Dicapangkan makanan tambahan patut diberi kepada ahli cangkul yang bekerja pada waktu pagi dan tengah hari (iaitu enam jam) di kawasan Dunearn Road.
- 4 Dikatakan sebuah Parti Keamanan kini wujud di Jepun. Lagi kekurangan air yang paling teruk. Bekalan air kami dipotong sehingga dua pertiga.
- 5 Kami dibenarkan mengirim poskad mengandungi 25 patah perkataan pada 15 Oktober. Kami akan menebas lalang di Kem Wanita esok.
- 6 Long, salah seorang pemandu kami, dikembalikan oleh Kempitai dalam sebuah usungan. Keadaannya tidaklah seburuk Perry sungguhpun dia menghidap penyakit bengkak-bengkak badan, tetapi dipercayai kerana usianya yang muda menyebabkan dia dapat melawan penyakit itu. Baca *The Quest for Corvo* Symon.
- 7 Mereka yang ditahan di Singapura dikatakan dalam keadaan yang teruk, sungguhpun cuma Coulson yang dihukum dan mati beberapa jam kemudian. Makanan yang diberi kepada Cherry, Middlebrook dan Earle semata-mata ubi kayu; mereka kini ditahan di dalam Penjara Outram Road. Penyeksaan yang paling digemari oleh Kempitai ialah mendera orang tawanan dengan berdiri lutut di atas kawat berduri sementara kedua kaki diikat pada sebuah tangga dengan kepala direndam ke dalam sebuah timba yang berisi air.
- 8 Dengan membayar \$7.00 saya berjaya mendapat empat auns gula melaka dan  $\frac{1}{5}$  kati kopi daripada pekerja di Dunearn Road. Saya berikan kopi itu kepada saudara saya John.
- 9 Baca *Israel's Religious Development* Oxtoby dan *Republic* (dalam edisi Everyman) Plato.
- 10 Hari ini ialah ulang tahun "Double Tenth". Dilaporkan Perkhidmatan Kawalan Kampung dan A.R.P di United Kingdom telah dimansuhkan. Satu kumpulan yang mencuri 35 paun ubi kentang dan 5 paun cili dalam kebun sayur, telah ditangkap.
- 11 Poskad kami yang bertarikh 15 Oktober telah diserahkan untuk dikirim seterusnya kepada keluarga kami. Tomimara menyepak muka salah seorang penghuni pondok kami, ber-

nama Spragg, kerana bersiul lagu *Madame Butterfly*. Seorang tua bernama Kennedy, 74 tahun, mati. Perempuan simpanannya berbangsa Jepun bekerja di Yorkshire Hotel di Ipoh.

- 12 Baca dua buah buku Conrad: *The End of the Tether* dan *Heart of Darkness*. Dr. 'D' dituduh mencuri gula di hospital, telah dibicarakan oleh mahkamah kem. Hakimnya benar-benar seorang pengadil (Moore), sementara Phear (Kastam) salah seorang pengapit hakim. Kedua-dua pembela dan pendakwa rasmi adalah berkelayakan undang-undang.
- 13 Semua pondok yang berhampiran dengan Kem Wanita dijadikan kawasan larangan. Baca *Beaten Tracks* McCallum Scott, sebuah buku pengembaraan.
- 14 Kebun sebelah selatan dijadikan kawasan larangan mulai jam 8.00 malam hingga 8.00 pagi, justeru itu sukar bagi saya membuat perhubungan dengan Fred pada waktu ini untuk bertukar-tukar cerut.
- 15 Peters, bekas staf kereta api FMS, 50 tahun, mati akibat penyakit busung dan berak darah. Lagi kekurangan air dan kami semuanya tidak boleh mandi lebih daripada sekali dalam sehari.
- 16 Ada empat kes tifus dan beberapa kes berak darah di hospital hari ini.
- 17 Jepun menjalankan latihan A.R.P. dan membunyikan siren. Seorang Yahudi bernama Solomon Jonah mati berak darah. Ada berita tentang Formosa, tetapi butir berita tidak diketahui.
- 18 Berat badan saya kini 12 ston 8 paun, paling susut. Middlebrook, pegawai kadet Cina dalam Perkhidmatan Awam Tanah Melayu (MCS), dikembalikan oleh Kempitai. Berat badannya cuma 57 paun (bagi seorang yang setinggi 6 kaki) dan diusung pulang ke kem. Dia dikatakan mempunyai harapan tipis untuk sembuh. Baca *British Agriculture* Astor dan Rowntree.
- 19 Middlebrook mati dalam tidur. Sebelum menghembus nafas terakhir, dia dapat bercakap-cakap selama 10 minit dengan Fleming (MCS) kemudian terus lena. Seorang lagi tawanan bernama Parker mati. Dia tidak pernah pulih daripada kesan

tandangan dan seminggu didera lapar akibat peristiwa di stor beras! Saya mengambil rehat kerana badan terasa letih. Saya menerima sepucuk poskad 25 perkataan daripada ibu saya yang memberitahu bahawa bapa saudara saya Stephen telah meninggal dunia pada Hari Krismas 1943. Baca semula *In the Steps of the Master Morton*.

- 20 Garcia genap 38 tahun. Jadi, kami buka setin kecil mentega keju, 3¼ auns untuk tiga orang! Baca *Dr. Bradley Remembers Brett-Young*.
- 21 Siren berkali-kali dibunyikan malam tadi dan pagi ini. Lori penuh bermuat dengan Jepun bergerak sana sini.
- 22 Saya membuat tukaran barang dengan Fred. Lagi khabar angin tentang pendaratan di Sumatera dan Formosa.
- 23 Jepun kini mengarahkan supaya pagar papan atau pagar kayu runcing dibina antara kem kami dengan jalan raya dan kami diugut dengan hukuman mati sekiranya membuat perhubungan dengan dunia luar. Baca *Carduroy* Adrian Bell.
- 24 Lagi laporan tentang kejatuhan Jawa dan Formosa ke tangan kami dan seramai 80 000 orang kami mendarat di Sumatera. Hujan cukup lebat hari ini dan kebun kami banjir. Hentaman petir menyebabkan halaman dekat pondok kami, No. 131, berlubang. Lagi empat orang mangsa Kempitai dikembalikan ke kem dalam sebuah lori terbuka. Mereka adalah Dr. Bowyer, Earle, Cherry dan Penseler. Tiga nama terakhir dalam keadaan teruk. Osborne, 52 tahun, mati kerana ketumbuhan dan radang sendi.
- 25 Dianggarkan seramai lapan orang lelaki dan seorang wanita masih berada dalam tangan Kempitai. Jepun kini mahukan pagar papan dibina mengelilingi keseluruhan kem. Sebuah buku rampaian di Singapura kini berharga \$8.00 kerana \$1.00 kini bernilai 1 sen sahaja.
- 26 Tulang dan but tiga orang tentera British digali dalam kebun sebelah selatan. Malang sungguh bagi Rendle, (MCS), mayatnya dibawa balik dalam sebuah keranda kecil dari Kempitai. Saya sendiri yakin tingginya yang biasa melebihi 6 kaki. Berat badannya cuma 56 paun dan berusia kira-kira 46 tahun.

- 27 Saya hadir dalam upacara sembahyang jenazah untuk Rendle yang dikendalikan oleh Bishop pada pukul 10.00 pagi. Lagi berita serangan oleh pasukan kami di Kepulauan Nicobar di Lautan Hindi.
- 28 Saya berehat hari ini kerana rasa kurang sihat. Kempitai datang lagi, dan memindahkan Cherry, yang sedang sakit tenat dalam sebuah usungan dari hospital ke "Rumah Hijau" (pejabat Kempitai). Doktor melarang dibawa keluar dari situ ke Singapura dengan mengatakan dia akan mati sekiranya dia dipindahkan. Kami menerima 2000 poskad dari rumah dan saya menerima dua pucuk daripada Salisbury, satu daripadanya bertarikh 1 Mac 1944.
- 29 "Puss in Boots" berjanji rancangan pemulangan akan segera diuruskan. Seorang bekas pegawai penjara bernama Mitchell, didapati bersalah kerana menjalankan perniagaan pasar gelap dengan seorang Sikh, telah mengugut untuk mendedahkan "rahsia" kami kepada Jepun sekiranya dia dihukum dalam kurungan terpencil. Keadaan Dr. Bowyer menjadi lebih teruk semenjak kedatangan Kempitai yang membawa pergi Cherry. Baca *Conflict between Religion and Science 1873 Draper*.
- 30 "Puss in Boots" menjumpai dua naskhah akhbar tempatan yang diharamkan dalam lori kerja. Kepulangan dua orang tahanan Kempitai. Mereka ialah Birse (MCS) dan McIntyre.
- 31 Mitchell kini bersetuju untuk menerima hukuman. Banyak kapal terbang pengangkut Jepun kelihatan tiba di Singapura.

### November

- 1 Dr. Bowyer kembali tenat kerana gangguan beri-beri ketika pembedahan buah pinggangnya. Saya baru tahu bahawa dia telah mati pagi ini. Spragg berbudi kepada saya hari ini dengan memberi saya enam auns minyak kelapa sawit dengan percuma.
- 2 Jepun kini mengarahkan agar keseluruhan bukit yang dikenali sebagai "Bukit Lelaki Tua" dibersihkan belukarnya dalam tempoh seminggu; sebab arahan ini dikeluarkan tidak jelas. Seorang lagi mangsa Kempitai mati. Penseler, yang kami amat

berharap agar sembuh, mati tiba-tiba pada tengah hari ini. Mereka yang masih berada di Singapura, barangkali, Scott, Calderwood (Dr.) dan Curtis. Jeneral dikatakan memberi tabik kepada keranda Penseler, tetapi saya kurang setuju dengan ulasan bodoh T.P. Coe bahawa "ini merupakan suatu sikap baik".

- 3 Jepun mengisytiharkan cuti separuh hari atas sebab tertentu. Baca *This Believing World* (Benn), Lewis Browne, tentang pelbagai agama di dunia.
- 4 Semua rakyat Amerika di dalam kem kami diperintahkan pergi ke Rumah Hijau hari ini dan disoal oleh akhbar tempatan.
- 5 Kesemua pasukan petugas diberi cuti pagi ini untuk "memeriksa alatan"; kecuali penebas lalang yang masih sibuk bekerja di Bukit Lelaki Tua. Sekurang-kurangnya kami mendapat pandangan baik bagaimana 48 buah pesawat bom menyerang Pangkalan Laut. Antara pukul 10.00 - 10.30 pagi, kelihatan kapal-kapal terbang besar empat enjin dari arah barat dan barat laut dan dibedil oleh Jepun dengan meriam penangkis kapal terbang. Jepun di Rumah Hijau nampaknya sangat gembira, barangkali, kerana suatu hal yang benar-benar berlaku setelah menunggu beberapa tahun.<sup>184</sup>
- 6 "D" seorang Serani, dihukum kerana peras ugut dan liwat melibatkan seorang lagi pemuda Serani bernama "B". Khabar angin menyebut semua sekolah dan kedai ditutup akibat serangan hari kelmarin dan seramai 300 orang cedera di Pangkalan Laut. Sebuah kapal terbang Jepun ditembak jatuh, mereka mendakwa.
- 7 Kempitai membawa pergi Earle sekali lagi ke Raffles College untuk soalan selanjutnya selama setengah jam, pada hal dia sepatutnya mendapat makan sup dan nasi buat pertama kali hari ini. Seramai enam orang jururawat Eropah dari Kem

184 Hanya pada bulan November 1944 sepasukan pesawat pengebom Mark VI Liberator dapat membuat serangan di medan perang Tanah Melayu dari pangkalannya di Jessore, dekat Calcutta. Apabila angin musim barat daya bertiup menyebabkan operasi jadi sukar dari situ; selepas bulan Mei 1945 kesemua Liberator dipindahkan ke pangkalan di Ceylon, jarak satu perjalanan berbeza antara 2500 batu mengikut keadaan cuaca. Bulan Ogos 1945 pesawat Sortie juga terbang di angkasa Tanah Melayu yang datangnya dari Kepulauan Cocos Keeling.

Wanita dibenarkan pergi ke Kem Lelaki buat pertama kali untuk membantu merawat mereka yang memerlukan rawatan khusus. Pasukan penebas lalang selesai menebas lalang di Bukit Lelaki Tua dan diberi dua hari cuti. Puan Nixon dan Dunlop telah dikembalikan oleh Kempitai hari ini. Puan Nixon boleh berjalan tanpa dituntun, tetapi Dunlop terbaring atas usungan. Keadaan kedua mereka kelihatan lebih baik daripada sesetengah mereka yang pulang dahulu tetapi tidak banyak bercakap. Baca *Jesus of History* Glover.

- 8 Lagi serangan udara hari ini, tetapi cuma sebuah kapal terbang kelihatan dan bunyi empat das tembakan meriam kedengaran. Siren dibunyikan dan cuma sebutir bom digugurkan di Lapangan Terbang Kallang. Seorang paderi yang mengiringi jenazah ke Singapura berkata siren dibunyikan di situ dan dia terdengar desingan bunyi bom tetapi tiada letupan. Seorang lelaki tua bernama Maxwell, 74 tahun, mati di sini.
- 9 Dikatakan kepulangan Earle dari Singapura ada kaitan dengan setengah "perbicaraan" Dr. Calderwood yang sedang berlangsung. Berat badan saya kini 12 ston 11 paun. Kami mendapat cuti hari ini dan kelmarin. Ada khabar angin menyebut makanan kami akan kembali seperti dahulu dan bekerja tiga jam sehari seperti dahulu. Orang-orang di Johor bergembira mendengar berita serangan udara Pihak Bersekutu atas Singapura.
- 10 Lagi kes tifus, sekali lagi, dalam kawasan hospital, dan mangsanya ialah Neilson. Saya percaya, hari ini genap 1000 hari kami berada dalam tawanan.
- 11 Tiga orang pesakit otak, sehingga kini masih berada di Hospital Miyako, kini pulang ke kem kami. Gardiner, pekerja United Engineers, dan seorang *draughtsman* tentera laut, telah dibawa oleh Jepun bersama bagasi. Jeneral Saito memberi jaminan bahawa kami akan diberi layanan baik. Baca *Goodbye to All That* Robert Graves.
- 12 Jepun kini membina sebatang jalan baru merentasi kem kami. Baca *Vanessa* Walpole.
- 13 Salah seorang daripada tiga pesakit, Cik Hacobian, yang baru-baru ini pulang dari Hospital Miyako, mati pada



pukul 9.00 malam hari kepulangannya. Gorsuch, seorang mangsa Kempitai, lama terlantar di Hospital Miyako, juga telah pulang ke kem. Draper, penebas lalang, nyaris menghadapi masalah serius hari ini. Kami menebas lalang di dalam kawasan Kem Wanita dan membuat unggun api daripada ranting-ranting kayu di tengah kawasan seluas satu ekar itu. Kami meninggalkan tempat itu pada pukul 12.00 tengah hari tetapi pada petang itu api merebak keseluruhan kawasan lalu menjilat pagar kayu dipanggil ke tapak kebakaran pada pukul 4.30 petang dan sudah pasti mendapat hukuman berat. Mujur pengawal dapat membuktikan kebakaran itu merupakan suatu kemalangan dan kami adalah kumpulan petugas yang bekerja kuat. Kami hanya diberi amaran dan syarahan panjang tentang bahaya api.

- 14 Jepun kini memanggil seramai 200 orang sukarelawan untuk membina jalan baharu merentasi kem kami. Oleh sebab catuan makanan kini tidak termasuk nasi bagi makan petang, kumpulan lalang kami mengambil keputusan untuk menyertai pasukan membina jalan untuk mendapat tambahan nasi sebanyak 100 gram. Gorsuch dikatakan tidak begitu teruk, tetapi Puan Nixon terlalu lemah. Penghuni sebilik berkongsi satu tin kari ayam.
- 15 Cik Jackson, seorang mubaligh Kristian, mati. Baca *Eastern Flights* (Edisi Penguin) Bott.
- 16 Hari ini saya menyertai pasukan mencangkul untuk membuat jalan di Bukit Lelaki Tua dan dapat 100 gram tambahan nasi. Khobar angin menyebut Manila jatuh ke tangan Pihak Bersekutu.
- 17 Nasib tidak baik kerana lengan saya sakit semula. Sejumlah 10 500 pucuk surat diedarkan, sesetengahnya bertarikh Mei 1944. Saya amat bergembira kerana menerima sepucuk surat daripada ibu saya bertarikh Disember 1943. Kami dibenarkan mengirim berita sebanyak 25 perkataan melalui radio.
- 18 Orang Jepun menjadi kelam kabut! Mereka mengisytiharkan "Cuti Berkebun" sehari, mengarahkan supaya empat ekor babi dibunuh untuk makanan penghuni kem. Lagi empat guni beras tambahan dibawa untuk dinikmati oleh pasukan tukang

- kebun, pencangkul dan pemotong kayu dan juga memerintahkan kami supaya kembali bekerja pada tengah hari ini dan tengah hari esok dari jam 2.00 hingga 4.00 petang, sebagai mengganti waktu yang telah hilang! Seorang rakan tua bernama Kitchen, 80 tahun, mati. Dia selalu tinggal di Hotel Runnymede, Pulau Pinang.
- 19 Baca *The Bride* Margaret Irwin. Saya membeli minyak kelapa sawit dalam sebuah botol gula-gula berharga \$10.00.
  - 20 Dua orang tawanan mati (i) Manning, 50 tahun, akibat tifus dan radang paru dan toreks. Dia biasanya bekerja di kebun dengan Horace Hunter, rakan sebilik saya; (ii) Rennie, 69 tahun. Pada pukul 7.00 malam beberapa buah kapal terbang kami berterbangan di angkasa dan dibedil oleh meriam Jepun. Kami nampak kapal-kapal terbang selamat.
  - 21 Kesemua surat daripada kami kini dihantar ke Singapura untuk ditapis dan dipos.
  - 22 Kami terdengar bunyi tembakan meriam beberapa das dan kami difahamkan bahawa banyak lagi bedilan terdengar di Johor. Beratus-ratus "lubang bersembunyi" digali di sepanjang jalan Bukit Timah Road dan Duncarn Road dan kesemua motokar milik Jepun memakai jaring samar di atas bumbung motokar.
  - 23 Darby (Kastam) menerima sepucuk poskad bertarikh Januari 1944 yang menyebut bahawa layanan ke atas Orang Tawanan Perang oleh Jepun telah ditimbulkan di Dewan Orang Ramai.
  - 24 Lagi bedilan meriam kedengaran di Johor pada pukul 6.30 petang ini. Saya menerima sepucuk surat lagi daripada rumah bertarikh 8 Oktober 1943. Dua orang pembantu lori mengangkut mayat tiba di kem kami setelah menjalani hukuman penjara selama dua tahun. Mereka ialah Smith, ketua unit, dan O'Neil. Seramai tiga orang lagi dalam unit yang sama, Davis, Logan dan Bantur, mati ketika menjalani hukuman. Seorang lagi, Gow, pulang ke kem kami dua bulan dahulu. "Jenayah" mereka ialah kerana "berbincang berita peperangan!"
  - 25 Seorang tawanan lagi, D. Fraser, 52 tahun, dan seorang pe-  
ladang dari Rasa, mati kerana tifus. Long, salah seorang

- pemandu lori yang baru pulang, telah diambil semula oleh Kempitai. Dia masih lemah dan hanya boleh duduk. Jadi, dia diusung dengan usungan. Seorang pengawal Jepun memberi 84 batang rokok dan 1 kati gula melaka bernilai \$30.00 daripada upah yang dia terima.
- 26 Long masih belum pulang. Khabar angin tentang bom digururkan di Sentul dan Sungai Besi, dekat Kuala Lumpur.
  - 27 Siren berbunyi lagi antara pukul 12.00 tengah hari – 4.00 petang. Dua orang peladang lagi meninggal. "Tiger" Hughes, 47 tahun, dari Kedah dan Perak, kerana menghidap demam kuning dan radang paru-paru; dan Lally Lee, 50 tahun, dari Negeri Sembilan, akibat lelah dan lumpuh.
  - 28 Bulan penuh selama dua malam dan ramai menjangka banyak lagi serangan udara akan berlaku. Seorang lagi tawanan, Bobby Crawford (Derrick & Co, Singapura), dijumpai mati di katilnya pagi ini dan sebab kematiannya dikatakan pendarahan dalam otak. Seorang telah ternampak dia muntah dalam tandas di luar pondoknya pada jam 1.00 pagi malam tadi. Baca *The Inquisitor* Walpole.
  - 29 Kempitai datang semula pagi ini untuk mengambil "pakaian penjara" kepunyaan Long. Saya bimbang mungkin dia akan pergi buat selama-lamanya. Khabar angin menyebut Scott dihukum penjara selama tujuh tahun, barangkali di dalam Penjara Outram Road; dan Curtis dan Dr. Calderwood empat tahun tiap-tiap seorang.
  - 30 Hari ini, saya percaya, Churchill berusia 70 tahun. Kami mula menebasalang di luar pagar Kawasan Utara.

*Disember*

- 1 Khabar angin tentang serangan udara di Johor. Moss, pesakit otak bangsa Serani, 43 tahun, mati di sini.
- 2 Berat badan saya kini 182 paun (iaitu 13 ston). Dr. Lawson, 47 tahun, yang ditimpa sakit selama tiga tahun, mati kerana barah perut dan radang selaput paru dan toreks. Baca *Remember Greece* Dilys Powell.

- 3 Acara panggilan nama dan kemudian dapat rehat daripada bekerja. Baca *Joyful Delaneys* Walpole.
- 4 Kami berharap sesuatu yang istimewa akan berlaku pada 8 Disember untuk mengingati pecah perang. Fred telah kehilangan "hak istimewa" selama sebulan kerana menerima sebuah pemetik api rokok daripada seorang Melayu pemandu lori. Ini dianggap sebagai "perniagaan bersendirian".
- 5 Cik Jacob, mendapat jangkitan tifus di Kem Wanita. Ini merupakan kes pertama penyakit seumpama itu di kem tersebut.
- 6 Barang kemas bernilai kira-kira \$4000.00 hilang dari kem, tetapi siapa yang bercerita saya tidak tahu. Jepun mengarahkan dalam A.R.P. khas dan kesemua kami diperintahkan masuk ke dalam kubu berlindung antara pukul 6.00 petang hingga 9.00 malam. Baca *By Road* Adrian Bell.
- 7 Saya lawati Dunearn Road buat kali pertama untuk menebas lalang di situ. Amaran A.R.P. dibunyikan pada pukul 7.20 pagi.
- 8 Beratus-ratus orang Jepun berkhemah di padang golf dekat kem kami. Harapan kami untuk melihat sesuatu yang akan berlaku sia-sia belaka. Baca *A Prayer for My Son* Walpole. Dikatakan salah seorang tawanan asal menghidap barah ke-ronkong. Suaranya garau semenjak beberapa minggu.
- 9 Puan Lindsay, isteri kepada seorang pegawai penjara, mati kerana menghidap batuk kering. Saya meminjam \$50.00 dari "Patchy" Green.
- 10 Turrell, bekas Ketua Jurutera Elektrik Johor Bahru, dibawa ke Johor hari ini.
- 11 Turrell kembali semula ke kem. Sejumlah 2500 pucuk surat tiba di kem dan dua pucuk untuk saudara saya, John. Kereta ambulans kem berlanggar dengan sebuah lori di Lavender Street, Singapura dan dua orang Jepun di dalamnya terbunuh. Ini adalah berita angin.
- 12 Seorang pelombong bernama Rainer, 56 tahun, mati selepas pembedahan pundi-pundi kencing dan buah pinggang. Orang Yahudi menjalankan perniagaan pasar gelap yang menguntungkan terutama jualan gula melaka, kopi, minyak sawit;

- sebuah lori tidak rasmi penuh muatan barangan ini tiba. Harganya: kopi \$22.00 sekati, gula melaka \$18.00 sekati dan minyak sawit \$8.00 satu botol gula-gula. Frampton dipukul oleh Jepun di dapur pagi ini. Dia nampaknya pada beberapa ketika makan di dapur Jepun secara tidak rasmi atau sekurang-kurangnya tanpa kebenaran.
- 13 Lagi 4000 pucuk surat, menjadikan jumlahnya sebanyak 64 000 pucuk, tiba di kem ini. Tiada sebarang kegiatan udara buat beberapa hari. Baca *Portrait of a Village* Brett Young.
  - 14 Kami dengar ada Orang Tawanan Perang seramai 300 orang Eropah dan 1000 orang India di Kem River Valley Road, Singapura. Pegawai-pegawai dibayar dari \$30.00 hingga \$70.00 sebulan dan pangkat lain 35 sen sehari. Mereka mendapat makan daging sekali seminggu dan ikan dua kali seminggu. Baca *The Black Diamond* Brett Young.
  - 15 J.S. Long pemandu ambulans yang dibawa Kempitai pada 25 November buat kali kedua, telah dibunuh pada 27 November, kami dimaklumkan. Kesalahannya ialah "mengintip" ketika menjalankan tugas mengangkut makanan ke dalam kem. Lagi kematian di dalam kem ini ialah R. Birnie, 52 tahun, akibat serangan penyakit jantung. Saudaranya dari Jabatan Kastam dan Eksais juga berada di dalam kem ini.
  - 16 Kami membuat "persiapan" untuk menyambut Krismas di dalam kem. Seorang Jepun mabuk memukul Geddes dan Wiseman hari ini.
  - 17 Dilaporkan Jepun memindahkan kesemua mayat orang-orangnya. Mulai esok, Jepun mengarahkan acara panggilan nama dijalankan dua kali sehari pada jam 8.00 pagi dan 7.30 malam.
  - 18 Panggilan nama baru yang pertama berakhir pada jam 7.45 hingga 8.20 pagi dan dikatakan perintah berkurung di luar mulai jam 7.30 malam. Baca *The Undying Fire* H.G. Well.
  - 19 Terasa kurang sihat dengan cirit dan pening kepala. Saya mengambil cuti hari ini. Saya membeli tambahan bekalan minyak sawit dengan banyaknya. Lagi 7500 pucuk surat diterima, ada yang bertarikh seakhir-akhirnya pada Julai 1944.

- Tominara ingin meminjam sebuah buku *The Epic of Dunkirk*. Baca *The Crescent Moon* Brett Young.
- 20 Kebanyakan poskad baru-baru ini menceritakan pelanggaran ke atas Perancis pada bulan Jun 1944 dan rumah-rumah yang kena bom di North Harrow dan Muswell Hill dalam kawasan London.
- 21 Hujan lebat memberikan kami cuti yang dinanti-nantikan. Baca *Crome Yellow* Aldous Huxley.
- 22 F.L. Shaw (jabatan kami) dimaklumkan tentang kematian anak lelakinya dalam peperangan. Lagi hujan turun dan kerja terhenti. Baca *John Cornelius* Walpole.
- 23 Bagot (Polis) dimaklumkan tentang kehilangan anak lelaki dan menantu lelakinya dalam peperangan. Hope-Faulkner (Polis) dilaporkan terbunuh. Sejumlah 2380 paun ikan baru tiba.
- 24 Mordecai, Raja Pasar Gelap Yahudi, menghantar sebiji kek berharga \$500.00 (mengandungi 40 biji telur berharga \$5.00 sebutir) kepada teman wanitanya di Kem Wanita. Harland dikejarkan ke hospital kerana tifus.
- 25 Mordecai, Raja Pasar Gelap Yahudi, menghantar sebiji kek Tabung Kem. Kami dapat makanan enak Hari Krismas dan banyak sungguh makanannya. Bishop kelihatan mabuk sedikit!
- 26 Bangkok sudah jatuh, begitulah kata khabar angin! Cuti separuh hari diberi atas sebab tertentu; acara panggilan nama kurang berkesan kerana Jepun tidak lagi berminat.
- 27 J.R. Young, 46 tahun, mati berikutan pembedahan hati dan hempedu. Baca *Poet's Pub* Linklater.
- 28 A.E. Mitchell, 39 tahun, mati tiba-tiba dalam Pondok 125 yang berdekatan kerana lemah jantung dan lelah.
- 29 Malam bulan mengambang tetapi Fred sudah dua malam tidak datang atas sebab tertentu. Baca *Books Reviewed* J.C. Squire.
- 30 "Pertempuran Tanah Melayu" yang kurang dipercayai telah bermula, menurut khabar angin. Saya tidak percaya! Jepun memuji mereka dengan tujuan propaganda terkandung dalam

ucapan Tahun Baru disampaikan oleh Wakil Lelaki kami, Lady Shenton Thomas dan Dr. Amstutz, ketua setempat Gereja Misi Anglo-Chinese.

- 31 Kami mula bertanam semula ubi kayu. Kami menunggu Tahun Baru dengan penuh gembira!

## 1945

### Januari

- 1 Kerana Tahun Baru, kami diberi cuti penuh hari ini. Dila-porkan Jepun berdoa di kuil untuk keamanan. Jepun mendak-wa bahawa Siam telah "menyerahkan" Bangkok kepada mereka. Harga Tahun Baru untuk pelbagai komoditi di Singa-pura seperti berikut: Daging dalam tin \$80.00 setin; telur \$5.00 sebiji (telur itik \$7.50); kari ayam dalam tin \$50.00 setin; sabun Lifebuoy \$10.00 sebuku; pemandu motokar dibayar \$700.00 sebulan; tayar motokar \$20 000.00 sebuah; cerut 25 – 50 sen satu (atau 50 sen – \$1.00 satu); sardin \$100.00 setin; kerbau \$15 000.00 seekor; tambang beca \$20.00 bagi sebatu; sepinggan kecil Mah Mee \$20.00; cangkul \$180.00 sebatang; kemeja \$40.00 sehelai; seluar panjang \$100.00; seluar pendek \$40.00 sehelai.
- 2 Kami mendapat cuti separuh hari lagi dan saya bertukar- tukar makanan untuk cerut dengan Fred. Baca *The City of Gold* Brett Young.
- 3 Bekalan makanan kembali kurang dan 300 orang lelaki diper-lukan membersihkan kawasan baru seluas enam ekar untuk ber-cucuk tanam.
- 4 Telur kini dijual dengan harga \$5.00 sebiji bersamaan dengan upah separuh bulan. Jepun dikatakan meninggalkan Bangkok melalui laut. Kawasan baru untuk tanaman seluas enam ekar terletak setengah batu di luar kem arah ke Bukit Timah Road.
- 5 "Patchy" Green pergi ke bandar kerana tugas. Dia melaporkan orang ramai bertanam ubi kayu di gelanggang tenis.
- 6 Saya turut berniaga, beli 46 batang cerut dengan harga 44 sen

- sebatang dan menjualnya \$1.00 sebatang, untung \$25.00. Khabar angin tentang serangan Jepun yang sudah pasti ke kem untuk memberkas Si Yahudi Pasar Gelap.
- 7 Seorang tawanan bernama Jepson mati di sini dan tujuh orang rakyat Belanda dimasukkan ke kem ini. Baca *Prince Rupert The Cavalier* Clennell Wilkinson.
  - 8 Seramai tujuh orang Belanda datang dari Palembang, Sumatera dan mereka meninggalkan tempat itu pada 2 Januari. Sebuah pesawat pengebom kelihatan di angkasa Singapura pada pukul 1.30 tengah hari, tetapi kurang pasti sama ada kapal terbang itu menggugurkan bom, atau kena bedil.
  - 9 Seorang Sarjan Mejar Jepun menempeleng muka seorang "Budak Asia" ketika panggilan nama, tetapi tidak pasti sebabnya. Berat badan saya kini 13 ston 4 paun (186 paun), bertambah 4 paun. Sepanjang hari ini kami menebas lalang di dalam Kem Wanita. Baca *The Trembling of a Leaf* Somerset Maugham.
  - 10 Sebuah lagi kapal terbang Pihak Bersekutu terbang lalu pada jam 12.00 tengah hari. Seramai lapan lagi orang tawanan tiba ke mari. Kebanyakan mereka bekerja dengan Jepun dalam berbagai-bagai pekerjaan dan termasuk dalamnya Foster, Auten, Corner, Holtum, Birtwistle dan Snodgrass. Seorang tawanan bernama Edmett, 68 tahun, mati di sini.
  - 11 Kami dapat melihat dengan jelas serangan besar ke atas Singapura antara jam 10.00 dan 10.30 pagi ini. Kira-kira 50 buah kapal terbang atau lebih mengambil bahagian. Saya sendiri dapat melihat sebanyak 12 buah, termasuk sebuah daripadanya jatuh di Lapangan Terbang Seletar. Serangan itu ditujukan ke sasaran di Lapangan Terbang Kallang dan Seletar; tetapi bom juga digugurkan ke atas Bangunan United Engineers dan Tank Road. Jepun mendakwa tujuh daripada 70 buah kapal terbang ditembak jatuh.
  - 12 Lagi amaran serangan udara kedengaran termasuk bunyi siren dan wisel; tetapi tiada sebuah kapal terbang kelihatan atau kedengaran. Saya beli dua tin minyak sawit.
  - 13 Khabar angin menyebut Limbungan Kapal Thorneycroft di



- Tanjung Rhu dekat Katong telah kena bom baru-baru ini. Baca *The Round Dozen* Somerset Maugham.
- 14 Dua lagi pesawat pengebom datang pada jam 12.00 tengah hari dan mungkin telah menggugurkan bom di Pangkalan Laut. Scott, inspektor bangunan Singapura, mati di sini. Baca *Through the Lands of the Bible* Morton.
  - 15 Seramai tujuh orang Belanda yang ditempatkan di Bilik Pengawal meninggalkan kem dan mereka membawa bersama bekalan makanan untuk tujuh hari. Ke manakah mereka pergi?
  - 16 Kem membeli dua ekor kambing dan dua ekor anak kambing dengan tujuan mendapat susu bagi si sakit. Harganya ialah \$3000.00.
  - 17 Doktor memeriksa darah beku di lengan saya dan akan membuat laporan. Jawatankuasa Kem membuat keputusan apabila seorang tawanan mati, segala barang peninggalannya akan dijual cara lelong dan pendapatan itu akan diserahkan kepada harta pusakanya. Ada cerita tentang rangka kapal terbang Pihak Bersekutu yang ditembak jatuh diletakkan untuk ditonton di Esplanade Singapura.
  - 18 Baca *Young Physician* Brett Young. Saya mendapat dua kertas Sejarah Sijil Persekolahan untuk diperiksa sebagai sebahagian daripada peperiksaan Sijil Persekolahan Kem tidak rasmi. Kami menebas lalang di kawasan baru di sebelah luar Pintu Besar Utara hari ini.
  - 19 Bishop mengemukakan namanya untuk bertanding dalam pemilihan Wakil Pondok. Farrer, seorang pelayan Hospital Miyako, mati selepas tiga pembedahan.
  - 20 Jepun memberi kami cuti separuh hari untuk merayakan tugas mengambil alih kem oleh Pemerintah Tentera!
  - 21 Kasihan Puan Graham White yang lemah, isteri kepada Archdeacon, mati akibat batuk kering. Jeneral mengambil 12 ekor itik kami dari ladang ternakan itik.
  - 22 Rumah Pangsa Capitol di tengah-tengah bandar Singapura runtuh disebabkan suatu kebakaran, kami diberitahu. Baca *Passage to India* Forster.

- 23 Saya keluar bertugas di Changi dan nampak C.U. Stafford, peladang dari Taiping. Khabar angin tentang Amerika sudah menawan Saigon.
- 24 Dalam pemilihan Wakil Pondok, golongan antiulama menang: Human meraih 59 undi dan Bishop 44 undi. Saya baru mendapat bisul yang ke-25. Hanya 2200 daripada 5000 Orang Tawanan Perang yang dihantar ke Siam dalam satu kumpulan kembali pulang, kami diberitahu. Siren berbunyi pada jam 12.00 tengah malam, tetapi tiada sebarang kejadian. Askar-askar yang pulang dari Siam berkata bahawa mereka ditugaskan membina jalan kereta api. Mereka tidak mendapat sebarang perlindungan daripada serangan nyamuk, tiada pembalut atau ubat, tetapi mereka yang sakit nazak dan pesakit lainnya diasingkan daripada orang lain. Orang Siam kebanyakannya baik-baik belaka tetapi makanan semata-mata nasi dan tiada yang lain.
- 25 Bisul yang terbaru menyebabkan kelenjar jadi bengkak. Jadi saya mengambil cuti sehari. Baca semula *Ah King* Maugham.
- 26 Serangan udara pada pukul 3.15 pagi ini, bunyi benda berat berguguran diikuti dengan siren. Jepun mengarahkan latihan A.R.P. mulai jam 2.00 petang hari ini hingga tengah hari esok. Jadi, kami keluar masuk kubu berlindung. Baca *The Summing Up* Somerset Maugham dan *Going Abroad* Rose Macaulay.
- 27 Cuti hari ketiga, dan bisul semakin sembuh. Khabar angin pendaratan besar-besaran di Sumatera Utara, mungkin di Medan.
- 28 Baca *Of Human Bondage* Maugham. Lagi cerita pendaratan di Medan dan juga di Saigon.
- 29 Saya kembali bertugas hari ini. Pemerintah Pengawal Jepun dipukul dengan botol pada hidungnya dan mendapat sebanyak sembilan jahitan akibat pergaduhan mabuk dengan seorang Jepun lain dan Jepun yang cedera itu kini terlantar di hospital.
- 30 Dua buah kapal terbang dilaporkan berlegar di angkasa dalam masa berjaga-jaga jam 12.00 tengah hari. Sejumlah 178 kapal terbang Pihak Bersekutu dilaporkan mengebom Palembang.
- 31 Jepun menghendaki butir peribadi kesemua orang lelaki yang

berusia 60 ke atas, yang cacat, dan mereka yang mempunyai keluarga di sini.

*Februari*

- 1 Suatu pemandangan serangan udara hari ini antara pukul 11.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Kira-kira 90 buah pesawat pengebom berterbangan di udara dalam bentuk yang rapat dan dalam kumpulan antara 3 hingga 18 buah pada sesuatu ketika. Sasaran sudah jelas ialah Pangkalan Laut kerana dari situ kelihatan asap berkepul-kepul dan habuk berterbangan selepas kena bom. Kapal-kapal Jepun dikatakan berlabuh di situ, pesawat pejuang Jepun dan bedilan meriam Jepun tidak memberi kesan kepada kapal-kapal terbang yang terbang dengan gagah di angkasa.
- 2 Pesawat terbang peninjau terbang di atas kepala kami pada pukul 12.00 tengah hari. Ada khabar angin mengatakan Kluang di Johor juga kena bom kelmarin. Saya beli sekati kopi dengan harga \$30.00 di pasar gelap.
- 3 Lagi pesawat peninjau datang pada pukul 11.00 pagi. Baca *The Mixture as Before* Maugham.
- 4 Seorang Tamil kena pukul di Bilik Pengawal kerana bercakap dengan kami melalui pagar. Kem diarahkan membina 10 lagi pondok di atas tapak konkrit sebelum akhir bulan. Pondok itu semuanya dikatakan untuk seramai 800 - 1000 orang Serani dan Yahudi. Tetapi ada juga khabar angin mengatakan kami akan berpindah ke Pulau Tioman dekat pantai timur Johor!
- 5 Lagi pesawat peninjau terbang lalu pada pukul 11.00 malam. Baca *They Seek a Country* Brett Young dan juga *Dickens* Andre Maurois. Berat badan saya kini 182 paun, susut 4 paun daripada bulan Disember.
- 6 Bekalan beras kami dikurangkan 20% pada 10 Februari ini. Paley "Budak Asia" dan "Pussy in Boots" menganjurkan usaha pasar gelap yang baru, menjual kain khaki. Kemeja \$40.00; seluar pendek \$40.00; seluar panjang \$100.00. Baca *This Little World* Brett Young.
- 7 Akhbar Jepun melaporkan sebuah kapal ganti dalam perjalanan dari Jepun ke Hong Kong, Saigon dan Singapura. Se-

- orang Serani bernama Darbyshire, 24 tahun terbunuh apabila dia tertanam hidup-hidup ketika menggali tanah di Rumah Hijau (Pejabat Jepun).
- 8 Saya berasa pening dan sakit tekak. Jadi, saya berehat pada waktu tengah hari. Tanaka, pengawal Jepun, mengeledah lori Palang Merah yang tiba hari ini.
  - 9 Paley, "Budak Asia", Raja Pasar Gelap, telah mengambil sebanyak 20 tan minyak sawit berharga \$520.00 setin dan akan membuat untung kira-kira \$1000.00 apabila dijual semula kepada kami. Saya beli 7 botol jem dengan harga \$7.00 tiap-tiap satu. Ada berita mengatakan Rusia telah menyeberang Sungai Oder dan sedang menuju ke Berlin. Juga dilaporkan Goebels membuat ucapan mengecam fahaman komunis, dan ada cerita pendaratan Pihak Bersekutu di Belawan-Deli, Sumatera.
  - 10 Lagi pesawat peninjau terbang pada pukul 12.00 tengah hari dan terdengar bunyi tembakan mesingan. Esok, ada acara panggilan nama yang istimewa mengikut bangsa. Catuan makanan harian yang baru diputuskan seperti berikut: Yang tidak bekerja 250 gram; pekerja ringan 300 gram. Pekerja berat 500 gram. Ada program tambahan bagi 150 tukang cangkul dan penebas lalang.
  - 11 Lagi pesawat peninjau kelihatan pada jam 11.00 pagi dalam masa panggilan nama. Haslar, dari pondok kami, 55 tahun, mati akibat batuk kering.
  - 12 Jepun memberi amaran lagi bahawa beras sangat berkurangan dan ini bermaknalah makanan kami akan dikurangkan pada beberapa bulan akan datang, malah bekalan akan diberhentikan sama sekali. Bagaimanapun, 10 tan jagung telah tiba baru-baru ini. Baca *Ariel* - penghidupan Shelley oleh Andre Maurois. Kesemua penghuni yang mempunyai wang lebih daripada \$100.00 diperintahkan agar menyimpannya dalam Bank Jepun di Singapura.
  - 13 Lagi pesawat peninjau terbang di udara pada jam 11.00 pagi. Hari ini merupakan hari pertama tambahan 150 gram beras untuk pekerja berat.
  - 14 Khabar angin tentang kejatuhan Manila ke tangan Pihak Ber-

sekutu dan seorang Jepun yang terkenal dengan panggilan "Penunggang Maut" memberitahu kami bahawa bangsanya telah berpindah dari Pulau Pinang! Lagi amaran serangan udara dibunyikan pada jam 2.00 petang, tetapi pesawat terbang tidak kelihatan. Baca *The Scarlet Letter* Hawthorne.

- 15 Ulang tahun ketiga kejatuhan Singapura. Saya menjual daging dalam tin kepada Paley dengan harga \$75.00. Enam pesawat peninjau datang lagi pada pukul 1.00 tengah hari, tetapi tiada bedilan meriam Jepun. Nampaknya pondok kami kekurangan \$400.00 iaitu jumlah yang dibayar oleh mereka yang mempunyai lebih \$100.00, kepada Bank Jepun. Justeru itu cukai paksa akan dipungut antara \$3.00 – \$4.00 seorang dari Pondok 131.
- 16 Pasukan lalang bekerja dengan cangkul di padang golf. Kawasan yang luas itu akan ditanam dengan ubi kayu. Rasuah yang dibayar kerana cepat menyempurnakan kerja ialah 10 tin minyak sawit! Bekalan petrol untuk lori kem dikurangkan sebanyak 40 gelen daripada 800 gelen! Jadi, bagaimanakah kami akan mendapat bekalan sayur Jepun dari Singapura? Jawapannya ialah tiada lagi bekalan sayur akan diterima.
- 17 Kami diberitahu tidak benar tentang khabar angin di Pulau Pinang pada 14 Februari: Tiga buah pesawat peninjau datang lagi pada jam 12.00 tengah hari.
- 18 Smith, inspektor polis, dalam bahaya kerana beliau "berpura-pura" menyembelih leher Jepun. Baca *The Narrow Corner* Maugham.
- 19 Siren berbunyi lagi tetapi kapal terbang tidak kelihatan. Puan Mulvaney dilaporkan hampir jadi gila apabila mendengar berita damai yang sudah pasti itu.
- 20 Terdengar beberapa bunyi benda jatuh yang ganjil tetapi tiada sebuah kapal terbang yang kelihatan. Baca *Guide to the Understanding of the Bible* Fosdick dan *Don Fernando* Maugham.
- 21 Jeneral Montgomery dikatakan telah membolos garisan Jerman dan sedang mara ke arah Westphalia dan Munster.
- 22 Hujan sepanjang pagi. Jadi, tiada kerja hari ini. Khabar angin tentang Pihak Bersekutu mengebom Pulau Pinang.

- 23 Dr. Evans, wakil tawanan lelaki, dijemput ke tempat minum Jepun dan diberitahu bahawa British dan Jepun kini ber-sahabat semula!
- 24 Khabar angin terbaru ialah pasukan Jepun telah berundur dari Pulau Pinang ke Bukit Mertajam. Ini tidak mungkin. Lagi serangan udara besar-besaran oleh 120 pesawat pengebom Pihak Bersekutu antara jam 10.00 pagi dan 12.00 tengah hari di beberapa tempat di Singapura. Tempat-tempat yang kena bom ialah Lapangan Terbang Kallang, limbungan kapal, kawasan antara Rumah Kastam dan Pasir Panjang dan tempat simpanan minyak. Akibatnya, langit diselaputi kepulan asap hitam tebal. Tidak ternampak sebuah pun pesawat pejuang Jepun dan juga bedilan meriam yang kedengaran.
- 25 Sebuah pesawat peninjau terbang di angkasa pada pukul 11.00 pagi. Kebakaran di Singapura masih mengeluarkan asap.
- 26 Dua buah lagi pesawat peninjau datang pada pukul 11.00 pagi. Api kebakaran masih marak di kawasan limbungan Tanjung Pagar. Baca *Between Two Worlds* Middleton Murry dan *Christ-mas Box* Brett Young.
- 27 Dikatakan seramai 900 orang rakyat Belanda di Pulau Damar Laut sedang membina limbungan darat di Jurung, terletak di pantai barat Pulau Singapura. Beberapa buah kapal Jepun dikatakan berada di pangkalan dan terdengar bunyi tembakan meriam antikapal terbang apabila pesawat peninjau terbang di angkasa pada pukul 11.00 pagi.
- 28 Siren berbunyi pada pukul 1.00 tengah malam tadi dan bunyi letupan kedengaran. Scott, yang lama dalam tahanan Kempitai, telah pulang ke kem buat sementara dan dia menghidap beri-beri.<sup>185</sup> Dia dikatakan telah dihukum penjara lima tahun

185 Robert Scott dan kakitangan Perkhidmatan Penerangan Kerajaan meninggalkan Singapura dengan kapal *Giang Bee* pada 11 Februari. (Lihat nota kaki 108). Memandangkan rekod lamanya yang menjalankan propaganda anti-Jepun di beberapa tempat di Timur Jauh, sudah tentu Jepun menganggapnya sebagai musuh bahaya apabila tertangkap. Dia dihantar pulang ke Singapura dengan tangan bergari, dan dikurung selama 8½ bulan sebelum ditahan di Penjara Changi. Pada 10 Oktober 1943 "Double Tenth", dia antara orang pertama ditangkap. Sekali lagi, beberapa bulan dia dikurung dan menderita teruk dengan layanan Kempitai, di samping merana dengan penyakit berak darah, bengkok badan dan kurap. Akibatnya, badannya susut daripada 14 ston

dan Dr. Calderwood, seorang mangsa lagi, tujuh tahun. Tiada berita tentang orang ketiga, Curtis. Jepun kini mendesak agar kami bekerja pada tengah hari Rabu yang selama ini kami mendapat cuti separuh hari.

### Mac

- 1 Hari St. David. Dua pesawat peninjau tiba jam 11.00 pagi; tetapi tiada tembakan meriam. Saya beli lagi lima botol minyak sawit dari Paley, jumlah harganya \$40.00.
- 2 Angkatan Tentera Jeneral Montgomery telah melewati Hanover dan sedang mara menuju ke Berlin. Sejumlah 52 buah pesawat pengebom Pihak Bersekutu tiba pada pukul 11.00 pagi dan kedengaran bunyi tembakan hebat oleh meriam antikapal terbang di pangkalan tentera laut, tetapi kami tidak mendengar bunyi letupan bom.
- 3 Kami terdengar suatu siri bunyi letupan yang ganjil dan tembak-menembak pada pukul 2.00 pagi malam tadi. Seramai 100 orang dikerah mengangkut kayu kerana petrol telah kurang.
- 4 Berat badan saya kini 181 paun (12 ston 13 paun), susut 1 paun. Seorang tawanan bernama Wallace, 74 tahun, mati di sini. Saya mendapat sebahagian lagi minyak sawit dari sebuah "kedai haram" di Dunearn Road. Saya diberitahu bahawa Tomimara ingin memiliki senaskhah buku saya *A Guide to Careers for Schools*. Mujur, nama saya tiada tertera pada kulit buku. Jepun telah membeli cangkul bernilai \$36 000.00 dengan harga \$180.00 sebatang. Wangnya itu datang dengan meminjam dari Tabung Kem. Turki dan Mesir dikatakan mengisytiharkan perang ke atas Pakatan Axis. Jepun diminta agar mengembalikan semua emas, perak dan permata yang tersimpan dalam kem.

---

6 paun menjadi 7 ston 10 paun. Apabila dia hampir nazak, Kempitai mengembalikannya ke Kem Sime Road pada 28 Februari 1945. Bagaimanapun, menjelang kekalahan Jepun, dia dapat berjalan kerana makanan baik yang mampu dibelinya dari pasar gelap kem. Bulan Mac 1946, dia menjadi saksi dalam perbicaraan Kempitai dan hadir menyaksikan hukum gantung ketua Kempitai, Leftenan Kolonel Sumida. Kemudian, Scott berkhidmat cemerlang dalam Perkhidmatan Luar Negeri dan bersara dengan mendapat gelaran 'Sir'. Dia meninggal dunia pada tahun 1983.

- 5 Dua orang rakan, Noel Rees (Pendidikan) dan Sam Hall (Kastam) masuk ke kawasan dapur sebagai pekerja. Mereka menggantikan Jennings, Oswald dan Dr. Beatty yang disingkirkan selepas perbincangan dua hari bersabit dengan kerja yang tidak memuaskan. Saya terpancang dalam kebun Kobiashi tinggalan peti hantaran Palang Merah yang pada suatu masa dahulu bermuat rokok "Victory". Injil kini dijual dengan harga \$60.00 sebuah kerana kertasnya sesuai jadi pembalut rokok. Ramai paderi tidak membantah asalkan mereka membaca Injil itu terlebih dahulu. Kebun tertentu di kawasan Adam Road yang diduduki Jepun akan ditanam dengan sesuatu yang hasilnya untuk orang Jepun sahaja.
- 6 Kami mula mencangkul di kawasan Pintu Besar Utara. Baca *Rudyard Kipling Shanks*.
- 7 Lagi rundingan tentang penghantaran pulang dan kemasukan orang tawanan baru dengan banyaknya. Kami dapat cuti separuh hari, saya amat bersyukur.
- 8 MacIntosh (Pos dan Telegraf) menerima sepucuk poskad dari isterinya yang berada dalam sebuah kem di Sumatera. Dalam kad itu dia menyebut bahawa dia dan Puan Gilmour (Kastam) sihat-sihat belaka, tetapi Puan McClennan dan Puan Gurr telah mati. Baca *Limits and Renewals* Kipling.
- 9 Catuan beras Jepun disemak semula dan dikurangkan, seperti berikut: Pekerja berat 300 gram (kurang 200 daripada 500 gram); pekerja kurang berat 250 gram; tidak bekerja dan wanita 200 gram. Tominara berkata bahawa tambahan tanah seluas 24 ekar untuk di tanam ubi kayu menjelang Ogos ini. Tetapi bagaimana tugas ini dapat dijalankan dengan sukatan makanan yang mutakhir? Seorang tawanan bernama Lind mati di sini.
- 10 Puan Curwen kena tempeleng oleh Jepun. Sebabnya tidak diketahui. Tiga ekor lembu "didermakan" kepada kami oleh Palang Merah Tokyo. Tiap seekor berharga \$15 000.00 dan kosnya "dipinjam" dari Tabung Kem. Jepun mengatakan semua simpanan beras akan habis menjelang Ogos dan sejak waktu itu kami terpaksa bergantung semata-mata pada ubi kayu yang kami tanam sekarang. Baca *Concise Cambridge History of English Literature* Sampson.



- 11 Gilfillan, bapa kepada keluarga kacukan Jepun dari Ipoh, mati. Bekalan makanan separuh kenyang bermula hari ini. Hujan sepanjang hari, syukur kerana tiada kerja. Kami dengar Puan Warren (Kastam) diheret keluar dari katilnya oleh seorang Jepun yang mabuk.
- 12 Lagi serangan udara oleh 25 buah kapal terbang di kawasan limbungan dan mungkin pangkalan laut juga, dan berlaku kebakaran akibat bom. Sepucuk poskad diterima oleh seorang penghuni dan bertarikh September 1944, dan kad itu berbunyi: "Semua di sini sihat". Kami dapat bubur jagung yang cair untuk sarapan.
- 13 Seorang pekedai bangsa Greek, bernama Bravura, mati di sini. Kami menebasalang di sebalik bukit dekat jalan yang menuju Pintu Besar Utara.
- 14 Menu kami semakin buruk: Sarapan mengandungi bubur jagung cair dan pada pukul 8.00 pagi (sebenarnya 6.00 pagi!); Makan tengah hari pula sup sayur dengan nasi kering pada pukul 1.00 tengah hari (sebenarnya 11.00 pagi); Minum petang ialah satu sudu bayam, roti ban dan teh pada pukul 6.00 petang (sebenarnya 4.00 petang). Kami tidak diberi apa-apa selepas itu, kecuali seteguk kopi, buat dan bayar sendiri. Ada pulau di antara negeri Jepun dengan Formosa telah tertawan.
- 15 Rusia dikatakan telah memasuki Berlin. Jepun kini berjanji akan mengembalikan wang yang dirampas pada hari "Double Tenth". Wang ini akan digunakan untuk membeli tiga ekor lembu yang enggan dibayar oleh Palang Merah Tokyo. Rupanya tawaran mereka baru-baru ini ditarik balik.
- 16 "Patchy" Green dan saya telah memulakan kebun persendirian. Khabar angin menyatakan tentera Jepun bergerak menuju utara dari Johor Bahru.
- 17 Kanji kembali teruk dan tukang masak mendapat banyak bantahan. Rangoon kini dikatakan jatuh ke tangan kami.
- 18 Makanan tambahan dijanjikan untuk pekerja berat. Langkah tertentu diambil untuk memberkas pencuri yang mencuri ubi kentang, ubi kayu dan bawang merah dari kebun kem. Wanita diarahkan membuat topi untuk tentera Jepun dan mereka membantah. Pertempuran sengit berlaku antara tentera Rusia

dengan Jerman di Kustrin, Prussia Timur.

- 19 Kebun dijadikan kawasan larangan selepas pukul 5.00 petang. Puan Curwen telah dibebaskan dari kurungan di Rumah Hijau, markas tentera Jepun.
- 20 Saya berjumpa doktor gigi untuk menampal gigi. Lagi khabar angin tentang kekalahan Jerman. Kami juga mendengar ramai lagi orang tawanan baru akan masuk ke sini, tetapi sama ada mereka orang Yahudi atau Serani atau dari Bangkok atau Sumatera, siapa pun tidak tahu.
- 21 Ada pondok baru akan siap pada esok hari dan lima buah pondok yang bersebelahan dengan Kem Wanita telah dikosongkan. Kami masih tertanya-tanya siapakah yang akan datang.
- 22 Lagi khabar angin tentang bungkusan Palang Merah akan tiba dalam tempoh sebulan. Sebuah pesawat peninjau datang pada pukul 10.00 pagi. Pondok-pondok kini sudah bersedia untuk menerima ketibaan penghuni baru, sekiranya ada.
- 23 Khabar angin tentang pendaratan Amerika di Teluk Tokio dan di Sandakan, Borneo, tetapi ini tidak mungkin.
- 24 Bungkusan Palang Merah mengandungi makanan, ubat dan pakaian tiba sudah! Kami dengar pendaratan empat penjuru di Borneo Utara milik British dan kejatuhan Jerman di Eropah pada 16 Mac.
- 25 Kira-kira 500 orang lelaki dan 200 wanita, kebanyakannya Yahudi (tetapi ada juga sedikit orang Serani) tiba hari ini. Mereka digerak daripada tidur pada pukul 4.00 pagi ini dan mereka membawa bersama pelbagai berita dan khabar angin. Kata mereka, Jerman telah tewas dan Jepun kini berjuang berseendirian, dan serangan Komando Amerika di pantai tenggara Pulau Kyushu di Jepun, demikian diakui oleh akhbar tempatan keluaran 24 Mac. Mereka juga mengatakan bahawa pengeboman British ke atas Singapura amat tepat, dan Noone, Pegawai Orang Asli masih hidup dan aktif di Perak.<sup>186</sup> Daging babi berharga \$40.00 sekati di pasar Singapura, rokok

186 Pat Noone tidak hidup selepas perang. Dia dianggap telah dibunuh oleh orang Sakai yang ingin memiliki isteri Sakainya.

"Semangat" \$20.00 untuk 20 batang, dan kelapa \$3.50 sebutir.

- 26 Orang Yahudi, barangkali yang baru tiba, buang air besar dan berlutut merata-rata dan mereka perlu dididik! Tominara memberitahu kami, katanya, dia akan pulang ke China tidak lama lagi. Dikatakan bahawa orang tawanan tua mendapat sebungkus seorang kiriman Palang Merah (ini kali kedua, walaupun benar!) dan selebihnya berkongsi lima orang bagi satu-satu bungkus.
- 27 Seorang pengawal menangkap saya ketika membaca akhbar *Indian Independence* (bahasa Inggeris), tetapi tidak dihukum. Saya pergi berjumpa doktor gigi dan mendapat tampalan kedua. Orang Yahudi menawarkan \$1000.00 (duit pisang Jepun) untuk satu bungkus Palang Merah, dan saya menjual buku karya Shakespeare (kertas India) \$3.00 senaskhah dengan harga \$55.00 kepada M.P. Selfe, pernah bersekolah dengan saya. Dia memerlukannya untuk kertas rokok!
- 28 Coney (Kastam), yang pergi ke Sekolah St. Andrew untuk mengambil bungkus hari ini, memberitahu saya, katanya, dia mendengar bahawa Gerwyn, saudara saya, dalam keadaan selamat dan sihat di Changi. Seramai 83 orang Yahudi tiba lagi, termasuk janda Raja Musa; raja itu telah mati. Clarke (Taiping), Lesslar (Taiping) dan Parry (Ipoh)<sup>187</sup> juga dilaporkan mati. Pemandu saya yang setia, Nair,<sup>188</sup> dihukum penjara tujuh tahun di Penjara Taiping kerana kesalahan yang tidak pasti. Cik La Brooy berkahwin dengan Ketua Propaganda Jepun Perak yang bernama Banno. Sekolah Clifford Kuala Kangsar, sekolah lama saya, kini menjadi berek pegawai Jepun.
- 29 Saya menjual kemeja simpanan saya kepada Clarke dengan harga \$40.00. Lagi orang tawanan dijangka tiba tetapi belum nampak lagi. Orang Serani yang tiba baru-baru ini berkata bahawa keadaan dalam kem tawanan mereka di hutan Bahau, Negeri Sembilan, adalah dahsyat dan ramai yang mati

187 Berita kematian Parry tidak tepat dan pada tahun 1954 saya berasa amat gembira kerana melantik bekas murid saya menjadi guru besar di Sekolah Inggeris Kerajaan yang baru dibuka di Pulau Bukom, terminal minyak Singapura.

188 Nair terselamat dari peperangan dan bekerja dengan saya bersama isterinya untuk beberapa tahun setelah saya kembali ke Tanah Melayu. Ketika dia pulang ke Kuala Kangsar semasa perang, Nair dilaporkan kepada Jepun dan dihukum kerana bekerja dengan saya. Apabila dia bebas dari penjara tahun 1945, dia mencari si pengadu itu dan membunuhnya.

demam malaria. Kami di sini bebas daripada penyakit itu.

- 30 Hari Good Friday – kami dapat cuti penuh hari ini. Siren dibunyikan pada pukul 2.00 pagi malam tadi diikuti dengan letupan, kebakaran dan api bernyala. Api kelihatan sepanjang malam sekurang-kurangnya di dua tempat. Coney memberitahu saya, katanya, tambang kereta api dari Singapura ke Ipoh, Perak, kini \$650.00 dan dia diberitahu mesin taip kecilnya dijual di Parit Buntar dengan harga \$2500.00! Seramai 91 orang tawanan tiba dari Pulau Pinang dan mereka termasuk 26 orang lelaki. Mereka dimasukkan ke dalam gerabak yang bertutup selama empat hari perjalanan dengan cuma tujuh buku roti untuk dimakan.
- 31 Kegemparan terbaru ialah pemasangan pagar untuk tiga buah pondok (No 123 – 125) dekat dapur kawasan utara. Jerman dikatakan tewas pada 22 Mac dan mungkin untuk Jerman sahaja. Di antara yang baru tiba ialah Ritchie dua bersaudara dari Pulau Pinang. Kebakaran akibat serangan pada 30 Mac masih menyala. Saya menjual sehelai lagi kemeja dengan harga \$60.00. Setelah menjanjikan cuti sehari lagi pada hari esok, Jepun kini membatalkan janji itu.

#### *April*

- 1 Hari Easter Sunday. Lebih 1000 orang tawanan baru tiba dalam beberapa hari ini. Kami masih menunggu bungkusan Palang Merah untuk diagih-agihkan.
- 2 Mereka yang kini tinggal di dalam tiga buah pondok iaitu 123, 124 dan 125 disuruh keluar dari pondok itu pada petang esok. Adakah penghuni baru itu orang Jerman atau Orang Tawanan Perang yang dibawa masuk ke mari untuk bercucuk tanam? Gordon Graham, peladang Perak, 74 tahun, mati di sini.
- 3 Seramai 350 orang tawanan dari tiga buah pondok itu kini diagih semula ke beberapa tempat; Seramai 13 daripadanya dimasukkan ke pondok kami. Kami masih menunggu bungkusan; kelewatan ini menunjukkan bahawa mereka cuba menyimpannya sebagai bekalan "darurat". Clarke memberi saya \$700.00 untuk disimpan.
- 4 Kami dapat cuti separuh hari dan saya menggunakan kesem-

- patan itu untuk menyelesaikan tanaman di kebun persendirian kami. Tiga buah pondok kini telah kosong tetapi tiada penghuni baru yang tiba. Cuti separuh hari diberi kepada kami oleh Tominara atas sebab yang kami tidak tahu.
- 5 Sekumpulan 50 orang pengawal Jepun menduduki pondok kosong. Kami dibenarkan mengirim berita radio sebanyak 10 perkataan.
  - 6 Menurut berita akhbar tempatan, Jepun sedang menunggu pelanggaran ke Tanah Besar Jepun tidak lama lagi. Terlalu panas hari ini dan kami berasa begitu teruk menebas belukar di Bukit Timah Road. Seorang pengawal terkenal sebagai "Pencuri Kecil" membiarkan kami di situ sehingga jam 4.50 petang. Leftenan Suzuki menawarkan bungkusan Palang Merah untuk dikongsi oleh 40 orang, kemudian dia menukarnya dengan sebungkus lain yang boleh dikongsi oleh 12 orang. Wakil kami menolak kedua-dua tawaran itu dan mencadangkan sebungkus untuk empat orang, dan seterusnya satu bungkusan untuk seorang dalam tempoh empat bulan. Leftenan Suzuki enggan dan memberitahu wakil kami bahawa dia tidak akan menemui jeneral secara langsung. Sementara itu, Jawatankuasa Kem mengarahkan wakil kami supaya menuntut kesemua bungkusan itu dan tidak kurang daripada itu.
  - 7 Hari masih panas. Saya membeli empat botol lagi minyak sawit dengan harga \$32.00. Wakil kami mengadakan temuramah "persahabatan" dengan Leftenan Suzuki dan dia dibenarkan menulis surat kepada jeneral mengenai bungkusan Palang Merah. Jeneral akan berada di sini esok untuk "Hari Pengumuman Rasmi". Kami dengar pengawal Korea di Pondok 123 telah membelasah seorang pengawal Sikh kerana memukul seorang tawanan Yahudi dan kerana memanggil orang Korea sebagai "Orang Cina!" Kopi kini berharga \$50.00 sekati.
  - 8 Catuan beras kami akan dipotong lagi sebanyak 6%. Berat badan saya kini 172 paun (12 ston 4 paun), susut 9 paun; berat badan saya yang paling ringan. "Si Smith Kerdil" berada di pondok kami, berat lazimnya 17 ston, kini susut daripada 12 ston 9 paun menjadi 12 ston sahaja. Jeneral mengadakan temuramah dengan wakil kami di dusun buah (di luar pejabat Jepun). Lagi berita tentang kegiatan di Pulau Kyushu, Jepun.

- 9 Saya pergi ke Bukit Timah lagi menebas rumput dengan "Si Pencuri Kecil". Leftenan Suzuki akhirnya bersetuju pada dasarnya untuk memberi kami sebungkus seorang. Kami berjaya dalam perjuangan kami, tetapi dikatakan bahawa 'Pejabat Luar Negeri Jepun' membuat keputusan lain hanya dua hari dahulu. Nampaknya mereka telah mengubah fikiran.
- 10 Saya dipilih menduduki jawatankuasa tiga orang untuk pondok kami bagi menentukan jenis bekalan makanan patut diberi kepada si sakit dan cacat - kerana ini tidak disebut dalam skim makanan Jepun. Semua yang terkeluar daripada makanan asas paling rendah adalah datang daripada makanan untuk "pekerja" dan Jawatankuasa Kem bercadang agar tidak diberi tambahan makanan kepada "si sakit" sekiranya masih terpengap di katil tanpa berusaha untuk cepat sembuh. Ini telah menyebabkan perselisihan antara saya dan Bishop mengenai Rev. Hayter, yang dengan rasminya "sakit" tetapi kelihatan bersiar-siar setengah batu dari pondok. Apabila diugut agar makanan tambahan ditarik balik kerana dia tidak tinggal di dalam pondok, segera dia "sihat" pada hari esoknya dan bersedia menjalankan tugas. Orang Amerika dikatakan telah tiba di Cassel dan Erfurt (di Hesse?).
- 11 Hari masih panas lagi. Tentera Jerman dikatakan telah berpecah. Tentera Korea memberi kami lebih nasi dan sup, suatu pertanda baik.
- 12 Hasil konfrontasi dengan Bishop, Jawatankuasa Kawasan kini menamatkan sistem makanan simpati terhadap "si sakit" yang tulen. Seorang pengawal Melayu bertukar 10 biji telur ayam dengan sehelai kemeja. Telur ayam kini berharga \$8.00 sebiji dan itik \$10.00. Lagi sebuah pesawat peninjau kelihatan hari ini. Kami keluar menebas lalang di Bukit Timah.
- 13 Chapman, dari pondok kami, kena tangkap dekat pagar malam tadi, oleh pasukan peronda malam, kerana berurus niaga dengan pengawal-pengawal Melayu. Chapman didera berlutut sepanjang malam tetapi dibebaskan jam 12.00 tengah hari. Seorang pengawal Melayu dipukul dan diikat pada pokok sepanjang hari. Tominara mengatakan dia "tidak suka" membuat aduan kepada Kempitai.

- 14 Berita terakhir menyatakan bungkusan Palang Merah akan diagih-agihkan esok. Khabar angin menyebut Franklin Roosevelt meninggal dunia.
- 15 Berita akhir tentang bungkusan – 50 lelaki dan 30 wanita akan berbaris di lapangan dan diambil gambar mereka sedang menerima bungkusan, tetapi bungkusan hendaklah dikembalikan semula ke stor! Kami nampak tentera India melewati kem kelmarin. Jeneral juga datang ke sini tetapi bungkusan masih belum kelihatan. Seorang pengawal Penjara Singapura mati di sini.
- 16 Kasihan Trevor Hughes, 43 tahun, mati malam tadi. Dia menghidap kencing manis dan batuk kering. Saya hadir dalam upacara pengebumiannya. Cuma dengan bekalan insulin dapat menyelamatkan jiwanya!
- 17 Kasihan Trevor Hughes menjadi hilang akal dua minggu dahulu. Puan Mulvaney dan Puan Fowler dikatakan dalam keadaan yang sama. Menurut khabar angin, tentera British telah mendarat di Surabaya, Jawa, pada kira-kira 10 April.
- 18 Tentera Amerika dikatakan telah mendaratkan orangnya seramai 1 300 000 di Kyushu, Jepun. Saya mendapat sehelai seluar panjang khaki untuk menebas lalang.
- 19 Seramai lapan orang tawanan Yahudi yang baru tiba dipaksa mandi *izal* hari ini; seorang daripada mereka tidak pernah mandi selama 47 tahun kerana, katanya, dia takut dapat selesema. Kebanyakan mereka berkurap, berkudis, berkutu dan berpanau.
- 20 Jepun memanggil kesemua jurutera motor pada pukul 9.00 pagi. Saya ambil sup untuk Puan Edge di Kem Wanita.
- 21 “Duit Pokok Pisang” Jepun kehilangan nilai membeli dengan pesat sekali. Wang kertas itu dipanggil begitu kerana ada gambar pokok pisang di dalamnya. Gula melaka kini \$80.00 sekati, gula pasir \$20.00 sekati, kopi \$60.00 sekati. Jepun berjanji akan mengeluarkan bungkusan Palang Merah esok. Ada khabar angin tentang sidang damai berlangsung di Kaherah dan akan dihadiri oleh perwakilan Jepun.
- 22 Setelah membuat segala persiapan untuk mengagih-agihkan

- bungkusan hari ini, Jepun kini menanggukkan pula ke hari esok! Kononnya, Jepun kurang senang dengan peristiwa sebuah kapal yang membawa mayat-mayat Jepun pulang ke negerinya tiba-tiba karam.
- 23 Hari St. George. Sanak keluarga bertemu antara satu dengan lain di Kem Wanita mulai pukul 9.00 pagi – 12.00 tengah hari dan 2.00 – 4.00 petang. Akhirnya setiap orang mendapat bungkusan Palang Merah (Kanada); tetapi ada pula mendapat bungkusan British bertarikh Mei 1942! Kismis dan prun sudah berkulat tetapi kami makan dengan seronok! Jeneral Jepun menjelaskan bahawa kapal yang membawa bungkusan telah karam dalam pelayaran pulang. Satu tin susu (Klim) kini berharga \$850.00; mentega \$600.00 setin dan satu bungkusan Palang Merah dijual di sini dengan harga £225.00! Kami dapat cuti satu hari.
  - 24 Pemilihan Wakil Pondok berkeputusan dengan Kapten Thomas mendapat 68 undi dan Human 40 undi. Saya sungguh gemar makan skeeping coklat Kanada 5 auns dalam masa 15 minit dan kismis berkulat dengan sup sayur.
  - 25 Jepun memindahkan 58 bungkusan kami ke Rumah Hijau. Ini berikutan dengan permintaan Suzuki kepada wakil kami agar dia menyampaikan kepada jeneral juga sebuah bungkusan! Wakil kami tidak begitu segera bersetuju dengan "cadangan" itu; kemudian diminta pula sebanyak 57 bungkusan untuk diberi kepada kakitangan tempatan Jepun seorang sebungkus! Kempitai datang dan membawa pergi Cherry dan Earle ke Rumah Hijau, dan tidak lagi terdengar berita tentang mereka selanjutnya. Rokok "Old Gold" Amerika dijual dengan harga \$100.00 untuk 20 batang.
  - 26 Jepun sedang menjalankan latihan kereta kebal sebanyak enam buah di sepanjang jalan di luar kem. Pengawal kami bernama Tokunaga menangkap seekor musang ketika kami membakar lalang di atas bukit, di balik blok rumah sana. Cherry dan Earle dibawa pergi untuk menghadapi perbicaraan di Singapura dan akan dihukum. Mereka juga mencari McIntyre.
  - 27 Neomani, seorang lagi pengawal Jepun, dilaporkan enggan menerima bungkusan Palang Merah kerana itu untuk Orang



Tawanan Perang. Jepun mengumumkan agar kayu api kurang dibekalkan ke dapur mulai esok dan ada di antara kami menganggap hal ini sebagai tanda bahawa perang akan berakhir tidak lama lagi. Harper Ball menjual cincinnya kepada seorang pelawat Korea dengan harga \$900.00 dan mendapati dirinya menghadapi masalah dengan Polis Kem!

- 28 Kekurangan bekalan kayu api menyebabkan penghuni yang lapar sukar membuat kopi kerana ketiadaan air panas. Penggunaan kayu api, sebenarnya, telah dikurangkan sebanyak 60% dan kami diberitahu kayu dibawa dari Sekudai, Johor. Petrol kini berharga \$130.00 segelen di Singapura. Kami dengar seorang Kolonel Jepun membantah apabila melihat orang-orang tawanan separuh bogel dan berkaki ayam mengheret lori tanpa enjin penuh bermuat kayu ke kem. Sementara itu penggunaan lampu elektrik dalam pondok kami juga dilarang.
- 29 Hari ulang tahun Keputeraan Maharaja Jepun, Tenno Heika, tetapi tiada cuti bagi kami. Dalam pemilihan wakil kawasan "Kita", Dr. Cameron mendapat 251 undi, Belgrave 214 dan Harper Ball 58 undi. Askar Cossacks, dilaporkan memasuki Berlin. Saya cuma mendapat sekeping mata pisau cukur dalam bungkusan Palang Merah dan berkongsi  $\frac{1}{2}$  tin sardin salmon dengan rakan sebilik.
- 30 Dalam pengundian yang dibuat semula, Belgrave meraih 290 undi dan Dr. Cameron 214 undi. Rusia dikatakan memasuki Berlin pada 22 April. Saya memasukkan nama saya untuk pertimbangan sekiranya kakitangan dapur diperlukan.

### *Mei*

- 1 Kobiashi dilaporkan sebagai berkata (tetapi saya tidak percaya) bahawa  $\frac{1}{4}$  juta tentera Amerika berada di Pulau Kyushu, Jepun. Saya berhenti daripada menyertai kumpulan petugas Jack Draper dan memasuki "Skuad Kebersihan", dengan harapan agar tenaga tangan saya kurang digunakan.
- 2 Saya mula menjalankan tugas skuad kebersihan. Kumpulan Draper kini tinggal enam orang lelaki lagi kerana Curtis, seorang anggotanya, jatuh pitam. Bagaimanapun, langkah diambil untuk menambah bilangan menjadi 24 orang. Rowswell

- (Pos dan Telegraf) mati kerana barah kerongkong. Dia sempat membaca suratnya sebelum meninggal.
- 3 Kumpulan mencari kayu kini bercantum dengan kumpulan cangkul seramai 300 orang yang bertanam ubi kayu di atas bukit di luar kem. Mereka dibawah kawalan Tokunaga.
  - 4 Sejumlah 7000 pucuk surat tiba dan bertarikh Oktober 1944. Dalam pemilihan Wakil Lelaki, Collinge mendapat 1700 undi dan Dr. Evans 700 undi. Tokunaga "menghadihkan" tiga ekor babi dan 80 paun sayur daripada kebun kepada kumpulan petugasnya.
  - 5 Seorang memberitahu Jepun supaya segera berhambus dari sini. Cerut dijual dengan harga \$2.50 sebatang! Suzuki dikatakan telah memberitahu kakitangan hospital, kami akan keluar dari kem ini pada 21 Mei dan setiap orang akan menerima satu bungkusan Palang Merah sebagai bekalan darurat. Seorang tawanan bernama Caucher, 71 tahun, bekas kakitangan Boustead Institute, mati.
  - 6 Kami dengar Tominara memberitahu Osterhaus, penganut Nazi Belanda, bahawa perang sudah tamat. Molotov berada di London. Mussolini ditangkap oleh pemberontak di Tasik Como. Suatu persidangan sedang berlangsung di San Francisco dan seluruh negeri Jerman telah tewas. Juga khabar angin tentang bekalan beras kami akan ditambah sebanyak 50%. Beberapa ekor lembu tiba di kem tetapi kami terpaksa membayar tambang berjumlah \$5000.00!
  - 7 Suatu perasaan gembira di dalam kem berhubung dengan kemungkinan permintaan damai oleh Jepun, dan ada cerita bahawa anggota tertentu akan dikirim ke kem untuk menjalankan tugas penting tidak lama lagi. Berkongsi setengah tin "ham" dengan Horace Hunter untuk merayakannya.
  - 8 Hari jadi John! Dia pergi ke Sekudai, Johor, dengan lori untuk mengangkut kayu api. Berat badan saya kini 167 paun (11 ston 13 paun), iaitu susut 15 paun atau 1 ston dalam masa dua bulan! Jadi saya makan satu tin kecil sardin, buka satu tin mentega dan makan ½ paun gula melaka.
  - 9 Kematian Archdeacon Graham White yang lemah, 61 tahun,

selepas menjalani pembedahan pangkal usus. Dia seorang yang baik. Doktor baru bagi "Kita" ialah Dr. Scrimgeour, Dr. Duff dan Dr. Mookdil (seorang doktor pelawat India). Surat-surat bertarikh September 1944 dari Australia telah diberi kepada kami. Ada cerita yang mengatakan kami akan bertolak ke India pada 21 atau 24 Mei!

- 10 "Ginger" Gore, peladang Kedah, 53 tahun, mati kerana penyakit pundi-pundi kencing. Saya mendapat sepucuk lagi poskad dari Salisbury bertarikh September 1944. Ada laporan mengatakan suatu Persidangan 37 Negara di San Francisco dan satu kata dua telah dikirim ke Jepun: "Menyerah, atau menerima akibat!"
- 11 Kematian seorang peladang tua bernama Loveridge. Suatu perubahan besar berlaku di dapur. Belgrave, wakil kami, telah menyingkirkan ketua tukang masak bernama Gee dan timbalannya Harris kerana masak makanan mereka sendiri  $\frac{1}{2}$  pain beras putih apabila mereka sakit (dan barangkali mereka tidak bekerja). Kapten Clements kini diberi tugas sementara di dapur. Puan Trevor Hughes, Puan Osterhaus dan yang lain-lainnya telah diberitahu bahawa kami akan bertolak ke India pada 21 Mei, begitulah bunyi ceritanya.
- 12 Puan Siddons, seorang Serani yang rapat dengan Jepun, berkata bahawa empat buah kapal akan tiba untuk mengangkut kami ke India. Sudah sebulan kami tidak lagi nampak kapal terbang Pihak Bersekutu dan boleh dikatakan seluruh kegiatan di udara sudah berhenti. Kami hairan kenapa? Sebaliknya, terdengar berita gembira tentang kekalahan Jerman di Rheims pada jam 2.45 petang 7 Mei. Kami juga dengar, bahawa Hitler telah mati dan Pihak Bersekutu mendarat di Tarakan, Borneo dan di Sumatera Utara. Kami dibenarkan mengirim berita melalui radio sebanyak 25 patah perkataan ke Australia. Jack Draper didenda \$10.00 kerana menghantar keledak dan kacang parang kepada isterinya di Kem Wanita. Tetapi tidak jelas sama ada sayuran itu dari kebun persendirian atau Kebun Kem; mungkin kebun persendirian. Catuan harian Jepun pada 8 Mei 1945 seperti berikut: Beras 3.1 auns; jagung 2.0 auns; sayur hijau 7.0 auns; garam 0.5 auns; kacang tanah 4.2 auns; ubi kayu 0.75 auns; betik 2.0 auns; jumlah 19.55 auns. (Minyak

sawit  $\frac{1}{3}$  auns; minyak kelapa  $\frac{2}{3}$  auns).

- 13 Saya cuba bertukar satu tin susu Klim dengan satu tin minyak sawit dan dapat menjual  $\frac{2}{3}$  bahagian daripada dua tin daging dalam tin.
- 14 Catuan beras kem bertambah sebanyak 40 kilo, menjadi 1240 kilo. Orang Yahudi menjual karipap buatan sendiri di pondok mereka dengan harga \$80.00 sebutir.
- 15 Ada berita angin mengatakan Sir Harry Trusted telah meninggal dunia di Formosa, tetapi tiada pengesahan tentang berita itu.<sup>189</sup> John menerima dua pucuk poskad daripada isterinya di Australia. Dua orang Serani lari dari kem malam tadi, tetapi kehilangan mereka tidak dilaporkan sehingga tengah hari selepas panggilan nama jam 5.30 petang. Bagaimanapun, mereka kembali ke kem pada pukul 10.30 malam, setelah berjalan sejauh Newton Circus di Singapura. Khabar angin menunjukkan Perancis telah mengambil alih kerajaan Libya dan Turki mengambil Syria dan Tripoli. Saya membeli telur pertama kali semenjak 18 bulan dengan harga \$9.00.
- 16 Hari jadi "Patchy" Green. Tominara berjanji kami akan mendapat banyak makanan tidak lama lagi.
- 17 Sejumlah 21 paun beras dan juga tepung yang telah diuli dicuri dari dapur sebanyak empat kali. Pencuri juga mengambil keledak dan bawang. Beberapa orang Yahudi disyaki masak makanan sendiri di dapur khas. Sepucuk poskad diterima membayangkan bahawa kakitangan kerajaan akan mendapat tambahan perkhidmatan lima tahun dalam pencen mereka sebagai mengganti kerugian dalam tempoh perang.
- 18 Persidangan San Francisco dikatakan telah melukis semula peta Eropah dan negeri Jerman yang diduduki.
- 19 Saya membeli sebutir lagi telur berharga \$8.25 dan makan mentah untuk mendapat khasiat yang lebih,<sup>190</sup> Lagi cerita tentang pendaratan Pihak Bersekutu di Pulau Shikoku, Jepun.

189 Seperti yang dinyatakan oleh Mark Twain, khabar angin kematian Sir Harry "dibesarkan". Sebenarnya, apa yang dimaklumkan, Sir Harry masih hidup dan sihat. Dia mati ketika berusia 97, pada bulan Disember 1985.

190 Ada yang lebih jauh berikhtiar dengan menumbuk lumat kulit telur jadi serbuk dan memakannya untuk menambah khasiat protein.

- 20 Jepun dikatakan telah menandatangani "di atas garisan bertitik". Kasihan Roeper, penghuni tua pondok kami, sakit teruk dan sudah seminggu terpaksa makan melalui hidung.
- 21 Kumpulan cangkul sekali lagi memulakan kerja di kawasan padang golf. Seorang Jepun (mungkin orang Korea) dikatakan telah berteriak kepada mereka dari sebuah lori: "Segalagalanya telah selesai".
- 22 Jepun dikatakan mendengar ucapan Eden menerusi Radio Tokio pukul 10.00 pagi yang meletakkan syarat-syarat menyerah kalah. Kasihan Roeper, 69 tahun, telah mati di sini. Rusia dikatakan telah mengerah 5 000 000 orang Jerman untuk menjalankan kerja-kerja membina semula Rusia dan Poland.
- 23 Masih tiada kegiatan udara di sebelah sini, tetapi khabar angin memperbualkan pendaratan Pihak Bersekutu di Teluk Tokio. Sir George Maxwell telah membangkitkan soal pampasan perang di dalam negeri.
- 24 Suzuki berkata lagi bahawa kesemua orang tawanan akan meninggalkan kem tidak lama lagi. Saya mendapat cirit sudah empat hari, mungkin kerana makan terlalu banyak bayam mentah. Saya terpaksa memberi keterangan terhadap dua orang "Budak Asia", seorang bergelar "Donald Duck" dan seorang lagi bernama Ellison. Mereka didapati bersalah membakar keledak curi dalam abu bakar sampah semasa saya membakar tin-tin lama dan buangan lainnya, pada pukul 1.30 pagi. Saya terpaksa menjelaskan kepada semua yang berkenaan bahawa saya tidak tahu-menahu apa yang berlaku.
- 25 Saya membeli sebutir lagi telur dengan harga \$9.25. "Puss in Boots" dikatakan telah mengulas bahawa Jepun hanya dapat bertahan lagi dua bulan! Lagi perbuahan tentang dua buah kapal di pelabuhan yang sudah bersedia untuk mengangkut kami pulang.
- 26 Jepun mengaku bahawa mereka telah berpindah dari Burma. "Donald Duck" mengingatkan Majistret Kem hari ini bahawa Yahudi telah membohongi Nabi Isa, tetapi kaitannya terlalu samar!
- 27 Harapan saya untuk bekerja di dapur menjadi pudar hari ini

apabila saya dimasukkan ke hospital kerana berak darah. Babi di ladang ternakan babi akan dibunuh kerana tiada makanan untuknya, atau ini sebagai suatu lagi pertanda pemulangan kami?

- 28 Sebuah kapal terbang dikatakan terbang ke mari tiga hari dahulu dan barangkali telah menggugurkan risalah. Perdana Menteri Siam dikatakan telah lari ke Chungking. Seorang tua bernama Gray mati di sini.
- 29 Hari ini ialah hari ketiga saya mendapat "makanan penyakit berak darah" dan saya terasa cukup lapar. Esok saya akan tukar kepada "makanan barah perut" yang lebih baik!
- 30 Ada berita tentang pembentukan sebuah jemaah menteri baru di dalam negeri. Saya kini sukar buang air, syukur kerana mendapat ubat yang bernama "Emitite". Siren serangan udara berbunyi pada pukul 10.00 pagi dan mungkin itu suatu latihan percubaan Jepun.
- 31 Saya berasa cukup sihat sekarang dan masih mendapat makanan barah perut. Sebuah pesawat pengebom sederhana dilaporkan kelihatan di angkasa Seletar jam 10.00 pagi ini dan terdengar beberapa bedilan meriam.

### Jun

- 1 Saya akan keluar hospital esok dan mendapat makanan penuh tanpa kerja selama seminggu. Lagi khabar angin mengatakan Bangkok tertawan oleh tentera British tanpa tentangan pada 28 Mei selepas mara 100 batu. Wakil kami masih mendesak Jepun agar membaiki makanan demi kesihatan kami. Saya mengumpul sumber kewangan saya dengan menjual kertas rokok: Karya Shakespeare \$59.00; Scott Lockhart \$50.00; Wild Wales \$37.00; sebahagian daripada buku *Gone with the Wind* \$27.00; *The Three Musketeers* \$47.00; dan *Chambers' Dictionary* \$106.00.
- 2 Saya keluar hospital dan terasa cukup lapar, lantas membuka satu tin daging dan terus memakan  $\frac{4}{5}$  daripadanya. Buang air mantap semula, syukur mungkin kerana tiap-tiap dua jam dapat minum air bercampur kapur yang dikikis dengan sudu dari sebuah cerun bukit.

- 3 Baca *Lay Thoughts of a Dean* Dean Inge dan *The 1890's* Holbrook Jackson.
- 4 Ada khabar angin terbaru mengatakan kami akan dipindahkan ke Pulau Karimun atau Bintan. Dua buah kapal terbang lintas terbang pukul 6.00 petang. Kami mula meragui kebenaran khabar angin Bangkok dan pendaratan di utara Tanah Melayu, iaitu di Perlis dan Kota Bharu.
- 5 Jepun kini merancang membina sebatang jalan baru di dalam kem dan menggali lubang rahsia berlindung daripada serangan udara di kawasan selatan kem dan mesti selesai dalam masa enam minggu. Kami dengar lagi berita bahawa kami telah menduduki semula Moulmein, Mergui, Tavoy dan Phuket di Burma dan Siam.
- 6 Ada laporan bom digugurkan di utara Tanah Melayu dan rintangan baru dibina di pinggir jalan hala ke Johor. Jeneral Saito mengakui adanya kekurangan beras yang amat serius tetapi menuduh segala ini disebabkan tindakan tentera kami yang menghalang perhubungan dan kapal-kapal karam.
- 7 Jepun melaporkan ketibaan kapal terbang Pihak Bersekutu di Johor Timur yang datangnya dari arah Kepulauan Anamba. Berat badan saya kini mencatat rekod paling rendah iaitu 163 paun (11 ston 9 paun), susut 4 paun. T.P. Coe yang tua, susut 9 paun, kini hanya 97 paun! Serangan ke atas Tanah Melayu diisytiharkan sebagai "sudah pasti".
- 8 Baca *Lady into Fox* dan *Man in the Zoo* David Garnett, juga *Selections of Modern Essayists* Jepson.
- 9 Saya tanam lagi 14 batang bayam Ceylon, dengan harapan pada satu hari nanti dapat mengisi perut saya.
- 10 Baca *Candide* Voltaire. Seorang tawanan bernama Allen, 53 tahun, telah mati. Saya mendapat separuh bahagian bungkusan Palang Merah British yang bertarikh Jun 1942! Saya makan ½ tin tomato dan cepat mendapat semula cirit.
- 11 Makan ½ tin daging "galantine". Lagi orang tawanan masuk ke mari. Baca *English Inns* Burke.
- 12 Orang-orang yang baru tiba berkata, Labuan dan mungkin

juga Borneo kini telah jatuh ke tangan Pihak Bersekutu. Saya nampak Dr. Shelley (Sukarelawan) keluar di jalan hari ini. Najis saya didapati negatif tetapi masih terus minum kaolin (air tanah liat Cina) yang dikorek dari cerun. Khabar angin yang aneh tentang Leftenan Suzuki dan Kobiashi dibawa oleh Kempitai. King George VI dijangka berucap melalui radio ditujukan kepada Maharaja Jepun.

- 13 Saya berjumpa Dr. Shelley lagi dan terus minum bekalan kaolin, juga makan  $\frac{1}{2}$  tin keju. Kumpulan pekerja yang membina "terowong" tanah untuk Jepun diberi makan oat dan minum Horlicks untuk menggalakkan mereka bekerja. Tujuan terowong ini masih rahsia.
- 14 Sungguhpun perut saya masih kurang sedap, tetapi saya boleh menikmati setengah tin "bacon". Lagi berita palsu tentang pendaratan di negeri Jepun.
- 15 Makan  $\frac{1}{2}$  tin nasi berkrim. Cerut kini dijual dengan harga \$3.00 sebatang. Puan Barnes telah mati. Kami mendapat amaran serangan udara.
- 16 H ... (Kastam) dihukum kerana mencuri makanan dari dapur wanita. Baca *The Renaissance Pater*. Saya menjual buku *Scott* karya Lockhart dengan harga \$50.00 dan *Wild Wales* \$37.00.
- 17 Angkatan Tentera British kini dikatakan tiba di Pulau Phuket. Tewfik, seorang bangsa Iraq berusia 17 tahun, ditangkap hari ini kerana cuba mencuri seluar panjang Gridley dan Godwin. Setelah diikat ke sebatang pokok dan dipukul dengan tuala basah, dia mengaku dan juga melakukan beberapa kecurian lainnya, termasuk wang \$1000.00 dari Attias (Raffles Hotel).
- 18 Telur kini berharga \$25.00 sebutir. Saya makan  $\frac{1}{2}$  tin puding jem. Baca *Figures in Modern Literature* dan *Selected Essay*; kedua-duanya karya Priestley.
- 19 Pemotong kayu semuanya kini terpaksa pergi hingga ke Johor untuk mendapatkan kayu api kegunaan kem. Dua orang tawanan lagi mati: Bailey, 57 tahun, dan Frater (Majlis Bandaran) kerana batuk kering. Saya makan  $\frac{1}{2}$  tin adunan ikan. Brand. Pekerja terowong diberi makan oat, jem dan susu Horlicks.



- 20 Saya membeli dua butir telur ayam dengan harga \$11.00 sebutir. Saya makan  $\frac{1}{2}$  "steak" dan sayur serta minum  $\frac{1}{6}$  tin susu pekat.
- 21 Ada berita "muktamad" tentang pendaratan tentera Pihak Bersekutu di Teluk Brunci pada 10 Jun. Margaret Rose mati dalam Kem Wanita.
- 22 Orang Tawanan Perang yang kini berada di Changi akan dipecahkan kepada kumpulan menjadi 400 - 500 orang untuk dihantar ke seluruh Semenanjung. Saya bertukar satu tin jem dengan satu tin "bacon".
- 23 Tentera kami dikatakan telah menduduki Kuching, Sarawak. Saya buka  $\frac{1}{2}$  tin marjerin.
- 24 Kami cuba masak 20 auns "cottage pie" buat pertama kali. Memang sedap dimakan tetapi ini bermakna simpanan wang seminggu telah diperuntukkan kepadanya.
- 25 Saya membuat semula tugas lama di tempat bakar sampah. Ada berita pendaratan Pihak Bersekutu di Aceh, Sumatera Utara.
- 26 Kesemua petugas di luar kem (kecuali pemotong kayu) akan dipotong catuan mereka kepada 50 gram setiap hari mulai 1 Julai. Seramai 150 orang akan meneruskan kerja penyenggaraan di luar kem dan 150 orang lagi di kebun, semata-mata untuk merumput. Jepun kini menyediakan tempat perlindungan serangan udara di sekitar Markas Rumah Hijau. Evans, anak lelaki peladang ternakan tenusu kem, mendapat tifus.
- 27 Baca *Life of J.M. Barrie* Denis Mackail dan baca semula *Memory Hold the Door* Buchan.
- 28 Cerut yang dibeli oleh Bishop berharga \$7.00 sebatang! Sebotol minyak kelapa kini \$125.00 dan saya sendiri membeli 4 auns garam dengan harga \$18.00.
- 29 Don, seorang ahli pondok kami, memberitahu dia menghidap batuk kering dan salah satu paru-parunya telah habis. Beberapa orang Serani dan orang lain juga, termasuk Martine, dibawa ke Rumah Hijau, kerana ditangkap berurusniaga de-

ngan orang Sikh dekat pagar berduri. Garcia tersingkir daripada tugasnya yang menguntungkan.

- 30 Mulai esok, kesemua anggota yang bertugas selama enam jam sehari akan mendapat tambahan nasi sebanyak 50 gram kecuali pemotong kayu akan mendapat 100 gram. Beberapa letupan luar biasa yang terpencil kedengaran.

### *Julai*

- 1 Cirit lagi dan mungkin kerana minyak benzin yang bercampur dengan minyak sawit. Balikpapan di Borneo Belanda (sekarang Kalimantan Timur, Indonesia) dilaporkan tertawan.
- 2 Mereka yang berikut kini hanya mendapat tambahan 50 gram nasi sehari: 150 orang merumput di luar, 150 orang tukang kebun dalam, 60 orang pengangkut kayu, dan 30 pekerja binaan. Saya masih nampak kurus kerana tulang badan saya kelihatan menonjol keluar! Orang tua nampaknya lebih menderita. Parsons, berasal dari Butterworth, menjadi gila dan Kolonel Cecil Rae sakit tenat kerana bengkak-bengkak badan dan kurang zat makanan.
- 3 Miri di Borneo nampaknya dalam tangan Pihak Bersekutu semenjak 18 Jun dan Perdana Menteri Jepun mengaku kekehalan Borneo tanpa pertolongan yang dijanjikan untuk "Malai", iaitu Malaya panggilan Jepun.
- 4 Khabar angin mengatakan selepas pemeriksaan kesihatan pada hari Jumaat hadapan dan panggilan nama mengikut umur, kami cuma dibenarkan mempunyai sehelai alas tidur, sebuah beg dan sebiji bangku. Ini merupakan langkah bersedia sekiranya diarahkan berpindah segera dari sini. Saya mengambil keputusan menjual beg pakaian saya dengan harga \$75.00 dan memakai beg simpanan Richard Graham. Dia ialah jiran sebelah bilik yang kelambunya saya kongsi. Harga barang Palang Merah kini adalah seperti berikut: Daging dalam tin \$300.00; setin susu Klim \$600.00; setin susu pekat \$280.00; marjerin \$200.00; *bacon* \$250.00; jem limau \$220.00; mentega \$450.00. Telur itik \$17.00 sebutir!
- 5 Pemeriksaan kesihatan esok bagi kesemua yang berumur antara 15 – 55 tahun dan mesti pakai kemeja dalam suatu per-

barisan pukul 2.00 petang. Seorang Serani Pulau Pinang bernama Bates hilang dari kem malam tadi dan meninggalkan sepucuk surat menunjukkan dia tidak berniat untuk pulang ke kem. Saya cuba membuat acar dengan meramu bahan berikut: kacang *peas*, bayam, kentang, serbuk kari, gula, bawang dan kanji! Masih membaca buku *Belief for Action* Lord Samuel (Penguin).

- 6 Pemeriksaan kesihatan antara jam 2.00 – 5.00 petang dan ini semata-mata berjalan melewati seorang doktor dengan pantas sambil diperhatinya ke atas ke bawah tanpa sebarang ulasan.<sup>191</sup> Rupa-rupanya Jepun telah mengeluarkan perintah bahawa semua orang awam akan dipindahkan keluar dari Pulau Singapura mulai sekarang hingga September sama ada ke Johor atau ke utara Tanah Melayu (atau ke kepulauan tadbiran Belanda, bagi orang Jawa).
- 7 Badan saya susut lagi 5 paun menjadi 158 paun (11 ston 4 paun), tetapi sebahagian kakitangan dapur bertambah gemuk antara 8 atau 9 paun tiap-tiap seorang. Laporan tentang kejatuhan Tsing Tao di China Utara. Kami menjangka serangan ke kawasan ini datang dari arah utara, timur dan barat, tetapi bila?
- 8 Seorang Yahudi bernama Ellison lari dari kem dan Jepun mengadakan acara panggilan nama di kawasan "Kita" pada pukul 11.00 pagi. Jepun kini menghukum penghuni Pondok 67 dan 68 dengan memberinya separuh catuan mulai esok kerana dua kejadian terlepas lari datang dari kedua-dua pondok itu.
- 9 Baca *Great Contemporaries* Churchill dan *Some Experiences of an Irish Resident Magistrate* Somerville dan Ross.
- 10 Dilaporkan periuk api digugurkan di perairan Tanah Melayu.

---

191 "Pemeriksaan" pulsu ke atas seramai 3000 orang dalam masa tiga jam jelas menunjukkan betapa kurangnya minat Jepun tentang kesihatan kami. Pegawai perubatan Jepun cuma menjadi "tunggul" bagi kebajikan kesihatan kem. Sebenarnya doktor-doktor kami tidak sahaja merawat orang tawanan tetapi adakalanya merawat pengawal Jepun kerana menghidap penyakit kelamin. Kekurangan ubat dan ubatan luka amat dahsyat justeru itu pelbagai ikhtiar ganti diusahakan, seperti minyak kelapa sawit, kain pembalut yang direndam dalam susu getah untuk mengganti "elastoplast" dan serbuk gigi daripada abu kayu. Tiada percubaan untuk mendapatkan bekalan yang amat diperlukan seperti insulin, pil M dan B dan sebagainya.

Semua orang Yahudi dan Serani akan dipindahkan dari kawasan "Kita". Pada masa akan datang perintah berkurung dilaksanakan mulai 10.30 malam hingga 7.00 pagi dan panggilan nama dijalankan pada jam 8.00 malam ini dan sekali lagi pada jam 8.00 pagi esok.

- 11 Penghuni Pondok 67 dan 68 masih dengan separuh catuan atas perintah Jeneral Saito dan orang tawanan baru masuk ke empat buah pondok yang dikosongkan oleh orang Yahudi dan Serani di dalam kawasan ini. Kami dengar suatu siri letupan ganjil sepanjang hari. Kolonel Rae mati akibat bengkak-bengkak badan, berak darah, seriwawan dan kencing manis; orang ketiga yang mati akibat penyakit ini kerana ketiadaan insulin.
- 12 Kem Wanita tidak dibekalkan dengan sayur-sayuran sehingga diberitahu kelak kerana kecurian dalam kebun mereka, dan hanya dibekalkan dengan nasi sahaja. Jepun meminta butiran perkhidmatan lampau dalam perkhidmatan biasa (tetapi tidak bernasib baik bagi yang dalam pasukan sukarela tempatan). Hari yang teruk bagi saya di tempat bakar sampah kerana memusnahkan tin-tin lama dan sampah bertimbun-timbun yang ditinggalkan oleh orang Yahudi dalam kawasan itu. Setelah kesemua tin dibakar, kemudian ditumbuk hingga rata dan dimasukkan ke dalam guni sebagai kepingan logam untuk dikirim ke Jepun.
- 13 Sejumlah 20 tong bungkusan Palang Merah tiba di kem. Pada pukul 12.00 tengah hari ini, beberapa buah kapal terbang kecil dua enjin melintasi ruang udara.
- 14 Seorang tawanan bernama Deeks, berasal dari Andaman, mati, dan seorang lagi bernama Zehender, akibat radang umbai usus. Ada satu cerita bagaimana pengawal-pengawal Sikh menangkap seorang "gila" yang cuba "lari" dari kem ini. Bagaimanapun, Jepun mengugut untuk memberi separuh catuan makanan bagi keseluruhan kem sekiranya masih berlaku cubaan lari. Ketibaan surat bertarikh Jun 1944 dari Apostolic See.
- 15 Bekalan makanan menjadi bertambah buruk tetapi Jepun meminta pekerja sukarela untuk menjalankan tugas biasa de-

ngan menawarkan tambahan 200 gram nasi sehari: 30 orang untuk menambus tangki air. 170 orang bekerja di terowong,<sup>192</sup> 60 pemotong kayu, dan 200 tukang kebun sayur (tetapi mereka hanya dapat 50 gram tambahan). Kekurangan makanan menyebabkan ramai orang tawanan tergila-gila menulis pelbagai resipi dan perbincangan yang tidak habis-habis tentang menu nasi dan makanan! Belacan dijual dengan harga \$300.00 sekati (Pekerja- pekerja menetapkan \$13.00 satu auns). Tipu helah ini dikelolakan oleh seorang bekas pegawai penjara yang menjadi Raja Pasar Gelap, bernama Mitchell. Saya buka tin terakhir, ½ bahagian susu pekat, yang berharga \$280.00 satu tin!

- 16 Baca *On England* Baldwin dan *The Card* Arnold Bennet. Mereka mula menggali lubang untuk tangki air. Akhbar Jepun mengaku Pihak Bersekutu menyerang Pontianak di Borneo (sekarang Kalimantan Barat, Indonesia).
  - 17 Baca *Cromwell* Buchan. Sebuah lagi kapal terbang peninjau tiba kelmarin dan hari ini. Putera Konoye, Jepun, dilaporkan berlepas ke Amerika Syarikat kerana berunding damai.
  - 18 Telur ayam kini berharga \$17.00 sebutir. T.P. Coe dari pondok kami dapat tugas baru: Menangkap lalat di dapur mulai jam 4.00 – 5.00 petang. Khabar angin menyatakan bom digugurkan dengan banyaknya di Tokio dan Osaka.
  - 19 Cik Evans, seorang Serani, 64 tahun, telah mati. Sarjan Tanaka mengugut hendak memotong catuan petugas kecuali mereka bekerja sehingga jam 5.00 petang setiap hari.
  - 20 Buat pertama kali, mereka memasukkan daun ubi kayu ke dalam sup. Wang menjadi amat kurang dan 150 ringgit "pisang" kini bersamaan dengan \$100.00 Negeri-negeri Selat.<sup>193</sup>
- 
- 192 Tidak lama kemudian kami mula meragui tujuan utama terowong ini. Kebenaran tersembunyi ialah untuk menyimpan makanan kiranya serangan udara menjadi hebat tetapi ramai kami syak bahawa kami sendiri akan dihalau masuk ke dalamnya dan apabila keadaan kelam kabut pintu masuk ke terowong akan ditutup rapat. Walau bagaimanapun, kami terdengar peristiwa seperti itu berlaku di Manila apabila tentera Amerika menuju ke kota raya itu. Penyiasatan selepas perang menyatakan bahawa adalah menjadi niat Pemerintah Tertinggi Tentera Jepun untuk melenyapkan semua Orang Tawanan Perang dan orang tawanan lainnya sekiranya Pihak Bersekutu menyerang Singapura.
- 193 Di Changi, sedikit sekali perbezaan antara ringgit "pisang" Jepun dan ringgit Negeri-negeri Selat, tetapi di dalam Kem Sime Road, ringgit Jepun merosot

Robson dari *Malay Mail*, 75 tahun, mati setelah menderita sakit selama tiga tahun.

- 21 Pagi masih gelap untuk mengadakan panggilan nama pada pukul 8.00, sebenarnya masih 6.00 pagi, tetapi Jepun tidak membenarkan kami memasang lampu. Seorang rakan kami yang tua, Phillips, dari firma Brown, Phillips dan Stuart, telah mati. Beberapa orang Belanda Putih dan Serani tiba ke sini dari Palembang dan Sembawa.
- 22 Saudara saya John telah menyertai kumpulan "penggali terowong". Saya menjual kitab Injil untuk dijadikan kertas rokok kepada Evans "Panjang", Straits Trading, yang bersama saya di sekolah, dengan harga \$106.00. Gula melaka kini berharga \$57.00 sekati.
- 23 John dengan murah hati memberi saya beras hasil "kedua" tugasnya. Lagi khabar angin tentang rundingan damai apabila Angkatan Laut Pihak Bersekutu kelihatan mengelilingi negeri Jepun.
- 24 Pihak tentera Jepun mempelawa kami menjualkan jam tangan untuk mentega, keju dan sebagainya. Kalangan optimis menganggap perkara ini sebagai tanda perdamaian.
- 25 Saya menyertai pasukan mencari kayu untuk mendapat tambahan 100 gram makanan. Lebih daripada sebuah kapal terbang datang pada pukul 1.00 tengah hari. Baca *Desert and Delta Jarvis*.
- 26 Hari jadi saya ke-41. Hari pertama saya keluar mencari kayu api. Tangan saya sebenarnya bukanlah sembuh betul dan kasut saya juga bukan sesuai sangat untuk mengheret kayu. Lagi sebuah kapal terbang kelihatan pukul 1.00 tengah hari. Saya buka susu Klim yang terakhir. Ketibaan sejumlah 1700 pucuk surat bertarikh Februari 1945.

---

hingga ke paras hampir-hampir tidak laku ketika Jepun menyerah kalah. Bandingkan kenyataan Dr. Chan Ah Kow pada 8 September 1945. Pengesanan bahawa wang Jepun tidak lagi berharga datangnya dari khabar-khabar yang masuk ke kem. Contohnya, kaki judi di rumah-rumah judi tidak menghiraukan sangat untuk menghitung wang tetapi mengukurnya dengan sebatang pembaris akan ketebalan wang kertas itu yang disusun rapi. Seorang majikan Jepun membayar upah buruhnya dengan wang kertas cetakan sendiri.

- 27 Lady Shenton Thomas menerima sepucuk poskad yang menyatakan Jeneral Percival, Brigedier Moir, Sir Shenton Thomas, Jeneral Heath dan Young, kesemuanya berada di dalam Kem Orang Tawanan Perang di Mancukuo (Manchuria). Tugas mengangkut kayu sebanyak dua kali perjalanan, pagi antara pukul 9.00 pagi – 12.00 tengah hari dan tengah hari antara pukul 2.00 – 4.00 petang. Lori-lori tanpa enjin dimuat penuh dengan kayu dan kemudian ditarik mendaki bukit oleh seramai 40 orang pekerja. Upah tugas ini dapat membeli 12 auns belacan dan cerut berharga S30.00. Jepun nampaknya memperkukuh kedudukan di sekitar padang golf serta membina kubu perlindungan dan menempatkan lapan laras meriam pejuang.
- 28 Pekerja berat dapat 1½ pain minyak sawit dan 10 auns gula melaka. Seorang inspektor polis bernama Hagger, 35 tahun, mati akibat barah pangkal usus kecil.<sup>194</sup>
- 29 Suatu keadaan yang amat sibuk di jalan raya apabila lori-lori bergerak ke sana ke mari membawa kumpulan buruh. Kami dapat cuti sehari penuh yang dinanti-nantikan. Baca *The House with the Green Shutters* George Douglas.
- 30 Kasihan Owen, pensyarah kimia di Raffles College, 37 tahun, mati hari ini. Dia merupakan pesakit kencing manis yang terakhir melawan penyakit itu. Kumpulan cangkul dan pekebun sayur di dalam kem akan mendapat tambahan nasi; dinaikkan menjadi 150 gram.
- 31 Lagi "terowong" dirancangkan sekarang dan Jepun mahu lebih ramai lagi anggota cangkul dengan menawarkan tambahan 150 gram makanan (tetapi pencari kayu terus mendapat tambahan cuma 100 gram).

### Ogos

- 1 Jepun nampaknya mengerah buruh bandaran untuk menjalankan tugas pertahanan dan diperintahkan balik ke kem apabila tentera Jepun menjalankan gerakan perang di padang golf.

194 Hagger menjadi mangsa Kempitai dan dipulangkan ke kem kami pada 8 April 1944. Lihat catatan 8 April 1944 dan Lampiran C.

Selama dua hari yang lepas, pencari kayu menjalankan kerja mudah tetapi masih berharap untuk layak mendapat tambahan beras 150 gram. Baca *Mr. Weston's Good Wine Powys*.

- 2 Khabar angin tentang kemenangan Parti Buruh dalam pilihan-raya di United Kingdom dan serangan komando di Kuala Pahang. Dikatakan cadangan syarat damai Jepun berdasarkan Tanah Besar Jepun tidak boleh diduduki oleh kuasa asing kecuali tanah jajahan di seberang laut. Teddy, pelombong yang beristerikan wanita Tamil, mati hari ini.
- 3 Penyakit berak darah datang lagi dan saya diberi "kaolin" dan ubat "Stovarsol". Lagi khabar angin tentang pendaratan di Phuket, Siam. Kini banyak cerut boleh dibeli, tetapi tiada wang untuk membelinya.
- 4 Berat badan saya kini 159 paun (11 ston 5 paun), naik satu paun. Kapal terbang enam enjin kelihatan di udara hari ini; jam 1.00 tengah hari.
- 5 Kami diberitahu bahawa kapal-kapal terbang yang terbang rendah kelmarin ialah pesawat pengebom dan telah mengebom Lapangan Terbang Kallang. Kami dapat cuti sehari penuh. Seramai 50 orang lagi anggota cangkul dikerah untuk menggali terowong, kebanyakan berusia 35 ke bawah. Mereka termasuk Rev. Hayter, Macnamara (Polis) dan Molesworth. Lagi banyak minyak sawit dan cerut dimasukkan ke kem, tetapi oleh sebab kemasukan barang ini melebihi permintaan, maka jualannya dengan harga kos iaitu \$1.30 satu unit.
- 6 Sebuah kapal terbang datang hari ini. Syukur, kerana berak darah sudah sembuh. Baca *Through the Magic Door* Conan Doyle.
- 7 Kami diberitahu semua poskad yang diterima kini diedarkan. Dalam suatu kejadian Jepun menambah ke dalam berita melalui radio kisah seorang tahanan "selalu menerima bungkusannya". Semua babi telah dibunuh dan memberi kami sebanyak 86 paun daging babi untuk 800 orang dalam kawasan ini. Daging babi sangat sedap dibuat pai babi. Puan Hogan mati di dalam Kem Wanita. Baca *Green Mansions* Hudson.
- 8 Baca *Old Public Schools of England* (sehingga tahun 1800)



Rodger. Jeneral melawat kami hari ini. "Hari Pengumuman", lebih baik dinamakan sahaja, kami harap tidak lama lagi, "Hari Selepas Berita".

- 9 Dianggarkan seramai 204 orang tawangan mati di dalam kem semenjak mula ditahan. Tominara menarik balik tambahan 150 gram daripada pencari kayu, atas alasan (i) mereka tidak menjalankan "kerja ketenteraan", (ii) mereka bukanlah dari kumpulan yang menjalankan kerja buruh seperti pekebun sayur dalaman dan anggota cangkul berat.
- 10 Lagi kematian berlaku: Wemyss, 60 tahun, dan seorang Yahudi bernama Menahem. Olive-Gay, 74 tahun, mendapati kakinya dipotong kerana ganggren (kelemayuh).<sup>195</sup> Jepun dijangka memberitahu Clunies Ross bahawa perang sudah tamat - dia adalah pekerja "terowong". Baca *Ebbtide* R.L. Stevenson. Kolonel Meredith pula dikatakan menjadi gila.
- 11 G. Waddle, Singapore Luggage Carrier Co., dan suami kepada Puan Waddle (Pendidikan), mati di sini. Keluar bekerja di Dunearn Road hari ini, dan seorang pemuda Serani yang menunggang basikal berteriak: "Jepun serah diri!" sambil melintas lalu dengan cepat.<sup>196</sup> Saya sendiri terdengar ketika kami berbaris sepanjang jalan mengheret kereta sorong penuh dengan barang-barang Jepun ke rumah seorang pegawai Jepun. Nampaknya, juga, bahawa Jepun menebang tiang-tiang wayarles di Flagstaff Hill (yang kelihatan jelas dari kem ini). Mereka juga mengumpulkan semua papan salib dari tanah perkuburan di dalam kem untuk dijadikan kayu api sambil mengatakan sebatang salib besar sudah cukup. Dua orang lagi mati, Kolonel Meredith, yang menghidap barah kerongkong (dia pernah berada di Dunkirk) dan seorang Yahudi tua bernama David Joseph.

195 Bukan dia seorang yang kena potong kaki. Misalnya, seorang pengurus bank, Sam Fortune, juga telah dipotong sebelah kaki. Hanya dengan luka kecil boleh bernanah kerana badan yang lemah dan merebak menjadi barah yang amat sukar untuk sembuh kerana ketiadaan ubat. Namun demikian, Sam menghadapi kecelakaan ini dengan penuh tabah.

196 Pemuda itu memberanikan dirinya untuk berhubung dengan kami kerana pengawal-pengawal kami juga berbaris bersama kami dan mungkin boleh memberkasnya. Bagaimanapun, peristiwa itu sudah cukup meyakinkan kami bahawa khabar angin rundingan damai itu sebenarnya adalah sah.

- 12 Seorang lagi Yahudi cabut lari dari kem, tetapi tiada pula pembalasan (seperti yang dijanjikan). Cuma dua orang Sikh mengambil kedatangan pagi ini, sesuatu yang luar biasa dan mungkin ini sebagai petanda perdamaian. Olive-Gay, yang kena potong kaki, 74 tahun, kini mati, dan juga Gildea, 56 tahun, mati kerana bengkak badan. Lagi khabar angin tentang tamat perang; misalnya perdamaian telah ditandatangani. Kobiashi mengatakan Rusia menyertai perang dan menakluki Manchuria.<sup>197</sup> Bishop juga diberitahu cerita yang sama ketika bertugas di Singapura; dan juga cerita yang sama diberitahu kepada Clunies Ross oleh seorang Jepun lain; dan cerita seorang Jepun mabuk dalam lori di Johor telah membuang kesemua alatannya dengan jijik sambil berkata bahawa British akan tiba ke sini tiga hari lagi!
- 13 Tiada tugas hari ini kerana tiada pengawal Sikh yang bertugas. Jepun masih tidak nampak bayang dalam panggilan nama pagi ini. Jadi, kami semua menunggu perdamaian ditandatangani dan tamat perang. Siren berbunyi lagi dan beberapa buah kapal terbang mengebom Lapangan Terbang Kallang dan juga tempat memproses minyak di Pulau Sambu dan Bukum. Saya menjual *Chamber's Dictionary* dengan harga \$30.00 untuk kertas rokok.<sup>198</sup> Baca *Tales Maupassant* dan *White Ladies* Brett Young.
- 14 Tiga orang tawanan dikejarkan ke hospital kerana gelap mata. Antara mereka ialah Dickinson, bekas Ketua Pegawai Polis Singapura, yang kelihatan terlentang di atas usungan apabila saya tiba bersama lori pengangkut kayu. Kami nampak pergerakan Jepun yang hebat di Padang Golf dan Rumah Hijau apabila kami melewati tempat itu. Semua upacara jenazah di luar kem dibatalkan dan sanak keluarga Yahudi yang cabut lari baru-baru ini mendapat separuh catuan untuk selama se-

197 Anehnya, tidak tersebut langsung dalam perharian ini tentang pengguguran dua buah bom atom pada 6 dan 9 Ogos, barangkali kerana kami tidak begitu bebas untuk mendengar radio sehinggalah 29 Ogos. Justeru butiran lanjut peristiwa itu tidak diketahui. Saya hanya ingat apabila saya naik meluat mendengar tindakan Bishop Chichester yang membantah secara terbuka tentang pengeboman yang tidak khusus ke atas bandar-bandar di Jepun. Bantahannya dilaporkan dengan meluas dalam akhbar tajaan Jepun.

198 Kamus saya lazimnya kerap dirujuk di dalam pondok tetapi pada akhir perang, cuma separuh yang tinggal.

minggu. Sejumlah 4000 buah kapal terbang dilaporkan menyerang Jepun.

- 15 Belah kayu api yang dipesan di dalam dapur. Hari ini sejuk dan lembap.
- 16 Khabar angin terakhir mengatakan tentera kami akan tiba ke sini pada 21 Ogos dan S.W. Jones akan mengambil alih Pentadbiran Awam.<sup>199</sup> Seorang askar Argyle yang sesat kami ditemui memberitahu bahawa Jepun sedang meninggalkan Singapura dan semua kerja "terowong" diberhentikan.
- 17 Beberapa orang bangsa Asia, Melayu, Tamil dan Cina berteriak melalui pagar mengatakan perang sudah tamat, tetapi kami masih menunggu berita sebenar! Bagaimanapun, Toginaga telah memindahkan pelan dan peta terowong serta memberi pekerjanya cuti. King dikatakan telah berucap melalui radio kepada semua Orang Tawanan Perang dan orang tawanan awam. Osterhaus, penganut Nazi Belanda, berkata bahawa kami akan diberitahu kedudukan sebenar dalam masa 72 jam.
- 18 Lagi tidak nampak bayang Jepun ketika panggilan nama, sekalipun Bamba hadir dalam panggilan nama malam tadi dengan memakai pakaian seragamnya lengkap dengan pedang buat pertama kali. Lagi khabar angin mengatakan kebun sayur kem hendaklah dibersihkan dalam masa lima hari; penggali terowong dikehendaki menyerahkan semua alat pada pukul 12.00 tengah hari; semua bungkusan yang tinggal hendaklah diagih-agihkan atas dasar satu bungkusan berkongsi 12 orang di kalangan kami dan semua babi yang masih tinggal hendaklah dibunuh. Jepun kini membawa pistol di bandar dan tidak dibenarkan keluar dalam masa perintah berkurung, dan bumbung rumah simpan kapal terbang di Lapangan Terbang Kallang dibuka. Perasaan tertekan apabila meriam Jepun menembak kapal-kapal terbang kami tetapi semangat kembali pulih apabila melihat Toginaga menangis ketika mendengar berita yang dia baca dalam sebuah akhbar Jepun! Bagaimanapun, kami diberitahu bahawa rundingan damai berjalan lancar dan tandatangan persetujuan akan diadakan tidak lama lagi. Kemudian pada pukul 8.00 malam, Tominara meng-

199 Mungkin inilah yang disebut Stanley Jones dalam nota kaki 162. Sebenarnya, dia tidak datang ke Singapura.

umumkan bahawa bekalan beras kami ditambah menjadi 500 gram mulai Isnin dan kami boleh makan ubi kayu sebanyak yang kami suka. Kami dengar Laksamana Coombs dan sebuah Angkatan Laut British telah sampai di Pulau Pinang. Saya mendapat  $\frac{1}{2}$  tin mentega Kanada sebagai bahagian saya dalam bungkusan Palang Merah. Dua orang tawanan wanita mati, Puan Martin dan Puan Bradley. Baca *Assignment in Utopia* Lyon dan *Autobiography* J.C. Powys.

- 19 Kem kini dibanjiri khabar angin! Sejumlah 6000 lagi bungkusan Palang Merah di jangka tiba. Jeneral Paton dilaporkan menelefon anak saudaranya di dalam kem ini dari Pulau Pinang! Sebahagian daripada angkatan laut kami dijangka tiba di Singapura esok. Tiada tugas buat kami hari ini dan tiap seorang mendapat nasi sama banyak – 500 gram. Telur dijual melalui pagar berharga 5 sen duit Negeri-negeri Selat! Saya menjahit butang seluar pendek, satu-satunya seluar yang masih ada, dan juga membuat kerja-kerja membasuh. Saya masih ada 200 ringgit Jepun tetapi duit itu hampir tidak laku lagi. Tiga orang pegawai tinggi British dijangka tiba ke Singapura esok, tetapi masih belum ada kenyataan rasmi dari pihak Jepun. Diharap ada perjumpaan antara Orang Tawanan Perang dengan pihak kami esok. Kami berbual dengan beberapa Orang Tawanan Perang Belanda di sebelah bilik kami dan mereka telah diberitahu secara tidak rasmi oleh Jepun bahawa perang sudah tamat. Empat orang mangsa Kempitai tiba di kem kami. Mereka ialah Curtis, Earle, Cherry dan Dr. Calderwood. Cherry, Curtis dan Earle mampu berjalan dengan bantuan tetapi Dr. Calderwood, menghidap beri-beri teruk dan berat badannya hanya 5 ston sahaja. Dia dibawa dengan usungan dan tidak boleh bercakap, tetapi masih boleh mengalu-alukan saya dengan menyebut "Halo, Tiny". Saya sungguh terharu; rambutnya semua menjadi putih. Beberapa orang yang bekerja dengan Jepun sepanjang masa tawanan iaitu Birtwhistle, Holtum dan Corner juga tiba tetapi dapat dimengerti mereka tidak digemari ramai. Timbalan Pengarah kami meminta agar sukarelawan tinggal di Tanah Melayu untuk beberapa bulan selepas perdamaian, tetapi saya ragu sekiranya saya juga diminta berbuat demikian kerana saya tidak mendapat cuti selama tujuh tahun.

- 20 Sehelai bendera Union Jack dikatakan berkibar di Bangunan Cathay. Akhirnya, jeneral bersetuju bahawa kami akan balik ke negeri asal tidak lama lagi. Dia mengatakan kami orang terpelajar dan mesti sedar tentang kesan peristiwa ke atas tentera yang jahil dan mungkin mabuk. Justeru sebarang bentuk demonstrasi hendaklah dilarang demi mengelakkan sebarang kejadian yang mungkin menimbulkan kemarahan mereka. Jepun nampaknya kurang pasti dan bimbang akan kemungkinan tindakan askar Jepun apabila diberitahu perkara sebenar.
- 21 Kedengaran bunyi lalulintas yang banyak di Bukit Timah Road malam tadi. Rusuhan dilaporkan berlaku di Singapura dan pengawal-pengawal Jepun dan tentera Pembebasan India mungkin dibunuh oleh orang Cina. Kobiashi berkata bahawa tentera kami akan tiba ke sini pada pukul 4.00 petang esok. Orang Cina yang baik hati datang dengan dua buah lori penuh bermuat daging, ikan dan telur ke pintu pagar kem; tetapi kedua-dua buah lori itu tidak dibenarkan masuk. Ada cerita bagaimana 19 anggota tentera udara kami ditembak mati di Singapura dan selebihnya lima orang terselamat oleh kekalahan.
- 22 Seorang tua mendapat gila babi atau serangan penyakit jantung, namanya Yates dari Liverpool. Weisburg (MCS) dipanggil ke Rumah Hijau. Dua orang lagi Yahudi tua mati. Makanan cukup banyak iaitu beras dan minyak telah menyebabkan ramai muntah dan sakit perut. Kami masih menunggu berita ketibaan tentera kami, dijangka tiba pada hari Jumaat 25 Ogos.
- 23 Cheeseman memberitahu saya, katanya, saya dibenarkan ber-cuti dengan serta-merta.
- 24 Sejumlah 600 bungkusan Palang Merah telah sampai. Jeneral Saito kini memberitahu kami, katanya, kapal-kapal terbang British dijangka berada di ruang angkasa pada pukul 5.00 pagi esok tetapi jangan mengadakan sebarang demonstrasi atas sebab-sebab yang telah dinyatakan dahulu. Kami dapat makan kari ayam yang dimasukkan ke dalam daging cincang hari ini, 900 tin habis dimakan oleh seluruh penghuni kem.

- 25 Saya dapat  $\frac{1}{2}$  tin daging, lobak merah dan tepung adunan puding. Masih tiada berita ketibaan tentera kami. Tapak untuk bekalan digugurkan dari udara telah ditanda di atas padang. Jepun enggan mengadakan set wayarles atau memberitahu tentang berita Orang Tawanan Perang dan orang tawanan lain di Sumatera atau membenarkan sebarang perhubungan di luar. Baca *Portrait of a Man with Red Hair* Walpole.
- 26 Jepun dikatakan bertanya butiran mereka yang ingin pulang ke negeri asal melalui udara atau melalui laut, atau ingin tinggal di sini. Mereka membahagikan mentega Singapore Cold Storage 7 auns seorang; barangkali inilah lebihan mentega yang tersimpan di bilik sejuk selama  $3\frac{1}{2}$  tahun lampau! Kami dapat makan daging lembu dan kambing untuk makan tengah hari ini – 180 paun daging untuk 800 orang. Juga khabar angin menyatakan ketibaan 10 tan keju tidak lama lagi. Nampaknya Ketua Pemerintah Jepun di Asia Tenggara, Jeneral Terauchi, hanya bersetuju untuk menamatkan perang selepas lawatan Baron Togagawa pada 18 Ogos. Jeneral McArthur dijangka memasuki Tokio pada 28 Ogos,<sup>200</sup> setelah terhalang oleh taufan selama 48 jam.
- 27 Kami diberi keju kraft  $1\frac{1}{2}$  tin seberat 12 auns. Seorang pengawal Jepun yang baru mengambil alih Rumah Hijau. Saya menulis sepucuk poskad dan akan dikirim sebaik sahaja tentera kami tiba. Berat saya kini 160 paun (11 ston 6 paun), naik 1 paun selepas mendapat makanan baik selama seminggu. Kami kini dibekalkan dengan satu set radio dan saki-baki bungkusan Palang Merah. Kami juga mendengar bahawa Sea View Hotel, Raffles Hotel dan rumah-rumah pangsa di Grange Road telah dibersihkan untuk menyambut kami.<sup>201</sup> Kami juga mendengar Chandra Bose, pemimpin Tentera Pembebasan India, terbunuh dalam kemalangan udara. Seorang Yahudi bernama Solomon David mati di sini akibat tifus.
- 28 Tentera British kini dijangka tiba lagi 6 – 10 hari. Sebuah kapal terbang Pihak Bersekutu datang ke angkasa kem kami dan

200 Saya terbaca bahawa Putera Chichibu, saudara kepada Maharaja, dan pernah menuntut bersama saya di Oxford, telah memujuk Terauchi untuk berbaris lalu dalam upacara penyerahan.

201 Tidak perlu disebut lagi kerana tiada satu pun menjadi kenyataan.

menggugurkan risalah dalam bahasa Hindustan, Inggeris, Melayu dan Jepun (untuk tentera Jepun). Saya makan kesemua 12 auns keju kraft. Sebuah berita dari agensi berita Jepun "Domei" dibacakan dalam semua pondok. Risalah yang digugurkan menasihati kami dan arahan kepada Jepun. Bungkusan tiba dari Singapura untuk Bishop, Rev. Amstutz dan Rider Stevens. Kami diberitahu bahawa sembilan buah kapal *Catalina Flying Boat* dalam pelayaran dari Australia membawa bertan-tan makanan.

- 29 Kami diberi setin seorang nanas untuk makan tengah hari. Tiada lagi berita kapal Catalina, tetapi Schweitzer, wakil Palang Merah kami, akhirnya diiktiraf dan dibenarkan masuk ke kem kami buat pertama kali dalam masa 3½ tahun! Di-jangka seramai 600 orang kami akan dimasukkan ke hospital apabila tentera kami tiba. Akhirnya kami dibenarkan mendengar berita BBC secara terbuka dan mendengar bahawa kecelakaan menimpa orang awam Jepun dianggarkan seramai 260 000 mati dan 420 000 cedera. Angkatan Laut British dikatakan tiba di Pulau Pinang.
- 30 Dua orang doktor tentera, dua orang Pegawai Tidak Bertauliah dan dua orang lagi digugurkan dari udara oleh sebuah kapal terbang B29 di Changi hari ini untuk memeriksa kesihatan kami, seorang daripada mereka melawat kem kami. Sebuah Suruhanjaya untuk menyasiat segera tentang pemulihan semula perusahaan getah yang mulai merosot.<sup>202</sup> Dua orang British dikatakan telah tiba ke sini dan menendang pengawal bangsa Sikh dan Melayu. Saudara saya Gerwyn kini dilaporkan berada di Siam, tetapi kesemua mereka akan diterbangkan ke Rangoon tidak lama lagi. Tentera British dijangka tiba empat atau lima hari lagi.
- 31 Bekalan perubatan juga digugurkan di Changi untuk Orang Tawanan Perang. Seorang askar payung terjun dikatakan telah mematahkan pedang Neomani, dan menghalaunya dari sini ke Changi dalam kawalan dua orang pegawai penjara! Dia bersikap biadab.

202 Badan ini ditubuhkan sebahagian daripada Pertadbiran Tentera British atau BMA yang mentadbir Kerajaan Tanah Melayu mulai 5 September. Beberapa orang bekas penduduk Tanah Melayu dilantik memegang beberapa jawatan digelar "Kolonel Pisang" untuk membezakan dari jawatan yang tulen.

September

- 1 Rev. Summers mati di sini akibat barah dan beri-beri. Dia merupakan seorang penganut Methodist Amerika yang berkhutbah selamat jalan, kerana memikirkan dia akan dihantar pulang satu dua tahun dahulu. Semua orang awam Jepun di Singapura dihimpunkan di dalam kem di Jurong di pantai barat pulau; tentera Jepun menyeberangi tambak ke Johor Bahru. Baca *Ashenden* dan *Up at the Villa* Somerset Maugham. Sir Shenton Thomas dikatakan telah terbang ke Rangoon dari Manchuria.
- 2 Orang Cina yang murah hati dan tahanan lainnya keluar masuk ke kem tanpa sebarang halangan sekarang. Saya mendengar radio upacara menandatangani kekalahan Jepun secara rasmi di Tokio pada pukul 10.30 pagi. Saya beli enam butir telur berharga \$150.00 dan menghadihkannya seorang sebiji kepada "Patchy" Green, Davis (Kelly & Walsh) dan Hunter. Sebanyak 5½ tan mentega Australia tiba dan setiap kami mendapat 2½ paun. Seorang pegawai kanan British melarang kami keluar kem kerana keadaan di Singapura agak cemas, kerana orang Cina mengejar dan mengerjakan anggota-anggota pasukan "Hello" tajaan Jepun. Seorang pemuda "Budak Asia" bergelar Butler, dihadihkan oleh seorang tauke Cina sebanyak \$1000.00 apabila dia keluar ke Singapura.
- 3 Orang Cina dikatakan membunuh "pembelot-pembelot" di bandar dan Kolonel Stuart merayu agar kami tinggal dalam kawasan pagar kem.<sup>203</sup> Orang Cina setempat telah menyumbang sebanyak \$400 000.00 untuk membekalkan kami dengan makanan. Saya beri L.V. Taylor (sukarelawan di Changi) sepucuk surat untuk K.D. Luke (dari jabatan kami) memintanya mendapatkan lagi butir lanjut tentang Gerwyn. Saya bertukar sebungkus rokok dengan dua butir telur dengan seorang penjaja Cina. Kami diberi lagi ½ tin susu Libby's. Antara yang baru tiba ialah seorang polis muda bernama Wylie yang digugurkan di Johor empat bulan dahulu, setelah berkhidmat

203 Khabar angin waktu itu mengatakan bahawa masyarakat Cina membuat rayuan kepada pihak berkuasa British agar memberi mereka 48 jam, sebelum BMA mengambil alih, untuk melenyapkan beberapa orang pembelot pro-Jepun.



di Borneo dan New Guinea.<sup>204</sup> Seorang lagi sukarelawan bernama Tokeley memberitahu saya bahawa paling akhir dia nampak Gerwyn di dalam Kem Nikki di Siam pada bulan November 1943. Kem itu merupakan sebuah kem yang paling baik sistemnya dan di situlah semua buruh yang sakit mendapat rawatan.

- 4 Kami diberitahu, kapal penjelajah *Cleopatra*, kapal pembinasa Bengal dan beberapa buah lagi kapal penyapu periuk api tiba di pangkalan laut. Kapal penjelajah *Sussex* tiba bersama pasukan tentera penakluk. Beberapa orang sukarelawan melawat kem kami termasuk Walker-Taylor, W.G. Scott dan C.U. Stafford. Rakan pemandu saya, Andrew Robb, cedera di Kuala Selangor, balik bersama pasukan tentera ke sini.
- 5 Tentera kami mendarat di Singapura hari ini tetapi saya masih belum nampak sesiapa.<sup>205</sup> Mereka termasuklah pasukan "Black Watch" dan beberapa unit tentera India. Tentera lengkap dengan senjata bersedia menghadapi sebarang kemungkinan. Perintah berkurung antara 6.00 petang hingga 6.00 pagi (kembali waktu Tanah Melayu) dan mahkamah tentera dan undang-undang tentera dilaksanakan. Seramai 100 orang tawanan akhbar menduduki Bangunan Cathay. *Straits Times* akan terbit semula dalam masa dua hari lagi. Saya berjumpa beberapa orang sukarelawan lagi dari Kem Kranji dan Kem Adam Park, misalnya, Todd dan Eglington. Baca *Cosmopolitans* Maugham.
- 6 Kami diberitahu, Inspektor Blake (yang berlepas sebelum kejatuhan) kembali mengetuai Mahkamah Polis Tengah; Dumaresque balik mengetuai Stesen Radio Singapura, dan Parker (Kastam) mengetuai Jabatan Kawalan Makanan Singapura. Lloyd menjadi Ketua Pegawai Polis Perak dan Fenner

204 Leftenan Kolonel Wylie mengetuai operasi Pasukan 136 di Johor Selatan dan pada akhir perang telah melaporkan kepada Jeneral Roberts di atas kapal *H.M.S. Sussex*.

205 Pendaratan utama oleh Pihak Bersekutu ialah di pantai Port Dickson, Negeri Sembilan, dan pantai Morib, Selangor. Lebih 180 000 tentera mendarat tanpa pertempuran dalam "Operasi Zipper". Cuma satu batalion askar Jepun kelibat kerana Jepun telah dikelirukan oleh pegawai risikan kami dan mereka menjangka serangan datang dari pantai Kedah. Pendaratan itu sebenarnya berlangsung pada 9 September, satu tarikh yang telah ditetapkan beberapa bulan dahulu, ketika perang masih bermaharajalela.

Ketua Pegawai Polis Negeri Sembilan. Setiap kami diberi senaskhah majalah Perkhidmatan "S.E.A.C.", memberi pelbagai maklumat untuk kami, tentang peristiwa perang yang penting. Saya terperanjat dan bergembira kerana penyuntingnya ialah Leftenan Kolonel Frank Owen, yang pada beberapa tahun dahulu, bermain ragbi bersama saya untuk pasukan London Welsh XV.

Saya berbual dengan seorang prebet A.I.F. bernama Tate di kebun mengenai kem ini. Dr. Chan Ah Kow, seorang bekas murid saya di Sekolah King Edward VII Taiping, dan kini seorang doktor yang berjaya, menziarahi dan memberi saya hadiah 15 biji telur – suatu ingatan yang sesungguhnya mengharukan. Dua orang tawanan lagi mati di sini, seorang tua bernama Baker, dan seorang muda bernama Winton. Kami mendengar cerita ngeri menimpa anggota tentera kami di jalan kereta api Siam-Burma.

- 7 Saya lawati Singapura buat pertama kali dan makan tengah hari dan minum-minum atas perbelanjaan seorang pekedai Cina. Kemudian kami melawat limbungan dan menaiki kapal *H.M.S. Sussex*. Di sana, di dalam dewan makan, kami 22 orang disuruh makan roti dan mentega sebanyak mana yang kami suka! Kemudian kami melawat kapal angkut *Derbyshire* dan diberi minuman teh serta bertemu Jeneral Mansergh. Kami juga bertemu sebilangan sukarelawan termasuk Fyffe (Hutan), Cornish (P & T) dan Wright (Veterina). Ke mana juga kami pergi kami dilayan dengan amat istimewa oleh orang Cina. Kami juga nampak beberapa orang buruh Jawa sedang nyawa-nyawa ikan, mungkin disebabkan kelaparan; tiada siapa pun yang menolong mereka kerana mereka bekerja dengan Jepun. Tentera Jepun diperintahkan berbalik ke Tambak Johor dan meninggalkan segala barang rampasan yang mereka ambil. Jepun kini ditempatkan di Kem Senai di Johor.
- 8 Hari ini saya dan John menziarahi Dr. Chan Ah Kow di rumahnya di Katong dan kami dijamu minum teh yang sungguh istimewa dan membayar tambang teksi kami \$5000.00! Apabila saya membantah kerana membayar tambang itu, dia membuka sebuah beg kecil yang mengandungi \$250 000.00 di dalamnya. Ini tidak berharga dalam sehari dua lagi, katanya.

Kemudian kami melawat *H.M.S. Sussex* lagi dan dapat makan roti, mentega dan sup. Kami balik ke kem pada pukul 11.00 malam, kerana gagal mendapat pengangkutan ke Penjara Changi! Menu kem hari ini amat mengecewakan: Makan tengah hari cuma nasi kering dan bayam dan minum petang; cuma teh! Mujur kami dapat makan di tempat lain.

- 9 Hari ini saya dapat melawat Changi dengan Garcia, yang mendapat sebuah motokar B.A.T. Co. Saya mendapat semula bahagian pertama perharian yang saya tanam dalam kebun, tertutup rapat dalam tin biskut, pada bulan Oktober 1943, hampir dua tahun dahulu. Semuanya masih baik; juga alat kompas coney (Kastam) yang saya masukkan sama ke dalam tin itu. Di Changi saya bertemu Kapten David Lloyd, A.I.F., yang membawa semula kami ke Singapura untuk mencari Andrew Robb, dilaporkan berada di sana. Kami gagal menemuinya dan pulang ke kem jam 6.00 petang. Kumpulan pertama orang sakit dan cedera telah bertolak dengan kapal hospital atau kapal terbang.
- 10 Sekali lagi kami lawati *H.M.S. Sussex* dan menonton filem. Kami diberi makanan tentera buat pertama kali hari ini.
- 11 Khabar angin mengatakan seramai 11 000 orang akan berlepas pulang pada hari Jumaat, iaitu dalam masa tiga hari. Kapal perang *Nelson* dan kapal perang *Richelieu* telah tiba. Ramai anggota Kempitai dikurung dalam Penjara Outram Road, termasuk Jeneral Saito dan juga mereka yang disyaki menjadi pengintip seperti Carl Lawson dan Osterhaus. Pasukan petugas Jepun kini membersihkan padang, padang gereja besar dan gudang kereta api.
- 12 Hari ini saya dan John menyaksikan dari Kelab Kriket Singapura upacara tandatangan kekalahan Jepun di Bangunan Perbandaran, di hadapan Lord Mountbatten.<sup>206</sup> Kami bertemu Andrew Robb<sup>207</sup> dan dia yang menghantar kami pulang ke kem

206 Dianggarkan seramai 680 879 orang tentera Jepun di Asia Tenggara patuh kepada perintah Maharaja mereka untuk memulakan suatu zaman keamanan bagi generasi akan datang dengan bertoleransi dengan yang tidak toleran dan menderita bersama dengan yang tidak menderita.

207 Andrew Robb kekal bertugas di Tanah Melayu sehingga tahun 1954 apabila dia bersara ke Christchurch, New Zealand. Dia meninggal dunia pada bulan Disember 1975.

dengan motokarnya. Tokinaga dan seorang lagi pengawal bernama "Cherry Blossom" menyapu jalan di Bencoolen Street. Sesuatu yang memeranjatkan tetapi gembira! Hopkins yang bermain "Scrum half" bersama saya dalam pasukan ragbi Cambridge Blue dan London Welsh ketika di England dahulu, menziarahi saya dengan sebuah jip dan membawa saya dan John makan malam di 51 Grove Road, Kallang – dia dalam pasukan Tentera Udara Diraja dan meminta saya menelefon isterinya di Wolverhampton sebaik sahaja tiba di London. Kami diberitahu bahawa Tominara diberkas di Changi dan dibawa ke Penjara Outram Road.

- 13 Lord Mountbatten melawat kem kami dan membuat ucapan yang bersemangat sambil menceritakan sedikit tentang Kempen Perang di Burma. Dia mendakwa bahawa Jepun menderita kekalahan atas kadar 60 Jepun terkorban dengan kami cuma seorang. Saya diberi sekeping kad catatan untuk mendapatkan alat kelengkapan yang akan dipakai di atas kapal kelak.
- 14 Kami diberitahu agar bersedia pada jam 6.00 pagi esok untuk belayar dengan sebuah kapal angkut Belanda *Tegelberg*<sup>208</sup> seberat 15 000 tan. Kami diberi pakaian dan alatan lainnya untuk belayar. Pada saat-saat terakhir itu, saya menerima sepucuk surat daripada ibu saya bertarikh 24 Ogos. Tiada masa lagi untuk menjawab atau mengirim apa-apa kerana hari sudah malam.
- 15 Kami<sup>209</sup> menaiki kapal *Tegelberg* pada awal pagi dan saya masih ingat bergelut dengan dua beg kelengkapan berat untuk masuk ke pintu sisi kapal. Kedua-dua beg itu mengandungi kebanyakan barang-barang lama yang sepatutnya ditinggalkan sahaja, tetapi yang menjadi berat ialah buku-buku lama perustakaan yang kebanyakannya berkecai-kecai. Semua buku

208 Sebuah pertubuhan dipanggil R.A.P.W.I, akronim bagi *Repatriation of Allied Prisoners of Wars and Internees* (Pemulangan Orang Tawanan Perang dan Tahanan Bersekutu), yang mengelolakan kepulangan kami. Ada beberapa orang tahanan tidak puas hati kerana kelewatan kami bertolak menyebut bahawa R.A.P.W.I ialah *Retention of All Prisoners of War Indefinitely* (Penahanan Semua Tawanan Perang bagi Suatu Tempoh yang Belum Tentu).

209 Saudara saya John (Kastam) tidak berserta dengan saya kerana dia bertolak ke Sydney, Australia, untuk menyertai isteri dan tiga orang anak perempuannya.

itu terpampang cap kelulusan Jepun dan masih dalam simpanan saya.

Tempat penginapan di dalam kapal agak masih usang, tetapi kami tidak membantah, kecuali kalau sanggup lewat bertolak barangkali sebulan atau dua bulan lagi sehingga tempat penginapan yang sempurna dapat disediakan. Naik sahaja ke atas kapal, kesemua 2000 orang penumpang segera turun melalui tangga pusing yang diperbuat sementara daripada kayu untuk meletakkan barang masing-masing. Di sini kami berbaring dengan menggunakan pakaian harian di mana-mana sahaja ada ruang atas lantai itu, dan menggunakan pelampung penyelamat sebagai bantal. Makanan dimasak untuk kami oleh tentera sukarela yang dibebaskan lebih awal; kebanyakan mereka baru tiba di Singapura selepas tamat Kempen Burma. Bagi mereka, itu sahaja caranya untuk pulang segera ke U.K.

Apabila kami tiba di Colombo tiga atau empat hari kemudian, kami disambut ghairah dengan bunyi siren dari kapal-kapal yang berlabuh di pelabuhan. Sebahagian kami berasa hairan apakah yang telah kami lakukan, maka layak kami mendapat sambutan sedemikian. Apabila naik ke atas geladak kami ditemui oleh sekumpulan pegawai wanita Perkhidmatan Tentera Laut Diraja (WREN) yang cantik-cantik, bertambah kacak dalam pakaian seragam biru dan putih lengkap dengan topi tiga penjuru. Salah seorang daripada mereka bernama Pauline, dengan rela hati menjemput kami seramai lima orang ke Mes Pegawai. Tetapi oleh kerana kami masih berasa segan-segan berada dalam kumpulan wanita, maka sebaliknya kami menjemput mereka sebagai tetamu kami di Galle Face Hotel. Lebih-lebih lagi, setiap kami mendapat £5 wang saku untuk perbelanjaan semasa perjalanan pulang. Sambil duduk mengelilingi sebuah meja bulat besar di dalam dewan makan hotel itu, kami dengan penuh minat segera dapat menarik perhatian mereka dengan menyebarkan kepada mereka wang "pisang" Jepun yang masih berbaki. Pelayan bangsa Ceylon, setiap seorang memakai sikat yang dilekatkan pada rambut di belakang kepala, berkerumun mengelilingi meja kerana tidak disangka melihat kami begitu murah hati sekalipun telah dijelaskan kepada mereka bahawa wang kertas itu tidak laku.

Sebuah lagi pelabuhan yang kami singgah sebelum sampai ke negeri kami ialah bandar di selatan Terusan Suez, tidak be-

rapa batu jauhnya di pantai Mesir bernama Adabar, atau macam itulah. Bagi kami bunyinya seperti dua perkataan bahasa Melayu: "Ada bir?" Adabar hanyalah sebuah bandar kecil. Ada sebuah pentas untuk mendarat dan sebuah pondok berbentuk kotak kecil di atasnya dengan sebatang tiang bendera mengibarkan bendera pasukan Welsh Dragon. Ini menghairankan kami. Di pantai ada beberapa buah khemah besar tentera tetapi jauh dari situ tiada apa-apa yang kelihatan kecuali padang pasir sejauh mata memandang.

Sebagai seorang Welsh, saya terpesona dengan bendera itu sambil melaung kepada orang yang berada di dalam pondok dalam bahasa Welsh: "Adakah sesiapa bercakap bahasa Welsh?" Leftenan Davies berkata dia boleh bertutur dan saya dapati dia berasal dari sebuah pekan kecil Llandilo di Carmarthenshire, tidak jauh dari tempat saya pernah tinggal ketika muda dahulu. Pada petang itu kami menonton konsert E.N.S.A. yang pertama. Ini diadakan atas perahu pendarat besar yang berlabuh dekat situ dan saya bernasib baik kerana menghabiskan petang itu dengan seorang Welsh lagi, Koperal Mason dari Aberystwyth.

Pada pagi esoknya kami dibawa melawat ke beberapa buah khemah, di dalamnya penuh dengan barang-barang tentera seperti pakaian "selepas perkhidmatan tentera", seluar dalam, stoking, but dan sebagainya. Mereka yang berukuran biasa sesuai sangat dengan pakaian itu. Mereka yang tinggi dan besar badannya seperti saya sukar mendapati yang sesuai, kecuali seluar dalam. Tiada pakaian yang sesuai dengan badan saya dan semua pakaian luar terlalu singkat. But saiz 12 juga tidak ada dan saya terpaksa berpuas hati dengan sepasang but saiz 10 yang dibawa pulang dan menghadiahkannya kepada seorang sepupu saya di kampung. Bagaimanapun, di bilik minuman, saya dengan gelojoh menghirup krim dalam tanduk begitu cepat sekali. Semuanya percuma disediakan oleh Palang Merah dan bukan tentera.

Kira-kira pada 15 Oktober, pada awal pagi barulah kami terpendang tempat pendaratan pertama di Amlwch di pantai utara Wales. Berlabuhlah *Tegelberg* di Liverpool pada pagi yang sama. Kira-kira seramai 20 000 orang yang datang mengalu-alukan ketibaan kami kerana kapal kami merupakan yang pertama tiba dari Timur Jauh ke sini selepas Jepun kalah.

Cuaca menjadi begitu sejuk dan pakaian yang semi-tropika tentu tidak cukup untuk memanaskan badan saya; kasut kulit yang terkopak dimasukkan sekeping kad tebal untuk menutup lubang pada tapaknya untuk menahan kedinginan.

Dalam lautan manusia yang menunggu ketibaan kami di pentas pendaratan, saya nampak Puan W.N. Scott, isteri kepada pegawai pertanian yang berada atas kapal. Apabila saya berteriak dan menunjukkan ke arah suaminya; sukar dia mengenali suaminya yang "kurus kering".

Seperti biasa, mogok kereta api berlangsung tetapi ada orang yang dengan sukarela memandu kereta api ke selatan, ke Euston. Suatu perasaan yang mengharukan bagi kami, terutama saya sendiri yang bertugas di rantau orang selama tujuh tahun, tiba-tiba dapat melihat semula ladang dan pagar pohon England yang menghijau, walaupun dalam bulan Oktober. Kami melihat dengan terkejut bekas kena bom dan runtuhannya perang yang kami baca, tetapi syukur kerana tidak teruk menderita.

Kami tiba di Stesen Euston kira-kira jam 4.00 petang. Di sini kami diberitahu bahawa saudara-mara dan sahabat handai akan menunggu kami. Bagi saya, tentulah ibu dan ibu saudara saya yang tinggal di Ealing sepanjang tempoh peperangan. Ketika saya tercari-cari mereka, saya ditegur oleh seorang wanita muda yang menawan dan saya tidak mengenalinya walaupun nampaknya dia tahu ibu dan ibu saudara saya. Katanya, dia datang untuk menemui saudara lelakinya yang juga menaiki kereta api yang sama. Hanya beberapa ketika kemudian apabila dia telah pergi baru saya teringat bahawa dia ialah seniwati kelahiran Malaya yang telah mengharumkan namanya di pentas London. Namanya Dulcie Gray.<sup>210</sup> Ibu dan ibu saudara saya kini tiba dan sudah pasti mereka bingung dengan pakaian lawak Palang Merah yang tidak sesuai saya pakai daripada sesuatu yang lebih menjadi kebiasaan. Mujur ibu saya menghubungi Palang Merah Ealing dan sebuah motor persendirian membawa kami menuju Ealing.<sup>211</sup> Pada petang

210 Ibunya, Puan Savage Bailey, mati apabila kapal *Kuala* tenggelam pada bulan Februari 1942. Lihat catatan pada 19 Ogos 1944.

211 Ibu saya membawa berita baik bahawa adik lelaki saya Gerwyn, selamat dan sihat, dan telah diterbangkan dari Bangkok ke Rangoon dan akan pulang ke rumah dalam sedikit hari lagi. Dengan demikian ketiga-tiga saudara saya ter selamat daripada bencana perang.

yang sama saya menelefon Puan Hopkins di Wolverhampton dan cuba mententeramkannya dengan menyatakan bahawa saya telah bertemu suaminya di Singapura sebulan dahulu dan dia selamat serta sihat.



## 4

### ORANG PENTING YANG DISEBUT DALAM BUKU INI

- A. Sukarelawan Persekutuan Negeri-negeri Melayu Bersekutu di Perak  
(Kebanyakan anggota Kompeni Mesingan A/S Vickers, Batalion Pertama Perak, Taiping)

Kolonel Staley, peladang, pemerintah batalion

Mejar A.C. Smith, peladang, pemerintah kedua

Kapten Percival, peladang, pemerintah Kompeni 'B'

Leftenan "Whiskey" Bruce, peladang, Kompeni A/S

\*Leftenan Frank C. Vanrennan, peladang, Kompeni A/S (dibunuh oleh Jepun pada bulan Oktober 1942 di Kuala Lumpur)

\*Leftenan Graham, peladang, (dibunuh oleh Jepun pada bulan Oktober 1942 di Kuala Lumpur)

Sarjan Mejar "Starky" Cameron, peladang, Kompeni A/S

Sarjan Williams (Syarikat Tekka Taiping Tin)

\*Koperal Bill Harvey, peladang, Ladang Gapis, Kuala Kangsar, Kompeni A/S (dibunuh oleh Jepun pada bulan Oktober 1942 di Kuala Lumpur)

Koperal "Dusty" Miller, peladang, Kompeni A/S

Koperal Andrew Robb (Jabatan Ukur Tanah Melayu), warga New Zealand, dan jurutukang Kompeni A/S. Cedera di Kuala Selangor dan dipindahkan ke Australia

\*Prebet T.P.M. Lewis (Guru Besar, Sekolah Clifford, Kuala Kangsar), kemudian menyertai Batalion, A.I.F. 2/30

\*Enam orang terpilih untuk menyertai "Roseforce" ketika petang Krismas, 1941.

**B. Anggota "Roseforce"**

**Mejar Angus Rose**, Argyle dan Sutherland Highlanders (Penasihat Tentera kepada "Roseforce", tetapi tiada kuasa memerintah)

**Kapten Davis Lloyd** ("Gaga")

**Leftenan Hodge** ("Uncle"), pegawai perbekalan

**Leftenan Max Perring**

**Leftenan "Sandy" Sanderson**

**Sarjan Allen**

**Sarjan Donaldson**

**Koperal Wilding**

**Prebet "Bill" Flowers** – pembantu kepada Kapten Lloyd, 18 tahun, merupakan anak kecil keluarga itu

**A.B. Griffin** (Sukarelawan FMS dan Jabatan Ukur), bertindak sebagai pemandu dalam rondaan Johor Utara

**R.H. Williams** (Sukarelawan FMS dan Jabatan Ukur), bertindak sebagai pemandu dalam rondaan di Jementah – Asahan di Johor Utara

*Nota:* Kesemua di atas adalah sukarelawan diambil dari batalion A.I.F., kecuali dinyatakan.

**C. Orang lain yang ditemui di peringkat ini**

**Mejar-Jeneral Murray-Lyon**, sekejap di Station Hotel, Kuala Lumpur

**Kapten Pasque**, Ajutan, 2nd Loyals

**Encik Ariacutty**, Jabatan Pengangkutan, Keretapi Tanah Melayu (yang banyak membantu di Jementah – Jalan Tangkak, Johor Utara)

**Encik Abdul Aziz**, Guru Besar, Sekolah Melayu Jementah

**Mejar Black**, Ketua Unit Pengangkutan Australia, yang kesemua drebarnya ialah bekas pejuang Perang Dunia I

**Tuan Ansell**, Ketua Jurutera, Ladang Dunlop, Batu Enam, dekat Segamat. Anak lelakinya, seorang peladang, menyertai 2nd Loyals dan hilang dalam pertempuran di sekitar Parit Sulong. Isteri dan anak perempuannya berlepas dengan *Empress of Japan* dan dia ber-

lepas lari dengan kapal tunda Lembaga Pelabuhan Singapura  
**Puan Jean Spence**, isteri seorang peladang dan sukarelawan, juga  
berlepas dengan *Empress of Japan* pada 31 Januari 1942  
**Brigedier (Dr) Maxwell**, pemerintah Bat 2/26 dan 2/30, A.I.F.

**D. Saudara Saya**

(i) **John S.A. Lewis** (Jabatan Kastam). Dipindahkan dari Pulau  
Pinang pada 16 Disember, 1941 dan kemudian menjadi Pengawal  
Makanan di sebuah Depo di Bras Basah Road, Singapura; isteri  
dan anak perempuannya dipindahkan ke Australia

(ii) **Gerwyn E.D. Lewis** (Jabatan Pendidikan). Sebelum pecah  
perang dipinjamkan ke Jabatan Cukai Perang Singapura, tetapi  
sebaik sahaja pecah perang, dia menyertai Unit Sukarelawan  
Palang Merah di Singapura di bawah seorang doktor persendirian  
yang terkemuka, Dr. S.S. Pavillard

**Nair**, pemandu motokar saya, bangsa Malabari, yang setia dan be-  
rani memandu motokar saya sejauh 400 batu dari Kuala Kangsar  
ke Singapura.

**E. Mereka yang ditemui di Tambak Johor antara 3 – 10 Februari  
1942**

**Kolonel Black Jack Galleghan**, Pemerintah Bat 2/30 A.I.F.

**Mejar Anderson dan Leftenan Boss**, kedua-duanya dari Kompeni A,  
Bat 2/30

**Sarjan Mejar Clayton**, hilang dalam rondaan malam di perairan  
Selat Teberau di Johor Bahru

**Mejar Ramsay**, Pemerintah Kedua Bat. 2/30. Ambil alih daripada  
Kol. Galleghan yang mendapat malaria

**Kapten Hawes**, Ketua Bedilan Mortar pada malam 9 Februari

**Kapten Taylor**, Pegawai Perubatan, Bat. 2/30.

**F. Beberapa orang ditemui di Rumah Kastam, Maxwell Road;  
Singapura**

**Tuan dan Puan Phear** – Tuan Phear Timbalan Pengawal Kastam  
dan dengan murah hati memberi saya perlindungan di pejabatnya

ketika kekalahan. Puan Phear merupakan tunggak kekuatan ketika itu

Antara teman-teman di Jabatan Kastam yang telah saya kenali:

**D.G. "Sam" Hall, A.H. Gridley** (kini Lord Gridley). **J.H. Johnston, D.B. Coney** dan **L.D. Darby. Evans** "Panjang", bekas kakitangan Syarikat Straits yang bekerja sementara sebagai Pegawai Makanan. Dia ialah teman lama sekolah. Lain-lain termasuk **Wilbraham** dan **Salter**, dua orang jurutera di Loji Bungkusan Candu. Jepun memaksa mereka meneruskan kerja sepanjang masa peperangan.

#### **G. Orang lain yang disebut pada peringkat ini**

**Sir Shenton Thomas**, Gabenor, ketika berusia 63 tahun mengetuai perbarisan para tawanan dari Katong ke Penjara Changi. Kemudian, dia dipindahkan ke Formosa dan Manchuria tetapi isterinya, **Lady Thomas**, tinggal di Changi

**Lady Heath**, isteri Jeneral Sir Lewis Heath dan juga orang tawanan di Changi. Suaminya dibawa ke Formosa dan Manchuria dari Kem Orang Tawanan Perang, Singapura

**Bishop J. Wilson**, Paderi Besar Anglican Singapura. Dia dimasukkan ke Penjara Changi hanya pada bulan Mac 1943. Dia kemudian diseksa oleh Kempitai

**Rev. John Hayter**, pembantu Bishop, tiba bersamanya

**Dr. H.B. Amstutz**, Ketua Misi Methodist Amerika di Tanah Melayu

**Tuan Schweitzer**, Konsul swiss, dilantik sebagai wakil Palang-Merah oleh Palang Merah Antarabangsa. Dia tidak dibenarkan melawat kem sehingga perang tamat.

#### **H. Beberapa orang yang ditemui dalam Penjara Changi**

Memang sukar untuk cuba menyenaraikan beratus-ratus orang yang saya temui, dan butiran tentang mereka, tetapi kesemuanya tetap dalam ingatan. Pada umumnya, oleh kerana terhimpunnya kepakaran dalam pelbagai perkara, maka ini menjamin kem itu teratur rapi oleh orang tawanan. Setiap kumpulan pekerja, sama ada pemotong kayu atau tukang kebun, penebasalang atau pengeluar

arang kayu, doktor atau pentadbir, tukang logam atau tukang kayu, memberi sumbangan yang terbaik. Sebahagiannya menjalankan tugas secara bersendirian tetapi masih memberi sumbangan penting, misalnya, orang tawanan yang tua membuat bekas beras daripada kayu dan yang lain membuat bingkai cermin mata daripada batang berus gigi terbuang.

Suatu penghargaan yang istimewa patut diberi kepada mereka yang menganjurkan hiburan untuk kami dalam waktu tertekan begini, terutama **Tuan Van Hien**, seorang akauntan Singapura, yang telah melatih dan memimpin Kumpulan Koir Kem serta mengadakan banyak konsert yang telah dapat meningkatkan semangat kami. Ahli lawak kem, "**Barrel**" **Roberts**, **Goodrick** dan **Peter Gurney** dan pemain piano seperti **Eisenger** yang amat popular.

Mereka yang dengan berani menerima jawatan wakil tawanan lelaki atau blok, yang dengan tidak disedari dari saat mereka menerima jawatan itu mereka adalah terdedah kepada kekejaman Jepun. **Adrian Clarke** dan **Penseler** (salah seorang wakil blok) mungkin menemui maut disebabkan jawatan yang mereka pikul dan yang lain seperti **Dr. Johns** dan **Worley** kena hentam teruk atas sebab yang sama.

**M.C. ff. Sheppard** MCS juga menderita teruk dalam tangan Kempitai kerana menjalankan perkhidmatan pos tidak rasmi antara kem orang tahanan awam dan Kem Orang Tawanan Perang. Sebaliknya, "**Barrel**" **Roberts** mendapat hukuman ringan kerana cubaan melepaskan diri dengan memanjat tembok penjara dan kemudian menendang pintu penjara untuk masuk semula! Tetapi dia adalah ahli lawak kem dan mujur Jepun bertimbang rasa pada peringkat awal kami dalam penjara sedangkan Jepun ketika itu masih di pihak yang menang.

Penderitaan dahsyat yang dialami oleh orang tahanan selepas peristiwa "**Double Tenth**" dengan lanjut dapat dilihat dalam **Lampiran C**.

## LAMPIRAN A

**Catatan tentang serangan Jepun di Colombo dan Trincomalee (5 dan 9 April 1942)**

Pada 26 Mac 1942 Laksamana Sir Geoffrey Layton mengambil alih jawatan Ketua Pemerintah, Ceylon, apabila Laksamana James Somerville menjalankan tugas memerintah Angkatan Laut Timur berpangkalan di Trincomalee. Angkatan Laut Timur ini, nampak gagah atas kertas, terdiri daripada lima buah kapal perang, tiga buah kapal pengangkut kapal terbang, tujuh buah kapal penjelajah dan 14 buah kapal pembinasa; kebanyakan kapal ini telah tua. Kapal perang juga tua, serta tida laju, model Perang Dunia Pertama. Cuma yang moden ialah Kapal Laksamana *Warspite*. Dua buah kapal pengangkut kapal terbang adalah moden tetapi yang sebuah lagi *Hermes*, sudah usang dan kecil. Empat daripada tujuh buah kapal penjelajah merupakan kapal Perang Dunia Pertama.

Sir Geoffrey membahagikan angkataannya kepada dua: Pasukan A mengandungi kapal laju dan Pasukan B mengandungi kapal perlahan. Untuk melindungi daripada serangan sengit Jepun melalui laut dan udara, Sir Geoffrey mengadakan pangkalan rahsia di Addu Atoll, 500 batu ke barat daya Colombo dalam Kepulauan Maldive. Rancangannya ialah mempertahankan Ceylon dengan angkataannya itu dan menggunakan pesawat pengebom berpangkalan di darat dan kapal pembawa torpedo untuk menangkis serangan awal pasukan tentera Jepun. Bahkan, untuk melakukan tindakan ini, dia cuma mempunyai 42 pesawat terbang "Hawker Hurricanes" dan "Fairey Fulmars", dua skuadron pesawat pengebom "Blenheim" dan sedikit kapal terbang laut laju "Catalina".

Sir Geoffrey menduga bahawa serangan Jepun akan berlaku pada 1 April tetapi oleh kerana Jepun menggunakan Selat Sunda,

bukan Selat Melaka, untuk melakukan pendekatannya, jadi mereka hanya tiba pada 5 April (Easter Sunday). Dengan demikian mereka mengulangi kebiasaan mereka menyerang pada hari minggu atau pada hari kelepasan kebangsaan yang sememangnya tidak diduga. Mujur, kapal terbang laut "Catalina" yang baharu tiba mengirim amaran ketibaan Armada Jepun sebelum ditembak jatuh ke laut. Laksamana Layton dengan segera memerintahkan kesemua kapal yang mampu belayar keluar meninggalkan pelabuhan dengan seberapa segera untuk mengelak daripada ditenggalami semasa berlabuh oleh 91 buah pesawat pengebom dan 36 pesawat pejuang yang dilancarkan menyerang pangkalan British oleh Laksamana Nagamo. Pesawat "Zeros" Jepun yang lebih laju membolehkan mereka menembak jatuh 19 kapal terbang kami berbanding dengan tujuh buah sahaja kapal terbang Jepun yang jatuh. Akan tetapi kecelakaan yang menimpa kapal kami semuanya boleh dikatakan sederhana. Cuma sebuah kapal pembinasas, dan sebuah kapal dagang, juga bersenjata, tenggelam di pelabuhan. Bagaimanapun, di laut dua buah kapal penjelajah berat, *Dorsetshire* dan *Cornwall* karam dalam serangan Jepun. Angkatan Laksamana Somerville selebihnya terselamat daripada karam atau terbinasa kerana Pemerintah Laut Jepun gagal mencari pangkalan Addu Atoll tempat kebanyakannya berlabuh sembunyi.

Dalam perjalanan pulang dari Colombo, angkatan Laksamana Nagamo menyerang pangkalan laut di Trincomalee pada 9 April. Sekali lagi kami mendapat amaran yang secukupnya untuk mengosongkan pangkalan dan cuma sebuah kapal pembinasas karam di pelabuhan, sungguhpun jauh di tengah laut kapal pengangkut kapal terbang yang usang *Hermes*<sup>211a</sup> ditenggelamkan oleh 90 pesawat terbang Jepun. Tentera udara kami kehilangan sembilan pesawat pejuang dan lima pesawat pengebom "Blenheim" ketika mempertahankan pelabuhan.

Angkatan Admiral Nagamo sememangnya kuat, mengandungi lima buah kapal pengangkut kapal terbang dan setiap satunya boleh mengangkut 60 pesawat (kapal pengangkut yang sama menghuru-harakan Pearl Harbour empat bulan dahulu), empat buah kapal perang, tiga buah kapal penjelajah dan 11 buah kapal pembi-


211a Merupakan kapal pengangkut kapal terbang pertama dibina pada tahun 1919 untuk Tentera Laut Diraja.

nasa. Dan bukan ini sahaja Angkatan Laut Jepun yang berada di Lautan Hindi. Di Teluk Benggala, suatu serangan serentak atas kapal kami dibuat oleh sebuah lagi pasukan petugas yang diketuai oleh Laksamana Ozawa. Angkatan ini mengandungi sebuah kapal pengangkut ringan, tujuh buah kapal penjelajah dan 11 buah kapal pembinasa; dan dalam masa tiga hari angkatan ini dapat menenggelamkan 23 buah kapal dengan beratnya kesemua sekali berjumlah 112 000 tan.

Dalam rujukan kepada perharian saya, dapat dilihat bahawa jumlah kapal perang musuh yang saya hitung berlabuh di perairan Singapura pada 12 April 1942 hampir selaras dengan jumlah kekuatan gabungan kedua-dua angkatan yang disebutkan di atas. Perharian saya yang tertulis pada 5 dan 9 April menunjukkan peristiwa yang sama, walaupun pada ketika itu, saya mengatakan tiada butiran terperinci. Perharian pada 18 April hendaklah dirujuk kepada Serangan Udara "Dolittle" di Tokio pada tarikh berkenaan.

Butiran terperinci dalam catatan ini diambil daripada buku *Operations Most Secret S.O.E. The Malayan Theatre* (Kimber 1978) oleh Ian Trenowden.





## LAMPIRAN B

### Catatan tentang serangan ke atas kapal Jepun di Pelabuhan Singapura pada malam 27 September 1943.

Serangan komando, salah satu tindakan paling berani dalam Perang Dunia Kedua, diatur dan diketuai oleh Mejar Ivan Lyon, seorang yang ada hubungan kekeluargaan dengan Bonda Ratu England, Bowes-Lyon. Dia mula tiba di Singapura pada awal tahun 1937 sebagai seorang pegawai bertauliah dalam pasukan Gordon Highlanders. Sebagai seorang yang berminat dengan laut, maka dia banyak mengetahui tentang pulau dalam Gugusan Kepulauan Riau di sekitar Singapura. Sebelum kejatuhan Singapura, dia menyertai pasukan inti *Force 136* yang baharu ditubuhkan untuk mengesal kumpulan penentang setempat melakukan serangan dalam wilayah yang diduduki Jepun.

Buat permulaan dia membantu mengatur laluan melarikan diri untuk beribu-ribu orang pelarian dari Singapura merentas laut ke Sumatera, mudik Sungai Inderagiri, dan seterusnya hingga ke Padang di pantai barat. Peristiwa yang paling malang ialah, sudah pasti, kapal-kapal kecil sungai negeri China *Kuala*, *Kuang Wu*, dan *Tun Kuang*, kena bom dan karam dekat Pulau Pompong yang mengakibatkan 700 orang yang terselamat terdampar di pulau tanpa penghuni. Pasukan Lyons menyelamatkan sebahagian besar mereka dan banyak juga bantuan diperolehi dari kapal penyusur pantai 70 kaki panjang yang daif dengan enjin disel usang yang dilayarkan oleh seorang Australia yang berumur bernama Reynolds, dari Singapura. Kapal ini ialah *Kofuku Maru*, asalnya sebuah kapal tangkap ikan Jepun. Sungguhpun kelajuan maksimum cuma 7 knot, tetapi kapal itu dapat melayarinya ke arah utara sepanjang pantai Sumatera melalui Selat Melaka, dan akhirnya sampai ke India.

Sementara itu, Lyons dan anggota pasukan *Force 136* lainnya dapat sebuah bot ikan sepanjang 60 kaki di Padang dan akhirnya mereka sampai ke pantai Ceylon setelah belayar selama 34 hari. Di sini mereka bertemu dengan sebuah bot kargo yang baik hati lantas membawa mereka ke Bombay; selepas bot ikan itu ditenggelamkan dengan bedilan meriam.

Di India, Lyons mula merancang untuk melakukan serangan "pintu belakang" ke atas kapal-kapal musuh di Singapura dari arah selatan, iaitu naik melalui Selat Lombok dari pangkalannya di Australia ke timur Jawa. Kapal *Kofuku Maru*, kini dinamakan semula *Krait*, telah dibawa ke Australia atas dek kapal barang; dan tindakan seterusnya untuk mengambil dan melatih seramai 14 orang anak kapal yang sesuai. Mereka terdiri daripada 10 orang Australia dan empat British.

Untuk menyerang semua kapal musuh di pelabuhan, mereka merancang untuk menggunakan tiga pasang jurudayung dibawa dalam tiga buah bot yang boleh dilipat-lipat yang dibina menggunakan kain terpal diregang pada pemedang buluh. Setiap satu daripada tiga buah bot ini panjangnya 17 kaki dan mampu membawa 800 paun kelengkapan dengan dua orang penumpang. Senjata serangan mereka ialah periuk api, ukuran sebesar pinggan makan, yang akan diikat rapi pada tepi kapal. Sekiranya tiga buah periuk api diikat pada badan sebuah kapal dagang dengan rapi, tiap satu itu akan dapat membuat lima kaki lubang melintang dan akhirnya dapat menenggelamkan kapal itu. Namun demikian, bom itu tidak begitu berkesan bagi kapal angkut minyak kerana minyak yang tebal akan menyekat letupan lubang untuk hanya satu kaki melintang dan kapal itu masih terapung. Tetapi, sekiranya difikirkan perlu untuk menyerang kapal angkut minyak, lebih baik diletakkan periuk api itu pada pangkal baling-baling dan bilik enjin. Ini akan melumpuhkan keseluruhan enjin kapal.

Pangkalan bertolak *Krait* dipilih di Teluk Exmouth, pertengahan jalan di pantai barat Australia. Sungguhpun kelajuan maksimum tetap 7 knot, tetapi kapal itu kini dipasang dengan enjin disel dengan kekuatan 105 kuasa kuda serta menambah jarak pelayaran sehingga 8000 batu dari pangkalannya di Australia ke Singapura melalui Selat Lombok sejauh 2000 batu. Kuasa bedilan juga diambil kira: dua pucuk meriam Lewis, dua pucuk bren-gan, dan satu dozen mesingan kecil.

Akhirnya *Krait* belayar dari Teluk Exmouth pada 2 Sep-

tember 1943, melalui Selat Lombok yang sempit lagi berbahaya pada 9 September dan menyembunyikan enam orang jurudayung dan tiga buah perahu di sebuah pulau kecil, pulau panjang, cuma 40 batu dari Singapura, pada 20 September. Beberapa hari kemudian, jurudayung ini membuat gerakan mendekati sasaran pada waktu malam, semakin hampir, sehingga sampai ke Pulau Subar pada 27 September, pangkalan terakhir kira-kira 7 batu dari Pelabuhan Singapura itu.

Pada malam 27 September, tiga buah perahu itu bersedia untuk menyerang sasaran masing-masing: (i) Perahu 1 untuk menyerang kapal-kapal di perairan Singapura arah ke timur Keppel Harbour; (ii) Perahu 2 untuk menyerang kapal-kapal yang berlabuh dekat Pulau Bukum, terminal minyak, dan (iii) Perahu 3 (dengan Lyon) untuk menyerang Tempat Pemeriksaan Pelabuhan arah ke timur laut Pulau Bukum. Kawasan (ii) dan (iii) keduanya terletak di barat Keppel Harbour.

Perahu 1 memasang tiga biji periuk api pada tiga buah kapal kargo besar, sekurang-kurangnya 6000 tan beratnya setiap satu, dan tindakan ini dirancangan terjadi pada jam 5.00 pagi. Perahu 2 bertindak ke atas bot kargo *Tone Maru* kemudian *Nasusan Maru*, dan kemudian kapal ketiga yang tidak bernama jenis kapal kargo seberat 6000 tan. Perahu 3 melakukan tindakan yang lebih mencabar kerana lampu-lampu di Singapura dilindungi oleh sebahagian tanah yang menyebabkan sukar bagi mereka untuk mengenal pasti sasaran dalam gelap. Akhirnya, Mejar Lyon dan rakannya terpaksa memasang periuk api pada pangkal baling-baling dekat bilik enjin sebuah kapal angkut minyak seberat 10 000 tan yang separuh malam. Bahkan ketika mereka sedang menjalankan operasi itu, seorang yang berada atas kapal ternampak mereka sedang sibuk dari sebuah lubang kapal, cuma 10 kaki jaraknya, dan entah atas sebab yang kurang pasti tidak pula membunyikan sebarang amaran!

Kesemua jurudayung dapat menyelamatkan diri daripada kawalan sasaran mereka dan membuat perhubungan dengan *Krait* pada malam 1 Oktober untuk bertemu di sebuah tempat di Pulau Pompong. Selepas cemas-cemas ditemui oleh sebuah kapal pembinas Jepun di Selat Lombok, *Krait* selamat pulang ke Teluk Exmouth pada 19 Oktober.

Apa yang kami maklum, bahawa Jepun sungguh bingung dengan serangan itu dan dengan kejam mengambil tindakan balas ke

atas orang tahanan yang tidak berdaya di Penjara Changi, yang sama sekali kecurigaan mereka itu tidak munasabah.

Selepas perang, Pihak Bersekutu menemui sebuah laporan sulit di Tokyo yang berbunyi seperti berikut: "Perbuatan khianat ke atas kapal-kapal di Singapura dilaksanakan oleh orang tempatan di bawah arahan seorang Eropah. Sebuah organisasi rahsia musuh dibentuk pada 27 September 1943 di Singapura, diketuai oleh orang Eropah yang bersembunyi di kawasan sekitar Palai (Pulai?) di Johor". Semua tujuh buah kapal diletupkan dan tenggelam, jumlah kerugian dialami musuh hampir 38 000 tan.

Sayang sekali bahawa kisah ini tidak berakhir dengan catatan kejayaan, tetapi sebaliknya. Tetapi setahun kemudian, pada bulan September 1944, Lyon cuba mengulangi tindakan yang sama. Sungguhpun mendapat kerjasama dua buah kapal selam Tentera Laut Diraja, rancangannya berakhir dengan kecelakaan. Tiada sebuah kapal musuh yang diserang dan kesemua jurudayung terlibat sama ada tertawan atau terbunuh kerana mereka dipintas oleh tongkang polis peribumi Indonesia yang hanya 12 batu dari Singapura. Lyon, dengan rakan-rakan lainnya, terbunuh ketika bertempur di salah sebuah pulau. Seramai 10 orang tertawan dan dibicarakan di Singapura. Semuanya dihukum mati dan dipancung dengan pedang di sebuah tempat dekat Reformatory Road pada 7 Julai 1945, cuma sebulan sebelum bom atom digugurkan.

Sebuah batu peringatan sebagai mengenang Mejar Ivan Lyon, D.S.O. boleh dilihat di luar tembok Gereja Garison St. George, Tanglin, Singapura.

*Nota:* Segala catatan fakta di atas didasarkan daripada sebuah buku berjudul *Return of the Tiger* (Evans Bros 1965), oleh Brian Connell.

## LAMPIRAN C

### Catatan tentang Peristiwa "Double Tenth" (10 Oktober 1943)

Peristiwa ini dipanggil sedemikian kerana bermula pada 10 hari bulan dalam bulan kesepuluh tahun 1943. Ini suatu tarikh yang penting dalam takwim orang Cina, kerana pada tarikh ini juga Hari Ulang Tahun Penubuhan Republik China pada tahun 1912.

Pada tahun 1942 Jepun dengan pantas menguatkan pengaruhnya atas Singapura selepas kekalahan kami, dengan membunuh sehingga 10 000 orang Cina pada awal pagi atas alasan bahawa mereka itu Komunis atau sekurang-kurangnya anti-Jepun.

Tetapi menjelang musim bunga tahun 1943, orang tahanan awam Eropah dalam Penjara Changi, berterima kasih kepada kebanyakan perhubungan dengan penduduk setempat Singapura, telah melakukan:

- (i) menyebarkan Berita Perang ke seluruh bandar;
- (ii) mendapatkan set-set wayarles di dalam kem untuk mendengar berita melalui BBC;
- (iii) mendapatkan berita kawan-kawan dan sanak saudara yang terpenjara di dalam Kem-kem Jepun di Tanah Melayu dan malah di Hindia Timur Belanda (iaitu Padang dan Palembang); dan
- (iv) menjalankan Pasar Gelap yang sihat dengan orang-orang Singapura yang baik hati, syukur kerana perhubungan yang dibina oleh pemandu-pemandu lori kami dan oleh Long, pemandu ambulans kem. (Ramai kakitangan Jepun di Changi sedar tentang hal ini kerana mereka juga mendapat nikmat daripada urusan itu).

Kebanyakan kegiatan di atas dianggap, boleh dikatakan, tidak

berbahaya oleh orang-orang tawanan sendiri, tetapi Jepun yang memerintah penuh rasa curiga. Tentera Jepun tidak lagi memperoleh kemenangan dan telah berundur dari Guadalcanar, makanan berkurangan dan penduduk setempat menjadi kian berang dan gelisah. Kerana tidak dapat menjelaskan kegagalan jentera propaganda, Jepun tersilap membuat kesimpulan bahawa kekuatan rasa benci terhadap Jepun mesti datang dari orang awam Eropah yang berada di Penjara Changi. Curiga mereka tertumpu kepada R.H. Scott, seorang anggota Jabatan Luar Negeri, yang tidak bernasib baik tertangkap di Sumatera, dan dibawa kembali ke Singapura. Jepun sedia maklum bahawa Scott memainkan peranan besar dalam usaha anti-Jepun ketika di Manchuria tahun 1931, di Shanghai tahun 1932 dan 1937, dan ketika dia berkhidmat di Chungking tahun 1938 dan di Tokyo 1939 dan dia sebenarnya mengendalikan propaganda British di Tokyo paling akhir tahun 1941.

Justeru itu, Jepun mengambil keputusan pada bulan Mei 1943 mendapat khidmat khas seorang pegawai Kempitai, Mejar Sumida, untu menghapuskan anasir anti-Jepun di Singapura, suatu tugas yang mereka namakan "Tugas No. 1". Juga diputuskan untuk menyerbu masuk ke Penjara Changi secara besar-besaran pada Hari Krismas tahun 1943, tetapi pada bulan September 1943, suatu peristiwa berlaku yang menyebabkan Mejar Sumida mempercepatkan rancangan "Tugas No. 1". Seperti yang dikisahkan dalam Lampiran B, sebanyak tujuh buah kapal Jepun tenggelam di Pelabuhan Singapura oleh periuk api yang diletakkan oleh unit komando pimpinan Mejar Lyon yang datang dari Australia. Fakta ini, Jepun tidak pernah temui dan mereka tersalah anggap bahawa kehilangan kapal itu ada hubungan dengan orang tahanan awam di Changi secara umumnya dan terutama R.H. Scott, selepas menggeledah mencari pemusnah yang dijangka berpangkalan di Johor, tetapi sia-sia.

Dengan peristiwa ini, sebahagian besar, walaupun tidak kesemua, orang tawanan Changi tidak tahu-menahu. Tetapi kami benar-benar terperanjat apabila Kempitai menyerbu dengan sepenuh kekuatan ke kem kami pada subuh pagi 10 Oktober 1943, sebelum penghuni Blok 'B', menghadapi sarapan pukul 8.00 pagi. Selama 27 jam kami didera tanpa makanan dan makanan kami terakhir ialah jam 6.00 petang sebelumnya. Saya ternampak bahawa sesuatu mungkin terjadi kerana saya sudah pun bersedia memasukkannya perhariannya saya, tertulis sehingga tarikh itu, ke dalam tin

biskut Jacob dan mematerikannya supaya ditanam dalam tanah sekiranya berlaku kecemasan. Tetapi dalam peristiwa ini saya rupanya terlambat, seorang pemeriksa Jepun telah menjumpai tin itu dan hanya nasib yang menentukan tin itu tidak dibawa bersama untuk disiasat kandungannya.

Kesemua 57 orang dibawa pergi oleh Kempitai untuk disoal siasat, berikutnya 15 orang mati akibat kekejaman seksaan seperti dikurung berminggu-minggu dan berbulan-bulan, dan penyakit yang menghinggapi mereka menerusi makanan yang tidak senonoh dan air tercemar yang mereka minum, dan mangkuk najis yang dibekalkan. Cuma lapan orang tawanan yang dibicarakan, dan dihukum kerana dituduh melakukan "jenayah" dan kesemua sabit kesalahan ini semata-mata berdasarkan pada bukti yang ditunjukkan oleh kekejaman seksa yang dialami oleh orang tawanan yang malang. John Long, seorang pemandu ambulans, dibunuh, dan selebihnya dihukum kerja berat bertahun-tahun atau dikurung seorang diri.

Jepun sebagai bangsa menderita dari ketidakboleham untuk mengaku kesilapan atau kekalahan dan demikian jadinya dalam kes ini mereka berasa aib untuk mengaku bahawa mereka telah melakukan kesilapan dengan mengaitkan perasaan anti-Jepun di Singapura dan penenggelaman tujuh buah kapal dengan orang tahanan di Penjara Changi.

Kedua, Undang-undang Jepun, seperti yang dijelaskan oleh Mejar Sumida kepada Scott, memerlukan suatu pengakuan dibuat oleh orang yang dituduh sebelum dia dibawa untuk dibicarakan dan adalah sesuatu yang sah di sisi undang-undang untuk mendapatkan suatu pengakuan melalui penyiksaan, sekiranya perlu dan tukang seksa itu tidak bertanggungjawab kerana tindakan mereka semata-mata atas perintah orang lain!

Gabungan kesemua faktor di atas membawa kepada hampir kepada tahap yang tidak dapat dielakkan, kepada kematian seorang tawanan dan kepada penyiksaan kejam beberapa orang lagi.

Empat orang wanita di antara yang dibawa pergi untuk soal siasat. Tiga orang wanita Eropah dari Changi:

- (i) Cik (Dr.) Cicely Williams (23.10.43 – 25.3.44)
- (ii) Puan Bloom (22.10.43 – 25.3.44)
- (iii) Puan D. Nixon (2.4.44 – 7.11.44)

Tiada seorang pun di antara mereka di atas diseksa dan tiada



juga dikenakan tuduhan atas jenayah yang dilakukan, tetapi mereka masih menderita oleh tekanan keadaan yang dahsyat, ketiadaan hak bersendirian bagi wanita, bersesak-sesak dalam bilik yang ngeri (dianggarkan oleh R.H. Scott, luas bilik itu cuma seluas 18 inci persegi bagi seorang tawanan) dan makanan yang daif dari segi kualiti dan kuantiti, sama ada mereka ditempatkan di dalam bilik di YMCA di Smith Street atau di Balai Polis Pusat.

Tetapi wanita keempat, seorang Cina, Puan Elizabeth Choy, bukan dari Changi, mengalami penyeksaan yang kejam, sesetengahnya dilakukan di hadapan suaminya, Choy Koon Heng. Suaminya, dan seorang jururekod bekerja dengan Syarikat Borneo, menjalankan perniagaan di kantin Hospital Miyako dan di situlah dia bertemu John Long, drebar ambulans kami, ketika dia datang dengan tiga orang pesakit dari Penjara Changi. Tidak berapa lama sebelum Long dan Choy suami isteri, mengelolakan perkhidmatan berita yang rapi yang membolehkan kem kami sentiasa mendapat setiap maklumat atau khabar angin berpunca dari Singapura. Untuk mereka yang berkenaan kami terpaksa membayar dengan harga yang tinggi, John Long dihukum bunuh dan Choy Koon Heng dihukum penjara 12 tahun pada bulan Mei 1944, sementara isterinya dibebaskan setelah tujuh bulan dalam penjara kerana soal siasat.

Seorang lagi yang menderita kekejaman dalam tangan Kempitai ialah J.L. Wilson, Paderi Besar Singapura. Dia tidak terus ditahan selepas kejatuhan Singapura, tetapi berjanji tidak melarikan diri sehingga Mac 1943. Apabila dia dimasukkan ke Changi, dia membawa sejumlah wang yang banyak, ada yang mengatakan sebanyak \$75 000.00, yang dipungut dan diberi kepadanya untuk faedah orang tawanan di Changi. Adanya wang yang banyak di dalam kem segera menimbulkan kecurigaan Kempitai pada 10 Oktober 1943, dan Bishop dibawa pergi pada 17 Oktober dan disoal siasat sehinggalah dia dibebaskan pada 26 Mei 1944. Di samping menderita dengan 200 sebatan daripada enam orang pengawal bergilir-gilir, Kempitai gagal membuat beliau mengaku bahawa wang itu bertujuan membiayai kegiatan subversif. Ada yang menggelarnya *Lawrence of Malaya*. Dalam hubungan ini tidaklah ketara sekiranya tidak dijumpai segera dalam bilik Bishop senaskhah buku Lowell Thomas *Life of Lawrence of Arabia* yang saya pinjamkan baru sehari dua sebelum *Double Tenth*. Biliknya bersebelahan bilik saya.

Senarai orang tawanan yang meninggal dunia akibat soal siasat "Double Tenth"

Nama	Tarikh Ambil	Tarikh Pulang	Tarikh Mati	Tempat dan Punca Kematian
A. Buchanan Dr. C.A. Stanley	10.10.43 10.10.43	- -	3.2.44 2.12.44	Hospital Miyako. Berak darah. Tanam di kubur yang diketahui. Menurut saksi utama, dia disiksa dengan kejam. Cuba bunuh diri selepas tandatangan pengakuan palsu, disiksa lagi selepas tulang punggungnya patah kerana terjun melalui tingkap. Hospital Kandang Kerbau, berak darah.
W.L. Stevenson	10.10.43	-	6.1.44	Hospital Miyako. Mendengar radio di Blok 'B', disiksa teruk, berak darah.
D.V.P. Perry	15.10.43	21.9.44	21.9.44	Hospital kem, disiksa, beri-beri.
J.S. Long	(16.10.43) (25.11.44)	7.10.44	27.11.44	Dibunuh; atas tuduh "mengintip" berhubung dengan minyak kerana dia staf Asiatic Petroleum Co (Shell Co).
J. Adrian Clarke N. Coulson	18.10.43 27.10.43	- -	21.3.44 17.7.44	Hospital Miyako; disiksa dan berak darah. Mayat balik ke kem, teruk kena seksa dan berak darah.
S.A. Hagger	27.10.43	8.4.44	Julai 1945	Hospital kem; disiksa diikuti sakit kronik dalam perut.
H.E.W. Brying	4.11.43	-	1.2.44	Hospital Miyako; disiksa dan berak darah.

*sambungan* Jadual

Nama	Tarikh Ambil	Tarikh Pulang	Tarikh Mati	Tempat dan Punca Kematian
S.M. Middlebrook	2.12.43	18.10.44	19.10.44	Hospital kem; diseksa teruk, berak darah dan beri-beri; 'jenayah'nya menjadi Pengerusi Jawatankuasa Membina Semula Singapura.
Dr. J.H. Bowyer	16.1.44	14.10.44	1.11.44	Hospital kem; beri-beri dan berak darah.
H. Fraser	19.2.44	24.7.44	25.7.44	Hospital kem; berak darah teruk.
H.C.R. Rendle	1.4.44	28.10.44	26.10.44	Mayat balik ke kem; berak darah dan beri-beri.
M. Pensler	1.4.44	24.10.44	2.11.44	Hospital kem; beri-beri diikuti radang selaput paru-paru dapat dalam lori terbuka.
A.W.W. Ker	1.4.44	27.7.44	25.9.44	Hospital kem; barah perut, lemah jantung.

*Catatan:* Seorang lagi mangsa peristiwa "Double Tenth", sungguhpun bukan tawanan Changi, ialah seorang Serani bernama Cornelius pernah bekerja dengan Syarikat Elektrik Johor di Johor Bahru. Dia ditangkap oleh Kempitai pada 20 Oktober 1943 dan dituduh kerana mengirim wang \$200.00 kepada seorang tawanan Eropah. Akibatnya dia dibelasah teruk berterusan dari pukul 2.00 petang hingga 10.00 malam 21 Oktober, dan dia didapati mati pada pagi subuh 22 Oktober.\*

Oleh sebab kurang bukti dan sebab penyakit yang serius serta kematian ramai orang penting yang disyaki, cuma lapan orang dibawa ke perbicaraan dan dihukum (dan tiga daripada mereka ialah Skwad Buang Sampah yang tidak kena-mengena dengan "Double Tenth"). Berikut ialah butiran mereka yang dibicarakan dan dihukum:

Nama	Tarikh Ambil	Tarikh Pulang	Hukuman	Tuduhan Jenayah
R.H. Scott	10.10.43	28.2.45	6 tahun kerja berat	Mendengar Berita BBC dan menyebarkannya dalam kem.
L.R.F. Earl	26.4.45 (kali ke-2)	19.8.45	6 tahun kerja berat	Mendengar Berita BBC dan menyebarkannya dalam kem.
J.S. Long	25.11.44 (kali ke-2)	27.11.44	Mati dibunuh	Mengelola khidmat berita; mengintip.
W.T. Cherry	26.14.44	19.8.45	4 tahun kerja berat	Membawa masuk set wayarles serta alat ganti
Dr. R. Calderwood	29.1.44	19.8.45	4 tahun kerja berat	(Tidak dinyatakan)
R.W. Smith } H.P.O'Neil } F.I.V.Gow }	27.3.42 27.3.42 27.3.42	24.11.44 24.11.44 24.11.44	2 tahun kurungan bersendirian tiap seorang	} Kesemua mereka adalah } } pemandu Lori Skwad Buang Sampah; dihukum } } kerana bercakap 'anti-Jepun'. Ketiga-tiga me- } } reka mati dalam penjara.

Catatan ini berdasarkan beberapa fakta dalam *The Double Tenth Trial* oleh Siceman & Silkin (Holdge, Edinburg 1951)\*\* dan juga *The Double Tenth Trial* disunting oleh Bashir A. Mallal (*Malayan Law Journal Office*, Singapore 1947).

\*Cornelius yang berani, ketika itu bekerja dengan Atlas Ice Works, Singapura, bersetuju untuk membekal kepada bekas majikannya, Tuan Herdman, seorang tahanan dengan alat ganti radio bagi set radio yang ketiga. Alat itu diseludup masuk ke Penjara Changi oleh seorang India bernama Francis, yang juga seorang pemandu motorak Komandan Jepun. Oleh sebab motorak diservis oleh Bengkel Kem, dikelolakan oleh orang tahanan, maka mudah diatur seolah-olah motorak mengalami kerosakan enjin apabila alat radio dibawa bersama, dan dengan mudah dibawa ke bengkel untuk dibaiki. Justeru itu motorak tidak pernah diperiksa. Kesemua mereka terlibat membayar harga tinggi, Francis, pemandu Herdman diseksa dan Cornelius dibelasah hingga mati. Istri dan saudara Cornelius juga ditangkap, tetapi kematian Cornelius tidak pernah diberitahu sehingga setahun kemudian apabila isterinya menerima abu mayat suaminya.

\*\*Mahkamah Jenayah Perang yang membicarakan Kempitai atas tuduhan tindakan kejam mereka berhubung dengan peristiwa "Double Tenth" berlangsung di Bangunan Mahkamah Tinggi, Singapura, antara 18 Mac dan 15 April 1946. Seramai 21 orang dituduh dibawa ke mahkamah, lapan daripadanya termasuk Leftenan Kolonel Sumida, Pemerintah Kempitai Cawangan Singapura, dihukum mati. Seramai empat orang lagi dihukum penjara seumur hidup, seorang dihukum 15 tahun, dan dua orang kena penjara 8 tahun. Bakinya didapati tidak bersalah kerana kurang bukti. Tidak hairan, penguambela Tuan Hori melahirkan rasa berterima kasih kerana perbicaraan yang sangat adil itu.

Tidak secebis bukti keterangan dapat dikeluarkan untuk memperkukuh tuduhan Kempitai bahawa Penjara Changi melindungi suatu kumpulan pengintip yang menggunakan radio waylars untuk menghantar berita kepada suatu pasukan kawalan di Johor yang bertanggungjawab meletupkan kapal-kapal Jepun di Pelabuhan Singapura pada 27 September 1943.

Pihak Pendakwa terpaksa mengalami dua halangan. Pertama, kesukaran mendapat saksi yang mampu mengingati semula dengan tepat dan terperinci akan peristiwa yang berlaku dua tahun dahulu. Kedua, ketidakhadiran 15 orang saksi utama bagi pihak pendakwa, semata-mata kerana mereka telah mati akibat layanan kejam dahulu.

## LAMPIRAN D

### Pembinaan Jalan Kereta Api Siam-Burma (Jun 1942 – Oktober 1943)

Pada bulan Jun 1942, Markas Imperial di Tokio memerintahkan Ketumbukan Tentera Selatan supaya membina sebatang jalan kereta api yang strategik menghubungkan sistem kereta api Siam dan Burma. Pembinaan suatu rangkaian sejauh 26 batu diperlukan antara Ban Pong, sebuah stesen kereta api Siam terletak 50 batu ke barat Bangkok dengan Thanbyuzayat, sebuah stesen kereta api Burma, kira-kira 35 batu di selatan Pelabuhan Moulmein.

Pada pertengahan tahun 1942, garis perhubungan Jepun dengan tentera mereka yang menduduki Burma (tersebar sepanjang Sungai Chindwin di sudut barat laut negeri itu) adalah tersangat jauh. Semua bekalan ketenteraan berjumlah sebanyak 35 000 tan beratnya seminggu, terpaksa diangkut melalui jalan laut mengelilingi hujung selatan Semenanjung Tanah Melayu. Jalan kereta api yang dirancang melalui Bangkok, tidak sahaja mendekatkan perjalanan 1200 batu, tetapi yang terpenting, akan dapat mengelak gangguan kapal selam Pihak Bersekutu. Serangan kapal selam Pihak Bersekutu yang serius menjejaskan Angkatan Laut Jepun, kerana daripada sebanyak 6 juta tan perkapalan ketika memulakan perang, kini menjelang Jun 1942 telah hilang sebanyak 91 buah kapal yang berjumlah 400 000 tan.

Memandangkan masalah ini, para jurutera kereta api Jepun memulakan kerja rancangan pembinaan, dengan berpandukan sebuah peta ukur lama British. Dengan menggunakan Ban Pong dan Thanbyuzayat sebagai pangkalan pertama, mereka merancang memulakan binaan dari kedua-dua hujung landasan, menyusur sebelah kiri atau timur tebing sungai Khwae Noi, dari Ban Pong terus ke hulu sungai. Di Tamarkan, Sungai Khwae Noi bercantum

di sebelah kiri dengan Sungai Mae Khiong yang lebih besar. Di sini dirancangan pembinaan dua buah jambatan yang besar; sebuah dibina daripada kayu untuk laluan kereta api, sebuah lagi jalan bertar dari Ban Pong. Sungai Khwae Noi akan digunakan untuk mengangkut bahan binaan dengan perahu perang.

Anggaran awal menunjukkan bahawa kerja hubungan landasan ini akan dapat diselesaikan dalam masa lima atau enam tahun. Tetapi jurutera Jepun berpendapat, dengan bantuan tenaga buruh Orang Tawanan Perang yang tidak terhad, kerja ini akan dapat disiapkan dengan lebih cepat.

Kira-kira 50 000 Orang Tawanan Perang segera diperolehi, dan pasukan pendahulu serama 3000 askar Australia, dikenali sebagai Pasukan 'A', berlepas dari Singapura dengan kereta api pada bulan April dan Mei 1942. Sejumlah 36 orang disumbat masuk ke dalam setiap gerabak, dan berjalan sejauh 1000 batu dengan mengambil masa selama lima hari lima malam. Satu lagi rombongan Orang Tawanan Perang memulakan kerja mereka dari hujung landasan di Thanbyuzayat, diangkut ke utara melalui laut, dalam keadaan yang lebih dahsyat. Berasak-asak dalam kapal barang Jepun yang kecil, dan mujur mereka terlepas dari serangan kapal selam Pihak Berssekutu atau dibom dalam pelayaran, sebelum dihumban ke darat di Pelabuhan Moulmein.

Pasukan 'A' diikuti dengan kumpulan Orang Tawanan Perang lain yang dikerah serta dipanggil Pasukan 'B', 'C', 'D', kebanyakannya didatangkan dari Berek Changi, Singapura dan Penjara Pudu, Kuala Lumpur, ada juga yang datang dari Betawi, Pulau Jawa. Pada akhir tahun 1942, kira-kira 10 000 Orang Tawanan Perang British dan Belanda memulakan kerja di sebelah Burma dan 30 000 lagi di sebelah Siam. *Three Pagoda Pass* (Genting Tiga Pagoda) di sempadan ditandakan sebahagian pembahagian dua sektor landasan.

Keseluruhan landasan dibina dari bahan tempatan dan tiada sebarang bantuan mekanik yang khas atau alatan khas yang dipakai. Cuma alatan buatan tempatan, batu dan kayu tempatan digunakan. Malah landasan besi kereta api dipunggah sama ada dari Burma, atau Keretapi Tanah Melayu. Misalnya, keseluruhan cawangan landasan kereta api antara Kuala Krai di Kelantan dan Mentakab di Pahang, sepanjang 200 batu, dibongkar dihantar ke utara, begitu juga landasan sejauh 18 batu antara Tapah dan Teluk Anson di Perak. Demikian juga, enjin kereta api

yang menggunakan kayu dibakar, biasanya sudah usang dan tidak sempurna, dirampas dari kawasan yang sama.

Pada akhir tahun 1942, angkatan tentera Jepun mengalami banyak kekalahan teruk. Kecelakaan menimpa kekuatan maritim Jepun kini meningkat sebanyak 240 buah kapal dagang yang beratnya berjumlah 1 000 000 tan, dan terasa amat perlu untuk memberhentikan laluan laut yang berbahaya ke Rangoon serta menggantinya dengan laluan darat yang lebih selamat dari Bangkok.

Langkah diambil untuk mempercepat pembinaan landasan agar segera selesai. Arahan dikeluarkan untuk menambah tenaga buruh putih Orang Tawanan Perang kepada 61 000 orang, serta menokok-tambah dengan mengambil buruh percuma anak negeri, sambil menawar gaji baik, kediaman yang sempurna serta tambahan makanan sebagai membalas perkhidmatan mereka. Lebih daripada 25 000 orang buruh bangsa Asia dari Burma, Siam dan Tanah Melayu yang menyambut tawaran itu. Bagi Tanah Melayu, kebanyakan 60 000 orang buruh yang menyertai skim itu ialah buruh Tamil yang menganggur dari ladang-ladang getah.

Sementara buruh putih Orang Tawanan Perang, dua kumpulan tambahan dikenali sebagai Pasukan 'F' dan 'H' diangkut ke utara dari Changi pada bulan April dan Mei 1943. Mereka yang malang ini, kebanyakan terdiri daripada mereka yang terlalu tua atau terlalu uzur untuk menjalankan kerja buruh, telah dihantar ke daerah terpencil lagi sukar serta berpenyakit. Pasukan 'H' diarahkan membina suatu bahagian sejauh 13 batu lebih antara Tongchan dan Hintok. Pasukan 'F' bertugas antara Kon Kuta dan Genting Tiga Pagoda di sempadan. Kecepatan rentak kerja dipanggil 'Speedo' oleh Jepun, keadaan musim tengkujuh panjang selama lima bulan yang mengerikan dan wabak kolera yang melanda menyebabkan Pasukan 'F' mengalami kematian anggotanya sebanyak 44% dan Pasukan 'H' 27%, dalam tempoh 6 bulan kerja 'Speedo'.

Walau bagaimanapun landasan kereta api itu siap dan dibuka pada 25 Oktober 1943. Kehilangan jiwa yang mengerikan kerana membina rangkaian kereta api lebih panjang dari antara Singapura dan Kuala Lumpur atau antara Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, dalam masa 18 bulan, adalah mengejutkan. Daripada seramai 61 000 orang buruh putih Orang Tawanan Perang yang bekerja di landasan ini, 12 339 orang telah mati. Daripada seramai 250 000




orang bangsa Asia yang juga bekerja di situ, hanya 30 000 orang yang dapat dikesan dan dapat kembali ke tanahair masing-masing. Mungkin ramai yang pulang tanpa rekod atas usaha mereka sendiri tetapi jumlah kematian di kalangan buruh ini pasti tidak kurang daripada 90 000 orang. Dengan perkataan lain, daripada seramai 393 orang, 47 daripadanya ialah Orang Tawanan Perang dan baki-nya buruh Asia, maut bagi setiap batu jalan kereta api yang dibina.

Sebahagian besar landasan itu kini telah dijual atau dibongkar dan cuma suatu bahagian terpendek di setiap penghujung jalan itu yang masih dipakai. Tahun 1957, penulis catatan ini yang merupakan seorang "bekas anggota buruh paksa" menerima cek daripada Setiausaha Negara sebanyak 28, sebagai sahamnya dalam "jualan Aset Jepun", termasuk di dalamnya sebanyak tiga sebagai sahamnya daripada jualan kereta api Siam-Burma.

Butir terperinci catatan ini diambil dari *Death Railway* Clifford Kinvig (Pan 1973).

LAMPIRAN



Peta 6 Pembinaan kereta api Siam-Burma (260 batu) Jun 1942 Oktober 1943



## LAMPIRAN E

### Catatan tentang Kata Pendahuluan kepada Penahanan di Changi, dan Buku Perharian

Pendahuluan kepada Penahanan di Changi berdasarkan catatan-catatan yang saya tulis di Rumah Kastam, Maxwell Road, Singapura, dalam tempoh sebulan kejatuhan Singapura pada 15 Februari, 1942 dan sebelum kami bertolak ke Penjara Changi. Kerana kami ditinggalkan Jepun bersendirian, saya mempunyai banyak kesempatan untuk menghimpun segala ingatan saya, ketika segala peristiwa masih segar dalam ingatan.

Perharian ini juga bermula pada ketika itu, pada 13 Mac, 1942, dan terus menulis perharian selepas kami berpindah ke Penjara Changi dan kemudian ke Kem Sime Road dan sehinggalah Jepun tewas.

Sehari dua sebelum "Double Tenth" 10 Oktober, 1943, saya mengambil langkah keselamatan untuk menyelamatkan sebahagian daripada perharian yang telah tertulis dengan memasukkannya ke dalam sebuah tin biskut (termasuk bersamanya alat kompas kepunyaan Coney, Jabatan Kastam) dan mematerikan tin itu di dalam pondok tukang logam. Saya menyembunyikan sementara tin itu di dalam sebuah almari penyapu di luar bilik kurungan saya dan di belakang beberapa paip air. Pada 10 Oktober, seorang pengeledah Jepun telah membuka almari itu, menyuluh dengan lampu suluh ke arahnya dan ternampak tin itu kerana lantunan sinarnya. Dia telah mengeluarkannya dan meletakkannya di atas tembok konkrit di luar bilik, dengan maksud untuk mengambilnya kemudian.

Mujur bagi saya, Fred Bailey dari sebelah bilik saya, telah dipanggil balik ke biliknya oleh seorang pengeledah lagi untuk membuka beg pakainnya yang berkunci. Fred ternampak tin itu,

sedia maklum tentang kandungannya, lalu meletak beg pakaiannya di atas tin itu sebelum turun ke bawah. Lantaran itu, Jepun terlupa untuk membawa tin tadi dan tindakan Fred sebenarnya telah juga menyelamatkan jiwa saya, memandangkan layanan kasar dan nasib kebanyakan orang tahanan yang dibawa pergi untuk apa yang dipanggil soal siasat.

Apabila menoleh ke belakang, terasa bahawa perbuatan menyimpan perharian adalah sesuatu yang amat berbahaya, tetapi ketika mula-mula ditulis ancaman sedemikian tidak terbayang. Pada hari selepas penggeledahan saya dengan berhati-hati telah menanam tin itu di suatu sudut dalam kebun sayur<sup>212</sup> sebelah dalam penjara dan di sanalah tin itu tinggal untuk selama dua tahun sehingga saya pada 9 September 1945, menggalnya semula dan dapati selamat dalam keadaan yang amat baik. Sementara itu, saya meneruskan usaha menulis perharian dengan mengelak daripada memasukkan bahan bahaya, sedapat yang saya fikirkan.

Pembaca mungkin sangsi bagaimana saya dapat tahu dan merekod berbagai-bagai butiran berita, laporan (sering tidak begitu sah) dan khabar angin (sering luar biasa) yang tercatat dalam perharian saya.

Semua bahan ini datang dari sekumpulan tujuh atau lapan orang teman yang selalu berhimpun setiap malam antara jam 8.30 hingga 10.00 malam (jam Tokio), pada mulanya di halaman Blok 'B' di Changi dan kemudian di Kem Sime Road.

Perlu saya jelaskan bahawa hampir setiap orang tahanan dalam kem ini menjadi semacam anggota kumpulan perbincangan, yang anggotanya akan bertemu saban malam di halaman, duduk di atas bangku kayu buatan sendiri dalam suatu bulatan, sambil berbincang apa yang telah berlaku hari ini.

Berita sebenar biasanya amat kurang tetapi selalunya ada sahaja khabar angin yang menarik untuk dibincang seperti perkembangan terakhir tentang harapan kami dihantar pulang negeri, atau mungkin berita bekalan makanan yang baik seperti yang dijanjikan oleh Pemerintah Tertinggi Jepun. Pada malam-malam lainnya pula mungkin topik perbincangan mengenai keahlian atau kekejaman seorang pengawal Jepun atau perintah terbaru yang berpunca dari Tominara, Sarjan Jepun di Changi yang telah menjadi duri dalam daging sehingga ke akhir tahanan.

<sup>212</sup> Untuk mengetahui tempat yang tepat, lihat "d" dalam Rajah 1.


Sekiranya salah seorang kami atau ada orang tahanan lain keluar ke Singapura kerana tugas, maka banyaklah lagi perkara yang dapat dikumpul sebagai berita atau dibuat kesimpulan dari apa yang dilihat atau didengar semasa di sana.

Kumpulan kami khasnya mengandungi lima orang pegawai kastam yang telah saya kenali beberapa tahun lampau dan saya temui semula mereka di Rumah Kastam. Mereka ialah Sam Hall, Arnold Gridley, Coney, Johny Johnston dan saudara saya John. Juga di dalamnya dua orang doktor, Dr. Bain seorang doktor per-sendirian di Singapura dan seorang lagi Dr. Braine, doktor kerajaan. Selebihnya ialah dua orang pegawai pendidikan kerajaan, Noel (atau "Tinggi") dan saya sendiri.

Tidak seorang daripada mereka datang dari Blok 'B', Penjara Changi. Misalnya, Dr. Braine datang dari Blok 'D' yang tidak sampai ke Blok 'B'. Arnold Gridley sering menjadi sumber berita yang berkualiti kerana dia terlibat di Blok Pentadbiran. Malah ada daripada berita yang disampaikan adalah tulen berita BBC tetapi dengan cermat kami tidak membincang dari mana sumbernya atau kesahihannya atas sebab keselamatan.

Noel Rees, terkenal dengan fikirannya yang tajam, malah sebelum waktu Changi, akan menjamu kami setiap malam dengan sajak lucunya yang topikal, lazimnya cara Rabelais (penulis "satira" abad ke-16), untuk disesuaikan dengan berita hari itu. Misalnya 'Ada seorang Wanita Tua dari Bug-bug' (atau Bardia atau Tobruk) contoh baris pertama gubahannya ketika Kempen Perang Afrika Utara.

Kesemua ini membuat kami berasa seronok dan meningkatkan semangat kami dalam tempoh kegelapan ini. Saya, dan saya fikir kami semuanya, sentiasa ternanti-nanti perbualan malam begini.



## GLOSARI

A.P.C	-	Asiatic Petroleum Co. (Shell)
A.R.P.	-	Air-Raid Precautions (Persiapan Serangan Udara)
B.A.T.	-	British American Tobacco Co.
B.M.A.	-	British Military Administration
A.I.F.	-	Australian Imperial Force (Pasukan Tentera Imperial Australia)
"Budak Asia"	-	Kakitangan dapur kapal <i>Empress of Asia</i>
Beri-beri	-	Penyakit kurang zat makanan menyebabkan kaki bengkak dan sebagainya
"Dog"	-	Kelab Selangor, Kuala Lumpur
F.M.S.	-	Federated Malay States
Kempitai	-	Polis Rahsia Jepun atau Gestapo
M.C.S.	-	Malayan Civil Service (Perkhidmatan Awam Tanah Melayu)
H.M.S.	-	His/Her Majesty's Ship (Kapal Diraja)
Meriam A.A.	-	Meriam Anti-Aircraft (Meriam Penangkis Kapal Terbang)
Nippon-Go	-	Bahasa Jepun
P.O.W.	-	Prisoner of War (Orang Tawanan Perang)
Pallegra	-	Penyakit kurang zat makanan menyebabkan kulit merekah
P & T	-	Pos dan Telegraf
Syonan	-	Singapura
Syonan Sinbun	-	Akhbar <i>Singapore Times</i>
Toko-Ko	-	Pulau Pinang
R.R.I	-	Rubber Research Institute (Institut Penyelidikan Getah)



Year	Population	Area	Notes
1850	100	100	
1860	150	150	
1870	200	200	
1880	250	250	
1890	300	300	
1900	350	350	
1910	400	400	
1920	450	450	
1930	500	500	
1940	550	550	
1950	600	600	
1960	650	650	
1970	700	700	
1980	750	750	
1990	800	800	
2000	850	850	
2010	900	900	
2020	950	950	

## INDEKS

- A.B. Jordon, 273  
A.B. Kinsey, 171  
A.B.A.T., 261  
A.C. Boyd, 258  
A.E. Mitchell, 373  
A.H. Gridley, 180, 239, 259, 271, 306, 307  
A.I.F., 44, 64, 99, 100, 101, 116, 117, 150, 417  
A.N. Wyld, 171  
A.R.P., 22, 228, 346, 353, 354, 356, 357, 371  
A/S Company, Batalion Pertama Perak, 63  
Abdul Aziz, 75  
Adams William, 1, 2, 25  
Adrian Clarke, 193, 205, 270, 272, 280, 286, 287  
Afrika Selatan, 317  
Air Hitam, 66, 97  
air kencing, 259  
Akyab, 214  
Alen Ker, 360  
Allen, 129, 158  
Alor Star, 21, 186, 178, 200, 348  
Ambler, 223  
Amerika Syarikat, 134, 224  
Amstutz, 182, 183, 186  
Andre, 196  
Andrew Robb, 38, 43, 60, 104, 418  
Andy Steward, 38, 43, 60, 100, 101, 115  
Anggota Divisyen Pengawal Imperial, 115  
Anggota Perancis Bebas, 169  
Anggota Polis Kem, 168  
Angkatan Laut British, 349, 259  
Angkatan Laut Jepun, Solomon, 224  
Angkatan Laut Jepun, 19, 148  
Angkatan Laut Perancis, 11  
Angkatan Udara Diraja, 34  
Ansell, 101, 103, 104, 126, 127, 219  
Anthony Eden, 250  
Anzac, 6  
Anzac Cafe, 144  
Anzac Club, 121  
Aplin, 151  
arahan tembak, 32  
Archdeacon, 273  
Archdeacon Graham White, 263, 393  
Argyles, 35, 51, 100, 189  
Armada Tentera Udara Jepun, 66  
Arnold Gridley, 119, 122, 126, 131, 141, 145  
Arumugam, 35  
Asahan, Melaka, 69, 70, 75  
Asahan-Relau, 74  
Asahi, 206, 208, 209, 218, 236, 243, 252, 256, 258, 266  
*Asama Maru*, 181, 198, 199,  
Ashton, 177  
Asia Timur, 207  
Askar Australia, 44, 55, 63, 73  
Askar British, 134  
Askar India, 36, 92  
Askar Jepun, 33, 50, 124, 59, 92,  
Askar Kemerdekaan India, 336  
Askar Melayu, 168, 192, 223  
askar meriam Bofors, 53  
Asley-Cooper, 343  
Atkin Berry, 260  
Australia Rose Force, 139  
Australia, 223  
Auten, 158, 168, 187  
Axis, 215, 223

- Bagan Datoh, 48, 161, 192  
 Bagnall Sir John, 150, 171  
 bahasa Melayu, 137  
 bahasa Welsh, 172  
 Bahau, Negeri Sembilan, 386  
 Balai Polis Kem, 182  
 Balai Polis Pelabuhan, 53  
 Balai Polis Pusat, 327  
 Balai Polis Segamat, 76  
 Balai Polis Tangkak, 71  
 Balfour Ross, 166  
 banduan Eropah dan Asia, 204  
 banduan tulen, 152  
 Bangkok, 223  
 Bangunan Boustead, 130  
 Bangunan Capitol, 121  
 Bangunan Fullerton, 121, 169  
 Bangunan Institut Peluau, 128  
 barah kerongkong, 325, 331, 371, 393,  
 408  
 barah perut, 370  
 barah, 267  
 Barnard, 294  
 Batalion Perak, 125  
 Batang Berjantai, 59, 63  
 Batu Pahat (Johor), 78, 91, 93, 100,  
 121, 170  
 batuk kering, 359, 400  
 Bayliss, 264  
 BBC, 289, 301  
 Beck, 156, 168, 170  
 Beddington, 339  
 Begg, 260  
 bekalan perubatan, 414  
 Bekok, 214  
 belon peninjau Jepun, 107  
 bendera Jepun, 141  
 bengkak-bengkak badan, 401, 409  
 Bentong, 268  
 Benut, Johor, 97, 99  
 berak darah, 143, 160, 180, 186, 188,  
 191, 192, 200, 212, 205, 206, 223,  
 224, 240, 244, 245, 254, 260, 312,  
 407  
 Berek Changi, 132, 257, 268, 278  
 Berek Tentera Changi, 171  
 berita Radio Tokyo, 272  
 Berita Seberang Laut BBC, 49  
 Berlin, 171, 382  
 Beverley, 276  
 Biliewicz, 321  
 Bilik 'C', 320  
 Bilik Kawalan, 214, 321  
 Bilik Pengawal Sikh, 278  
 Bilik Pengawal, 378  
 Bill Flowers, 52, 66, 67, 69, 72  
 Bill Harvey, 28, 51  
 Binnie, 261  
 Birch, 186, 192, 256  
 Birnie, 181  
 Biro Penerangan Tokyo, 207  
 Birse, 365  
 Bishop Wilson, 136, 261, 340  
 Bisseker, 162, 167, 171, 224  
 bisul, 331, 338  
 Black Jack, 104  
 Blacklin, 312  
 Blakstedt, 296  
 Blok "A", 317  
 Blok Hukuman, 157, 159  
 Blok Wanita, 159, 163, 171, 188, 208,  
 210, 248, 275, 276, 278, 318, 340  
 Bob Chrystal, 220  
 Bobby Crawford, 370  
 Borneo Motors, 123  
 Bowden, 313  
 Bowen, 339  
 Boyd, 258  
 Br. Byron, 320  
 Braddon, 153  
 Bretherton, 264  
 Brewster Buffaloes, 17  
 Brigedier (Dr.) Maxwell, 101  
 Brigedier Lord, 216  
 Brigedier Maxwell, 117, 118, 119  
 Brigedier Moir, 32  
 Brigedier Murry Lyon, 33  
 British American Tobacco Co., 151  
 British, 161, 224  
 Broadhurst, 223  
 Brook, 258  
 Brother McNamara, 201  
 Brown, 260  
 budak pengakap, 168  
 Bukit Banang, 91, 97  
 Bukit Bendera, 47, 87  
 Bukit Berapit, 43, 49  
 Bukit Inas, Johor, 87  
 Bukit Kepung, 78, 80  
 Bukit Lelaki Tua, 365  
 Bukit Panjang, 110  
 Bukit Payung, 88, 89, 91, 92  
 Bukit Rotan, 59  
 Bukit Timah, 108, 112  
 Burgess, 129, 158  
 Burma Road, 11, 14

- Burma Selatan, 138  
 Burma, 11, 223, 314  
 Burns, 192  
 Burt, 191  
 Butterworth, 22
- C.C. Brown, 164, 173  
 C.G. Howell, 199, 330  
 C.U. Stafford, 194, 377  
 Calderwood (Dr.), 366  
 Cambridgeshires dan Norfolks, 97  
 Cameron Highlands, 144  
 Cannon Adams, 140  
 Carl Lawson, 164  
 Catuan dalam kem, 156, 169, 173, 176,  
 183, 183, 193, 199, 241, 271, 321,  
 394  
 Ceylon, 148  
 Chandler, 104  
 Chandra Bose, 298, 279, 413  
 Change Alley Singapura, 264  
 Changi Caledonians Society, 245  
*Changi Guardian*, 153, 156, 161, 162,  
 164, 167, 168, 169, 174, 216, 224,  
 228  
*Changi Times*, 153  
 Changi, 188, 223, 251, 335  
 Chasen (Muzium), 260  
 Cheeseman, 193  
 Cherry, 207, 296, 365  
 Chiang Kai Shek, 11, 14, 39, 86  
 China, 138  
 Chittagong, 329  
 Christie, 198  
 Christostom, 148  
 Chungking, 11, 14, 133  
 Churchill, 10, 25, 56, 161, 169, 246,  
 273, 319, 342, 370  
 Cik La Brooy, 386,  
 cirit-birit, 130, 141, 221, 227, 401  
 Clarke, 386  
 Cold Storage Orchard Road, 120, 122  
 Coleman-Doscas, 75, 153  
 Cologne, 172  
 Colombo, 223  
 Con Ballasis, 197  
 Coney, 386  
 Conte Verde, 181  
 Convent Kuala Lumpur, 194  
 Cook, 272, 285  
 Coombes, 144  
 Coulson, 350  
 Crete, 319
- Crofts, 194  
 Crosbie-Hill, 194  
 Crown Agents, 148  
 Cummins, 244  
 Curtis, 295  
 Cuthbert, 226
- D.Fraser, 369  
 Dalley, 198  
 Dalton, 329  
 Darby, 181, 194, 295, 369  
 Davis, 165, 229  
 Dawson, 136, 169, 172  
 De Burgh Thomas, 67  
 De Muth, 165  
 demam kuning, 370  
 Denison-Smith, 157  
 Dennett, 144  
 Deshima, 2  
 Dick Darby, 131, 142, 145  
 Dickinson, 279, 409  
 Dicky Evans (APC), 337  
 Dillon Corneck, 169, 181  
 Dispensari Sincere, 132, 147  
 Domei, 414  
 Dr. Ando, 204  
 Dr. Bowyer, 316, 365  
 Dr. Calderwood, 318, 367, 382  
 Dr. Cecil Wilson, 163  
 Dr. Chelvam, 132  
 Dr. Cicely Williams, 275, 278  
 Dr. Devine, 119  
 Dr. Diamond, 338  
 Dr. Donaldson, 195  
 Dr. Dugdale, 141  
 Dr. E.S. Lawrie, 286  
 Dr. Egan, 310  
 Dr. Evans, 166, 331, 381,  
 Dr. Faris, 351  
 Dr. Field, 318  
 Dr. Geale, 178  
 Dr. Gibson-Hill, 305  
 Dr. Green, 143, 294,  
 Dr. Grey, 136, 143  
 Dr. Hopkins, 168  
 Dr. Irvine, 265  
 Dr. Jelani, 299  
 Dr. Johns, 193, 258, 266, 294  
 Dr. Lawrie, 287  
 Dr. Linehan, 152, 185, 206, 264  
 Dr. Lowther, 338  
 Dr. Macmahon, 145

- Dr. Macpherson, 123  
 Dr. McKern, 260  
 Dr. McNan, 316,  
 Dr. Pallister, 315  
 Dr. Pavillard, 54  
 Dr. Reid, 231  
 Dr. Shelley, 399  
 Dr. Turner, 257  
 Dr. West, 260  
 Dr. Williams, 278  
 Dr. Williamson, 275  
 Dr. Wilson, 140  
 Dr. Wolfe, 278  
 Draper, 368  
 Duchess of Bedford, 102, 191  
 Dunlop, 367  
 Durand, 37 tahun, 172  
 Duta Nomura, 15, 199  
 Dyer, 187, 258, 265
- E.S. Tidderman, 338  
 E.V. Thomson, 175  
 East Surreys, 63  
 Eden, 396  
 Edmonds, 203  
 Edwards, 188, 324  
 Eisenger, 285  
 Elkins, 129  
 Elphinstone, 194  
 Embury, 316  
 Emden, 6  
 Emerson, 338  
 Empang Chenderoh, 204  
*Empress of Asia*, 152, 158, 191  
*Empress of Japan*, 102, 104  
 English College, Johor Bahru, 147  
 Eropah, 1, 8  
 Eureka, 53, 55  
 Evans, 162  
*Express of Japan*, 103
- F.L. Jones, 260  
 F.L. Shaw, 373  
 Farrer, 376  
 Fenner, 417  
 Ferguson, 170, 227  
 Firando, 1, 2, 25  
 Fisher, 260  
 Fitzpatrick, 206  
 Fleming, 363  
 Flores, 338
- Flying Fortresses, 199  
 Forbes Wallace, 238  
 Formosa, 5, 26, 140, 214, 223, 231,  
 232, 246, 247, 278  
 Fort Canning Road, 35, 117, 119, 142  
 Fort Canning, 35, 101, 120, 122, 125,  
 126, 127  
 Fosdyke, 195  
 Foster, 129, 158, 194  
 Foster, 170  
 Franklin Roosevelt, 390,  
 Fred Bailey, 173, 283, 305, 307, 323,  
 347, 371  
 Frisby, 264
- G.A.T. Allen, 212  
 G.E.D. Lewis, 35, 176, 195, 257  
 Gabenor Sir Shenton Thomas, 12, 160  
 Gallegan, 104, 108, 111  
 Garcia, 151  
 Garisan Mareth Rommel di Tunisia,  
 260  
 gatal-gatal badan, 314,  
 Geddes, 372  
 Gemas (Negeri Sembilan), 134  
 General Percival, 118  
 Geografi Tanah Melayu, 223  
 Gereja Anglican, 136  
 Gereja St. Andrew, 140  
 Gerwyn E.D. Lewis, 251  
 Gerwyn, 138  
 Gian Singh, 147  
 Gilfillan, 384  
 Goa, 259  
 Goering, 360  
 Gordan Graham, 387  
 Gordon Hall, 143, 158, 282, 330  
 Gorsuch, 316, 368  
 Graham, 274, 339  
 Gray, 172  
 Greece, 319  
 Gridley, 122, 126, 139, 149  
 Grik, 34, 52  
 Gurkha, 186, 215, 245  
 Gurney, 171  
 Gus Davis, 192  
 Gwyneldd, 339
- H.A.M. Parry, 277  
 H.G. Wells, 187  
 H.J. Baker, 178

- H.L. Hodge, 338  
 H.L. Weir, 188  
 H.R. Cheeseman, 168, 245, 287  
 H.R.W. Lobb, 187  
 Hackworthy, 174  
 Hacobian, 367  
 Hakim Aitken, 203  
 Hakim Sir Percy McElwaine, 167  
 harga barang, 132  
 Hari "Double Tenth", 326  
 Hari Keputeraan King, 175  
 Hari Keputeraan Maharaja Jepun, 156  
 Hari Keputeraan Maharaja Tenno Heika, 255  
 Hari keputeraan Maharaja, 269  
 Hari Ulang Tahun Tenno Heika, 392  
 Harper Ball, 325  
 Harris, 358  
 Harrison, 205  
 Hartley, 320  
 Harvey, 258  
 Hawaii, 317  
 Herr Spitz, 174, 188  
 Hill, 265  
 Hill, 342  
 Hilter, 353  
 Hockenhill, 342, 348, 361  
 Hodgkin, 305  
 Holmes, 358  
 Hong Kong, 8, 378,  
 Horace Hunter, 161, 369  
 Hospital Bentong, 268  
 Hospital Besar, 123, 135  
 Hospital Kandang Kerbau, 183  
 Hospital Kem, 324  
 Hospital Kusta Sungai Buluh, 312  
 Hospital Miyako, 157, 171, 183, 184, 187, 188, 189, 191, 193, 199, 220, 222, 224, 232, 235, 237, 243, 266, 271, 282, 292, 313, 333  
 Hospital Tentera Alexandra, 240  
 Hotel Adelphi, 121  
 Hotel Raffles, 121  
 Hotel Runnymede, 369  
 Hubback, 189  
 Hudson Bay, 152n, 168, 174, 175, 176, 193, 296, 302  
 Hughes, 182  
 Hugie Fraser, 157, 360  
 Hunter, 151, 173, 285  
 Ian Macdonald, polis, 55  
 Ibu Pejabat Kastam di Maxwell Road, 125, 126  
 import Jepun, 14  
 India Timur Belanda, 179  
*Indian Independence* (akhbar), 386  
 Indo-China, 12, 15, 18  
 Inggeris, 2  
 Inspektor Blake, 416  
 Ipoh, 32  
 Isabel dan Guadalcanar, 203  
 Issac Pitt, 181  
 Istana Lama, 114  
 Itali, 11, 26  
  
 J.L. Woods, 161, 206  
 J.N. Davies, 152, 261  
 J.R. Young, 373  
 J.S.A. Lewis, 175  
 Jabatan Bekalan Air Pulau Pinang, 150  
 Jabatan Cukai Perang, 52, 54  
 Jabatan Kawalan Makanan, 119, 129  
 Jabatan Kebersihan Perbandaran, 130  
 Jabatan Kerja Raya, 29  
 Jabatan Pertahanan Imperial, 8  
 Jabatan Propaganda Jepun, 191  
 Jackson, 192  
 Jacob, 371  
 Jalan Patani, 19  
 jambatan Batang Berjuntai, 58  
 Jambatan Iskandar, 36, 149  
 Jambatan Kallang, 139  
 Jambatan kereta api Enggor, 202  
 Jambatan Parit Sulong, 85  
 Jambatan Pekaka, 34  
 Jambatan Sungai Klang, 55  
 Jarret, 171  
 Jawa, 319, 325  
 Jawatankuasa Disiplin, 190, 193, 199, 201  
 Jawatankuasa Eksekutif Kem, 316  
 Jawatankuasa Kem, 160, 162, 163, 172, 180, 182, 195, 196, 199, 201, 203, 215, 217, 222, 237, 239, 256, 259, 267, 268, 284, 332, 333, 359, 388  
 Jementah, 153  
 Jeneral Bond, 1314  
 Jeneral Dobbie, 13  
 Jeneral Gordon Bennett, 117, 118  
 Jeneral Heath, 40, 132

- Jeneral Macrae, 169  
 Jeneral McArthur, 174, 413  
 Jeneral Montgomery, 380, 382  
 Jeneral Nishimura, 118  
 Jeneral Paton, 411  
 Jeneral Percival, 14, 16, 26, 33, 39, 109,  
 117, 118, 125, 126, 358, 406  
 Jeneral Saito, 367, 403,  
 Jeneral Sikorsky, 281  
 Jeneral Sir William Dobbie, 9  
 Jeneral Terauchi, 413  
 Jeneral Wavell, 25  
 Jeneral Yamashita, 16, 25, 26, 109,  
 118, 124, 126, 133, 185  
 Jenkins, 225  
 Jenning, 341  
 Jepun, 2, 3, 5, 6, 9, 10, 11, 15, 21, 26,  
 35, 108, 133, 341, 355, 356, 363  
 Jerman, 5, 11, 26, 193  
 Jeti Trong, 49  
 Jitra, 20  
 John Carbry, 175  
 John Ford, 272  
 John, 110  
 Johnnie Johnston, 266, 307  
 Johnny Johnston, 151  
 Johor Bahru, 99, 205, 216, 384  
 Johor Selatan, 9, 13  
 Jomaron, 35  
 jurubahasa, 55, 101, 270, 317  
 jurufoto bangsa Jepun, 12, 80  
 jurutera bangsa Belanda, 339  
 jurutera JKR, 135, 137, 146  
 jurutera Kilang Candu, 142  
 jurutera Perbandaran, 177
- kad pengenalan Jepun, 326  
 kadar upah baru, 354  
 Kagoshima, 3  
 kajiselidik kem tahanan, 328  
 Kamakura Maru, 214  
 Kampar, 36  
 Kampung Bukit Timah, 110, 121  
 Kampung Changi, 161, 285  
 Kampung Nee Soon, 110  
 kapal Amerika aktif, 330,  
 kapal Canadian Pacific, 102  
 kapal *Hauraki*, 231  
 kapal *Kuala*, 331,  
 kapal perang Jepun, 148  
 kapal RNVR, 48  
 kapal terbang, 17  
 kapal terbang Belanda, 39  
 kapal terbang Bersekutu, 202  
 kapal terbang British, 57, 90  
 kapal terbang Jepun, 15, 23, 79, 88  
 kapal-kapal Jepun, 58  
 Kapten "Gaga" David Lloyd, 44  
 Kapten Danc, 108, 231  
 Kapten Denaro, 186, 274  
 Kapten Hawes, 114, 115  
 Kapten Hawkins, 76  
 Kapten Lloyd, 52, 59, 61, 66, 69, 76,  
 139, 150, 258, 418  
 Kapten Morris, 150  
 Kapten North, 203  
 Kapten Nugent, 268  
 Kapten Palmer, 165, 224  
 Kapten Pasque, 70, 75, 101  
 Kapten Percival, 29  
 Kapten Ramsey, 318  
 Kapten Taylor, 112, 113, 116, 125  
 Kapten Thomas, 391  
 kedai kem, 166  
 Keet, 129  
 kejatuhan Tobruk, 178  
 kekurangan kayu api, 392  
 kekurangan protein, 344  
 Kelab Idris, 35  
 Kelab Selangor, 48, 179  
 kelas bahasa Welsh, 195  
 kelas kem tahanan, 157  
 kelas pengajaran, 153  
 Kelly, 320  
 keluaran pertama roti, 273  
 Kem A.I.F., 156  
 Kem Changi, 328  
 Kem Lelaki, 367  
 Kem Loyals, 104  
 Kem Orang Tawanan Perang, 174,  
 223, 266  
 Kem Sime Road, 335  
 Kem Tentera Changi, 195, 227  
 Kem Tentera Udara Diraja, 334  
 Kem Wanita, 344, 346, 347, 348 353  
 358, 361, 368, 371, 385, 394, 403  
 kemaraan Jepun, 122  
 kemasukan Amerika ke dunia Jepun,  
 3  
 kempitai, 133, 136n, 186, 213, 233,  
 243, 293, 294, 296, 297, 298, 299,  
 300, 301, 302, 305, 306, 309, 331,  
 340, 348, 354, 364, 381, 354, 360,  
 365, 366, 370, 372, 389, 418  
 Ken Archer (Sukarelawan), 261

- Kendall, 260  
 Kenneth Archer, 237  
 Kepulauan Carolines, 323  
 Kepulauan Kerimun, 171  
 Kepulauan Nicobar, 365  
 Kepulauan Solomon, 162, 200  
 Kepulauan Sprately, 353  
 kereta kebal Jepun, 19, 20  
 kerja dobi, 156  
 kes tifus tropika, 342  
 Ketua Pegawai Polis Jepun, 162  
 Ketua Pengawal Jepun, 323  
 Ketua Perancang Ketenteraan Jepun, 12  
 Ketua Polis Kem, 170  
 Ketua Skuadron Scarf, 21  
 Ketumbukan ke-5 dan ke-18 Jepun, 113  
 khabar angin, 169  
 Kharkov, 166, 167  
 Kiao Chew, 7  
 kilang Bata, 67  
 kilang Candu, 142  
 kilang proses candu, 168  
 Klang, 56  
 Kobiashi, 321, 322, 326, 337, 359, 392  
 kolam takungan air Pierce, 120  
 Kolej Melayu, 266  
 Kolonel "Black Jack" Gallegan, 44  
 Kolonel Andre, 186  
 Kolonel Bretherton, 273  
 Kolonel Kaito, 181  
 Kolonel Lord, 316  
 Kolonel Newey, 257  
 Kolonel Nomita, 298  
 Kolonel Okubo, 297  
 Kolonel Stuart, 415  
 Kolonel Tsuji, 12, 16, 26  
 Komandan Jepun, 162  
 Komodor Perry, 3  
 Kompeni 'B', 29  
 konsert Varia di Halaman 'B', 179  
 konsert Varia Hudson Bay, 174  
 konsert, 174, 175, 179, 188, 189, 196, 283  
 Konsul Swiss, 149, 268  
 Konvensyen Geneva, 353  
 Koperal "Dusty" Miller, 29, 32  
 Koperal Andrew Robb, 29, 32  
 Koperal Bill Harvey, 41  
 Koperal Chatwin, 219  
 Koperal Harvey, 42  
 Koperal Robb, 38  
 Koperal Wilding, 60, 69  
 Kor Buruh, 119  
 Korea, 6, 26  
 Kota Bharu, 12, 22, 30, 320  
 Kranji, 117  
 Krismas dalam kem, 372  
 Kuala Bernam, 56  
 Kuala Kangsar, 34, 35, 138, 144, 204, 218  
 Kuala Lumpur, 42, 43, 237, 268, 276  
 Kuala Selangor, 56  
 Kuasa Axis, 25, 203, 217, 245, 248  
 kuasa besar, 5  
 kuasa Eropah, 5  
 kuasa Timur, 6  
 kuasa-kuasa A.B.C.D., 14, 15, 18, 26  
 kuasa-kuasa besar dalam Perang Dunia, 7  
 kuasa-kuasa maritim yang utama, 7  
 Kubu Terbang, 167  
 Kudat, 55  
 kudis bernanah, 323  
 kudis kaki, 324  
 Kuiz Pengetahuan Am, 161, 174  
 kumpulan koir, 222, 267, 311, 237  
 kumpulan memungut kelapa, 161  
 kumpulan pemungut kayu api, 168  
 kumpulan wira "samurai", 3  
 kurusu, 28, 199  
  
 Labis, 78, 101  
 Ladang Gapis, 28  
 Ladang Getah Jenderata, 144  
 Lady Heath, 132, 194, 218, 329  
 Lady Shenton Thomas, 262, 406  
 Lagu "God Save the King", 169  
 Laksamana Coombs, 411  
 Laksamana Cunningham, 225, 354  
 Laksamana Jellicoe, 8  
 Laksamana Madya Spooner, 126  
 Laksamana Phillips, 23  
 Laksamana Togo, 6  
 langkah bergelap, 172  
 Langworthy (Polis), 264  
 Lapangan Terbang Kallang, 124, 215, 217, 219, 274, 367, 375, 381, 407, 410  
 Lapangan Terbang Seletar, 375  
 larangan merokok, 309  
 latihan kawat, 29  
 latihan kereta kebal, 391



- latihan Pencegahan Serangan Udara  
(A.R.P.), 283  
Laut Mediterranean, 11  
lawatan Jeneral Jepun, 325  
lawatan pemeriksaan, 269  
Leach, 202  
Lee Yan Sau, 145  
Leftenan Boss, 106  
Leftenan Frank Vanrennan, 41  
Leftenan Graham, 42, 43  
Leftenan Hembry, 38  
Leftenan Hodge, 66  
Leftenan Jeneral Dohira, 348  
Leftenan Jeneral Nishimura, 90  
Leftenan Macpherson, 189  
Leftenan Okasaki, 160, 163, 166, 169,  
175, 176, 180, 182, 183, 184, 188,  
190, 199, 201, 203, 206  
Leftenan Okuda, 166, 175  
Leftenan Perring, 60  
Leftenan Sanderson, 46, 69, 93  
Leftenan Sutherland Brown, 125  
Leftenan Suzuki, 389  
Leftenan Tetley, 196  
Leftenan Tokuda, 202  
Leftenan Vanrennan, 42  
Leftenan Victor Clarke, 46  
Leftenan Wort, 272, 285  
Leftenan, 257  
Lembaga Kesihatan Singapura, 135  
Lembaga Pelabuhan Singapura, 104,  
127  
Lesslar, 386  
Libya, 174  
Liga Bangsa-bangsa, 10  
Limbangan Jepun, 2  
Lisbon Maru, 217  
Lloyd Ketua Polis Perak, 416  
Loji Belanda, 2  
Loji Membungkus Candu, 129  
Loji Syarikat India Timur Belanda, 46  
Lord Louis Mauntbatten, 334, 418  
Lord Mounbatten, 27  
Lord Trenchard, 9, 10  
Loveday, 152  
Loyals, 101  
  
M.C. ff Sheppard, 153, 227  
M.R. Holgate, 193  
MacIntosh, 383  
Madagaskar, 162  
Maharaja Iyekasa, 1  
Maharaja Jepun, 2  
Mahkamah Tengah Polis, 416  
Mahkamah Tinggi Singapura, 163  
makan siput mentah, 359  
Maktab Melayu, Kuala Kangsar, 204  
Maktab Perguruan Sultan Idris, 96  
malarial, 186, 223, 309  
*Malay Mail*, 405  
Manchukuo, 10  
Manchuria, 5, 6  
Mandalay, 214  
Manila, 379  
Manzies, 341  
Margaret Edge, 347  
Mariners' Club, 53  
Markas Batalion, 108, 112, 114  
Markas Kempitai Jepun, 190  
Markas Tentera Fort Canning, 119,  
125  
Markas Tentera Jeneral Percival, 52  
Markas Tentera Jepun, Orchard  
Road, 133  
  
Martin, 156  
Matador, 18, 19  
Matheson, 260  
Max Perring, 44  
Maxwell, 183  
mazhab Kristian, 2  
mazhab Protestan, 2  
McCall, 241  
McFee, 213  
McIntyre, 365  
Mckerrow, 223  
McNamara, 168  
Mejar A.C. Smith, 42, 101  
Mejar Anderson, 106  
Mejar Angus Rose, 43, 44, 49, 50, 51  
Mejar Black, 77  
Mejar Fox, 194  
Mejar Harvey, 175, 291  
Mejar Henley, 231  
Mejar Jeneral Gordon Bennett, 13  
Mejar Jeneral Macrae, 193, 199  
Mejar Jeneral Murry Lyon, 54  
Mejar Jeneral Woodburn Kirby, 117  
Mejar Ramsay, 113, 116  
Mejar Rose, 46  
Mejar Spencer Chapman, 226  
Mejar Tanaka, 334  
Mejar Wyld, 186  
membakar langang, 351

- membongkok (Jepun), 157  
 Menara Jam Besar, 107  
 mencari kayu, 247, 264, 266, 272, 283, 286, 289, 320  
 mengebom rendah, 53  
 mengundi Wakil Lelaki, 325  
 mengutip puntung rokok, 165  
 menyebarkan Berita BBC, 329  
 Meredith, 191  
 Mergui, 315  
 Mersing, 121  
 Mesingan antikapal terbang, 104  
 Mesir, 188  
 Middlebrook, 363  
 Miller dan Wade, 153  
 Miller, 160, 186  
 minyak kelapa sawit, 382  
 Misi Axis, 145  
 Mordecai, 373  
 Morgan, 267  
 Morice, 285  
 mortar Jepun, 114  
 Mossolini, 162, 393  
 Moulmein, 315, 319  
 Muar, 188  
 Mukden, 10
- Naib Laksamana Udara Pulford, 126, 173  
 Nanking, 11  
 Nee Soon, 117  
 Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 8  
 Neilson, 367  
 Nelson, 266  
 Nelson, 283, 284  
 Neomoto, 321, 333  
 New Britain, 327  
 New Delhi, 216  
 Nicholson, 264  
 Noel Rees (Pendidikan), 156, 383  
 Noone, 385  
 North-Hunt, 168  
 notis perlindungan udara, 347  
 Nunn (JKR), 263
- O'Dell, 341  
 Okasaki, 192, 226  
 operasi bunuh pijat, 207  
 orang tahanan awam Jepun, 54  
 Orang Tawanan Perang (P.O.W), 102, 149, 168, 178, 194, 197, 198, 200, 223, 224, 279, 334, 357, 372  
 Orang Tawanan Perang Belanda, 242  
 Orang Tawanan Perang British, 190  
 Orang Tawanan Perang di Jerman, 187  
 Orang Tawanan Perang Gurkha, 185  
 Orang Tawanan Perang Jerman, 191  
 orang-orang tawanan di Hongkong, 216  
 Orchard Road Cafe, 145, 147, 149  
 orkestra kem, 216  
 Osborne-Jones, 172  
 Oseaf Wilson, 344  
 Oswald (MCS), 342  
 Oswald Gilmour, 291  
 Owen (Raffles College), 304, 317, 406
- Padang, Sumatera, 152, 302  
 Padang Terbang Butterworth, 21  
 Padang Terbang Ipoh, 37  
 Padang Terbang Taiping, 25, 29  
 Paderi Belanda, 171  
 Paderi Bennitt, 174  
 Paderi Besar Singapura, 265  
 Paderi Dr. Amstutz, 258  
 Paderi Eales, 201  
 Paderi Graham White, 180  
 Paderi Scot dari Butterworth, 175  
 Page (RRI), 260  
 Pagoh, 84  
 Pakatan Anti-Koumintang Antara-bangsa, 11, 26  
 Pakatan Axis, 357, 382  
 Palang Merah (Kanada), 391  
 Palang Merah Antarabangsa, 195, 219, 260, 263  
 Palang Merah di Berne, 286  
 Palang Merah di Geneva, 159  
 Palang Merah Tokyo, 383  
 Palang Merah Vitican, 356  
 Palang Merah, 134, 149, 187, 199, 202, 207, 218, 220, 226, 232, 242, 243, 249, 258, 273, 275, 277, 285, 286, 289, 313, 379, 385, 386, 390, 403, 412  
 Palembang, 120, 188, 213, 217, 234, 239, 240, 251, 260, 263, 267, 272, 302, 115n  
 Pampasan kakitangan kerajaan, 342  
 Panggilan nama, 307, 402  
 Panggilan, 213, 214, 372  
 Pangkalan Laut Singapura, 11

- Pangkalan Sultan, 114  
 Pangkalan Tentera Australia, 64  
 Pangkalan Tentera Laut, 107, 109, 116, 198  
 Panglima Satsuma, 3  
 Parit Sulong, 88, 91, 101, 116, 126  
 Parker, 303  
 Parlievidt, 205  
 Parlimen olok-olok di Changi, 216  
 Parry, 386  
 pasar gelap, 156, 192, 198  
 Pasir Panjang, 128, 168, 381  
 Pasukan 2nd Loyals, 70, 75  
 Pasukan Argyle dan Sutherland Highlanders, 43  
 Pasukan British menyerah diri di Singapura, 27  
 Pasukan Dogra, 20  
 pasukan jurutera, 55  
 Pasukan Kelengkapan Tentera Diraja, 67  
 Pasukan Koir-Kem Changi, 206  
 Pasukan Koir, 329  
 Pasukan Komunis Cina, 200  
 Pasukan Meriam Jepun, 119  
 Pasukan Pertahanan Awam, 21  
 Pasukan Pertahanan Tempatan, 159  
 pasukan petugas cari kayu, 273  
 Pasukan Polis Kem, 156  
 Pasukan Polis Tentera Jepun, 262  
 Pasukan Portugis, 1  
 Pasukan Ronda Jepun, 85  
 Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut, 168  
 Pasukan Simpanan Tentera Laut, 185  
 Pasukan Sukarelawan Tempatan, 138  
 Patani, 18  
 Patchy Green, 328  
 Patersons Simons, 223  
 Peake, 318  
 Pearce, 264  
 Pearl Harbour, Hawaii, 6, 24  
 Pearson, 55  
 Pease, 304  
 Pegawai Kelengkapan, 132  
 Pegawai Kesihatan, 145  
 Pegawai Pemerintah Tertinggi, 164  
 Pegawai Perbandaran, 129  
 Pegawai Perhubungan Australia, 120  
 pegawai-pegawai Jepun, 135, 144  
 Pejabat Luar Negeri Jepun, 389  
 Pejabat Perbandaran, 143  
 Pejabat Pos Batang Berjuntai, 59  
 Peking, 11  
 pembahagian beras, 162  
 pembatalan Matador, 20  
 pemeriksaan kesihatan, 401  
 Pemerintah Tertinggi Jepun, 15, 16, 182, 195  
 Pemerintah Tertinggi Tentera Jepun, 147  
 Pemerintah Tertinggi, 166  
 Pemerintahan Tertinggi Tentera, 65  
 pemilihan wakil lelaki, 393  
 pemilihan wakil pondok, 377  
 pemindahan orang tahanan awam, 402  
 pemotong kayu, 174, 399  
 pemungut mayat, 369  
 penagih rokok, 345  
 pendarahan dalam badan, 205  
 pendaratan Amerika di Kepulauan Bonin, 347  
 pendaratan di Changi, 121  
 pendaratan di Haadyai, 347  
 pengawal Australia, 139  
 pengawal Jepun, 179  
 Pengawal Penjara, 170  
 pengebom Nakajuma, 17  
 pengeboman, laporan di Butterworth dan Alor Star, 348  
 pengkalan kapal Jepun, 315  
 pengunduran kami dari Tambak Johor, 117  
 Pengurus Besar A.A.T. Co., 334  
 Penjara Changi, 137, 139, 145, 150, 151, 163, 184, 203, 309, 337  
 Penjara Outram Road, 146, 370  
 Penjara Pudu (Kuala Lumpur), 178, 186, 194, 195, 200, 202, 220, 276, 339  
 Penjara Taiping, 200, 220  
 Penrice, 260  
 Penseler, 269, 270, 273, 365  
 Pentadbiran Kem, 169  
 Pentadbiran Tentera Jepun, 206  
 penyakit bawahir, 334  
 penyakit bengkak-bengkak badan, 362  
 penyakit beri-beri, 340  
 penyakit kelamin, 237  
 penyakit kencing manis, 355  
 penyakit kulit, 329  
 penyakit malaria, 351  
 penyakit tifus, 351  
 penyakit usus, 223  
 peperiksaan bahasa Jepun, 218

INDEKS

- Perang Boer, 175  
 Perang China-Jepun tahun 1894 - 95, 5, 6  
 Perang China-Jepun, 26  
 Perang Dunia Pertama, 6, 77  
 Perang Eropah, 16  
 Perang Rusia-Jepun, 26  
 perangkap tikus, 345  
 perbualan anti-Jepun, 150  
 Percival, 17  
 Perdamaian Versailles tahun 1919, 7  
 pergaduhan akibat mabuk, 377  
 Perikatan A.B.C.D., 15, 18  
 Perikatan Inggeris-Jepun, 6, 7, 26  
 Peristiwa Jambatan Batang Berjantai, 58  
 perkembangan, 5  
 perkhemahan sukarelawan, 58  
 permainan bola sepak, 274  
 permainan ragbi, 134  
 Perrin, 351  
 Perry, 346, 360  
 Persatuan Sastra dan Bahasa, 153  
 persembahan jenaka, 171  
 Persetiaan Dagang Jepun-Amerika, 14  
 Persetiaan Tentera Laut, 26  
 pertahanan di Tanah Melayu, 44  
 pertahanan Inggeris di Singapura, 9  
 pertahanan Sungai Kranji, 104  
 pertandingan tinju, 175, 179  
 pertandingan Tote (pertaruhan lumba), 176  
 pertempuran di Laut Coral, 172, 176  
 Pertempuran di Segenting Kra, 341  
 Pertubuhan Penyelamat, 174, 175, 201  
 pertunjukan konsert, 171  
 pertunjukan muzik, 293  
 pesawat Brewster Buffalo, 39  
 pesawat pejuang Jepun, 17, 21, 41, 378  
 pesawat pejuang Zero Jepun, 39  
 pesawat pengebom Jepun, 52  
 pesawat terbang British, 24  
 pesawat terbang Jepun, 47, 66, 231, 255  
 pestaria Wanita, 264  
 peta Tambak Johor, 68  
 Peter Gurney, 199, 228  
 Peter Taylor, 263  
 Peters, 201, 363  
 Phear, 125, 129, 295, 363  
 Phuket, 319  
 Picadilly, 335  
 Pihak Bersekutu, 319, 325, 326, 360  
 pijat, 167, 168  
 pil Berin, 160  
 pilihan wakil pondok, 360  
 Pilihanraya Blok B, 342  
 Pilot Street, 2  
 Platun Australia, 78  
 Platun Tangkak, 69  
 Polis lalu lintas Jepun, 184  
 Polis Negeri Selat, 317  
 Polis Sikh, 202  
 Polis Tentera, 350  
 Pollock, 63  
 Pondok Orang Tua, 352  
 pondok, 131, 337  
 Pontian Kecil, 57, 99  
 Port Arthur, 5, 6, 8  
 Port Moresby, 198  
 Port Swettenham, 44, 49, 52, 56  
 Portugis, 1, 2, 25  
 Prebet Andy Stewart, 42  
 Prebet Bill Flowers, 44  
 Prebet Falanagan, 44  
 Prebet Guy McLeod, 42  
 Prebet Lewis, 42  
 Prebet Maxwell, 44  
 Prebet Melluish, 41, 42  
 Presiden Roosevelt, 15  
 Prince of Wales, 17, 22, 23, 32, 46  
 Prior (Kuala Kangsar), 260  
 Pritchard Davis, 317  
 Profesor Dyer, 188, 263  
 Puan (Dr.) Smallwood, 146  
 Puan Allen, 130  
 Puan Aziz, 109  
 Puan Bidewell, 317  
 Puan Binnie, 263  
 Puan Burgess, 158  
 Puan Chowns, 321  
 Puan Colin King, 263, 265  
 Puan Collett, 263  
 Puan Curwen, 383  
 Puan F.C. Vanrennan, 28  
 Puan Graham White, 376  
 Puan Jean Spence, 102  
 Puan Kitching, 263  
 Puan Mulvaney, 284  
 Puan Nixon, 367, 368  
 Puan Redfern, 342  
 Puan Robinson, 263  
 Puan S.J. Vincent, 182  
 Puan Selfe, 263  
 Puan Shelton Palmer, 146  
 Puan Spence, 102

- Puan Staunton, 263  
 Puan Stratton, 201  
 Puan Warren, 384  
 Pudu, Kuala Lumpur, 203  
 Pulau Formosa, 16  
 Pulau Kerimun, 186  
 Pulau Langkawi, 48  
 Pulau Midway, 175, 176  
 Pulau Pinang, 21, 34, 47, 48, 150, 156,  
 191, 349, 369 314, 320,  
 Pulau St. John, 140, 172  
 Pulau Timor, 174  
 Pulau Tioman, 378  
 Pulau Ubin, 109  
 Pusat Kawalan Makanan, 110, 129  
 pusat pasar gelap, 148  
 Pusat Tinjauan di Woodlands, 114  
 Putera Shikada, 293
- Queen Mary, 12
- R.A.F., 32, 37  
 R.D. Macleod, 160  
 R.H. Scott, 189  
 R.L. German, 155, 165  
 R.O. Jenkins, 162, 169, 172, 229  
 R.P.S. Walker, 96  
 radang selaput paru, 370  
 Radio Jepun, 275, 276, 280, 283, 284,  
 287, 288, 298  
 Radio New Delhi, 278  
 Radio San Francisco, 263  
 Radio Singapura, 272  
 Radio Tokyo, 202, 263  
 radium, ubat, 325  
 Raffles College, 366  
 Raffles Institution, 123, 269  
 Raffles Place, 121  
 Raffles Square, 21  
 Ragavan, 132  
 Rahib wanita, 261  
 Raja Musa, 32  
 Ram Dass, 145  
 Rangoon, 315  
 Ratcliffe, 271  
 Ratu Elizabeth, 204  
 Raymond Wilson, 334  
 Rejimen Cambridgeshire, 349  
 Rendle, 364  
 Repulse, 17, 22, 23, 26, 32, 46  
 Residen Belanda, 156  
 Rev. Adams, 261, 273  
 Rev. (Dr.) Amstutz, 145, 284  
 Rev. Hayter, 136, 261, 283  
 Revolusi Pro-Amerika, 276  
 Richard Sidney, 294  
 Richardson, Charles, 3  
 Richardson, 63  
 RNVR (Royal Navy Volunteer  
 Reserve), 47  
 Robb, 55  
 Robbins (Malayan Collieries), 260  
 Roeper, 165  
 Roman Katolik, 2  
 Roosevelt, 246  
 Royal Marines, 44  
 Royal Signal (semboyan), 245  
 Rumah Hijau, 365, 385  
 Rumah Kastam, 127, 128, 129, 133,  
 137, 139, 141, 156, 158, 187, 219,  
 381  
 Rumah Kastam Maxwell Road, 158  
 Rumah Kastam Singapura, 177  
 Rumah Kawalan, 142, 144  
 Rumah Pangsa Capitol, 376  
 Rusia, 5, 188  
 Russel, 168
- S.S. Hauriki, 359  
 S.S. Kudat, 44, 53, 54  
 S.S. Madura, 61  
 S.S. Mountain (Muar), 260  
 S.S. Pangkor, 54  
 S.W. Jones, 410  
 Sadao, 19  
 Saigon, 161, 169  
 sakit dalam perut, 270  
 sakit jantung, 334  
 sakit kerongkong, 228, 327  
 sakit otak, 271, 370  
 salah faham, 48  
 Salter, 129  
 Sam Hall, 280, 383  
 Samuel, 265  
 samurai, 2, 5  
 Sanderson, 44  
 Sapekong, 94  
 Sarjan Allen, 44, 62  
 Sarjan Donaldson, 44, 69, 93  
 Sarjan K.T. Lewis, 29  
 Sarjan Mejar "Starkie", 29, 63  
 Sarjan Mejar Clayton, 108, 109, 110,  
 113  
 Sarjan Mejar Jamieson, 54

- Sarjan Mejar Lee, 250  
 Sarjan Mejar Rand, 242  
 Sarjan Skinner, 52  
 Sarjan Tanaka, 404  
 Satsuma, 5  
 Savanaramuttu, 132, 148  
 Sayap Kelima, 125  
 Schweitzer, 149, 260  
 Scott, 366  
 Scully, 147  
 Seabridge, 223  
 Segamat, 64, 101, 188  
 Sekolah Anglo-Chinese, 41  
 Sekolah Clifford, 28, 218, 266, 386  
 Sekolah King Edward VII, Taiping, 145, 417  
 Sekolah Melayu Jementah, 76  
 Sekolah Penang Free, 315  
 Sekolah St. Andrew, 386  
 Sekolah St. Patrick Siglap, 284  
 Sekolah Tinggi Klang, 55  
 Sekolah Tinggi Melaka, 88  
 Sekolah Victoria Institution (Menengah), 237  
 Selat Melaka, 158  
 Selat Shimonosiki, 3  
 Selat Sunda, 322, 326  
 Selat Tebrau, 57, 108, 109, 113, 118  
 Selat Tsushima, 6  
 Sembahyang Hari Easter, 266  
 Semenanjung Liao-Tung, 5  
 Semenanjung Shantung, 5  
 Semenanjung Tanah Melayu, 9, 12, 57  
 Sempadan Kedah-Siam, 19  
 senarai kem, 159  
 senarai orang tahanan, 174, 175  
 senarai orang tawanan di Padang, 197  
 senarai orang tawanan di Palembang, 184  
 senarai sukarelawan di Kem Tentera, 176  
 senarai sukarelawan, 182  
 Sennett, 261  
 Sepanyol, 2  
 serang hendap, 51, 76  
 serangan bom Jepun, 110  
 serangan ke atas Colombo, 148  
 Shanghai, 216  
 Shebbeare, 180n  
 Shipton, 226  
 Siam, 204  
 Siam, 223, 225, 238, 244, 256, 257, 347, 349  
 Siaran radio dari Calcutta, 216  
 Sijil Persekolahan Kem, 376  
 Sim, 198  
 simpanan petrol dan bom, 29  
 Simpang Pulai, 155  
 Singapore Club, 169  
 Singapura, 6, 8, 17, 21, 22, 24, 36, 44, 52, 99, 102, 132, 284, 286, 315, 316, 322, 339, 346, 365  
 Singora, 18, 19, 201  
 Sir Dudley Pound, 56  
 Sir Harry Trusted, 152, 162, 163, 190  
 Sir John Campbell, 260  
 Sir Josiah Crosby, 18  
 Sir Percy McElwaine, 173  
 Sir Robert Craigie, 207  
 Sir Shenton Thomas, 136, 406, 415  
 Skuad Kebersihan, 392  
 Smith, 338  
 Solomon, 203  
 Spencer Chapman, 55, 62, 93  
 St. Francis Xavier, 1, 25  
 Stalingrad, 214  
 Stallworthy, 160  
 Station Hotel, 43, 55  
 statistik lengkap, 172  
 Stesen Keretapi Singapura, 54  
 Stesen Radio Jepun di Singapura, 164  
 Stesen Radio Singapura, 416  
 Stevens, 153  
 Stewart, 55  
*Straits Times*, 140, 416  
 Strickland, 152  
 Stubbs, 314  
*Suara Nippon*, 327  
 Sukarelawan Asia, 110  
 Sukarelawan Johor, 337  
 Sukarelawan Tentera Laut, 198  
 Sulawesi, 338  
 Sultan Johor, 109  
 Sultan Pahang, 147  
 Sumatera, 337, 338  
 Sungai Batu Pahat, 88, 96  
 Sungai Bernam, 57, 58  
 Sungai Besi, 370  
 Sungai Don, 188  
 Sungai Kranji, 115  
 Sungai Mandai Kecil, 106  
 Sungai Muda, 34  
 Sungai Patani, 34  
 Sungai Siput, Perak, 201  
 Sungai Trong, 49  
 Sungai Yalu di Korea, 5

- surat (poskad dll.), 37, 162, 164, 182,  
183, 184, 195, 204, 217, 218, 223,  
225, 228, 265, 272, 286, 299, 305,  
310, 383, 384, 394, 402, 403, 405,  
406
- Suzuki, 281
- Syarikat Guthrie, 263
- Syarikat India Timur, 1
- Sydney, 8
- Syonan Sinbun*, 140
- Syonan Times*, 196, 204, 207, 215, 216,  
217, 227, 229, 235, 241, 247, 248,  
250, 252, 253, 256, 277, 287, 290,  
309
- T.A. O'Sullivan, 159
- T.J. Thomas, 169, 175, 223
- T.L. White, 336
- T.P. Coe, 361, 366
- Tabung Bantuan Musim Sejuk, 207
- Tabung Bencana Asia, 222
- Tabung Kem, 156, 157, 159, 176, 178,  
187, 198, 267, 316, 382, 383
- Tabung Palang Merah, 273
- Tabung Perang Jepun, 148
- Tabung Perang, 170
- tahanan kempitai, 326
- Taiping Tin Co, 29
- Taiping Turf Club, 28
- Taiping, 33, 34
- Talbot, 53, 54, 127
- Taman Jepun Tamagawa, 160
- Tambahan bekalan makanan, 404
- Tambahan beras, 368
- Tambak Johor, 99, 100, 103, 104, 106,  
107, 108, 109, 110, 114, 118, 221,  
340
- Tanah Melayu, 101, 132
- Tanaka, 323, 379
- tanda 'V', 269
- Tanjung Malim, 55
- Tanjung Rambutan Perak, 353
- Tapah, 320
- Tatuta Maru, 199, 214
- Tawanan Kempitai, 327
- Tawanan Perang Australia, 164
- Tawanan Perang British, 217
- Tawanan perang, 159, 200, 400
- Tawanan Serani, 267
- Tawanan wanita, 176, 191, 197, 208,  
211, 214, 215, 217, 334, 338
- Teio Maru*, kapal, 292
- Tekka Taiping Tin Co., 32, 42
- Teluk Anson, 192
- Teluk Paku, 100, 101
- Teluk Tokio, 385
- Teluk Yedo, 2
- Tembok Keluhan, 152, 156, 162, 171,  
188, 259, 275
- tembok laut, 205
- Tengku Mahkota Johor, 147
- Tentera Bersekutu, 201
- Tentera Kemerdekaan India, 258, 315
- Tentera kereta kebal Jepun, 65
- Tentera Laut Imperial Jepun, 6
- Tentera Udara Diraja, 9, 10, 13, 24,  
264
- Tentera Udara Jepun, 24, 26, 107
- teriakan perang tamat, 410,
- The Jungle is Neutral*, 55
- The Polar Cafe, restoran, 143
- The Scrounger*, 183
- The War in Malaya*, 33
- Thomas dan Joseph, 205
- Tientsin, 11
- tifus, sebab kematian, 369
- Timor, 338
- Timur Dekat, 224
- Timur Tengah, 6
- Tiny Richards, 204
- Tipson, 266
- Tojo, 239, 281
- Tojo-ko, 140
- Tokinaga, 419
- Tokunaga, 393
- Tokyo, 189
- Tominara, 263 - 64, 266 - 70, 275 - 76,  
278 - 79, 281, 294, 297, 309, 316, 320,  
343, 359, 362, 373, 383, 386, 388, 393,  
394, 408, 419
- Tony Churchill, 191
- Tovey, 361
- Trans-Siberian Railway*, 5, 6
- Trevor Hughes, 175, 222, 265, 304,  
314, 317, 320, 390
- Trevor, 259
- Tribunal Jenayah Perang, 90
- Tsingtao, 7
- tuduhan mencuri gula, 363
- tugas harian, 131
- tugas mengisar beras, 323
- Tugu Peringatan Perang, 44
- Tunisia, 188
- Turrel, 371
- Tyacke (Perak Hydro), 260
- Tyndale-Powell dan Miller, 155

INDEKS

- Ucapan Tahun Baru, 374  
 Ulang tahun "Double Tenth", 362  
 Ulrich, 144  
 Union Jack Club, 121  
 Unit askar Leicester, 63  
 Unit Kawalan Makanan, 54  
 Unit M.G. West Australian, 106  
 Unit Meriam Ringan FMS, 58  
 Unit Mesingan Perak, 104  
 Unit Mesingan Vickers, 28  
 Unit Mortar India, 192  
 Unit Palang Merah, 257, 333  
 Unit Pengangkutan Australia, 77  
 Unit Semboyan, 119  
 Unit-unit Tentera Laut Jepun, 6  
 Universiti Kyushu, 134  
 Universiti New Zealand, 134
- Vanrennan, 29, 54, 62, 125, 186, 195,  
 200, 220, 226, 236, 253, 258  
 Vaughan Jones, 157  
 Veling, 205  
 Vernon Jones, 278  
 Victor Cabin, 127  
 Victoria Cross, 21  
 Victoria Point di selatan Burma, 315  
 Vitamin A, B, C, dan D, 132  
 Vitamin Abidol, 147  
 Vitamin, 132
- W. Blythe, 277  
 W.E. Jenkins, 205  
 W.H. Green, 161  
 W.S. Morgan, 264
- Wagstaff, 225  
 Wakil Palang Merah, 149  
 Wakil Tahanan Lelaki, 325, 342  
 Waldoock, 226  
 Wang Jepun palsu, 341  
*War in Malaya*, 39  
 Warsaw, 338  
 Washington, 7  
 Wei-hai-wei, 5  
 Weisberg, 150  
 Wheeler (Kastam), 225  
 Wilbraham, 129  
 Williams, 70  
 Winston Churchill, 24  
 Wiseman, 372  
 Wisma Kerajaan, 120, 169  
 Woodhouse, 334  
 Woodlands, 112  
 Worley, 270, 273  
 Wraight, 202  
 Wylie, 415  
 Wynne (Polis), 260
- Yala, 244  
 Yamamoto, 274  
 Yamashita, 119  
 Yedo, 2  
 Yong Peng, 78, 88  
 Yoxall, 340